92 - 2075

# BUMI DIPIJAK MILIK ORANG

NASKHAH CONTOH
SAMPLE COPY

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
6 JUL 1992

# BUMI DIPIJAK MILIK ORANG

**Ahmad Fawzi Basri**
**Mohd. Idris Salleh**
**Shafee Saad**

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1991

KK 324 – 5238 5101
ISBN 983-62-2244-8

Cetakan Pertama 1991
© Ahmad Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh dan Shafee Saad 1991

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Pengkatalogan dalam Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka

AHMAD Fawzi Basri
Bumi dipijak milik orang/Ahmad Fawzi Basri, Idris Salleh dan Shafee Saad.

1. PARTI POLITIK – MALAYSIA 2. MALAYSIA – POLITIK DAN KERAJAAN 3. UMNO
I. IDRIS Salleh II. SHAFEE Saad
III. J.

DDC – 324.209595

Diatur Huruf oleh Aris Typesetting
Muka Taip Teks: Baskerville
Saiz Taip Teks: 11/12

Dicetak oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd.,
No 23, Jalan Tandang,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

$18.00

M
324.209595 1
AHM

700676
APB

20 NOV. 1993
Perpustakaan Negara
Malaysia

## KANDUNGAN


Prakata xi

Bab I: Pengenalan 1

Bab II: Latar Belakang Perjuangan Orang Melayu 105

Bab III: Koleksi Ucapan Yang Dipertua UMNO 1946-56: 141

1. Kongres Melayu yang Menebus Maruah Melayu 143

   *Ucapan Dato' Onn Jaafar sebagai pengerusi persidangan Kongres Melayu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 1–4 Mac 1946.*

2. Raja-raja dan UMNO Berganding Bahu 150

   *Titah ucapan DYMM Sultan Kedah semasa persidangan agung UMNO yang diadakan di Balai Besar, Alor Setar, Kedah, pada 10 – 12 Januari 1947.*

3. Siapa yang Tidak Mahu Merdeka 152

   *Ucapan Dato' Onn Jaafar, yang dipertua agung UMNO, dalam persidangan UMNO yang diadakan di Balai Besar, Alor Setar, Kedah, pada 10 – 12 Januari 1974.*

4. UMNO – Hakikat dan Masa Depan 157

   *Ucapan akhir Dato' Onn Jaafar.*

5. Awan Mendung Kembali Berarak 171

*Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman selepas dipilih menjadi yang dipertua UMNO dalam persidangan agung UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Ogos 1951.*

6. UMNO – Pemuda Harapan Bangsa 186

*Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman kepada pemuda-pemuda UMNO dan orang ramai di Padang Kerajaan, Batu Pahat, Johor, pada hari ulang tahun Persekutuan yang keempat pada 1 Februari 1952.*

7. Menanamkan Semangat Kemerdekaan 192

*Ucapan perasmian persidangan setengah tahun Perikatan Pemuda UMNO yang diadakan di Batu Pahat, Johor, pada 20 Februari 1952.*

8. Daripada "Tabik Tuan" kepada "Merdeka" 196

*Ucapan dalam persidangan setengah tahun UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 29 Mac 1952.*

9. Berakhirnya "Hidup Melayu" 211

*Ucapan perasmian persidangan Perikatan Pemuda UMNO yang diadakan di Seberang Perai pada 12 September 1952.*

10. Darurat: Pilihanraya dan Merdeka 215

*Ucapan perasmian persidangan tahun ketujuh majlis mesyuarat agung UMNO di Seberang Perai pada 14 dan 15 September 1952.*

11. Menghadapi Ribut Taufan 230

*Ucapan perasmian persidangan agung UMNO Malaya yang diadakan di Melaka pada 4 dan 5 April 1953.*

12. Berdikari dan Kesombongan Imigran 246

*Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman dalam persidangan agung Pemuda yang diadakan di Melaka pada 3 April 1953.*

13. Halangan dan Keengganan untuk Merdeka 251

*Ucapan perasmian persidangan pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu anjuran UMNO diadakan di Johor Bahru, Johor, pada 14 Ogos 1953.*

14. Wakil Penduduk dan Makna Malaya Merdeka 259

*Ucapan perasmian perhimpunan kebangsaan yang pertama diadakan di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1953.*

15. Pemuda: Daripada Mainan kepada Politik 268

*Ucapan perasmian persidangan agung Perikatan Pemuda yang diadakan di Alor Setar, Kedah, pada 11 September 1953.*

16. Wanita dan Pilihanraya 273

*Ucapan perasmian persidangan Kaum Ibu UMNO yang diadakan di Alor Setar, Kedah, pada 11 September 1953.*

17. Perikatan: Tahap Pertama bagi Mencapai Kemerdekaan 276

*Ucapan yang dipertua dalam persidangan Majlis Mesyuarat Agung UMNO tahun yang kelapan di Alor Setar, Kedah, pada 12 dan 13 September 1953.*

18. Benar atau Salah Biar Keturunan Kita yang Menentukan 289

*Ucapan perasmian perhimpunan kebangsaan yang bersidang di Kuala Lumpur pada 11 Oktober 1953.*

19. Masa Bercakap Telah Berlalu 296

*Ucapan perasmian persidangan setiausaha-setiausaha bahagian UMNO seluruh Malaysia yang diadakan di Johor Bahru, Johor, pada 14 dan 15 Januari 1954.*

20. Kertas Biru dan Semangat Bertolak Ansur 301

*Ucapan perasmian perhimpunan kebangsaan yang ketiga diadakan di Kuala Lumpur pada 11 Februari 1954.*

21. Kekarutan Merdeka, Pecah Belah dan Kerjasama 311

*Ucapan dalam Majlis Persekutuan Wartawan Singapura yang diadakan di Capitol Blue Room, Singapura, pada bulan Mac 1954.*

22. Kebimbangan UMNO dan Kekarutan British 316

*Ucapan perasmian persidangan agung tergempar yang diadakan di Melaka pada 18 April 1954.*

23. Apa Kemahuan Orang Kita? 323

*Ucapan perasmian persidangan agung UMNO yang diadakan di Pulau Pinang pada 16 dan 17 Oktober 1954.*

24. Mengapa Perikatan Dibentuk 340

*Ucapan di Universiti Malaya pada 17 Mac 1955 anjuran Kelab Sosialis Universiti Malaya.*

25. Pandang Kiri dan Pandang Kanan 349

*Ucapan melalui Radio Malaya yang dipancarkan pada 3 April 1955.*

26. Kita Akan Merdeka: Turun atau Naik 356

*Ucapan dalam majlis perasmian rumah UMNO pada 31 Julai 1955.*

27. Demokrasi dan Penghormatan 358

*Ucapan pertama Tunku Abdul Rahman sebagai ketua menteri dalam upacara perasmian Majlis Undangan Federal yang dipilih pada 31 Ogos 1955.*

28. Biro Merdeka, Pengampunan dan Dasar Negara 368

*Ucapan yang dipertua UMNO Malaya dalam persidangan agung UMNO tahun yang ke-10 pada 25 dan 26 Disember 1955.*

29. Rombongan Merdeka dan Perasaan Nasionalis 386

*Ucapan dalam majlis menyambut rombongan merdeka di Melaka pada 20 Februari 1956.*

Bab IV: Penutup 395

Lampiran:

1. Ucapan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, yang dipertua UMNO, dalam perhimpunan agung UMNO yang ke-19 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 30 dan 31 Julai 1966 bersamaan 20 tahun UMNO ditubuhkan. 411
2. Memorandum to the Reid Constitutional Commission pada 27 September 1956. 436
3. Perutusan YTM Tunku Perdana Menteri sempena sambutan Hari Kemerdekaan 31 Ogos 1959. 453
4. Minit perjumpaan Alim Ulama Se-Malaya di Muar, Johor, pada 21 dan 22 Februari 1950 dan resolusi Perjumpaan Alim Ulama Se-Malaya di Muar 1950 dan di Kuala Lumpur 1951. 455
5. Pernyataan persidangan tahunan Mesyuarat 467

Wanita UMNO di Pulau Pinang pada 15 Oktober 1954.

6. Minit perhimpunan agung tahunan UMNO ke-19 pada 16 dan 17 Oktober 1954. 473

7. Minit perhimpunan agung khas UMNO pada 4 Jun 1955. 500

8. Anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaya 1956. 512

9. Tarikh penting dalam UMNO 1946-56. 516

Bibliografi 525

Indeks 533

514–524

# PRAKATA

Buku ini disusun dengan tujuan menambahkan pengetahuan tentang sejarah perjuangan UMNO yang sinonim dengan perjuangan orang Melayu dalam mencapai kemerdekaan. Buku *UMNO 10 Tahun* yang diterbitkan pada tahun 1957, dalam cetakan Jawi, telah menjadi usang bagi generasi baru selepas merdeka. Mereka tidak mengetahui betapa deritanya kehidupan orang Melayu sebelum merdeka, dan buktinya orang Melayu sehingga kini masih mewarisi kekayaan dari segi kemiskinan hidup. Dalam zaman pembangunan, selepas merdeka, orang Melayu sudah jatuh miskin dari segi semangat. Kesenangan telah melalaikan mereka. Anak-anak generasi kini tidak banyak yang menghayati sejarah perjuangan Melayu. Lantas mereka terperangkap dalam suatu keadaan memahami sejarah diri mereka melalui kaca mata orang lain dan budaya orang lain.

UMNO telah menempuh zaman permulaan hingga merdeka; kini UMNO mengalami perubahan berikutan perubahan nilai masyarakat Melayu. Kalau dulu nasionalisme Melayu yang menyatupadukan Melayu, membunuh Malayan Union dan dapat menebus maruah Melayu, kini nasionalisme UMNO sudah dikatakan sempit, bertentangan dengan Islam dan sebagainya. Buku ini merakamkan pemikiran politik UMNO pada tahun 1940-an dan 1950-an. Kesebatian Melayu dengan UMNO menjadikan UMNO sebagai parti teras dalam politik Malaysia. Perubahan dalam UMNO turut memberi kesan kepada proses politik di Malaysia.

Pada tahun 1986, buku ini disemak semula. Satu pengenalan juga telah dibuat dengan memasukkan teori serta kon-

sep politik bagi memudahkan pembaca membuat analisis ucapan tersebut. Keseluruhan buku ini diharapkan memberi manfaat kepada pembaca umum, khasnya bekas ahli UMNO, ahli UMNO dan bakal ahli UMNO serta peminat politik di Malaysia.

Semoga buku ini dapat membantu perpaduan Melayu dengan menjadikannya sebagai suatu nostalgia yang membuktikan telah hadir semangat perpaduan dan kecemerlangan UMNO dalam menegakkan maruah bangsa, kerana 1946–1956 adalah zaman perjuangan UMNO.

Dalam usaha menyusun buku ini tentu terdapat beberapa kelemahan. Itu merupakan kekurangan yang perlu diperbaiki pada masa akan datang, paling tidak buku ini akan memberi manfaat kepada generasi muda hari ini, dan melihat betapa dengan kegigihannya dan dengan izin Allah S.W.T. UMNO telah menyelamatkan maruah Melayu. Sejarah baru UMNO dalam babak kedua untuk beberapa dekad baru sahaja bermula. Semua yang telah berlaku adalah suatu sejarah yang pahit, dan dijadikan sempadan dan teladan atau iktibar. Namun sejarah tidak dapat menafikan peranan utama UMNO dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu serta mencorakkan politik negara ini.

Dalam buku ini juga dilampirkan ucapan yang dipertua UMNO di perhimpunan agung UMNO ke-19 pada 30 Julai 1966, iaitu 10 tahun sesudah Malayan Union berakhir dan 9 tahun selepas merdeka. Ucapan-ucapan yang dibukukan ini diberikan tajuk yang disesuaikan dengan kandungan teks ucapan tersebut. Memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Reid 1956 mungkin banyak faedahnya kepada pemimpin politik hari ini dan generasi muda yang belum tercemar persepsinya, untuk melihat 'Sejarah Kenegaraan Malaysia'. Salinan minit mesyuarat Persatuan Kelima Se-Malaya anjuran UMNO pada tahun 1950 dapat memperlihatkan peranan nasionalis UMNO terhadap usaha menegakkan syiar Islam serta daripada persidangan ulama ini misalnya melahirkan Parti Islam Se-Tanah Melayu (Pas) kemudiannya. Minit mesyuarat Wanita UMNO 15 Oktober 1954 dapat mengungkapkan kesedaran politik wanita Melayu dan perjuangan mendapatkan

kuasa 'wanita' oleh pilihanraya kebangsaan. Manakala minit perhimpunan agung UMNO pada 16 – 17 Oktober 1954 merakamkan bagaimana UMNO melintasi krisis undi tidak percaya terhadap pucuk pimpinannya. Manakala seseorang perwakilan pula dapat mengingatkan kita yang mereka yang berjasa kepada UMNO dalam mencorakkan hasil kemerdekaan 1957. Senarai ahli Majlis Tertinggi UMNO 1956 adalah untuk mengabadikan pucuk pimpinan yang mereka cipta bersama untuk mencapai kemerdekaan pada 1957, yang mencapai kejayaan dengan pengisytiharan tarikh kemerdekaan di Melaka pada 20 Februari 1956. Coretan tarikh penting bagi UMNO 1946-56 dapat membantu pembaca membuat intisari peristiwa 'Hari ini dalam Sejarah UMNO'.

Kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan yang memberikan galakan. Terima kasih tidak terhingga kami ucapkan kepada Noorhaliza Ramli, yang menaip manuskrip buku ini dari mula hingga akhir. Seterusnya kepada semua kakitangan Sekolah Pengajian Asasi serta pihak Universiti Utara Malaysia yang sentiasa menggalakkan kakitangan akademiknya berkarya dan menyumbangkan pengetahuan kepada masyarakat umum.

Di atas robohan kota Melaka,
Kita bangunkan jiwa merdeka;
Bersatulah Melayu seluruh baka,
Membela hak keadilan pusaka.

AHMAD FAWZI BASRI

IDRIS SALLEH

SHAFEE SAID

10 Mei 1989

# BAB 1

# PENGENALAN

# BAB 1

# PENGENALAN

Akhbar *Merdeka* keluaran Februari 1988 sudah merasai bahang kehancuran UMNO. *Merdeka* memetik kata-kata presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad:[1]

> UMNO tidak akan hancur kerana serangan musuhnya, tetapi UMNO boleh hancur kerana pecah belah dalam parti, dan sengketa di antara ahli-ahli UMNO.
>
> ... cintailah UMNO dan bukan orang-orang tertentu di dalamnya dan janganlah sekali-kali sayang kepada seseorang sehingga sanggup UMNO dipecah-pecahkan.

Akhirnya, UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 itu 'mati' pada hari Khamis 4 Februari 1988. 'Matinya' UMNO adalah disebabkan 'statusnya' yang tidak sah di sisi undang-undang.[2] Keputusan mahkamah mengisytiharkan 'kematian' UMNO adalah sebab yang *immediate*. Terdapat banyak faktor lain yang membantu berakhirnya sejarah UMNO 1946, badan yang telah dapat menyatupadukan orang Melayu dan menamatkan cita-cita kolonialisme kapitalis British melalui *Malayan Union*.[3]

Akhbar *Merdeka* membayangkan beberapa faktor 'kehancuran' UMNO:[4]

1. "Ahli-ahli UMNO patuh kepada adat resam dan tradisi parti yang disanjung tinggi dan diamalkan dari peringkat cawangan hingga ke peringkat perhimpunan agung. Pegangan kepada amalan mulia itulah

yang telah membawa kejayaan cemerlang kepada UMNO".

2. "... ramai ahlinya yang membelakangkan tradisi, yang tidak berprinsip dan menggunakan pelbagai taktik kotor semata-mata untuk kepentingan diri dan golongan tertentu, mendahulukan cita-cita mereka daripada kepentingan dan perjuangan suci UMNO".
3. "Dalam UMNO sudah terdapat terlalu ramai yang mengutamakan hasil jangka pendek tanpa memikirkan hidup mati bangsa dan maju mundurnya parti kita. Dalam UMNO juga ada yang sudah tidak mahu menurut kehendak dan peraturan melalui perlembagaan yang sama-sama kita wujudkan".
4. "... semua ahli UMNO perlu berpegang teguh kepada konsep perjuangan UMNO, bukan berjuang untuk kepentingan golongan tertentu atau puak".
5. "Jika ingin melihat kuasa politik UMNO terus kekal dan berpengaruh, mestilah memelihara semangat perpaduan dan kesetiaan kepada perjuangan parti pada sebilangan masa".[5]

Wan Mohd. Mahyiddin, bekas pegawai penyelidik UMNO pula menyatakan, "Dalam perjalanan UMNO itu kadang-kadang terdapat kelemahan yang dikatakan disebabkan ketiadaan ideologi ... [dengan ini] kedudukan parti mereka [UMNO] akan meruncing pada masa-masa hadapan dengan adanya persaingan daripada kumpulan-kumpulan ideologi yang lain."[6]

Seperkara lagi yang membawa kepada "kehancuran" UMNO menurut akhbar *Merdeka:*[7]

> ... dan agak sukar bagi seseorang pemimpin menjayakan sesuatu perkara yang positif jika terdapat ramai pengikutnya sentiasa diselubungi kecurigaan terhadapnya. Beberapa organisasi politik telah menempuh jalan buntu untuk bergerak maju kerana dilanda penyakit krisis keyakinan ...
>
> Mengikut kajian sejarah di peringkat antarabangsa mahupun di negara kita, adalah didapati bahawa seseorang pemimpin (pemimpin-pemimpin) dapat melaksanakan se-

suatu dasar negara dengan jayanya kerana mendapat sokongan padu daripada pengikut-pengikutnya.

Dalam mengkaji UMNO dan politik Melayu, beberapa tahap perkembangan dapat dikategorikan iaitu:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | 1946-1948 | – | Tahap pembinaan penyatuan Melayu melalui UMNO. |
| 2. | 1948-1950 | – | Tahap penyusunan organisasi. |
| 3. | 1950-1953 | – | Tahap perpecahan awal. |
| 4. | 1953-1956 | – | Tahap perjuangan kemerdekaan. |
| 5. | 1956-1958 | – | Tahap zaman merdeka. |
| 6. | 1958-1960 | – | Tahap cabaran zaman merdeka. |
| 7. | 1960-1963 | – | Tahap pembangunan dan kestabilan. |
| 8. | 1963-1966 | – | Tahap penyatuan Melayu. |
| 9. | 1966-1969 | – | Tahap menghadapi cabaran daripada bukan Melayu. |
| 10. | 1969-1971 | – | Tahap era baru. |
| 11. | 1971-1973 | – | Tahap keretakan dan penyisihan. |
| 12. | 1973-1976 | – | Tahap kestabilan elit pemerintah. |
| 13. | 1976-1978 | – | Tahap ujian kepemimpinan dalaman. |
| 14. | 1978-1982 | – | Tahap pergolakan awal rejim baru. |
| 15. | 1982-1984 | – | Tahap perpecahan dan puak. |
| 16. | 1984-1986 | – | Tahap konflik dan dilema "kehancuran". |
| 17. | 1986-1988 | – | Tahap "kematian" UMNO. |

Empat tahap yang awal akan dijadikan tumpuan kajian. Buku ini mengandungi ucapan yang dipertua atau presiden UMNO dari 1946 hingga 1956. Namun demikian sedutan ucapan presiden UMNO yang dibukukan dalam *UMNO 10 Tahun* dapat membantu kita menggalurkan pemikiran politik Melayu sebelum merdeka.

Dalam mengkaji pemikiran politik ini, kita akan melihat tahap-tahap perkembangan berasaskan konsep-konsep ilmiah seperti falsafah politik, ideologi, sirkulasi elit, kuasa dan status serta pengaruh.

Sebagai memulakan pembicaraan ini, elok dijelaskan dahulu pengertian teori politik,[8] iaitu suatu pokok pemikiran yang cuba menilai, menjelaskan dan meramalkan gejala-gejala politik. Dalam teori politik termasuklah idea, nilai dan konsep politik. Terdapat dua cabang dalam teori politik. Pertama, falsafah politik atau yang disebut teori normatif, iaitu berkaitan dengan nilai, analisa, kesejarahan dan spekulasi. Yang kedua ialah teori empiris yang cuba menjelaskan dan meramalkan penelitian awal, mengumpul informasi melalui perumusan model-model abstrak dan pernyataan yang boleh diuji secara akademik.[9]

Tentang ideologi, terdapat berbagai-bagai tafsiran makna dan pengertian. Ada yang memahaminya sebagai *world view* atau *weltanschauung*.[10] John Plamenatz menyebutkan bahawa sesuatu ideologi itu mengandungi idea dan sikap yang mempunyai kaitan dengan sebahagian daripada realiti sahaja. Oleh itu ideologi sering digunakan untuk merujuk lingkungan pemikiran tertentu.[11]

Roger Scruton pula mengemukakan dua prinsip yang sebahagiannya mempunyai pengertian bertelagah dalam membicarakan pengertian ideologi ini. Pertama, ideologi itu sebagai doktrin politik yang dikatakan menyempurnakan teori manusia dan masyarakat. Daripada doktrin itulah terbitnya program tindakan politik. Kedua, mengikut teori Marxist, ideologi adalah sebarang set idea dan nilai yang mempunyai fungsi sosial dalam menerapkan susunan ekonomi tertentu.[12] Marx sering menyebut ideologi sebagai "kesedaran palsu" (false conciousness).

Menurut Friedrick Angels (1820–95) iaitu sahabat dan kolaburator Karl Marx, ideologi adalah suatu proses yang dihasilkan oleh pemikir secara sedar tetapi "with a false conciousness".[13] Para pemikir daripada kumpulan ideologi Jerman menyatakan bahawa kehidupan yang menentukan kesedaran dan bukannya *conciousness life*. Setiap bentuk kehidupan mencetuskan bentuk kesedaran mengikut cirinya yang tersendiri. Teori atau konsep "kesedaran palsu" ini boleh diperdebatkan lagi. Namun begitu jika kesedaran sering dikaitkan dengan kebenaran, benar itu kadangkala disebut *pra-*

*xis*. Sesuatu kesedaran palsu menolak kesilapan fakta, lebih-lebih lagi kesalahan atau kesilapan dari segi penaakulan (*reasoning*) dan persepsi. Misalnya kedudukan ekonomi golongan borjuis. Mereka ini dapat disisihkan hanya dengan penukaran kedudukan. Ahli teori neo-Marxis cuba mengemukakan pendapat iaitu kebenaran adalah milik proletar yang mempunyai kesedaran revolusioner dan barisan depan mereka. Kesedaran reaksioner Borjouis pula sebaliknya sering melihat hakikat dalam cahaya palsu daripada sesuatu ideologi dan satu retifikasi yang bertujuan melindungi dan memperkukuhkan status quo.

Dalam hal ini seorang ahli sosiologi Jerman, Roberto Michels, memperkenalkan satu konsep yang ada kaitan dengan ideologi iaitu kesedaran palsu ini yang disebut *iron law of oligarchy* iaitu dalam semua organisasi, kuasa cenderung jatuh ke tangan sejumlah kecil pemimpin. Michels merujuk kepada parti sosialis Jerman, walaupun ia mempunyai perlembagaan yang demokratik dan matlamat revolusioner, pada akhirnya memerlukan pemimpin yang birokratik dan konservatif. Oleh sebab itu Michels membuat kesimpulan bahawa jika menyebut organisasi, katakan sahaja oligarki.[14]

Di Malaysia atau di mana jua, jika ditinjau dari segi politik, kelihatan gejala kuatnya hubungan [korelasi] antara pemusatan kekayaan di tangan sekelompok kecil anggota masyarakat dengan pemusatan kekuasaan di tangan mereka pula. Oleh itu proses pembangunan ekonomi cenderung melahirkan dan memupuk sistem kekuasaan politik yang oligarki atau mungkin memberi implikasi kepada pembangunan politik yang demokratis.

Deliar Noer[15] menyifatkan ideologi sebagai tujuan dan cita-cita tentang kehidupan masyarakat. Jika ideologi milik masyarakat, dengan itu cita-cita tentang keadilan, kesamarataan, hak-hak asasi yang dipuja oleh berbagai-bagai kelompok masyarakat dan yang cuba ditegakkan oleh kelompok masyarakat itu dengan perjuangan, merupakan ideologi kelompok yang berkenaan.[16] Beliau mengemukakan dua jenis ideologi yang berasaskan kelas dan agama. Ideologi pula mempunyai dua sifat yang ketara iaitu menyeluruh dan bulat. Me-

nyeluruh "apabila ia mencakupi segenap segi kehidupan dan berkaitan dengan hidup perseorangan mahupun masyarakat keseluruhannya. Ia bulat kalau tiada satu segi pun dapat dikompromikan, sehingga menjadi mutlak. Ideologi komunisme termasuk ideologi menyeluruh dan bulat".[17]

Ideologi berasaskan agama pula menerima unsur luar yang tidak menyalahi prinsipnya. Agama juga mempunyai prinsip yang tidak dapat dikompromikan, namun diakui adanya perkembangan dalam masyarakat dari segi fikiran dan perlakuan yang boleh diterima kerana tidak berlawanan dengan prinsip. Itulah sebabnya Deliar Noer menyimpulkan suatu *alinea* iaitu agama Islam terdiri daripada agama (ajaran) dan kebudayaan. Ajaran berasal daripada Tuhan, kebudayaan pula daripada manusia.[18]

Perbezaan pandangan, penilaian serta tujuan dalam hal-hal tertentu boleh berlaku dalam diri orang yang mempunyai ideologi yang sama. Sudah tentu berlainan ideologi menyebabkan terjadinya perbezaan yang ketara. Sesuatu ideologi itu akan berjaya jika ada organisasinya dan pengurusannya. Bagi melihat keberhasilan ideologi dari segi ilmiahnya, kita boleh menggunakan prinsip pengurusan saintifik yang mengandungi 16 perkara:[19]

1. Kesatuan ideologi (unity of ideology).
2. Kesatuan pentafsiran ideologi.
3. Pengkhususan tugas (division of work).
4. Autoriti dan tanggungjawab.
5. Disiplin.
6. Kesatuan perintah.
7. Subordinasi kepentingan peribadi kepada kepentingan umum.
8. Remunerasi personalia.
9. Pemusatan kuasa.
10. Kesatuan pergerakan.
11. Rangkaian skalar (hierarki).
12. Peraturan (order).
13. Kejujuran dan keadilan.
14. Kestabilan.

15. Inisiatif.
16. *Esprit de corps* (semangat kekitaan).

Namun begitu, pada umumnya kejayaan ideologi banyak bergantung kepada kepimpinan organisasi.

Supaya lebih jelas, lihat dahulu pengertian ideologi politik. Ideologi politik adalah satu perumusan keyakinan atau program yang dimiliki oleh sesuatu negara, bangsa, parti politik atau kumpulan bagi maksud suatu tujuan politik yang khusus.[20] Ideologi politik digunakan bagi mentafsir dan menganalisa peristiwa sosioekonomi dan institusi dalam rangka mencapai tujuan yang ingin dicapai.

Ideologi politik mengandungi dua unsur ketara iaitu unsur positif dan unsur negatif. Hal ini dapat dilihat daripada tujuan iaitu sama ada mewujudkan kekuasaan atau menentang rejim ideologi yang berkuasa bagi maksud mengubah arah program ideologi. Dengan itu juga cara tindak ideologi berbeza atau berbaur di antara kekerasan dengan propaganda yang berkesan. Dalam pada itu terdapat berbagai-bagai cara mengemukakan ideologi seperti simbol atau perlembagaan dan mitos.

Simbol terdiri daripada slogan yang menimbulkan kesan yang baik. Penggunaan bahasa dalam sesuatu ideologi adalah penting dalam menanamkan keyakinan tentang kebenaran ideologinya dan keburukan atau kepalsuan ideologi lawan. Dalam meyakinkan kebenaran ideologi itu ditanamkan pula mitos. Tujuannya ialah untuk memberikan kepercayaan terhadap peristiwa yang berlaku pada masa silam dan perjuangan untuk masa hadapan. Misalnya mitos yang menggambarkan keperitan hidup pada zaman silam serta melukiskan kegemilangan masa hadapan.

Krisis ideologi boleh dilihat melalui *dimensi idealisme*nya. Idealisme adalah berpunca daripada nilai dasar seperti nasionalisme, keadilan sosial, demokrasi dan juga kemanusiaan yang mendukung ideologi itu. Idealisme menjadi jiwa atau *psiko-motor* ideologi. Apabila idealisme dan juga nilai dasar gagal memelihara hubungan yang bermakna dengan hakikat perkembangan masyarakat, ini membuktikan ideologi sedang

mengalami krisis. Masyarakat mula bersikap tidak peduli yang akhirnya mengundang mereka memandang ideologi secara sinis. Sebaliknya ideologi boleh menjadi sukar apabila masyarakat terpesona dengan idealisme yang terkandung di dalamnya. Emosi menjurus kepada suatu tanggapan yang sempit atau fanatik. Luapan semangat sebegini juga cenderung menjadikan ideologi semacam *agama sekular.*[21]

Dalam perjuangan politik, pengaruh merupakan di antara ciri yang penting. Konsep pengaruh merupakan pusat perhatian utama dalam pengkajian ilmu politik. Kajian menunjukkan konsep pengaruh amat jelas kaitannya dengan konsep kuasa (power), kekuasaan atau kewibawaan (authority) atau wewenang, paksaan (coercion) dan juga keabsahan (legitimacy).

Kajian oleh Harold Laswell,[22] Robert Dahl,[23] dan David Easton[24] dapat membantu menjelaskan kaitan konsep tersebut, sehinggakan sebahagiannya bagaikan sinonim dengan konsep pengaruh yang bermaksud sebagai kemampuan pelaku politik untuk mempengaruhi orang lain dalam cara yang dikehendaki oleh pelaku tersebut. Penggunaan pengaruh yang berkesan boleh mencetuskan perubahan atau menyekat perubahan dari segi pendapat. Terdapat beberapa faktor yang dapat mempengaruhi orang lain, iaitu faktor kuasa politik, bentuk dan cara pengaruh disebarkan, bidang tugas dari segi kekuasaan atau autoriti, kualiti persaingan daripada pihak lawan yang juga menyebarkan pengaruh dan faktor tingkat tuntutan penyesuaian.

Kuasa (power) pula merupakan mekanisme pengaruh. Mekanisme itu terdapat dalam berbagai-bagai bentuk iaitu daripada tahap penggunaan kuasa yang lembut atau tanpa kekerasan[25] seperti perundingan, pujukan,[26] tekanan, desakan dan seterusnya kekerasan. Dalam politik antarabangsa, penganut gagasan *realis* seperti Hans J. Morgenthau melihat golongan elit sebagai orang yang sering menggunakan kuasa atau memainkan peranan kuasa.

Satu perbicaraan dan analisis yang terperinci tentang konsep kuasa telah dilakukan oleh Steven Lukes.[27] Beliau telah mengulas pandangan golongan *pluralis* dan liberal tentang

kuasa dan autoriti. Semua kegiatan kerjasama dan tidak pula mempunyai konflik kepentingan dikenali sebagai kes pengaruh dan bukannya kes kuasa. Lantas Steven Lukes telah membentuk satu rajah sebagai model yang memperlihatkan kaitan kuasa dengan kognatnya atau segala cara yang secara penting




**Rajah I   Konsep kuasa dan kognatnya**

memberi kesan. Kuasa mungkin atau tidak mungkin menjadi bentuk pengaruh bergantung sama ada mengaitkan isbat (sanction) atau tidak. Manakala pengaruh dan kewibawaan (autoriti) mungkin menjadi bentuk kuasa atau sebaliknya bergantung kepada penglibatan konflik kepentingan. Kewibawaan ijmak yang tidak mempunyai konflik kepentingan bukanlah suatu bentuk kuasa. Dengan ini kita bolehlah menyimpulkan bahawa unsur konflik adalah penting dalam membicarakan konsep kuasa.[28]

Satu konsep lagi yang ada hubungan dengan kuasa ialah autoriti atau wewenang. Setengah-setengah pengkaji menyebutnya sebagai kewibawaan atau kekuasaan. Kewibawaan dapatlah dikaitkan sebagai pengaruh yang berasaskan keabsahan. Tipologi Max Weber sering digunakan apabila mengkaji konsep autoriti atau wewenang dalam sistem politik. Antara lainnya termasuklah tradisi, hukum dan kualiti pemimpin politik. Dalam sistem politik, autoriti atau wewenang bermaksud rakyat mahu mematuhi peraturan, menerima akibat dan patuh kepada keputusan pemimpin. Wewenang mempunyai ciri-ciri subjektif, psikologi dan moral. Inilah gejala yang membezakan wewenang daripada bentuk-bentuk pengaruh yang lain yang bersandar kepada ciri kebendaan dan fizikal. Dari segi perlaksanaan pula, wewenang atau kewibawaan adalah bersifat sukarela atas kepercayaan objek yang mempengaruhinya dianggap benar atau tepat untuk dilaksanakan.

Dari segi sejarah, pengkajian tentang kuasa dan kewibawaan politik sering melahirkan teori-teori elitis.[29] Kebanyakan ahli falsafah politik mengandaikan bahawa sesuatu pemerintahan yang dipegang oleh kelompok elit khusus menjadi unsur penting bagi suatu sistem yang ideal. Gaetano Mosca adalah ahli teori yang menganalisis konsep elit.[30] Teori-teori tentang elit pernah juga dibicarakan oleh Vilfredo Pareto, C. Wright Mills, Raymond Aron and Harold Lasswell.

Pada tahun 1960 Clark Kerr dan rakan-rakannya[31] telah menerbitkan hasil kajian industrialisme mereka tentang peranan elit, dan Kerr memperkenalkan tipologi elit yang ideal

berasaskan pendekatan psikologi iaitu:

1. Elit dinasti.
2. Elit kelas menengah.
3. Elit revolusioner.
4. Pentadbir kolonial.
5. Elit nasionalistik.

Secara umum, Clark Kerr dan rakan-rakannya telah merumuskan bahawa dalam proses industrialisasi, ciri elit dan strateginya adalah seperti dalam jadual 1 di halaman 14–5. John H. Kautsky[32] pula cuba mengembangkan tipologi lain tentang elit yang dilihat daripada penglihatan elit dalam negara membangun iaitu aristokrasi lama, revolusioner moden dan pengusaha moden.

Teori elit ini diperkembangkan lagi oleh pemikir-pemikir mulai abad ke-20[33] khususnya Joseph Alois Schumpeter (1883-1946) dan pengikut Mosca iaitu R. Michels.[34] Michels memperkenalkan konsepnya yang masyhur iaitu *iron law of oligarchy*. Konsep ini cuba membuktikan bahawa dalam semua organisasi, kuasa cenderung jatuh ke tangan sejumlah kecil pemimpin. Michels mengkaji parti Sosialis Demokrasi Jerman (GSDP), walaupun GSDP itu mempunyai matlamat demokratik dan revolusioner, tetapi "it was doomed to acquire bereaucratic and also conservative leader". Oleh itu Michels menyatakan bahawa siapa yang menyebutkan organisasi, akan kelihatan organisasi sebagai tidak demokratik dan mengkhianati pekerja. Oleh itu elok disebut sahaja oligarki. Apabila menyebut demokrasi, Schumpeter mentafsir demokrasi tidak lebih daripada suatu sistem yang membolehkan elit daripada pemimpin parti yang bersaing mendapatkan kuasa melalui pilihanraya. Orang biasa tidak mempunyai suara dalam politik kecuali kuasa pemilihan ini. Golongan berfaham kiri memperlihatkan demokrasi Barat adalah dikawal oleh elit yang berkuasa atau elit yang berasaskan kelas pemerintah. Oleh itu kumpulan daripada golongan ini menyatakan bahawa penghapusan kapitalisme akan membolehkan kewujudan persamaan politik.

Ahli teori elit tidak mempunyai asas yang sama apabila

**Jadual 1**
Elit dan strateginya dalam proses sosialisasi

| Konsep strategi / Tipologi elit | Dinasti | Kelas menengah | Revolusi intelektual | Pentadbir kolonial | Nasionalistik |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Strategi utama | Pertahankan tradisi | Kemajuan diri sendiri | Perencanaan kelas dalam industrialisasi | Melayani kepentingan 'home country' | Kemerdekaan nasional dan kemajuan dalam segala bidang. |
| 2. Corak masyarakat yang dibentuk | Masyarakat paternalistik | Pasaran bebas | Pemusatan kerajaan | Sistem yang berbeza dan pengawalan yang berbeza | Pembangunan terpimpin |
| 3. Sumber perbezaan penggunaan pendekatan elit | Sifat lahir daripada tekanan dari dalam dan luar | Asal usul masyarakat berkelas atau tidak berkelas | Sikap terhadap ideologi atau kehendak massa | Pendekatan secara menyeluruh atau segmen, ada tidaknya penengah | Sikap positif atau negatif terhadap pembangunan |
| 4. Pola pembinaan golongan buruh | Melalui pengusaha dan pemerintah | Melalui pengusaha, kesatuan sekerja dan kerajaan | Pemerintah | Pentadbir kolonial dan pengusaha | Kerajaan |

*Sambungan* Jadual 1

| Tipologi elit / Konsep strategi | Dinasti | Kelas menengah | Revolusi intelektual | Pentadbir kolonial | Nasionalistik |
|---|---|---|---|---|---|
| 5. Pandangan tentang buruh | Ketergan-tungan | Kebebasan | Pekerja yang setia | Ketergantungan | Patriot |
| 6. Sikap terhadap konflik | Harus ditekan | Dapat diterima tetapi mengikut aturan 'games' | Terlarang | Ditekan | Dikawal arah-nya |

Sumber: Kerr *et. al.*, (hlm 71) dan adaptasi daripada Albert Widjaya, 1982, *Budaya Politik dan Pembangkang Ekonomi*, Jakarta: LP3ES, hlm 68.

menerangkan saling perlunya 'elit. Pareto bersandar kepada teori psikologi yang kusut dan dihubungkan dengan pandangan pesimistik keupayaan manusia menggunakan sebab (reason) dalam kehidupan sosial. Mosca dan Michels banyak bergantung kepada teori tentang sifat organisasi dan birokrasi yang hampir sama dengan Max Weber. Schumpeter mempercayai bahawa Mosca terikat untuk menderitai histeria yang disekutukan dengan psikologi *crowd*. Oleh itu tidak ada persetujuan umum di kalangan ahli sains politik tentang ketepatan fakta teori elit atau keinginan suasana yang mereka huraikan.[35]

Paling jelas dalam membicarakan teori elit ini ialah hampir kesemua sarjana bersetuju wujud kesenjangan antara elit dan massa keseluruhannya. Harold Laswell[36] dalam kajiannya telah dapat menarik perhatian kita tentang konsep elit. Laswell menekankan bahawa perbezaan elit dengan massa ialah nilai:

> Orang yang berpengaruh [elit] adalah mereka yang paling banyak mendapat sesuatu yang boleh diperbaiki. Nilai-nilai yang sedia ada bolehlah dibahagikan kepada kehormatan, pendapatan, keselamatan ....[37]

Dalam usaha mencapai nilai itu terdapat dua faktor penting iaitu kemahiran dan personaliti politik. Kemahiran yang dimaksudkan ialah kemahiran berorganisasi, berpidato dan juga penggunaan lambang menerusi media bagi menguasai orang ramai. Dari segi personaliti, elit biasanya menggunakan pendekatan manipulatif.[38]

Apabila membicarakan kuasa dan elit serta pengaruhnya, kita tidak boleh meninggalkan konsep dominasi dan keabsahan (legitimacy) iaitu satu tipologi atau pengarahan pengelasan dalam sistem politik yang sering diperkatakan oleh Max Weber.[39] Dominasi adalah unsur terpenting dalam tindakan sosial. Lingkungan tindakan sosial pula adalah dipengaruhi oleh struktur dominasi. Inilah yang menjadi *leitmotif* dalam karya Max Weber tentang sosiologi politik.

Bagi Weber, dominasi seharusnya dikenali dengan *authoritarian power of command*[40] dan suatu keterlibatan yang positif di pihak subordinat kepada pihak berkuasa yang me-

reka hormati adalah satu sifat utama dominasi. Kepatuhan terhadap *commands* wujud kerana berbagai-bagai sebab lain selain penghormatan moral kepada orang yang mengawal atau daripada rasa kesetiaan terhadap sistem itu.

Konsep dominasi, pada hemat Weber, adalah tuntutan khusus terhadap keabsahan. Weber berpendapat bahawa pemimpin dalam sesuatu sistem politik boleh menuntut keabsahan pimpinan mereka, dan ahli-ahli mungkin menerima tuntutan itu atas beberapa sebab seperti tradisi, kualiti istimewa pimpinan dan peraturan. Oleh sebab itu Weber memberikan tiga jenis keabsahan dominasi[41] iaitu dominasi tradisional, dominasi karismatik dan dominasi *legal rational*. Elit dalam golongan itu mempunyai gaya hidup yang tersendiri.[42]

*Legitimacy* adalah perbendaharaan moral bagi sesiapa yang bercakap dengan suara kewibawaan. Patut juga dibezakan *legitimation* dengan *legitimacy*. *Legitimation* adalah dakwaan bahawa kumpulan dominan yang membentuk diri mereka. Malah mendakwa bahawa mereka mahukan secara biasa setiap orang menerima mereka. *Legitimacy*, sebaliknya merujuk keadaan tuntutan diterima dan diperakukan oleh kumpulan subordinat. Ringkasnya *legitimation* ditentukan dari atas manakala *legitimacy* adalah hasil pengiktirafan dari bawah.

Dominasi tradisional berpegang kepada isbat adat dan tradisi yang tidak luput. Dominasi karismatik pula berpegang kepada magnetisme personal seseorang tokoh yang disanjung (heroic), serta seorang yang memilih anugerah yang istimewa. Manakala dominasi *legal rational* pula berpegang kepada peraturan dan statut yang diisytihar secara rasmi. Birokrasi adalah dari jenis dominasi *legal rational*.

Setiap satu daripada tiga asas keabsahan ini terpancar dalam satu bentuk kewibawaan (authority) yang tulen iaitu (1) kewibawaan tradisional, (2) kewibawaan karismatik dan kewibawaan *legal*.

Dalam analisa politik juga, kita tidak dapat melupakan konsep konflik. Konflik adalah suatu jenis interaksi yang dilambangkan menerusi perkecaian antara kepentingan, gagasan, kebijaksanaan, program, dan peribadi atau persoalan da-

sar lainnya yang saling bertentangan di antara satu sama lain. Konflik yang bertentangan dan kerjasama atau konsensus adalah dua bentuk kegiatan politik. Konflik politik dapat dilihat daripada pernyataan tidak setuju secara lisan atau mental sehinggalah pertentangan fizikal dan sebagainya. Karl Marx dan Thomas Hobbes menekankan bahawa konflik secara umum melekat dalam tubuh manusia atau dalam sistem politik tertentu.[43]

> Mana-mana elit memperlihatkan dan menyatakan dirinya dengan nama lambang cita-cita bersama. Lambang-lambang demikian adalah "ideologi" kepada pemerintah dan sebagai "utopia" kepada golongan yang menentang elit. Dengan menggunakan perkataan dan isyarat isbat, pihak elit boleh menaikkan darah, kerja, cukai dan sorakan massa. Apabila keadaan politik berjalan dengan lancar, pihak massa akan memuja lambang-lambang tadi; pihak elit merasakan dirinya benar dan tidak ketakutan, tidak akan menderita daripada kesusilaannya.[44]

Dalam raptai umum dan pidato pemimpin UMNO sering disebut "Semangat 46", tetapi apakah maksudnya. Jawabnya tiada lain melainkan perpaduan Melayu. Hal ini boleh kita lihat daripada ucapan Dato' Onn semasa dilantik mempengerusikan Kongres Melayu pada 1 Mac 1946. Dalam bahasa yang indah Dato' Onn menyatakan:

> ... sebagaimana yang berkumpul di sini dan atas kemahuan dan keazaman tuan-tuan dari rundingan-rundingan dan keputusan hari ini hendak membinakan tapak-tapak bangunan yang akan menghasilkan dan mengesahkan cita-cita bangsa kita yang telah lama diidamkan iaitu persatuan di antara kita sendiri.[45]

Orang Melayu pada tahun 1946 yakin bahawa nasib orang Melayu bergantung kepada perpaduan sesama Melayu serta nasionalisme Melayu, "... dan kesatuan kebangsaan kita itu hanyalah akan dapat dipelihara dengan berpegang kepada kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada bangsa itu sekalian".

Visi perjuangan orang Melayu pada tahun 1946 juga jelas

iaitu meninggikan dan memelihara maruah dan juga "berkehendakkan tanahair" atau negara seterusnya mengesahkan Melayu sebagai bangsa yang kuat. Perpaduan sesama Melayu adalah teras kepada misi perjuangan orang Melayu.

Setelah kolonialisme kapitalis Inggeris mencengkam orang Melayu, perjuangan Melayu lebih terbuka iaitu menentang penjajahan Inggeris melalui Malayan Union dan berjuang untuk kemerdekaan negara, bangsa dan agama. Kejayaan menentang Malayan Union terbukti dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 yang digubal oleh wakil UMNO bersama-sama wakil raja-raja Melayu dengan wakil kerajaan Inggeris.

Terdapat beberapa ciri penting Persekutuan Tanah Melayu ini yang telah dicadangkan oleh jawatankuasa itu:

1. Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada sembilan buah negeri Melayu, dan dua Negeri-Negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang.
2. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu memberi kuasa untuk mengadakan:

   (a) Seorang pesuruhjaya tinggi yang dilantik oleh baginda king sebagai ketua kerajaan.
   (b) Sebuah majlis menguasai kerja Persekutuan (eksekutif).
   (c) Sebuah majlis menguasai undang-undang Persekutuan (legislatif) yang mengandungi 48 orang ahli rasmi dan pesuruhjaya tinggi sebagai yang dipertua majlis.
   (d) Majlis Mesyuarat Kerja Negeri dan Majlis Mesyuarat Undangan Negeri di setiap negeri Tanah Melayu.
   (e) Majlis Raja-Raja Melayu (Conference of Rulers) bagi perundingan sesama raja dengan pesuruhjaya tinggi tentang perkara negeri dan Persekutuan.
   (f) Kerakyatan Persekutuan.

Jawatankuasa perunding penubuhan Persekutuan juga telah

mencadangkan diadakan perlembagaan negeri bagi setiap negeri Melayu.[46]

Dalam sidang perhimpunan agung UMNO yang kedua di Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946 beberapa perkara penting telah dibincangkan. Di antaranya ialah rangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan bendera UMNO. Bendera UMNO yang dipersetujui oleh majoriti perwakilan ialah merah dan putih (separuh-separuh), merah di atas dan putih di bawah. Di tengah-tengah mengandungi bulatan kuning. Dalam bulatan kuning terletak sebilah keris berwarna hijau berhunus dari kiri ke kanan (hulunya menghala ke sebelah atas penjuru kiri dan hujungnya menghala ke sebelah bawah penjuru kanan). Merah bererti berani, putih bererti bersih, kuning kebesaran raja-raja. Hijau agama dan keris pusaka Melayu.

Sebelum itu satu syor dicadangkan oleh PKMM yang mahukan bendera UMNO bercorak saka merah putih, tetapi syor itu ditolak. Berikutan penolakan syor itu wakil PKMM iaitu Ishak Hj. Muhammad dan Ahmad Boestaman telah menarik diri daripada persidangan dan terus keluar daripada UMNO. Turut menarik diri daripada UMNO ialah Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor. Keluarnya PKMM daripada UMNO adalah titik awal perpecahan semua orang Melayu. Keluarnya PKMM itu adalah lebih daripada soal bendera; bendera sebagai pencetus tetapi matlamat perjuangan dan ideologi memang berbeza daripada UMNO. Ini dapat kita lihat daripada sikap kedua-dua pemimpin PKMM itu, yang kemudiannya meneruskan perjuangan dalam parti pembangkang khususnya Parti Rakyat.

Di antara perkara yang patut dicatatkan dalam sejarah persidangan di Ipoh ini ialah pengesahan lantikan Dato' Panglima Bukit Gantang sebagai setiausaha agung sementara UMNO 'dengan tidak bergaji'. Dato' Onn selaku yang dipertua UMNO mentadbir buat sementara Pejabat [Biro] Dakwah [Propaganda], Pejabat Perkara Pelajaran Am dan Pejabat Perkara Kaum Ibu. Manakala pengurus-pengurus pejabat [biro] lain telah diumumnya iaitu Dato' Abdul Rahman Mohd. Yassin (Kewangan), Salleh Othman (Agama), manakala Peja-

bat Perkara-perkara Siasah meliputi pembentukan Malayan Union dikendali oleh jawatankuasa khas yang terdiri daripada Zainal Abidin Abbas (pengurus), Yang Amat Mulia Raja Kamaruzaman, Sulaiman Mat Darus dan Megat Yunus Haji Mohd. Isa.

Sidang di Ipoh itu juga telah mencadangkan supaya perwakilan UMNO berunding dengan Inggeris di London. Dalam sidang itu nama Tunku Abdul Rahman Putra telah dicadangkan menjadi ahli rombongan UMNO ke London. Walau bagaimanapun oleh sebab Yang Teramat Mulia Tunku akan melanjutkan pelajaran ke England, sidang perwakilan menggantikannya dengan Zainal Abidin Abbas dan Yang Mulia Tunku Mohamad Tunku Besar Burhanuddin sebagai wakil simpanan.

Sebagai simbol sejarah, bendera UMNO dikibarkan buat pertama kali di Pulau Pinang sempena perasmian Perhimpunan Agung Ketiga pada 27 Julai 1946. Malah perasmian mesyuarat itu pula disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Jika pada tahun 1786, Francis Light menduduki Pulau Pinang dengan mencacakkan bendera "Union Jack" sebagai tanda bermulanya Inggeris menguasai Tanah Melayu, pada 27 Julai 1946 Sultan Kedah pula "mengibarkan" bendera UMNO sebagai tanda bermulanya usaha Melayu menguasai kembali Tanah Melayu.

Penubuhan UMNO telah menyentak pihak Inggeris yang selama ini menganggap orang Melayu dapat menelan apa sahaja yang disogoknya. Daripada penentangan padu terhadap Malayan Union ini, barulah Inggeris memahami bahawa orang Melayu bukan "setongong" yang mereka sangka. Melayu akan bangun apabila sudah kehilangan sabar dan rasa hormat kepada tetamu atau pendatang yang menguasai Tanah Melayu. Inggeris selama itu hanya berunding dengan raja-raja Melayu yang menjadi sumber bagi memperoleh kesetiaan orang Melayu. Mulai Mei 1946 British mula mengiktiraf UMNO sebagai "wakil rakyat Melayu". UMNO lahir sebagai "kumpulan pendesak" yang memberikan tekanan politik kepada Inggeris. Pada 25 Julai 1946, Inggeris berunding dengan orang Melayu yang diwakili oleh wakil raja-raja Melayu selaku

pihak pemerintah manakala UMNO sebagai mewakili orang Melayu daripada golongan yang diperintah. Satu jawatankuasa yang terdiri daripada 12 orang telah dibentuk untuk mengkaji semula Malayan Union dan mencadangkan draf perlembagaan baru "... yang boleh diterima oleh orang Melayu" demi kemajuan mereka pada masa depan. Jawatankuasa perunding perlembagaan itu terdiri daripada:

Wakil kerajaan:

1. A.T. Newboult, C.M.G., M.C., E.D., M.C.S. (ketua setiausaha)
2. K.K. O'Connor, M.C. (peguam negara)
3. W.D. Godsall, M.C.S. (setiausaha kewangan)
4. Dr. W. Linehan, M.C.S.
5. A. Williams, M.C.

Wakil Raja-raja Melayu:

1. YAM Raja Kamarulzaman Raja Mansur, M.C.S. (Raja Kecil Tengah Perak)
2. YB Dato' Hamzah Abdullah (Orang Kaya Menteri, Selangor)
3. Tuan Haji Mohamad Sharif Osman, C.B.E. (setiausaha kerajaan Kedah)
4. YB Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmood, DL., S.P.M.K., (Dato' Seri Setia Raja, Kelantan).

Wakil UMNO:

1. YB Dato' Onn Jaafar
2. YB Dato' Abdul Rahman Mohd. Yassin

Setiausaha:

D.C. Watherston, M.C.S.

Jawatankuasa ini telah menyusun rangka Perjanjian Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Jawatankuasa ini mengesyorkan supaya Malayan Union dibatalkan dan digantikan dengan Perlembagaan Persekutuan. Tentang nama Persekutuan, jawatankuasa ini telah membincangkan tiga cadangan nama

Kerajaan Persekutuan iaitu pertama, "Malayan Federal Union", kedua, "Malayan Federation" dan ketiga "Federation of Malaya". Wakil orang Melayu itu telah menolak penggunaan perkataan "Union", nama yang sangat dibanci oleh orang Melayu, begitu juga syor kedua oleh sebab "Malayan" mempunyai makna orang-orang yang ada kaitannya dengan Malaya kerana termasuk orang bukan Melayu. Akhirnya "Federation of Malaya" dipilih, dengan terjemahannya Persekutuan Tanah Melayu.

Dato' Onn telah menjelaskan bahawa "United Malay Organisation" (U.M.O.) adalah satu pertubuhan yang perlu dianggap sebagai alat perpaduan orang Melayu dan juga "badan" yang menggerakkan semangat kebangsaan Melayu menentang Malayan Union dan mencapai kemerdekaan.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, Sultan Badlishah di perasmian persidangan agung UMNO di Alor Setar, adalah satu dokumen yang memperlihatkan wujudnya persefahaman raja dengan rakyat. Dato' Onn, elit aristokrat yang anti feudalisme,pernah menggugat kesetiaan rakyat terhadap raja-raja Melayu dalam perhimpunan di Hotel Majestic sempena upacara pengisytiharan Edward Gent sebagai gabenor Malayan Union. Visi dan sikap raja-raja Melayu yang mewakili elit feudal dapat dilihat daripada ucapan Sultan Kedah ini:[47]

> ... eloklah diambil halusi di atas dua pihak, atau pihak [Inggeris] dan telah beratus tahun mendapat latihan dalam perkara jajahan takluk dan diplomasi, dan bagi pihak kita tersangatlah lemah dalam segenap perkara. Kita sini bangsa kecil dan di bawah naungan dan juga dalam negeri kita ada lain bangsa dekat sama banyak dengan kita. Jadi payahlah kita hendak mendirikan kebangsaan kita yang kuat, dan juga dalam perniagaan pun tersangatlah lemah pada masa ini.

Pada tahun 1947 itu, persidangan UMNO membincangkan draf Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang bakal menggantikan Malayan-Union. UMNO dan raja-raja Melayu bertanggungjawab merencanakan masa depan orang Melayu.

Itulah sebabnya Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, dalam ucapan perasmiannya itu, mengharapkan "raja-raja dan UMNO bekerjasama sepertimana yang telah dijalankan supaya tanahair kita terselamat. Hidup Melayu".

Dalam perjuangan awal UMNO, kuasa Melayu adalah unsur primer yang menggalakkan sentimen Melayu menentang kolonialisme kapitalis Inggeris. "Hidup Melayu" adalah slogan perjuangan kebangsaan Melayu pada tahun 1940-an. Matlamat perjuangan orang Melayu ialah menuntut kemerdekaan, tetapi golongan elit dalam UMNO mempunyai pandangan yang berbeza daripada golongan *massa* Melayu:[48]

> Saya [Dato' Onn Jaafar] telah mendengar daripada tuan-tuan pendapat bahawa satu pihak yang meminta sepenuh-penuh kemerdekaan. Di atas tuntutan ini saya bertanya siapa yang tak mahu merdeka. Kita mestilah menunjukkan kebolehan dan kelayakan kita supaya benda yang digenggam itu tidak terlepas. Bukannya kemerdekaan itu boleh dipermain-mainkan dan dipermudahkan sebagai bermain wayang di panggung oleh sebab perkara yang dimainkan itu akan tinggal di atas panggung juga. Pemerintahan negeri tidak boleh dipermudahkan begitu. Bercakap, berkehendak kemerdekaan itu mudah dan senang tetapi hendak menjalankan dia supaya sempurna adalah lebih berat.

Dato' Onn yakin pada tahun 1947 itu orang Melayu belum layak menguasai politik negara dan antarabangsa.

Dato' Onn berucap di perwakilan perhimpunan agung UMNO tahun 1947 menegaskan cita-cita UMNO seperti yang berikut:

> Kita mesti kekalkan negara ini menjadi negara Melayu dan hak kerajaan mesti tersimpan kepada bangsa Melayu [lalu Dato' Onn meminta ahli UMNO sedar keadaan keliling bahawa] di sekeliling kita ada berbagai-bagai bahaya, tetapi kita yakin bahawa dengan *bersatu* kita akan berjaya dalam tujuan kita.[49]

Dato' Onn lalu mengingatkan akan pengkhianatan 'Bintang Tiga'. "Mereka berkata negeri ini akan diperintah bersama-sama oleh tiga bangsa, tetapi yang sebenarnya memerintah ia-

lah orang Cina." Lalu Dato' Onn menyatakan bahawa dalam kita berbaik dengan kaum lain "kita mesti ingat bahawa negeri ini negeri Melayu yang mesti kita utamakan". Pemikiran Dato' Onn ini dapat kita lihat daripada perkara utama dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948.[50]

1. Ditubuhkan sebuah kerajaan pusat yang kuat bagi memastikan pentadbiran yang ekonomikal dan berkesan dalam semua perkara yang menyentuh kesejahteraan dan kemajuan negeri keseluruhannya.
2. Keindividualan tiap-tiap negeri Melayu di Negeri-Negeri Selat hendaklah dijelaskan dan dipelihara.
3. Perjanjian Persekutuan hendaklah dilihat dari sudut jangka panjang, menawarkan cara dan prospek pembangunan ke arah berkerajaan sendiri.
4. Atas pandangan mewujudkan suatu asas yang luas tentang institusi-institusi, perkara prinsip ketiga di atas dibuat secara berkesan. Satu bentuk warganegara yang sama hendaklah diperkenalkan bagi membolehkan *hak politik* diperluaskan kepada mereka yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal mereka yang sebenar dan sebagai tempat tumpuan *kesetiaan mereka.*
5. Bagi negeri Melayu yang diperintah oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-raja, rakyat baginda yang tidak mempunyai pilihan kesetiaan atas negara lain menganggapnya sebagai tanahair dan mereka mendapat kedudukan istimewa dan hak pemilikan yang mesti dipelihara.

Syarat perjanjian Persekutuan itu memperlihatkan bahawa penjajahan British mengambil kira perasaan raja-raja Melayu dan UMNO yang memberikan perhatian kepada kewibawaan formal raja-raja Melayu dan "kedudukan istimewa" orang Melayu. Sebaliknya raja-raja dan UMNO menerima dasar British untuk menubuhkan kerajaan dan pentadbiran pusat yang kuat.

Adalah jelas daripada Perjanjian Persekutuan itu British mengesahkan keupayaan Melayu berkerajaan sendiri. Jika

Dato' Onn dan golongan feudal lain melihat "kelemahan diri", tetapi penjajah Inggeris menggunakan pengakuan kelemahan orang Melayu itu sendiri sebagai justifikasi untuk meneruskan kolonialisme kapitalisnya untuk beberapa waktu lagi.

Persidangan di Alor Setar juga telah membuat rombakan kecil dalam organisasinya, misalnya Putih Mariah Ibrahim Rashid (Perak) dilantik sebagai pegawai perkara-perkara kaum Ibu; Abdul Rahim Ibrahim (Singapura) sebagai pegawai penerangan, manakala Dato' Hamzah Abdullah bersama-sama Dato' Abdul Rahman Mohd. Yassin mengambil alih tugas-tugas berkenaan kewangan. Sidang itu juga memutuskan untuk menerima draf perlembagaan negeri yang dirangka oleh jawatankuasa kerja yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* Malayan Union nombor 4122 bertarikh 24 Disember 1946.

Pada 1 dan 2 Mac 1947, UMNO mengadakan perhimpunan di Seremban. Perhimpunan telah diberitahu bahawa jawatankuasa kecil yang dilantik dalam sidang di Alor Setar (10-12 Januari 1947) telah menemui pihak Inggeris pada 7 Februari 1947. Pihak Inggeris telah menerima pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang dikemukakan oleh UMNO.

Dato' Onn telah meminta perhimpunan agung ini mencadangkan nama wakil UMNO dalam rundingan yang lebih terperinci dengan pihak Inggeris. Seramai lima perwakilan UMNO dicadangkan iaitu yang dipertua, timbalan yang dipertua, setiausaha agung, pegawai hal-ehwal siasah [Biro Politik] dan Dato' Mahmud bin Mat serta dua ahli simpanan iaitu Dato' Abdul Malik dan Sardon Jubir. Dalam sidang yang berlangsung di Kelab Seremban itu Yamtuan Besar Negeri Sembilan telah bertitah:

> Dengan adanya UMNO segala perasaan dukacita setahun dahulu kerana muslihat Malayan Union telah dapat disebarkan dengan sempurna serta teraturnya pergerakan tuan-tuan itu dapatlah diadakan suatu perjanjian yang tuan-tuan pada masa ini sedang menyemaknya.

Suatu lagi peruntukan dalam perlembagaan UMNO di

perhimpunan ini ialah penubuhan beberapa buah jabatan [kini dikenali sebagai biro] untuk memperkemas pengurusan organisasi UMNO:

| Jabatan [Biro] | Ketua [Pengerusi] |
|---|---|
| Tanam-tanaman [Pertanian] | YTM Tunku Yaacob |
| Ternakan | YTM Tunku Abu Bakar |
| Buruh | Patih Akhir Mat Shah |
| Pemuda | Kapt Hussein Onn |
| Kebajikan Am | Mohamad Salleh M.B.E |

Dalam perhimpunan di Seremban ini, perwakilan telah bersetuju dan mengambil ketetapan bahawa "tiap-tiap seorang wakil yang menghadiri mesyuarat agung hendaklah memakai pakaian Melayu".

Organisasi UMNO telah diperkemaskan oleh perwakilan agung UMNO di Kota Bharu, Kelantan pada 11 dan 12 Mei 1947. UMNO diperbaiki untuk dijadikan pertubuhan politik yang kuat serta mempunyai cawangan di seluruh negara. UMNO tidak lagi bertujuan meneruskan sistem "gabungan" yang dianggap kurang kemas kerana setiap badan gabungan mempunyai matlamat organisasi yang berbeza. *SABERKAS* dari Kedah mengetuai kumpulan menentang cadangan sistem "cawangan". Bagaimanapun akhirnya perhimpunan bersetuju dengan sistem cawangan dan sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk bagi merangka Perlembagaan UMNO sebagai pertubuhan politik. Jawatankuasa Perlembagaan UMNO itu terdiri daripada yang dipertua, Raja Ayub, Megat Yunus Megat Mohd Isa, Mohd Tahir Setia Raja dan Dato' Nik Ahmad Kamil.

Dalam persidangan ini juga rombakan kecil dalam kepimpinan UMNO dipersetujui oleh mesyuarat iaitu jawatan setiausaha agung diambil alih oleh Dato' Zainal Abidin Haji Abbas, manakala ketua Jabatan Pelajaran UMNO, Zainal

Abidin B.A. meletakkan jawatan digantikan oleh Abdul Majid Haji Mohamad yang ketika itu mengetuai Jabatan Iktisad. Tempat beliau diambil alih oleh Mohamad Tahir Setia Raja.

Ucapan terakhir Dato' Onn sebagai yang dipertua amat wajar diperincikan sebagai satu kenyataan penting tentang peralihan kuasa dalam UMNO. Dato' Onn telah menyerahkan kuasa kepada Tunku Abdul Rahman yang juga berasal daripada kaum elit tradisional.

> ... telah lahirlah pertubuhan kebangsaan Melayu yang diperanakkan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946, iaitu lahirnya di sebuah istana raja, maka dengan sebab itu berpadanan pula yang dipertua ini keturunan daripada darah raja.[12]

Dalam ucapannya ini Dato' Onn telah menjelaskan pendirian politiknya serta menafikan tuduhan terhadap dirinya sebagai (1) melarikan diri daripada UMNO, (2) menderhaka kepada bangsa Melayu, (3) hendak menjadi diktator dalam UMNO,dan (4) mencari kepentingan sendiri.

Dato' Onn selaku pemimpin UMNO sejak tahun 1946, telah mengambil tindakan politik yang tegas menentang kezaliman feudal; "Saya menentang kepada raja saya sendiri oleh kerana perbuatannya kepada anak negeri, maka saya akan diberhentikan daripada jawatan kerajaan, dan dibuang daripada negeri itu."

Dato' Onn menjelaskan tujuan UMNO ialah hendak mendirikan sebuah kerajaan yang merdeka di dalam Malaya ini. Namun begitu seperti Abdullah Munsyi, Dato' Onn mengalami nasib yang sama. Masyarakat tidak dapat menerima idea merdeka bersama-sama kaum-kaum lain. Ketika itu nasionalisme Melayu amat kental dan emosional sekali. Peristiwa Bintang Tiga memerintah selama 14 hari cukup untuk melukai hati dan perasaan orang Melayu dan tidak akan dilupai hingga abadi. Ketidakpercayaan terhadap kaum Cina ketika itu, yang dianggap pendatang, masih terlalu tebal untuk dikikis. Sudah menjadi tabii Melayu sukar menerima sesuatu perubahan politik yang baru. Daripada konteks kelok kepimpinan politik, ternyata pimpinan Dato' Onn kelihatan merosot.

Parti Kemerdekaan Malaya (Independence Malayan Party) ditubuhkan oleh Dato' Onn dengan tujuan mendirikan sebuah negara yang merdeka yang akan memberikan peluang yang sama rata kepada penduduk sebagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam. Dato' Onn kecewa hasratnya membuka pintu UMNO kepada kaum bukan Melayu tidak diterima oleh ahli UMNO ketika itu.

Dato' Onn percaya bahawa kemerdekaan hanya dapat dicapai apabila wujudnya perpaduan di kalangan kaum di Tanah Melayu. Kritikan pedas tetapi amat futuristik daripada Dato' Onn sebelum meninggalkan UMNO ialah:

> Maka saya berharap juga pihak UMNO ini akan memandang kepada pandangan yang luas, pandangan yang dikatakan nasional atau kebangsaan itu dan jangan semata-mata menghadapkan pandangan itu kepada pandangan yang sempit semata-mata, iaitu hidup hanyalah di bawah tempurung sendiri dengan tidak menghiraukan iaitu ada lain-lain tempurung yang terletak di sebelah.[53]

Pandangan politik Dato' Onn dan Tunku Abdul Rahman kemudiannya dipengaruhi oleh tentangan politik yang serius daripada kalangan bukan Melayu. Orang bukan Melayu menubuhkan *Malayan Democratic Union* (MDU).[54] MDU berjaya menyatupadukan berbagai-bagai persatuan dan kesatuan dalam All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA).[55] AMCJA bergerak untuk menghalang pengaruh UMNO. Pada tahun 1947 AMCJA bergabung dengan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) yang ditubuhkan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang mempunyai sayap pemudanya. Angkatan Pemuda Insaf (API) dan sayap wanitanya Angkatan Wanita Sedar (AWAS).

Bagi orang bukan Melayu, Malayan Union adalah sesuatu yang berharga, jika dibandingkan dengan cadangan menggantikan Malayan Union itu. Sikap ini jelas kelihatan daripada reaksi mereka terhadap laporan jawatankuasa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Di kalangan orang Melayu, beberapa bulan sesudah ditubuhkan UMNO di Johor, perpecahan mula kelihatan. Parti

Kebangsaan Melayu Malaya, (PKMM), sebuah parti politik faham kiri telah keluar daripada UMNO. PKMM menentang Inggeris yang cuba menyekat penjajahannya melalui Malayan Union. PKMM menganggap jawatankuasa kerja yang dibentuk bagi mengkaji ganti kepada Malayan Union sebagai tindakan Inggeris untuk menjaga kepentingannya dan tidak memberikan peluang kepada rakyat memainkan peranan dalam pemerintahan negara. Tentangan terhadap laporan jawatankuasa kerja diperkukuhkan dengan penyatuan sekumpulan pertubuhan Melayu lain di bawah PUTERA pada bulan Februari 1947.

PUTERA bergabung dengan AMCJA. AMCJA telah menerima empat dasar perjuangan PUTERA iaitu:[56]

1. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.
2. Hal-ehwal luar negeri dan pertahanan negara menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan British.
3. "Melayu" dijadikan gelaran bagi semua kerakyatan atau taraf kebangsaan di Tanah Melayu.
4. Bendera kebangsaan negara melambangkan warna dan corak kebangsaan Tanah Melayu.

AMCJA/PUTERA merumuskan dasar perjuangan mereka sebagai "Perlembagaan Rakyat". Gabungan ini telah menekankan sikap antikolonial dan mengecam sifat "tidak demokratik" Persekutuan yang ditubuhkan.

Pemikir politik sering menanyakan mengapa terdapat perubahan pemikiran Dato' Onn, daripada seorang nasionalis Melayu menjadi pelopor parti politik pelbagai kaum. Dato' Onn mengubah sikap sebagai satu strategi politik dan dalam kegawatan politik Melayu:

> Adalah penting diperhatikan bahawa pada akhir tahun 1948 orang-orang Melayu telah menghadapi satu ancaman lagi mengenai nasib mereka sendiri di Tanah Melayu. Keadaan ini dalam sejarah politik Melayu menimbulkan krisis perlembagaan, kerana pertubuhan-pertubuhan politik Melayu yang lain juga mengambil kesempatan daripada keadaan seperti itu untuk mempengaruhi nilai-nilai politik

mereka ke atas pentadbiran Inggeris, golongan-golongan lain, seperti parti-parti dan persatuan-persatuan politik Cina.

Dato' Onn menghadapi "kekacauan" sejak tahun 1948. Sikap Malcolm MacDonald dan Henry Gurney yang bermuka-muka dan mempunyai sikap "ketuanan British" yang tebal telah menyebabkan Dato' Onn menghadapi krisis dengan raja-raja Melayu.[57] Mereka ini bimbangkan pengaruh Dato' Onn menyanggah British kerana pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu tidak berjalan atas prinsip perkongsian kuasa British dengan raja-raja Melayu. Dato' Onn tidak mahu melihat raja-raja Melayu sebagai *sleeping partners* sahaja.[58] Perkongsian kuasa yang cuba diusahakan oleh Dato' Onn termasuklah desakan:

1. Melantik seorang Melayu menjadi timbalan pesuruhjaya tinggi.
2. Pembesaran rejimen Askar Melayu serta peluang kenaikan pangkat dan peningkatan pendidikan.
3. Meluaskan peluang kemasukan dalam perkhidmatan awam.
4. Membanyakkan biasiswa kepada anak Melayu.
5. British memperuntukkan $10 juta bagi memajukan orang Melayu.

Adu domba Henry Gurney menyebabkan meletusnya krisis Dato' Onn dengan raja-raja Melayu. UMNO pula menyokong penuh Dato' Onn. Dato' Onn dalam ucapannya semasa perhimpunan UMNO di Butterworth pada tahun 1949 menyatakan, "Hari-hari pemerintahan feudal sudah berakhir. Kita berada di zaman demokrasi dan pemerintah berperlembagaan. Kita tidak boleh bertolak ansur dan menindas negeri kita ...." Krisis Dato' Onn dengan raja-raja Melayu berakhir apabila beliau diberhentikan daripada jawatan menteri besar Johor. Sejak itu Dato Onn memilih UMNO sebagai tumpuan perjuangannya.

Bagi mengukuhkan kedudukan politik UMNO, Dato' Onn telah menubuhkan sayap kanan UMNO iaitu "Perikatan

Pemuda UMNO" pada 26 Ogos 1949 dalam satu pertemuan 25 wakil daripada 14 bahagian UMNO. Kapten Hussein Onn telah dilantik menjadi ketua Pemuda UMNO itu.

Tahun 1949 merupakan satu persimpangan bagi UMNO. Dato' Onn cuba mempengaruhi pemikiran UMNO untuk dijadikan sebuah parti pelbagai kaum. Langkah pertama ialah memberikan taraf ahli bersekutu kepada orang bukan Melayu.[59] Ketika itu mungkin Dato' Onn tidak yakin orang Melayu boleh berkerajaan sendiri dan mencapai kemerdekaan tanpa kerjasama daripada bangsa asing. Hal ini disebabkan adanya orang bukan Melayu yang menjadi warganegara melalui Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Akhbar *Straits Times, Malay Mail* dan *Straits Echo* sering membuat liputan tentang UMNO dan cuba mempengaruhi pendapat umum. Pihak British melalui Malcolm MacDonald iaitu *commissioner general* bagi Asia Tenggara memainkan peranan dan mempengaruhi pemikiran "kerjasama antara kaum" bagi masa depan Tanah Melayu. Pertemuan awal adalah antara wakil Melayu dengan Cina, tetapi berikutan tambahan ahli daripada kaum yang lain, pada 10 Januari 1949, jawatankuasa ini diubah nama menjadi *communities liasion committee* (CLC)[60] atau jawatankuasa hubungan kaum.

CLC telah mencadangkan pindaan bab XII Perlembagaan 1948 untuk mengiktiraf *jus soli* (kelahiran) sebagai asas kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu. Ini disebabkan dalam Perlembagaan 1948 termaktub fasal rakyat raja dan rakyat Persekutuan. Perlembagaan tahun 1948 hanya mengiktiraf orang Melayu yang beragama Islam, yang mengamalkan kebudayaan Melayu, ibu bapanya Melayu serta lahir di negeri-negeri Melayu, menjadi rakyat raja. Orang Asli digolongkan sebagai rakyat raja. CLC mendesak supaya undang-undang "mengikut kelahiran" (jus soli) digunakan di negeri-negeri Melayu iaitu memberikan kerakyatan kepada orang Asia yang ibu bapanya juga lahir di negeri-negeri Melayu.

Dato' Onn dan rakan-rakannya mengubah sikap kemelayuan kepada perpaduan kaum. Mereka mengandaikan kaum bukan Melayu pada keseluruhannya tidak berminat kepada politik tempatan. Mereka lebih banyak menumpukan

minat dalam bidang ekonomi Tanah Melayu dan minat politiknya dicurahkan ke negara asalnya. Sikap Tunku Abdul Rahman yang menggantikan Dato' Onn tidak banyak bezanya. Beliau juga memegang falsafah dan keyakinan *quid pro quo* di sepanjang kepemimpinannya. Idea "penyerapan" bukan Melayu dalam UMNO tidak dapat diterima pada zaman Dato' Onn, tetapi idea "percantuman" dengan parti bukan Melayu kelihatan diterima setelah tiga tahun Dato' Onn meninggalkan UMNO. Kadang-kadang kita mungkin terpaksa mengakui hakikat psikologi Melayu, iaitu mahu melihat hasilnya dahulu atau mahu melihat bukti faedah daripada sesuatu tindakan. Namun sejarah telah membuktikan bahawa pendapat dalam UMNO bercanggah dalam soal membuka keanggotaan UMNO kepada semua kaum. UMNO Kedah, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Johor, SABERKAS, Terengganu dan Kesatuan Melayu Singapura menyokong idea Dato' Onn, iaitu lapan menyokong berbanding dengan 14 yang menentang.

Inilah keretakan awal dalam kepimpinan UMNO setelah berjaya menumbangkan Malayan Union. Dato' Onn telah dikecam sebagai "pembelot" dan "penjual bangsa Melayu". Akhbar *Majlis* pada 2 Mei 1950 mengingatkan:

> ... akhirnya Dato' Onn dipujuk oleh Tan Cheng Lock dan MacDonald. Tan Cheng Lock dapat kepercayaan dari orang-orang besar Melayu termasuk Dato' Onn untuk menghidupkan kembali bara api itu, menggunakan idea satu rupa bangsa sebagai jalan bagi menghilangkan komunis, tetapi bukanlah komunis itu orang-orang Cina. Maka orang-orang Melayu telah berjaya menghancurkan komunis kenapa patut berkongsi sama dengan orang-orang asing?[61]

Orang Melayu ketika itu tidak dapat melihat rasional daripada cadangan Dato' Onn untuk berkongsi hak dengan orang bukan Melayu. *Majlis,* sebuah akhbar Melayu yang berpengaruh, mengingatkan pembacanya pada 20 Jun 1950:

> Bahawa orang-orang Melayu pada masa ini belum mahu mengiktiraf kehendak anak-anak dagang dengan sebab selama ini mereka sentiasa memberi tetapi tidak menerima dari mereka ....

Keputusan CLC pada umumnya membawa padah kepada Dato' Onn, tetapi sebahagian idea CLC kemudian menjadi gagasan perlembagaan negara ini. Daripada isu keanggotaan bukan Melayu dalam UMNO, kewarganegaraan *jus soli* dan sikap ahli UMNO ketika itu yang mahu mengekalkan Persekutuan Tanah Melayu sebagai milik orang Melayu sahaja.

Tentangan daripada orang Melayu menyebabkan Dato' Onn meletakkan jawatan sebagai yang dipertua UMNO pada 10 Jun 1950. Perletakan jawatan itu menyebabkan UMNO menyedari bahawa mereka tidak mempunyai pemimpin gantian. UMNO Perak mencadangkan perlantikan semula Dato' Onn. Pada 28 Julai 1950 beribu-ribu perwakilan UMNO menyertai satu perarakan di Johor Bahru bagi memujuk Dato' Onn memimpin semula UMNO.

Pada 27 Ogos 1950, perhimpunan agung UMNO di Kuala Kangsar telah memilih Dato' Onn dalam satu pemilihan jawatan yang dipertua UMNO yang dimenangi dengan mudah oleh Dato' Onn iaitu 66 lawan tiga undi. Sudah menjadi satu kecenderungan dalam politik Melayu ketika itu, tidak bersedia memalukan pemimpin. Akhirnya kos yang mahal terpaksa ditanggung oleh persidangan UMNO itu sehingga satu "simbol" penerimaan semula Dato' Onn iaitu cadangan kewarganegaraan yang disyorkan oleh CLC dan ditentang oleh UMNO diterima oleh persidangan UMNO tahun 1950. Dengan itu juga Dato' Onn telah berjaya menguji pengaruhnya dan kepentingan kepemimpinannya dalam UMNO khasnya, di kalangan orang-orang Melayu amnya.[62]

Krisis terus melanda UMNO apabila Dato' Onn terus menguji pengaruhnya dengan membuat cadangan yang sukar diterima oleh orang Melayu ketika itu. Menurut Ramlah Adam:

> ... penentangan orang Melayu terhadap syor Dato' Onn adalah kerana tiga sebab, pertamanya, dengan menukarkan nama UMNO seperti Perlembagaan UMNO terpaksa ditukarkan; dengan ini menghilangkan sifat-sifat kemelayuan yang terkandung di dalamnya. Keduanya, UMNO satu-satunya badan yang memperjuangkan politik dan so-

> sial orang Melayu, dengan syor Dato' Onn itu orang Melayu di masa akan datang tiada keistimewaan lagi di dalam UMNO. Ketiganya, dengan memberikan keahlian biasa kepada kaum asing bererti mereka boleh menjadi pegawai-pegawai UMNO di peringkat bahagian, cawangan dan pusat; dengan ini soal-soal kepentingan orang Melayu tidak dapat diketengahkan, ertinya keselamatan orang Melayu tidak ada lagi. Kaum asing memang tidak menunjukkan minatnya terhadap soal-soal Tanah Melayu; seperti yang berlaku di zaman darurat, pengalaman orang Melayu dalam zaman itu telah cukup untuk menolak dengan tegas syor Dato' Onn ini.[63]

Dato' Onn gagal lagi dalam menguji ketokohannya dan pengaruhnya apabila UMNO menolak cadangannya buat kali kedua. Kali ini tidak ada pujukan untuk Dato' Onn oleh orang Melayu. Dato' Onn meletakkan jawatan bukan kerana kuasa tetapi ideologi "perpaduan kaum" yang tidak dapat diterima oleh orang Melayu pada awal zaman darurat. Satu kelemahan Dato' Onn ialah kesilapan perkiraan dari segi masa, iaitu darurat yang menyambung kegetiran orang Melayu terhadap tindakan komunis yang memberikan refleksi kepada kaum Cina ketika itu. Namun sejarah telah membuktikan Dato' Onn sebagai penggerak UMNO 1946-1951.

Para sarjana tercari-cari jawapan sebenar mengapa Dato' Onn mahu membuka keanggotaan UMNO kepada kaum lain. Hanya Dato' Onn sahaja yang mengetahuinya, tetapi beberapa persoalan boleh ditimbulkan seperti:

1. Dato' Onn menjadi alat mainan politik Inggeris.
2. Dato' Onn memang tokoh perpaduan kaum.
3. Dato' Onn tidak suka berlaku lagi pertikaian kaum seperti pada tahun 1945.
4. Dato' Onn terpedaya dengan janji kosong Tan Cheng Lock yang mahu menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang menjadi parti pelbagai kaum. Tan Cheng Lock bagaimanapun kekal terus dalam MCA[64] dan Dato' Onn hanyut sendirian akhirnya.
5. Dato' Onn yakin orang Melayu akan terus menyokongnya sebagai pemimpin yang berpengaruh.

Amat jelas bahawa krisis dalam UMNO ini bukan kerana perebutan kuasa, tetapi pertentangan idea antara pemimpin dan ahli UMNO yang masih kental, semangat kemelayuannya. Tidak pula jelas konflik antara golongan aristokrat dengan rakyat jelata. Malah Dato' Onn sendiri dikatakan mencari penggantinya iaitu Tunku Abdul Rahman sebagai calon yang dipertua UMNO. Dato' Onn percaya Tunku Abdul Rahman, seorang timbalan pendakwa raya, sesuai dengan UMNO yang konservatif dan feudalistik. Ada juga versi lain yang mengatakan bahawa Dato' Abdul Razak yang memujuk Tunku Abdul Rahman menjadi yang dipertua UMNO.

Supaya ada keadilan sejarah, elok diperhatikan bagaimana Dato' Onn terperangkap oleh perubahan dan masa. Sebelum 1945, British mengiktiraf raja-raja Melayu dan negeri-negeri Melayu, malah British memerintah secara tidak langsung melalui raja-raja Melayu. Tetapi dengan Malayan Union, hak orang Melayu terhadap negaranya dinafikan. Pada zahirnya hak tersebut dikembalikan melalui penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi termaktubnya dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu fasal kerakyatan dalam kewarganegaraan Persekutuan, monopoli Melayu terhadap negaranya dan kerakyatan memberikan hak politik kepada orang bukan Melayu. Pemilikan hak politik dengan kedudukan ekonomi bukan Melayu yang kukuh menyebabkan Dato' Onn mempunyai visi masa depan politik negara. Di sinilah letaknya jurang antara Dato' Onn dengan anggota UMNO, idealisme Dato' Onn tidak dapat dihayati bersama oleh pengikutnya.

Inilah krisis kepimpinan yang pertama dalam UMNO tetapi tidak menjejaskan struktur UMNO, sekadar proses pembudayaan UMNO sebagai parti pelbagai kaum ditolak pada waktu itu. Namun suatu hakikat yang wujud, iaitu terdapatnya pengikut setia Dato' Onn yang menguasai kepimpinan dan berpengaruh dalam UMNO.

Dato' Onn telah bertindak mengikut Perlembagaan UMNO yang diluluskan di perhimpunan agung UMNO di Perlis pada 29 Mei 1949. Penggubalan perlembagaan ini adalah berasaskan piagam tahun 1946. Perubahan penting yang

ketara ialah:

1. Tujuan UMNO.
2. Kaedah penubuhan bahagian dan cawangan UMNO.
3. Sistem pentadbiran UMNO.

Daripada Perlembagaan UMNO 1949 itu, objektifnya juga adalah lebih ketara iaitu dapat digolongkan seperti yang berikut:

1. Memelihara dan menyusun UMNO sebagai organisasi politik yang cekap.
2. Berjaya memperjuangkan sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat.
3. Berjanji meningkatkan kemajuan penduduk dari segi politik, sosial, budaya dan ekonomi.
4. Memelihara dan menyebarkan agama Islam.

UMNO sesungguhnya sedar tentang perubahan yang wujud pada tahun 1949 itu. Oleh sebab itu perlembagaannya menyatakan UMNO akan "bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain di Malaya dan di sesebuah negeri di Malaya itu akan sebarang ikhtiar atau langkah yang berkenaan dengan hal-hal siasah atau lain-lain yang sesuai dengan undang-undang tubuh UMNO itu". Walaupun antagonisme politik berlaku kerana persoalan "bentuk kerjasama", namun yang demikian amat jelas persepsi penguasa dengan kelompok yang dipimpin amat berbeza. Dua faktor yang mempengaruhi atau yang menentukan persepsi mereka iaitu faktor rangsangan dan faktor fungsional. Terdapat tiga unsur dalam faktor rangsangan, iaitu persamaan (similarity), kehampiran (proximity) dan suasana (context). Manakala faktor fungsional pula termasuklah perhatian, keperluan, kelengkapan, persediaan dan pertahanan persepsi itu sendiri. Antara Dato' Onn dengan UMNO terdapat persepsi yang berbeza.

Dalam menilai persepsi yang benar, jika dilihat kemudiannya, Dato' Onn yang berjiwa perpaduan kaum telah menubuhkan parti pelbagai kaum yang dinamakan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) pada tahun 1951. Idealisme Dato' Onn tentang perpaduan kaum melalui satu parti berkecai apabila

pemimpin bukan Melayu yang berpengaruh enggan menyertai IMP. Sebaliknya, UMNO mulai tahun 1953, telah bekerjasama dengan MCA dalam pilihanraya Majlis Perbandaran. Dato' Onn akhirnya kembali kepada perjuangan asalnya iaitu berjuang untuk orang Melayu dengan menubuhkan Parti Negara pada tahun 1953. Kembalinya semula Dato' Onn ke "alam Melayu" sudah tidak kena pada masanya. Ketika itu UMNO telah berubah sikap iaitu bersetuju bekerjasama dengan MCA, diikuti oleh MIC yang kemudiannya melahirkan Perikatan UMNO-MCA-MIC. Ketika itu Parti Negara menghadapi Perikatan sebagai lawannya. Paling jelas setakat itu UMNO adalah parti politik yang pragmatik.

## UMNO di Bawah Pimpinan Tunku Abdul Rahman

Tunku Abdul Rahman mengambil alih pucuk pimpinan UMNO pada 27 Ogos 1951. Pada hari mengambil alih tugas ini, Tunku menjanjikan beberapa perkara sebagai garis untuk UMNO bertindak semasa di bawah kepimpinannya. Pertama, Tunku berpegang kepada falsafah kepimpinan Mahatma Ghandi, nasionalis India ketika itu, iaitu "ketua kaum seorang hamba yang mempersembahkan diri supaya menjadi pesuruh kepada sekalian rakyat dan pekerjanya dan mengorbankan diri untuk berkhidmat kepada rakyat jelata".

Kedua, mengikut adat Melayu, Tunku merendah diri dengan menyatakan kedaifan sifatnya dan menyifatkan Dato' Onn sebagai penganjur Melayu yang terkenal pada zaman itu. Ketiga, jiwa nasionalis Tunku cuba diterapkan di kalangan anggota UMNO apabila Tunku mengungkitkan soal bahasa Melayu dan kedudukan pegawai Melayu dalam pentadbiran negara. Malah Tunku juga meminta UMNO melihat gelagat bangsa-bangsa asing ketika itu. Tunku tegas sekali menyatakan, "Ini negeri hak Melayu dan berilah kelebihan kepada Melayu". Tunku mengambil alih UMNO dengan harapan supaya perpaduan Melayu lebih kental.

Nilai Tunku terhadap orang Melayu dapat dilihat dalam ucapannya: "Bangsa asing itu boleh mengetahui bahawa bangsa Melayu ini bukanlah bangsa yang ahmak". Manakala persepsi Tunku terhadap orang-orang bukan Melayu atau

bangsa-bangsa asing ketika itu adalah seperti yang berikut:

1. Pada masa orang Melayu bingkas menentang Malayan Union bangsa-bangsa asing cuma melihat sahaja. Mereka tidak masuk campur dan tidak mengambil peduli kerana mereka sedar bahawa yang kita tuntut adalah hak kita sendiri dan bangsa asing itu tidak mengambil bahagian kerana pada fikiran mereka, mereka tidak kena-mengena dengan pemerintahan negeri ini.
2. Tunku sering berpegang kepada falsafah berhijrah ke Tanah Melayu untuk "mencari nafkah dan kekayaan". Tunku juga sedar akan tuntutan hak politik orang bukan Melayu ketika itu adalah untuk mempertahankan hak-hak mereka yang ada. Satu hal yang pendapat Tunku tidak kukuh ketika itu ialah tanggapannya bahawa orang Cina dan India tidak mahu menjadi bangsa "Malayan" yang hendak diwujudkan oleh British. Tanggapan Tunku ini adalah berasaskan kepercayaannya bahawa orang Cina dan India lebih sayang kepada bahasa dan bangsa mereka sendiri.
3. Ingatan Tunku terhadap raja-raja Melayu. Tunku menggesa raja-raja supaya bersama rakyat dan mengetuai rakyat dalam perjuangan Melayu menuntut kemerdekaan. Tunku meminta raja-raja Melayu supaya jangan menjadi alat atau "menjadi senjata bangsa asing yang akan mematahkan perjuangan cita-cita rakyat dan akan membinasakan rakyatnya sendiri. Ingatlah apa yang akan terjadi jika negeri ini dimalayankan, nescaya kota-kota raja tetap dirobohkan. Maksud Tunku di sini ialah jika orang bukan Melayu yang memerintah, institusi sultan turut berkubur.
4. Tunku juga menyentuh masalah tanah simpanan Melayu yang menjadi isu masyarakat Melayu sejak sebelum perang lagi. Kelonggaran syarat telah menyebabkan tanah-tanah orang Melayu tergadai. Oleh

sebab itu pada hari ini orang Melayu yang dahulunya bertempat di pekan-pekan telah lari jauh ke hulu dan ke tepi hutan, dan jika berkekalan seperti keadaan sekarang ini nescaya orang Melayu akan terusir jauh lagi ke dalam hutan dan ke gunung-gunung. Tunku mengajak UMNO menuntut supaya "diperuntukkan tanah dalam pekan kepada orang Melayu dan tanah di luar pekan mestilah dikawal dengan kuat untuk Melayu".

5. Dengan nada penuh semangat, Tunku mempengaruhi perwakilan UMNO dengan mencabar orang Melayu supaya lebih berani, bertanggungjawab dan gigih serta berkorban untuk bangsanya, "janganlah sampai kita dituduh oleh keturunan kita bahawa kita ini bacul dan hidup dengan sia-sia sahaja".

Tunku menyifatkan krisis kepimpinan UMNO tahun 1951 itu sebagai "dahsyat". Tunku mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap UMNO kerana bagi Tunku "jika UMNO runtuh nescaya binasalah Melayu sekalian".

Titik perubahan perjuangan UMNO juga ketara pada akhir tahun 1951. Cogan kata "Hidup Melayu" menunjukkan UMNO berjuang untuk menjamin serta melindungi orang Melayu. Setengah-setengah sarjana menyifatkan UMNO ketika itu sebagai konservatif dan sederhana.

Pada tahun 1951 itu juga UMNO menghadapi saingan baru dalam politik Melayu iaitu golongan Islam.[66] Malah Persatuan Melayu Singapura mencadangkan UMNO patut memperjuangkan penubuhan bangsa Islam. Bagi mendapatkan sokongan daripada golongan Islam, UMNO menaja satu persidangan ulama di Muar pada 21-22 Januari 1950. Persidangan ini dihadiri oleh 40 perwakilan dan 300 orang pemerhati yang terdiri daripada alim ulama dalam UMNO, wakil Majlis Agama Islam negeri dan organisasi Islam yang lain. Daripada persidangan inilah lahir beberapa usul tentang pentadbiran Islam[67] dan juga penubuhan Persatuan Ulama-ulama Se-Malaysia.

Persatuan ulama ini kemudiannya mengadakan beberapa

mesyuarat. Dalam mesyuarat akhirnya di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951 telah diputuskan perkara pentadbiran Islam. Kedua ialah keputusan menubuhkan sebuah parti politik Islam yang bebas. Haji Ahmad Fuad b. Hassan, Ketua Jabatan Agama UMNO dilantik mengetuai badan penggubal perlembagaan Persatuan Islam Se-Malaysia.[68] Persatuan ini ditubuhkan secara rasmi dalam persidangan Persatuan Ulama di Butterworth pada 24 November 1951.

PAS sebagai parti politik dari segi keanggotaan tidak memperlihatkan sokongan yang menyeluruh, sehinggalah tahun 1953, apabila perlembagaan parti itu disusun semula dengan meletakkan kemerdekaan sebagai objektif utama; keduanya, menyempurnakan matlamat Islam untuk masyarakat keseluruhannya dan ketiga, membentuk kerajaan Islam.

Pada tahun 1951 UMNO telah mengubah slogannya daripada "Hidup Melayu" kepada "Merdeka", tetapi pada tahun itu juga ramai pemimpin UMNO meninggalkan parti itu. Dalam ucapan di perhimpunan Pemuda UMNO sempena ulang tahun keempat Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1952, yang dipertua UMNO telah mengulas perlembagaan tersebut, "Maka penganjur-pengajur tersebut telah ikut sama meninggalkan UMNO seumpama tikus meninggalkan kapal yang disangkanya karam". Tunku Abdul Rahman amat bergantung harap kepada Sardon Jubir dan Dato' Abdul Razak Hussein dalam mengendalikan UMNO.

Keadaan pada tahun 1951 dan 1952 tidak banyak bezanya dengan krisis kepemimpinan yang dihadapi oleh UMNO hari ini. Tunku amat mengharapkan ahli-ahli UMNO mempunyai perasaan dan semangat yang kuat dan meyakinkan bahawa UMNOlah satu-satunya tempat untuk orang Melayu bersatu padu. Tunku menegaskan bahawa UMNO ditubuhkan bukan sebagai perhiasan untuk dilihat oleh bangsa asing, malahan adalah "untuk mencapai kemerdekaan sehingga semua kuasa memerintah negeri ini jatuh ke tangan kita".

Dalam keadaan UMNO kehilangan tokoh-tokoh yang berpengaruh, yang meninggalkan UMNO, yang dipertua UMNO menaruh harapan kepada Pemuda dan Kaum Ibu (Wanita): "UMNO ini umpama lampu dan Pemudalah se-

bagai minyaknya dan Kaum Ibu sebagai sumbunya". Tunku Abdul Rahman ingin penyertaan aktif golongan pemuda dalam jentera UMNO.

Tunku Abdul Rahman, dalam pandangan hidupnya, mengakui pemuda Melayu adalah golongan yang bersemangat, sesuai dengan tugas menjaga "keamanan negeri", misalnya menjadi polis dan tentera. Sentimen ini dimainkan kerana ketika itu merupakan zaman darurat. Nilai masyarakat terhadap tugas keamanan juga tinggi.

Tunku juga memainkan sentimen orang Melayu dan ahli UMNO khususnya terhadap sikap Inggeris yang disifatkan sebagai "tidak lagi menaruh timbang rasa di atas kedudukan orang Melayu. Tujuan mereka hanya semata-mata hendak mencari kekayaan bagi bangsa dan negeri mereka sahaja". Tunku tidak bersetuju dengan hak sama-rata dengan bangsa-bangsa lain kerana "hak yang diberikan kepada orang Melayu tidaklah memadai dan berpadanan dengan taraf kita sebagai tuan punya hak negeri ini".

## Membina Semangat Merdeka

Tunku sedar bahawa pada ketika itu UMNO dianggap lemah oleh British. Helah dan cadangan Tunku dalam Majlis Undangan Persekutuan supaya jawatan timbalan pesuruhjaya tinggi dipegang oleh orang daripada bangsa Asia telah ditolak. Jawatan timbalan pesuruhjaya tinggi itu disifatkan oleh Tunku sebagai satu usaha mencengkam dan melemahkan orang Melayu.

Kekuatan UMNO setakat tahun 1951 ialah sekadar mempertahankan sisa-sisa hak orang Melayu, "... dalam pada itu apa yang pihak pemerintah buat dengan mencuri-curi di belakang kita tidaklah terdapat kita menentangnya".

## Angin Perubahan

Pada tahun 1952 Tunku menyedari bahawa ahli-ahli UMNO masih ramai yang kurang yakin terhadap kepemimpinannya. Pada Tunku, sebabnya ialah "pertama, saya seorang yang berturunan raja dan kedua, saya belum ada pengalaman yang cukup di dalam perkara-perkara politik". Jika ditafsir ke-

nyataan Tunku itu menunjukkan seolah-olah wujud tentangan terhadap elit feudal dalam organisasi UMNO. Ini merupakan satu perkembangan baru dalam sikap orang Melayu,[69] dan menunjukkan bahawa ada pengkaji sejarah politik orang Melayu menganggap tempoh 1946-57 sebagai "kesetiaan fasa transisi".

Tahun 1952 masih merupakan tahun yang getir dalam UMNO, akibat perpecahan dalam arus perjuangan UMNO. Pengaruh Dato' Onn meninggalkan UMNO menjejaskan kelicinan pentadbiran UMNO.

> Keberhentian pegawai-pegawai yang mustahak dan berpengalaman di dalam UMNO itu telah menambahkan lebih-lebih kuat lagi tanggapan saya. Siapakah orang-orang yang boleh menjalankan kerja-kerja yang ditinggalkan itu? Sudahlah begitu ... setengah-setengah yang cenderung kepada Dato' Onn dan setengah-setengahnya sengaja membuat kacau di dalam bahagian itu. Dengan kerana hal yang semacam ini jadilah berbagai-bagai perkara yang mengacau-bilaukan serta mengelirukan akal dan fikiran ahli-ahli UMNO di dalam bahagian-bahagian itu.

UMNO juga kehilangan wakil berpengaruh dalam Dewan Undangan Persekutuan.

Bagi membuktikan kesungguhan UMNO menuntut kemerdekaan, Tunku telah menyebutkan hal UMNO menggantikan salam "Tabik Tuan" kepada slogan baru iaitu "Merdeka".

UMNO juga terlibat dalam menuntut kemerdekaan. Semasa Mr. Littleton, menteri Jajahan Takluk Inggeris melawat Tanah Melayu, Tunku dan rombongan UMNO yang disertai oleh Datuk Abdul Razak, C.M. Yusuf dan Sardon Jubir telah berbincang tentang mendapatkan kemerdekaan. Littleton, menurut Tunku, sekadar menjawab, "Kemerdekaan ini akan diserahkan ketika darurat telah tamat dan pada masa penduduk negeri ini pada segala bangsa telah bersatu faham". Tekanan untuk merdeka dengan bersyarat merupakan satu dasar Inggeris yang halus untuk orang Melayu menerima orang bukan Melayu sebagai warganegara. Pesuruhjaya tinggi

British mengumumkan bahawa dasar kerajaan British ialah memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu "apabila rakyat telah bersatu padu". Sikap Inggeris itu disokong oleh Amerika Syarikat.

## Ke Arah Kemerdekaan

Tunku menyebut dua pilihan untuk merdeka iaitu tidak menggunakan kekerasan dengan jangkaan ada sokongan daripada negara luar. Kedua ialah dengan cara kekerasan, dengan menumpahkan darah. Tunku memilih jalan yang pertama.

Ucapan Tunku dalam persidangan UMNO pada Mac 1952 menunjukkan "perpaduan dan kesefahaman" adalah dipaksa ke atas orang Melayu. Perpaduan menjadi syarat jika mahu merdeka. Oleh itu Tunku ingin mendapatkan pandangan ahli tentang syarat "perpaduan" untuk memperoleh kemerdekaan.

Keraguan orang Melayu terhadap orang Cina ketika itu masih tebal, malah UMNO sendiri mempersoalkan hal yang sama. Persefahaman yang dibuat dengan keikhlasan UMNO adalah semata-mata membuktikan kepada Inggeris bahawa Melayu dan Cina boleh bersatu, kerana kata Tunku lagi:

> Memang di dalam pilihanraya Kuala Lumpur itu jika UMNO dan MCA tidak bersama-sama pun UMNO boleh menang, tetapi apa yang dilakukan itu bukanlah tujuan semata-mata hendak menang pilihanraya, malahan untuk menduga dan mencuba bolehkah atau tidak, dua buah pertubuhan yang besar dari dua bangsa yang banyak penduduk di dalam negeri ini bersatu padu, di dalam menuju satu cita-cita besar kelak.

Pada awal tahun 1950-an, dari segi hubungan dengan Kerajaan British, UMNO kelihatan sebagai parti pembangkang. Pesuruhjaya Tinggi Gerald Templer (1952 – 54) telah menjelaskan perancangan British untuk mengadakan pilihanraya, dan Gerald Templer juga cuba menyelesaikan isu kerakyatan. Tunku selaku presiden UMNO menyetujui dengan syor mendapatkan kerakyatan secara undang-undang (by operation of law) dan secara "naturalization", tetapi tidak bersetuju dengan syor memberi kerakyatan kepada orang [bukan Me-

layu] yang masuk berkhidmat dalam pasukan keselamatan selama tiga tahun, kerana "hal seperti ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana negeri ...."

Pengorbanan orang Melayu dalam menentang komunis juga mendapat perhatian UMNO. Presiden UMNO telah menuntut supaya orang Melayu yang telah berkhidmat dalam pasukan keselamatan yang dibentuk khas untuk menghadapi darurat diberikan tanah percuma untuk dibuat kampung dan bertani. Itulah sebabnya pada akhir tahun 1950-an, terdapat tanah-tanah perkampungan yang diperuntukkan kepada polis khas (special constable) yang disebut "Tanah SC". Pada zaman darurat kebanyakan orang bukan Melayu enggan, secara kerahan tenaga, menyertai perkhidmatan negara. Keadaan ini menimbulkan kesan psikologi politik jangka panjang iaitu seolah-olah adanya tembok pemisah antara dua kaum. Kebanyakan komunis adalah orang Cina manakala pasukan keselamatan kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu. Orang Cina seolah-olah menyokong ideologi komunis yang bertujuan mengambil alih pemerintahan negara ini, manakala orang Melayu mempertahankan ibu pertiwinya. Dilema "kesetiaan" ini menjadi satu *stikma* dan *sindrom* dalam politik negara ini.

Tahun 1952 memperlihatkan perpaduan UMNO terhadap pendidikan UMNO melalui pemimpinnya dapat menganggotai Jawatankuasa L.J Barnes (1951)[70] yang mengkaji semula sistem pendidikan negara ini pada tahun itu. Jawatankuasa ini bimbang tentang keadaan Tanah Melayu ketika itu yang diterjemah sebagai berikut:[71]

> Kaum pendatang telah mengambil kesempatan daripada sikap tidak peduli orang Melayu, dengan memperkenalkan sistem jual beli secara berhutang [padi kunca] .... Mereka telah memulakan penindasan ekonomi orang Melayu dengan terang-terang di hadapan kuasa pelindung [Inggeris] .... Tanah Melayu telah menjadi wilayah Cina ke-19 dalam semua hal kecuali pemerintahan; sebab orang Cina masih lagi belum mengalihkan pandangan mereka kepada pemerintahan ... semua peluang orang yang selama ini dinaungi

Inggeris pasti akan dihapuskan untuk membentuk sebuah negara.

Laporan L.J. Barnes membentangkan kelemahan orang Melayu[72] dan menyatakan kebimbangan keadaan hubungan kaum yang kian tegang ketika itu. Barnes mengesyorkan satu sistem pendidikan sekolah rendah sebagai alternatif melahirkan satu rupa bentuk rakyat Tanah Melayu pada masa depan. Anehnya syor L.J. Barnes yang menggunakan pendekatan dissimilasi tidak dilaksanakan, sebaliknya ditubuh pula jawatankuasa pendidikan yang mengenai sekolah Cina yang bersifat pluralisme. Jawatankuasa ini mempertahankan bahasa dan kebudayaan Cina yang dianggap antara bahasa dan kebudayaan yang terbesar di dunia.[73] Akhirnya Kerajaan Inggeris mencantumkan kedua-dua Laporan Barnes dan Fenn-Wu menjadi Ordinan Pelajar 1952 yang memperaku penubuhan sekolah kebangsaan dalam bahasa Melayu di sekolah Inggeris.

Tunku berbangga mewakili UMNO dalam Jawatankuasa Barnes dan mengharap beliau disokong oleh orang bukan Melayu, dan orang Melayu diseru supaya menitikberatkan bidang pendidikan. Tunku memuji langkah UMNO mendirikan beberapa buah sekolah Inggeris termasuklah "Tengku Mariam English School". UMNO Kedah pula telah mendirikan Sekolah UMNO.

Tahun 1952 menunjukkan kedudukan UMNO yang semakin mantap dengan ahlinya lebih kurang 30 000 orang pada akhir bulan Mac. Bilangan cawangan UMNO juga bertambah. Pada tahun itu juga, dengan kerjasama menteri besar Selangor, Yang Mulia Raja Uda dengan limpah perkenan kerajaan Selangor, UMNO memiliki tiga lot tanah di Batu Road [Jalan Tuanku Abdul Rahman] untuk dijadikan tapak ibu pejabat UMNO.

## Berakhir "Hidup Melayu"

Di Seberang Perai pada tahun 1952, perhimpunan agung UMNO diadakan serentak dengan perhimpunan Pemuda. Bagi Tunku ketika itu "sekiranya Pemuda kuat, kuatlah UMNO dan sebaliknya jika Pemuda lemah, lemahlah UMNO".

Dalam perasmian persidangan Pemuda inilah Tunku menerangkan usaha pihak berkuasa hendak memansuhkan Perikatan [Pemuda]. Pada masa yang sama Tunku menjelaskan bahawa pergerakan Pemuda telah mengubah cogan "Hidup Melayu" kepada "Merdeka". *Utusan Melayu* telah melaporkan:[74]

> Setelah dibahaskan dengan panjang lebarnya maka Perikatan Pemuda UMNO dalam mesyuarat agung setengah tahunan di Kelab Sultan Sulaiman pada petang semalam telah menerima syor cawangan UMNO Kuala Pilah supaya seruan "Hidup Melayu" ditukarkan kepada "Merdeka". Syor tersebut disokong oleh wakil cawangan Seberang Perai.
>
> Wakil Cawangan Rembau juga telah bangun menyokong syor itu dan menerangkan dengan jelas dan sepenuhnya. Katanya, "Sekiranya seseorang hendak ke Singapura kenapa dia mesti berkata hendak pergi ke Melaka, ke Muar, Johor, dan baru ke Singapura?"
>
> Yang Dipertua Perikatan Pemuda, Dato' Abdul Razak telah mencadangkan supaya seruan "Hidup Merdeka", suatu syor yang disokong oleh cawangan Johor Bahru, digunakan. Kata beliau perkataan "merdeka" ialah perkataan Indonesia, lagipun perkataan itu sudah sejuk kerana sudah lama digunakan oleh mereka. Cadangan itu telah diundi dan akhirnya seruan "Merdeka" telah menerima 17 suara lawan 12.

Satu lagi gejala yang ketara hingga ke tahun 1952 ialah kekurangan wang bagi menguruskan UMNO:

> UMNO ini bergantung kepada yuran dan yuran ini kalau dibayar semua tidak mencukupi bagi menjalankan perjuangan UMNO apalagi dengan yuran yang kita ada masa ini yang hanya satu pertiga sahaja. Sebab yang boleh jadi demikian ini ialah kerana bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan yang hanya menunggu ahli itu datang.

## Darurat, Pilihanraya dan Merdeka

Persidangan tahun ketujuh perhimpunan agung UMNO di tempat yang sama pada 14 dan 15 September 1952, telah di-

rasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Dalam mesyuarat ini Tunku menerangkan bahawa ada pihak yang ingin UMNO dibubarkan, "ada di antara pembesar kita yang suka hendak melihat UMNO berpecah dan bersendirian". Orang ramai di kampung juga tidak jelas tentang peranan UMNO. Oleh sebab itu UMNO menerbitkan buletinnya *Suara UMNO*.

Tunku juga bimbang dengan kemiskinan UMNO dari segi kewangan dan sikap ahli dalam menjelaskan yuran dan derma. Derma bagi Rumah UMNO sehingga akhir tahun 1952 belum terkumpul satu peratus pun. Secara sinis Tunku mengatakan, "Kita bercadang hendak mendirikan kerajaan sendiri maka adakah munasabah pandangan tuan-tuan yang kita ini boleh mendirikannya padahal mendirikan ibu pejabat UMNO di Kuala Lumpur itu pun bukan kepalang susahnya."

Pada tahun 1952, UMNO telah mendesak diadakan pilihanraya Majlis Perbandaran, Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan. Salah satu strategi UMNO ialah meminta kerajaan membenarkan pegawai kerajaan yang memegang teraju parti bertanding dengan cara menggantungkan jawatan secara sementara.

Sehingga akhir tahun 1952, UMNO masih belum diberitahu "bentuk kemerdekaan" yang dituntutnya. Ini ialah kerana Tunku mahu ia benar-benar terancang, bukan dengan cara mendapatkan publisiti atau mencari populariti. "Saya memandang UMNO ini sebagai parti yang dikurniakan oleh Allah kepada bangsa Melayu untuk memelihara bangsa kita dan bukan parti permainan untuk ditunjukkan". Tunku mahu ahli-ahli UMNO tidak memburukkan nama UMNO kerana beliau percaya bahawa UMNO adalah Melayu dan beliau juga yakin "sekiranya bangsa Melayu hendak selamat di dalam dunia ini tidak dapat tiada UMNOlah juga yang akan menyelamatkannya".

Pada tahun itu juga, Tunku menyatakan pendiriannya bahawa kerjasama dengan kaum-kaum lain adalah perlu untuk mendapatkan kemerdekaan. Dalam persidangan ini Tunku cuba meyakinkan ahli-ahli UMNO. Di sinilah kita dapat melihat pola pemikiran Tunku yang mementingkan ke-

merdekaan. Tunku cuba lari daripada arus pemikiran konservatif Melayu terhadap orang Cina ketika itu kerana bagi Tunku "negara ini mempunyai kekayaan yang cukup bagi semua penduduknya yang menaruh taat setia yang tidak berbelah bagi kepadanya. Masalah ini bukanlah masalah yang patut kita pertingkatkan". Bagaimanapun Tunku memberikan syarat persefahaman iaitu:

> Kita kehendaki sahabat-sahabat kita memberi pengakuan terlebih dahulu bahawa kita bangsa Melayu ada hak yang utama dalam negeri ini sebagai bumiputeranya yang asal dan mengikut perjanjian-perjanjian yang dahulu dan sekarang yang diperbuat di antara Melayu dan Inggeris.

Tunku membidas sikap menteri Tanah Jajahan Inggeris yang menyatakan saluran kemerdekaan Tanah Melayu diberikan. Menteri Inggeris itu yakin dalam tempoh enam bulan sahaja pergaduhan antara kaum di negeri ini yang belum pernah disaksikan seumpamanya akan berakhir. Ramalan politik Littleton, menteri Inggeris itu ternyata meleset. Hakikatnya jika pun ada, ia hanya berlaku pada 13 Mei 1969, iaitu lebih tujuh tahun kemudian. Oleh sebab itu kemerdekaan Tanah Melayu menurut Kerajaan Inggeris pada tahun 1952 itu hanya boleh diberi 30 tahun kemudian iaitu pada tahun 1982.

Tunku memang tidak menyenangi Littleton, menteri Tanah Jajahan Inggeris itu, yang bersikap anti-Melayu. Gambaran buruk hubungan Melayu-Cina digembar-gemburkan oleh Inggeris dengan menghantar Dr. Victor Purcell sebagai "orang tengah" untuk menyelesaikannya. UMNO menolak untuk berunding dengan Dr. Purcell atas dua sebab iaitu kerana tidak ada perselisihan faham antara orang Melayu dengan orang Cina; kedua, orang Cina khususnya mesti boleh berunding terus dengan UMNO.

Tunku telah memetik ucapan ahli Parlimen, Earl of Lostowel di Parlimen Inggeris pada 27 Februari 1952, tentang cara memperbaiki hubungan antara orang Melayu dengan orang Cina. Tunku seolah-olah setuju dengan pembahagian hak siasah dan iktisad yang adil dengan cara:

> ... orang-orang Cina yang ada punya hak yang lebih dari-

pada Melayu kenalah memberikan setengah-setengah haknya itu kepada orang Melayu dan demikian juga Melayu yang ada hak-hak siasah yang lebih kenalah memberikan kepada Cina.'[75]

Dengan berterus terang Tunku membuat kesimpulan bahawa yang sebenarnya, orang Melayu sebagai tuan punya negeri tidak mempunyai apa-apa hak siasah kerana kunci pemerintahan semuanya di tangan Inggeris. Namun begitu kenyataan Tunku beralas juga kerana bukan Inggeris tidak menafikan sultan-sultan masih juga mempunyai sedikit kuasa hasil daripada sistem pemerintahan secara tidak langsung.

Sekadar Tunku mengingatkan walaupun beliau tidak menghalang rakyat bukan Melayu memegang jawatan MCS (sekarang dikenali sebagai PTD), tetapi bilangan orang Melayu hendaklah lebih banyak. Pada masa itu ada 42 pegawai MCS Melayu, sedangkan orang Inggeris seramai 240 orang. Tunku memberi bukti tentang kuasa ekonomi berada di tangan pemodal Inggeris, Cina dan India.

Perhimpunan agung UMNO di Melaka pada 4 dan 5 April 1953 merupakan persidangan penting yang bertujuan menerima atau menolak rancangan perundingan dengan MCA, Pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan dan halangan dari luar.

Dalam mempertahankan usaha, pihak pemimpin berunding dengan MCA. Ada setengah-setengah pengkaji berpendapat bahawa tahun 1950-an merupakan tahap kepemimpinan Melayu dikuasai oleh kapitalis Cina dalam MCA. Manakala tahun 1946-50 memperlihatkan penolakan orang Melayu terhadap idea republik. Dalam perundingan dengan MCA beberapa hal ditemui:

1. Memperakukan bahawa kaum Cina dan Melayu menunjukkan taat setia kepada negeri.
2. Orang Cina faham akan kebimbangan dan ketakutan orang Melayu terhadap kuasa politiknya dan ekonominya.
3. Orang Cina menginginkan sedikit kuasa politik untuk "memelihara nasib bangsa mereka".

4. Kuasa ekonomi banyak dipegang oleh kapitalis Eropah, hanya bakinya sahaja yang ada yang berada di tangan orang Cina.
5. MCA mengaku menyokong usaha memperbaiki kedudukan ekonomi Melayu.
6. Memantapkan syarat menjadi pengundi dalam pilihanraya kerajaan tempatan.

Antara syarat menjadi pengundi dalam pilihanraya kerajaan tempatan ialah rakyat raja-raja Melayu, rakyat Persekutuan Tanah Melayu, mereka yang lahir di Tanah Melayu dan rakyat British yang lahir di Tanah Melayu selama lima tahun.

Perhimpunan agung diminta menimbangkan hasil rundingan UMNO-MCA. Tunku mula menyebutkan perlunya bertolak ansur, dan meminta dipertimbangkan dengan adil "dan janganlah memikirkan untuk kita sahaja". Bagi memulihkan semula sikap orang Melayu terhadap orang bukan Melayu, Tunku yakin perasaan kewarganegaraan Tanah Melayu "mengambil masa yang panjang". Pada masa itu perasaan mereka hanyalah hendak menumpang hidup dan mencari kesenangan bukan untuk mereka sahaja tetapi untuk generasi mereka turun-temurun. Keyakinan Tunku ini amat tepat dan berasas sehingga kini masih jelas wujud ketebalan sifat perkauman masing-masing.

UMNO menuntut diadakan pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan lebih cepat dari tahun 1954. Jika tidak pilihanraya hanya diadakan pada tahun 1957 kerana tempoh perkhidmatan ahli Majlis Undangan Persekutuan yang dilantik pada tahun 1954 adalah selama tiga tahun. Cadangan UMNO ditentang oleh kumpulan "serpihan" UMNO yang menganggotai parti politik lain. Misalnya menteri besar Perak, Dato' Panglima Bukit Gantang menganggap penduduk Tanah Melayu belum bersedia, lalu mencadangkan tahun 1956 atau 1957 secepat-cepatnya. Kumpulan serpihan ini meminta ahli UMNO meninggalkan UMNO, memasuki Parti Kemerdekaan Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar.

Persidangan di Melaka itu telah mengecam habis-habisan kumpulan serpihan UMNO yang bernaung di bawah Parti Ke-

merdekaan Malaya. Tunku Abdul Rahman telah mengecam sikap Dato' Panglima Bukit Gantang, bekas setiausaha agung UMNO yang meninggalkan UMNO untuk bersama-sama kumpulan Melayu yang diketuai oleh Dato' Onn. Tunku telah dapat mengesan tekanan daripada kumpulan Dato' Onn yang boleh menggoncangkan kedudukan UMNO dalam mempengaruhi pemikiran orang Mélayu. Pada masa itu UMNO memerlukan sokongan daripada kaum lain. Kebetulan pula pada masa itu Tan Cheng Lock telah mengubah pendirian MCA, menarik diri daripada bergabung dengan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP).

Menurut G.P. Means,[76] Tan Cheng Lock dan Dato' Onn adalah tokoh utama dalam politik Tanah Melayu selepas perang. Kedua-duanya mempunyai persaingan politik dan peribadi. Ini boleh kita lihat dalam kontroversi Malayan Union dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Kedua-duanya amat dinamis dan masing-masing memiliki terlalu banyak kualiti *prima donna* di pentas politik. Oleh sebab itu MCA perlu bergabung dengan UMNO untuk menumpaskan IMP bagi semua kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (1952). UMNO-MCA memenangi sembilan daripada 12 kerusi majlis tersebut. IMP menang dua kerusi. Undi yang diperoleh oleh UMNO ialah 10 240, manakala IMP mendapat 6 641 undi. Kekalahan IMP itu merupakan satu pukulan hebat kepada Dato' Onn dan IMP. Tahun 1952-53 memperlihatkan percakaran politik antara IMP dan MCA.[77]

Usaha melemahkan UMNO dibuat oleh penyokong Dato' Onn. Kebanyakan menteri besar menyokong Dato' Onn dan sentiasa mencari jalan untuk melemahkan UMNO. Serangan politik dan tindak balas sentiasa berlaku antara UMNO dengan IMP. Jika dianalisa sengketa UMNO dan IMP memperlihatkan seolah-olah berlakunya konflik kelas dalam masyarakat Melayu. Tunku Abdul Rahman menyatakan:

> Satu perkara yang kita semua ketahui ialah pembesar-pembesar Melayu telah mengasingkan diri daripada rakyat jelata ... UMNO ini tiada mendapat sokongan daripada pembesar-pembesar politik. UMNO ini bertulangbelakangkan rakyat jelata sahaja ... pembesar-pembesar itu

> berdiri [di] barisan kerajaan British, kerajaan Melayu dan hartawan-hartawan dalam negeri ini.[78]

Tunku membangkitkan semangat ahli-ahli UMNO dengan mengatakan bahawa segala ancaman terhadap UMNO adalah umpama badai, ribut dan taufan. Terpulang kepada ahli untuk menghadapinya.

Ucapan Tunku di Melaka ini lebih banyak mengecam IMP yang sentiasa mencabar kewibawaan UMNO. Ini ternyata daripada perbezaan pendapat di antara pemimpin IMP dengan UMNO tentang soal kerusi ahli Majlis Undangan Persekutuan semasa transisi. IMP mahukan ahli dilantik oleh pesuruhjaya tinggi manakala UMNO mahukan ahli badan legislatif itu dipilih. Pada masa itu Tunku juga menyedari adanya orang Melayu yang mahu merdeka segera dengan cara revolusi tetapi UMNO mahu mendapatkan kemerdekaan secara perlembagaan.

## Berdikari dan Kesombongan Imigran

Pada tahun 1953, UMNO mula yakin akan kekuatannya yang kian meningkat. Tunku mengutuk sikap Kerajaan Inggeris yang memperkecil kebolehan orang Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan. Pada tahun itu timbul pula isu "menjadikan semua bangsa di negeri ini 'Malayan' barulah kita merdeka". Itulah yang disebut oleh Tunku sebagai perjanjian IMP. Tunku kelihatan amat positif bahawa akan lahir perubahan dalam jangka panjang.

> Buruk atau baik bangsa kita itu tiada boleh diubah perasaan kebangsaan Melayu itu. Begitu juga Cina dan India yang datang dari negeri yang merdeka yang mempunyai sejarah yang mereka bermegah-megah dan berasa sombong dengannya.[79]

Hampir setiap kali perhimpunan UMNO, Tunku sentiasa mengharapkan kerja keras daripada Pergerakan Pemuda UMNO. Daripada mulut pemudalah tercetusnya cogan "merdeka" dan dengan tenaga pemudalah juga kemerdekaan akan dapat dicapai.

Pada 14 Ogos 1953 Persidangan Organisasi Politik Melayu telah diadakan di Johor Bahru atas anjuran UMNO. Dalam ucapannya Tunku telah memaklumkan bahawa dalam rundingan dengan MCA pada 15 Mac 1953, MCA bersetuju dengan rancangan pilihanraya yang disyorkan oleh UMNO yang disusun oleh Dr. Ismail, Syed Nasir Ismail dan Sardon Jubir.

Hasil daripada kerjasama UMNO-MCA, sebanyak 49 daripada 84 kerusi Majlis-majlis Bandaran dimenangi. Daripada jumlah itu UMNO mendapat 49 kerusi dan MCA 20 kerusi.

Dalam menangkis sikap golongan Melayu, kecuali UMNO, yang enggan merdeka segera, Tunku meminta orang Melayu meletakkan kepercayaan kepada bangsa sendiri.

> Janganlah disifatkan bangsa tuan-tuan itu sebagai lembu yang siapa sahaja boleh mencucuk hidungnya. Ketahuilah bahawa bangsa kita ini sanggup memerintah negerinya sendiri sekiranya tidak diganggu oleh penjajah yang ada sekarang ini dan boleh bekerjasama dengan lain-lain bangsa yang menumpang dalam negeri ini.[80]

Tunku menyelar sikap setengah-setengah pemimpin Melayu yang bergantung kepada Inggeris. Terserlah sikap anti British Tunku. Beliau tidak senang dengan sikap Inggeris yang di samping melewatkan kemerdekaan telah memecah-belahkan penduduk Tanah Melayu secara halus:

> Kebanyakan orang kita menyangka iaitu dengan tidak ada British memelihara dan menjaga kita maka kita akan menjadi umpan bagi makanan bangsa lain yang menumpang duduk di sini. Selagi perasaan seumpama ini tidak dihapuskan maka selama itulah kita akan dihambakan oleh sebarang bangsa yang datang ke negeri ini.[81]

## Perhimpunan Kebangsaan

Pada 23 Ogos 1953, selaku pengerusi Perhimpunan Kebangsaan (National Convention) Tunku telah menyatakan azamnya membuktikan kepada dunia "yang kita [Melayu-Cina] boleh bersatu" dan Tunku juga mengutuk dasar pecah dan pe-

rintah yang dijalankan oleh Inggeris sejak dahulu lagi. Dalam konvensyen itu, kumpulan yang menyokong Dato' Onn tidak hadir. Means menyebutkan tiga parti politik yang hadir iaitu Kesatuan Melayu Semenanjung, Persatuan Islam Se-Tanah Melayu, Persatuan Persetiaan Melayu dan dua penaja konvensyen iaitu UMNO dan MCA.[82]

Tunku telah menggariskan ketetapan untuk menyegerakan pilihanraya dan mendirikan negara "Malaya" yang berkerajaan sendiri dalam Komanwel British. Malah ketetapan itu juga dibuat untuk memelihara kedudukan raja-raja Melayu sebagai ketua negeri yang berperlembagaan, memelihara kebebasan beragama, berfikir, bercakap, berpersatuan dan memelihara hak atau keselamatan, "Dan hendak melihatkan satu-satu kaum atau kumpulan rakyat tidak dinafikan tempatnya yang hak di bawah perlembagaan yang bebas."

UMNO mahu pilihanraya Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan diadakan sebaik sahaja habis tempoh ahli-ahli dewan itu pada 31 Januari 1954.

Dalam ucapan di konvensyen itu juga kita boleh melihat perubahan sikap Tunku terhadap British berdasarkan cita-cita Perikatan bagi mencapai kemerdekaan dalam lingkungan Komanwel, kerana pada pemikiran politik Tunku "tidak ada apa-apa bahayanya kita tinggal di dalam Komanwel". Tunku merumuskan:

> Baik apa pun kesilapan yang harus telah dilakukan oleh British di dalam riwayat penjajahannya yang panjang itu adalah suatu perkara yang telah terbukti dengan seterang-terangnya iaitu British telah menjadi johan keadilan dengan undang-undang dan cara hidup yang teratur.[83]

Di sinilah persimpangan pemikiran Tunku. Sebelum ini imejnya sebagai elit feudal yang berjiwa rakyat memperlihatkan sikap anti-British. Tetapi mungkin kesemua itu merupakan strategi politik untuk mencapai kemerdekaan.

Menjadi aspirasi pucuk pimpinan UMNO untuk memelihara kedudukan raja-raja Melayu sebagai ketua negeri. Alasan yang diberi bagi mengekalkan institusi tradisi Melayu ialah bahawa negara yang terdiri daripada pelbagai kaum ini ber-

kemungkinan mengalami konflik antara kaum. Oleh sebab itu adalah mustahak mengekalkan perlembagaan yang pada masa lalu menjadi pendamai antara kaum-kaum yang pelbagai bangsa itu. Tunku juga membayangkan bahawa Perlembagaan Tanah Melayu yang akan merdeka akan melihat "zahirnya satu bangsa baru iaitu bangsa Melayu merdeka di dalam Komanwel British.

Secara umum kelihatan berlaku perubahan sikap Tunku dalam mengemudikan UMNO. Pada tahun 1951 beliau menekankan 'kemelayuan' tetapi pada tahun 1953 Tunku berubah sikap akibat tekanan daripada Littleton yang menjamin bahawa Tanah Melayu hanya akan diberi kemerdekaan setelah pelbagai bangsa di negara itu boleh hidup dan menunjukkan kerjasama. Keinginan Tunku untuk segera mencapai kemerdekaan membawa kepada perubahan dasar UMNO, terutama selepas kemenangan pilihanraya perbandaran pada tahun 1953, sehingga Tunku tidak mengulas ura-ura penubuhan universiti Cina pada tahun 1953. Tunku mengetepikan hal yang boleh merosakkan perpaduan demi matlamat kemerdekaan. Keadaan ini menjadikan UMNO memiliki *extra ordinary flexibility* dalam hubungannya dengan orang bukan Melayu.[84]

Semasa pembukaan Persidangan Kaum Ibu (Wanita) UMNO di Alor Setar pada 11 September 1953 Tunku menjelaskan dua perkara iaitu UMNO bergantung kuat kepada kerja keras Pemuda UMNO. Pergerakan Wanita UMNO ketika itu masih dianggap lemah kerana beberapa perkara:

1. Belum memahami selok-belok politik.
2. Kurang inisiatif tentang pengetahuan politik dan tidak pula mempelajari daripada 'kaum bapa'.
3. Segera menonjolkan kebolehan.
4. Jika bergaul rapat kaum ibu akan bergaduh di antara satu sama lain, lalu sukar hendak diperbetulkan.

Tunku meminta kelemahan tersebut diperbaiki. Bagi wanita, Tunku mungkin merupakan *male chauvinist* apabila Tunku memuji "budaya" lelaki dalam UMNO sebelum merdeka yang jempul dan *gentleman.*[85]

> Sebaliknya pula kaum bapa, di dalam persidangan sentiasa bergaduh sampai hampir-hampir bertumbuk tetapi selepas persidangan mereka pergi makan bersama-sama dan lupalah apa yang berlaku di dalam persidangan tadi.

Walau apa juga kelemahan, UMNO amat memerlukan wanita UMNO sebagai "perayu" undi Perikatan dalam pilihanraya yang sepatutnya diadakan pada tahun 1954 itu. "... kenalah ingat bahawa kerana kurang satu undi kita boleh kalah dan kerana lebih satu undi kita boleh menang. Inilah tanggungan kaum ibu iaitu menarik semua pengundi supaya mengundi kepada kita".[86]

## Perikatan

Perhimpunan Kebangsaan anjuran UMNO-MCA pada 23 Ogos 1953 mendesak pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan diadakan pada tahun 1954, iaitu sebagai persiapan untuk merdeka. Namun begitu sikap Tunku terhadap British sudah tidak keras lagi. Tunku mahu merdeka dalam Komanwel. Inilah yang menjadi dasar perjuangan kemerdekaan UMNO. Sebabnya jelas kerana sistem perundangan dan pentadbiran Tanah Melayu menggunakan cara British. "Pendek kata kita serba-serbi ... semuanya cara British belaka. Dan kita sudah pun tahu dan merasa baik buruknya."

Musuh UMNO pada tahun 1953 ialah kumpulan penentang UMNO yang menghadiri Persidangan Kebangsaan (The National Conference) tajaan IMP dan menteri-menteri besar.[87] Persidangan ini gagal melahirkan satu "barisan nasional" untuk memperjuangkan kemerdekaan, dan ini menjadikan cabaran mereka kepada UMNO-MCA juga meleset. Akhirnya pada akhir Februari 1954 sebuah parti baru ditubuhkan iaitu Parti Negara. Parti Negara pimpinan Dato' Onn ini cuba kembali kepada Semangat 46 yang meraih simpati dan pengaruh orang Melayu. Ini disebabkan UMNO ketika itu telah melaksanakan cita-cita memerdekakan negara. Bezanya ialah Tunku mengekalkan identiti UMNO dalam satu "perkahwinan muda" dengan MCA. Sedangkan pada tahun 1951, Dato' Onn cuba membawa orang Cina dalam struktur UMNO. Sudah menjadi tabii politik Melayu "sukar menerima

sesuatu yang baru". Ini menjadikan pemimpin seperti Dato' Onn sebagai tokoh yang mendahului zamannya. Ideanya tidak mudah difahami dan dihayati. Ketika orang Melayu sudah dapat menerima idea "akomodasi" untuk merdeka dengan kaum lain, Dato' Onn cuba melahirkan nostalgia kegagahan Melayu dengan meletakkan dominasi ketuanan Melayu dalam cita-cita kemerdekaan negara. Oleh itu dalam politik Melayu, pemimpinnya berjudi dengan masa untuk meraih pengaruh dan simpati.

Lebih-lebih lagi ahli-ahli UMNO melalui pucuk pimpinan UMNO telah mengaitkan Dato' Onn dengan penjajah bagi menyemaikan perasaan kebencian pada ketika itu. Hubungan rapat Dato' Onn selaku menteri hal-ehwal dalam negeri dengan British menjadi "bahan politik"; perjuangan Dato' Onn dikatakan adalah untuk kepentingan penjajah lebih daripada untuk kepentingan Melayu.

Pada ketika itu UMNO menjadi semakin kuat dan dalam perhimpunan agung UMNO tahun yang kelapan di Alor Setar pada 12 dan 13 September 1953, Tunku dengan keras dan yakin mencabar "... siapa-siapa yang tidak bersetuju dengan polisi UMNO ini silalah berundur diri dari UMNO daripada sekarang."[88] Tunku juga mengkritik pemimpin Parti Persekutuan Melayu Semenanjung [PMS] yang menganggap "bahawa merdeka ini boleh tercapai dengan ikhtiar orang Melayu sahaja dan mengetepikan lain-lain bangsa. Wakil itu [PMS] berpendapat bahawa soal kemerdekaan ini adalah soal Melayu dengan British".[89]

Tunku ternyata terperangkap oleh kenyataan Littleton, setiausaha Tanah Jajahan British yang menyatakan bahawa kemerdekaan akan diberi setelah "ada perasaan berbaik-baik dan kerjasama antara bangsa [kaum] yang duduk di negeri ini".[90] Karenah semangat orang Melayu ingin merdeka tanpa kaum lain dianggap mencabar cita-cita Tunku yang ingin merdeka segera.[91] Tunku tidak yakin akan kekuatan dan kemampuan orang Melayu. Ini terbukti dengan kenyataan dalam perhimpunan di Alor Setar pada 12 September 1953.

Maka syarat itu kalau kita hendak merdeka terpaksalah

> kita terima, melainkan kita mempunyai kekuatan yang cukup untuk menolaknya.[92]

Dalam menguatkan hujahnya Tunku meramalkan politik dan persoalan dalam fikirannya:

1. Bangsa asing sebanyak lebih kurang 60 peratus dibekalkan dengan kekuatan iktisas dan ilmu pengetahuan tidak akan berdiam diri jika tidak diberi peluang memerintah bersama-sama.
2. Sekiranya kita tidak bekerjasama dengan mereka [bukan Melayu] itu bukankah ini membawa huru-hara dan kacau-bilau dalam negeri yang baru merdeka.
3. Sekiranya kacau-bilau berlaku sanggupkah orang Melayu menyelesaikannya tanpa "habuan" yang munasabah dan memuaskan hati orang bukan Melayu.
4. Kalau akhirnya kita terpaksa memberikan hak kepada orang bukan Melayu, "kenapakah kita tidak berkira bicara secara damai dan berbaik-baik dari sekarang?"
5. "Apakah sengaja hendak mengadakan kacau-bilau, kemudian terpaksa menyerah? Kalau kita menyerah dengan terpaksa, perasaan benci itu akan selama-lamanya di antara satu bangsa dengan yang lain."

Tunku jelas sekali bukan sahaja terperangkap oleh kata-kata Littleton, dan politik halus MCA dalam kebebalan orang Melayu berpolitik, malah Tunku mendapat satu kekuatan lagi perlunya merdeka bersama-sama kaum lain. Bagi Tunku jika orang Melayu menolak mentah-mentah permintaan kaum bukan Melayu secara kekerasan "adakah tuan-tuan ingat yang dunia internasional akan berdiam diri dan membiarkan kita menyeksa dan membunuh mereka?"[93]

Tunku amat optimis tentang cita-cita merdeka bersama-sama kaum lain dengan menggunakan hukum lojik "... dengan tidak kita menaruh perasaan khianat terhadap mereka, demikian juga mereka tiada perasaan khianat terhadap kita."

Di sinilah Tunku meletakkan perkiraan politik berasaskan konsep *quid pro quo.*[94]

> Begitu juga kalau negeri kita merdeka, bukan kita hendak meruntuhkan perniagaan bangsa-bangsa asing ataupun mereka itu hendak merampas jawatan-jawatan yang dipegang oleh orang Melayu.

Tunku Abdul Rahman cukup emosional ketika itu kerana telah ada tindakan yang mengatakan bahawa kebanyakan tindakan politiknya adalah "hendak menjual bangsa Melayu". Ada juga tersebar berita angin yang dikutip oleh majalah berbahasa Inggeris kenyataan yang menyebut bahawa jika merdeka, orang Melayu akan membunuh orang Cina. Tunku menafikan semua itu. Perpecahan pendapat umum orang Melayu terhadap proses kemerdekaan ini berterusan sejak Dato' Onn berada dalam UMNO. Kumpulan Tunku dan Dato' Onn memperlihatkan pengaruh masing-masing di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan.

Tunku melabelkan dirinya sebagai jujur demi kemerdekaan hatta dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan wakil Perikatan UMNO-MCA diletak sebagai membuat "tuntutan yang tiada bertanggungjawab" dan amat jahil. Bagi Tunku:

> Tiada suatu pun daripada apa yang mereka katakan yang akan menahan kita daripada meneruskan perjalanan rancangan. Kita sedar ini boleh dijalankan. Biarkan keturunan kita menimbangkan sama ada kita benar atau salah.[95]

Pada 14 dan 15 Januari 1954, setiausaha bahagian UMNO seluruh Tanah Melayu telah menghadiri satu persidangan khas. Sidang ini dibuat bagi persiapan strategi pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan yang dijangka diadakan pada tahun 1954. Tunku menyedari kelemahan organisasi dan pengurusan UMNO peringkat bahagian dan cawangan.

Penyakit UMNO yang tidak selesai ialah yuran ahli UMNO. "Ahli-ahli UMNO yang berdaftar ada lebih daripada 10 000 [orang], tetapi tidak sampai satu pertiga yang menjelaskan yurannya."

## Perubahan Perlembagaan

Pada 15 Julai 1953, kerajaan telah meluluskan jawatankuasa bagi mengkaji perubahan perlembagaan yang sesuai dengan aliran fikiran politik semasa itu. Tunku menyebut wakil perhimpunan kebangsaan dalam jawatan itu terdiri daripada Kolonel H.S. Lee, Dr. Ismail, Dato' Abdul Razak, Leong Yew Koh, Tan Siew Sin, Leong Cheong Ling dan Tunku sendiri.

Perhimpunan kebangsaan yang dipelopori oleh UMNO-MCA telah mencadangkan kemerdekaan secara berperingkat-peringkat. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam *blue print* UMNO-MCA yang dibuat atas nama "Perhimpunan Kebangsaan". Antara lain *blue print* itu mahukan:

1. Jumlah ahli yang dipilih bagi Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan hendaklah lebih besar daripada bilangan yang dilantik.
2. Kakitangan kerajaan dibenarkan bertanding dalam pilihanraya; sebabnya sangat nyata iaitu di negeri ini orang-orang yang terpelajar memegang jawatan kerajaan.

Pada bulan Mac 1954, Tunku berucap dalam Majlis Persatuan Wartawan Singapura. Tunku optimis tentang masa depan Tanah Melayu yang merdeka, telah merujuk kepada pendapat wartawan antarabangsa yang terkenal iaitu Betlith [?]. Wartawan Eropah ini menganggap kemerdekaan Tanah Melayu sebagai karut selagi Melayu dan Cina tidak bersatu. Tunku menyebutkan dasar pecah dan perintah Inggeris:

> Kita telah dilatih berfikir iaitu kita bangsa Melayu dan Cina pun demikian juga. Di bangku sekolah ajaran-ajaran perkauman telah disemai dan kesudahannya orang Melayu berasa takut Cina akan merampas haknya dan orang Cina pula takut dan cemburukan kuasa yang diberikan kepada Melayu itu akan digunakannya dengan zalim. Dengan adanya perasaan takut dan bimbang ini, dua bangsa itu bersetuju supaya British menjalankan kuasa memerintah dalam negeri ini dan mereka menumpang bernaung di bawah kuasanya itu.
>
> ....

> Masa dahulu orang-orang Cina tak pernah menyoal kuasa yang di tangan Melayu, tetapi sekarang mereka sentiasa diperingatkan bahawa mereka ada hak negeri ini."[6]

Tunku menafikan ramalan wartawan berkenaan dengan mengatakan, jika British meninggalkan Tanah Melayu tanpa menyediakan sebuah kerajaan yang stabil orang Melayu mungkin menjadi penumpang di negeri sendiri.

Dalam menafikan telahan wartawan itu Tunku telah berhujah bahawa jika 20 tahun lagi British terus kekal berkuasa harus orang Melayu tidak ada tempat dalam negeri sendiri. Kata Tunku lagi:

> Mulanya British datang ke mari dengan membuat perjanjian hendak memelihara orang Melayu, tetapi di sebelah tangannya pula ada rancangan hendak memunggah kekayaan negeri ini. Dua perkara ini tak boleh berjalan sama-sama. Dengan adanya polisi hendak memunggah kekayaan negeri ini mereka membawa masuk buruh dari luar negeri dengan tidak terbilang banyaknya. Negeri-negeri Melayu yang berkuasa telah naik takut lalu mengadakan kawasan tanah simpanan untuk orang Melayu. Sebaliknya di mana-mana negeri Melayu yang British berkuasa penuh, maka di situ orang Melayu terkena tolak daripada sebuah kampung ke sebuah kampung, dan akhirnya mereka menjadi orang dagang di dalam negeri tumpah darah mereka sendiri."[7]

Dengan hujah dan latar belakang sejarah itu, Tunku yakin jika British berkuasa selama 20 tahun lagi, haruslah orang Melayu berdagang di bumi sendiri. Dengan hujah itu juga Tunku membayangkan sikap sebahagian daripada orang Melayu iaitu "... adanya kesedaran ini kami telah bersetuju bekerjasama dengan bangsa lain dan persetujuan inilah yang telah melahirkan Perikatan UMNO-MCA".

Tunku mengecam kumpulan Melayu bukan UMNO yang tidak sebulu dengan UMNO. Sebaliknya Tunku telah merakamkan persetujuan MCA menerima beberapa unsur dominasi Melayu dalam kerajaan merdeka yang dicadangkan:

1. Orang Melayu menjadi menteri besar.
2. Pengekalan tanah simpanan Melayu.

3. Nisbah 4:1 dalam MCS.

Kata Tunku lagi "Kami telah menerangkan tujuan kami kepada sahabat-sahabat kami orang Cina dan mereka pun bersetuju .... Bagi diri saya dan parti saya/kami mesti menjaga hak Melayu jikalau kami tidak mahu membuat sesuatu cadangan yang tiada ikhlas untuk meniup bangsa-bangsa lain."

Di sini Tunku menonjolkan budi bahasa orang Melayu iaitu ikhlas. Apakah keikhlasan itu berjawab pula di pihak lain.

Bangsa Melayu berhati murah,
Segan dan malu serta hemah,
Dagang keluaran dihormati terjumlah,
Hatta rugi sendiri tak indah.[98]

Syair yang diterbitkan pada tahun 1920-an ini sekaligus memperakui watak "Melayu" yang ada pada Tunku, kerana Melayu juga percaya bahawa tidak mungkin susu diberi, tuba yang dibalas. Dalam falsafah hidup Melayu semuanya ingin kesenangan dan mengutamakan bertolak ansur bagi melahirkan sesuatu yang baik.

Pada tahun 1954 itu, UMNO menghadapi tekanan yang berat, di samping usaha mematahkan "moral politik" UMNO oleh kumpulan Melayu lain khususnya daripada bekas tokoh UMNO. UMNO juga berdepan dengan "tembok yang dibina" oleh Pejabat Tanah Jajahan. Hal ini terbukti daripada usaha British menafikan pengaruh UMNO. Perhimpunan UMNO di Butterworth pada 14 dan 15 September, memutuskan bahawa sebarang perkara yang berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu hendaklah dirundingkan terlebih dahulu dengan raja-raja Melayu dan UMNO sebelum dibincangkan dengan pihak British. Tetapi dalam kes pilihanraya. British menafikan hak UMNO untuk berunding. Dalam satu kawat jawapan setiausaha Tanah Jajahan telah menyatakan: Semua alasan telah diliputi dan saya tidak nampak sebab-sebab yang pihak luar patut masuk campur kerana tidak ada faedah. Mereka [UMNO-MCA] tidak harus diberi peluang untuk mencampuri lagi perkara-perkara yang hanya dihadkan kepada raja-raja Melayu dan kerajaan baginda queen kerana perse-

tujuan dua pihak ini sahaja yang boleh menjadi undang-undang untuk mengubah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Oleh itu satu persidangan tergempar UMNO telah diadakan di Melaka pada 18 April 1954. Tujuan sidang itu hanya satu iaitu meminta persetujuan persidangan itu mengizinkan wakil UMNO iaitu Tunku dan Dato' Abdul Razak berangkat ke London bersama-sama wakil MCA iaitu Tan Cheng Lock dan T.H. Tan berunding terus dengan Kerajaan Inggeris tentang isu pilihanraya Persekutuan itu. Sikap Kerajaan Inggeris disifatkan oleh Tunku sebagai keterlaluan, lantas beliau menyebut tentang kesederhanaan tuntutan UMNO-MCA. Tunku menaikkan semangat perwakilan dengan memainkan sentimen kemelayuan, "Kita ini sebagai anak dan benih baka Melayu yang mempunyai hak turun-temurun di negeri ini [dan taat setia yang tidak berbelah bahagi] tidak akan berdiam diri dalam hal yang menyentuh kepentingan negara."

Di London, setiausaha Tanah Jajahan, Oliver Littleton telah menemui rombongan UMNO-MCA itu. Perikatan UMNO-MCA meminta supaya 60 peratus kerusi Majlis Undangan Persekutuan dipilih. Rundingan ini tidaklah begitu berjaya. Sekembalinya dari London, UMNO-MCA melancarkan taktik politik dengan meminta cadangan pilihanraya digantung dan sebuah suruhanjaya ditubuhkan bagi mengkaji semula masalah pilihanraya Persekutuan itu. Taktik kedua ialah syor Perikatan untuk mengadakan semula perhimpunan kebangsaan semua parti politik untuk mengesahkan tuntutan asas dan mengadakan pilihanraya yang berkesan. Pejabat Tanah Jajahan menolak saranan tersebut seperti yang terkandung dalam surat Tunku yang disiarkan pada 11 Jun 1954. Dengan kegagalan itu Perikatan melanjutkan tindakan politik menundukkan kerajaan dengan cara melancarkan pemulauan beramai-ramai. Pada 14 Jun, Perikatan mengarahkan semua ahli Perikatan meletakkan jawatan daripada majlis EXCO dan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Negeri dan Negeri-Negeri Selat, Municipal dan Lembaga Bandaran.

Pada hari Khamis 1 Julai 1954, jam 9.00 pagi ahli UMNO dari seluruh Johor mengadakan demonstrasi di hadapan bangunan mahkamah Johor Bahru; MCA juga turut serta

kumpulan ini berarak ke istana besar Johor Bahru dan menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Demonstrasi UMNO-MCA memberi kesan kepada British yang kemudiannya mengajak mereka berunding segera.

Krisis mainan (artificial crisis) termasuk tindakan mengadakan demonstrasi di seluruh negara ini membawa kejayaan kepada Perikatan. Pada 2 Julai 1954, pesuruhjaya tinggi yang baru, Sir Donald Mac Gillivary bertemu pemimpin Perikatan [Tunku, Dr. Ismail dan Kolonel H.S. Lee] untuk memecahkan kebuntuan hasil perundingan yang diadakan di kapal perang di Singapura pada 7 Julai. Diumumkan bahawa perhimpunan Persekutuan memberikan peruntukan melantik lima lagi ahli kepada parti yang mendapat undi majoriti. Ini bermakna pihak Inggeris mengekalkan jumlah kerusi majlis, sebanyak 52 kerusi, lima kerusi tambahan untuk parti yang menang secara majoriti. Dalam pilihanraya 1955 Perikatan kebetulan memenangi 51 undi, dengan lima kerusi tambahan daripada ahli yang dilantik. Perikatan memperoleh juga 60 kerusi seperti yang diperjuangkannya. Selepas 7 Julai, semua ahli Perikatan menduduki semula kerusi Majlis-majlis Mesyuarat peringkat Persekutuan, Negeri, Bandaran dan Kerajaan Tempatan yang lain. Keadaan ini mengembalikan kekuatan politik Perikatan di mata pengundi.

Dalam perhimpunan agung di Pulau Pinang pada 16 dan 17 Oktober 1954, Tunku tidak mempertahankan prinsip perjuangan kemerdekaan tetapi amat pragmatik. Dalam kes jumlah kerusi dalam Majlis Undangan Persekutuan, Tunku lebih banyak menyalahkan keadaan percanggahan pendapat di kalangan pemimpin politik Melayu dan raja-raja kerana sebenarnya bagi pihaknya [British] tidak ada halangan apa-apa. Itulah kenyataan Tunku sekembali daripada berunding dengan Littleton di London. Tunku menyatakan rundingan pesuruhjaya tinggi British dengan pemimpin Persekutuan pada 2 Julai pula adalah suatu usaha "mengelakkan perselisihan faham antara kita dengan raja-raja kita".

Dalam ucapan di perhimpunan agung UMNO di Pulau Pinang pada 16 Oktober 1954 Tunku Abdul Rahman telah memberikan justifikasinya:

Tetapi banyak kesusahan yang kita akan hadapi kiranya tuntutan seratus peratus itu hendak dijalankan juga. Mula-mula sekali perhubungan UMNO dengan raja-raja akan menjadi kusut dan UMNO terpaksa mengambil langkah yang tepat seperti memulaukan pilihanraya itu, dan ketika itu hendaklah kita menjaga supaya jangan sesiapa juga mengambil bahagian di dalam pilihanraya itu. Kita kena mengambil tindakan tidak bekerjasama lagi dengan kerajaan dan semua pegawai-pegawai kerajaan yang menjadi ahli UMNO, kena letak jawatan masing-masing dan pihak MCA pun mestilah berbuat demikian juga, kalau tidak terpaksalah kita memutuskan tali persahabatan antara kita dengan MCA."

Menurut C.P. Means[100] dalam perhimpunan Oktober 1954, Tunku Abdul Rahman telah dikritik dengan hebat kerana terlalu kabur dalam hal dasar ke arah kemerdekaan. Dikatakan bahawa Tunku dan perhimpunan itu tidak memberikan penekanan kepada suatu program yang lebih positif untuk memelihara dan mempertingkatkan kepentingan orang Melayu. UMNO sendiri mahu Tunku memasukkan dalam draf memorandum Perikatan suatu program yang konkrit bagi hak istimewa Melayu dan penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kritikan dalam UMNO terhadap pucuk pimpinan menunjukkan bahawa Tunku masih belum memiliki kuasa sosial (social power) yang berkesan.

Mengapakah dasar yang dikemukakan oleh Tunku agak kabur dan apakah muslihat politiknya. Tunku juga dapat membaca betapa ahli-ahli UMNO berbelah bahagi dalam cara Tunku berhadapan dengan MCA dan Kerajaan Inggeris:

> Saya dapati dalam lapangan politik kenalah kita menggunakan muslihat, kalau tidak sangatlah susah hendak menjalankan kerja. Jikalau ketua-ketua tidak dibenarkan menggunakan pertimbangan atas apa yang difikirkannya bersesuaian tentulah tidak ada orang yang berani sanggup menjadi ketua sebuah parti. Sekirnya UMNO bermaksud hendak menegahkan ketua menjalankan muslihat untuk keuntungan partinya, maka parti itu tidak boleh berjalan dengan licinnya dan jayanya.[101]

Daripada kenyataan itu ternyata bahawa dalam organisasi UMNO ada kecenderungan sistem *oligarki* dituntut oleh pemimpin. Menurut Michels, kadar peluang golongan elit untuk memanfaatkan suasana itu, sehingga mereka menuju kepada sistem yang oligarki, pertama ditentukan oleh pemimpin itu sendiri dan kedua ditentukan oleh faktor berorganisasi.[102]

Jadual 2
Pilihan Kecenderungan Parti

| | | | |
|---|---|---|---|
| | PARTI POLITIK | | |
| | **PEMIMPIN** | | OLIGARKI |
| Progresif | (Ideologi) | Konservatif | |
| Seluruh anggota | (Tujuan elit) | Kestabilan | |
| | **ORGANISASI** | | |
| Ringkas | (Prosedur) | Birokrasi | |
| Anggota dan yang lain | (Perhatian) | Kelompok inti | |
| | YANG DIPIMPIN | | |

Dalam menjustifikasikan caranya itu Tunku menyatakan, "... syaratnya muslihat itu bukan untuk faedah dirinya. Berkenaan perkara ini saya mengaku kepada tuan-tuan bahawa niat saya dan jawatankuasa kerja agung mengambil langkah ini bukanlah kerana muslihat diri. Hanya Allah jua yang menjadi saksi".[103]

Apakah dasar yang dirancangkan oleh pucuk pimpinan parti? Dalam penerangan Tunku, di antaranya ialah:

1. Meningkatkan pendidikan orang Melayu.
2. Membantu sekolah-sekolah agama.
3. Mengikhtiarkan kapal haji dengan tambang yang murah dan menghapuskan monopoli syeikh haji.

4. Mengadakan tanah simpanan Melayu di bandar dan luar bandar.
5. Memajukan pekan sehari di bandar-bandar besar untuk "... orang Melayu *menumpang* berniaga".
6. Membanyakkan kilang-kilang industri bagi mewujudkan pekerjaan kepada orang Melayu.
7. Memajukan kawasan luar bandar.
8. Pegawai Melayu mengambil alih jawatan kerajaan yang dipegang oleh pegawai Inggeris "melainkan tentang jawatan yang tidak dapat kita buat dengan sempurna".
9. Membesarkan pasukan tentera dan mengawal sendiri keamanan negara.

Oleh itu manifesto perjuangan UMNO belum kemas. Tunku meminta izin dibenarkan penubuhan jawatankuasa Perikatan UMNO-MCA yang mengenai strategi dan perancangan matlamat politik Perikatan. Tunku memberikan keyakinan kepada perwakilan UMNO tentang keikhlasan yang ditunjukkan oleh MCA dalam perundingan sebelumnya. Tunku yang dapat membaca kepelbagaian fikiran ahli UMNO ketika itu meminta wakil UMNO, dalam rundingan dengan MCA itu, supaya tidak dikenakan syarat yang ketat, kerana menurut kepercayaan Tunku berasaskan "peraturan demokrasi kenalah diberi kuasa kepada ketua supaya dapat dia menjalankan kewajipan dengan tidak ada gangguan".

## Undi Tidak Percaya

Tahun 1954 dan masa sebelum pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan 1955 adalah tempoh paling getir bagi Tunku Abdul Rahman dan pemimpin UMNO yang lain. Jika pada bulan Oktober 1954, Tunku dikecam kerana *polisinya* yang kabur, dalam persidangan UMNO pada bulan Jun 1955 pula perwakilan UMNO mempersoalkan kebijaksanaan Tunku dan pucuk pimpinan UMNO bertolak ansur dalam pembahagian kerusi Perikatan untuk pilihanraya itu. Tunku sendiri menghadapi "undi tidak percaya" daripada perhimpunan UMNO.[104] Pada saat hampir merdeka itu sudah ternyata ter-

dapat kecurigaan orang Melayu terhadap perkembangan yang mereka amati. Tunku menyelar sikap politik orang Melayu:

> Tiba-tiba sekarang setelah hampir masa pilihanraya barulah kita hendak menetapkan hak-hak Melayu sahaja kerana kononnya takut Melayu akan kurang suara. Inilah maknanya yang saya katakan perasaan curiga di hati setengah orang-orang Melayu terhadap merdeka telah terbayang.

Aneh sekali Tunku, seperti orang Melayu yang lain, yakin bahawa undi Melayu boleh dengan mudah menguasai Majlis Undangan Persekutuan tetapi memberikan alasan bahawa yang menjadi nilai terminal ialah kemerdekaan, manakala pilihanraya adalah nilai instrumental sahaja, atau menurut kata-kata Tunku, "pilihanraya itu hanyalah sebagai tangga yang pertama untuk mencapai kemerdekaan".

Sesungguhnya dari segi sejarah UMNO, perhimpunan agung UMNO di Pulau Pinang pada 16 dan 17 Oktober 1954 itu, selain buat pertama kali bermesyuarat di bangunan UMNO sendiri (bangunan UMNO Pulau Pinang), dalam persidangan itu buat pertama kali ucapan yang dipertua UMNO dibahaskan.[105]

Dari segi politik pula UMNO-MCA telah menjadi kumpulan pendesak yang berkesan dan dapat menggugat Kerajaan Inggeris ketika itu, lebih-lebih lagi dengan penubuhan Perikatan UMNO-MCA-MIC yang secara tidak langsung telahpun menunaikan kehendak Inggeris dari segi perpaduan kaum sebagai prasyarat untuk merdeka. Mungkin juga kemasukan MIC dalam Perikatan UMNO-MCA merupakan sebagai *bandwagon effect*, iaitu kecenderungan melibatkan diri dengan "kelompok" yang dapat menguasai pendapat umum (public opinion).[106]

Pada 1 Mac 1955, pejabat pilihanraya mengumumkan tarikh mengadakan pilihanraya Persekutuan iaitu pada hari Rabu 27 Julai 1955, manakala hari penanaman calon ialah pada hari Rabu 15 Jun 1955. Pada saat inilah kepimpinan UMNO khasnya, dan Perikatan amnya diuji sekali lagi, khususnya dalam soal pembahagian kerusi. Ahli-ahli UMNO menuntut pembahgian 52 kerusi itu mengikut nisbah peratus

pengundi. Pengundi Melayu ialah seramai 84 peratus, Cina 11 peratus dan India lima peratus. Manakala MCA dan MIC pula tidak bersetuju kerana:[107]

> Itu bererti menutup pintu kepada mereka untuk mengambil bahagian yang cergas dan berkesan di dalam kemajuan siasah negeri ini. [MCA dan MIC juga memberi alasan bahawa kaum Cina dan India turut serta dalam pembangunan politik, ekonomi dan sosial].

Malah kaum ibu juga mahukan calon Perikatan diperuntukkan kepada wanita UMNO dengan mengugut akan memulaukan pilihanraya. Akhirnya dengan kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman dan kepatuhan serta taat setia ahli-ahli UMNO kepada pemimpin-pemimpinnya, ketegangan itu dapat diatasi.[108]

**Jadual 3**
Kedudukan Calon Perikatan dalam Pilihanraya 1955

| Parti | Kerusi yang diperuntukkan untuk bertanding | % Kerusi yang ditanding | % Pengundi mengikut kaum |
|---|---|---|---|
| UMNO (Melayu) | 35 | 69% | ± 84.2% |
| MCA (Cina) | 15 | 28% | ± 11.2% |
| MIC (India) | 2 | 3% | 3.9% |

Kesukaran mula dialami oleh pucuk pimpinan Perikatan semasa merangka manifesto pilihanraya. Setelah enam bulan berunding barulah diterbitkan manifesto *"Menuju Ke Arah Kemerdekaan"*. Manifesto ini menjanjikan pembangunan ekonomi, politik dan pentadbiran negara. Berjanji untuk mencapai kemerdekaan dalam tempoh empat tahun dan berjanji

mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah suatu strategi mematahkan Parti Negara yang berjanji menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal. Hasrat MCA untuk memancing undi melalui perjanjian memberikan kewarganegaraan secara *jus soli* tidak dapat diselesaikan.[109] Ura-ura mencantumkan Singapura dengan Tanah Melayu tidak jadi dimasukkan setelah dikaji kesannya kepada orang Melayu dan "keliaran" pengaruh komunis di sekolah-sekolah Cina dan kesatuan sekerja di Singapura.

Dalam pilihanraya itu seramai 129 calon bertanding merebut 52 kerusi Majlis Undangan Persekutuan.

**Jadual 4**
Barisan Calon Mengikut Parti[110]

| Parti | Melayu | Cina | India | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Perikatan | 35 | 15 | 2 (1 kaum Ceylon) | 52 |
| Parti Negara | 29 | 1 | – | 30 |
| PAS | 11 | – | – | 11 |
| National Association of Perak(NAP) (Persatuan Kebangsaan Perak) | 8 | 1 | – | 9 |
| Parti Buruh | – | 2 | 2 | 4 |
| Perak Malay League | 3 | – | – | 3 |
| Parti Progresif Perak | 1 | – | 1 | 2 |
| Bebas | 16 | 1 | 1 | 18 |

Dalam pilihanraya ini kebanyakan calon[111] adalah:

1. Warganegara Persekutuan.
2. Berumur 21 tahun ke atas.
3. Bermastautin di Persekutuan tidak kurang daripada 12 bulan sebelum hari penamaan calon.
4. Mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris yang men-

> cukupi atau bahasa Melayu bagi membolehkan calon mengambil bahagian dalam persidangan Majlis Undangan Persekutuan itu.

Unsur-unsur perkauman digunakan dalam pilihanraya ini. Ibrahim Mahmood sebagai pemerhati yang ikut serta dalam pilihanraya itu mencatatkan:[112]

> Di antara tipu helah yang dimainkan oleh parti-parti lawan itu adakalanya dengan cara menakut-nakutkan seperti ketika berhadapan dengan orang Melayu mereka mengatakan kalau Melayu merdeka orang-orang Melayu akan terhapus ditekan oleh orang-orang Cina dan ketika berhadapan dengan orang-orang Cina pula mereka mengatakan jika Melayu merdeka orang-orang Melayu akan membunuh orang-orang Cina.

Taktik memancing pengundi secara kampungan yang bersahaja juga dapat dilihat daripada gelagat penyokong-penyokong parti dengan mengatakan "kalau tidak suka parti kami, pangkah sahaja parti kami". Parti Negara juga dikatakan pernah menggunakan samseng-samseng dalam pilihanraya itu.[113] Tunku menyifatkan Parti Negara sebagai parti yang membelot bangsanya sendiri, tentang PAS pula Tunku menjelaskan.

> Parti ini kononnya hendak mendirikan negara Islam tetapi dalam manifestonya tidak disebutkan. Parti ini akan membawa bermacam-macam diayah di kampung-kampung dengan menggunakan agama sebagai topeng. Yang sebenarnya parti ini tidak ada dasar perjuangan yang tentu dan nyata, cuma meraba-raba di dalam terang dan hendak faedah sendiri bagi calon-calonnya dengan nama Islam.[114]

Dalam ucapan semasa pertemuan dengan Kelab Sosialis Universiti Malaya pada 17 Mac 1955, Tunku pernah menyebut kaedah perjuangan Perikatan iaitu "secara tidak menggunakan kekerasan dan ... mengikut asas-asas demokrasi. Dengan ini bererti kemerdekaan yang hendak dicapai itu hendaklah secara perlembagaan. Kita telah bersetuju hendak mendapatkan kemerdekaan itu secara bertingkat-tingkat ..."

Impian Tunku Abdul Rahman ialah menjadikan Persekutuan Tanah Melayu merdeka dan rakyatnya dalam kemakmuran dan "yang boleh kita banggakan sebagai sebuah negara tempat tumpah taat setia kita yang tidak berbelah bahagi".

Perjuangan UMNO menjelang kemerdekaan dapat dikatakan perjuangan Perikatan. Semua pertimbangan adalah ke arah perpaduan dan akomodasi sifatnya. Ucapan Tunku Abdul Rahman di Radio Malaya pada 3 April 1955 adalah suatu penjelasan tentang rupa bentuk pemerintahan Malaya Merdeka serta dasar-dasar negara jika Perikatan menang atau lebih ringkas sebagai manifesto Perikatan. Beliau menyebut perkara yang berikut:

1. Susunan pemerintahan: pewujudan Parlimen yang mengandungi dua dewan, Dewan Rakyat yang ahlinya dipilih dan Dewan Negara yang ahlinya dilantik. Dalam hal ini ucapan Tunku tentang konsep ketua negara agak kabur, tidak perlu disebut institusi Yang di-Pertuan Agong. Sebaliknya disebut:

   > Mahulah diadakan juga suatu jawatan tertinggi akan dipegang oleh seorang yang berkuasa meluluskan atau menolak sebarang rang undang-undang dan berkuasa pula mengadakan dewan persidangan atau membubarkan kedua-dua dewan tersebut tetapi kuasa pegawai tertinggi itu adalah terhad menurut perkembangan. Bagi Tanah Melayu siapakah yang akan memegang jawatan itu terpulanglah kepada rundingan di antara wakil-wakil rakyat dengan raja-raja Melayu.

2. Bahasa kebangsaan yang tunggal.
3. Soal kerakyatan: undang-undang kerakyatan hendaklah diubahsuai dengan corak pemerintahan negara baru yang cuba diselesaikan melalui sebuah suruhanjaya bebas. "Selagi undang-undang imigresen tidak diketatkan maka selama itulah perasaan bimbang ada di hati orang Melayu .... Jika kemasukan orang-orang dagang ini tiada ditahan maka dalam

masa 10 tahun lagi orang Melayu dan rakyat Persekutuan akan tenggelam."

4. Kedudukan raja-raja: institusi raja kekal bukan sahaja kerana tradisi negara tetapi "dengan adanya raja-raja Melayu, orang Melayu berpegang teguh kepada adat resam dan tingkah laku yang halus lagi tertib dan cukup keseniannya". Tidak dapat dinafikan bahawa adat resam dan tingkah laku orang Melayu itu dipuja oleh bangsa-bangsa lain, dan saya mendapati bilangan besar orang Melayu berkehendakkan raja.
5. Pendidikan: mengadakan pendidikan wajib, mengurangkan kadar buta huruf serta memperbanyak sekolah.
6. Iktisad: meningkatkan pembangunan ekonomi dan industri serta memperbaiki taraf ekonomi orang Melayu supaya mereka dapat bahagian yang adil dan berpatutan daripada kekayaan negeri ini dan mengatasi masalah pengangguran.
7. Jawatan perkhidmatan awam: penggantian pegawai dagang Eropah dengan warganegara Tanah Melayu (orang Melayu dan Asia).
8. Undang-undang.
9. Darurat: berusaha untuk menamatkan darurat, salah satu caranya ialah melakukan "pengampunan beramai-ramai".
10. Hubungan antarabangsa: mengadakan kerjasama serantau dan lingkungan Komanwel.
11. Hak asasi manusia: Perikatan menjanjikan kebebasan beragama, kebebasan perlindungan di bawah undang-undang, kebebasan mencari rezeki dan kebebasan daripada kezaliman serta memelihara kumpulan minoriti.

Selain keinginan terhadap sistem demokrasi, rakyat Tanah Melayu juga telah mempunyai inspirasi ke arah mewujudkan kebahagiaan, kesenangan dan kesempurnaan hidup ke-

pada rakyat jelata serta mewujudkan keamanan dan kemakmuran dalam negeri.

Dalam mencapai matlamatnya, manifesto Perikatan adalah antara alat yang membantu kejayaan memenangi 51 daripada 52 kerusi pilihanraya pada 27 Julai 1955. Berikutnya, pada hari Ahad 31 Julai 1955 Tunku telah dijemput oleh Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald Mac Gillivary bertemu di *King House*. Pertemuan ini adalah tentang penubuhan jemaah menteri.

Pada 31 Julai itu jugalah bangunan UMNO di Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman) dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.[115] Ucapan Tunku pula amat ringkas tetapi disulami dengan falsafah dan semangat:

> Adanya rumah ini akan menjadi suatu tanda bahawa orang Melayu jika berkehendakkan membuat sesuatu apa-apa pun mereka boleh buat asalkan sahaja mereka menentukan yang mereka hendak buat. Maka dengan orang Melayu telah menentukan yang mereka hendak merdeka, saya percaya kita akan merdeka ....

Bangunan UMNO yang berharga $135 000 dirancang sebegitu rupa kerana ada objektif yang asal iaitu "menyediakan tempat-tempat ... untuk anak-anak Melayu daripada berbagai-bagai pekerjaan seperti tukang gunting rambut, tukang jahit dan jurutaip". Itulah corak kegiatan ekonomi yang difikirkan praktikal ketika itu.

Ucapan Tunku yang terpanjang dalam tempoh 1951-1956 ialah ucapan selaku ketua menteri dalam perasmian Majlis Undangan Persekutuan pada 31 Ogos 1955. Kedua; ucapan selaku yang dipertua UMNO dalam perhimpunan agung tahun yang ke-10 pada 25 Disember 1955. Mulai Oktober 1955 koleksi ucapan Tunku selaku ketua menteri adalah lebih lengkap.[116]

Pada 24 Oktober 1955 Tunku telah berucap dalam majlis makan tengah hari di Kelab Selangor anjuran Kelab Akhbar. Beliau telah menyatakan kesukarannya sebagai ketua menteri bagi sebuah kerajaan yang belum merdeka tetapi Tunku tidak menafikan, "I am in a very strong position in this govern-

ment".[117] Ini disebabkan ahli-ahli Perikatan menguasai Majlis Mesyuarat Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri, Munisipal dan Lembaga Bandaran.

Pada tahun itu juga, Tunku mempunyai kabinet yang berkesan serta setia kepada Tunku. Susunan kabinet pramerdeka adalah seperti yang berikut:[118]

1. Ketua Menteri merangkap Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri – Tunku Abdul Rahman.
   Menteri Muda Hal-Ehwal Dalam Negeri – Encik Bahaman Shamsuddin.
2. Menteri Pelajaran – Dato' Abdul Razak bin Hussein.
   Menteri Muda Pelajaran – Too Juo Hin.
3. Menteri Hasil Bumi – Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman.
4. Menteri Pengangkutan – Kolonel H.S. Lee.
5. Menteri Tanam-tanaman [Pertanian], Kehutanan dan Perikanan – Encik Abdul Aziz Ishak.
   Menteri Muda Tanam-tanaman (Pertanian), Kehutanan dan Perikanan – Encik Mohamad Khir Johari.[119a]
6. Menteri Kesihatan – Leong Yew Koh.
   Menteri Muda Kesihatan – Encik Abdul Rahman Talib.[119b]
7. Menteri Buruh – Encik V.T. Sambanthan.[119c]
   Menteri Muda Buruh – Encik Khalid Awang Othman.
8. Menteri Kerja Raya – Encik Sardon Jubir.
9. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan – Encik Sulaiman Dato' Abdul Rahman.
10. Menteri Perhubungan, Pos dan Telekom – Encik Ong Yoke Lin.

Tahun 1955 adalah tahun yang paling gemilang bagi UMNO dari segi usaha ke arah kemerdekaan. Tidak semua rakyat yang inginkan kemerdekaan. Ada juga yang tidak mahu merdeka dalam Persekutuan. Oleh itu timbullah gerakan menentang kemerdekaan anjuran UMNO-MCA-MIC ini. Di Kelantan, Pulau Pinang dan Johor muncul gerakan pe-

misahan[120] daripada Persekutuan; walaupun begitu akhirnya gerakan itu tidak berjaya.

Kehadiran Lennox Boyd, setiausaha Tanah Jajahan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1955 telah menghasilkan rundingan awal tentang kemerdekaan. Sebelum berlepas pulang, Lennox Boyd mencadangkan diadakan rundingan kemerdekaan di London yang dihadiri oleh wakil parti yang menguasai kerajaan transisi Tanah Melayu ketika itu dan wakil raja-raja Melayu.[121] Majlis Raja-Raja pada bulan September 1955 pula telah bersetuju berunding dengan Tunku Abdul Rahman tentang kemerdekaan. Namun demikian Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Mejar Jeneral Sultan Sir Ibrahim, mempunyai pendirian yang berlainan. Bertitah sempena ulang tahun ke-60 (jubli intan) kerajaannya, baginda menegaskan:

> Memanglah baik untuk melaung-laungkan tentang merdeka, tetapi di manakah kapal-kapal perang kamu, kapal terbang kamu dan tentera kamu untuk menghadapi dan menangkis pencerobohan daripada luar?[122]
>
> Kalau orang putih keluar, negeri ini akan susah 99 kali ganda daripada hari ini.[123]

Malah apabila Tunku mencadangkan supaya jawatan penasihat British dihapuskan, Sultan Johor tidak berkenan dan baginda juga berharap "Johor boleh meninggalkan Persekutuan dan terus berada di bawah perlindungan British".[124]

Tunku kemudiannya mengingatkan raja-raja Melayu bahawa jika mereka tidak menyertai usaha ke arah kemerdekaan, mereka bertindak bertentangan dengan rakyat yang inginkan kemerdekaan. Tunku memberikan jaminan mengekalkan institusi raja-raja berperlembagaan dan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Akhirnya lapan orang raja-raja Melayu memberikan jaminan bahawa baginda semua merestui kemerdekaan. Pendapat raja-raja Melayu itu berbeza daripada pandangan Sultan Johor.[125]

## Bangsa dan Faham Kebangsaan

Tunku mengatakan bahawa Perikatan telah diamanahkan un-

tuk membentuk "satu bangsa yang baru". Tempoh empat tahun yang diberikan untuk kemerdekaan Tanah Melayu adalah dianggap sederhana dan tidak keterlaluan. Alasan Tunku ialah jika dilambatkan bererti pihak Inggeris membantu mengembangkan fahaman komunis, "kerana faham komunis [dapat] bertapak di atas penjajahan". Tunku mahu menyekatkan penyusupan komunis di ladang-ladang getah, lombong, pekan, bandar, kampung serta sekolah. Cara penyelesaian yang mudah bagi Tunku ialah memberikan pengampunan beramai-ramai.

Tunku memang selalu optimis tentang masa depan kerana "saya ada merasa bahawa sekiranya syarat-syarat penyempurnaan diterima kelak, orang-orang komunis yang bersenjata mungkin akan ada di kalangan kita lagi. Ganti faham komunis itu ialah *faham kebangsaan* sahaja". Dalam ucapan inilah kita dapat mengkaji apa yang dimaksudkan oleh Tunku sebagai faham kebangsaan; "sebelum perang faham kebangsaan ada di negeri ini, tetapi faham kebangsaan yang sempit ... dalam beberapa tahun ini faham kebangsaan itu telah diluaskan dan menerima sokongan bukan sahaja daripada orang Melayu, tetapi daripada orang Cina, India dan lain-lain bangsa ...."

Tunku menjelaskan bahawa parti Perikatan berusaha mengembangkan faham kebangsaan dan mengharapkan tidak wujud pertelingkahan kaum kerana soal bentuk dan masa kemerdekaan. Ideologi Perikatan itu selaras dengan dasar UMNO. Jika tidak pun ideologi semasa UMNO di bawah kepimpinan Tunku, kekaburan matlamat perjuangan UMNO atau nilai matlamatnya agak kelam bukan sahaja di kalangan ahli tetapi petugas di ibu pejabat UMNO sendiri. Ini boleh menggugat masa depannya.[126]

> Dalam perjalanan UMNO itu kadang-kadang terdapat kelemahan yang dikatakan disebabkan ketiadaan ideologi. Pendapat ini juga dipercayai oleh sesetengah ahli UMNO yang khuatir bahawa kedudukan parti mereka akan meruncing pada masa-masa hadapan dengan adanya persaingan dengan kumpulan-kumpulan ideologi yang lain.

UMNO pada zaman Tunku memang tidak mempunyai ideologi, sebaliknya melaksanakan dasar yang prakmatis. Hal ini dinyatakan oleh Tunku sendiri:[127]

> Sebenarnya UMNO ini bukan parti politik yang menamakan dasarnya – bagaimanapun parti politik yang kita ketahui ada yang kiri (labour) ada yang kanan (conservative) dan ada yang tengah (liberal). UMNO ini parti politik yang menjalankan dasar dan tugas yang didapati sesuai dengan aliran zaman dan kemahuan orang-orang Melayu khasnya, warganegara Malaysia umumnya. Kiranya pada hari ini UMNO ikut jalan yang disifatkan kanan, pada satu masa kelak UMNO mengikut juga dasar kiri. Ini semuanya kena pada kehendak rakyat dan masa.

Dato' Senu memberi justifikasi terhadap kenyataan Tunku itu dengan menyatakan.

> Sesebuah parti boleh mendapat kepercayaan rakyat biarpun dengan tidak menggemburkan ideologinya. Sebaliknya sesebuah parti yang terlalu menekankan ideologinya yang rigid atau ketat, biasanya parti itu tidak akan dapat menyesuaikan perjuangannya dengan keadaan dan dari itu tidak mendapat kepercayaan rakyat kecuali dengan menggunakan kekerasan dan perampasan kuasa ....[128]

Tetapi Dato' Senu merumuskan bahawa daripada namanya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, UMNO berjuang atas falsafah kebangsaan atau nasionalisme iaitu perjuangan kebangsaan yang luas dan ada *flexibility* serta boleh disesuaikan mengikut perubahan zaman. Nasionalisme UMNO tidak sama dengan pengertian nasionalisme Barat. Dato' Senu memperkenalkan dasar perjuangan itu sebagai nasionalisme demokratik. Dasar ini menegaskan beberapa ciri seperti keperibadian nasional, dan sebagai satu aliran progresif yang membawa bersama-samanya kebebasan dan persamaan hak. Nasionalisme demokratik juga menolak nasionalisme sempit serta kepercayaan bahawa kaum itu sahaja yang paling mulia dan berhak memerintah serta memperhambakan kaum dan bangsa lain. Kepercayaan seperti ini melahirkan negeri diktator atau fasis yang sering menemui kehancuran. Nasionalisme

demokratik juga tidak inginkan penindasan dan pemerasan.

Dalam falsafah politik UMNO, kekuatannya masih pada orang Melayu, khususnya sikap orang Melayu dikatakan demokratik:

> Dengan sebab semangat demokrasi ini telah mendalam di dalam jiwa ahli-ahli UMNO khasnya dan orang-orang Melayu amnya, maka semangat sabar dan toleransi telah merupakan faktor yang penting dalam perlaksanaan kerjasama dan persefahaman di antara Melayu dengan yang bukan Melayu di negeri ini. Kemahuan bertolak ansur atau berkompromi yang terbit daripada semangat sabar dan *tolerance* inilah yang telah membolehkan UMNO bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain seperti MCA dan MIC. Semuanya ini membuktikan bahawa demokrasi telah berakar umbi di dalam jiwa ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu keseluruhannya.[129]

Perjuangan UMNO adalah suatu kesinambungan dalam falsafah politik Melayu untuk mempertahankan tiga perkara iaitu bangsa, agama dan tanahair atau pada satu ketika disebut ibu pertiwi. Orang Melayu sendiri pada masa dahulu mempertahankan ibu pertiwinya sebagai hak ketuanannya. "Walaupun ini boleh dianggap sebagai perjuangan yang sempit dan perlu diganti oleh suatu ideologi yang lebih bercorak universal, rakyat Melayu masih tidak dapat melupakan hak ketuanan mereka untuk menerima suatu idea politik yang lain".

Dasar UMNO yang sebegitu rupalah yang mencorak sistem pemerintahan negara yang ada hingga hari ini. UMNO yang menerajui pimpinan kaum-kaum negeri ini telah meminta supaya satu suruhanjaya bebas dilantik bagi mengkaji semula Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 bagi membentuk satu perlembagaan untuk Tanah Melayu yang merdeka.

Perhimpunan agung UMNO tahun ke-10 telah diadakan di bangunan UMNO pada 25-26 Disember 1955. Dalam persidangan itu Tunku Abdul Rahman telah menyebut beberapa nostalgia perjuangan UMNO. Hal ini termasuklah tentang usaha Perikatan menubuhkan "Biro Merdeka" di London un-

tuk melobi Kerajaan British dan ahli-ahli politik di sana untuk membantu memperjuangkan tuntutan dan syarat pilihanraya Persekutuan itu. Perikatan mengakui bahawa itulah juga cara yang dilakukan oleh India untuk mengubah perlembagaan negaranya.

Menurut Dr. Burhanuddin, "tidak ada asabiyah dalam Islam. Asabiyah bukannya 'kebangsaan', ia berasal daripada perkataan tasawuf yang bererti fanatik iaitu perasaan yang membuta tuli dan degil atau disebut faham kebangsaan yang sempit atau kedaerahan. Faham kebangsaan yang luas adalah berdasarkan tanahair dan kewatanan ..." Islam melihat kebangsaan sebagai alat, bukan sebagai tujuan.[130]

Kemenangan UMNO dan sekutunya, dalam Perikatan, amat dirasai apabila parti-parti lawan seperti Parti Negara, Parti Buruh, Kesatuan Sekerja dan yang lain-lain turut memberikan sokongan sepenuhnya terhadap rombongan merdeka di London. Yang dipertua UMNO yang juga ketua menteri Tanah Melayu telah menyatakan keputusannya untuk bertemu Chin Peng, setiausaha agung Parti Komunis Malaya untuk membuat tawaran pengampunan beramai-ramai.

Penjajah Inggeris melihat dengan sendiri sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan Perikatan menghapuskan darurat, "barulah pihak yang berkuasa sedar sebenar-benarnya betapa kekuatan kita dan betapa taat setia serta patuhnya rakyat daripada semua bangsa ... kepada pemimpin mereka." Oleh sebab itu pihak Kerajaan Inggeris telah bersetuju mengisytiharkan bahawa darurat tidak akan menghalang Malaya mencapai kemerdekaan. British juga sedar bahawa kekuatan senjata sahaja tidak boleh mengalahkan komunis sama sekali. Satu sahaja jalan yang ada bagi menjatuhkan kekuatan komunis iaitu menyokong nasionalis yang jujur [iaitu parti Perikatan].

Dalam ucapannya kepada ahli-ahli UMNO dalam perhimpunan agung UMNO ke-10 pada 25 Disember 1955 dimaklumkan tentang rancangan kerajaan Perikatan yang sedang dilaksanakan ketika itu:[131]

1. Menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.

2. Mempertingkatkan pembangunan pendidikan di kampung-kampung "dan tiga buah hostel untuk penuntut dari sekolah-sekolah Melayu akan dimulakan tahun hadapan". Dasar Pelajaran Kebangsaan juga sedang dirancang dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
3. Perkembangan bahasa Melayu juga diberikan perhatian. Kerajaan Perikatan bersetuju menubuhkan Balai Pustaka yang sekarang ini dikenali sebagai Dewan Bahasa dan Pustaka. Tujuannya adalah untuk mengembangkan bahasa ... "kalau kita tidak turut sama [seperti di Indonesia], akhirnya kita akan tertinggal jauh di belakang. Dan bahasa yang sama dan satu yang digunakan oleh dua buah negeri ini akan menjadi berbeza tidak seperti keadaan bahasa Inggeris yang digunakan oleh Amerika dan British".
4. Sebagai usaha membantu petani harga padi dinaikkan daripada $12.00 kepada $14.00 sepikul. Begitu juga rancangan meluaskan kawasan sawah di Kelantan dan Terengganu, kerajaan juga mengkaji aspek pemasaran yang lebih baik untuk petani-petani.
5. Sebagai mengenang jasa dan budi pasukan polis khas atau lebih dikenali dengan "SC" yang telah berkhidmat kepada negara dalam masa darurat, kerajaan telah melanjutkan tempoh perkhidmatan 2 000 orang bekas polis khas yang diberhentikan kerana tamat tempoh perkhidmatan.
6. Kerajaan Perikatan juga bersetuju memelihara kebudayaan dan kesenian Melayu, inisiatif pertama diambil oleh Tunku sendiri dengan mengadakan pertunjukan kebudayaan secara besar-besaran.
7. Rancangan Kementerian Hasil Bumi untuk mengadakan rancangan pembangunan tanah bagi petani-petani. Manakala organisasi RIDA juga sedang disusun bagi menentukan keberkesanan rancangan membangunkan orang Melayu.
9. Mengumumkan persetujuan kerajaan pusat membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam pembinaan

jalan raya, menambahkan dan membesarkan hospital. Akhirnya Tunku meminta peluang dan masa untuk pembangunan rakyat.

Satu usaha politik yang dilakukan ialah rancangan membubarkan jawatan penasihat Inggeris kerana raja-raja Melayu mempunyai menteri besar dan Majlis Mesyuarat Undangan yang dipilih oleh rakyat. Tindakan Perikatan ini adalah sebahagian daripada usaha membuktikan bahawa kuasa Inggeris beransur-ansur lenyap dalam kerajaan yang akan merdeka.

Bagi membuktikan kewibawaan kerajaan sendiri, Perikatan juga merancang menubuhkan Bank Negara dengan bantuan pakar Bank of England. Dengan cara itu kuasa kewangan dapat dilaksanakan. Begitu juga kuasa terhadap pertahanan dan keselamatan dalam negeri juga telah diserahkan kepada kerajaan peralihan ini.

Seperkara lagi yang penting dalam ucapan ini ialah gagasan percantuman dengan Singapura. Tunku berpendapat ada baiknya Singapura meminta menjadi sebahagian daripada negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu. Tunku juga melihat kemungkinan "Brunei, Sarawak dan lain-lain jajahan dalam Borneo kiranya suka bercantum dengan Federation, sangatlah baiknya." Namun demikian, hasrat percantuman ini hanya menjadi kenyataan pada tahun 1963, iaitu kira-kira lapan tahun kemudian.

## Rundingan Kemerdekaan

Rundingan kemerdekaan telah diadakan di London dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956. Antara mereka yang hadir ialah:

*Wakil raja-raja Melayu*

1. Dato' Panglima Bukit Gantang, menteri besar Perak selaku ketua.
2. Encik Abdul Aziz Haji Abd. Majid, menteri besar Selangor.
3. Dato' Mohamad Seth Mohd. Said, menteri besar Johor.

4. Dato' Nik Ahmad Kamal Hj. Mahmood, menteri besar Johor.
   Setiausaha, Encik Abdul Kadir Shamsuddin.

*Wakil Perikatan*

1. YTM Tunku Abdul Rahman Putra, ketua menteri dan menteri hal-ehwal dalam negeri – selaku ketua.
2. Dato' Abdul Razak Hussein, menteri pelajaran.
3. Kolonel H.S. Lee, menteri pengangkutan.
4. Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman, menteri hasil bumi.
   Setiausaha – T.H. Tan.

*Wakil Kerajaan Inggeris*

1. A. Lennox Boyd, setiausaha Pejabat Tanah Jajahan.
2. Sir Donald Mac Gillivary, pesuruhjaya tinggi Inggeris di Tanah Melayu.
3. Menteri negara United Kingdom.

*Penasihat delegasi Tanah Melayu dari Parti Buruh*

1. Lord Ogmore.
2. Woodrow Wyatt.
3. Douglas Jay.

Dalam rundingan itu sedikit sekali perkara yang bercanggahan. Usaha penting dilakukan dengan menumpukan kepada masalah teknikal permohonan semasa transisi kemerdekaan. Tujuh belas halaman laporan rundingan menyentuh persoalan pentadbiran tentang pertahanan dan keselamatan dalam negeri, perkhidmatan awam dan masalah kewangan dan ekonomi. Tiga halaman lagi mengandungi peruntukan perlembagaan menjelang kemerdekaan. Terdapat lima persetujuan penting yang melibatkan perkembangan perlembagaan yang dapat dirumuskan sebagai yang berikut:

1. Ahli Majlis Eksekutif selain ketua setiausaha dan peguam negara hendaklah dilantik oleh pesuruhjaya tinggi setelah berunding dengan ketua menteri.

2. Tiga pegawai yang dilantik mengetuai kementerian digantikan dengan ahli tidak rasmi yang dilantik atas nasihat ketua menteri.
3. Tanggungjawab ketua setiausaha adalah yang berkenaan perkhidmatan awam, mentadbir pekerjaan yang melibatkan perubahan perlembagaan dan hal-ehwal luar.
4. Penasihat Inggeris kepada raja-raja Melayu dimansuhkan.
5. Sebuah suruhanjaya perlembagaan yang bebas hendaklah dilantik secepat mungkin untuk menggubal sebuah perlembagaan untuk kerajaan sendiri yang sepenuhnya dan merdeka dalam Komanwel pada tahun 1957 seboleh mungkin.[132]

Rundingan merdeka dikatakan berjalan dalam suasana yang mesra. Tunku menyifatkan penyata Rundingan Merdeka sebagai menandakan berakhirnya hubungan lama Tanah Melayu dengan United Kingdom dan bermulanya hubungan baru yang menjadikan Tanah Melayu rakan setaraf dengan United Kingdom. Tunku meletakkan gagasan hubungan rapat antara kedua-dua negara dan "tuan akan melihat Tanah Melayu sebagai sahabat Britain yang paling akrab". Tunku mengotakan kata-katanya kerana selepas merdeka dasar luar Tanah Melayu adalah pro-Britain.

Reaksi daripada dunia agak bercampur-campur, ada yang pro dan ada yang kontra. Di tanahair, kebanyakan rakyat gembira dengan kejayaan rombongan merdeka dan menanti hari merdeka pada 31 Ogos 1957 itu. Tiga buah parti yang memberikan ulasan negatif ialah Parti Buruh Perak, Parti Progresif Perak dan Parti Rakyat. Parti Buruh Perak menganggap rombongan merdeka itu gagal, manakala Parti Progresif Perak menyifatkannya sebagai kejayaan diplomasi British dan tidak yakin dengan tarikh kemerdekaan yang ditetapkan itu. Parti Rakyat pula mempersoalkan "erti kemerdekaan sekiranya kawasan itu akan digunakan sebagai pangkalan dan pusat latihan tentera asing."[133]

## Sambutan Rombongan Merdeka

Pada 20 Februari 1956, rombongan merdeka telah diberikan sambutan yang hangat di padang Bandar Hilir Melaka. Melaka dipilih sebagai simbol pembebasan penjajahan negara sejak tahun 1511. Dalam perhimpunan raksasa itu semua kaum telah diberitahu bahawa tarikh kemerdekaan ialah 31 Ogos 1957. Dengan nada yang sebak, Tunku menerangkan bagaimana eratnya hubungan dan kerjasama wakil raja-raja Melayu.

> Di sini saya suka sebutkan pertolongan yang saya dapati daripada wakil raja-raja. Mulanya kita hendak pergi ke England sebagai dua pihak, satu pihak raja-raja dan satu pihak lagi Perikatan. Tetapi apabila kita naik ke kapal dan mengadakan permulaan maka tumbuhlah perasaan pada kami iaitu kami ini anak negeri Melayu, mati dan hidup kami di sini, dan jikalau negeri lain boleh mendapat kemerdekaan dan kedaulatannya maka tak ada sebab negeri ini tidak dapat. Peranan inilah yang telah mendorong wakil DYMM Sultan-sultan dan wakil Perikatan bekerjasama dengan bersungguh. Dengan adanya kerjasama ini segala tanggungan saya menjadi ringan. Waktu di London merekalah yang bekerja kuat dengan cukup taat setia kepada negeri tanahair mereka .... Pendek kata mereka itulah yang telah menjalankan segala kerja dan tanggungan yang berat.

Dalam perhimpunan inilah Tunku melihat adanya harapan rakyat untuk memasukkan Singapura dalam Persekutuan. Tunku dalam kata-kata bersemangatnya menyebut bahawa perjanjian dengan British yang pertama di Tanah Melayu ialah antara Sultan Kedah dengan Inggeris iaitu perjanjian yang "menyewakan" Pulau Pinang iaitu sebahagian daripada kawasan dalam negeri Kedah kepada Inggeris. Beberapa orang ahli sejarah menyifatkan pendudukan Inggeris di Pulau Pinang (1786) tidak sah dari segi undang-undang dan diplomatik. Tunku telah berucap "datuk nenek saya sendiri yang telah menyerahkan Pulau Pinang kepada British ... pada hari ini pula dengan izin Allah Taala seorang anak cucunya mengambil balik bukan sahaja Pulau Pinang bahkan seluruh Tanah

Melayu ini". Dalam tempek sorak yang bersemangat ini wujud hasrat rakyat menginginkan Singapura dimasukkan semula dalam Tanah Melayu, kerana Singapura pada asalnya adalah sebahagian daripada negeri Johor. Kemasukan Singapura ini pernah juga difikirkan pada tahun 1954, tetapi faktor imbangan kaum dan pengaruh komunis di Singapura menyebabkan Tunku "melupakan" idea percantuman itu. Hasrat memasukkan Singapura hanya dicapai atas permintaan Kerajaan Singapura. Percantuman Tanah Melayu dan Singapura berjaya dilaksanakan dari tahun 1963 hingga ke tahun 1966.

Dalam menjustifikasikan kemerdekaan dicapai melalui perpaduan kaum, Tunku telah menyatakan sambutan hangat pelajar-pelajar Tanah Melayu daripada semua kaum terhadap perjuangan kemerdekaan. Dengan merendah diri, Tunku mengatakan bahawa beliau dan rakan-rakan kabinetnya bukanlah orang yang pandai dan bijak tetapi sekadar mempunyai semangat dan "tujuan kami dan niat kami ialah untuk bekerja kerana bangsa dan tanahair".

## Pakatan Murni

Kemerdekaan negara telah membolehkan perlembagaan dibentuk. Perlembagaan itulah yang menentukan bentuk pemerintahan negara. Sesungguhnya Perlembagaan itu adalah *kontrak sosial* yang dipersetujui oleh kaum-kaum di negara ini. Perikatan (UMNO, MCA, MIC) adalah kerajaan pilihan rakyat menjelang kemerdekaan. Ini bererti mereka mewakili suara rakyat. Suruhanjaya Perlembagaan yang dipengerusi oleh Lord Reid[134] telah mengadakan tidak kurang daripada 118 pertemuan dengan berbagai-bagai pihak penduduk negara ini, dan telah menerima 131 memorandum bertulis daripada individu dan organisasi yang mengesyorkan perkara yang menyentuh masa depan negara, dari segi bentuknya dan isinya.

## Kerbau Dipegang pada Talinya, Manusia Dipegang pada Katanya

Perikatan menghadapi masalah apabila mahu melaksanakan manifesto politik yang dianggap samar-samar dalam banyak

perkara.[135] Debu perkauman dapat disapu di bawah tikar semasa ingin merdeka, tetapi angin kencang "merdeka" telah menyepahkan semula debu perkauman. Perikatan adalah gabungan parti perkauman dan mengambil pendirian perkauman dalam isu-isu politik, tetapi bersedia bertolak ansur[136] dalam memelihara perpaduan Perikatan. Manifesto Perikatan dalam pilihanraya 1955 menjelaskan lagi kehadiran ciri baru dalam politik Tanah Melayu iaitu "tawar menawar"[137] dalam Perikatan.

Hampir sebahagian besar syor Suruhanjaya Reid adalah berasaskan tuntutan yang dikemukakan oleh Perikatan. Tuntutan Perikatan itu terkandung dalam memorandum atau Testamen Amanah Politik Perikatan yang mengandungi perkara-perkara yang berikut:[138]

1. Susunan negara: Persekutuan dan Negeri.
2. Nama bagi negara baru: UMNO mencadangkan Malaysia dan MCA lebih suka mengekalkan Malaya.
3. Ketua negara: ketua bergelar Yang di-Pertuan Besar [kemudian Yang di-Pertuan Agong] dan timbalannya iaitu Yang di-Pertuan Muda [Timbalan Yang di-Pertuan Agong].
4. Raja-raja: raja atau sultan sebagai raja berperlembagaan. Bagi Melaka dan Pulau Pinang, Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negeri, dan seorang wakil yang disebut pesuruhjaya dilantik atas arahan perdana menteri setelah berunding dengan EXCO negeri untuk menjalankan tugas bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.
5. Persidangan raja-raja.
6. Majlis undangan: terdiri daripada dua dewan:

   (i) Dewan tinggi disebut Dewan Negara
   (ii) Dewan rendah disebut Dewan Rakyat.

7. Pilihanraya.
8. Kuasa pemerintah.
9. Kuasa kehakiman.
10. Pembahagian kuasa perundangan dan pemerintahan

antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri:

(i) Am.
(ii) Kewangan.
(iii) Tanah.

11. Kerajaan negeri: Kuasa pemerintah terletak pada EXCO yang diketuai oleh menteri besar dan bertanggungjawab kepada Majlis Mesyuarat Undangan Negeri.
12. Hak asasi:

(i) Kebebasan bercakap dan mengeluarkan fikiran.
(ii) Kebebasan berhimpun.
(iii) Kebebasan menganut kepercayaan.
(iv) Kebebasan daripada kepapaan.
(v) Kebebasan daripada ketakutan.

13. Asas-asas bagi dasar-dasar kerajaan:

"Adalah menjadi matlamat Perikatan pada menjaminkan yang bangsa yang baru itu patutlah menjadi bangsa yang berkehidupan senang-lenang dan berpuas hati."

14. Kebangsaan yang tunggal.
15. Rakyat Persekutuan Tanah Melayu.
16. Kedudukan istimewa orang Melayu:

(i) Pemilikan tanah.
(ii) Perjawatan dalam perkhidmatan awam.
(iii) Permit perniagaan dan perdagangan.
(iv) Biasiswa.
(v) Apa-apa jua kemudahan.

17. Takrif Melayu.
18. Syarat am:

(i) Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Tanah Melayu.

(ii) Agama Islam agama negara.

Sesungguhnya Perlembagaan Tanah Melayu pada umumnya menyamai Perlembagaan India tetapi yang membezakannya ialah soal kewarganegaraan dan lima unsur tradisi.

Pada tahun 1946, orang Melayu telah bangkit memprotes Kerajaan Inggeris kerana Malayan Union boleh melenyapkan kuasa raja, kerajaan dan rakyat Melayu, terutama pemberian kewarganegaraan berdasarkan prinsip liberal *jus soli*. Tetapi sikap tolak ansur menyebabkan pemimpin UMNO melupai prinsip semangat 46 itu kerana pemberian *jus soli* adalah pragmatis, sesuai dengan ketika itu agaknya, paling tidak demi kemerdekaan. Namun demikian kerakyatan secara *jus soli* adalah satu tawar menawar politik UMNO dengan MCA dan MIC.[139]

> Kepentingan utama orang bukan Melayu dilindungi melalui konsesi UMNO seperti kewarganegaraan, sebaliknya MCA dan MIC menerima kedudukan istimewa orang Melayu (yang memberi kuasa kepada kerajaan memperlihatkan *preferment* dan bidang perjawatan kerajaan, pemberian biasiswa, kemasukan ke institusi pendidikan dan peruntukan lesen perniagaan), pewujudan tanah simpanan Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama rasmi.

Sesungguhnya inilah "fikiran murni" antara kaum yang terbesar menjelang kemerdekaan, dan inilah ikatan yang mencorakkan masa depan negara. Namun begitu setakat ini percubaan mengungkai ikatan murni belum memperlihatkan perubahan yang ketara, sekadar perubahan sikap penduduk dari segi politik yang nyata sekali selepas merdeka.

Perubahan kependudukan, geografi dan ekologi selepas merdeka memperlihatkan berlakunya perubahan sosial, khususnya dalam budaya politik. Perubahan kepemimpinan MCA mencetuskan perubahan sikap MCA terhadap UMNO. MCA menuntut lebih banyak kerusi kerana telah mempunyai ramai pengundi, tetapi meminta kerusi yang lebih pada tahun 1955 kerana "perpaduan" dan demi kemerdekaan. Pemimpin UMNO yang kaya dengan budi bahasa, adat sopan dan ber-

sandar kepada konsep budi ternyata tergamam dengan sikap sahabat yang sama-sama berjuang umpama "bunga disunting, pangkal dikencing".

Ahli-ahli UMNO berasa tidak senang terhadap sikap pemimpin parti yang sering bertolak ansur, sedangkan MCA belum berhenti daripada "menyalak" habuan merdeka. Orang Melayu melihat *keliatan* pucuk pimpinan melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, sekolah menengah berpengantar Melayu juga tidak dilaksanakan pada tahun 1957, hak istimewa Melayu masih samar-samar sehinggalah selepas peristiwa 13 Mei 1969 barulah kerajaan memperlihatkan ketegasan dalam soal bahasa. Pendidikan kebangsaan dan jurang ekonomi orang Melayu dengan bukan Melayu terus meluas sehingga diwujudkan Dasar Ekonomi Baru.

Antara tahun 1946-1956 UMNO memperlihatkan sikap yang berlawanan. Pada tahun 1946 UMNO menjadi alat bagi orang Melayu mempertahankan hak ketuanannya sebagai peribumi Tanah Melayu. Kerajaan British ... cuba menghapuskan kedaulatan raja-raja Melayu dan mencabuli hak bumiputera Melayu. Seiring itu, Kerajaan British juga hendak memberikan kerakyatan menerusi prinsip *jus soli* kepada penduduk bukan Melayu. Kedua-dua langkah British ini adalah berbahaya dan menggugat kedudukan dan kepentingan orang Melayu. Semangat orang Melayu memuncak menentang langkah-langkah Kerajaan British ini. UMNO mahu supaya kedaulatan raja-raja Melayu dikembalikan dan hak kerakyatan tidak diberikan kepada orang bukan Melayu dengan cara *jus soli*.[140]

Pada bulan Mei 1946, UMNO telah dapat menyatupadukan semua orang Melayu, tetapi pada bulan Jun, kerana bendera dan berlainan ideologi dan pendekatan terhadap penjajah, PKMM meninggalkan UMNO untuk selama-lamanya, dan memulakan keretakan dalam semangat 46 itu. Bermulalah dua cara perjuangan apabila PKMM serta sekutunya API (Angkatan Pemuda Insaf) dan AWAS (Angkatan Wanita Sedar) membina satu barisan politik tahun 1948, UMNO menguasai semula perjuangan "Hidup Melayu". Secara senyap

pula, muncul gerakan politik Islam melalui penubuhan Hizbul Muslimin (HAMIM) di Gunung Semanggol pada tahun 1948. Hizbul Muslimin segera dicantas oleh penjajah British.

Sikap UMNO sehingga tahun 1951 ialah tidak ingin bekerjasama dengan orang bukan Melayu dari segi politik.

Kekebalan semangat Melayu dalam UMNO teruji apabila Dato' Onn cuba membuka pintu UMNO kepada orang bukan Melayu sebagai ahli bersekutu. Suasana ketika itu tidak mengizinkan, menyebabkan Dato' Onn meletakkan jawatan. Kerana ketandusan pemimpin Dato' Onn yang cuba menjuarai perpaduan kaum dipujuk semula. Dengan kepercayaan kepimpinannya Dato' Onn kali ini mahu menjadikan UMNO parti semua kaum, menjadi "United Malaya National Organization". Kali ini semangat 46 ahli UMNO yang masih membara itu menolak kepimpinan Dato' Onn. Tunku Abdul Rahman seorang elit tradisional mengambil alih kepimpinan dan memegang kukuh "Semangat 46" dengan prinsip Tanah Melayu untuk orang Melayu.

Perletakan jawatan Dato' Onn pada tahun 1951 itu membawa bersama-sama "orang kuat UMNO", sedikit sebanyak menjejaskan organisasi UMNO. Di samping kumpulan Dato' Onn, terdapat sekumpulan lagi ahli UMNO yang tidak berpuas hati terhadap sikap UMNO, terhadap Kerajaan Islam. UMNO menubuhkan Biro Agama sebagai bukti keinginannya terhadap cita-cita keislaman. Malah Biro Agama UMNO menganjurkan Persidangan Ulama yang melahirkan Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu yang kemudiannya melahirkan PAS (Persatuan Islam Se-Tanah Melayu) pada tahun 1951. Tahun 1951 menjadi satu tanda yang penting dalam politik Melayu. Konflik Melayu kian ketara. PAS cuba membuktikan kemampuannya sebagai parti alternatif bagi orang Melayu.

Perubahan suasana politik seperti tekanan penjajah Inggeris dalam meletakkan prasyarat untuk merdeka iaitu bukti perpaduan kaum dan juga pertukaran MCA daripada bergabung dengan IMP (Parti Kemerdekaan Malaya) kepada pakatan dengan UMNO untuk menguasai kerusi Majlis Perbandaran dan Lembaga Bandaran, telah mengubah slogan

perjuangan UMNO daripada "Hidup Melayu" kepada "Merdeka".

Tahun 1946-1956 memperlihatkan "kekurangan" tenaga kepimpinan Johor dan Kedah dapat melahirkan ramai pemimpin dan aktivis UMNO. Kedua-dua negeri itu telah mengalami proses pemodenan lebih awal. Pahang, Perak dan Kelantan melahirkan pemimpin daripada golongan aristokrat yang juga birokrat negeri seperti Orang Kaya Indera Syahbandar, Dato' Abdul Razak (kemudian Tun), Dato' Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab dan Dato' Sri Setia Diraja Nik Ahmad Kamil. Dari Negeri Sembilan pula ialah Tunku Mohamad Tunku Besar Burhanuddin. Penubuhan UMNO di Istana Besar Johor menjadi titik permulaan di mana Johor kekal sebagai kubu kuat UMNO hingga kini. Sejak penubuhan sehinggalah bangunan UMNO di Kuala Lumpur siap dibina pada tahun 1955, Johor Bahru adalah pusat gerakan dan ibu pejabat UMNO. Kekuatan Johor ini boleh dilihat daripada perwakilan UMNO Johor dalam kabinet pertama tahun 1955. Tiga ahli jemaah menteri berasal dari Johor iaitu (Tun) Dr. Ismail Abdul Rahman (Menteri Hasil Bumi), Tun Sardon Jubir (Menteri Kerja Raya) dan (Dato') Sulaiman Abdul Rahman (Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan). Tunku dan (Tan Sri) Khir Johari (Menteri Muda Pertanian) mewakili kawasan Kedah. Tun Abdul Razak dan Abdul Rahman Talib (Menteri Muda Kesihatan) mewakili UMNO dan kawasan pilihanraya di Pahang. Aziz Ishak mewakili UMNO Selangor. Wakil kawasan pilihanraya di Perak dan Kelantan dilantik menjadi menteri muda, iaitu Bahaman Shamsuddin (Dalam Negeri) dan Khalid Awang Othman (Buruh). Dalam politik Malaysia sehingga kini kebetulannya masih mengikut pola lama iaitu Kedah, Johor dan Pahang kelihatan silih berganti menerajui pucuk pimpinan UMNO dan kerajaan.

Kumpulan elit yang menganggotai UMNO amatlah kurang, sehingga Tunku terpaksa meminta kerjasama Kerajaan Inggeris membenarkan pegawai kerajaan yang bertanding dalam pilihanraya tanpa meletakkan jawatan kecuali menang dalam pilihanraya itu. Kecenderungan sebegini sudah tidak dipakai lagi pada masa ini kerana keadaan telah berubah serta

suasana tidak mengizinkan dan UMNO amat pragmatis sifatnya!

Antara 1946-1956 menunjukkan bahawa kebanyakan UMNO "miskin" harta benda tetapi kaya dengan semangat. Berkayuhkan semangat, mereka menjadi pendayung "bahtera merdeka" dengan pucuk pimpinan sebagai nakhoda, juragan dan malimnya. Mereka amat mengharapkan kemerdekaan yang akan memberikan harapan masa depan setelah beratus tahun dijajah.

Tempoh itu juga memperlihatkan kekukuhan UMNO disebabkan unsur tradisi masyarakat Melayu iaitu kesetiaan kepada pemimpin dan pergantungan yang dipimpin (ahli UMNO) kepada ketuanya. Tunku Abdul Rahman pernah menerima undi tidak percaya tetapi tidak sampai ke tahap penyingkiran. Tempoh itu juga menunjukkan tahap perubahan pemikiran politik UMNO. Golongan agama dan guru Melayu adalah tenaga penggerak di peringkat cawangan, bahagian dan pusat. Dalam tempoh masa tersebut UMNO dan guru Melayu adalah suatu kuasa, pengaruh dan kekuatan politik Melayu. Guru yang bertanggungjawab menerajui atau mempengaruhi penduduk. Ini disebabkan guru adalah pemimpin yang menjadi harapan orang kampung. Mereka dipercayai membawa nilai-nilai murni sebagai pemimpin serta bekerja dengan penuh semangat. Ketika ahli UMNO dan orang Melayu masih mengutamakan semangat, gurulah model kepemimpinan dan perjuangan UMNO dan Melayu. Setelah mencapai kemerdekaan, peranan guru-guru Melayu dalam UMNO kian merosot hingga akhirnya peranan golongan pendidik dalam UMNO semakin lenyap.

Tempoh antara 1946-1956 itu mempamerkan semangat kolektif dan tujuan yang sama iaitu merdeka. Oleh itu konflik kepemimpinan UMNO tidak menjejaskan perpaduan parti, matlamatnya masih sama.

Jika boleh diterima teori perubahan *cyclical* yang dikemukakan oleh Ogward Sprengler, kita boleh mengkategorikan perubahan sejarah UMNO ini seperti yang berikut:

1946 : Tahap kelahiran

1947 – 1957 : Tahap pertumbuhan
1957 – 1986 : Tahap kematangan
1986 – 1988 : Tahap "kematian"

Dalam tahap pertumbuhan ini tidak banyak gelagat politik yang negatif, ketika inilah berlaku proses sosialisasi yang mengandungi unsur asimilasi dan akomodasi serta penyesuaian dengan persekitaran. Di sinilah remaja mesti memiliki pendirian atau nilai hidupnya. UMNO semasa kepemimpinan Tunku (1951-1970) tidak mempunyai ideologi yang jelas. Mungkin ketika itu tiada keperluan itu kerana slogan "Hidup Melayu" dan "Merdeka" sudah dapat dijadikan simbol bagi mempengaruhi orang Melayu mengasosiasikan diri dengan UMNO; lantaran UMNO adalah alat perjuangan dan perpaduan orang Melayu ketika itu. Tunku menyebut UMNO sebagai organisasi yang pragmatis. Pada tahun 1971 Dato' Senu menamakannya sebagai nasionalisme demokratik. Hari ini masyarakat telah berubah, para cerdik pandai kian banyak, pengaruh luar juga mengawal nilai orang Melayu dan kebangkitan Islam juga sudah mendatang. Hari ini nasionalisme sudah dianggap bertentangan dengan Islam, nasionalisme Melayu disamakan dengan nasionalisme Barat dan disamakan juga sebagai asabiyah.

Sejarah menunjukkan bahawa pada awal abad ke-20, nasionalisme Melayu mula ditiup oleh golongan agama. Pengaruh dari Timur Tengah ketika itu amat terasa dalam masyarakat Melayu. Konflik Kaum Tua dan Kaum Muda tidak pernah meruntuhkan masyarakat Melayu. Nasionalisme Melayu kemudiannya disambung oleh intelegensia Melayu berpendidikan Inggeris dan vernakular Melayu. Pada tahun 1946 kesemua golongan Melayu, daripada golongan agama, golongan berpendidikan Inggeris, berpendidikan Melayu dan yang buta huruf bersatu dalam UMNO. Inilah yang menjadikan tahun 46 sebagai tahun yang penting kepada umat Melayu yang hampir musnah maruahnya, peribadinya, budayanya dan sejarahnya. Tahun 1946 adalah tahun *survival* orang Melayu, kesemuanya boleh bersatu demi kepentingan bangsa, agama dan ibu pertiwi.

Sejarah juga telah merakamkan betapa peritnya kehidupan apabila "bumi yang dipijak milik orang". Tahun 1946 adalah tarikh bermulanya usaha memiliki semula ibu pertiwi. Tanahair dikuasai penjajah apabila pemimpin dalam Kerajaan Melayu tidak bersatu,[141] itulah yang terjadi dengan Empayar Melaka yang gemilang. Konflik sesama elit Melayu juga menyebabkan berkecainya empayar Johor-Riau-Lingga. Konflik di istana juga membawa kehadiran penjajah Inggeris di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang sebagai asas perluasan kuasa Inggeris di negara kita. Ancaman dari luar juga menyebabkan Kedah berada dalam keadaan kacau-bilau dan Francis Light menduduki Pulau Pinang kerana mengetahui kelemahan dalam negeri di samping ancaman Siam.

Mungkin tidak ada ruginya kita mengingatkan peristiwa silam yang dicatatkan oleh *Sejarah Melayu*. Hanya dengan kekuatan "tiga buah kapal, delapan buah ghalias, empat buah ghali panjang, 16 buah fusta, menjadi 43 buah semuanya, Portugis berjaya menyerang dan menguasai Melaka (1511-1641)" Dalam serangan yang sudah sampai ke daratan itu barulah timbul usaha menaikkan semangat bersatu dan berani menggempur musuh. Mengikut *Sejarah Melayu:*[142]

> Maka kata Tun Mohamad Onta, "Benar kata tuan-tuan itu, baiklah Tun Indera Sagara pergi memohonkan *Hikayat Muhammad Hanafiah*, sembahkan mudah-mudahan dapat patik-patik itu mengambil faedah daripadanya, kerana Feringgi akan melanggar esok hari" .... Maka oleh Sultan Ahmad dianugerahi *Hikayat Amir Hamzah*. Maka titah Sultan Ahmad kepada Tun Indera Sagar, "Katakan kepada segala anak tuan-tuan itu, hendakpun kita anugerahkan *Hikayat Muhammad Hanafiah*, takut tiada akan berani segala tuan-tuan itu seperti Muhamad Hanafiah; hanya jikalau dapat seperti Amir Hamzah pun padalah. Malu kita beri *Hikayat Amir Hamzah*.
>
> ... kata Tun Isap kepada Tun Indera Sagara, "Persembahkan Kebawah Duli Yang Dipertuan, salah titah baginda itu, hendaknya Yang Dipertuan seperti Muhamad Hanafiah, patik-patik adalah seperti hulubalang Beniar ... maka baginda pun bersemayam, maka titah Sultan Ahmad, "be-

nar katanya itu". Maka dianugerahi pula *Hikayat Muhammad Hanafiah.*

Berbagai-bagai kesimpulan boleh kita ambil daripada peristiwa yang berlaku di Melaka pada tahun 1511. Akibat perpecahan sesama sendiri, warisan Kerajaan Melayu turut berkubur.

Indahnya bumi kita ini,
Warisan berkurun lamanya;
Hasil mengalir ke tangan yang lain,
Peribumi merintih sendiri.

Akhir sekali kita harus melihat tahun 1946-1956 sebagai tahun pemulihan maruah dan ketuanan Melayu. UMNO wujud di tahap penghujung berakhirnya Tanah Melayu sebagai milik tunggal orang Melayu. Mulai 1 Februari 1948, atas tekanan penjajah Inggeris, lahirlah Persekutuan Tanah Melayu sebagai satu entiti politik Tanah Melayu bersama syarat kerakyatan yang membolehkan orang bukan Melayu yang layak mengikut syarat itu menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu serta mendapat hak politik sebagaimana orang Melayu. Inilah permulaan sejarah pergolakan politik negara kita hari ini. Sesungguhnya tahun 1946-56 mengalami peristiwa sejarah kenegaraan yang menjadi asas kemajuan masa kini. Bagi UMNO, tempoh masa itulah merupakan perjuangan menebus maruah agama, bangsa dan negara.

Kini kita cuma tinggal kuasa,
Yang akan menentukan bangsa;
Bersatulah hati bersama berbakti,
Pulih kembali harga diri.

## Nota Hujung

[1]*Merdeka*, Bil. 118, tahun 9, Februari, hlm 1.

[2]Chamil Wariya, 1988, *UMNO (Baru): Kelahiran dan Perkembangan Awalnya*, Kuala Lumpur: Kay Publishing.

[3]Untuk maklumat lanjut, sila teliti Stockwell, A.J., 1979, "British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942–1948", *Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Monograph No. 8.

[4]*Merdeka*, Februari 1988, hlm 1-2.

[5]Haji Che Hassan Che Soh (setiausaha penerangan UMNO Malaysia), 1980, "Yakin kepada Pemimpin Jayakan Asas Perjuangan" dalam *Merdeka*, Februari 1980, hlm 1.

[6]Wan Mohd. Mahyiddin, 1987, *Politik UMNO dan Isu Nasional: Satu Perbahasan*, P. Jaya: Pustaka Cipta, hlm 87.

[7]*Merdeka*, Februari 1988, hlm 2, kolum 1-3.

[8]Lihat Apter, David E., 1977, *Introduction to Political Analysis*, Cambridge, Mass.: Winthrop Pub.; Plano, Jack C., dan Greenburgh, 1982, *The American Political Dictionary*, edisi keenam, New York: Holt, Rinehart and Winston; dan Plano, Jack C., Riggs Robert E. dan Robin Helenan S., 1985, *Kamus Analisa Politik*, (terjemahan edisi S. Siregar), Jakarta: C.V. Rajawali; lihat juga Spitz David, 1967, *Political Theory and Social Change*, New York: Artherton Press.

[9]Plano, Jack C., *et. al.*, 1985, *op. cit.*, hlm 187.

[10]Plamenatz, John, 1971, *Ideology*, London: Macmillan, hlm 17.

[11]*Ibid.*, hlm 18.

[12]Huraian lanjut, sila lihat Scruton, Roger, 1982, *A Dictionary of Political Thought*, London: Pan Book, hlm 213.

[13]*Ibid.*, hlm 167.

[14]*Ibid.*

[15]Noer, Deliar, 1983, *Pengantar ke Pemikiran Politik*, edisi baru, Jakarta: C.V. Rajawali, hlm 43.

[16]*Ibid.*

[17]*Ibid.*

[18]*Ibid.*, hlm 44.

[19]Lihat Drs. Sukarna, 1974, *Ideologi: Suatu Studi Ilmu Politik*, Bandung: Penerbit Alumni, hlm 37-41.

[20]*Ibid.*, hlm 42.

[21]Lihat Alfian, 1976, "Ideologi, Idealisme dan Integrasi Nasional", *Prisma*, Tahun V, Ogos 1976, hlm 22.

[22]Laswell, Harold, 1958, *Politics: Who Get What, When, How*, New York: Meridan Book, diterjemahkan ke bahasa Malaysia *Politik: Siapa Yang Mendapat, Bila, Bagaimana*, 1980, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[23]Dahl, Robert A., 1976, *Modern Political Analysis*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.

[24]Easton, David, 1965, *A Framework of Political Analysis*, Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.

[25]Arendt, Hannah, 1970, *On Violence*, London: Allen Lane, The Penguin Press.

[26]Eulau, Heinz, 1963, *The Behavioral Persuasion in Politics*, New York: Random House.

[27]Lukes, Steven, 1985. *Kuasa: Satu Pandangan Radikal,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[28]*Ibid.*, hlm 31-2, lihat pelbagai perbincangan dalam Giddens, Anthony dan Held, David, (peny.), 1984, *Classes, Power and Confict: Classical and Contemporary Debates,* London: Macmillan.

[29]Lihat Bottomore, T.B., 1964, *Elite and Society,* Baltimore: Penguin Book.

[30]*Ibid.*, hlm 9, lihat juga Mosca, Gaetano, 1939, *The Ruling Class,* disunting oleh Arthur Livingstone, New York: McGraw-Hill.

[31]Kerr, Clark, Dunlop, John T, Harbison, Fredrick H., dan Myers, Charles A., 1960, dalam *Industrialism and Industrial Man,* Cambridge, Massachusetts: Havard University Press.

[32]Kautsky, John H., 1971, *The Political Consequences of Modernization,* New York: John Wiley Sons.

[33]Teks klasik pemikiran tentang elit, G. Mosca, 1939, *The Ruling Class* (ed. Livingstone), New York: McGraw-Hill; V. Pareto, 1935. *The Mind and Society,* New York: Harcourt Brace: V. Pareto, 1966, *Sociological Writing,* (ed. S.E. Tiner), London: Pall Mall Press, Michels R., 1958, *Political Parties,* Glencoe-Illinois: Free Press; Burnham J., 1942, *The Managerial Revolution,* New York; C. Wright Mills, 1956, *The Power Elite,* New York: Oxford University Press. Buku-buku lain termasuklah Bottomore, T.B. 1964, *op. cit.*, Dahl, R.A. 1961, *Who Governs,* New Haven: Yale University Press; Poesthus, R., 1964, *Man at the Top,* New York: Oxford University Press, dan Aaronovitch S., 1961, *The Ruling Class,* London: Lawrence & Wishart.

[34]Lihat Scruton Roger, 1982, *op. cit.*, hlm 34.

[35]Roberston David, 1986, *Dictionary of Politics,* Middlesex: Penguin Book.

[36]Laswell, Harold, *op. cit.*

[37]*Ibid.*, hlm 3.

[38]*Ibid.*, hlm 6-9.

[39]Lihat Gerth dan Mills, (ed.), 1957, *From Max Weber,* London: Routledge; Parkin, Frank, 1982, *Max Weber,* Sussex: Ellis Harwood; Weber, Max, 1968, *Economy and Society,* (eds. 1968, Guenther Roth and Clause Wittich), New York: Badminster Press; Weber, Max, 1930, *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism,* London: Allen and Unwin; Weber, Max, 1961, *General Economic History,* New York: Collins Books.

[40]Weber, Max, 1968, *op. cit.*, hlm 946.

[41]Parkin, Frank, 1982, *op. cit.*, hlm 77.

[42]Parry, Geraint, 1971, *Political Elites,* London: Allen & Unwin, hlm 68-94 dan Dahl Robert, 1976, *op. cit.*, hlm 70.

[43]Plano, Jack C., *et. al.*, *op. cit.*, hlm 41.

[44]Laswell, Harold, 1958, *op. cit.*, hlm 19.

[45]Lihat koleksi ucapan 1, ucapan Dato' Onn Jaafar selaku pengerusi Kongres Melayu, 1 Mei 1946, hlm 143.

[46]Dipadankan daripada *UMNO 10 Tahun,* hlm 44-5.

[47]Lihat petikan ucapan dalam koleksi ucapan 2, hlm 150.

[48]Lihat koleksi ucapan 3, hlm 152.

[49]*Ibid.*, hlm 99.

[50]Lihat *Federation of Malaya: Summary of Revised Constitutional Proposal 1947*, hlm 13, dan juga Khong Kim Hoong, 1984, *Merdeka!: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya*, Kuala Lumpur: INSAN, hlm 98-101.

[52]Lihat koleksi ucapan 4, hlm 158.

[53]*Ibid.*, hlm 163.

[54]Lihat Cheah Boon Kheng, 1979, *The Masked Comrades: A Study of the Communist United Front in Malaya, 1945–48*, Singapura: Times Books.

[55]*All-Malaya Council of Joint Action* ditubuhkan pada 22 Disember 1946 dan dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. Ada enam dasar perjuangan *All-Malaya Council of Joint Action* iaitu:

(i) Negeri Tanah Melayu yang bersatu termasuk Singapura.

(ii) Majlis Undangan Persekutuan yang dipilih.

(iii) Hak politik sama rata bagi mereka yang menganggap Tanah Melayu sebagai negara mereka dan menumpukan taat setia kepadanya.

(iv) Hal-ehwal Islam dan adat resam Melayu terus kekal di bawah kuasa tunggal Melayu.

(v) Memberi tumpuan khusus terhadap kemajuan orang Melayu, Zainal Abidin Wahid, 1983, *Sejarah Melayu Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 134.

[56]Zainal Abidin Wahid, 1983, *op. cit.*, hlm 136.

[57]Lihat Ramlah Adam, 1987, *Dato' Onn Jaafar: Peranannya di dalam Politik dan Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu, 1895–1962*, Kuala Lumpur: Gateway Pub. House.

[58]*Malay Mail*, 11 November 1948.

[59]Menurut Ramlah Adam, 1987, *op. cit.*, hlm 36-7, sambutan daripada orang bukan Melayu adalah menggalakkan. Antara yang mendaftarkan nama ialah usahawan ternama Teik Ee dan Tan Kim Boon di Pulau Pinang. Di Kuala Lumpur pula yang mendaftarkan nama ialah E.E.C. Thuraisingham (Presiden Persatuan Orang Ceylon Malaya) dan Tan Siew Sin. Anggota UMNO dalam CLC ialah Dato' Onn (yang dipertua UMNO), Dato' Panglima Bukit Gantang Hj. Abdul Wahab (naib yang dipertua), Dato' Zainal Abbas (setiausaha agung), Dr. Mustaffa Osman dan Salleh Hakim (ahli jawatankuasa UMNO).

[60]Ahlinya terdiri daripada enam orang Melayu, enam orang Cina, enam orang India, seorang Serani dan seorang Eropah. E.C.C. Thuraisingham dilantik mengetuai CLC manakala Malcolm MacDonald sebagai wakil Inggeris yang juga menjadi penasihat jemputan dan penaung. Ketua-ketua kaum dalam CLC terdiri daripada Dato E.C.C. Thuraisingham (presiden Persatuan Ceylon Malaya), Dato' Onn Jaafar (yang dipertua UMNO), Tan Cheng Lock (presiden MCA), Dr. J.S. Gooty (presiden masyarakat Serani), dan C.C. Tai (presiden Parti Progresif Singapura); lihat *Straits Times*, 10 Ogos 1949.

[61]Lihat Ramlah Adam, 1978, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945–*

*1951*, Kota Bharu: Mohd. Nawi Book Store, hlm 137; Purcell, Victor, 1966, *The Chinese in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

[62]Ramlah Adam, 1978, *op. cit.*, hlm 144.

[63]*Ibid.*, hlm 146.

[64]Menurut Shaw, William, dalam *Tun Razak: Riwayat Hidup dan Zamannya*, Kuala Lumpur: MacMillan, hlm 122, semasa majlis pelancaran IMP, Dato' Onn tidak mengundang Kolonel H.S. Lee, pemimpin MCA Selangor, naik ke pentas sebagai tetamu kehormat. H.S. Lee yang berpengaruh dan mudah tersinggung kemudian membuat rancangan menjatuhkan Dato' Onn.

[65]Lihat Ramlah Adam, 1987, *op. cit.*, hlm 46-7 dan William Shaw, 1977, *Tun Razak: Riwayat Hidup dan Zamannya*, Kuala Lumpur: Longman, hlm 114-5.

[66]Tentang kebangkitan golongan Islam, sila lihat Nabir Haji Abdullah, 1976, *Maahad Il Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, UKM; dan Funston, N.J., 1980, *Malay Politics in Malaysia: A Study of United Malays National Organization*, Kuala Lumpur: Heinemann, hlm 87-96.

[67]Antara lain persidangan itu menyusulkan penyatuan dan penyelarasan tentang permulaan puasa, menubuhkan Jabatan Agama Islam di Melaka dan Pulau Pinang, mendesak kerajaan negeri Melayu menyediakan biasiswa untuk Pengajian Agama Islam di luar negeri, merayu Kerajaan Arab Saudi menurunkan cukai jemaah haji dari Tanah Melayu dan sidang itu bersetuju dengan syor menubuhkan Majlis Penyelarasan Agama Islam bagi Tanah Melayu yang dianggotai oleh wakil badan-badan agama Islam negeri-negeri dan ketua-ketua jabatan agama Islam negeri, Funston, *ibid.*, hlm 92-3.

[68]*Ibid.*, hlm 93, sejarah PAS bermula daripada *Hizbul Muslimin* lagi iaitu badan yang dinaungi oleh PKMM. Gunung Semanggol (El-Ehya Assyariff) menjadi pusat gerakan Islam. Di situ bertemunya aktivis politik Islam melalui "Persidangan Ekonomi Agama Se-Malaysia pada akhir tahun 1947. Persidangan ini melahirkan dua organisasi iaitu PEPERMAS (Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya) dan MATA (Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya). MATA telah menginstitusikan aliran reformis Islam dalam nasionalisme Melayu, lantas bermulanya jurang antara golongan Islam konservatif dengan golongan reformis. MATA dan PEPERMAS kemudian menaja Lembaga Pendidikan RAKYAT (LEPIR) pada bulan November 1947. LEPIR dipertanggungjawabkan menerbitkan buku-buku teks Islam, menyusun kurikulum antara sekolah agama bebas, menambah jumlah sekolah agama dan mempertimbangkan mutu pendidikan sekolah agama ke peringkat antarabangsa. LEPIR juga mendesak pembubaran peraturan tauliah untuk guru-guru yang mengajar agama Islam.

[69]Analisis tentang konsep dan amalan kesetiaan orang Melayu, lihat Chandra Muzaffar, 1979, *Protector: An Analysis of the Concept of Practice in Leaders-Led Relation Script Within Malay Society*, Pulau Pinang: Aliran.

[70]Lihat Barnes L.J., 1951, *Report of the Committee on Malay Education, Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.

[71]*Ibid.*, hlm 8.

[72]*Ibid.*, hlm 75.

[73]Butiran lanjut, lihat *Chinese School and Education of Chinese Malayan, The Report of a Mission Invited by the Federation Government to Study the Problem of Education of Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1951.

[74]*Utusan Melayu*, 3 Februari 1955.

[75]Lihat koleksi ucapan 10, hlm 226.

[76]Means, Gordon P., 1976, *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stoughton, hlm 133-4.

[77]*Ibid.*, hlm 136-40.

[78]Menurut Means, G.P., *ibid.*, Perikatan UMNO-MCA menyukarkan IMP menjadikan perkauman sebagai isu politiknya. IMP mempunyai penyokong yang ramai dalam Majlis Undangan Persekutuan, IMP berusaha mempengaruhi kerajaan untuk menyekat kelancaran UMNO. IMP mengambil peluang daripada reaksi MCA yang menentang sejumlah dasar kerajaan seperti menentang pelaksanaan Ordinan Pendidikan yang baru; Ordinan Pendaftaran Perniagaan dan MCA mengancam mengadakan *Hartel* seperti yang berlaku pada tahun 1948. Dato' Onn menuduh MCA dan organisasi Cina di Tanah Melayu mahu menjadikan Tanah Melayu sebagai wilayah ke-20 negara China.

[79]Koleksi ucapan 12, hlm 247.

[80]Koleksi ucapan 13, hlm 257.

[81]*Ibid.*

[82]Means G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 145. Kesatuan Melayu Semenanjung (KMS) yang diketuai oleh Hashim Ghani disifatkan oleh sarjana Barat sebagai *Malay communal chauvinism*. KMS bersama-sama beberapa pertubuhan meninggalkan UMNO apabila Dato' Onn cuba membawa masuk orang bukan Melayu menjadi ahli UMNO. Hashim Ghani menggunakan semangat 46 untuk meneruskan momentum untuk orang Melayu mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1951 Tunku mengakui "Hashim telah bersedia dengan perancangannya, sedangkan saya masih belum pun menceecah kaki di tangga untuk memerdekakan", *Straits Times*, 31 Ogos 1951.

[83]Lihat koleksi ucapan 14, hlm 266.

[84]Funston, N.J., 1980, *op. cit.*, hlm 138.

[85]Lihat koleksi ucapan 16, hlm 274.

[86]*Ibid.*, hlm 275.

[87]Means G.P., 1976, *op.cit.*, hlm 143-4, persidangan pertamanya ialah pada 27 April 1953 dihadiri oleh IMP, MIC, Persatuan Perikatan Selangor, Persatuan India Malaya dan Straits Chinese British Association. Persidangan ini mendesak pilihanraya Persekutuan dijalankan pada akhir tahun 1956. Penubuhan Majlis Undangan Persekutuan yang terdiri daripada 90 orang dengan kurang daripada separuh dipilih sebagai langkah pertama dalam peralihan kepada kerajaan sendiri. MIC menolak syor pilihanraya dibuat pada 1956, MIC mahu pilihanraya diadakan pada tahun 1954.

[88]Lihat koleksi ucapan 17, hlm 281.

[89]*Ibid.*, hlm 176–7.

[90]Lihat *Singapore Standard*, 2 Oktober 1953.

[91]*Straits Times*, 31 Ogos 1951 dan Funston N.J., 1980, *op. cit.*, hlm 138.

[92]Lihat koleksi ucapan 17, hlm 283.

[93]*Ibid.*

[94]*Ibid.*

[95]Lihat koleksi ucapan 18, hlm 290–1

[96]Lihat koleksi ucapan 21, hlm 311–3.

[97]*Ibid.*, hlm 313–4.

[98]Lihat Hj. Mohd. Sulaiman, 1928, *Syair Melayu*, Johor Bahru.

[99]Lihat koleksi ucapan 23, hlm 313.

[100]Means, G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 162.

[101]Lihat koleksi ucapan 23, hlm 332–3.

[102]Michels, Robert, 1984, *Parti Politik: Kecenderungan Oligarki dalam Birokrasi*, (terjemahan) Jakarta: C.V. Rajawali.

[103]Lihat koleksi ucapan 23, hlm 332–3.

[104]Means, G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 162.

[105]Ibrahim Mahmood, 1981, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm 440.

[106]*Ibid.*, hlm 420.

[107]Means, G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 164.

[108]*Ibid.*, hlm 440. Lihat juga Means, G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 162.

[109]Means, G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 164.

[110]Dipetik daripada T.E., Smith, 1955, *Report on the First Election of Members to The Legislation Council of the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, hlm 18.

[111]*Ibid.*

[112]Ibrahim Mahmood, 1981, *op. cit.*, hlm 450.

[113]*Ibid.*, hlm 453.

[114]*Ibid.*, hlm 452.

[115]Huraian ringkas upacara perasmian bangunan UMNO, sila lihat Ibrahim Mahmood, *ibid.*, hlm 462–5.

[116]Sebahagiannya diterbitkan dalam Tunku Abdul Rahman Putra, 1984, *Malaysia: The Road to Independence*, Petaling Jaya: Pelanduk.

[117]*Ibid.*, hlm 123.

[118]Ibrahim Mahmood, 1981, *op. cit.*, hlm 466–7.

[119a, b]Mengikut buku *UMNO 10 Tahun*, Encik Khir Johari adalah menteri muda ekonomi; Abdul Rahman Talib, menteri muda pengangkutan dan tidak terdapat nama Khalid Awang Osman. Manakala Sulaiman Abdul Rahman pula disebut sebagai menteri perumahan dan perancangan bandar, hlm 128. Bandingkan dengan Ibrahim Mahmood, 1981, *op. cit.*, 466.

[120]Lihat *Ibid*, hlm 84 dan Mohd. Nordin Sopie, 1974, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

[121]Lihat B.Simandjuntak, 1985, *Federalisme Tanah Melayu 1945–1963*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm 82.

[122]*Ibid.*

[123]Ibrahim Mahmood, 1981, *op. cit.*, hlm 487.

[124]B. Simandjuntak, 1985, *op. cit.*, hlm 82.

[125]*Ibid.*, hlm 83.

[126]Wan Mohd. Mahyiddin, 1987, *Politik UMNO dan Isu Nasional: Satu Perbahasan*, Subang Jaya: Pustaka Cipta, hlm 87.

[127]Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, 1971, "Perjuangan UMNO Sesuai dengan Aliran Zaman", dalam *UMNO 20 Tahun*, Kuala Lumpur: UMNO, hlm 3.

[128]Senu Abdul Rahman, 1971, "Falsafah Perjuangan UMNO", *UMNO 20 Tahun*, Kuala Lumpur: UMNO, hlm 49.

[129]*Ibid.*, hlm 52.

[130]Kamaruddin Jaafar, 1980, *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Anda.

[131]Koleksi ucapan 28, hlm 368–84.

[132]Means, G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 172; dan memetik *Self-Government for the Federation of Malaya, Report of the Constitution Conference London, January–Februari 1956*, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, 1956.

[133]Ibrahim Mahmood, 1981, *op. cit.*, hlm 515.

[134]Ahli suruhanjaya itu terdiri daripada Sir Ivor Jennings (United Kingdom), Sir William McKell (Australia), B. Balik (India), Hakim Abdul Hamid (Pakistan) dan Kanada sepatutnya menamakan wakil gagal mendapatkan wakil yang berkaliber tinggi dan akhirnya tidak diwakili. Tugas mengumpul maklumat pertemuan dan penerimaan memorandum daripada orang ramai dilakukan dari Jun hingga Oktober 1956. Selepas itu suruhanjaya ini menyudahkan cadangan perlembagaannya di Rom.

[135]Means, G.P., 1976, *op. cit.*, hlm 193.

[136]*Ibid.*

[137]Funston, N.J., 1980, *op. cit.*, hlm 47.

[138]Lihat Ibrahim Mahmood, 1981, *op. cit.*, hlm 538.

[139]Funston, N.J., 1980, *op. cit.*, hlm 47.

[140]Zainal Abidin Wahid, "Semangat Perjuangan Melayu", *JEBAT*, Bil. 7/8, 1977/79, hlm 2.

[141]Lihat Ahmad Atory Hussain, 1987, *Kepemimpinan Masa Depan: Berakhirnya Dilema Melayu?* Kuala Lumpur: Karangkraf; Abdul Razak Ayub, 1985, *Perpecahan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

[142]Shellabear, W.G., 1952, *Sejarah Melayu*, Singapura: Malaya Publishing House, hlm 223–4.

# BAB II

# LATAR BELAKANG PERJUANGAN ORANG MELAYU

# BAB II

# LATAR BELAKANG PERJUANGAN ORANG MELAYU

## Nasionalisme Melayu dan UMNO: Kenyataan dan Perubahannya

Di sepanjang perjalanan sejarah orang Melayu di negara ini, antara Islam dengan faham kebangsaan Melayu terikat hubungan yang padu. Ini adalah disebabkan keserasian kedua-duanya dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. "Keadaan masa kini adalah agak berbeza: status nasionalisme telah mulai dicabar oleh golongan-golongan Islam, dan pertelingkahan di antara pendukung Islam dengan penganut faham kebangsaan telah menjadi satu realiti dalam masyarakat Melayu".[1]

Faham kebangsaan Melayu telah sebati dengan orang Melayu dengan agama sebagai faktor penentunya. Hubungan antara Islam dengan faham kebangsaan Melayu begitu intim dan tidak dapat dipisahkan. Tidak dapat dinafikan betapa Islam menyerlah dalam perjuangan politik kebangsaan dan asas perpaduan bangsa. Perjuangan kebangsaan Melayu secara serentak membela dan mempertahankan hak orang Melayu dan agama Islam. Islam dan orang Melayu adalah satu. Ulama Melayu dan guru Melayu turut sama memperjuangkan nasib bangsa dan memperakunya sebagai perjuangan Islam mereka. Dengan itu cita-cita Islam dan aspirasi bangsa Melayu bersaing dalam menghadapi penjajah Inggeris.

Oleh sebab itulah[2] walaupun Kesatuan Melayu Muda

(KMM) dan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dianggap oleh golongan fundamental Islam Malaysia sebagai organisasi politik yang dipimpin oleh tokoh-tokoh sekular, ia turut dianggotai oleh pemimpin Melayu yang berjiwa Islam. Malah beberapa orang ulama yang menerajui kepimpinan pergerakan kebangsaan Melayu berjaya menggerakkan organisasi dan pengaruh dengan menggunakan idea Islam dalam mengembangkan cita-cita kebangsaan mereka.

> Akomodasi serta tolak ansur yang terdapat dalam perhubungan di antara pihak-pihak yang berlainan orientasi ini juga sebenarnya mempunyai kaitan dengan kepercayaan bahawa kebangsaan Melayu tidak mungkin dapat diasingkan daripada keislaman bangsa itu dan pencapaian cita-cita Islam dapat diusahakan melalui program kebangsaan.

Peristiwa 13 Mei 1969 telah memperhebat sentimen kebangsaan Melayu kerana ancaman yang dikatakan wujud daripada parti pembangkang bukan Melayu telah mencabar maruah Melayu dan sekaligus membawa sentimen Islam.

Malah pada tahun 1960-an parti-parti politik yang dianggotai oleh orang Melayu, selain UMNO, ialah PAS, Parti Negara dan PSRM yang menggunakan slogan politik "Kebangsaan Melayu". Parti Rakyat dengan slogan "Pihak Menindas dengan yang Ditindas". PAS pula yakin tidak ada pertentangan antara aspirasi Islam dengan semangat kebangsaan Melayu. PAS pada 11 Ogos 1965 di Parlimen, meminta perlembagaan dipinda bagi menjamin hak istimewa bumiputera dalam bidang politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan.[3] YB Abdul Samad Gol Ahmad Mianji (PAS Pasir Mas Hulu) menyebut.

> Malaysia telah menjalankan satu sejarah dunia tentang toleransi. Itulah unsur tentang memberikan hak politik bumiputera begitu luas kepada orang yang bukan bumiputera yang mana tidak ada sebuah negeri pun di dunia ini yang memberi hak sedemikian rupa kepada mereka.

Dalam kerancakan berpolitik, sentimen agama dimainkan dalam isu "kafir mengkafir". UMNO dibelasah kerana bekerjasama dengan kafir iaitu MCA dan MIC. Sentimen Me-

layu juga digembar-gembur kepada persyarikatan UMNO dalam Perikatan yang dianggap sebagai tindakan UMNO menjual negeri kepada orang bukan Melayu.

Pada tahun 1970-an, iaitu era kebangkitan Islam, satu perubahan mula dialami oleh masyarakat Melayu dari segi bentuk, dan isi perjuangan serta falsafah hidupnya. Gerakan Islam mempunyai kekuatan semasa mencabar nasionalisme Melayu. Malah nasionalisme Melayu telah disamakan dengan nasionalisme Barat yang disifatkan sebagai penuh dengan unsur ketidakrasionalan, tiada tolak ansur dan penyisihan. Kutukan terhadap semangat kebangsaan Melayu juga telah dilakukan, sepertimana kutukan kepada nasionalisme Barat yang dianggap memecahbelahkan umat Islam, bercanggah dengan semangat dan pengajaran Islam yang mahukan umat Islam bersatu. Nasionalisme juga dikatakan *asabiyah,* suatu perkara yang dicemuh oleh Rasulullah; dan akhirnya nasionalisme tidak memberikan tempat sewajarnya kepada Islam.

> Pada tahun 1977, setengah pengikut ABIM pernah mempersoalkan kebijaksanaan presiden mereka menggunakan istilah "nasionalisme sempit" dalam ucapan-ucapan beliau, kerana pada pandangan mereka nasionalisme dalam apa-apa bentuk sekalipun adalah semestinya salah dan seharusnya ditolak.

PAS di bawah kepimpinan barunya turut menolak nasionalisme, malah berusaha membentuk imej kebangsaan Melayu yang ada pada parti itu.[4] Dalam kesimpulan awalnya Mohamad Abu Bakar menyatakan:

> Jadi bukanlah suatu hal yang gagal apabila pemimpin-pemimpin PAS dan pelajar-pelajar Melayu yang berjiwa Islam kadang-kadang kelihatan membuat penentangan senada terhadap aspirasi kebangsaan, atau mengecam tendensi-tendensi kebangsaan yang masih kedapatan dalam UMNO. Hal seperti ini juga dikatakan menjadi bukti tentang kepudaran pengaruh kebangsaan kemelayuan dalam masyarakat dewasa ini.[5]

Pemimpin-pemimpin UMNO dalam menghadapi cemuhan golongan Islam[6] terus yakin bahawa faham kebangsaan Me-

layu tidak bercanggah dengan Islam. Tulisan dan kenyataan pemimpin UMNO seperti Haji Dusuki Haji Ahmad,[7] Sulaiman Palestin,[8] Tengku Razaleigh Hamzah,[9] Datuk Musa Hitam[10] dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad,[11] telah mempertahankan semangat kebangsaan Melayu. Ini menjadikan orang ramai berpendapat bahawa ideologi UMNO adalah kebangsaan Melayu sesuai dengan nama organisasinya Parti Kebangsaan Melayu Bersatu. Kebangsaan Melayu itulah ditafsir oleh penentang UMNO sebagai nasionalisme dan nasionalisme adalah bertentangan dengan Islam.

Jika kebangsaan Melayu disamakan dengan nasionalisme dan disamakan juga dengan asabiyah, Malaysia bukan satu-satunya negara Islam yang berpegang kepada prinsip tersebut. Sebab utama amalan nasionalisme berterusan adalah akibat krisis identiti dan kekurangan kepimpinan yang berkesan dari kalangan umah umumnya dan di kalangan elit pemerintah amnya. Elit ini menceritakan kegusaran adanya *split personality.*

Apakah takrif dan ciri-ciri nasionalisme? Bagi sarjana bukan Islam seperti Hayes[12] dan Hans Kohn dan lain-lain lagi,[13] nasionalisme dihuraikan menurut persepsi masing-masing. Nasionalisme dianggap sebagai penyatuan emosi moden yang mengandungi dua gejala iaitu kebangsaan (nationality) dan patriotisme yang dikaitkan dengan ciri-ciri negara (nation) iaitu idea kerajaan yang sama, sebuah wilayah yang jelas, mempunyai sifat yang berbeza seperti bahasa dan keturunan, kepentingan bersama, dan sejumlah perasaan dan keinginan yang sama. Kebanyakannya kelihatan seperti satu keadaan yang mempengaruhi sama ada orang atau kumpulan orang yang bercakap dalam bahasa yang sama, memilih tradisi sejarah yang sama dan menganggap diri mereka sebagai masyarakat yang berbeza budayanya. Oleh itu nasionalisme adalah suatu keyakinan politik yang mendasari perpaduan masyarakat moden dan mengabsahkan tuntutan mereka terhadap kekuasaan. Keseluruhannya berpusat kepada kesetiaan yang utama yang meruntun majoriti penduduknya terhadap negara – bangsa (nation-state) yang sama yang wujud atau yang dituntut kewujudannya.

Ringkasnya nasionalisme mempunyai tiga sifat penting; pertama ia adalah suatu konsep yang menuntut kesetiaan individu dan juga kumpulan, khususnya terhadap negara-bangsa. Kedua, nasionalisme mewakili keinginan penduduk untuk bersatu sebagai sebuah negara yang berdaulat. Ketiga, nasionalisme sebagai gejala yang wujud dalam bentuk pemikiran atau keinginan umum. Bashir Ahmad Dabla[14] yang menelaah tulisan Hayes merumuskan bahawa nasionalisme [Barat] mewakili ideologi dalam bentuk sekular dan membawa kesan kepada kehidupan sosial. Indoktrinasi ideologi nasionalis adalah perlu sebagai alat menggantikan ideologi-ideologi lain, khususnya ideologi yang berbentuk agama.

Kalim Siddiqui[15] menganggap negara-negara sebagai penghalang kepada transformasi umah yang menyeluruh. Murtaza Garia[16] menyifatkan nasionalisme dalam bentuk moden sebagai suatu hasil kolonialisme. Nasionalisme bermula di Eropah sebagai mekanisme mempertahankan diri, khususnya di Eropah Barat yang mempertahankan dirinya menentang kekuasaan *overbearing* dari gereja Roman Katolik dan perjuangan itu pada mulanya dilaksanakan oleh unsur-unsur Protestan dalam masyarakat Kristian. Ia telah mendapat kekuatan daripada reaksi yang bersifat emosi. Sifat ini berjaya dalam situasi tekanan luaran dan tekanan asing terhadap penduduk tempatan. Musuh dari luar biasanya menggerakkan massa untuk bertindak menghalang dan akhirnya menjadi gerakan pembebasan. Konsep nasionalisme, insepsinya adalah suatu perkembangan bagi memandu penduduk membebaskan diri daripada dominasi dari luar dan penindasan daripada orang asing.

Nasionalisme pada zaman awalnya mengarah peranannya sebagai unsur penyatu dalam perjuangan menentang kuasa asing atau penjajah. Dalam era penjajahannya, nasionalisme memperoleh *momentum* tambahan dari revolusi abad ke-18 dan ke-19. Nasionalisme menjadi alat menyebarkan dasar menakluk penduduk di bahagian lain dunia ini. Walau apa jua alasan yang diberikan untuk memperoleh tanah orang, sama ada untuk tujuan-tujuan ekonomi, ketenteraan, politik atau petempatan, proses penjajahan sering menghasil-

kan pembahagian dunia ini kepada penguasa (masters) di satu pihak dan hamba (slaves) di pihak yang lain. Penguasa-penguasa ini berkongsi kedudukan dalam dunia yang telah dibahagi-bahagikan dengan hamba menjadi melukut.

Dari segi Islam, kelemahan tentera Islam telah membingkaskan kuasa Eropah. Pada tahun 1774 Empayar Othmaniah dikalahkan oleh Rusia. Dari situ terorak langkah penaklukan dalam bentuk pencerobohan politik, ekonomi dan budaya. Murtaza Garia[17] mengelaskan faktor yang menghancurkan Islam dan kepemimpinan dunia kepada kemerosotan dalam pengamalan, yang disebut sebagai *progressive relaxation* dan *gradual abandonment* pengajaran Islam yang dari segi sejarah telah memelihara tamadun Islam dan memacu orang Islam ke arah kepemimpinan dunia. Faktor lain ialah seperti kemerosotan moral, sikap ingin akan kesenangan dan kemewahan, ketegangan dalam negeri, percakaran di kalangan ulama. Kesemuanya ini membentuk jalan menuju kepada fabrik sosial Islam dan kegusaran sesama Islam.

Ahli sejarah biasanya mentakrif nasionalisme sebagai manifestasi kesedaran bernegara atau semangat bernegara. Dakwaan Hans Kohn bahawa nasionalisme mengutamakan prinsip kedaulatan rakyat telah disanggah oleh beberapa orang sarjana. Misalnya Karl Marx menyifatkan nasionalisme sebagai ciptaan kelas borjuis. Pendapat Kohn tentang asal usul nasionalisme dapat dikaji daripada sejarah purba Yunani di Yahudi yang telah disanggah oleh Anthony Smith. Smith menyifatkan perasaan yang membendung orang Yahudi dan Yunani adalah etnosentrisme. Mengikut fahaman ini kuasa dan nilai dimiliki oleh kelompok budaya yang dianggap sebagai bahtera bijaksanaan, keindahan, kesucian, kebudayaan. Oleh itu, mereka menuntut kuasa bagi golongan mereka sendiri dan menganggap negara mereka sebagai pusat dunia, dan satu-satunya yang mustahak, manakala di sekeliling mereka adalah bangsa-bangsa dunia yang kafir dan sasar.

## Gerakan Politik Melayu Sebelum dan Selepas Merdeka

Nasionalisme boleh membawa berbagai-bagai tafsiran.[18] Ia bergantung kepada fahaman, anggapan, kepercayaan dan

pegangan seseorang. Bagaimanapun secara umum ia dapat dikatakan sebagai suatu kesedaran berhubung dengan semangat kebangsaan. Begitu juga dengan nasionalisme Melayu, terdapat banyak pendapat tentang bila sebenarnya nasionalisme Melayu bermula.[19] Kalaulah kita melihat nasionalisme sebagai satu gerakan anti-penjajahan maka tidak syak lagi bahawa nasionalisme Melayu telah lama bermula. Kenyataan ini dapat dilihat dengan jelas dalam banyak peristiwa. Paling jelas ialah penentangan Dato' Maharaja Lela di Perak sehingga terbunuhnya J.W.W. Birch pada tahun 1875. Perang Naning antara Dol Said dengan pihak Inggeris pada 1830–1832, penentangan Tuk Janggut di Kelantan pada 1915, Pemberontakan Tani di Terengganu pada 1928 dan tidak kurang hebatnya di Negeri Sembilan pada 1875.[20]

Namun yang menjadi persoalan sekarang ialah sejauh mana penentangan itu menggambarkan perjuangan keseluruhan masyarakat, penentangan yang tidak menyeluruh dari segi penglibatan, tempoh waktu dan lokasi yang berbeza. Malahan pemimpin-pemimpin penentangan itu terdiri daripada golongan elit tradisional yang mempunyai kepentingan dari segi kedudukan mereka. Golongan elit ini mula merasai kehilangan kuasa ekonomi dan politik akibat campur tangan Inggeris. Sebagai contoh, penentangan Dato' Maharaja Lela di Perak berlaku disebabkan beliau tidak dibenarkan lagi memungut cukai dengan kehadiran Birch sebagai residen di Perak, sedangkan cukai sebagai sumber pendapatan yang juga sekaligus melambangkan kekuasaan politik mereka. Kedudukan ini tidak berubah hingga 1874.[21] Hal yang lebih kurang sama berlaku di tempat-tempat lain seperti yang telah disebutkan di atas. Berdasarkan fakta ini maka dapatlah dikatakan bahawa penentangan itu timbul akibat rasa tidak puas hati dan keadaan yang tidak selamat hasil campur tangan Inggeris dan bukannya penentangan terhadap sultan.[22] Sebaliknya, kalaulah penentangan terhadap Inggeris itu bukannya nasionalisme Melayu yang sebenar, jadi bilakah nasionalisme Melayu sebenarnya bermula? Sehingga menjelang tahun 1945, perdebatan di kalangan para sarjana tentang nasionalisme Melayu terus juga berlaku dan malah ada yang mengatakan

bahawa nasionalisme Melayu belum wujud.

Akibat penghijrahan orang Cina dan India secara beramai-ramai hasil daripada perkembangan industri getah dan bijih timah, Tanah Melayu menjadi sebuah negeri yang mempunyai penduduk berbilang kaum yang besar. Kaum-kaum yang menghuni tanahair kita ini mengekalkan nilai-nilai sendiri dan terasing. Kepentingan dan pandangan yang berbeza ini telah menghalang kemunculan pergerakan kebangsaan bersatu hingga 1942.[23] Arah pergerakan nasionalisme orang Cina dan India sebelum 1942, masih menumpukan perhatian ke arah negara asal mereka. Orang Melayu pula, masih tidak bersatu hasil daripada sistem pendidikan yang diterima. Sistem pendidikan Inggeris telah berjaya mencorakkan tanggapan politik yang berbeza di kalangan orang Melayu. Mereka terdiri daripada beberapa golongan, antaranya golongan yang mendapat pendidikan Inggeris lazimnya mempunyai cara pemikiran yang berorientasikan sistem pentadbiran Inggeris. Golongan yang mendapat pendidikan agama terutama dari Timur Tengah lebih cenderung ke arah pergerakan yang berteraskan pembaruan pemikiran Islam. Sementara golongan yang selebihnya pula agak pasif dan kurang peka terhadap perkembangan politik tanahair. Mereka dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisi dengan menumpukan kepada kehidupan seharian, kecuali segelintir sahaja daripada mereka yang turut melibatkan diri dalam bidang politik. Walau bagaimanapun nilai-nilai politik mereka terasing daripada kedua-dua golongan yang disebutkan di atas. Mereka lebih dikenali sebagai nasionalis Melayu berhaluan kiri.

Jika kita tafsirkan bahawa nasionalisme adalah kesedaran berhubung dengan semangat kebangsaan, maka secara umum ia telah lama bermula. Tetapi di Asia Tenggara keterlibatan rakyat dalam gerakan kebangsaan adalah secara perlahan-lahan dan kemudian menyeluruh pada awal abad ke-20 di negara-negara yang lain terutama di Asia Tenggara ini.[24]

Nasionalisme Melayu pada awal abad ke-20 tidak begitu jelas dalam bidang politik walaupun terdapat sedikit sebanyak kesedaran tentangnya. Gerakan nasionalisme pada abad itu lebih menumpukan perhatian kepada soal-soal sosial dan eko-

nomi. Kesedaran yang timbul sebelum tahun 1920-an ini diperjuangkan oleh golongan guru dan pelajar Islam melalui akhbar-akhbar tempatan seperti *Al-Imam*. *Al-Imam* yang bererti pemimpin itu diterbitkan pada tahun 1906 di Singapura atas inisiatif tokoh-tokoh seperti Syeikh Tahir Jalaluddin Al-Azhari, Syed Ahmad Al-Hadi, Haji Abas Mohd Taha dan Syeikh Salim Al-Kilali.[25] Mereka muncul sebagai golongan berpendidikan yang ingin mengubah masyarakat. Mereka lebih dikenali sebagai tokoh Kaum Muda, kerana muda dari segi pemikiran dan idea-idea pembaruan yang dibawa, bukan muda dari segi umur. Kaum Muda ini telah terpengaruh dengan gerakan pembaruan Islam di Timur Tengah yang dipimpin oleh Muhamad Abduh yang memberikan penekanan program pembaruannya dengan usaha pemurnian kembali agama Islam. Mereka bercita-cita untuk membangunkan masyarakat berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, menurut pemikiran moden, pembaruan pendidikan yang lebih tinggi untuk kaum Muslimin dan pembelaan Islam daripada pengaruh Barat serta serangannya kepada kaum Muslimin.[26] Perubahan yang dibawa oleh golongan ini meliputi semua bidang seperti agama, sosial dan politik. Seperti yang digambarkan, mereka terlalu mementingkan agama sehingga tidak mempedulikan hal-hal keduniaan, sedangkan perkara ini dituntut oleh agama Islam.

Usaha Kaum Muda menyebarkan pengaruh mereka di Negeri-negeri Melayu tidak begitu berjaya kerana mendapat tentangan yang kuat daripada Kaum Tua atau ulama tradisional berbanding dengan Negeri-Negeri Selat seperti Singapura. Di sana Kaum Muda lebih berkesan dan berjaya. Pergerakan mereka lebih bebas di Negeri-Negeri Selat kerana pengaruh ulama-ulama tradisional di sana tidak kuat. Di negeri-negeri Melayu, pentadbiran agama diletakkan di bawah kuasa sultan, sementara Negeri-Negeri Selat tidak mempunyai sultan dan pentadbiran Inggeris pula tidak mengambil berat kerana mereka melihat pergerakan agama sebagai sesuatu yang tidak penting. Kejayaan Kaum Muda ini boleh dilihat melalui penubuhan *Madrasah Al-Hadi*[27] pada tahun 1913 di Melaka dan *Madrasah Al-Mashyur* pada 1919[28] di Pulau

Pinang. Idea-idea yang mereka bawa terus mendapat tentangan yang hebat daripada Golongan Tua yang masih berpegang teguh kepada nilai-nilai lama. Perselisihan antara dua golongan ini akhirnya telah membawa kepada pertentangan secara terbuka.

Kaum Tua terlalu mementingkan agama sehingga tidak mempedulikan hal-hal keduniaan, sedangkan perkara ini dituntut oleh agama Islam. Perkara ini diburukkan lagi apabila guru-guru yang mengajar agama itu sendiri tidak begitu mendalami ilmu agama secara yang lengkap. Mereka menggunakan pendekatan yang tidak sesuai lagi dan terlalu mementingkan suatu pihak sahaja, seperti mementingkan akhirat semata-mata kerana ia kekal.

Kaum Tua, pada hemat Kaum Muda, ialah mereka yang masih berpegang teguh kepada fahaman lama terutama dari segi agama dan sosial yang salah. Ini dianggap oleh Kaum Muda boleh merugikan orang Melayu. Fahaman ini telah lama bertapak dalam amalan dan kepercayaan Kaum Tua. Kaum Tua terdiri daripada ulama, guru agama, imam, kadi dan pegawai agama yang mendapat mandat daripada sultan dari tiap-tiap negeri. Mereka bukan sahaja dikatakan tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi ada juga yang dipengaruhi oleh kepercayaan animisme. Usaha Kaum Muda untuk menyebarkan pengaruh dan mendapatkan sokongan masyarakat Melayu secara menyeluruh menemui kegagalan bukan sahaja kerana tentangan daripada golongan tua, tetapi disebabkan tidak adanya penglibatan golongan menengah.

Ada setengah-setengah guru pada masa itu, apabila mengajar agama kepada orang Melayu dan membacakan kitab dan hadis di masjid atau di tempat-tempat lain, mencerca dunia dan mereka menggambarkan pahala akhirat supaya orang ramai menjijikkan dunia.[29] Orang Melayu mempunyai sikap yang salah iaitu selalu menyerahkan nasib kepada takdir. Kepercayaan mereka begitu tebal kepada apa yang telah berlaku sebagai telah ditetapkan oleh Tuhan. Sikap dan kepercayaan orang Melayu ini telah menjadikan mereka golongan yang pasif, hanya duduk menanti apa sahaja yang ba-

kal berlaku tanpa berusaha dengan gigih.[30]

Sungguhpun mereka begitu aktif namun Kaum Muda bukanlah merupakan aktivis politik yang sebenarnya. Mereka tidak terlibat dalam politik secara langsung, sama ada melalui pertubuhan-pertubuhan sosial atau parti politik. Bagaimanapun kehadiran mereka tetap dengan cita-cita ingin melihat masyarakat Melayu bangkit untuk membebaskan diri daripada penjajahan.[31] Dalam usaha untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajah, Kaum Muda berharap agar ada pihak-pihak lain boleh membantu mereka seperti orang Jepun dan mengesyorkan supaya orang Melayu mencontohi kejayaan Jepun.[32] Walaupun terdapat banyak rungutan terutama oleh golongan muda namun segala usaha Kaum Muda merupakan suatu kesedaran penjajahan yang lahir di kalangan sebilangan kecil rakyat. Kesedaran itu disampaikan secara sinis sahaja. Sebagai contoh, pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu dianggap sebagai tuan "dijadikan kuli atau kadam, seumpama anjing yang menjaga kuda yang menunggangnya".[33]

Walaupun terdapat kesedaran pada Kaum Muda tentang penjajahan namun Kaum Muda belum bersedia untuk menerima perubahan khususnya dalam bidang politik. *Al-Imam* sendiri yang dianggap sebagai media Kaum Muda turut tidak yakin terhadap pemerintahan sendiri, "jika pemerintahan Melayu nescaya menjadi kucar-kacir semula".[34] Keyakinan terhadap kebolehan pentadbiran Inggeris banyak disuarakan oleh orang Melayu, terutama setelah Inggeris berjaya mengekalkan keamanan di Tanah Melayu. Sebelum campur tangan Inggeris, kebanyakan negeri Melayu tidak tenteram akibat perang saudara seperti yang berlaku di Perak. Negeri Sembilan dan Pahang yang bermula kerana perebutan takhta. Kaum Muda tidak sekadar melihat bahawa orang Melayu belum bersedia untuk memerintah tetapi melihat raja-raja dan sultan sendiri mahu Kerajaan Inggeris menjadi pelindung. Buktinya, Raja Muda Perak, Raja Abdullah atas muslihat legitimasi kuasa politiknya telah menulis surat kepada gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura pada akhir tahun 1873 meminta Kerajaan Inggeris memperbaiki sistem pentadbiran. Baginda menambah bahawa sekiranya perbalahan itu disele-

saikan dan keamanan negara dikekalkan, pembesar baginda ingin berada di bawah naungan pemerintahan British.[35]

Seperti yang pernah dikatakan sebelum ini Kaum Muda sedar akan penjajahan, tetapi mereka sedar bahawa belum sampai waktunya bagi orang Melayu untuk berkerajaan sendiri. Orang Melayu seharusnya memperbaiki kelemahan yang ada terlebih dahulu seperti memajukan pelajaran dan membetulkan fahaman agama yang salah. Di samping itu Kaum Muda hanyalah daripada segelintir manusia yang celik akal tetapi masih belum tersusun rapi. Kritikan Kaum Muda amat tajam, dan tindakan sultan merestui pentadbiran Inggeris telah mendapat kritikan. Pada anggapan Kaum Muda walaupun pemerintah Inggeris yang berkuasa tetapi raja-raja Melayu masih boleh bertindak untuk menyuarakan hasrat baginda kepada Inggeris untuk membela nasib bangsa dan mengambil berat akan keadaan Tanah Melayu. Tetapi malangnya raja-raja ini selalunya tidak bersikap demikian. Apa yang lebih dipentingkan oleh kaum feudal Melayu ialah berjoli dan bersukaria, berjudi, menyimpan gundik dan mengikut telunjuk Inggeris di samping mendapat elaun bulanan.[36] Kesedaran politik secara menyeluruh bukan sahaja tidak wujud di kalangan rakyat jelata tetapi juga pada sebilangan pembesar, walaupun ada sebilangan daripada mereka yang berpendidikan. Sikap mengagumi dan mengagungkan pentadbiran Inggeris boleh dilihat di kalangan pembesar seperti yang terdapat pada akhir ucapan Tengku Ismail tentang tujuan atau fungsi cadangan berpersatuan. "Tiada bangsa di dunia ini yang sealiran dengan Inggeris. Kita seharusnya berterima kasih (bersyukur) yang kita hidup di bawah naungan mereka."[37]

Penjajah British mencari kesempatan untuk menguasai negeri Melayu. Huru-hara yang berlaku dijadikan alasan untuk campur tangan. Keadaan ini telah memaksa sultan menjemput Inggeris supaya menghulurkan bantuan ketenteraan dan politik. Penjajah Inggeris mengambil kesempatan untuk menyebarkan pengaruh dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu. Sistem pentadbiran Inggeris secara "tidak langsung" turut membantu mengukuhkan lagi kedudukan Inggeris, ma-

lah telah memberikan kepercayaan kepada orang Melayu. Inggeris yang mengekalkan kedudukan raja-raja Melayu dan mengambil orang Melayu bekerja sebagai pegawai pentadbir telah menyebabkan mereka berasa hak dan kuasa mereka tidak tergugat. Sikap Inggeris membiarkan kerajaan negeri masing-masing mengendalikan pentadbiran sendiri dengan tidak mengganggu sesuatu urusan yang benar-benar memerlukan penyatuan, secara tidak langsung telah dapat mempertahankan, membiarkan dan terus mengekalkan orang Melayu pada kedudukan tradisinya.[38]

Selain kejayaan Inggeris menenteramkan keadaan, suasana masyarakat Melayu itu sendiri turut tidak membenarkan kepercayaan diberikan kepada pemerintahan sendiri. Mereka bukan sahaja mempunyai kelemahan-kelemahan, paling penting mereka tidak berusaha untuk menyamakan perbezaan yang wujud antara mereka untuk bersatu. Jika ditinjau lebih jauh, perkara ini ada kebenarannya. Masyarakat Melayu tidak bersatu sebagai satu masyarakat yang lebih besar iaitu sebagai bangsa Melayu. Terdapat batas ideologi, kedaerahan, kenegerian, keturunan, dialek dan fahaman politik yang menghalang mereka daripada bersatu.

Pertentangan fahaman agama Islam antara Kaum Muda dan Kaum Tua menyebabkan tidak ada penyatuan tenaga tokoh-tokoh agama. Kaum Muda menuduh Kaum Tua sebagai berpegang kepada fahaman dan kepercayaan yang terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar. Sementara Kaum Tua pula menganggap Kaum Muda telah "murtad" kerana perubahan-perubahan yang disuarakannya. Di samping itu berlaku juga pembahagian berdasarkan kenegerian. Orang Melayu dilabelkan sebagai Melayu mengikut negeri dari mana mereka datang seperti orang Melayu Pahang, orang Melayu Selangor, orang Melayu Negeri Sembilan dan sebagainya. Oleh itu muncullah persatuan-persatuan Melayu kemudiannya. Kejadian ini bertambah jelas lagi dengan tertubuhnya Persatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Pahang, Persatuan Melayu Selangor, Persatuan Melayu Negeri Sembilan dan Persatuan Melayu Perak.

Perbezaan darah keturunan juga merupakan faktor yang

turut merenggangkan orang Melayu hasil daripada perkahwinan campur antara orang Melayu tempatan dengan orang Islam asing. Perkahwinan ini biasanya berlaku di kalangan perempuan Melayu yang berkahwin dengan lelaki asing. Anak hasil daripada perkahwinan mereka akan dilabelkan sebagai darah keturunan campuran yang selalunya disusurgalurkan mengikut sebelah bapa. Jika bapanya keturunan India-Muslim anak itu akan dikenal sebagai darah keturunan Keling atau lebih dikenali sebagai DKK, dan dikenali sebagai darah keturunan Arab (DKA) pula apabila bapanya keturunan Arab. Sementara orang Melayu pula menganggap diri mereka sebagai orang Melayu jati. Orang Melayu yang berdarah campuran bukan sahaja tidak diterima, malah hak mereka untuk berpersatuan juga turut dipertikaikan, "Bagi pihak kita Melayu Jati maka sangatlah kasihan kita kepada saudara-saudara yang telah kita asingkan dari persatuan kebangsaan kita itu, iaitu hampir meleleh air mata kita mengenangkan nasib mereka yang malang sangat, akan tetapi aduhai apa boleh buat, kerana kesalahan yang terpulang kepada datuk nenek mereka sendiri pada mengahwinkan anak-anaknya dengan lelaki bangsa asing".[39]

Orang Melayu dari segi politik boleh dipisahkan kepada perjuangan sayap kiri dan kanan, berdasarkan corak perjuangan mereka sama ada perubahan radikal dengan menolak kedaulatan sultan dan raja-raja Melayu serta ingin bersatu dengan Indonesia,[40] sementara perjuangan sayap kanan atau golongan *conformer* pula adalah sebaliknya.

Nasionalisme pada peringkat awal lebih menumpukan perhatian kepada soal-soal agama, sosial, pelajaran dan ekonomi. Golongan ini terpengaruh dengan idea-idea modenisasi Islam di Timur Tengah yang dipelopori oleh Muhamad Abduh dengan perantaraan pelajar-pelajar Melayu di Universiti Al-Azhar.[41] Mereka melihat kelemahan orang Melayu disebabkan ketinggalan dalam bidang pendidikan dan salah faham dalam mengamalkan agama Islam. Orang Melayu dikatakan terlalu fanatik dalam fahaman agama dan terikut-ikut mengamalkan fahaman agama secara membabi buta sahaja. *Al-Imam* melalui keluaran pertamanya dalam jilid per-

tama, telah menyeru orang Melayu supaya mengikut suruhan Allah dan Rasul-Nya dalam rencana bertajuk "Surat Terbuka Kepada Segala Ulamak".[42] Selain guru, ulama konservatif juga menjadi sasaran kritikan golongan ini kerana turut terlibat dalam mempengaruhi fikiran dan mengongkong orang Melayu daripada mengerjakan perkara-perkara yang bersangkutan dengan dunia selain akhirat semata-mata.[43]

Masalah pendidikan juga tidak ketinggalan menjadi perhatian mereka. Sistem pondok merupakan institusi pendidikan popular yang wujud sebelum kedatangan Inggeris. Malahan hingga awal abad ke-20, sebilangan kecil daripadanya masih terdapat hingga ke hari ini. Institusi ini dikendalikan oleh guru yang dipilih oleh ibu bapa[44] atau dipilih sendiri.[45] Sekolah ini dikatakan hanya menekankan pendidikan agama sahaja, seperti kata Gullick, "Tradisi pengajian al-Quran ialah dengan membaca dan menghafaz ayat-ayatnya, sebagai suatu cara pengajarannya,[46] dan selain itu diajar juga hal-ehwal fardu ain".[47] Di samping wujud institusi sekolah pondok, penjajah British pula mengadakan pendidikan vernakular[48] Melayu di peringkat sekolah rendah. Sekolah-sekolah Melayu didirikan di kawasan perkampungan Melayu. Kaum Muda melihat sistem pendidikan ini tidak menguntungkan orang Melayu kerana sekolah pondok terlalu mementingkan agama, manakala tingkat pembelajaran di sekolah Melayu begitu rendah. Mereka bukan sahaja mendesak bilangan sekolah ditambah tetapi menuntut kurikulum baru yang lebih rapi, malah lebih penting lagi lulusan sekolah itu lebih memahami akan perkembangan dunia moden. Kerajaan didesak supaya mendirikan sekolah yang boleh membawa faedah seperti pertukangan, pertanian dan menerima bilangan murid-murid yang lebih ramai masuk sekolah Inggeris. Akibat penentangan dan desakan hasil kesedaran akan betapa pentingnya pendidikan kepada anak-anak Melayu, akhirnya banyak sekolah telah dibina. Puncaknya ialah penubuhan *Malay College Kuala Kangsar* (MCKK) atau Kolej Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905. MCKK begitu penting dan bersejarah sekali kepada orang Melayu terutama di kalangan elit aristokrat. Walaupun dibina atas kepentingan penjajah sendiri, maktab ini berfungsi

melahirkan pentadbir Melayu yang akan menjadi "perantara" di antara penjajah dengan rakyat. British cuba mewujudkan suasana supaya golongan bangsawan Melayu berpuas hati dengan menjaga kepentingan mereka. British mengekalkan kedudukan dan jawatan golongan tersebut sebagai pembesar dan setengah-setengahnya pula dilantik sebagai pentadbir Melayu dengan harapan orang Melayu tidak akan bangun menentang British.

Dengan cara ini Inggeris bukan sahaja berjaya mengukuhkan kedudukannya tetapi sekaligus menggunakan kestabilan suasana politik Melayu tersebut untuk mengaut keuntungan, dengan memenuhi kehendak-kehendak golongan bangsawan Melayu agar mereka berdiam diri. Dengan cara itu British mengeksploit sumber-sumber kekayaan bumi "Tanah Melayu".[49] Namun begitu patut juga dicatatkan bahawa Maktab Melayu Kuala Kangsar masih mampu memberikan sumbangan kepada pertumbuhan dan perkembangan nasionalisme Melayu kemudiannya.

Pendidikan sekolah Melayu berkembang dengan maju pada abad ke-20. Kesedaran betapa pentingnya pendidikan untuk kanak-kanak perempuan juga diberikan perhatian. Pada tahun 1990 sahaja, terdapat 12 buah sekolah perempuan di Perak dan Selangor.[50] Perkembangan pendidikan Melayu ini terus meningkat hingga kemuncaknya dengan penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (MPSI) pada tahun 1922. MPSI bertanggungjawab menimbulkan kesedaran politik di kalangan orang Melayu.

Pada masa yang sama akibat perkembangan industri getah penduduk India bertambah dengan begitu pesat bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di ladang-ladang getah. Pada tahun 1911 penduduk India telah bertambah lebih kurang 270 000, pada 1921 menjadi 470 000 dan pada tahun 1931 telah meningkat seramai 625 000 orang.[51] Begitu juga dengan imigran Cina yang datang untuk memenuhi keperluan dalam industri timah dan sektor perindustrian. Di Singapura, seramai enam juta imigran Cina dianggarkan telah masuk ke negara ini dalam tempoh 32 tahun antara 1895-1927[52] sementara komposisi penduduk mengikut etnik di negeri-negeri

Melayu dan Negeri-Negeri Selat pula pada tahun 1921 telah menjadi hampir sama.

Hal ini menyebabkan orang Melayu mulai berasa[53] kedudukan mereka semakin tertekan dan tergugat. Maka bermulalah kesedaran orang Melayu dalam bidang ekonomi. Orang Melayu bukan sahaja tidak terlibat lagi dalam ekonomi perdagangan tetapi mereka mengalami kesan buruk akibat kepesatan kegiatan industri pertanian, khususnya dalam industri getah dan pembukaan lombong-lombong baru bagi memenuhi permintaan dunia yang meningkat. Malah tanah-tanah mereka turut tergadai dan terjual.[54]

Keadaan yang menggusarkan dan memupuskan masa depan ekonomi ini telah menimbulkan bantahan daripada orang Melayu. Bagi menghalang tanah orang Melayu terus terjual dan tergadai kerajaan memperkenalkan undang-undang tanah simpanan Melayu pada tahun 1913. Undang-undang diubahsuai semula pada tahun 1933 untuk menghalang kehilangan tanah orang Melayu.[55]

Demikian caranya kemakmuran sumber ekonomi bumi Semenanjung dan kepesatan pembangunan ekonomi perdagangan di negara ini telah membawa kebanjiran imigran Cina dan India. Pertambahan penduduk menjadi semakin ketara terutama di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menjelang tahun 1930-an terutama di bandar-bandar besar[56] dan terus kekal hingga ke hari ini.[57] Yang membimbangkan orang Melayu ketika itu ialah imigran Cina dan India bukan sahaja semakin bertambah dari segi bilangan tetapi dari segi kesetiaan mereka masih berkiblat ke negara asal mereka dan masih menganggap Tanah Melayu sebagai tempat sementara untuk mencari kekayaan.[58] Pengaruh yang begitu kuat terhadap negara asal mereka menyebabkan mereka berjuang atas kepentingan kelompok sendiri dengan menubuhkan pertubuhan sendiri. Orang India menubuhkan Central Indian Association of Malaya (CIAM) selepas lawatan Nehru ke Malaya pada tahun 1935. Menjelang tahun 1941 ditubuhkan pula *Malayan Union Association* (MIA) untuk orang India yang lahir di Malaya. Begitu juga dengan orang Cina yang menubuhkan cawangan Parti Koumintang (KMT) pada

tahun 1927 dan kemudiannya orang Cina juga menubuhkan dan menggerakkan Parti Komunis Malaya mulai tahun 1930.

Tampillah inteligensia Melayu yang mendapat didikan daripada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan yang mendapat didikan Inggeris daripada Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Walaupun mereka mempunyai kepentingan yang berbeza namun mereka mempunyai tujuan asal yang sama untuk mewujudkan perpaduan, meninggikan martabat dan maruah bangsa.[59] Kesedaran individu Melayu itu telah membawa kepada penubuhan persatuan Melayu di bandar-bandar besar. Di Singapura, Kesatuan Melayu Singapura ditubuhkan pada tahun 1926 oleh Mohd Eunos Abdullah. Kesedaran yang timbul di bandar-bandar besar ini akhirnya telah mendorong wujudnya nasionalisme Melayu yang kemudiannya menubuhkan persatuan Melayu berdasarkan negeri-negeri seperti Persatuan Melayu Selangor (PMS), Persatuan Melayu Negeri Sembilan dan Persatuan Melayu Pahang yang wujud antara tahun 1937 dan 1938. Persatuan-persatuan Melayu bercorak kenegerian ini dipimpin oleh golongan Melayu yang berpendidikan Inggeris. Walaupun ada pendapat yang menyatakan Kesatuan Melayu Singapura sebagai sebuah pertubuhan politik Melayu yang mula-mula ditubuhkan[60] tetapi persatuan-persatuan ini juga tidak bergiat aktif dalam politik, sebaliknya lebih menumpukan perhatian kepada hal-hal sosial sahaja seperti sukan dan rekreasi.

Aktiviti-aktiviti sukan terutama bola sepak mendapat tempat di hati rakyat, misalnya di Singapura sahaja terdapat tidak kurang daripada 11 buah pasukan. Antaranya:

British Malaya.
Simpulan Muhibah 1.
Simpulan Muhibah 2.
Straits Settlement.
Singapura Peranakan 1.
Singapura Peranakan 2.
Fathul Karib.
Darul Afiah.
Persenangan Setia.

Fathul Munir.
Geylang Club.

Aktiviti sukan[61] seperti permainan bola sepak sering diberikan perhatian oleh akhbar tempatan dengan menyiarkan berita-berita tentangnya. Malah jadual pertandingan juga disiarkan. Penumpuan yang lebih terhadap sukan telah menyebabkan orang Melayu tidak banyak terdedah kepada soal politik, sementara pihak pentadbiran British pula melihat kecenderungan itu sebagai suatu cara untuk melalaikan orang Melayu daripada pembicaraan hal-hal politik. Banyak sindiran ditujukan kepada orang Melayu dan persatuan-persatuan Melayu kerana terlalu mengutamakan sukan sehingga lalai dan lupa kepada tanggungjawab mereka untuk memajukan bangsa Melayu. Bagaimanapun ada juga pihak yang sedar dan bertindak terhadap apa yang sedang berlaku. *Warta Malaya* dalam rencana pengarangnya yang bertajuk "Persatuan Melayu Pahang" telah menyeru Persatuan Melayu Pahang dan orang ramai supaya bekerjasama untuk memajukan bangsa Melayu. "Persatuan Melayu Pahang itu berkehendakkan kepada pemimpin tetapi yang lebih-lebih dikehendaki ialah pihak yang dipimpin. Persatuan ini bukanlah persatuan bermain *sport* tetapi persatuan ini sangat-sangat dikehendaki supaya tabah supaya persatuan itu dapat tertubuh kepada sebenar-benar pertubuhan umat".[62]

Menjelang tahun 1934 buat pertama kalinya lahir sebuah pertubuhan Melayu yang agak besar. Ahli-ahlinya datang dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan seterusnya berkembang hingga ke Borneo iaitu "Persatuan Sahabat Pena". Persatuan ini telah ditubuhkan atas inisiatif sebuah akhbar di Pulau Pinang yang menggalakkan pembaca-pembaca menulis surat antara satu sama lain. Mereka bebas membincangkan sesuatu isu atau bertukar-tukar pendapat. Walaupun pada dasarnya persatuan ini diwujudkan atas dasar sosial, namun ia tetap menimbulkan kesan kepada orang Melayu. Persatuan Sahabat Pena telah berjaya menimbulkan kesedaran politik di kalangan orang Melayu. Persatuan Sahabat Pena bukan sahaja berusaha merapatkan hubungan di antara orang Melayu

sendiri, tetapi idea-idea yang dikemukakan oleh ahli-ahlinya secara menyeluruh telah menyebabkan orang Melayu menyedari apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Ini turut membantu kehangatan perkembangan nasionalisme Melayu apabila orang Melayu mulai sedar akan kedudukan masyarakat mereka umpama "bumi dipijak milik orang". Persatuan Sahabat Pena jelas berperanan sebagai penggerak gerakan kebangsaan setelah mengadakan mesyuarat pertamanya di Taiping.[63]

Menjelang tahun 1938 Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan di bawah pimpinan Ibrahim Hj. Yaakob. Antara tokoh-tokoh lain yang turut terlibat dalam penubuhan KMM ialah Hasan Manan dan Abdul Karim Rashid kedua-duanya (lulusan MPSI). KMM dapatlah dianggap sebagai pertubuhan politik yang pertama wujud di Tanah Melayu bagi mewakili orang Melayu, kerana kesatuan inilah buat pertama kalinya bergiat secara langsung dalam arena politik. KMM berjuang dengan tidak mengakui kesetiaan kepada sultan dan British. Mereka merancang mewujudkan penyatuan dengan Indonesia melalui *Melayu Raya*. Mereka berpendapat semua penduduk bumiputera dalam gugusan Melayu tergolong dalam takrif Melayu. Saranan supaya didatangkan oleh Melayu dari Indonesia demi meningkatkan bilangan orang Melayu telah lama dibuat, malah diteruskan hingga merdeka dan selepas merdeka. Ibrahim Yaakob telah membangkitkan semula konsep "Alam Melayu" yang telah dipopularkan oleh Abdul Hadi bin Haji Hasan.[64] Beliau selanjutnya mengetengahkan satu variasi konsep dengan menyebut tentang "Melayu Raya" selepas Perang Dunia Kedua; "Melayu Raya" pula dijadikan sebagai "Indonesia Raya". Ketiga-tiga konsep itu cuba menimbulkan perasaan persaudaraan di antara penduduk bumiputera Tanah Melayu dengan rakyat Indonesia berasaskan hakikat sejarah.[65] Cadangan bersatu dengan Indonesia diusulkan supaya orang Melayu akan menjadi kuat dan dapat menentang segala macam ancaman yang datang.

Setelah KMM hilang dalam politik, soal penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia ini begitu kuat disuarakan selepas Perang Dunia Kedua oleh Parti Kebangsaan Melayu

Malaya (PKMM) iaitu parti politik yang ditubuhkan selepas perang. Penyatuan politik ini dikenali sebagai "Melayu Raya". Harapan yang begitu besar ini disuarakan oleh akhbar *Warta Malaya* yang bertindak sebagai lidah rasmi PKMM, "yang kita cita-citakan, menyeberang Selat Melaka menyebarkan bendera merah-putih merdeka, bahkan hidup mendirikan semula empayar Melaka yang maha besar".[66] Keinginan untuk bercantum ini turut dipengaruhi oleh perasaan bimbang kepada kaum pendatang yang semakin ramai. Sekiranya orang Melayu tidak disatukan dengan Indonesia mungkin kuasa politik dan ekonomi akan jatuh ke tangan bangsa asing. Orang Melayu akan kehilangan hak seperti yang terjadi kepada orang "Red Indian" di Amerika Syarikat.[67] Tambahan pula Indonesia mempunyai banyak persamaan dengan Tanah Melayu. Orang-orang dari Kepulauan Indonesia dengan kekecualian kecil adalah serumpun dan sama dengan orang Melayu di Tanah Melayu.[68]

Walau bagaimanapun konsep penyatuan politik dengan Indonesia tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada orang Melayu terutamanya UMNO. Mereka melihat masalah yang berlaku, sebagai masalah orang Melayu di Tanah Melayu dan ia harus diselesaikan tanpa campur tangan asing. Sebagai contoh, UMNO menghadapi Malayan Union melalui kerjasama orang Melayu dengan raja-raja Melayu sahaja. Keyakinan pemimpin-pemimpin UMNO dapat dilihat melalui kata-kata Dato' Onn, "Antara Malaya dan Indonesia itu jangan digaduhkan. Lautan yang mengasingkan tidak berapat, tetapi manusia-manusianya satu bahasa, satu adat, mustahil tatkala suatu masa darah itu tidak memanggil kepada darah. Nasihat saya, biarlah orang-orang Melayu bekerja, berusaha, bersemangat dan berperasaan membetulkan dirinya supaya jangan yang dikendong cicir, barang yang dikejar tidak akan dapat". Oleh sebab masyarakat Melayu begitu patuh kepada raja, tambahan pula pada waktu itu orang Melayu belum bersedia menerima perubahan, maka tidak hairanlah konsep "Melayu Raya" ini gagal. Ibrahim Yaakob diangap terlalu radikal dalam memperjuangkan konsep "Melayu Raya" tanpa memikirkan kesediaan orang Melayu itu sendiri untuk mene-

rimanya. "Beliau memperjuangkan satu kesatuan raya orang-orang Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia yang dinamakan sebagai 'Melayu Raya' atau 'Indonesia Raya' tetapi tuntutan beliau mendahului zamannya."[69] Ibrahim Yaakob selaku pemimpin KMM terus berusaha mencapai cita-cita "Melayu Raya" dengan mengadakan kerjasama dengan Jepun semasa pendudukan Jepun di negara ini dari tahun 1941 – 1945.

## Kedaerahan dan Penyatuan

Persatuan yang ditubuhkan pada peringkat awal ini menampakkan sifat kenegerian jika dikaji dari segi nama persatuan itu sendiri. Nama persatuan berdasarkan negeri masing-masing. Ia tidak melambangkan keseluruhan orang Melayu yang diwakili oleh satu persatuan yang lebih besar. Namun begitu kesedaran penyatuan tetap ada di kalangan orang Melayu seperti yang ditunjukkan dalam dua persidangan persatuan-persatuan Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang diadakan pada tahun 1939 dan 1940. Satu kongres bersejarah bagi persatuan-persatuan Melayu telah diadakan di Kuala Lumpur pada 6 Ogos 1939. Kongres ini telah dihadiri oleh enam buah persatuan negeri yang terdiri daripada Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Pahang, Persatuan Melayu Melaka, Persatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan. Perak hanya menghantar pemerhati sahaja, sementara Kelantan pula menghantar perutusan sebagai tanda sokongan kepada kongres. Dalam kongres tersebut Tengku Ismail telah dilantik sebagai pengerusi dan Mohd. Ramly sebagai setiausaha. Kongres telah bersetuju mengambil keputusan untuk mengisytiharkan 6 Ogos 1939 sebagai Hari Kebangsaan Melayu.[70]

Sehingga akhir tahun 1945, iaitu waktu kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, tidak terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa kebangkitan orang Melayu secara menyeluruh sebagai satu pola gerak balas gagasan nasionalisme Melayu. Begitu juga pada pandangan pihak pentadbiran Inggeris, kedua-dua golongan haluan kiri dan kanan orang Melayu ini tidak merupakan ancaman besar kepada kuasa penjajah hinggalah tertubuhnya UMNO[71] untuk menentang

Malayan Union. Malayan Union sesungguhnya disifatkan merugikan orang Melayu. Inggeris mencuba memutarkan sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu daripada naungan kepada bentuk jajahan[72] atau *koloni*. Malayan Union yang terdiri daripada semua negeri di Semenanjung, kecuali Singapura, diletakkan di bawah pentadbiran seorang ketua yang dinamakan gabenor. Ini bermakna sultan akan kehilangan kuasa. Sultan hanya diperlukan untuk memberi nasihat tentang hal-ehwal agama Islam sahaja. Begitu juga soal kerakyatan yang liberal atau disebut "jus soli" menimbulkan kemarahan orang Melayu dan kebencian terhadap British.[73] Pemberian kerakyatan yang longgar ini dikatakan merugikan orang Melayu kerana imigran Cina dan India khususnya mendapat hak sebagai warganegara. Orang Melayu sedar imigran itu masih berkiblat ke negara asal mereka, dan ramai di kalangan mereka ingin pulang ke tanahair sendiri setelah berjaya mengumpul kekayaan. Di kalangan generasi pramerdeka, fenomena ini masih terasa hingga kini. Perkara ini pernah disuarakan oleh Ishak Hj. Muhammad dalam tulisannya yang bertajuk "Benarkah Bangsa Asing Menuntut Hak Kerakyatan? Atau Persamaan Hak?"[74] Kritikan ini bukan sahaja ditujukan kepada orang Cina, tetapi juga kepada orang India. "Demikian juga orang India hinggakan mereka yang beragama Islam yang telah datang tiga empat puluh tahun dahulu dan yang telah beranak isteri orang Melayu pun mahu pulang. Mereka hanya menanti kapal, maka dalam hal kerajaan tempatan menolong pula akan mereka, mengadakan kapal-kapal, membenarkan mereka mengirim wang ke negeri masing-masing".[75]

Kemarahan orang Melayu memuncak bukan sahaja kerana Malayan Union amat merugikan. Cara perlaksanaannya turut menimbulkan tentangan di kalangan orang Melayu. Dalam usaha melaksanakan Malayan Union, sultan dan raja-raja Melayu telah dipaksa menandatangani perjanjian tanpa diberikan masa yang panjang untuk berfikir. Dalam hal ini Harold Mac Micheal ialah orang yang bertanggungjawab melaksanakan cita-cita Inggeris itu.[76] Sultan diugut akan dilucutkan dari jawatan dan akan digantikan oleh orang lain jika tidak mahu menandatangani perjanjian. Rasa tidak puas

hati ini ditunjukkan juga oleh sultan dan raja-raja Melayu seperti dalam sepucuk surat yang ditulis oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah berbunyi "Dengan waktu yang terhad saya telah diarahkan secara lisan. Sekiranya saya gagal untuk menandatangani surat yang saya anggap sebagai alat penyerahan kuasa, timbalan saya yang menandatanganinya akan melantik ahli-ahli EXCO negeri yang akan menandatangani dan boleh menasihati saya untuk menandatanganinya. Saya diberitahu yang perkara ini sulit dan rahsia, namun saya boleh memberitahu rakyat saya, mengenai perkara di atas".[77] Sultan Abdul Aziz dari Perak juga ada menulis dan menimbulkan rasa tidak puas baginda berhubung dengan pelaksanaan Malayan Union.

Menjelang 1 Mac 1946 satu perjumpaan organisasi Melayu telah diadakan. Kongres ini adalah ombak pertama daripada gelombang kedua kebangkitan nasionalisme Melayu. Perjumpaan itu atau yang dikenali sebagai kongres politik Melayu telah dihadiri oleh 41 buah pertubuhan Melayu yang akhirnya bersetuju membentuk Kongres Melayu Se-Tanah Melayu. Daripada resolusi kongres inilah lahirnya penentangan yang padu, buat pertama kalinya, secara menyeluruh oleh orang Melayu. Penentangan orang Melayu seluruh negara telah berjaya menggantikan Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu demi menjaga maruah dan kedaulatan bangsa Melayu serta kepentingan negara.[78]

Resolusi kedua pentingnya ialah penubuhan sebuah badan kebangsaan untuk menyatupadukan orang Melayu untuk menyusun gerakan menentang Malayan Union. Badan itulah yang dikenali sebagai UMNO yang ditubuhkan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946. Hampir semua pertubuhan Melayu menganggotai UMNO, termasuklah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Sebagai parti kiri PKMM mempunyai prinsip tertentu. Keradikalannya masih utuh dan bagaikan penerus perjuangan KMM. Daripada PKMM muncul sayap radikal API (Angkatan Pemuda Insaf) dan AWAS (Angkatan Wanita Sedar). Kelompok ini kemudian bergabung kekuatan berjuang melalui PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat).

Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah mengembalikan

kuasa kepada orang Melayu dan raja Melayu. Hal ini menyebabkan ada golongan yang tidak puas hati terhadap kelahiran Persekutuan Tanah Melayu terutamanya orang Cina. Mereka menyalurkan penentangan secara aman dan mengadakan kerjasama dengan bergabung melalui PUTERA–AMCJA[79] yang menghantar memorandum atau yang lebih dikenali sebagai "Perlembagaan Rakyat", tetapi telah ditolak oleh Inggeris.

Kegelisahan kumpulan ini telah diambil kesempatan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang didominasi oleh orang Cina. PKM yang selama ini cuba mengambil alih kuasa secara berperlembagaan telah melancarkan pemberontakan untuk menggulingkan kerajaan, akhirnya memaksa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan darurat di seluruh negara.

Berbagai-bagai usaha telah dijalankan untuk mengatasi darurat,[80] antaranya mengenakan catuan makanan, penggunaan kad pengenalan dan yang sebagainya lagi. Tetapi yang penting dan yang lebih berkesan dalam proses mengatasi darurat ialah memperoleh kemerdekaan secara bekerjasama dengan kaum-kaum lain. Untuk itu suatu perikatan yang terdiri daripada UMNO–MCA telah ditubuhkan pada tahun 1953. Perikatan ini merupakan kerjasama antara kaum, sebagai suatu "pakatan yang murni". Pada akhir tahun 1956 soal kerakyatan "jus soli" atau kewarganegaraan yang lebih liberal daripada yang pernah dikemukakan oleh Dato' Onn sendiri telah dipersetujui. Usaha untuk mendapatkan kemerdekaan dengan bekerjasama dengan orang Cina dan India juga diberikan perhatian. Penubuhan MCA (Malayan Chinese Association) antara lain dibuat dalam usaha untuk bersaing dengan komunis yang dikatakan sebagai satu daripada pusat bagi orang Cina menumpukan taat setia.[81] Kehadiran Perikatan hasil gabungan UMNO, MCA dan MIC (Malayan Indian Congres) turut membantu proses mencapai kemerdekaan dan melemahkan pergerakan komunis.

Sebenarnya kesedaran akan kepentingan bekerjasama antara kaum yang tidak bersifat perkauman telah disedari oleh Dato' Onn lebih awal lagi hingga mendorongnya mencadangkan UMNO membuka pintu keahlian kepada bangsa lain. Te-

tapi cadangan beliau mendapat tentangan yang hebat daripada orang Melayu hingga beliau terpaksa meletakkan jawatan pada tahun 1951, lalu menubuhkan Parti Kemerdekaan (IMP). Janji Inggeris berkenaan dengan kemerdekaan maju setapak lagi apabila pilihanraya 1955 dijalankan iaitu selepas Pilihanraya Perbandaran diadakan pada tahun 1952. Pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan tahun 1955 ini menguji "pakatan murni" yang dibentuk dan kerjasama antara kaum, khususnya yang diperlihatkan oleh UMNO dengan memberi kerusi yang lebih kepada MCA dan MIC; MCA mendapat 15 dan MIC dua kerusi.

Jadual 1

Peratus Pengundi Mengikut Komposisi Kaum[82]

| | 1955 | 1959 | 1964 |
|---|---|---|---|
| Melayu | 84.2 | 56.2 | 54.1 |
| Cina | 11.2 | 35.9 | 38.0 |
| India dan lain-lain | 4.6 | 7.8 | 7.9 |

Jika ditinjau jumlah pengundi pada tahun 1955,[83] jelas menunjukkan bahawa pengundi Melayu sebanyak 84.2 peratus jauh mengatasi jumlah pengundi kaum lain. Pengundi Cina hanya terdiri daripada 11.2 peratus sementara pengundi India pula sebanyak 4.6 peratus daripada keseluruhan jumlah pengundi yang berdaftar pada tahun 1955 yang berjumlah 1 204 058 orang. Walaupun UMNO menyedari bahawa mereka tidak perlu bekerjasama dengan MCA dan MIC untuk mencapai kemenangan, namun pemimpin-pemimpin UMNO melihat bahawa demi perpaduan kaum dan usaha untuk meyakinkan pihak British bagi mencapai kemerdekaan, maka kerjasama antara kaum adalah perlu. Kesanggupan UMNO dan orang Melayu amnya memberikan 15 kerusi kepada MCA dan dua lagi kepada MIC adalah satu pengorbanan yang begitu besar yang telah dibuat oleh UMNO dalam usaha bekerja-

sama ke arah kemerdekaan dan seterusnya berkongsi kuasa dengan kaum lain. Pengorbanan bukanlah kebodohan tetapi atas kesedaran baik pemimpin UMNO dan dengan harapan "diberikan susu tidak akan dibalas tuba".

Bangsa Melayu berhati murah,
Segan dan malu serta ramah;
Dagang keluaran dihormati terjumlah,
Hatta rugi sendiri tak endah.

Syair Melayu ini memberikan kesedaran kepada pemimpin Melayu pada tahun 1920-an.

Hasil kerjasama ini, Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Jelas pada masa itu, buat pertama kalinya, wujud kerjasama antara kaum ke arah menuntut kemerdekaan. Akhirnya kemerdekaan yang dicita-citakan itu telah menjadi kenyataan pada 31 Ogos 1957. Kerjasama dan pengorbanan orang Melayu ini ditunjukkan sekali lagi oleh UMNO apabila ia bersetuju memberikan kelonggaran dalam hal kerakyatan bangsa asing khususnya orang Cina dan India. Tambahan pula pendaftaran ahli-ahli baru yang tidak berdaftar semasa pilihanraya 1955 kerana tidak cukup umur, telah menjadikan pengundi bukan Melayu meningkat dua kali ganda menjelang pilihanraya tahun 1959.

Jadual 2
Jumlah pengundi mengikut kaum semasa pilihanraya 1959.

| Pilihanraya 1959 | | |
|---|---|---|
| Kumpulan Kaum | Pengundi | Peratus |
| Melayu | 1 217 000 | 56.8 |
| Cina | 764 000 | 35.6 |
| India | 159 000 | 7.4 |
| Lain-lain | 4 000 | 0.2 |
| Jumlah | 2 144 000 | 100.0 |

Peningkatan pengundi kaum bukan Melayu[84] sebanyak dua kali ganda, daripada 15.8% pada tahun 1955 kepada 43.7% pada tahun 1959, menjadi faktor penting meletusnya krisis dalam pilihanraya tahun 1959. Keputusan pilihanraya 1959 memberikan kemenangan kepada pihak Perikatan yang memenangi 74 daripada 104 kerusi yang dipertandingkan. Walaupun Perikatan menang, tetapi peratusan sokongan pengundi telah merosot. Peratusan pengundi Perikatan telah jatuh daripada 81.7% pada tahun 1955 kepada 51.8% pada tahun 1959. Dalam konteks budaya politik, kemerosotan sokongan ini dapat dijadikan ukuran sejauh mana kekuatan dan sokongan terhadap dasar Perikatan dan sekaligus mengundang kajian tentang sikap orang bukan Melayu terhadap parti kaum mereka.

Pilihanraya 1959 menunjukkan pengundian yang berdasarkan kaum. Walaupun Perikatan menang tetapi sokongan yang diperolehnya telah merosot kerana kebanyakan ahlinya telah memberikan sokongan kepada parti-parti yang berdasarkan perkauman. Hal ini berlaku akibat pergolakan yang terdapat dalam Perikatan sendiri. MCA melalui ketuanya, Dr. Lim Chong Eu memohon pertambahan kerusi kepada 40 dan memohon peperiksaan sekolah Cina dijalankan dalam bahasa Cina.[85] Dr. Lim telah mengirimkan surat kepada Tunku Abdul Rahman berhubung dengan pendirian dan kata dua MCA.

> Pada pendapat saya tuan-tuan pasti bersetuju bahawa tiada kepastian yang kami akan bertindak secara sederhana melainkan kami diberi sekurang-kurangnya 40 kerusi.

Bagaimanapun hasil daripada perundingan dan tolak ansur itu MCA telah diberikan 32 kerusi dan pencalonan untuk semua calon pilihanraya Parlimen dibuat oleh Tunku. Walaupun begitu pemilihan dirujuk kepada nama-nama calon MCA yang dicadangkan oleh Dr. Lim sendiri. Tolak ansur dan kerjasama yang ditunjukkan oleh UMNO dalam pilihanraya 1955 dan 1959 ini telah menyebabkan PAS (Parti Islam Se-Malaysia) menuduh UMNO menjual hak, maruah dan kedaulatan bangsa Melayu kerana bekerjasama dengan orang

bukan Islam. Dalam pilihanraya 1959, PAS telah mendapat kejayaan yang besar di Kelantan dan Terengganu.

Corak pengundian dan keputusan pilihanraya 1964 sekali lagi menampakkan corak yang hampir sama dengan pilihanraya 1955 terutamanya dari segi keputusan yang diperoleh. Dalam pilihanraya 1964 ini, Perikatan memenangi 89 daripada 104 kerusi yang dipertandingkan. Mengapakah undi Perikatan bertambah berbanding dengan tahun 1959 walaupun pengundi bukan Melayu semakin ramai akibat pembentukan Malaysia yang mengizinkan rakyat Singapura turut mengundi? Kemenangan besar yang diperoleh ada hubungannya dengan peristiwa konfrontasi Malaysia dengan Indonesia. Indonesia melancarkan operasi "ganyang" yang ditujukan kepada Malaysia kerana bantahan terhadap kemasukan Sabah ke dalam Malaysia yang dianggap sebagai sebahagian daripada Indonesia. Dalam usaha mengatasi masalah ini Tunku semasa memulakan kempen pilihanraya telah mengingatkan pengundi-pengundi tentang pentingnya kerjasama dan perpaduan antara kaum dalam memelihara suasana aman dan harmoni di dalam negara:

> Tuan-tuan dan puan-puan pengundi sekalian, di mana sahaja tuan-tuan dan puan-puan berada, marilah kita menenteramkan keamanan, kebahagiaan, kemakmuran dan kedaulatan negara kita yang tercinta. Dalam usaha mencapai tujuan ini, saya merayu kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya memberikan keyakinan dan sokongan. Saya mempunyai bukti yang kukuh bahawa parti pembangkang di Tanah Melayu tidak bersedia untuk menentang dan mempertahan negara kita yang tercinta. Oleh itu saya memohon menggunakan undi tuan-tuan dan puan-puan sebagai senjata/alat untuk memastikan keamanan, kemakmuran dan kedaulatan negara kita.

Seruan yang dibuat oleh Tunku ini telah membantu Perikatan mendapat kejayaan yang besar. Selain kejayaan Tunku menarik perhatian pengundi, konfrontasi yang dilancarkan oleh Soekarno sebenarnya tidak berkesan selain mengukuhkan lagi sokongan rakyat terhadap Perikatan. Dari segi teorinya

konfrontasi telah menyatukan rakyat Malaysia yang tidak rela berada di bawah pemerintahan Indonesia atau masyarakat bukan Melayu.

## Nota Hujung

[1]Lihat Mohamad Abu Bakar, 1984, "Islam dan Aspirasi Kebangsaan dalam Masyarakat Melayu Masa Kini", *Malaysia Masa Kini*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm 153.

[2]*Ibid.*, hlm 155.

[3]Lihat petikan debat di Parlimen dalam Abu Bakar Hamzah, (ed.), *PAS Membela Bumiputera di Dalam Parlimen, Besut.*

[4]Subky Latif, 1983, "PAS Menolak Nasionalisme", *Watan*, 17 Januari 1983.

[5]Mohamad Abu Bakar, 1984, *op. cit.*, hlm 164.

[6]Cara PAS dan ABIM mempengaruhi mahasiswa dengan mempolitikkan isu-isu kampus dan isu-isu nasional dengan menggunakan platform organisasi formal dan tidak formal di kampus. Di UKM, ATMA (Angkatan Tindakan Mahasiswa) adalah kumpulan pelajar yang dinaungi oleh ABIM dan direstui oleh PAS. ATMA menangani TSB (Tindakan Siswa Bersatu) yang dilabel oleh ATMA sebagai pelopor fikrah nasionalisme di UKM. Apabila Anwar Ibrahim, presiden ABIM memasuki UMNO kumpulan Islam berpecah. Dalam rencananya "Antara Hulubalang dan Wira" (*Watan*, 29 disember 1988, hlm 29) Ibrahim Ali menyatakan "Mahasiswa Universiti dan saya masih ingat sebagai pengikut yang setia dengannya [Anwar Ibrahim, presiden ABIM] telah diseret jauh menentang UMNO. Menentang dan membenci semuanya di dalam UMNO. Sama ada pemimpinnya, pengikutnya, perkembangannya, lagunya, benderanya dan pada masa yang sama diarah bersatu dengan semua penentangan UMNO"

[7]Hj. Dusuki Hj. Ahmad, 1979, "Asabiyah dan Kebangsaan", *Dakwah*, November 1979.

[8]"Sejauh Manakah UMNO Berlandaskan Islam dalam Perjuangannya", *Watan*, 3 Februari 1979.

[9]"Nasionalisme Melayu Tidak Bertentangan dengan Islam", *Mingguan Bumi*, 28 Mei 1983.

[10]"Pelapis-pelapis Muda Mesti Pelajari Sejarah Kebangkitan Melayu" (ucapan Dato' Musa Hitam, Timbalan Presiden UMNO dalam perasmian perhimpunan, Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO ke-32), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 18 Ogos 1983.

[11]Lihat teks ucapan Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden UMNO dalam perasmian perhimpunan Pemuda dan Wanita UMNO Ke-29 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 3 Julai 1980. Lihat petikannya dalam *Utusan Malaysia*, 4 Julai 1980.

[12]Hayes, C.J.H., 1926, *Essays on Nationalism*, New York: MacMillan, hlm 5-29.

[13]Kohn, Hans, 1944, *Idea of Nationalism*, New York; Shafer, Boyd, 1988, *Nationalism: Myth and Reality*, New York; Minogue, K.R., 1967, *Nationalism*, London; Smith, A.O., 1971, *Theories of Nationalism*, London; Chovan, R.S., 1973, *Nationalism in Asia*, New Delhi; dan Hayes, C.J.H., 1960, *Nationalism: A Religion*, New York.

[14]Bashir Ahmad Dabla, 1986, "Nationalism and Kashmiri Muslim" dalam M. Ghayasuddin (ed.), *The Impact of Nationalism in the Muslim World*, Kuala Lumpur: Hizbi.

[15]"Nation States as Obstacles to the Total Transformation of the Ummah", dalam *ibid.*, hlm 1-21.

[16]"Nationalism in the Light of the Quran and the Sunnah", *ibid*, hlm 23.

[17]*Ibid.*, hlm 29.

[18]Suntharalingam, R., 1985, "Konsep Nasionalisme: Ke Arah Satu Takrif" dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Hj. Ismail, 1985, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm 1-16.

[19]Kratoska, P.H., "Nasionalisme: Ahli-ahli Sejarah dan Nasionalisme dalam Sejarah", *ibid.*, hlm 18-33.

[20]Khoo Kay Kim, 1982, "Suasana Politik di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia II", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, hlm 174.

[21]Cheah Boon Keng, "Asal Usul dan Asas Nasionalisme Malaya", dalam Suntharalingam, *ibid.*, hlm 82-4.

[22]Abdullah Zakaria Ghazali, 1982, "Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, cetakan ketiga hlm 91-103; Abdullah Zakaria Ghazali, 1984, "Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu" (ed) Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 1-12, Hj. Buyong Adil, 1983, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[23]Kalyan Kumar Ghosh, 1977, *Twentieth Century Malaysia*, Progressive Publisher, hlm 24.

[24]Abdullah Zakaria Ghazali, 1982, *op. cit.*, hlm 103.

[25]Gullick, J.M., 1969, *Malaysia*, Longmans, hlm 85.

[26]Khoo Kay Kim, 1982, *op. cit.*, hlm 174.

[27]Roff, W.R., 1967, *Malay Nationalism*, Kuala Lumpur, University Malaya Press, hlm 57.

[28]Hamdan Hasan, 1973, "Sheikh Tahir Jalaluddin Pelopor Pembaharuan Pemikiran Islam di Malaysia", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, September 1973, hlm 407.

[29]*Ibid.*, hlm 57.

[30]*Ibid.*, 408 – 9.

[31]Ahmat Adam, 1976, "Pertumbuhan Kesedaran Sosial Orang Melayu pada Tahun 1920", Kertas Seminar Sejarah Melaka, hlm 16.

[32]Roff, W.R., 1967, *op. cit.*, hlm 78.

[33]Yusuf Ngah, "Malay Nationalism 1945–1957", tesis M.A., Universiti Otago, New Zealand, hlm 70.

[34]Khoo Kay Kim, *op. cit.*, hlm 181.

[35]*Utusan Melayu*, 28 Julai 1913; lihat juga *Al-Imam*, 23 Julai 1906.

[36]*Ibid*.

[37]Abdullah Hj. Jaafar, 1984, "Al-Imam", (ed) Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, hlm 90.

[38]Emerson, R., 1979, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: Fourth Impression, hlm 119.

[39]Abdul Latif Abu Bakar, *Ishak Hj. Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*, Kuala Lumpur: University Press, hlm 76.

[40]Roff, W.R., 1968, "The Persatuan Melayu Selangor: An Early Malay Political Association", *Journal SEA History*, No. 1, March 1968, hlm 125.

[41]Ismail Saleh, 1971, "Perhubungan antara Kaum di Tanah Melayu 1920-1940", *Mastika*, Februari 1971, hlm 22-7.

[42]*Utusan Zaman*, Bil. 29, Mei 1940 dipetik oleh Abdul Rahman Hj. Ismail, *op. cit.*, hlm 44.

[43]Hamdan Hasan, 1973, *op. cit.*, hlm 406-7.

[44]*Al-Imam*, 23 Julai 1906.

[45]Hasan Manan, 1964, (ed) Zabedah Awang Ngah, *Antologi Esei Melayu 1914–1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[46]Muijeni Mamat, 1982, "Sejarah Awal Persekolahan Melayu Pulau Pinang", *Melayu dari Segi Sejarah*, Bil. II, hlm 40.

[47]Awang Had Salleh, 1977, "Institusi Pondok di Malaysia", (ed) Zainal Kling, *Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Perubahan*, Utusan Publication, hlm 44.

[48]Gullick, J.M., 1964, *Malaya*, London, hlm 202.

[49]Khoo Kay Kim, *op. cit.*, hlm 182.

[50]Abu Azhari Abu Bakar, 1980, *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm 6-36.

[51]*Utusan Melayu*, 19 Jun 1913; *Edaran Zaman*, 4 Julai 1929.

[52]Chew Hock Thye, 1979, *Masalah Perpaduan Nasional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 35.

[53]Chai Hon Chan, 1967, *The Development of British Malaya 1896–1909*, Oxford University Press, hlm 280.

[54]Arasaratnam Sinappah, 1979, *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 29.

[55]Tregonning, K.G., 1964, *A History of Modern Malaya*, London, hlm 174.

[56]*Ibid.*, hlm 185.

[57]B.W. dan L.Y. Andaya, 1983, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan, hlm 248.

[58]Ahmad Nazri bin Abdullah, 1984, "Undang-undang Tanah Simpanan Melayu", (ed) Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala

Lumpur: Persatuan Muzium Negara, hlm 104-29.

[59]Suntharalingam & Abd Rahman Ismail, *op. cit.*, hlm 90.

[60]Rabushka, Alvin, *Race and Politics in Modern Malaya*, Hoover Institution Press, hlm 21-5.

[61]Leong Yee Fong, 1979, "Permulaan Kesedaran Perburuhan Cina di Tanah Melayu 1920-1940", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm 193.

[62]Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya: Penyambung Lidah Bangsa Melayu*, Jabatan Sejarah, *UKM*, hlm 1.

[63]Mohd. Sarim Hj. Mustajab, 1978, "Neraca, 19 Jun 1915, Penyambung Nafas Al-Imam", *Jurnal Budaya Melayu*, Jilid I, Vol. 3, *UKM*, 1978, hlm 105.

[64]Tregonning, K.G., 1964, *op. cit.*, hlm 185.

[65]*Utusan Melayu*, 12 Mac 1916.

[66]Dipetik oleh Abdul Latif Abu Bakar, *op. cit.*, hlm 152.

[67]Khoo Kay Kim, 1984, "Panji-panji Gemerlapan: Satu Perbicaraan Sejarah", *Historia*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, hlm 187.

[68]*Pelita Malaya*, 5/3 1946.

[69]*Ibid.*, 31/3 1964.

[70]*Warta Negara*, 6/5 1964.

[71]Cheah Boon Kheng, 1982, "Evolusi Sebuah Negara Persekutuan Malaysia: Satu Perspektif Sejarah", (ed) Zurina Majid, *Masyarakat Malaysia*, Universiti Sains Malaysia, hlm 4.

[72]Roff, W.R., 1968, *op. cit.*, hlm 117-46.

[73]UMNO (United Malay National Organization) ditubuhkan pada Mac 1946 di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar.

[74]Abdul Latif Abu Bakar, *op. cit.*

[75]Yusuf Ngah, *op. cit.*, hlm 63-72.

[76]Miller, Harry, 1980. *Prince and Premier*, Eastern University Press (M) Sdn. Bhd., hlm 76.

[77]Ahmad Masjidin, "Malayan Union dari Kaca Mata Warta Malaya", Khoo Kay Kim, *op. cit.*, hlm 190.

[78]Zainal Abidin Wahid, 1980, *Glimpses of Malayan History*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 112-3.

[79]Caldwell, Malcolm, 1977, "From 'Emergency' to 'Independence'", *Malaya: Making of a Neo Colony*, (ed) Malcolm Caldwell, Mohd Amin, Nottingham: Russel Press, hlm 221.

[80]Milne, R.S., & Mauzy, D.K., 1982, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 44.

[81]Dipetik oleh Vasil R.K., 1965, "The 1964 General Election in Malaya", *International Studies*, Vol. 1, No. 1, July 1965, hlm 57.

[82]*Ibid.*

[83]Ratnam, K.R., *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, hlm 235.

[84]Ibrahim Mahmood, 1981, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm 732.

[85]B. Simandjuntak, 1969, *Malayan Federation 1945–1963*, Oxford University Press, hlm 111.

# BAB III

# KOLEKSI UCAPAN YANG DIPERTUA UMNO 1946–56

1

# KONGRES MELAYU YANG MENEBUS MARUAH MELAYU

*(Ucapan Dato' Onn Jaafar[1] sebagai pengerusi persidangan kongres Melayu[2] yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 1–4 Mac 1946)*

Yang amat mulia tengku-tengku, datuk-datuk, saudara-saudara lelaki dan perempuan sekalian. Sebelum saya ucapkan berkenaan dengan tujuan atas fasal yang pertama di dalam agenda mesyuarat ini, saya ucapkan terima kasih dengan setulus-tulus hati kerana kehormatan yang tinggi yang tuan-tuan kurniakan kepada saya dengan melantik saya sebagai pengerusi bagi persidangan yang sangat bermakna bagi wakil-wakil umat Melayu dari segenap negeri dan jajahan Tanah Melayu[3] ini. Saya mencadangkan kongres ini, tetapi mereka yang menanggung keberatan, oleh itu saya ucapkan terima kasih.

Kepercayaan tuan-tuan ialah satu benda yang tidak dapat saya lafazkan dengan lidah. Perbuatan atas saya lafaz kepercayaan tuan-tuan atas mustahaknya persidangan, sebagaimana yang berkumpul di sini dan atas kemahuan dan keazaman tuan-tuan, dari rundingan-rundingan dan keputusan hari ini hendak membinakan tapak-tapak bangunan yang akan menghasilkan dan mengesahkan cita-cita bangsa kita yang telah lama diidamkan iaitu persatuan di antara kita sendiri.

Apakah maksud dan tujuan yang telah menghimpunkan kita beramai-ramai pada hari ini? Adapun maksud dan tujuan itu ialah keyakinan di hati kita bahawa nasib bangsa kita itu hanyalah dapat diperkekalkan dengan kesatuan hati di antara kita juga dan kesatuan kebangsaan kita itu hanyalah akan dapat dipeliharakan dengan berpegang kepada kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada bangsa itu sekalian.

Sebagaimana kita ini ada menaruh fikiran faham yang berlainan dan apa juga taraf dan kedudukan kita, adalah satu sahaja hakikat dan kehendak kita itu, iaitu kita berkehendak meninggikan dan memeliharakan maruah serta kesopanan bangsa kita. Kita berkehendak tanahair dan bangsa kita ini terselamat dan kuat. Kedua-duanya itu hanyalah boleh terselamat jika kuat, dan hanyalah boleh kuat jika bersatu padu. Dan lagi kita berkehendak mengambil bahagian dan pikulan kita pada menolakkan, selagi ada masanya, akan keaiban yang disebabkan oleh kebinasaan dan kehapusan bangsa kita. Kita berkehendak melihat supaya berhasil persatuan di antara bangsa kita ini disokong dan dibantu dengan sepenuh-penuh serta secukup kekuatan menurut kehendak zaman yang ada ini.

Pada waktu dan zaman kehidupan kita ini, setelah ditimpa sesuatu peperangan yang tiada bandingannya di dalam tawarikh dunia, maka sekalian manusia di dalam segala negeri berharap akan dapat merasai sesuatu keadaan hidup yang lebih baik dan lebih selamat daripada yang sudah.

Apakah kita berkehendak memandang sahaja akan hal-hal itu atau apakah kita berkehendak juga menyaingi mereka itu? Belumlah pernah lagi terhadap kepada kita suatu peluang sebagaimana yang ada ini memilih yang mana kita berkehendak itu. Apakah kebahagiaan atau kecelakaan? Maka pilihan itu adalah terbuka kepada tuan-tuan sekalian pada memilihnya. Timbangan neraca nasib bangsa kita itu adalah di dalam genggaman tuan-tuan pada hari ini. Keputusan dan pilihan tuan-tuan itu akan menentukan sama ada sekiranya kita akan mengambil bahagian yang terpuji pada memberatkan timbangan neraca itu kepada mendatangkan kepercayaan dari-

pada kebimbangan dan kebahagiaan dan daripada kesengsaraan.

Adapun kemudian daripada kemalangan yang terbit daripada peperangan dunia yang baru lepas ini, maka bangsa-bangsa dunia telah bersatu padu mengadakan satu ikhtiar bagi menyelamatkan dirinya daripada dibinasakan oleh bangsa yang lain serta mengadakan satu ikhtiar bagi membetulkan perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan kepadanya dengan tidak payah lagi bermusuh-musuhan. Maka daripada ikhtiar lahirlah UMNO itu. Orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu telah mendirikan persekutuan, persatuan, kesatuan, parti dan pergerakan, kesemuanya dengan satu tujuan iaitu hendak menyatukan dan memperbaiki keadaan kehidupan bangsanya. Maka hanya itu telah didirikan Persekutuan dan lain-lain itu telah membantutkan tujuan kesemuanya dan tiap-tiap sebuah daripadanya itu, maka daripada bersatu hati telah tersemai pula benih yang kelak membawa kepada berpecah belah.

Perusahaan kita tiada menyamai dengan cita-cita dan tujuan-tujuan kita. Terbayanglah di sini bayangan berpecah belah dan kehampaan. Kedengaranlah kepada kita ejekan-ejekan dan celaan-celaan oleh tiada berhasil sebagaimana cita-cita kita itu. Kiranya telah ada berpecah belah itu maka hendaklah kita memperbetulkannya. Apakah kita berfikir perbuatan ini tidak terdapat kepada kita membuatnya?

Sebagaimana juga bangsa-bangsa dunia telah berkumpul pada mengadakan satu ikhtiar bagi keselamatannya dan supaya mempertahankan serangan di atasnya dan supaya perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan padanya dan orang-orangnya boleh dapat diperbaiki. Maka demikianlah Persekutuan Melayu dan lain-lain itu hendaklah berkumpul supaya kesusahan-kesusahan orang-orangnya dapat diperbaiki dan diselamatkan. Adapun ikhtiar yang terbuka daripada umat Melayu itu ialah mengadakan persatuan di antara kesatuan-kesatuan iaitu berdiri serta berpegang teguh kepada kesatuan itu.

Dari segala corak merupa Semenanjung Tanah Melayu ini telah kedengaran kepada kita seruan supaya bersatu dan

pada hari ini kesungguhan semua itu akan beruji dan tatkala di dalam ujian itu maka tuan-tuan yang mewakili mereka itu hendaklah bersatu suara supaya semua itu akan dapat sahutannya.

Di luar negara kita yang dulu senang dan makmur maka dunia ini adalah gelap gelita. Di dalam negara kita sendiri maka perkembangan sebuah negeri yang makmur dan senang itu mengandungi penduduk yang tersenyum dan bersenang hati telah dicemarkan oleh pergaduhan bangsa-bangsa serta perbuatan yang menyalahi di atas kita. Adalah terbayang suatu kebimbangan keadaan yang ada ini bukanlah sebagai yang patutnya. Akan tetapi janganlah hal-hal ini mendatangkan kecil hati kepada tuan-tuan pada hari ini lebih daripada lain masa di dalam tawarikh dan kehidupan umat Melayu. Adalah dikehendaki kita bersabar dan bertenang fikiran supaya dapat kita menimbangkan secara yang benar akan olakan-olakan yang terbit daripada dunia ini.

Pada hari ini lebih daripada lain-lain masa di dalam tawarikh bangsa kita, adalah dikehendaki kita berkuat hati supaya dapat kita hadapkan apa jua akan datang dengan kepercayaan di atas diri kita sendiri. Marilah kita tunjukkan kepada dunia iaitu roh dan semangat datuk nenek kita itu masih ada lagi dengan kita. Marilah kita tunjukkan kamu masih boleh mengangkat kepala dan menatap dunia sebagaimana orang yang benar dan kuat hatinya membuat. Marilah kita tunjukkan iaitu seberat-berat paluan boleh kita pertahankan dengan tersenyum dan berhidup dengan lebih segar daripada dahulu. Marilah kita tunjukkan iaitu dengan persatuan di antara kita berkehendakkan menzahirkan satu bangsa yang lebih tegap dan subur, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu. Marilah kita menegakkan akan diri kita, tidak kurang sedikit pun dari lain-lain bangsa. Marilah kita bersatu dan berusaha bagi faedah bangsa kita dan marilah kita bekerjasama dan menyamakan perusahaan-perusahaan kita itu bagi melayakkan diri kita menjadi satu bangsa yang benar.

Bersatulah sebagaimana kita belum pernah bersatu da-

hulu dan berusahalah sebagaimana belum pernah kita berusaha. Tunjukkanlah bahawa kita ini sebenar-benarnya berketurunan datuk nenek kita yang menghadapi bahaya[4] dan bersatu hati. Dengan bersatu itu sahaja akan dapat kita menghadapi masa yang akan datang dengan harapan dan akan menjadi cita-cita kita itu.

Hadapilah apa-apa yang akan datang itu dengan hati yang kukuh dan perasaan yang sabar serta dengan sepenuh-penuh kepercayaan di atas keikhlasan niat-niat dan tujuan-tujuan kita itu. Insya-Allah pada suatu hari kita akan hidup di dalam cahaya sinaran kemerdekaan, sama taraf dengan orang-orang yang merdeka dan menjadi kemegahan kepada diri kita sendiri. Saya telah mendengar iaitu persatuan di antara orang-orang Melayu akan menjadi berbahaya kepada lain-lain bangsa di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini akan tetapi saya tidak mengerti apa sebabnya. Sebaliknya pula persatuan umat Melayu itu akan menjadi lebih-lebih membawa kepada ketetapan dan keadilan di dalam negeri kita, yang di dalamnya kita sentiasa telah memberi, akan tetapi tiada mendapat balasan yang berpadanan. Berlawan-lawan di dalam segala perkara kehidupan sememang telah ada dan masih akan ada lagi, akan tetapi berlawanan yang benar tidak patut dibimbangkan bahkan patut disambut.

Sungguhpun pada masa setahun atau lebih yang baru lepas ini telah berlaku beberapa kejadian di antara bangsa-bangsa yang telah mencacatkan kehidupan beribu-ribu orang yang telah hidup dengan baik dari semenjak sebelum Semenanjung ini diperintah oleh suatu bangsa, akan tetapi tiada patut dibimbangkan bahawa kesatuan di antara orang Melayu itu akan membawa kepada pergaduhan dan perkelahian lagi.

Sebelum saya tutupkan percakapan saya ini, maka saya hendak bercakap sedikit bagi maruah dan nama bangsa kita. Adapun tuan-tuan yang berhimpun di sini pada hari ini ialah wakil-wakil yang terpilih dan tiap-tiap sepatah perkataan dan tiap-tiap satu gerak-geri dan perbuatan tuan-tuan itu akan ditimbangkan dan diperhatikan. Yang demikian itu jemputlah menjalankan rundingan kita ini dengan keadaan berbaik-baik dan berikhlasnya hati dan jika sekiranya ada yang hendak

mendatangkan teguran, maka biarlah teguran-teguran barang yang bernas dan memberi faedah.

Tuan-tuan adalah dikehendaki memberi satu keputusan sahaja iaitu adakah atau tidak hendak dijadikan UMO.[5] Butir-butir pendirian dan perjalanan UMNO itu ialah perkara yang tuan-tuan juga mesti menetapkan. Saya hanya meminta supaya fikiran dan syor-syor yang berfaedah tatkala dibukakan peluang bagi merundingkan perkara-perkara itu. Demikianlah percakapan saya, dengan mengulangi sekali lagi sepenuh-penuh terima kasih daripada hati saya yang ikhlas.

---

[1]Beliau dilahirkan pada tahun 1895 di Johor Bahru. Sejak kecil beliau dipelihara oleh Sultan Ibrahim sebagai anak angkat baginda. Dato' Onn pernah bekerja sebagai kerani pelatih di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, berkhidmat sebagai kadet dalam Angkatan Tentera Negeri Johor (Timbalan Setia Negeri Johor), pegawai daerah Batu Pahat, setiausaha sulit kepada Tengku Mahkota Johor, menteri besar Johor, pro-canselor Universiti Malaya (Singapura), ahli yang bertanggungjawab dalam Hal-Ehwal Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu dan pengerusi RIDA.

Dalam politik Dato' Onn terkenal sebagai pengasas UMNO dan dipilih sebagai presiden yang pertama apabila parti itu ditubuhkan dengan rasminya pada 11 Mei 1946. Pada 27 Ogos 1951 beliau keluar daripada UMNO dan kemudiannya menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya atau "Independence Malayan Party" (IMP). Parti itu hanya dapat bertahan selama tiga tahun lebih iaitu apabila pada bulan Mac 1954 beliau menubuhkan pula Parti Negara atau "National Party". Melalui parti itu Dato' Onn memenangi pilihanraya umum persekutuan dan beliau dilantik menjadi anggota Parlimen.

Dato' Onn Jaafar kembali ke rahmatullah pada 19 Januari 1962.

[2]Kongres Melayu ini adalah perhimpunan politik Melayu yang pertama dalam usaha menyatupadukan orang Melayu menentang Malayan Union. Kongres yang dihadiri oleh 41 buah pertubuhan Melayu dalam rancangan awal dan paling mendesak ialah (a) berusaha mengembalikan kedaulatan raja-raja Melayu sebagai golongan bumiputera, (b) membantah sikap Sir Harold Mac Michael, utusan khas Kerajaan British kerana memaksa mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu, (c) menggesa Kerajaan British supaya melaksanakan dasar Piagam Atlantik yang telah diisytiharkan semasa Perang Dunia Kedua iaitu Britain telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada tanah-tanah jajahannya. Lihat A.J. Stockwell, 1979. "British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948", *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph No. 8, Kuala Lumpur: Art Printing Works, hlm 177.

[3]Tanah Melayu merujuk kepada negeri-negeri yang terdapat di Semenanjung Malaysia pada hari ini.

[4]Datuk nenek orang Melayu datang dari sebelah barat daya negeri dan dipercayai mereka telah menetap di Semenanjung Malaysia ini lebih 5 000 tahun dahulu. Mereka telah menghadapi berbagai-bagai bahaya untuk berpindah. Kehidupan yang sentiasa berhadapan dengan bahaya semasa orang Melayu memulakan penempatan berhampiran laut yang disebut *maritime*. Mereka menunjukkan keberanian dan kejayaan apabila mereka sanggup bersatu hati menghadapi bahaya menentang Malayan Union.

[5]United Malay Organization atau UMO (Pertubuhan Melayu Bersatu) telah dicadangkan dalam kongres oleh Orang Kaya Menteri Dato' Hamzah. Cadangan itu disokong oleh Tuan Mohd. Arus Lafaz dengan menambahkan perkataan "kebangsaan" menjadikan United Malay National Organization atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Nama itu kekal hingga ke hari ini. Stockwell, A.J., *op. cit*.

## 2

# RAJA-RAJA DAN UMNO BERGANDING BAHU

*(Titah ucapan DYMM Sultan Kedah semasa persidangan agung UMNO yang diadakan di Balai Besar, Alor Setar, Kedah, pada 10 – 12 Januari 1947)*

Assalamualaikum, tuan-tuan sekalian dan saudara saya, laki-laki dan perempuan. Saya besar hati yang tuan-tuan memilih tempat mesyuarat ini di Kedah. Saya ucapkan selamat datang kepada tuan-tuan. Barangkali pemandangan di Alor Setar, tuan-tuan nampak negeri Melayu[1] dengan bertabur bendang ini. Bangsa Melayu boleh dikatakan tiga kali ganda daripada bangsa luar. Kedah ini boleh dikatakan miskin. Saya harap *committee* sambutan tolong ambil ikhtiar melayankan setakat mana yang upaya. Saya lihat dalam perkara mesyuarat di sini adalah bersangkut dengan rencana *Federation*. Perkara ini, tuan sedia maklum, perkara yang payah dan berat dan tuan-tuan sedia maklum bagaimana wakil raja-raja dan UMNO berkira bicara selama lebih kurang empat bulan ialah semata-mata bijaksana mereka dan kuat pakatan raja-raja[2] dan UMNO. Dahulu daripada tuan-tuan menimbang atas perkara itu eloklah diambil halusi di atas dua pihak, satu pihak dan telah beratus tahun mendapat latihan dalam perkara jajahan takluk dan diplomasi dan bagi pihak kita tersangatlah lemah dalam segenap perkara. Kita ini bangsa kecil; dan di bawah naungan dan juga dalam negeri kita ada lain bangsa

dekat sama banyak dengan kita. Jadi payahlah kita hendak mendirikan kebangsaan kita yang kuat, dan juga dalam perniagaan pun tersangatlah lemah pada masa ini. Saya pinta inilah timbang dahulu daripada mesyuarat ini. Saya harap tuan-tuan ambil halusi dalam segenap perkara dalam rencana perjanjian itu. Saya harap raja-raja dan UMNO bekerjasama sepertimana yang telah dijalankan supaya terselamat tanahair kita. Hidup Melayu![3]

---

[1]Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948 dan terdiri daripada sembilan buah negeri Melayu iaitu Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, dan Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Penubuhan Persekutuan ini adalah untuk menggantikan Malayan Union yang ditubuhkan pada 1 April 1946 tetapi terpaksa dibubarkan pada 21 Januari 1948.

Seorang pesuruhjaya tinggi British mengetuai Persekutuan Tanah Melayu dan beliau dibantu dan dinasihati oleh Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan. Lihat Ongkili, J.P., 1984, "Darurat dan British, 1948–1960: Satu Penilaian" dalam Khoo Kay Kim & Adnan Haji Nawang (ed.), *Darurat 1948 – 1960*, Kuala Lumpur: United Press Sdn. Bhd., hlm 5.

[2]Raja-raja Melayu hanya berhak terhadap agama Islam tetapi tidak mempunyai kuasa ke atasnya kerana baginda bertaraf ahli penasihat dalam Majlis Mesyuarat Agama yang dipengerusi oleh gabenor British yang beragama Kristian. Semua bidang kuasa raja-raja Melayu sebelum ini akan diambil alih oleh gabenor Malayan Union.

[3]Cogan "Hidup Melayu" digunakan oleh UMNO semasa mengadakan perjumpaan di Johor Bahru. Menurut Tunku "Hidup Melayu" adalah seruan yang dibuat pada masa datuk nenek kita berjuang pada zaman Hang Tuah. Tetapi sekarang "Hidup Melayu" digunakan semula untuk menentang Malayan Union yang dianjurkan oleh Inggeris. Shahrom Hussin, 1985, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm 145-146.

Slogan "Hidup Melayu" menurut Dato' Onn bermaksud "meninggikan kesopanan bangsa (kita), berkehendakkan tanahair dan bangsa kita selamat dan kuat ... menolak keaiban yang menyebabkan kebinasaan dan kehapusan bangsa (kita)".

Dipetik oleh Hamli Abd. Latiff, 1985, *Perjuangan Politik Pemuda UMNO*, Kuala Lumpur: Sriwangi Sdn. Bhd., hlm 32.

## 3

# SIAPA YANG TIDAK MAHU MERDEKA

*(Ucapan Dato' Onn Jaafar, yang dipertua agung UMNO dalam persidangan UMNO yang diadakan di Balai Besar, Alor Setar, Kedah, pada 10 – 12 Januari 1947)*

Assalamualaikum, saudara-saudara sekalian, laki-laki dan perempuan. Saya sekarang hendak berbicara dengan tuan-tuan. Mulai daripada hari ini akan diadakan mesyuarat agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Dalam ini akan membahaskan susunan pemerintahan dalam Tanah Melayu. Dalam pekan Alor Setar ini juga umat Melayu Kedah telah berkumpul, dengan beribu-ribu membantah Malayan Union[1] pada kerajaan British. Segala bantahan itu disertakan oleh seluruh Tanah Melayu. Dan bantahan umat Melayu itu telah berhasil dan akan muncul satu pertubuhan yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu.[2] Dan Mac Michael[3] pun akan ditanam. Di dalam perbahasan oleh wakil-wakil yang berkembar dengan Pertubuhan Kebangsaan Bersatu besok dan lusa akan diperiksa butir-butir yang tersusun dalam perjanjian itu. Di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini ada juga berbagai-bagai puak yang membantah perlembagaan yang dibuat oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu bersungguh-sungguh berikhtiar supaya negara ini akan kekal menjadi negara Melayu. Saya telah mendengar daripada tuan-tuan pendapat bahawa satu pihak yang meminta sepenuh-penuh kemerdekaan. Di atas

tuntutan ini saya bertanya, siapa yang tak mahu merdeka. Kita mestilah menunjukkan kebolehan dan kelayakan kita supaya benda yang digenggam itu tidak terlepas. Bukannya kemerdekaan itu boleh dipermain-mainkan dan dipermudahkan sebagai bermain wayang di panggung oleh sebab perkara yang dimainkan itu akan tinggal di atas panggung juga. Pemerintahan negeri tidak boleh dipermudahkan begitu. Bercakap, berkehendak kemerdekaan itu mudah dan senang tetapi hendak menjalankan dia supaya sempurna ada lebih berat.

Saya dengar ada pihak yang menuntut supaya dimerdekakan negeri Melayu pada pagi ini juga. Saya bertanya, siapa orang Melayu yang akan menjalankan dia. Jawabnya kita hendaklah mengangkatkan seseorang yang dipertua. Saya tanya siapa layak dan bagus. Jawabnya nantilah dulu kita fikirkan. Tetapi adakah kita hendak yang dipertua sahaja? Tidakkah kita berkehendak menteri kawalan, menteri pelajaran dan lain-lain. Adakah orang Melayu yang layak bagi jawatan ini? Jawabnya tak ada. Nantilah kita latihkan dulu. Saya bertanya pula tidakkah negeri Melayu berjiran dengan Siam, Burma, Indonesia, Jepun dan lain-lainnya? Jawabnya ada. Bagaimana kita hendak mengadakan perhubungan dengan negara-negara itu? Jawabnya nanti kita fikirkan dahulu. Saya membayangkan sebagai negeri yang merdeka tentulah kena menghantar wakil-wakil itu. Adakah orang Melayu yang boleh dihantar ke Tokyo, Washington dan lain-lainnya. Jawabnya tak ada. Saya bertanya lagi dalam dunia ada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersekutu, maka adakah orang Melayu yang kita boleh hantar menjadi wakil kepada UMNO itu bertengkar dengan Molotov, Vishinsky dan ahli siasah dunia? Jawabnya tidak ada.

Kita dalam Semenanjung Tanah Melayu ini ada setengah daripada penduduknya lain daripada bangsa Melayu, jadi bagaimana jika berbangkit sesuatu perkara dengan mereka? Jawabnya kita lawan. Akan tetapi jika dilawan apakah memadai dengan parang panjang sahaja? Tidakkah kita berkehendakkan meriam, kapal perang? Jawabnya kita buat. Macam mana kita buat, adakah arang batu, elektrik dan lain-lain perkakas? Jawabnya kita beli. Adakah wang kita? Kita cap

jawabnya, beginilah hal Jepun dahulu, sebab ia mengecap wangnya maka telur ayam yang berharga dua sen sebiji sebelum perang telah menjadi seratus ringgit duitnya. Wang yang kita cap, itu kita mengaku apa sandaran kita, melainkan barang dalam negeri ini.

Saya bertanya lagi, sementara kita hendak membuat meriam dan perkakas perang pihak yang tak bersetuju dengan kerajaan kita masih juga melawan, bagaimana hal kita? Jawabnya kita minta bantuan dari Indonesia. Dengan keadaan yang sedang berlaku di sana bagaimana Indonesia hendak menghantar bantuan itu? Jawabnya, dengan sampan. Baiklah jikalau musuh kita membawa bantuannya dengan tongkang pula bagaimana kita? Tak boleh jawab. Begitulah kita berkehendakkan kemerdekaan dengan angan-angan sahaja, dengan tidak memerhatikan keadaan di sekeliling kita. Kita satukan orang kita dahulu, kita layakkan dia dahulu supaya dengan kelayakannya tidak boleh dikalahkan oleh bangsa lain lagi. Di tepi saya ada tertulis "Pemimpin, pimpinlah kami kepada jalan yang selamat". Itulah kehendak yang sebenar, bukanlah pimpinan kepada jalan yang huru-hara. Orang Melayu yang telah duduk tinggal dalam masa perang telah merasa apakah dia demokrasi yang hendak dijalankan oleh "Tiga Bintang"[4] itu. Mereka berkata negara ini akan diperintah bersama-sama oleh tiga bangsa, tetapi yang sebenarnya memerintah ialah Cina. Kita mesti kekalkan negara ini menjadi negara Melayu dan hak kerajaan mesti tersimpan kepada bangsa Melayu. Kita hendaklah buangkan angan-angan dan mimpi melainkan sedar bahawa di sekeliling kita ada berbagai-bagai bahaya, tetapi kita yakin bahawa dengan bersatu kita akan berjaya dalam tujuan kita.

Saya bercakap ini bukan sebagai hendak bermusuhan dengan bangsa asing. Saya dahulu telah berkata kita hendaklah berbaik-baik dengan bangsa lain dalam pekerjaan mencari nafkah, tetapi di sebalik itu kita mesti ingat bahawa negara ini negara Melayu yang mesti kita utamakan.

Inilah sahaja yang hendak saya cakapkan, perkara yang lain akan dibahaskan dalam majlis ini. Dan juga diberi peluang kepada orang ramai, kalau hendak dengar mesyuarat

ini bolehlah tunggu setakat yang daya upaya. Saya berpesan, kita hendaklah berfikir baik-baik satu perkara itu, janganlah menurut hati yang geram, kerana menurut hati yang panas dan geram dengan tidak berfikir baik-baik adalah seumpama hendak membunuh diri kita sendiri. Hidup Melayu!

---

[1]Malayan Union ditubuhkan pada 1 April 1946 dan merupakan satu bentuk sistem pentadbiran awam yang menggantikan pentadbiran tentera British (BMA). Ia bertujuan menggabungkan sembilan buah negeri Melayu bersama-sama Melaka dan Pulau Pinang, negeri naungan British, menjadi negeri jajahan yang diketuai oleh seorang gabenor British.

Kemuncak penentangan orang Melayu terhadap Malayan Unionlah yang melahirkan UMNO pada 11 Mei 1946 dan akhirnya Malayan Union dapat ditumbangkan dan lahirlah Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 dengan berkuatkuasanya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada 21 Januari 1948.

[2]Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948 oleh sembilan buah negeri Melayu iaitu Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan dan Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Penubuhan Persekutuan ini adalah untuk menggantikan Malayan Union yang ditubuhkan pada 1 April 1946 tetapi terpaksa dibubarkan pada 21 Januari 1948. Seorang pesuruhjaya tinggi British mengetuai Persekutuan Tanah Melayu dan beliau dibantu dan dinasihati oleh Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan.

[3]Sir Harold Mac Michael, pesuruhjaya tinggi British di Tanah Melayu adalah orang yang bertanggungjawab memaksa mendapatkan tandatangan dan persetujuan raja-raja Melayu supaya menerima perlembagaan Malayan Union. Sikap memaksa itulah juga yang merupakan punca bangkitnya kemarahan orang Melayu menentang British.

Oleh sebab rasa tidak senang dengan dasar pentadbiran baru dan langkah paksaan Mac Michael terhadap raja-raja Melayu supaya menerima Malayan Union itu, maka pada 1 Mac 1946 41 buah Pertubuhan Melayu di seluruh Tanah Melayu telah mengadakan Kongres Melayu di Kuala Lumpur. Kongres yang dipengerusikan oleh Dato' Onn itu telah berjaya menyatupadukan seluruh umat Melayu yang menentang Malayan Union. Perlantikan Sir Edward Gent sebagai gabenor Malayan Union dipulaukan oleh seluruh orang Melayu. Lihat laporan Mac Michael & kritikan yang dibuat oleh sultan, dalam Yusof Ngah, "Malay Nationalism 1945-1957", Tesis Sarjana University of Otago, N.Z.

[4]Tiga Bintang: Parti Komunis Malaya (PKM) telah menubuhkan Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun (MPAJA) yang lebih dikenali sebagai Bintang Tiga semasa pendudukan Jepun. Kebanyakan ahli Bintang Tiga ialah orang Cina.

Perasaan anti-Jepun bermula apabila Jepun menyerang China pada tahun 1937. Mereka telah mengambil tindakan untuk menentang Jepun, antaranya:

(i) Mengutip derma untuk membantu negara China menentang Jepun.
(ii) Memulaukan barang-barang buatan Jepun di Tanah Melayu.

Apabila Jepun menduduki Tanah Melayu perasaan anti-Jepun ini diteruskan. Bintang Tiga sempat berkuasa selama dua minggu apabila Jepun kalah di tangan Tentera Berikat. Semasa Bintang Tiga berkuasa, ramai orang Melayu dibunuh kerana dikatakan bersubahat dengan Jepun. *Negara Kita: Sejarah Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Kuala Lumpur 1982, Institut Tabdiran Awam Negara, hlm 45.

# 4

# UMNO: HAKIKAT DAN MASA DEPAN

*(Ucapan akhir Dato' Onn Jaafar)*

Tuan pengerusi yang amat mulia dan wakil-wakil sekalian! Pada hari ini telah sampai masanya saya menyerahkan teraju pimpinan dan ketuanan UMNO ini kepada tangan pengganti saya Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman yang baru dilantik sebentar tadi. Dengan menyerahkan teraju itu, maka saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah bagi pihak ahli-ahli jawatankuasa kerja dan khasnya bagi diri saya sendiri yang disertakan dengan ucap selamat bekerja dan menjayakan UMNO ini selagi ia memegang jawatan yang dipertua[1] UMNO itu dan juga dengan jawatan itu menjadi penganjur Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Abdul Razak bin Hussein[2] yang telah dilantik dengan tiada musuhnya menjadi timbalan yang dipertua UMNO ini, dan juga kepada Yang Berhormat Encik C.M. Mohd. Yusof[3] yang telah dilantik menjadi naib yang dipertua UMNO dan begitu juga kepada Encik Sardon Zubir[4] yang telah dilantik menjadi ketua Perikatan Pemuda yang disertakan dengan menjadi naib yang dipertua UMNO dan juga kepada Hajah Zain yang telah dilantik menjadi ketua Kaum Ibu[5] bagi yang kedua yang disertakan menjadi naib yang dipertua UMNO. Kepada tuan pengerusi sendiri saya mengucapkan tahniah oleh kerana sebulat suara telah dilantik menjadi pengerusi bagi tahun yang akan datang ini bagi majlis mesyuarat ini, sungguhpun tuan

pengerusi sendiri telah berbuat berbagai-bagai helah nak menakutkan wakil-wakil yang ada susah hati, saya tidak dapat memberi tahniah kepada ahli-ahli jawatankuasa kerja yang baru, kepada tiap-tiap seorang, memadailah diucapkan selamat sekaliannya, barang siapa juga yang terpilih.

Yang Amat Mulia Tunku yang dipertua! Dengan suka hati, ahli-ahli jawatankuasa kerja menyerahkan panduan dan pimpinan UMNO ini kepada Yang Amat Mulia Tunku, iaitu UMNO yang masih subur dan kuat pendiriannya dan UMNO yang diharapkan akan menjadi lebih subur dan lebih kuat masa dipandu dan diterajukan oleh Yang Amat Mulia Tunku yang dipertua. Inilah kalinya yang akhir sekali saya bangun bercakap di hadapan wakil-wakil majlis ini sebagai yang dipertua UMNO iaitu suatu jawatan yang saya telah pegang daripada mulanya dijadikan UMNO ini, dikecualikan sedikit bulan pada tahun yang lepas.

Wakil-wakil sekalian tentulah ingat iaitu UMNO ini telah diangan-angankan dalam masa persidangan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur ini pada 2, 3 dan 4 Mac 1946 yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada berbagai-bagai pertubuhan di seluruh Tanah Melayu ini. Perhimpunan itu telah dihimpunkan supaya mencari ikhtiar pada membantah akan Malayan Union yang didatangkan oleh pihak Kerajaan British pada bulan Oktober 1945. Maka terbit daripada persidangan itu telah lahirlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu yang diperanakkan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946, iaitu lahirnya di sebuah istana raja. Maka dengan sebab itu berpadanan pula yang dipertua ini berketurunan darah raja.[6]

Saya telah dilantik menjadi yang dipertua yang pertama bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu itu dan bagaimana saya telah kata telah memegang jawatan itu hinggalah sebentar ini tadi, dikecualikan sedikit masa pada tahun yang lepas. Di dalam masa lima tahun yang lepas itu, telah dapat dibangunkan sebuah pertubuhan yang pada hari ini teraku menjadi pertubuhan yang pertama yang dipunyai oleh orang Melayu.

Pada awalnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu[7] ini, ialah

mengandungi beberapa persekutuan-persekutuan yang bergabung kepadanya akan tetapi pada tahun 1949, maka UMNO itu telah menyusun semula pendiriannya dan telah mengadakan ahli-ahli yang berdaftar terus sama ada yang biasa ataupun sekutu, berserta dengan ahli-ahli yang bergabung yang hanyalah tinggal pada hari ini tiga buah sahaja daripada yang asal, iaitu Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Sabak Bernam[8] dan Saberkas Kedah. Patutnya di sini, di dalam ucapan saya yang akhir ini, saya menyebut dari hal Persatuan Melayu Sabak Bernam ialah sebab persatuan itu yang telah menyokong UMNO daripada asal diangan-angankan hinggalah hari ini, persatuan yang tidak pernah mungkir membayar yuran persatuannya itu dan persatuan yang tidak pernah tidak dapat menghantarkan wakilnya ke dalam persidangan ini. Ini suatu teladan yang patut dicontohi oleh lain-lain persekutuan yang bergabung, dan terutama sekali oleh tiap-tiap bahagian yang telah ada di dalam golongan UMNO ini.

Semenjak daripada tahun 1949 itu maka UMNO telah mendirikan beberapa buah bahagian di dalam tiap-tiap sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini, dan tiap-tiap bahagian itu pula telah mendirikan cawangan-cawangannya itu maka jumlah ahli-ahli UMNO yang berdaftar terus itu telah sampai kepada angka lebih daripada 110 000 orang.

Satu daripada perubahan yang diadakan pada tahun 1948 ialah bagi pihak UMNO ini melapangkan pintunya[9] kepada orang-orang yang bukan daripada bangsa Melayu atau orang-orang yang tidak boleh melayakkan dirinya menjadi ahli biasa di dalam UMNO ini supaya masuk pula menjadi ahli yang bersekutu.

Bagi diri saya sendiri, telah menjadi satu dukacita iaitu majlis mesyuarat ini tatkala dibawa syor ke hadapannya bagi dibukakan pintu UMNO ini kepada barang siapa yang berkehendak menjadi ahlinya, dengan syaratnya menerima tujuan-tujuan UMNO itu serta menerima undang-undang tubuhnya, maka telah menjadi dukacita pada diri saya sendiri iaitu cadangan itu telah tidak diterima oleh majlis ini, melainkan telah dibukakan sekerat sahaja pintu UMNO kepada ahli-ahli

yang bersekutu.

Sungguhpun UMNO ini telah menerima bebanan berbagai teguran dan cercaan daripada orang-orang yang hanyalah pandai menegur dan mencerca sahaja. Akan tetapi yang dirinya sendiri tidak sedia atau berkehendak mencampurkan dirinya mengambil bahagian pada membinakan UMNO ini. Sungguhpun adanya pandangan orang-orang daripada bangsa Melayu sendiri yang suka bertenggek di atas pagar dan melihat lain-lain orang memikul pekerjaan yang berat itu. Sungguhpun ada beberapa halangan daripada beberapa pihak di negeri-negeri Melayu, akan tetapi pekerjaan UMNO itu telah berjalan. Pendirian UMNO itu telah semakin tegap, susunannya itu telah dapat dikemaskan.

Saya suka pula mengambil peluang ini menyebut atas jasa-jasa dan pekerjaan pegawai-pegawai UMNO dan juga ahli-ahli jawatankuasa kerja UMNO bahagian Perak dan juga pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa cawangan-cawangan di Perak itu, yang telah dapat menambahkan bilangan ahli-ahlinya sekali ganda lagi di dalam masa setahun yang lepas. Kejayaannya itu telah didapati dengan sebab ada panduan yang sempurna dan juga ada pakatan antara pegawai-pegawai, ahli-ahlinya. Saya suka menyebut juga akan nama bahagian Kedah yang telah dapat menambahkan bilangan ahlinya sekali ganda lagi banyaknya di dalam masa setahun yang lepas ini sungguhpun menerima berbagai-bagai halangan dan gendala di negeri itu. Perbuatan itu telah dapat dengan sebab kuat semangat serta hati pegawai-pegawai dan ahli-ahli di bahagian Kedah itu.

Sekiranya wakil-wakil menyelak penyata tahunan UMNO ini, pada lembaran yang pertama akan didapati iaitu lebih daripada 60 peratus bilangan ahli-ahli UMNO adalah duduknya di dalam tiga buah negeri sahaja iaitu di Perak, di Johor dan di Kedah. Sekiranya dibandingkan pula bilangan penduduk-penduduk Melayu, maka barang mustahil sekiranya dikerjakan dengan sebenarnya. Lain-lain negeri yang keciciran ataupun sekurang-kurangnya dekat sebanyak didapati oleh Perak atau Johor atau Kedah.

Di dalam sebuah negeri dalam mana jalan-jalan sangat-

lah kurang, bagaimana kita sendiri telah mendengar rayuan daripada wakil-wakil UMNO dari negeri itu di mana keadaan orang-orang penduduk-penduduk di pekan-pekan dan di kampung-kampung adalah bolehlah dikatakan kebelakangan daripada lain-lain penduduk di lain-lain negeri, di mana orang-orang negeri itu boleh juga dikatakan ada kurang sekali mengambil bahagian atau campuran di dalam pemerintahan kampungnya sendiri apatah lagi negerinya. Maka di dalam negeri seumpama itu iaitu negeri Pahang, UMNO telah dapat menjalankan pekerjaannya serta mengadakan bahagian dan cawangan-cawangannya sungguhpun tidak mendapat sokongan yang penuh atau yang sepatut didapatinya daripada pihak-pihak yang patut menolong di dalam negeri itu, dan kepada pegawai-pegawai, ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahli UMNO di negeri Pahang, bagi pihak jawatankuasa yang akan menyerahkan kerajaannya pada hari ini maka saya ucapkan tahniah dan selamat.

Dari satu ke satu masa, maka ada juga orang-orang Melayu kita sendiri, tidak terkecuali suratkhabar-suratkhabar Melayu, tidak memperhargakan jasa atau perbuatan UMNO itu di dalam lapangan siasah, di dalam lapangan pergaulan, di dalam lapangan iktisad dan lain-lain. Melainkan golongan itu termasuklah juga, lagi sekali – saya katakan, suratkhabar-suratkhabar Melayu, kerapkali suka menidak-nidakkan atau mengecilkan perbuatan UMNO itu. Diri saya sendiri pula tidak begitu mengambil berat di atas teguran atau cercaan yang datang daripada pihak yang seumpama itu. Pihak yang sememangnya suka membesarkan perkara yang kecil dan mengecilkan perkara yang besar, pihak yang hanyalah tahu memuji perbuatannya sendiri tetapi tidak dapat mencari suatu keelokan daripada perbuatan lain-lain orang, sebagaimana pepatah Melayu "kuman di seberang nampak, kepada matanya, gajah di tepi matanya sendiri tidak kelihatan".

Bagi menunjukkan bagaimana luasnya pandangan pihak ahli-ahli jawatankuasa kerja UMNO, maka beberapa orang daripada penegur-penegurnya yang kuat sekali telah disokong supaya diletakkan pula di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan juga beberapa buah mesyua-

rat kerajaan negeri-negeri Melayu. Saya berharap teguran yang didatangkan ke atas UMNO, teguran menuduh kelalaian UMNO, teguran yang menunjukkan kekurangan UMNO, maka orang-orang yang seumpama itu akan dapat pula membuktikan usahanya di dalam Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan itu,supaya tidaklah pula Yang Amat Mulia Tunku Yang Di-Pertua baru ini pun terpaksa menempelak sebagaimana diri saya pada hari ini.

Sebelum saya mengarahkan pekerjaan ini kepada perkara yang lain-lain, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa kerja UMNO atas sokongan dalam masa memegang jawatan yang dipertua UMNO sama ada dalam tahun yang lepas ataupun dari semenjak terdirinya UMNO ini, dan dengan mengucap terima kasih itu saya suka juga mengambil peluang menyebut khas kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli anggota ibu pejabat UMNO yang telah bekerja dengan ikhlas hati, dengan bersungguh-sungguh mengelolakan berbagai-bagai pekerjaan yang ditanggungkan oleh pejabat setiausaha agung itu dengan dapat pula mengemukakan segala pekerjaan hingga teratur kerja-kerja di dalam pejabat itu kepada Yang Amat Berhormat Haji Abdul Wahab Dato' Panglima Bukit Gantang,[10] saya mengucapkan terima kasih atas pekerjaannya semasa menjadi setiausaha agung UMNO yang pertama, begitu juga kepada Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Haji Abas[11] yang menjadi setiausaha agung yang kedua dan kepada Yang Berhormat Kapten Hussein[12] yang menjadi setiausaha agung UMNO ketiga dan khasnya kepada Encik Shamlin bin Muhamad Yusof yang telah bekerja di dalam pejabat UMNO daripada asal ia didirikan. Ibu pejabat UMNO itu telah menanggung beberapa banyak pekerjaan, bukan sahaja berkenaan pejabatnya sendiri akan tetapi berkenaan dengan urusannya dengan bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO.

Tuan pengerusi dan wakil-wakil! Demikianlah saya menyatakan darihal UMNO itu dengan sangat ringkasnya dalam masa saya memegang jawatan yang dipertua UMNO, tetapi saya tidak akan meninggalkan daripada menyebut darihal Perikatan Pemuda UMNO yang telah berdiri dengan kuatnya

di belakang saya sendiri, dan khasnya di belakang UMNO itu, yang telah menjaga di atas keselamatan diri saya sendiri dalam masa perlawatannya yang jarang-jarang yang dapat saya dapat adakan kepada bahagian-bahagian UMNO, dan juga daripada menyebut darihal Kaum Ibu UMNO yang rasa saya telah menyokong UMNO dan diri saya sendiri lebih kuat dan lebih teguh daripada segala golongan yang ada di dalam UMNO.

Tuan pengerusi! Oleh kerana majlis ini ada banyak pekerjaan lagi saya sekarang akan berkata sedikit darihal diri saya berkaitan dengan UMNO dan juga berkaitan dengan pertubuhan baru yang saya mencadangkan berikhtiar hendak membangunkan tiada berapa lama lagi supaya bekerja dengan barang siapa yang berkehendak bagi faedah negeri-negeri ini dan faedah penduduk-penduduknya dengan tujuan yang pertama iaitu berkehendak mendirikan kemerdekaan di Tanah Melayu ini.

Saya telah ditegurkan oleh kerana setelah menyatakan iaitu saya berkehendak dan akan berikhtiar hendak menubuhkan parti yang baru[13] itu, maka saya masih juga tidak melepaskan jawatan yang dipertua UMNO ini. Sebabnya saya tidak melepaskan jawatan itu ialah pertamanya oleh memandang kepada dekatnya masa hendak diadakan majlis mesyuarat ini dan oleh kerana saya berfikir mustahak dan wajib bagi diri saya, berdiri di hadapan tuan-tuan menerima apa juga teguran dan tikaman yang dikehendaki didatangkan kepada diri saya sendiri. Peluang itu telah saya bukakan daripada semalam dari hari ini. Apa juga dituduhkan di dalam majlis ini hendak lari daripada UMNO.

Sekiranya saya sebenar-benarnya meletakkan jawatan yang dipertua UMNO, tiga bulan dahulu maka sepatut juga dituduhkan saya nak melarikan diri daripada UMNO. Akan tetapi saya masih menunggu juga sehingga memberi peluang kepada wakil-wakil UMNO menegur atas juga perbuatan saya yang difikirkan tidak disukai olehnya. Sebagai seorang yang ada mempunyai di dalam badan saya sendiri darah daripada baka Melayu[14] dan Turki yang tidak tahu lari, barang mustahil saya nak melarikan diri, bimbang hendak menentang

sama ada kepada orang yang hendak menentang kepada saya ataupun hendak bersahabat dengan saya.

Saya dituduh juga menderhaka[15] kepada bangsa Melayu dan kepada negeri ini. Tuduhan yang seumpama itu saya pandang dengan sekeji-kejinya. Selama di dalam kehidupan saya ini saya telah bekerja kerana bangsa saya sendiri dan kerana penduduk di negeri tempat kediaman saya. Sepanjang-panjang umur saya, saya telah menentang beberapa perbuatan saya tidak sukai dengan cara pemerintahan sesebuah negeri.

Saya juga dituduh berkehendak menjadi diktator di dalam UMNO ini, akan tetapi sekiranya wakil-wakil sekalian memperlihatkan cara bawaan dan pekerjaan di dalam majlis ini, sekiranya wakil-wakil membaca dengan halusnya syarat-syarat yang terkandung di dalam undang-undang tubuh UMNO itu dan sekiranya wakil-wakil memandang kepada susunan UMNO itu sendiri, barang mustahil boleh didatangkan satu tuduhan seumpama itu ke atas diri saya.

Saya juga dituduh berkehendak dengan sebab mengambil satu langkah, berkehendak mengambil atau mencari faedah bagi diri saya sendiri ataupun kesenangan saya sendiri. Maka tuduhan ini pun saya sifatkan dengan sekeji-kejinya. Oleh kerana perbuatan saya dalam masa yang lepas dan dalam masa yang ada ini adalah berlawanan sekali dengan tuduhan yang seumpama itu. Saya menentang kepada raja saya sendiri oleh kerana perbuatannya kepada anak negeri, maka saya telah diberhentikan daripada jawatan kerajaan dan dibuang daripada negeri itu.

Oleh kerana kemudian daripada itu saya membantah lagi kepada raja di atas kezaliman membuat rakyatnya, maka lagi sekali saya telah dihalaukan daripada jawatan kerajaan itu. Oleh kerana saya sendiri tidak dapat hendak menerima syarat-syarat yang didatangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ke atas saya menyebut pekerjaan dan perjalanan saya semasa menjadi yang dipertua UMNO ini maka saya telah meletakkan jawatan menteri besar itu. Apakah langkahan yang semacam ini, langkahan seorang yang semata-mata mengejar kepada kesenangan atau yang berkehendak mencari kebesaran dirinya? Saya dituduh lagi menjalankan pekerjaan dan gerak

langkah yang mencacatkan kepada faedah-faedah UMNO, dan dari itu dengan sendirian itu mencacatkan juga faedah penduduk-penduduk di negeri ini. Tetapi cuba kita semak baik-baik apa yang ada tersebut di dalam undang-undang tubuh UMNO[16] itu, iaitu tujuannya ialah hendak mendirikan sebuah kerajaan yang merdeka di dalam Malaya ini.

Itulah juga tujuan yang dicadangkan oleh Parti Kemerdekaan Malaya.[17] Cubalah lihat kepada tujuan yang ketiga di dalam undang-undang tubuh UMNO itu. Iaitu memajukan faedah-faedah orang-orang negeri dan khasnya ahli-ahli UMNO dalam hal yang berkenaan dengan perkara-perkara siasah dan kebajikan hidupnya serta kebudayaannya dan iktisadnya. Maka tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu ialah hendak bekerja bagi keselamatan dan kemajuan penduduk-penduduk negeri, dan khasnya keselamatan dan kemajuan orang-orang yang bekerja dengan titik peluhnya ataupun dengan menggunakan akal fikirannya bagi mencari dan mengikhtiarkan nafkah kehidupannya.

Tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu ialah berkehendak mendirikan sebuah negara yang merdeka yang akan memberi timbangan yang sekata kepada penduduk-penduduknya bagaimana yang dikehendaki oleh agama kita sendiri. Segala tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu adalah seakan-akan dengan tujuan yang ada kepada UMNO. Dan sekiranya, saya menubuhkan atau berikhtiar hendak menubuhkan sebuah pertubuhan yang seumpama itu yang barangkali boleh lebih derasnya mengusulkan tujuan-tujuan UMNO itu, apakah perbuatan saya itu, perbuatan seorang yang menderhaka? UMNO itu ialah sebuah pertubuhan orang-orang Melayu. Bolehlah dengan sebenar-benarnya kita katakan UMNO ini Pertubuhan Kebangsaan orang-orang di Malaya? Saya tahu, saya mengerti, iaitu apakala saya sebutkan demikian itu, wakil-wakil sekalian tidak menerima fikiran saya itu. Tetapi biarlah kita memandangkan kepada keadaan yang ada di Tanah Melayu ini dengan menggunakan cermin yang boleh menampakkan barang yang benar ada, dan bukannya cermin yang menampakkan mimpi-mimpi barang yang lazat-lazat masa-masa yang telah sudah. Biarlah kita sedar iaitu hal dan keadaan di Tanah

Melayu ini telah berubah fikiran orang Melayu sendiri. Biarlah kita sedar iaitu di Tanah Melayu ada orang-orang yang bukannya keturunan orang-orang Melayu, tetapi yang kasih dan sayang kepada Tanah Melayu – barangkali lebih daripada orang-orang Melayu.

Biarlah kita sedar menuntut supaya dijalankan kemerdekaan dengan secara demokrasi dan berkehendak suatu cara pemerintahan yang berdasarkan di atas demokrasi itu. Dan biarlah kita sedar iaitu suatu pemerintahan atau suatu negeri yang berdasarkan di atas demokrasi itu tidak boleh hendak memeliharakan hak negeri-negeri bagi kepunyaan satu pihak rakyatnya. Barang siapa yang telah mengambil berat, menyiasat akan hal-hal dan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam negeri ini, barang siapa ada menyiasat hal-hal itu, janganlah seseorang itu berkehendak memperdayakan dirinya dengan berfikir iaitu tujuan UMNO yang kedua itu akan tercapai dengan sebab kuatkuasa satu kaum sahaja ataupun satu pecahan daripada kaum itu, melainkan kemerdekaan itu akan tercapai setelah didapatkan persatuan di antara penduduk yang ada di Tanah Melayu ini yang sanggup menumpahkan segala taat setianya kepada negeri ini.

Semalam saya telah berkata peta yang dipandang oleh kita sekalian ialah peta Tanah Melayu, sekadarkan perbezaan di antara peta yang dinampak oleh kebanyakan orang di Tanah Melayu ini. Barangkali ada berlainan sedikit atau sebanyaknya daripada peta yang terbentang di hadapan mata saya sendiri, oleh kerana raja mempunyai beberapa peluang dapat melihat satu gerak langkah, sesuatu perbuatan atau cadangan yang hendak dijalankan di Tanah Melayu ini, langkah-langkah dan perbuatan yang mendatangkan kebimbangan kepada diri saya sendiri. Peluang itu bukannya saya dapati dengan sebab ada kelebihan ilmu, saya, ataupun dengan sebab saya ada kelulusan daripada universiti di mana-mana pun. Saya ini sekadar murid di sekolah atap sahaja, saya bukan ada mempunyai kepandaian yang terbit daripada ilmu yang seumpama itu melainkan saya dapat peluang itu oleh kerana dapat melihat di tempat-tempat yang tidak dapat dimasuki oleh kebanyakan orang, melainkan gerak langkah dan

cadangan-cadangan yang hendak didatangkan ke atas Tanah Melayu ini.

Malangnya mulut saya tertutup, malang raja berkata – mulut saya ini tertutup, tidak dapat menzahirkan kepada umat Melayu di Semenanjung ini apa yang diketahui oleh saya, dalam masa menyempurnakan pekerjaan-pekerjaan dan tanggungan saya itu. Oleh kerana sekiranya dapat saya zahirkan, saya percaya tiap-tiap seorang akan bersama-sama saya berdiri menuntut kemerdekaan Malaya itu!

Inilah sebabnya, maka saya telah berfikir dengan sehabis-habisnya iaitu sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi negeri-negeri yang berjiran dengannya seumpama Indonesia di sebelah selatan, Burma di sebelah utara, Filipina di sebelah timur, Ceylon, India dan lain-lain di sebelah barat, sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi negeri-negeri yang telah bebas itu maka hanya satu jalan sahaja yang terbuka kepada pandangan saya, iaitu menuntut kemerdekaan itu beramai-ramai, satu kaum dengan satu kaum menyokong dan bekerjasama, lain jalan tidak ada.

Saya juga telah berkata semalam, sokong yang diharap, sokong itu membawa rebah, pagar yang diharap, pagar itu memakan padi, perkataan itu saya tidak mengubahkan.

UMNO sebagai suatu pertubuhan Melayu, semoleknya berjalan selagi ada pertubuhan-pertubuhan yang berkaum-kaum di Tanah Melayu ini, menjaga di atas faedah-faedah yang menepati kepada kaumnya, akan tetapi saya berharap atas perkara yang bersangkut paut dengan kebangsaan negeri, bukan makna kebangsaan itu diambil daripada baka, iaitu kepada negeri sekiranya UMNO ini sebenarnya bertujuan dan berkehendak mendirikan negara merdeka di dalam Malaya ini. Maka saya berharap juga pihak UMNO ini akan memandang kepada pandangan yang luas, pandangan yang dikatakan nasional atau kebangsaan itu dan jangan semata-mata menghadapkan pandangan itu kepada pandangan yang sempit semata-mata, iaitu hidup hanyalah di bawah tempurungnya sendiri dengan tidak menghiraukan iaitu ada lain-lain tempurung yang terletak di sebelah.

Dengan ucapan ini maka saya tamatkan pekerjaan saya,

dan saya menyerahkan tanggungan saya yang saya sertakan dengan ucapan selamat kepada tiap-tiap seorang wakil, kepada bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan. Oleh kerana dengan sebab keyakinan hati saya sendiri, dengan sebab saya kuat berpegang kepada tujuan yang dikehendakkan oleh UMNO itu, maka saya percaya dengan gerak langkah yang saya tujukan ini, UMNO dan Parti Kemerdekaan Malaya itu akan bertemu setelah kita mencapai kemerdekaan Malaya itu.

---

[1]Jawatan yang dipertua kemudiannya (1970) dikenali dengan nama jawatan presiden, demikian juga timbalan dan naibnya.

[2]Tun Abdul Razak selain menjadi perdana menteri dan timbalan perdana menteri, pernah menjadi menteri pertahanan, menteri pembangunan negara dan luar bandar, menteri keselamatan dalam negeri (kemudian dinamakan menteri hal-ehwal dalam negeri), menteri pelajaran, menteri luar negeri dan menteri kewangan dalam Kabinet Darurat. (Kabinet Darurat yang diwujudkan di bawah kuatkuasa pengisytiharan darurat. Tun Razak juga adalah pengarah gerakan selama 22 bulan, iaitu mulai 16 Mei 1969 [selepas pilihanraya umum dan kekacauan 13 Mei hingga 22 Februari 1971 apabila darurat berakhir dan Parlimen bersidang semula pada 23 Februari 1971).

Kali pertama beliau menjadi perdana menteri ialah pada bulan Februari – Disember 1959 apabila Tunku Abdul Rahman bersara sementara untuk berkempen bagi pilihanraya umum 1959. Sebagai perdana menteri kedua bagi kali kedua beliau juga adalah pengerusi Majlis Tindakan Negara, Majlis Keselamatan Negara, Majlis Ekonomi Negara dan Majlis Penasihat Perpaduan Negara. N.J. Funston, *op. cit.*, hlm 114.

[3]C.M. Mohd. Yusof menjadi naib yang dipertua UMNO 1951 – 1953.

[4]Lahir pada 19 Mac 1917 di Sungai Kluang, Rengit, Johor. Anak Melayu pertama menjadi ahli Dewan Undang Negeri Singapura pada 1948 – 1951. Salah seorang pengasas Parti Kebangsaan Melayu di Ipoh pada 1945. 1947, Kesatuan Melayu Singapura yang dipimpinnya telah memasuki UMNO dan beliau terpilih menjadi ahli Majlis Tertinggi. Menjadi ketua pergerakan Pemuda UMNO pada 1951 dan Menteri Kerja Raya pada 1955, naib yang dipertua UMNO pada 1967, gabenor Negeri Pulau Pinang pada 1975 dan meninggal dunia pada tahun 1985. *Watan*, 20-23 September 1986, hlm 18.

[5]Kaum Ibu kini dikenali sebagai Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Hajah Zain binti Sulaiman atau dikenali juga sebagai Ibu Zain adalah Ketua Pergerakan Wanita Kedua 1950-1953 selepas Datin Putih Mariah Ibrahim Rashid.

[6]Tunku Abdul Rahman Putra adalah anak hasil daripada perkahwinan Sultan Abdul Hamid dengan Che Menjalara pada tahun 1833. Menjalara adalah isteri keempat Sultan Abdul Hamid. Ibu Tunku berketurunan Siam, anak Luang Nara Borirak. Luang Nara Borirak adalah daripada keturunan Chao Phaya Maha Kota dan Khun Yip Sup (Lady Sup). Chao Phaya Maha Kota ialah ketua negeri Martaban. Nama asal Menjalara semasa di Siam ialah Nerang. Tunku dilahirkan pada Februari 1903. Mubin Sheppard, 1984, *Tunku: A Pictorial Biography*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

[7]KMS ditubuhkan pada tahun 1926 oleh Mohd. Eunos bin Abdullah.

[8]Sabak Bernam terletak di negeri Selangor, bersempadan dengan negeri Perak. Ia dipisahkan oleh Sungai Bernam.

[9]Dato' Onn percaya Tanah Melayu tidak akan mencapai kemerdekaan tanpa kerjasama semua kaum. Oleh sebab itu beliau telah mencadangkan supaya UMNO membuka pintunya kepada orang bukan Melayu dari segi keahlian. Suntharalingam & Abd. Rahman Ismail, *op. cit.*, hlm 99.

[10]YAB Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab bin Datuk Muda menjadi setiausaha agung UMNO 1946-1947. Beliau adalah seorang peguam. Semasa memegang jawatan setiausaha agung UMNO beliau adalah menteri besar Perak. Pejabat guamannyalah dijadikan sekretariat UMNO yang pertama iaitu di 21 Hale Street, Ipoh, selain merupakan pejabat Perikatan Melayu Perak dan Kelab Sukan Melayu Ipoh. Dato' Panglima Bukit Gantang juga adalah wakil raja-raja Melayu semasa rombongan menuntut kemerdekaan di London. A.J. Stockwell, *op. cit.*, hlm 174.

[11]Lahir pada 1907. Bersekolah di Sekolah Anglo Chinese, Teluk Anson (sekarang Teluk Intan) dan kemudiannya di Sekolah Anderson, Ipoh. Berkhidmat sebagai pegawai tadbir Melayu pada 1926 dan diserapkan sebagai pegawai tadbir Melayu pada 1941, menjadi ahli jawatankuasa penubuhan Parti Perikatan Melayu Perak 1946, dilantik menjadi Dato' Panglima Bukit Gantang dan menjadi setiausaha agung UMNO pada 1947. Pada 1950 keluar dari UMNO dan masuk IMP 1951.

[12]Kapten Hussein Onn, setiausaha agung UMNO ketiga 1950–1951. Apabila Dato' Onn meninggalkan UMNO (1951) beliau meninggalkan jawatannya itu dan keluar negeri melanjutkan pelajarannya dalam bidang undang-undang. Moris, J.V., 1983, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, Singapura: Times Book International; Stockwell, A.J., *op. cit.*, hlm 178.

[13]Parti Kemerdekaan Melayu (IMP) ditubuhkan sebaik sahaja Dato' Onn keluar daripada UMNO. Dato' Onn cuba membuka pintu keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu. IMP cuba menggabungkan persatuan-persatuan bukan Melayu dan Melayu yang mendapat restu daripada Inggeris. Hamli Latif, *op. cit.*, hlm 22.

[14]Dato' Onn adalah anak hasil daripada perkahwinan antara Jaafar dengan Cik Rugayah, seorang berketurunan Turki. Hasil daripada perkahwinan ini Jaafar telah dikurniakan lapan orang anak dan seorang daripadanya ialah Dato' Onn bin Jaafar pada tahun 1895. Shahrom *op. cit.*, hlm 5 – 10.

[15]Dato' Onn dituduh menderhaka kepada bangsa Melayu kerana cadangan beliau membenarkan UMNO menerima ahli daripada orang bukan Melayu. Dato' Onn juga ditentang kerana menerima cadangan jawatankuasa perhubungan kaum yang ditaja oleh Inggeris tentang isu kerakyatan. Dato' Onn mendapat tentangan yang hebat daripada orang Melayu khususnya golongan muda atau Pemuda UMNO. Hambali *op. cit.*, hlm 50-51.

[16]Di samping kejayaan mendapatkan kemerdekaan, fasal 3 Perlembagaan UMNO menyebut:

> Memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keperibadian Malaysia.
>
> Mendukung perlembagaan Malaysia, perlembagaan-perlembagaan negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, terutama mengenai agama rasmi (Islam), kedaulatan raja-raja Melayu, bahasa kebangsaan (bahasa Melayu), hak asasi dan hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera.
>
> Berusaha mempertahankan, menegakkan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama.
>
> Berikhtiar bagi mengawal, memelihara dan mengamalkan asas-asas pemerintahan demokrasi.
>
> Berusaha untuk melahirkan satu bangsa yang kuat dan bersatu.
>
> Menjalankan segala rupa ikhtiar bagi kemajuan ekonomi dan kebajikan ahli-ahli, rakyat Melayu dan bumiputera khasnya, dan rakyat Malaysia amnya.
>
> Berusaha bagi mewujudkan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu.

Lihat Hambali Abdul Latif, 1985. *Perjuangan Politik Pemuda UMNO*, Seriwangi Sdn. Bhd., hlm 134.

[17]Semasa penubuhan IMP di Johor Bahru, Datuk Tan Cheng Lock menegaskan tujuan penubuhan, antaranya ialah mencari kemerdekaan bagi Melayu dan memberi hak-hak yang sama kepada rakyat Malaya dengan tidak mengira kulit, rupa bangsa. Shahrom Husain, *op. cit.*, hlm 569-572.

5

# AWAN MENDUNG KEMBALI BERARAK

*(Ucapan YTM Tunku Abdul Raman[1] selepas dipilih menjadi yang dipertua UMNO dalam persidangan agung UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Ogos 1951)*

Yang mulia tuan pengerusi, saudara-saudara yang saya muliakan, para perwakilan dan sidang hadirin! Dengan perasaan yang amat terharu dan amat gembiranya saya ucapkan setinggi-tinggi dan sepenuh-penuh terima kasih yang tidak ternilai kepada saudara-saudara sekalian yang telah dengan tulus ikhlas dan begitu percaya memilih saya menjadi yang dipertua UMNO Malaya ini, iaitu yang boleh dikatakan menjadi ketua bagi umat Melayu.

Bertuahlah saya pada hari ini dan megahlah perasaan saya kepada Allah Yang Maha Esa, saya bermohon mudah-mudahan saya akan dapat petunjuk dan taufik daripada-Nya untuk menjalankan kerajaan yang amat besar dan amat tinggi serta berat ini dengan sempurnanya.

Saya mengaku bahawa saya tetap menjunjung akan amanah tuan-tuan sekalian. Saya mengaku akan menjalankan segala kehendak dan amanah ini dengan segala apa yang terdaya oleh saya dan dengan taat setia serta dengan sungguh-sungguh hati.

Saudara-saudara saya sekalian, saya hendak mentafsirkan makna ketua dan takrifnya sebagaimana yang ditafsirkan oleh

Mahatma Gandhi, bapa perjuangan India dan seorang penganjur dunia yang terbilang dalam zaman ini. Katanya, "Ketua ialah seorang hamba yang mempersembahkan diri supaya menjadi pesuruh kepada sekalian rakyat dan pekerjaannya ialah mengorbankan diri untuk berkhidmat kepada rakyat jelata". Itulah maknanya yang saya tahu dan itulah yang akan (menjadi) pedoman dan cogan saya pada menjalankan kerja UMNO ini.

Saudara-saudara yang mulia! Tuhan Rabbul-Alamin telah mentakdirkan kepada seorang hamba-Nya yang hina dan bersifat lemah memegang jawatan yang amat besar ini. Bagi saya jawatan ini ialah satu kemuliaan yang telah dianugerahkan oleh Tuhan dan takdir Tuhan itu tidaklah dapat saya elakkan. Maka syukurlah saya menerimanya.

Saya suka menyebutkan kepada majlis ini apa maknanya takdir Tuhan yang saya sebutkan itu. Sebelum daripada itu saya suka menyebutkan di sini apakah sebabnya dalam masa yang kebelakangan ini, iaitu kira-kira dua tahun lamanya saya tidak mengambil apa-apa bahagian dalam UMNO.

Pekerjaan saya selama ini yang tuan-tuan sekalian maklum, adalah tidak membolehkan saya mengambil bahagian yang penting di dalam perkara politik atau siasah negeri. Sungguhpun begitu saya telah menyatakan dan sampaikan kepada UMNO Kedah yang pada masa itu saya menjadi naib yang dipertuanya iaitu saya sedia berhenti dari jawatan saya untuk turut campur dalam bahagian siasah, sekiranya saya dikehendaki berbuat demikian.

Tetapi saya telah diminta oleh UMNO bahagian itu supaya bersabar. Benarkanlah saya memetik dari minit mesyuarat jawatankuasa kerja UMNO bahagian Kedah yang diadakan pada 16 Ogos 1949, iaitu dua tahun dahulunya yang berbunyi:

> Majlis jawatankuasa kerja UMNO Kedah menyambut dengan gembiranya di atas langkahan Yang Teramat Mulia, yang berharga itu, dengan melimpahkan sepenuh-penuh harapan dan kepercayaan di atas sifat keketuaan Yang Teramat Mulia itu. Tetapi majlis berpendapat memilih kepada kedudukan Yang Teramat Mulia itu pada masa ini maka

> majlis memohon Yang Teramat Mulia menaruh sabar dahulu di atas langkahan yang memang berharga itu supaya dapat Yang Teramat Mulia lanjutkan di atas pekerjaan kerajaan sekadar dua tahun sahaja lagi, yang pada ketika itu Yang Teramat Mulia boleh dapat kelulusan menjadi peguam supaya kedua-dua pihak boleh mendapat faedah yang sepenuh daripadanya.

Demikianlah bunyinya minit mesyuarat UMNO Kedah itu. Inilah sebabnya saya tidak mengambil bahagian yang sepenuhnya atas pekerjaan UMNO kerana menunggu genap dua tahun menurut kehendak UMNO Kedah itu.

Maka pada bulan ini dan tahun ini genap dan tibalah janji itu, dan inilah yang saya katakan takdirkan Tuhan yang saya tidak dapat elakkan. Tetapi sungguhpun begitu tiadalah saya menyangka hendak menjadi yang dipertua UMNO Malaya. Saya sedar iaitu barang siapa memegang jawatan ini hendaklah ia mempunyai segala sifat-sifat keberanian, kepandaian, kesetiaan, keimanan, kesabaran dan lain-lain sifat lagi yang tinggi. Padahalnya saya ini adalah seorang hamba Allah yang bersifat daif. Apalah agaknya yang ada pada saya yang tak ada pada saudara-saudara sekalian? Saya sedar bahawa saya terima jawatan ini daripada seorang penganjur Melayu yang terkenal sekali dalam zaman ini, bukan sahaja di dalam Tanah Melayu malahan di merata-rata tempat.

Tiada pernah orang-orang Melayu bersatu di bawah satu ketuanya dan satu panji-panji melainkan ialah dengan dimulakan oleh Dato' Yang Berhormat. Ini satu pujian kepada Dato' yang akan diingati dan akan disebut-sebut dengan kenangan-kenangan yang baik oleh turun-temurun kita. Sekarang ini jawatan itu telah diserahkan kepada saya dan saya memohon kepada Allah menolong saya.

Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini. Padahal di dalam menuju kepada cita-cita dan maksud UMNO dan umat Melayu adalah berkehendakkan beribu-ribu kepala serta beribu-ribu hati dan beratus-ratus ribu tangan dikumpulkan menjadi satu untuk mendapatkan faedah-faedah dan mencapai cita-cita kita itu. Dengan jalan bersatu di dalam

pertubuhan ini, insya-Allah mudah-mudahan Tuhan akan memberi pertolongan dan makbulkan segala cita-cita umat Melayu.

UMNO ini adalah sebuah pertubuhan kebangsaan Melayu yang sebenar-benarnya bertujuan dan berdasarkan pada memelihara bangsa dan tanahair Melayu supaya kita menjadi setaraf dengan lain-lain umat yang bebas merdeka di seluruh dunia ini.

Saudara-saudara saya sekalian! Selama ini pada pendapat saya, kerja yang besar yang telah dijalankan oleh UMNO ialah meruntuhkan Malayan Union dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu seperti yang ada pada hari ini. Tetapi apakah yang didapati oleh rakyat jelata? Pada pandangan saya kehidupan dan kedudukan umat Melayu serta tarafnya adalah terlebih 10 tahun daripada keadaan sekarang ini, apatah lagi jika dibandingkan dengan masa-masa yang lebih jauh ke belakang nescaya didapati keadaan kita adalah berganda lebih baiknya daripada keadaan sekarang.

Pada pengetahuan saya iaitu dalam tahun 1921 menurut perjanjian yang diperbuat oleh negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu seperti Kedah, hanyalah seorang sahaja pegawai British yang terpaksa kita terima untuk memberi nasihat di atas pekerjaan negeri. Pada masa itu bahasa di dalam negeri ialah Melayu. Dan kerana itu ketua-ketua pejabat semuanya orang Melayu. Hakim besar Melayu, pegawai-pegawai polis dari setinggi-tinggi hingga serendah-rendahnya Melayu, bahasa yang digunakan di dalam mahkamah dan pejabat ialah bahasa Melayu juga. Maka adalah bagi orang Melayu mencari makan di dalam negeri ini. Tetapi pada akhirnya apakah yang telah terjadi pada masa ini? Jika kita melawat ke merata-rata tempat dalam negeri ini semua perubahan-perubahan yang telah berlaku dapat dilihat dengan terangnya dengan mata kepala sendiri.

Lihatlah pula di dalam pejabat-pejabat kerajaan dan kedudukan pegawai-pegawai Melayu[2] di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Masa sekarang pegawai *Malayan Civil Service*[3] (MCS) daripada bangsa asing itu berpuluh-puluh kali gandanya daripada orang Melayu. Mereka telah dibawa masuk ke

dalam negeri ini dengan tidak terkira banyaknya dan tidak pula diberatkan sangat berkenaan pelajaran mereka. Dengan sebab banyaknya orang-orang asing menjadi ketua-ketua pejabat dan memegang jawatan-jawatan seperti yang ada sekarang, maka bahasa Melayu yang diakui sebagai bahasa rasmi tidak dikehendaki supaya dipakai di dalam pejabat-pejabat kerajaan telah hilang dan harus dihapuskan langsung.

Pegawai-pegawai rendah pula adalah sangat sedikit bilangannya daripada orang-orang Melayu jika dibandingkan dengan orang-orang asing. Pilihan mereka mengambil pegawai-pegawai itu adalah dengan cara bertanding. Maka barang siapa yang lebih layak dialah yang dipilih menjadi pegawai. Dengan pertandingan seperti itu banyaklah orang Melayu tewas kerana orang-orang Melayu itu terpaksa belajar bahasa sendiri lebih dahulu beberapa tahun sebelum dibolehkan masuk sekolah Inggeris. Adakalanya pula tatkala hendak masuk sekolah itu umurnya telah lebih dan belum sempat mereka mencapai pelajaran tinggi mereka sudah pun terpaksa berhenti sekolah. Inilah beberapa sebab yang anak-anak orang asing itu mendapat pelajaran lebih tinggi dan lebih peluang belajar daripada anak-anak Melayu.

Bagi orang-orang asing yang barangkali tidak mendapat peluang bekerja di dalam pejabat-pejabat kerajaan, adalah mendapat peluang bekerja di tempat-tempat perniagaan atau gudang-gudang perniagaan yang kebanyakan dipunyai oleh bangsa mereka itu. Akan hal orang-orang Melayu, ke manakah mereka akan pergi? Atas hal ini dan sebab-sebab inilah saya berpendapat *Barnes Report*[4] (Penyata Pelajaran Barnes) patut disokong dan dijalankan oleh kerajaan dengan segeranya dan manakala telah dijalankan kelak barulah dapat kita bersaingan dengan orang-orang asing itu di dalam pelajaran.

Kerajaan tidak boleh meringan-ringankan hal ini dan adalah tanggungan ahli-ahli Melayu di dalam Majlis Undangan Persekutuan[5] dan raja-raja Melayu supaya mendesak kerajaan supaya menjalankan perkara ini dengan secepat-cepatnya dan bersungguh-sungguh hati. Tetapi kita mestilah ingat! Sekiranya kita hendak timbang-menimbang di atas perasaan hawa nafsu bangsa-bangsa asing, apakah yang akan jadi ke-

pada bangsa Melayu kita dan apakah maknanya yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu? Ini negeri hak Melayu, dan berilah kelebihan kepada Melayu.

Tatkala mendesak supaya dijalankan perkara ini tentangan-tentangan yang keras dan hebat tentulah akan didatangkan orang-orang asing yang tidak ingin menjadi rakyat Malaya ini. Masanya telah sampai bagi orang-orang Melayu mesti sedar di atas kedudukan dan kehidupan mereka. Dan kita mestilah menuntut dengan sepenuh-penuh dan segenap hati supaya pihak yang berkuasa menjalankan apa-apa yang telah dijanjikan kepada kita.

Seperkara lagi yang penting bagi kita pada masa ini ialah perkara kemerdekaan. Adapun cita-cita itu berpatutan dengan keadaan masa sekarang; semua jiran-jiran kita yang ada di sekeliling perenggan negeri kita tanah merdeka! Lihatlah Siam, Ceylon, Indonesia dan Filipina. Mereka adalah bangsa yang merdeka, maka mengapa dan apakah sebabnya kita tidak mendapat kemerdekaan? Keinginan kita hendak mengambil tempat supaya kita duduk sebelah menyebelah dengan mereka itu adalah munasabah dengan akal fikiran. Keinginan itu bertambah kuat dari sehari ke sehari, dan hingga akhirnya haruslah perasaan ini tidak dapat disabar-sabarkan lagi.

Pada masa ini cogan kata yang kita pakai ialah "merdeka" kerana dan untuk merebut kemerdekaan bermacam-macam perkara telah berbangkit di dalam dunia ini. Berjuta-juta nyawa hilang dan beberapa negeri serta pekan menjadi hancur binasa. Orang-orang Melayu kita menaruh cita-cita untuk mencapai kemerdekaan itu dengan jalan perlembagaan seperti yang didapati oleh Ceylon dari Britain dan Filipina dari Amerika, iaitu tidak dengan jalan tidak menumpahkan darah dan binasa rakyat jelata. Kita yang menyerahkan kemerdekaan negeri kita dengan perjanjian atau dengan lain-lain jalan perlembagaan maka, dengan jalan itulah juga patut diserahkan balik negeri ini kepada kita.

Berkenaan dengan adanya cadangan orang-orang kita iaitu patut kemerdekaan diserahkan kepada "Malayan",[6] maka siapakah Malayan itu? Negeri ini diterima daripada Melayu, maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu. Adapun yang

dikatakan Malayan Union itu belum ada lagi ditentukan siapa mereka itu. Oleh itu biarlah Melayu sendiri menentukan siapa "Malayan" itu. Janganlah kita gemar kemerdekaan itu hingga dengan kerana kemerdekaan itu kehormatan kita tercabul. Ambillah tahu apa yang akan terjadi kelak atas bangsa kita. Oleh sebab itu saya katakan mahulah kita berpegang teguh akan semangat Melayu terlebih dahulu supaya dapatlah kita dengan semangat itu menuntut akan kemerdekaan serta dipaksa mereka serahkan kedaulatan negeri ini kepada kita.

Berkenaan dengan bangsa asing yang ada di dalam negeri ini kita tidak akan melupakan bahagian mereka. Bangsa asing itu bolehlah ketahui bahawa bangsa Melayu ini bukanlah bangsa yang ahmak ( احمق ). Lebih daripada 200 tahun sudah kita duduk bersama-sama dan berjiran dengan bangsa-bangsa asing, dan apa yang ada pada kita, kita beri kepada mereka dengan kita tidak tunjukkan cemburu atau dengki. Selama 200 tahun kita bersama-sama dengan mereka dengan tidak berlaku sesuatu pergaduhan pun. Jika pun ada pergaduhan-pergaduhan antara satu dengan lain ialah kerana hasutan-hasutan daripada luar.

Pada masa kita bangkit meruntuhkan Malayan Union, bangsa-bangsa asing itu cuma melihat dan memandang sahaja. Mereka tidak masuk campur atau ambil tahu apa-apa kerana mereka itu sedar bahawa yang kita tuntut itu adalah hak kita sendiri dan bangsa asing itu tidak mengambil bahagian kerana pada fikiran mereka itu yang mereka tidak kenamengena dengan pemerintahan negeri ini. Tujuan mereka hendak duduk di dalam Tanah Melayu ini ialah kerana mencari nafkah dan kekayaan. Dan kita tahu baik-baik yang mereka itu berkehendak merebut hak siasah di dalam negeri ini ialah kerana hendak mempertahankan hak-hak mereka yang ada sekarang. Kita menghormati akan hak-hak mereka dan kita akan timbang dan tilik pula atas segala tuntutan-tuntutan mereka.

Orang-orang Cina dan India yang saya ketahui tidak berkehendak menjadi "Malayan". Mereka lebih sayang kepada bahasa dan bangsa mereka sendiri. Itulah sebabnya mereka menentang Penyata Pelajaran Barnes. Jika diserahkan kepada

"Malayan" yang belum wujud lagi di dalam negeri ini nescaya kacau-bilau dan pergaduhan-pergaduhan akan berbangkit.

Orang-orang Melayu adalah mengalu-alukan bangsa asing yang taat setia kepada negeri ini dan kasih sayang kepada negeri ini. Kita mengalu-alukan mereka yang suka menjadi rakyat negeri ini dengan sebenar-benarnya dan dengan suka hati sendiri, bukan kerana dengan terpaksa atau dipaksakan. Mereka yang berhak ataupun yang sudah menjadi rakyat negeri ini boleh masuk minta menjadi "Malayan" di bawah undang-undang *Naturalization* sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang antarabangsa. Orang yang demikian itulah yang sebenarnya menjadi "Malayan", dan mereka mempunyai hak dikatakan sama dengan orang-orang Melayu, di dalam negeri dan bukanlah orang-orang yang ada seperti sekarang yang tentu dan tetap pendirian mereka.

Kemerdekaan negeri Melayu ini mestilah diserahkan seberapa segeranya kepada kita dengan tidak dihadkan dan ditinggalkan perkara-perkara keamanan negeri dan peraturan-peraturan di dalam masa peralihan dan perubahan milik Melayu untuk mengurus dan mengaturnya. Sekiranya ditangguhkan tentulah akan berbangkit pertengkaran yang panjang di antara penduduk di sini.

Raja-raja Melayu mestilah, bersama-sama dengan rakyat jelata, mengambil tempat mengetuai rakyat di dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Janganlah sekali-kali raja-raja itu membenarkan dirinya menjadi senjata bangsa asing, akan mematahkan perjuangan dan cita-cita rakyat dan akan boleh membinasakan rakyatnya sendiri. Ingatlah apa akan jadi ketika negeri ini dimalayankan, nescaya kota-kota raja tetap dirobohkan.

Bagaimana di dalam lima tahun dahulu kita bersama-sama meruntuhkan Malayan Union, maka sekarang ini kita akan menubuhkan pula Persekutuan Tanah Melayu ini, yang tidak berguna dan tidak bermakna langsung, dan kita akan mendirikan kemerdekaan bagi bangsa kita. Orang-orang asing terutama penduduk negeri ini, janganlah menaruh sebarang syak wasangka atas tujuan-tujuan dan cita-cita orang Melayu kerana sebesar-besar tujuan orang Melayu ialah untuk meng-

atur dan memelihara keamanan negeri ini dan menjaga keselamatan segala bangsa yang menduduki negeri ini serta mengukuhkan persahabatan antara segala bangsa penduduk negeri ini dengan lebih-lebih kukuh lagi sekira-kira tidak dapat dipecahbelahkan oleh sesiapa juga pun.

Tuan-tuan sekalian! Oleh kerana itulah saya berseru terutama sekali kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa UMNO dan ahli-ahli UMNO, iaitu hendaklah tuan-tuan sekalian bekerja dengan sepenuh-penuh hati dan menumpahkan segala tenaga, dan janganlah mengamalkan duduk bercakap-cakap sahaja di dalam mesyuarat dengan tidak menjalankan kerja-kerja yang ditanggungkan atas diri masing-masing. Tiap-tiap pegawai UMNO mestilah berjalan ke merata-rata tempat dan menerangkan dasar-dasar perjuangan UMNO dan cita-cita UMNO kepada semua orang supaya janganlah orang menyangka setelah menerima wang yuran tak ada apa yang UMNO buat kerana mereka.

Beri mereka itu sedar bahawa UMNO tidak boleh berbuat apa-apa dan jika berjanji hendak buat itu dan buat ini, nampaknya sebagai janji bohong sahaja. Apa yang UMNO mesti buat ialah meninggikan taraf, mutu, semangat dan perasaan ketinggian bangsa.

Berkenaan perkara hendak memajukan kehidupan orang-orang Melayu, maka pada masa ini kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti mengadakan RIDA, Syarikat Kerjasama, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain lagi. Orang-orang Melayu mestilah maju ke hadapan, mengambil dan merebut akan peluang serta kesempatan ini dan membawa dasar mahu menolong diri sendiri dengan menggunakan peluang-peluang yang sedang terbuka. Janganlah orang-orang Melayu berfikir segala pekerjaan itu akan berjaya jika orang Melayu sendiri tidak mengambil berat di dalam hal itu. UMNO sedia akan memberikan bantuan dan menguruskannya jika didapati kesulitan dalam menjalankan pekerjaan dan kehendak-kehendak itu.

Berkenaan dengan soal tanah saya suka menarik perhatian kepada masalah tanah kawasan Melayu (Malay Reservation).[7] Pada pandangan saya kerajaan tidak ada mengambil

cukup berat atas perkara ini. Oleh kerana kelonggaran dasar *Malay Reservation*[8] itulah yang menyebabkan kita nampak hari ini orang-orang Melayu yang dahulunya bertempat di pekan-pekan telah lari jauh ke hulu-hulu dan ke tepi hutan, dan jika berkekalan seperti keadaan sekarang ini nescaya orang-orang Melayu akan terusir jauh lagi ke dalam hutan dan ke gunung-gunung yang boleh membawa kesakitan kepada tubuh badannya dan azab sengsara pada kehidupan. Pada pendapat saya ini haruslah menjadi satu daripada perkara yang besar yang UMNO patut dan harus bertindak. Dan pendapat saya UMNO mestilah menuntut supaya diuntukkan tanah-tanah di dalam pekan kepada Melayu dan tanah-tanah di luar pekan mestilah dikawal dengan kuat untuk Melayu.

Mana-mana tanah yang telah diuntukkan kepada Melayu tidaklah dijual sama sekali kepada orang-orang asing, yang saya maksudkan tanah direzab untuk Melayu itu bukanlah seperti *settlement*,[9] malahan yang saya kehendaki ialah mana-mana tanah kosong di dalam bandar yang masih menjadi hak kerajaan hendaklah disimpankan untuk Melayu. Saya bercakap atas perkara ini. Inilah untuk menjaga taraf Melayu dan semangat Melayu supaya boleh dikatakan yang Melayu berhak di dalam negeri ini. Inilah sebabnya setengah-setengah pihak termasuk orang-orang Melayu sendiri mengatakan mana dia hak-hak Melayu padahal semua pekan-pekan dan bandar tidak kelihatan lagi di dalamnya orang-orang Melayu. Pejabat-pejabat kerajaan yang kebanyakan di dalam pekan-pekan itu tidak ada kawasan Melayu. Dan ini adalah satu lagi perkara yang merendahkan taraf Melayu iaitu kerana hampir separuh gaji-gaji orang berpendapatan kecil itu habis dengan membayar sewa rumah yang mahal-mahal.

Pada masa sekarang langkah-langkah untuk memberi tanggungjawab kepada rakyat di dalam pemerintahan sendiri adalah sedang dijalankan, dengan mengadakan pilihanraya-pilihanraya. Tetapi adalah menjadi kesukaan kepada orang Melayu hendak turut di dalam hal itu jika orang-orang Melayu itu tidak ramai duduk di dalam pekan. Lainlah halnya jika kerajaan tidak berniat hendak melatih orang-orang Melayu sama-sama bertanggungjawab di dalam rancangan pemerin-

tahan sendiri.

Tuan-tuan sekalian, UMNO ini seperti yang telah saya katakan, ialah pertubuhan Melayu yang berdasarkan politik dan yang akan menjaga dan mengawal taraf dan mutu umat Melayu.[10] Di dalam semua negeri di seluruh dunia ini adalah pertubuhan-pertubuhan yang berdasarkan siasah, ada sahaja ia mempunyai satu senjata yang besar iaitu *printing machine* (jentera cetak) serta perkakas-perkakas wayang gambar untuk mengajar dan melatih rakyat jelata di dalam perkara politik. Kita terpaksalah mengadakan perkakas-perkakas dan kelengkapan-kelengkapan ini supaya dapat kita mendapat kemajuan itu dengan segera dan boleh menunjukkan dan mengekalkan pekerjaan UMNO.

Masa kita adalah sangat suntuk, janganlah kita melambat-lambatkan lagi, malahan hendaklah segera kita adakan perkakas-perkakas itu. Dan juga tiap-tiap ahli jawatankuasa kerja agung UMNO mestilah menjalankan pekerjaannya memberitahu rakyat dengan sungguh-sungguh hati dan berhubung rapat dengan rakyat sekalian serta mengadakan syarahan-syarahan kepada mereka itu.

Di England, ahli-ahli pertubuhan siasah di sana bersyarah di atas tong sabun dan di merata-rata simpang jalan maka kita kenalah mengambil langkah-langkah seperti itu dan dalam masa sebelum atau selepas sembahyang Jumaat bolehlah kita bersyarah kepada ahli-ahli jemaah sekalian. Perkhidmatan kepada UMNO mestilah diberi dengan kuatnya iaitu dengan bekerja sungguh-sungguh hati, bukan hanya mulut sahaja. Kita sudah terlampau banyak bekerja dengan mulut yakni bercakap lebih daripada bekerja. Kiranya kadar bercakap sahaja nescaya UMNO tidak boleh kekal dan maju. Itulah yang saya katakan tadi, keadaan sekarang telah lemah daripada masa yang sudah-sudah.

Berkenaan dengan pilihanraya, UMNO mestilah merebut dan bertanding dalam semua pilihanraya untuk merebut seberapa banyak kerusi yang boleh di dalam *Municipality Board,*[11] Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Perundangan Federal. Sekiranya tidak dibuat tidaklah ada peluang lain yang boleh kita kekal atau maju di dalam politik. Sekiranya kita ti-

dak akan maju di dalam politik apakah dan bagaimanakah akan mencapai kemerdekaan negeri kita? Janganlah takut atau bimbang akan kekalahan di dalam pertandingan-pertandingan itu. Kekalahan itu tidak menjadi cacat pada taraf dan mutu UMNO. Hendaklah kita tunjukkan kepada bangsa bahawa kita ini ada penuh semangat perjuangan.

Berkenaan dengan polisi, UMNO mestilah menetapkan dasarnya, setelah menetapkan dasar-dasar itu hendaklah diturut dan dijalankan dengan sesungguhnya, dan tidak boleh diubah-ubah sekalipun dengan kerana menjalankan dasar itu kita menghadapi berbagai-bagai halangan. Kita mestilah ada keberanian, bertanggungjawab dan berusaha. Hendaklah ingat bahawa dasar-dasar itu mengutamakan Melayu dan anak cucu cicit kita masa depan. Oleh itu hendaklah kita mengorbankan tenaga dan segala-galanya untuk menjalankan dasar itu. Janganlah sampai kita dituduh oleh keturunan kita bahawa kita bacul dan hidup dengan sia-sia sahaja.

Tuan-tuan sekalian, yang boleh saya berdiri menjadi calon yang dipertua ini ialah dengan kepercayaan bahawa semua orang-orang gemar berdiri, dan bukanlah saya seorang sahaja, kerana UMNO ini sebuah pertubuhan Melayu. Tambahan pula menjadi pemimpin bangsa adalah sebesar-besar kemuliaan dan setinggi-tinggi tanggungan. Saya ini bukanlah perasaan sekadar hendak menjadi yang dipertua UMNO sahaja, saya puas hati memegang apa juga jawatan pun asalkan dapat saya memperhambakan diri kepada bangsa saya. Waktu ini UMNO sedang menghadapi suasana yang paling dahsyat sekali di dalam sejarah perjalanannya. Jika UMNO runtuh, nescaya binasalah Melayu sekalian.

Jasa-jasa yang kita nampak dibuat oleh UMNO ialah menyatukan umat Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi yang penting sekali ialah Pergerakan Kaum Ibu. Saya percaya dengan pergerakan ini, dan kebiasaan yang telah tercapai olehnya dan dengan kuat sokongan insya-Allah cita-cita kita sekalian dapat dicapai. Ingatlah tangan yang menghayun buaian itulah yang memerintah dunia.

Sekarang kita telah disatukan di bawah satu panji-panji, maka kibarkanlah panji-panji itu. Mulai dari hari ini hendak-

lah kita mulakan sejarah baru kerana segala yang akan berlaku pada masa hadapan akan berdiri di atas tapak yang kita buat sekarang.

Saya tahu yang saya telah berdiri hari ini menjadi yang dipertua UMNO bukanlah dengan pilihan sepenuh daripada ahli-ahli UMNO. Itu memang telah saya jangkakan kerana tidak boleh seorang itu mendapat sepenuh undi hendak menggantikan satu tempat yang telah dipegang oleh Dato' Onn dengan jayanya selama enam tahun. Tetapi tuan-tuan, nyatalah tuan-tuan pilih saya dengan undi yang lebih. Maka calon yang tidak berjaya janganlah hendaknya perasaan putus harapan kerana kita telah bersumpah bersetia memeliharakan bangsa dan tanahair kita bukan untuk diri kita sendiri. Atas perkara inilah sahaja yang harus kita ingat, dan lupakan perkara-perkara yang boleh menjadikan berpecah-pecah di antara kita sekalian. Marilah kita hubungkan tangan kita sekalian supaya menjadi satu, dan insya-Allah dapat kita jalankan cita-cita dengan selamat dan mendapat kejayaan sebesar-besarnya.

Saya bukanlah hendak mencari apa-apa faedah untuk diri sendiri. Yang saya niat hanyalah semata-mata hendak mengkhidmatkan diri saya kepada bangsa dan tanahair. Dan dengan tujuan ini saya akan berjuang secara yang belum pernah saya lakukan lagi. Saya berseru kepada saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian, umat Melayu, kaum Islam laki-laki dan perempuan, sokonglah saya dengan nama bangsa dan agama supaya dengan izin Allah S.W.T. dapatlah kita meninggikan martabat dan darjat bangsa dan agama kita yang maha suci ini.

"M E R D E K A !"

---

[1]Tunku Abdul Rahman Putra mengetuai UMNO selepas Dato' Onn Jaafar, yang dipertuanya yang pertama keluar dari parti itu pada 27 Ogos 1951.

[2]Pegawai-pegawai Melayu atau yang disebut *Malay Administrative Service* (MAS) sebenarnya ialah pegawai Melayu yang bekerja sebagai pegawai tadbir. Mereka kebanyakannya terdiri daripada anak-anak raja dan pembesar. Mereka dilatih khas di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Dr. Khasnor

Johan, 1982, "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan dalam Konteks Kerajaan Penjajah", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd., hlm 134-148.

[3]Kebanyakan pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam MCS terdiri daripada orang Eropah/Inggeris. Pada praktiknya kedudukan MCS lebih tinggi jika dibandingkan dengan pegawai tadbir Melayu. Mereka dianggap sebagai *junior partner* kepada MCS. Bagaimanapun terdapat sebilangan kecil orang Melayu yang berkhidmat dalam MCS, *ibid.*, hlm 134-148.

[4]*Barnes Report* ialah laporan kajian tentang dasar pelajaran di Malaysia (Malaya) yang diketuai oleh L.J. Barnes. Beliau menegaskan cara mengubah sikap (perpaduan) kaum pendatang dengan hanya mengadakan satu aliran dalam persekolahan terutama pada peringkat rendah lagi. Ibrahim Saad, 1981, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 44.

[5]Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan – Majlis Raja-raja Melayu yang berfungsi sebagai penasihat kepada pesuruhjaya tinggi tentang dasar imigresen. Residen British digantikan dengan seorang menteri besar di tiap-tiap negeri dalam Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga menjamin hak dan kedudukan istimewa orang Melayu serta hak kuasa dan kedaulatan raja-raja Melayu. Persekutuan Tanah Melayu ini berakhir apabila negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

[6]Istilah "Malayan" diberikan oleh Inggeris. Ia ditujukan kepada penduduk bukan Melayu yang telah bermastautin lama atau telah dilahirkan di Malaya. Manakala bagi orang Melayu pula digunakan istilah "Melayu" atau "Malaysians". Suntharalingam & Abd. Rahman Ismail, *op. cit.*, hlm 88.

[7]Tanah Simpanan Melayu dicadangkan oleh R.J.B. Clayton, pegawai daerah Hulu Langat. Tanah Simpanan Melayu dikenalkan untuk menghalang kehilangan tanah orang Melayu akibat dijual kepada bangsa asing. Sebab orang menjual tanah:

(i) Harga yang tinggi akibat permintaan tanah untuk perkembangan industri getah dan bijih timah.
(ii) Mengadakan kenduri besar seperti perkahwinan.
(iii) Untuk membayar cukai tanah.
(iv) Peminjaman wang daripada ceti. Ceti akan mengambil tanah apabila hutang tidak dapat dibayar.

Ahmad Nazri Abdullah, 1985, *Melayu dan Tanah: Tumpuan Khas kepada Tanah Simpanan Melayu*, Media Intelek Sdn. Bhd., hlm 58-65.

[8]Kelonggaran dasar *Malay Reservation* menyebabkan kerajaan memperkenalkan undang-undang Tanah Simpanan Melayu 1933. Kelonggaran dasar ini telah menyebabkan orang Melayu rugi, antaranya:

(i) Banyak kawasan tanah simpanan Melayu tidak sesuai dijadikan kawasan pertanian.
(ii) Tanah simpanan Melayu yang sesuai untuk pertanian terhad kepada

tanaman makanan seperti padi dan kelapa.

(iii) Tanah simpanan Melayu yang diberi tidak subur. Contohnya di Kinta, Perak. Ia tanah bekas lombong.

(iv) Orang bukan Melayu tidak lebih dari tiga tahun. Ini bermakna dari segi penggunaan orang bukan Melayu masih boleh mengguna dan menguasai tanah simpanan Melayu. Pemegang pajakan hanya perlu memperbarui perjanjian pajakan.

(v) Tanah simpanan Melayu diarah jual sebagai cagaran akibat tidak dapat menjelaskan hutang. Kebenaran untuk menjual boleh didapati dari sultan.

(vi) Tuan tanah juga boleh menyerahkan hak dan kepentingannya atas tanah itu kepada orang lain melalui *surat kuasa/power of attorney*.

Ahmad Nazri Abdullah, *ibid.*, hlm 100-135.

Selepas dibuat pindaan, undang-undang Tanah Simpanan Melayu 1933 masih terdapat kelonggarannya. Sebagai contoh, tanah simpanan Melayu yang ada kepentingan ekonomi seperti kawasan perlombongan diambil untuk dikerjakan dan orang Melayu dipindahkan, seperti yang berlaku di daerah Kinta, Perak. Tanah simpanan Melayu juga dibatalkan untuk kepentingan lain seperti membina kawasan riadah dan pemulihan kesihatan yang telah dibuat pada tahun 1928 di Batu Caves, Kuala Lumpur. Ada juga kawasan Melayu tidak dijadikan tanah simpanan Melayu kerana ia terletak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur. Takrif Melayu juga begitu longgar, orang lain begitu mudah boleh menjadi "Melayu" apabila mereka memeluk Islam dan bertutur dalam bahasa Melayu. Ini bermakna mereka juga boleh menguasai tanah simpanan Melayu. *Ibid.*, hlm 170-183.

[9]Tanah simpanan Melayu hanya mementingkan kawasan penempatan Melayu sahaja dan bukan bertujuan mengadakan kawasan yang sesuai untuk orang Melayu menjalankan pertanian. Tanah simpanan Melayu juga hanyalah untuk melindungi kawasan kediaman Melayu yang sedia ada. *Ibid.*, hlm 100-101.

[10]Umat Melayu merujuk kepada orang Melayu. Mereka ialah bangsa yang menduduki kawasan Nusantara. Di Malaysia hari ini, orang Melayu dianggap sebagai penduduk asal dan mereka dikatakan Melayu-Deutero yang berasal dari Yunan di sebelah barat negeri China. Lihat Wu Min Aun, 1981, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Ltd., hlm 1; Haji Buyong Adil, 1974, *Sejarah Trengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[11]Lembaga Bandaran.

# 6

# UMNO: PEMUDA HARAPAN BANGSA

*(Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman kepada pemuda-pemuda UMNO dan orang ramai di Padang Kerajaan, Batu Pahat, Johor, pada hari ulang tahun Persekutuan yang keempat pada 1 Februari 1952)*

Pemuda-pemuda UMNO dan tuan-tuan sekalian! Semenjak saya menjadi yang dipertua UMNO hingga hari ini, banyak perkara yang telah dilakukan yang boleh menjadi makanan bagi fikiran saya.

## Pendirian UMNO

UMNO telah terdiri semenjak lima tahun yang lalu. Dalam masa lima tahun ini, telah berbangkit berbagai-bagai perkara yang hendak menguji kekuatan UMNO. Ujian dan percubaan yang masyhur itu meninggalkan pertubuhan ini dan menubuhkan parti[1] yang lain, yang tujuannya seakan-akan tujuan UMNO tetapi dasarnya dan asasnya berlainan dengan UMNO. Parti ini hendak membuka peluang memerintah kepada semua penduduk Malaya dengan tidak dikira mereka ada hak atau tidak. Banyak penganjur Malaya yang bersetuju dengannya dan masing-masing telah menaruh sebesar-besar kepercayaan kepadanya dan yakin bahawa dengan peninggalannya itu UMNO ini akan matilah. Dengan sebab itu maka penganjur-penganjur tersebut telah ikut sama meninggalkan UMNO seumpama tikus meninggalkan kapal yang disangka-

nya akan karam.

Tuan-tuan sendiri telah melantik saya menjadi yang dipertua dan melantik lain-lain pegawai menjadi jawatankuasa kerja agung UMNO supaya memimpin dan membantu saya. Alhamdulillah, dengan bantuan dan sokongan yang diberi oleh mereka itu kepada saya, lebih-lebih lagi daripada ketua Pemuda Encik Sardon[2] dan Dato' Abdul Razak,[3] maka UMNO yang saya umpamakan sebagai kapal yang akan tenggelam itu masih berjalan dengan baik dan sempurna.

Sekarang banyak orang baru yang suka mendaftarkan nama mereka menjadi ahli UMNO, dan ahli-ahli UMNO yang lama tidak membayar yuran, sekarang telah pun mula membayar yuran masing-masing. Atas perkara ini kita berasa puas hati dan yakin bahawa pendirian UMNO beransur kuat dan bertambah kukuh, manakala kepercayaan orang-orang Melayu kepada UMNO telah pulih semula. Di tempat-tempat yang telah saya lawati saya tidak lupa memberitahu dan mengingatkan orang Melayu bahawa pertubuhan ini ialah satu kekuatan yang dikurniakan oleh Allah kepada umat Melayu bergantung harap untuk membela dan mempertahankan bangsa dan tanahair Melayu bagi masa sekarang dan akan datang. Tetapi saya berasa bahawa kebanyakan orang-orang Melayu, khasnya ahli-ahli UMNO sendiri, sungguhpun mempunyai perasaan dan semangat yang kuat, namun mereka berasa bahawa UMNO ini hanyalah sebagai pertubuhan untuk bersatu padu sahaja. Pendeknya mereka itu berkata bahawa pertubuhan ini didirikan hanyalah sebagai pertunjukan untuk menjamu mata dan untuk ditunjukkan kepada bangsa asing bahawa sebagai bangsa asing, orang Melayu juga ada mempunyai pertubuhan. Padahalnya bukan sekadar itu sahaja maksud kita, malahan apa yang dimaksudkan dengan UMNO ini ialah untuk mencapai kemerdekaan sehingga semua kuasa memerintah negeri ini jatuh ke tangan kita.

Inilah satu perkara yang saya tidak puas hati. Oleh itu saya dan kebanyakan ahli-ahli jawatankuasa kerja telah berikhtiar dengan seberapa daya upaya hendak menghidupkan semangat bangsa kita. Maka pada hari ini, saya mengambil peluang ini, menyeru kepada pemuda-pemuda kita supaya

memberikan sokongan dengan sepenuhnya di atas kerja-kerja yang telah dijalankan dan akan dijalankan.

## Pemuda

Sifat pemuda ialah kuat, gagah, berani dan tidak mengenal kesusahan yang menimpa dirinya. Negeri yang dapat mencapai kemerdekaan dan kemajuan sebabnya tidak lain ialah dengan sokongan dan pertolongan pemuda anak negeri itu. Dan tiap-tiap pertubuhan yang mendapat kejayaan ialah dengan semangat dan sokongan pemuda.

## Merdeka

Merdeka ialah satu perkataan yang menjadi slogan[4] perjuangan UMNO. Dan cogan ini adalah dengan kehendak Pemuda sendiri. Tetapi apakah langkah yang telah kita ambil hingga hari ini? Di dalam fikiran saya selain daripada mereka-reka akan cara dan jalan-jalan untuk mencapai kemerdekaan itu maka belumlah lagi kita ambil apa-apa langkahan.

Tuan-tuan hendaklah sedar bahawa kemerdekaan itu ialah satu benda yang tinggi harganya. Satu benda yang tiada dapat dibeli dengan wang atau harta benda. Inilah bendanya yang kita tuntut dengan segala kekuatan hingga sekalipun kita terpaksa membelinya dengan nyawa kita sendiri. Oleh sebab inilah maka mana-mana sahaja yang melawat, saya mencuba dengan seberapa daya menanamkan perasaan merdeka dalam sanubari bangsa kita. Tetapi walau macam mana pun apalah daya saya dan Encik Sardon berserta Dato' Abdul Razak untuk mencapai kemerdekaan itu. Dengan sebab itu dikehendaki tiap-tiap seorang pemuda dan ahli-ahli UMNO memberi sokongan dengan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan pekerjaan dan tanggungan saya ini.

## Kedudukan Melayu Sekarang

Umat Melayu sekarang menghadapi suasana yang tidak baik, pemerintah kita yang dahulu mengaku hendak memelihara kita supaya kita selamat dari segala ancaman telah mengubahkan cara-cara pemerintahan negeri ini. Kita telah sama-sama melihat apa yang telah dilakukan pada waktu itu. Kita menge-

tahui bahawa mereka tidak lagi menaruh timbang rasa di atas kedudukan umat Melayu. Tujuan mereka hanya semata-mata hendak mencari kekayaan bagi bangsa dan negeri sahaja. Dan apa-apa cara yang dapat melebihkan kekayaan mereka, maka itulah yang diutamakan dengan tidak mengambil hairan atas apa jua yang akan terjadi atas bangsa kita. Mereka sentiasa berikhtiar hendak membahagikan segala hak-hak kita sama rata dengan bangsa-bangsa lain. Tetapi sekiranya tuan nilaikan segala hak-hak kita itu nescaya tuan-tuan dapati bahawa hak yang diberi kepada kita itu tidaklah memadai dan berpadanan dengan taraf kita sebagai tuan punya hak negeri ini. Kuasa pentadbiran tiga perempat di tangan bangsa-bangsa asing yang duduk di sini. Habuan yang satu berkenaan dengan kemerdekaan lain-lain negeri dan lain-lain perkara politik. Mudah-mudahan setelah mereka kembali kelak dapatlah mereka bekerja dengan lebih giat memajukan UMNO, dan daripada pengalaman yang mereka peroleh di luar negeri mereka akan mengenal tanggungjawab terhadap bangsa dan tanahair.

Dengan nama yang dipertua UMNO, saya menaruh sepenuh-penuh harapan kepada pemuda-pemuda bagi memajukan UMNO ini. Saya umpamakan UMNO seperti lampu, dan pemudalah sebagai minyaknya dan kaum ibu sebagai sumbunya. Di sini tuan-tuan faham sekiranya lampu itu tiada berminyak dan minyaknya kurang baik, maka tiadalah dapat kita menggunakan lampu itu sama sekali. Saya berasa dukacita kerana saya telah lihat ada juga bahagian-bahagian UMNO yang tidak ada Perikatan Pemuda. Di mana-mana tempat yang saya pergi melawat, saya sentiasa memerhatikan gerakan pemuda di situ, sekiranya kuat perjalanan pemuda di tempat itu maka saya berasa kuatlah pendirian UMNO itu.

Selepas ini pemuda akan memulakan persidangan. Dan berbagai-bagai perkara akan dibahaskan dalam persidangan itu. Tetapi apa yang saya sangat berharap ialah mengutamakan soal-soal yang boleh menambahkan kekuatan pemuda dan mencari apa-apa cara dan jalan yang boleh menggalakkan pemuda-pemuda kita untuk masuk Perikatan Pemuda ini. Sekiranya ahli-ahli UMNO ada 100 000 maka pemuda mestilah

mencapai angka 200 000. Dengan adanya kekuatan seperti ini jentera UMNO akan berjalan dengan kencang. Dan dengan itu dapatlah kita membela nasib bangsa dan tanahair kita.

Saya ketahui banyak pemuda-pemuda kita yang mempunyai semangat penuh telah berkhidmat dalam pasukan-pasukan bersenjata untuk menjaga keamanan negeri seperti askar Melayu, polis khas, polis biasa dan lain-lain lagi. Tetapi dalam pada itu saya nampak masih banyak lagi pemuda-pemuda yang tidak mengambil bahagian dalam pasukan-pasukan itu, dan orang-orang ini pun tidak juga mengambil bahagian dalam Perikatan Pemuda. Di sini berbangkitlah soalan, iaitu apakah sebabnya? Boleh jadi dan harus kerana yuran yang dibayar oleh pemuda sangat tinggi, ataupun tiada siapa dari ahli-ahli Perikatan Pemuda menerangkan maksud dan perjuangan UMNO ini.

Saya ulangi bahawa dengan kekuatan pemudalah, maka kita akan dapat menyelamatkan bangsa kita dan tanahair kita.

---

[1]Asas penubuhan UMNO dapat dilihat daripada Kongres Melayu yang melahirkannya seperti titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Hishamuddin Alam Shah ketika merasmikan kongres tersebut pada 1 Mac 1946, dengan titahnya "... kami dengan penuh kesukaan melihat tuan-tuan sekalian datang berkumpul dari segenap negeri di dalam Tanah Melayu. Sangat-sangat sukacita kami melihat tuan-tuan semua datang berhimpun kerana hendak menubuhkan persatuan umat Melayu yang sebenar-benar bersatu daripada segala lapisan dan pihak".

[2]Lahir pada 19 Mac 1917 di Sungai Kluang, Rengit, Johor. Anak Melayu pertama menjadi ahli Dewan Undangan Negeri Singapura 1948-1951. Salah seorang pengasas Parti Kebangsaan Melayu di Ipoh pada 1945. Pada 1947, Kesatuan Melayu Singapura yang dipimpinnya telah memasuki UMNO dan beliau terpilih menjadi ahli Majlis Tertinggi.

[3]Lahir pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pahang. Menjadi ketua Pemuda UMNO pada 1950, timbalan yang dipertua UMNO pada 1951, ahli tidak rasmi Dewan Undangan Persekutuan pada 1951-1955, setiausaha kerajaan Pahang pada 1952, pemangku menteri besar Pahang pada 1955, menteri pelajaran pada 1955, menyertai rombongan menuntut kemerdekaan ke London pada 1956, timbalan perdana menteri, menteri pertahanan pada 1957, menteri pembangunan negara dan luar bandar pada 1959, melancarkan Rancangan Malaysia Pertama (1956-1960) dan Rancangan

Malaysia Kedua (1961-1965), menjadi perdana menteri pada 22 September 1970. *Watan*, 20-23 September 1986, hlm 18.

[4]Slogan ini dicadangkan pertama kali digunakan secara rasmi sebagai slogan perjuangan UMNO semasa persidangan agung UMNO diadakan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar pada 4 Februari 1951. Cadangan itu timbul daripada wakil Kuala Pilah untuk ditukarkan daripada slogan asal UMNO "Hidup Melayu". Slogan "Merdeka" diluluskan untuk dijadikan slogan UMNO dalam persidangan agung UMNO setengah tahun di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 24 dan 25 Mac 1951.

# 7

# MENANAMKAN SEMANGAT KEMERDEKAAN

*(Ucapan perasmian persidangan setengah tahun Perikatan Pemuda UMNO yang diadakan di Batu Pahat, Johor, pada 20 Februari 1952)*

Sidang perwakilan sekalian! Petang semalam saya telah menyaksikan satu barisan pemuda UMNO yang mendatangkan perasaan yang sangat gembira di sisi saya. Dan sedarlah saya sekarang betapa kuatnya semangat pemuda-pemuda UMNO Bahagian Batu Pahat/Keluang dan lain-lain bahagian dalam Johor seperti Muar dan Tangkak. Banyak tempat yang sudah saya lawati, pemudanya belum ada pergerakan yang sempurna, dan setengah-setengah tempat belum ada langsung Perikatan Pemuda. Di sinilah saya berasa runsing kerana pemudalah yang telah mengubah cogan kata yang kita pakai hari ini iaitu "Merdeka". Dan sekarang sekiranya mereka hendak dicapai tak dapat tiada mestilah didulukan oleh pemuda. Kalau tidak begitu nescaya semakin jauhlah kemerdekaan yang dicita-cita itu.

Pihak saya dan jawatankuasa kerja hanya boleh menyusun rancangan-rancangan untuk merdeka, setakat itu sahaja yang kami boleh buat. Merdeka itu saya misalkan dengan kelapa di atas pokok yang kita ingin hendak airnya. Tetapi apa dayanya saya hendak mengambil kelapa itu? Tidak ada

lain jalan melainkan kenalah mencari orang-orang yang muda dan kuat anggotanya untuk memanjat dan menurunkan buah kelapa itu. Tak kerana pemuda memanjat tak dapatlah kita rasai air kelapa dan isinya itu kecuali kita tebang pokok itu. Jika ditebang pokok itu hanyalah saya seorang dan siapa-siapa yang ada pada masa itu yang dapat merasa dan memakannya. Orang-orang yang di belakang kelak tidaklah dapat menumpang makan buah kelapa itu. Fahamkanlah baik-baik sebuah ibarat yang saya berikan itu.

Dalam persidangan yang tuan-tuan adakan pada hari ini kenalah tuan-tuan berikhtiar mencari jalan supaya menambah ahli-ahli di dalam Perikatan Pemuda dan menanamkan semangat kemerdekaan di dalam sanubari supaya merdeka yang kita cita-citakan itu boleh tercapai. Pemuda-pemuda kita telah masuk pasukan-pasukan askar Melayu, polis khas dan berbagai-bagai pasukan bersenjata lagi. Tetapi masih ada beribu-ribu lagi yang belum masuk ke dalam pasukan-pasukan itu, dan orang-orang ini boleh diajak masuk UMNO.

Di sini timbullah satu pertanyaan, apakah sebabnya mereka tidak masuk UMNO? Barangkali sebabnya ialah kerana yuran yang terpaksa mereka bayar dalam Perikatan Pemuda sangat tinggi ataupun tidak ada di antara Pemuda UMNO yang datang berjumpa mereka dan menerangkan maksud UMNO ini. Dari itu tertanggunglah di atas bahu-bahu tuan-tuan menjalankan pekerjaan ini. Pada fikiran saya bahawa pemuda-pemuda yang berhimpun di sini pada hari ini hendaklah menggerakkan tulang uratnya dan memberikan mereka untuk melawat ke tempat-tempat yang belum ada Perikatan bagi menyeru pemuda-pemuda supaya masuk UMNO.

Pemuda-pemuda kita pada hari ini adalah lebih kurang 10 000, tetapi sekiranya bilangan itu tidak boleh bertambah 300 000 janganlah tuan-tuan mimpi kita akan mencapai kemerdekaan.

Saya telah kemukakan perkara kemerdekaan ini kepada Tuan Littleton, tetapi jawapan kepada saya itu terang iaitu Great Britain tidak akan menyerahkan kemerdekaan ke tangan kita melainkan kita tuntut dengan keras. Tetapi apa dayanya kita ini masih lemah, kita ini masih kurang semangat.

Dari itu saya menyeru pemuda hapuskanlah kelemahan dan keadaan kurang semangat itu. Pada waktu itu barulah kita dapat menuntut kemerdekaan.

Kekuatan UMNO pada masa ini hanyalah setakat boleh mempertahankan saki-baki hak-hak kita sahaja dan menolong sedikit sebanyak kepada orang kita. Selain daripada itu saya tidak mengaku. Dalam pada itu apa yang pihak pemerintah buat dengan mencuri-curi di belakang kita, tidaklah terdaya kita menentangnya.

Baru-baru ini tuan-tuan telah menyaksikan bagaimana Perjanjian Persekutuan telah dicarik-carikkan oleh pihak British dengan persetujuan raja-raja. Satu jawatan tinggi yang tidak terkandung di dalam perjanjian itu akan diadakan. Dengan adanya jawatan tinggi yang baru itu, kuasa penjajah semakin mencengkam dan kuat, dan kita semakin lemah.

Pada mula saya hendak menentang cadangan itu bila dikemukakan dalam Majlis Undangan Federal, tetapi oleh sebab saya tidak mendapat sokongan penuh daripada ahli-ahli mesyuarat yang lain, maka saya mencari helah meminda cadangan itu dengan mencadangkan supaya timbalan pesuruhjaya tinggi hendaklah daripada bangsa Asian. Tetapi itu pun tidak berdaya. Saya percaya jika kita tuntut dengan jalan berunding, saya rasa tiada siapa mahu berunding dengan kita kerana mereka ketahui yang kita lemah. Saya kuatkan seruan saya semalam berkenaan derma untuk menghantar pemuda ke luar negeri.

Bagi menutup ucapan saya ini, saya berulang mengingatkan tuan-tuan bahawa tanggungan UMNO terhadap pemuda-pemuda kita pada masa ini sedang berkhidmat dalam pasukan askar Melayu, polis, polis khas, polis tambahan dan sebagainya janganlah dilupakan. Kebanyakan orang-orang itu tiada tentu tempat duduknya. Kadang-kadang mereka bekerja berhari-harian di dalam hutan kerana melawan penjahat-penjahat. Mereka bekerja sedemikian ialah supaya aman negeri ini semula dan penduduknya duduk dalam kesenangan dan kemakmuran. Oleh itu tertanggunglah kepada kita memberi

kesenangan kepada mereka iaitu membantu kaum keluarga mereka pada bila-bila masa ada apa-apa kemalangan menimpa ke atas mereka itu. Iringlah jenazah mereka ke kubur sekiranya ada di antara mereka yang terkorban nyawanya.

# 8

# DARIPADA "TABIK TUAN" KEPADA "MERDEKA"

*(Ucapan dalam persidangan setengah tahun UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 29 Mac 1952)*

Sidang perwakilan dan para hadirin yang dihormati sekalian! Pada hari ini kita mengadakan persidangan setengah tahun UMNO iaitu lepas enam bulan daripada persidangan tahun yang lalu. Saya percaya ada banyak perkara yang telah berlaku yang menarik perhatian kita sekalian. Di antara perkara-perkara yang telah berlaku itu tentulah ada perkaranya yang tuan-tuan sekalian berkehendak penerangan yang lanjut dan sah daripada saya. Saya akan mencuba menerangkan perkara-perkara itu dengan seterang-terangnya kepada persidangan ini.

Enam bulan dahulu iaitu tatkala Dato' Onn meletakkan jawatan sebagai yang dipertua UMNO Malaya, maka saya telah dilantik oleh persidangan ini untuk mengambil tempatnya itu. Pada masa itu bolehlah saya katakan UMNO sedang menghadapi dua jurang iaitu hidup atau mati. Saya katakan begini ialah kerana pada masa itu orang ramai belum mempunyai kepercayaan yang penuh ke atas diri saya. Sebabnya, agak saya, ialah pertama saya seorang yang berketurunan raja, dan kedua saya belum ada pengalaman yang cukup dalam perkara-perkara politik.

Tuan-tuan sedia maklum bahawa saya telah diangkat

dari satu jawatan lain untuk memegang jawatan yang dipertua UMNO. Bahtera UMNO yang mempunyai pegawai-pegawai kanan yang mengetahui selok-belok UMNO disebabkan lamanya mereka memegang jawatan di dalamnya, akhirnya seorang demi seorang telah meletakkan jawatan UMNO dan turut Dato' Onn memasuki IMP. Keberhentian pegawai-pegawai yang mustahak dan berpengalaman dalam UMNO itu telah menambahkan lebih-lebih kuat lagi tanggungan saya. Siapakah orang-orangnya yang boleh menjalankan kerja-kerja yang ditinggalkan itu? Sudahlah begitu ... setengah-setengah yang cenderung kepada Dato' Onn dan setengah-setengahnya sengaja membuat kacau dalam bahagian itu. Dengan kerana hal yang semacam ini, jadilah berbagai-bagai perkara yang mengacaubilaukan serta mengelirukan akal dan fikiran ahli-ahli UMNO di bahagian-bahagian itu.

Dalam Majlis Undangan Federal pula beberapa orang Melayu yang dicalonkan oleh UMNO untuk menduduki kerusi-kerusi majlis itu telah menukar coraknya. Dengan sebab ini tinggallah bilangan kecil sahaja orang yang taat setia dan berdiri tetap dengan UMNO menjalankan kerja-kerjanya dan memperjuangkan cita-cita orang Melayu dalam Majlis Undangan itu.

Antara orang-orang yang keluar daripada UMNO itu ada pula yang menubuhkan parti politik yang berdasarkan Islam yang terasing sekali daripada UMNO. Parti ini dianjurkan oleh setengah-setengah alim ulama[1] yang dahulunya dalam UMNO. Pada asalnya UMNO inilah yang telah beberapa kali menganjurkan perjumpaan alim ulama.

Tuan-tuan sekalian, inilah sedikit daripada perkara-perkara yang saya hadapi semenjak mula saya memegang jawatan yang dipertua UMNO. Setelah saya dilantik menjadi yang dipertua UMNO oleh tuan-tuan sekalian dan oleh orang-orang Melayu, maka saya telah menerimanya dengan satu azam iaitu saya akan menuntut dengan apa jua cara untuk mencapai kemerdekaan negeri ini. Atas amanah ini saya dan rakan-rakan, ahli-ahli jawatankuasa kerja agung UMNO, memegang dengan kukuh. Dan kami berikrar tidak akan berhenti daripada mencari ikhtiar untuk mendapatkan kemerdekaan itu. Di

mana-mana tempat saya lawati dalam tiap-tiap ucapan yang saya berikan, saya tegaskan soal kemerdekaan negeri ini supaya tertanam dalam hati sanubari orang ramai dan orang-orang Melayu perasaan merdeka. Dengan kerana tujuan itulah saya gantikan perkataan "tabik tuan" dengan cogan kata kita "Merdeka". Pada perasaan saya benih itu telah tertanam; hanya apabila benih itu hendak hidup dengan suburnya maka kenalah bubuh baja lagi. Ini terpulang kepada tuan-tuan untuk membajakan dan menyirami benih itu supaya tumbuh dengan subur. Selain daripada itu saya telah berikhtiar dengan bermacam-macam jalan untuk menciptakan tuntutan kemerdekaan itu. Misalnya baru-baru ini dalam Majlis Undangan Federal, saya telah menuntut, sebaik-baik sahaja darurat tamat, kemerdekaan mestilah diberi dan diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya dengan tidak bertangguh lagi.

Pada masa Tuan Littleton, menteri jajahan takluk British daripada Parti Konservatif melawat negeri ini, saya bersama Dato' Abdul Razak, Encik C.M. Yusof dan Encik Sardon telah dapat peluang berjumpa dengannya dan satu perkara yang kami hadapkan kepadanya ialah apakah kerajaan Konservatif hendak menyerahkan kemerdekaan negeri ini dan bilakah masanya? Tuan Littleton telah menjawab, katanya, kemerdekaan negeri ini akan diserahkan ketika darurat telah tamat pada masa penduduk-penduduk negeri ini daripada segala bangsa telah bersatu faham.

Ketika pesuruhjaya tinggi yang baru menerima jawatannya, dia telah mendapat perintah yang telah diisytiharkan dalam ucapannya iaitu dasar kerajaannya ialah hendak mengadakan sebuah Kerajaan Malaya yang merdeka apabila rakyat telah bersatu padu. Perintah yang menjadi dasar Kerajaan British ini telah mendapat sokongan daripada Tuan Dean Archison, setiausaha negara bagi Amerika Syarikat, ini adalah menjadi satu syarat daripada British iaitu kemerdekaan negeri ini akan diserahkan kepada rakyat negeri ini.

Sekarang terpulanglah kepada kita sama ada berkehendakkan kemerdekaan ini dengan jalan perlembagaan ataupun mengambilnya dengan jalan kekerasan. Itulah sahaja dua ja-

lan yang ada iaitu yang pertama tidak menggunakan kekerasan, dan ini mendapat sokongan dari negeri-negeri luar dan juga boleh membawa keamanan dan keselamatan di dalam negeri. Jalan yang kedua ialah kita berjuang bersendirian untuk mendapatkan kemerdekaan dengan menumpahkan darah, dan cara ini tidak akan mendapat simpati dan sokongan daripada satu negeri pun di dunia ini. Jalan inilah juga yang boleh membawa mudarat kepada negeri ini dan penduduk-penduduknya.

Bagi diri saya, jalan yang pertama itulah jalan yang sebaik-baiknya kerana itu berkehendak, kemerdekaan untuk memelihara bangsa dan keturunan kita. Tetapi apa boleh buat jika Tuhan tidak izinkan dengan jalan yang pertama, berserahlah kita kepada Allah untuk memohon petunjuk apa yang harus kita lakukan bagi mencapai kemerdekaan itu.

Sekarang tibalah kita kepada masalah bagaimanakah caranya kita hendak mendapatkan persefahaman dengan penduduk negeri ini bagi menunaikan satu syarat untuk mencapai kemerdekaan negeri ini? Saya fikir itu mudah sahaja. UMNO ada undang-undang tubuhnya yang lengkap. Dalam undang-undang tubuh itu ada tertulis dalam fasal 2 (kha) dan (dal) membaca kandungannya.

Kejadian-kejadian telah menunjukkan pada kita, umpamanya dalam pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur[2] baru-baru ini. Di situ nampaknya Melayu dan Cina telah berpimpin tangan berjuang bersama-sama dan berikhtiar untuk mendapat kemenangan yang gilang-gemilang. Atas persahabatan ini berbagai-bagai percakapan telah berbangkit dari luar dan dari dalam kelambu UMNO sendiri. Perkataan-perkataan yang buruk telah dikeluarkan umpama UMNO dan MCA ini berkahwin, dan UMNO ini telah tenggelam dalam MCA. Ini adalah tuduhan-tuduhan yang tidak dapat diterima oleh akal yang siuman. UMNO tidaklah karam tetapi sebaliknya telah timbul dengan lebih bersinar-sinar lagi.

Memang dalam pilihanraya Kuala Lumpur itu jika UMNO dan MCA tidak bersama-sama pun UMNO boleh menang, tetapi apa yang dilakukan itu bukanlah tujuan semata-mata hendak menang pilihanraya malahan untuk menduga

dan mencuba bolehkah atau tidak dua buah pertubuhan yang besar dari dua bangsa yang banyak penduduk di dalam negeri ini bersatu padu, dalam menuju satu cita-cita yang besar kelak. Dengan percubaan ini, yang akhirnya telah mendapat hasil yang baik, maka telah timbul pula beberapa perkara yang menguntungkan iaitu ada satu syor daripada pihak IMP yang bertujuan hendak meluaskan hak-hak mengundi bagi barang siapa juga penduduk Kuala Lumpur dengan tidak ada sebarang sekatan pun. UMNO dan MCA telah bersatu menimbangkan syor IMP itu dan UMNO-MCA bersetuju yang hak-hak mengundi itu mestilah dihadkan kepada rakyat negeri ini sahaja. Perkara yang kedua ialah *Barnes Report* (Penyata Pelajaran Barnes). Saya sendiri telah menjadi seorang daripada ahli jawatankuasa yang telah dilantik untuk mengkajinya. Semenjak beberapa lama dahulu berbagai-bagai kesulitan dan kacau-bilau telah berbangkit tatkala diadakan rundingan-rundingan. Tetapi setelah ada persahabatan antara UMNO – MCA, Kuala Lumpur ini maka saya dapati orang-orang Cina dalam jawatankuasa itu tidak membuat apa-apa bangkangan dan berjalanlah rundingan-rundingan itu dengan baiknya.

Tuan-tuan mestilah sedar bahawa apa yang terkandung dalam "Barnes Report" itu ada beberapa perkara untuk memberi pelajaran kepada anak-anak Melayu. Dan penyata itu bagi pihak Melayu adalah ibarat satu pelampung tempat bergantung.

Dalam rundingan-rundingan saya dengan ketua-ketua Cina, saya telah mendapat pengakuan daripada mereka iaitu hak-hak Melayu tidak akan diganggu. Tanah-tanah simpanan untuk Melayu haruslah diluaskan lagi, hak-hak jawatan tinggi dalam pentadbiran negeri *Malay Administrative* dan *Malay State Civil Service* tidak boleh diganggu. Bagi pihak orang-orang Cina pun telah menyatakan persetujuannya iaitu orang-orang yang boleh menuntut hak adalah terhad kepada orang-orang asing yang mempunyai di dalam negeri ini menurut undang-undang kerakyatan yang akan diluluskan. Dan hak yang dibolehkan bagi mereka itu mendapatkannya ialah hak-hak yang di luar daripada yang diuntukkan kepada orang-

orang Melayu. Mereka juga bersetuju pemerintahan sekarang yang dipegang oleh raja-raja Melayu hendaklah berjalan seperti keadaan yang ada sekarang ini juga dengan tidak ada perubahannya.

Bagaimanapun tuan-tuan sekalian, hal-hal ini semuanya adalah setakat rundingan-rundingan antara ketua Cina dengan saya. Rundingan-rundingan itu saya lakukan ialah untuk hendak tahu akan fikiran masing-masing. Apa yang telah saya rundingkan dengan ketua-ketua Cina itu adalah terhad, dan bukanlah menjadi satu ikatan atau menjadi tali yang mengikat diri orang Melayu yang akan dipaksakan supaya diterima oleh orang-orang Melayu atau Cina.

Kita sekalian tahu iaitu Kerajaan British pun mencuba menanamkan perasaan bersatu, tetapi percubaannya itu tidak bersesuaian dengan kemahuan kita. Saya nampak sekiranya kita hendak akan persahabatan dengan lain-lain bangsa itu janganlah pihak luar masuk campur kerana dengan percampuran itu bukan menjadikan penduduk negeri ini bersatu, tetapi sebaliknya akan menjadi berpecah belah lagi. Oleh sebab itu persefahaman antara Melayu dan bangsa-bangsa asing yang menduduki negeri ini, iaitu persefahaman yang menjadi syarat bagi mencapai kemerdekaan negeri ini, terpulanglah kepada orang-orang Melayu dan lain-lain bangsa asing itu sendiri, menguatkannya.

Tuan-tuan telah diberitahu oleh pemerintah iaitu sekiranya kita berpecah belah dan berasing-asing, maka kemerdekaan tidak dapat dicapai dengan jalan perlembagaan. Dalam rundingan-rundingan saya dengan MCA nampaknya peluang untuk mendapat persefahaman tidak susah. Dengan itu terpulanglah kepada tuan-tuan sendiri untuk memikirkannya.

Saya bimbang sekiranya kita biarkan kepada pihak pemerintah mengambil peluang memperelok perhubungan dan persahabatan kita dengan bangsa asing, maka akhirnya menjadi ibarat hulu golok juga atau tikus memperbaiki labu. Seperti dahulu saya dengar ada cadangan hendak mengadakan "Malayan Army",[3] maka dengan mengadakan "Malayan Army" ini nescaya hilang lenyaplah "Malay Regiment"[4] yang terkenal gagah berani itu. Tetapi sekarang ini dengan sebab

ada berbagai nasihat, maka cadangan itu telah diubah. Dan menurut ucapan pesuruhjaya tinggi, "Malay Regiment" mestilah ada juga dan mesti dibesarkan lagi, dan regimen yang baru itu akan dinamakan "Federation Regiment" dan menjadi adik kepada "Malay Regiment". Dengan adanya syarat hendak membesarkan lagi "Malay Regiment" itu saya fikir tidaklah harus kita membangkang penubuhan "Federation Regiment" itu.

Di sini saya hendak memetik sedikit daripada ucapan pesuruhjaya dalam Majlis Undangan Federal baru-baru ini. Dalam ucapannya itu telah diterangkan berbagai-bagai perkara yang akan dijalankan, pertama, hendak menempatkan semula penanam-penanam sayur yang seramai 400 000 orang dengan memberikan tanah kepada mereka supaya mereka boleh berguna kepada negeri ini dengan menjadi ahli-ahli tani. Orang-orang ini dahulunya telah ada tanah yang didudukinya dengan tidak ada surat kebenaran. Pada pendapat saya iaitu sekiranya hendak diberi tanah kepada orang-orang ini, bolehlah diberikan dengan percuma selama tiga tahun. Manakala didapati mereka mengerjakan tanahnya dengan baik dan boleh duduk dengan aman, barulah boleh diberikan terus tanah-tanah itu kepada mereka. Tetapi tanah yang telah diuntukkan dan dikhaskan sebagai kawasan Melayu tidaklah boleh diberikan kepada orang-orang itu sama sekali, satu syarat lagi iaitu kerajaan mestilah memberi tanah-tanah dengan percuma kepada orang-orang Melayu yang menjaga keamanan dalam masa darurat ini manakala darurat itu tamat. Dengan ini dapatlah mereka berkebun dan berkampung.

Satu lagi daripada butir-butir ucapan pesuruhjaya tinggi dalam Majlis Undangan Federal itu ialah berkenaan dengan pilihanraya. Menurut katanya bahawa kerajaan hendak menyempurnakan lebih dahulu *municipality* dan *local council*. Selepas itu barulah hendak diadakan pilihanraya bagi Majlis Mesyuarat Negeri dan Federal. Akuan yang seumpama ini, pada pendapat saya, terlalu longgar kerana di dalamnya tidak mengandungi suatu ketetapan yang boleh dipegang kerana tidak disebutkan bila masanya hendak dijalankan.

Dalam keadaan seperti sekarang ini banyak ahli dalam

Majlis Undangan Federal dan Majlis Mesyuarat Negeri tidak merupakan sebagai wakil rakyat. Kebanyakan daripada mereka ialah orang yang sentiasa bersetuju atau mengiakan (yes man) sahaja. Mereka semata-mata mementingkan diri sendiri, dan orang-orang seperti inilah yang biasanya dilantik oleh pemerintah.

Sekiranya berkekalan keadaan seperti ini dan berlanjutan masanya maka bagaimanakah caranya rakyat boleh percaya kepada kerajaan? Dan kalau tidak ada kepercayaan rakyat kepada kerajaan bagaimanakah boleh hendak menolong menghapuskan keadaan darurat yang kita hadapi sekarang ini? Nyatakan bahawa keadaan seperti ini menjadikan kita semua tidak sempurna dan begitu juga beratus-ratus pemuda kita yang telah terkorban meninggalkan kaum keluarga dengan tidak ada satu sara yang cukup. Kita mestilah tahu dengan tetapnya segala apa jua yang dijalankan dalam Majlis Undangan ini dan segala keputusannya mahulah mendapat bantuan dan sokongan dari segenap lapisan penduduk negeri ini, kata pesuruhjaya tinggi dalam Majlis Undangan itu.

Pada pandangan saya bagaimanakah majlis itu akan mendapat bantuan atau kepercayaan dari rakyat sekiranya wakil-wakil mereka tidak ada di dalam majlis itu. Oleh sebab itu supaya apa yang diputuskan oleh majlis itu mendapat sokongan rakyat maka pilihanraya hendaklah dijalankan dengan segera. Seperkara lagi dalam ucapan pesuruhjaya tinggi yang kita mesti ambil perhatian ialah berkenaan dengan orang-orang yang berhak menjadi rakyat negeri ini. Pesuruhjaya tinggi itu dengan secara bertanya telah berkata: "Apakah caranya untuk mendapatkan lebih banyak lagi orang-orang yang menaruh taat dan kasih kepada negeri ini?"

Cara-cara yang disoal dan ditanya oleh pesuruhjaya itu telah pun disyorkan oleh sebuah jawatankuasa yang menyiasat soal kerakyatan bagi negeri ini. Jawatankuasa itu telah mengesyorkan tiga cara untuk mendapat kerakyatan iaitu yang pertama ialah dengan jalan undang-undang (by operation of law). Yang kedua dengan jalan *naturalization* iaitu meminta kerakyatan menurut syarat-syaratnya. Yang ketiga ialah memberikan kerakyatan kepada orang-orang yang masuk dalam

pasukan tentera atau polis selama tiga tahun berturut-turut atau empat tahun dengan berselang-selang. Inilah cara-cara mendapat kerakyatan yang disyorkan oleh jawatankuasa tersebut.

Tentang syornya yang pertama dan yang kedua itu munasabah juga pada akal, tentang yang ketiga, maka pada pendapat saya, tidaklah boleh diterima sama sekali, sebab tidak pernah dibuat oleh mana-mana negeri menerima orang-orang yang bukan rakyatnya menjadi anggota di dalam pasukan bersenjata. Kita tidak patut menyerahkan kekuatan senjata negeri ini kepada orang-orang yang seumpama itu. Inilah sebabnya yang menjadikan komunis di dalam hutan negeri ini mempunyai senjata. Cara yang ketiga ini wajib kita semua sekali membangkangnya.

Di sini saya menuntut kepada Kerajaan British supaya menyerahkan senjata yang cukup lengkap kepada kita dan orang-orang yang betul hendak menjadi rakyat negeri ini. Kita sanggup menghapuskan pengganas di dalam negeri ini, dengan syarat ada satu janji dan pengakuan yang tetap bahawa manakala darurat tamat, negeri ini diserahkan balik kepada kita semua. Pada masa ini jika tidak dengan pertolongan anak-anak Melayu yang menjaga negeri ini tentulah tidak seorang pun penduduk di dalam negeri ini terutama orang-orang besar dan orang-orang kaya boleh senang dan selamat.

Di sini saya suka mengulang pesanan saya yang dahulu kepada tuan-tuan iaitu adalah menjadi tanggungan yang besar atas UMNO iaitu barang di mana jua pun orang-orang yang menjaga keamanan mendapat kemalangan, hendaklah UMNO memberi peluang dengan apa sahaja yang boleh kepada mereka atau kaum keluarga, kerana dengan pengorbanan mereka inilah yang memberikan kehormatan kepada negeri ini.

Berkenaan dengan orang-orang kita, Melayu, yang di dalam tahanan, maka tuan-tuan tentu ketahui ada beberapa banyak bilangan lagi yang masih ditahan. UMNO tidaklah alpa daripada mencari jalan dan mengambil langkahan untuk membebaskan orang-orang itu. Saya pun telah berunding dengan sultan-sultan supaya baginda-baginda itu menyokong

akan tindakan UMNO ini, dan Duli-duli Yang Maha Mulia pun telah mengaku memberi bantuannya. Baginda Sultan Pahang sendiri bersama-sama dengan Dato' Abdul Razak telah melawat ke tempat tahanan di Ipoh serta memeriksa sendiri akan hal orang-orang yang ditahan itu. Pada masa Tuan Littleton datang melawat negeri ini saya telah kemukakan dan berunding dengannya supaya dengan segeranya dilepaskan orang-orang ini. Saya telah memerintah pejabat setiausaha agung UMNO mengeluarkan surat-surat pekeliling kepada bahagian-bahagian UMNO meminta bahagian-bahagian itu melakukan penyiasatan. Dan hingga sekarang banyak *report-report* dari bahagian-bahagian yang telah saya terima, dan ini akan menyenangkan pekerjaan tentang hal ini. Hingga hari ini sedikit pekerjaan tentang orang-orang tahanan itu dibebaskan.

Saya ada terdengar orang berkata bahawa UMNO hanya mengambil berat atas hal orang-orang UMNO sahaja. Ini adalah tidak benar sama sekali. UMNO didirikan untuk menjaga muslihat bangsa Melayu dan UMNO mestilah mengambil berat dan mengambil tahu akan hal-ehwal orang-orang Melayu sama ada ahli-ahli UMNO ataupun bukan. Pada masa ini kerajaan telah membuat satu rancangan untuk mengadakan satu tempat istimewa untuk menempatkan orang-orang tahanan itu supaya dapat duduk dengan bebas. UMNO telah mencadangkan beberapa orang yang layak untuk menjaga tempat pemulihan itu.

Sementara ini, bulan puasa sudah hampir dan akan diiringi oleh hari raya. Saya berseru kepada tuan-tuan sekalian menjalankan ikhtiar supaya dapat dipungut derma-derma bantuan kepada orang-orang kita yang di dalam tahanan itu. Begitu juga mana-mana yang berhampiran dengan keluarga orang-orang yang ditahan itu hendaklah mengeluarkan bantuan kadar yang patut kepada keluarga orang-orang tahanan, terutama mereka yang daif.

Sekarang tibalah pula bagi saya menyebut dari hal pelajaran anak-anak Melayu. Hal kedudukan pelajaran anak-anak Melayu sangatlah mendukacitakan kerana kebanyakannya setelah lulus sekolah Melayu masih berumur terlalu muda tetapi

tidak ada tempat bagi mereka melanjutkan pelajaran. Oleh itu sangat-sangatlah perlu supaya diadakan dengan serta merta sekolah-sekolah untuk mengajar anak-anak kita bahasa Inggeris dan pelajaran Melayu yang tinggi dan agama Islam yang maha suci supaya dapatlah mereka berpandu dengan pengetahuan-pengetahuan itu. Sekolah-sekolah seperti ini hendaklah dibukakan kepada semua orang dengan tidak mengira apa bangsanya. Saya percaya sekolah-sekolah seperti ini akan mendapat bantuan dan sokongan daripada bangsa-bangsa asing.

Ini adalah satu daripada jalan-jalan yang boleh mengukuhkan perhubungan antara Melayu dengan Cina. Dan jika kita menunggu juga berjalannya Penyata Barnes, maka saya fikir kita akan terlambat. Dan dalam masa menunggu itu apakah yang akan jadi atas anak-anak kita yang semakin hari semakin hilang perasaan gemar hendak belajar. Atas perkara ini saya dengan segala sukacita hendak mengucapkan terima kasih kepada Encik Ali Raya (ketua bahagian UMNO Tangkak) serta rakan-rakannya di Tangkak yang telah mendirikan sekolah Inggeris yang dinamakan "Tengku Mariam English School" dan akan mendirikan beberapa buah sekolah lagi. Kepada setiausaha pelajaran UMNO Kedah saya beri pujian kerana dengan daya upayanya serta dengan bantuan ahli-ahli yang lain telah dapat mendirikan sekolah UMNO di Kedah. Saya ada mendengar juga ada di beberapa tempat yang lain ahli-ahli UMNO bekerja keras untuk mendirikan sekolah-sekolah seperti itu. Saya harap tak lama lagi saya akan mendengar berita-berita yang menyenangkan hati berkenaan hal ini dari bahagian-bahagian UMNO.

Berkenaan dengan tanah simpanan Melayu, saya sukacita kalau dapat bahagian-bahagian UMNO menjalankan penyiasatan dan mencarikan tanah-tanah bagi diuntukkan kepada Melayu. Di sini sekali lagi saya sebutkan nama Encik Ali Raya tentang usahanya bersama-sama lain-lain ahli UMNO bahagiannya yang telah mendapatkan beberapa ekar tanah dan dijadikan sebuah kampung dengan nama "Kampung Melayu Raya". Beginilah yang saya kehendaki, dan sekiranya tuan-tuan boleh khidmatkan diri tuan-tuan, mudah-mudahan

Tuhan akan menolong kita.

Di sini saya dengan sukacita menyatakan kepada majlis ini bahawa selain daripada perjalanan UMNO bertambah-tambah lancar dari semasa ke semasa, ahli-ahlinya bertambah kira-kira 30 000 di dalam masa-masa bulan yang akhir ini. Beberapa bahagian UMNO telah ditubuhkan di beberapa buah negeri dan yang akhir sekali ialah di Singapura, telah ditubuhkan sebuah cawangan yang diketuai oleh Dato' Syed Ahmad Al-Sagoff.

Saya telah menerima penyata daripada bahagian-bahagian UMNO yang menunjukkan bahawa banyak cawangan-cawangan yang baru telah ditubuhkan di merata-rata tempat. Saya percaya bahawa tuan-tuan adalah berserta saya, berasa megah dengan bertambahnya ahli-ahli UMNO dari semasa ke semasa. Tetapi pada fikiran saya kita tidaklah boleh bermegah dengan sebab ahli-ahli UMNO itu bertambah jika tiap-tiap ahli itu tidak menunaikan kewajipan masing-masing.

Seperkara yang suka menarik perhatian tuan-tuan sekalian ialah berkenaan perkara yuran. UMNO adalah bergantung semata-mata kepada yuran ahlinya. Yuran inilah yang menjadikan minyak yang menjalankan jentera UMNO. Dari itu jika ahli-ahli tidak membayar yuran haruslah UMNO menghadapi kesusahan.

Saya tahu ahli-ahli UMNO bukan tidak mahu membayar yuran masing-masing, tetapi barangkali bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan tidak menjalankan kerja dengan teratur untuk mengutipnya. Saya minta dan berharap manakala tuan-tuan balik ke tempat masing-masing adakanlah mesyuarat-mesyuarat untuk memikirkan cara-cara memungut yuran yang menjadi nyawa UMNO ini.

Berkenaan dengan ibu pejabat UMNO, maka hingga masa ini masih bertempat di Johor Bahru. Pada perasaan saya tempat ibu pejabat itu patut diubah dan tempat yang baik sekali ialah di Kuala Lumpur kerana Kuala Lumpur ialah ibu negeri Persekutuan dan letaknya pun di tengah-tengah Semenanjung Tanah Melayu.

UMNO telah menghantar surat kepada kerajaan Selangor, dan di sini saya suka hati menerangkan bahawa de-

ngan pertolongan menteri besar Selangor, Yang Mulia Raja Uda dan limpah rahim Kerajaan Selangor, maka sekeping tanah seluas tiga lot yang letaknya di Batu Road telah diberikan kepada UMNO untuk menjadi tapak ibu pejabat. Rumah ini adalah berdekatan dengan tempat-tempat kediaman orang Melayu di Kuala Lumpur. Dan tempat ini sangat-sangat berharga kerana terletak di tengah-tengah bandar. Kita berasa sangat bertuah mendapat tempat itu.

Rumah dan bangunan yang kita kehendaki itu mahulah berpadanan dengan tempat tersebut dan kedudukannya di tengah-tengah Kuala Lumpur. Ini memerlukan wang, sekurang-kurangnya $200 000. Bagi mendapatkan wang sebanyak itu kita akan mengadakan jualan resit-resit yang bergambar batu bata. Resit-resit itu ada yang berharga 50 sen, ada yang $1.00, ada yang $5.00 dan ada yang $10.00. Jawatankuasa yang dilantik untuk menjalankan pekerjaan ini ialah saya sendiri sebagai pengerusi dan ahli-ahlinya ialah Dato' Yahya, Encik Nasrudin Rais, Encik C.M. Yusof, Dato' Abdul Razak dan Encik Zulkifli. Jadi atau tidak bangunan ibu pejabat UMNO itu adalah bergantung kepada tuan-tuan sekalian. Jika cepat dapat dipungut wang itu cepatlah dibina rumah itu. Pada pendapat saya selagi ibu pejabat UMNO tidak dipindahkan ke ibu kota ini, maka pendirian UMNO kurang cahayanya. Dengan diadakan rumah yang besar ini cahaya UMNO akan bertambah, akan tetapi kekuatan masih kurang lagi kecuali kita semua memenuhi syarat-syarat yang wajib bagi menguat dan mengukuhkannya.

Syarat yang pertama sekali ialah Pemuda UMNO di setengah-setengah tempat masih belum ada lagi Perikatan Pemuda dan di setengah-setengah [tempat] pula ada Perikatan Pemuda tetapi tidak berapa maju. Sekiranya perikatan yang biasa yang kita sebut-sebutkan iaitu pemuda harapan bangsa, yang saya suka menambah lagi yang pemuda pahlawan bangsa, maka dengan keadaan pemuda kita pada hari ini harapan bangsa kita masih kurang lagi. Oleh itu hendaklah tiap-tiap bahagian UMNO memperbaiki Perikatan Pemuda di tempat masing-masing. Saya sangat-sangat suka kerana baru-baru ini di Melaka telah didirikan Perikatan. Saya sukacita

tegaskan lagi bagi mengingatkan tuan-tuan iaitu sekiranya UMNO hendak mencapai kemerdekaan dan hendak maju serta mendapat apa yang dicita-citakan maka Perikatan Pemuda mestilah di-tambah dan diperkukuh.

Apabila rang undang-undang perkhidmatan negara menjadi undang-undang tentulah banyak ahli-ahli Perikatan Pemuda akan masuk berkhidmat dalam mana-mana pasukan bersenjata untuk menjaga keamanan. Dengan ini haruslah banyak pemuda akan susut, tetapi dengan mereka itu mendapat latihan selama dua tahun dalam pasukan-pasukan itu tentulah memberi faedah kepada Perikatan Pemuda akhirnya. Saya tahu pemuda-pemuda kita memang bersedia untuk berkhidmat dalam pasukan-pasukan bersenjata, dan ini akan melekaskan tercapainya keamanan negeri ini. Maka dengan pulihnya keamanan negeri ini akan tercapailah kemerdekaan yang kita cita-citakan itu. Berkenaan dengan kaum ibu, saya nampak pendiriannya masih melah dan mundur. Mana-mana negeri yang menuntut kemerdekaan, kaum ibunya adalah mengambil tempat sebelah menyebelah dengan laki-laki. Tetapi sayang sedikit kerána di sini kesedaran kaum ibu di atas soal kemerdekaan sangat kurang.

Pemudi-pemudi kita masih termalu-malu dan segan silu hendak keluar masuk ke dalam kalangan masyarakat bangsa. Saya berseru kepada ibu-ibu dan bapa-bapa supaya menggalakkan pemudi mengambil bahagian dengan sepenuhnya. Insya-Allah dengan adanya kaum ibu berdiri sebelah menyebelah dengan kaum bapa cita-cita kita akan dapat tercapai dengan lebih cepat.

Hal inilah sahaja saya maklumkan kepada tuan-tuan hari ini.

"M E R D E K A"

---

[1]Bahagian Agama dalam UMNO yang dipimpin oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan telah keluar daripada parti itu dan menubuhkan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS). N.J. Funston, *op. cit.*, hlm 94.

[2]Pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada 16 Februari 1952 merupakan pilihanraya yang pertama di Tanah Melayu. Ter-

dapat 12 kerusi dalam Majlis Perbandaran Kuala Lumpur iaitu bagi kawasan-kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya. Parti-parti yang bertanding ialah IMP (Parti Kemerdekaan Malaya, Parti Perikatan UMNO-MCA, Parti Buruh Selangor, Persatuan Penyewa-penyewa Rumah dan calon bebas). Keputusan pilihanraya itu Parti Perikatan memenangi sembilan kerusi daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Pilihanraya Majlis Perbandaran ini diadakan hasil kelulusan Ordinan Pilihanraya Pihak Berkuasa Tempatan 1950 yang diluluskan menjadi undang-undang pada 1 Januari 1951. Mengikut ordinan ini tanggungjawab meluluskan perlembagaan dan membuat peraturan terserah kepada kerajaan negeri dan Negeri-Negeri Selat. Sultan Selangor telah memperkenankan Perlembagaan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada 27 Mac 1951 dan pada 1 Mei 1951, perlembagaan dan peraturan-peraturan pilihanraya pihak berkuasa tempatan Kuala Lumpur telah diluluskan oleh Majlis Negeri.

[3]"Malayan Army" adalah cadangan untuk menubuhkan askar-askar yang terdiri daripada semua bangsa di Malaya. Akibat mendapat tentangan, namanya diubah kepada "Federation Regiment".

[4]"Malay Regiment" ialah pasukan Askar Melayu Diraja. Pasukan askar yang anggotanya terdiri daripada orang Melayu. Lihat A. Samad Idris, 1983, *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Utusan Sdn. Bhd., hlm 97.

# 9

# BERAKHIRNYA "HIDUP MELAYU"

*(Ucapan perasmian persidangan Perikatan Pemuda UMNO yang diadakan di Seberang Perai pada 12 September 1952)*

Tuan pegawai, ketua Perikatan Pemuda dan wakil-wakil sekalian! Bagi membuka majlis ini saya mengucapkan pada perwakilan selamat datang dan selamat bersidang.

Biasanya persidangan Pemuda ini diadakan terlebih dahulu daripada persidangan tahun majlis mesyuarat agung UMNO, tetapi pada kali ini kita adakan sama sehari dan serentak kerana saya hendak menunjukkan bahawa sangat-sangat mustahak kita membuat persidangan pada kali ini lebih-lebih berseri dan hebat daripada yang sudah-sudah. Sebabnya ialah kerana inilah masa yang penting bagi menentukan nasib UMNO.

Tuan-tuan telah mendengar berita-berita angin yang mengatakan bahawa ada cadangan pihak yang berkuasa hendak memansuhkan Perikatan ini. Berita ini tentulah bukan berita yang kosong sahaja malahan ialah bagaimana kata pepatah orang tua-tua "ada asap sebab ada api dan tak akan dahan bergoyang kalau angin tak bertiup".

Dengan kita berhimpun semua sekali secara besar-besaran pada kali ini ialah kerana kita hendak menunjukkan bahawa kita ini hidup bersama dan mati bersama.

UMNO ini adalah tersusun daripada beberapa anggota

iaitu Perikatan Pemuda, Kaum Ibu dan Kaum Bapa. Salah satu anggota tersebut tidaklah boleh dibubarkan melainkan semua sekali itu akan ikut terbubar. Ketiga-tiga anggota itu telah menjadi sedaging sedarah yang tidak dapat diasing-asingkan melainkan badan itu akan mati.

Hanya saya, pada masa ini, berasa sedikit berat sebab ada di antara anggota-anggota itu lemah. Sekiranya ketiga-tiga anggota itu kuat, maka saya sedikit pun tidak syak yang kita akan dapat mencapai kemerdekaan dengan segera. Perikatan Pemuda yang telah mengubah cogan "Hidup Melayu" kepada "Merdeka", dan juga Pemudalah yang mencadangkan supaya diisytiharkan kerajaan peralihan bagi negeri ini. Di sini saya bertanya iaitu apakah tuan-tuan yakin bahawa Perikatan Pemuda cukup kuat bagi menuntut dan mencapai kemerdekaan itu?

Saya suka menyebutkan di sini bahawa perjalanan UMNO pada masa ini boleh dikatakan baik, tetapi tidak boleh kita katakan kuat. Pertubuhan-pertubuhan siasah yang bertujuan hendak mencapai kemerdekaan hendaklah ia mengadakan kekuatan yang cukup dan tak boleh ia lemah atau kekurangan apa-apa dari sebarang segi.

Selama saya menjadi yang dipertua UMNO saya telah melawat merata-rata tempat di Malaya ini kerana hendak menyiasat dan mengambil tahu akan kekuatan pertubuhan kita ini sambil memberi penerangan berkenaan dengan tuntutan kita dan pendirian UMNO. Pendapat saya daripada penyiasatan itu menunjukkan bahawa pendirian UMNO ini ada tempat-tempatnya yang lemah dan ada pula yang tak ada Perikatan Pemuda langsung. Dengan kelemahan ini bolehkah Perikatan Pemuda ini memimpin UMNO mara ke hadapan?

Saya suka mengulangi kata di sini iaitu UMNO bergantung kepada Pemuda dalam serba perkara. Sekiranya Pemuda kuat, kuatlah UMNO dan sebaliknya jika Pemuda lemah, lemahlah UMNO. Ambillah ingatan atas pesanan saya ini.

Dalam persidangan-persidangan yang telah kita adakan dahulu saya dapati cakapan yang keluar dalam persidangan-persidangan itu berapi-api, tetapi apabila masing-masing balik ke tempatnya api itu pun padam. Kebanyakan daripada

ahli-ahli persidangan apabila selesai persidangan lupalah segala perkara yang terbit dalam persidangan itu. Pada kali ini saya minta daripada tuan-tuan janganlah lagi seperti yang sudah-sudah itu. Semangat yang timbul dalam persidangan ini janganlah hendaknya dibiarkan sejauh dan bawalah balik ke kampung tuan-tuan dan semaikan kepada orang ramai.

UMNO ini bergantung kepada yuran, dan yuran ini kalaupun dibayar semua, tidak mencukupi bagi menjalankan perjuangan UMNO apalagi dengan yuran yang kita pada masa ini yang hanya satu pertiga sahaja. Sebab yang boleh jadi demikian ini ialah kerana bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan hanya menunggu ahli itu datang bayar sendiri.

Tuan-tuan sedia maklum bahawa orang-orang Melayu kita, kalau kita tunggu dia datang bayar sendiri, pakai tak dapatlah kita yurannya. Oleh sebab itu kita mesti mengadakan pasukan-pasukan sukarela untuk mengutip yuran itu. Inilah satu tanggungan pemuda kiranya mereka mempunyai semangat penuh hendak mengorbankan masa dan tenaga untuk menghidupkan pertubuhan kita.

Kepada kaum ibu! Jika kaum ibu sekalian bersetuju hendak menghapuskan adat perkahwinan yang mengeluarkan perbelanjaan yang besar, demikian juga berkenaan dengan kematian, maka saya percaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera kerana kedua-dua perkara ini bergantung kepada kaum ibu semata-mata dan bukan kepada kaum bapa. Tetapi oleh sebab banyak kaum ibu masih berpegang kepada adat yang lama yang tiada sesuai dengan zaman sekarang, maka kaum lelaki terpaksalah menurut sebab hendak mengelakkan pertengkaran atau perkelahian. Dari itu jika kaum ibu sendiri dengan suka hatinya sendiri hendak menghapuskan perkara ini, maka kaum lelaki tentulah bersetuju. Lihatlah orang-orang Cina yang sangat-sangat kuat berpegang kepada adat istiadat berkenaan nikah kahwin dan kematian. Itu pun mereka telah sedar dan telah lama mereka ubah adat-adat itu, melainkan orang-orang Melayu kita sahaja yang masih mengadakan adat istiadat perkahwinan dan kematian itu dengan cara besar-besaran sehingga orang-orang yang tiada mampu pun terikut-ikut menurut adat yang membazir itu. Padahal-

nya kita orang Melayu beragama Islam, dan Islam menegah dengan kuatnya perbelanjaan yang membazir itu. Jika kita bersetuju hendak mengecilkan perbelanjaan tentang nikah kahwin dan kematian itu, maka dapatlah kita cermatkan perbelanjaan dan dapatlah wang itu kita gunakan pada perkara-perkara yang mustahak seperti membantu perbelanjaan anak-anak kita yang miskin yang tiada mampu membayar perbelanjaan sekolah dan membantu anak-anak yatim di atas kehidupan mereka.

Berkenaan menubuhkan Perikatan Pemuda, saya fikir telah sampai masanya kaum ibu kita patut menubuhkan persatuan siasah yang besar iaitu "Persekutuan Wanita" sebagaimana di lain-lain negeri yang berkemajuan di dalam dunia ini. Dengan ini barulah dapat kaum ibu Melayu bertanding dengan kaum-kaum ibu di lain-lain negeri. Dengan adanya "Persekutuan Wanita" ini dapatlah kaum ibu kita masuk di dalam gelanggang politik dan juga dalam lain-lain perkara yang akan memberi kebajikan kepada agama, bangsa dan tanahair kita sebagaimana yang dibuat oleh wanita-wanita Pakistan.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada kaum ibu sekalian yang sudi mendengar ucapan saya ini. Saya menuntut maaf jika kaum-kaum ibu dapati salah silap atau janggal di dalam ucapan saya ini kerana maklumkan, saya ini bukanlah ahli pidato.

Saya berdoa mudah-mudahan Tuhan beri berkat di atas persidangan pada hari ini dan disampaikan segala cita-cita yang dihajati dengan mendapat kejayaan bagi kaum ibu UMNO khasnya dan sekalian kaum ibu Melayu di Persekutuan Tanah Melayu amnya.

Akhirnya dengan nama Allah saya bukakan majlis persidangan ini.

# 10

# DARURAT: PILIHANRAYA DAN MERDEKA

*(Ucapan perasmian persidangan tahun ketujuh majlis mesyuarat agung UMNO di Seberang Perai pada 14 dan 15 September 1952)*

Tuan pengerusi dan wakil-wakil sekalian! Persidangan ini ialah persidangan tahun yang ketujuh bagi pertubuhan kita. Kita mengadakan persidangan ini di Seberang Perai kerana hendak menambahkan seri dan hebatnya. Persidangan-persidangan tahun yang dahulu kerap diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, kerana hendak mencari senang sebab tempat ada dan perkakasnya pun tidak payah mencarinya. Tetapi dengan kesenangan seumpama ini persidangan kita kurang menarik hati dan kurang digemari oleh orang-orang kita. Orang-orang kampung yang menjadi tulang belakang UMNO tidak dapat peluang menyaksikan wakil-wakil mereka bersidang, membahaskan perkara-perkara yang mengenai pertubuhan mereka. Tuan-tuan sendiri dapat menyaksikan pada hari ini, bagaimana bahagian UMNO Seberang Perai telah bersusah payah dan bertitik peluh kerana menyediakan tempat persidangan dan segala keramaian bagi wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati untuk menjadikan persidangan ini lebih-lebih meriah.

Saya cukup tahu semangat orang-orang kita di sini iaitu macam mana berat dan susah sekalipun mereka tidak kira. Se-

mangat yang ada pada mereka sanggup meringankan yang berat dan menyenangkan yang sukar. Syabas! Inilah semangat yang kita suka melihatnya pada semua bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO di seluruh Malaya. Bagi pihak ahli-ahli jawatankuasa kerja agung dan wakil-wakil, saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pengerusi bahagian ini dan ahli-ahli jawatankuasa serta sekalian yang telah berpenat lelah bekerja menyempurnakan majlis persidangan ini.

Biasanya persidangan tahun kita ini diadakan pada bulan Ogos tiap-tiap tahun, tetapi tahun ini terpaksa ditangguhkan hingga hari ini kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan iaitu seperti kedatangan Hari Raya Haji dan lain-lain lagi. Sungguhpun terlambat dari biasa, tetapi persidangan kita bagaimana yang tuan-tuan saksikan adalah ramai dan besar dari yang sudah-sudah. Tambahan pula Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak telah bermurah hati membuka majlis persidangan kita pada kali ini. Kehadiran Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak ini adalah dengan mengorbankan masanya kerana saya sendiri tahu bahawa baginda pada hari ini ada kerja dan ketentuan yang lain. Tetapi sungguhpun begitu baginda telah bermurah hati memberikan kita masanya yang penuh dengan pekerjaan-pekerjaan dan urusan-urusan yang mustahak. Lepas ini baginda terpaksa balik untuk menyempurnakan janjinya. Tuan-tuan tentu menyertai saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

Di sini saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang Dipertua Dato' Abdul Razak[1] dan isterinya, yang anak kepada tuan pengerusi kita kerana perkahwinan yang baru-baru ini dilangsungkan. Kita berdoa moga-moga perkahwinan itu selamat dan kekal selama-lamanya.

Saya suka memberi tahniah kepada Dr. Ismail iaitu orang kuat kita kerana baru pulih daripada sakitnya dan dengan murah hati pesuruhjaya tinggi telah menjadi ahli Majlis Undangan Federal. Saya memberi tahniah juga kepada Encik Sardon, ketua pemuda UMNO yang telah mendapat *scholar-*

*ship* pergi melawat Amerika dan kembali dengan selamatnya. Tidak syak lagi yang Encik Sardon telah mendapat pengalaman yang luas dari lawatannya itu yang akan menjadi faedah yang besar kepada bangsa dan tanahair kita.

## Kemajuan UMNO

Saya suka menyebutkan di sini iaitu perjalanan UMNO pada waktu ini adalah baik, tetapi sungguhpun begitu belum lagi memuaskan hati. Bilangan ahli-ahli UMNO dalam tahun ini ada kurang daripada tahun yang lepas malahan ada bertambah di setengah-setengah bahagian. Tetapi oleh kerana banyak bahagian-bahagian tidak menghantarkan penyata bilangan ahlinya, tidaklah dapat saya sebutkan dengan tepatnya berapa banyak ahli-ahli UMNO yang bertambah pada tahun ini. Bahagian-bahagian UMNO yang bertambah ahlinya pada tahun ini, menurut penyata yang diterima oleh ibu pejabat, ialah bahagian Batu Pahat/Keluang, Tangkak, Ulu Selangor, Kuala Langat, Kelang, Perak, Kedah, Seremban, Kuala Pilah, Pahang Timur, Pahang Selatan dan Seberang Perai.

Dalam tahun ini juga sebuah bahagian baru telah ditubuhkan iaitu bahagian Jelebu. Selain daripada itu beberapa buah cawangan telah bertambah dalam bahagian Kedah, Seberang Perai, Perak, Melaka dan lain-lain.

Saya berharap bahagian-bahagian yang saya tidak sebutkan di sini akan berusaha lebih-lebih lagi supaya memberi kesedaran kepada orang Melayu di tempat masing-masing, dan bahagian-bahagian serta cawangan-cawangan UMNO hendaklah mengemaskan diri supaya UMNO dapat bergerak dengan kuat menuju cita-cita kita. Sekiranya tidak begitu nescaya bangsa dan keturunan kita yang akan datang tak syak lagi akan mendapat kesusahan yang besar, dan juga dengan kelemahan kita sebarang ketetapan yang diambil oleh majlis ini tiada dapat dijalankan.

Pendirian UMNO sekarang, pada pendapat saya, tidak digemari oleh setengah-setengah pihak di negeri ini. Tuan-tuan sendiri telah mendengar berita-berita angin yang mengatakan bahawa Perikatan Pemuda hendak dibubarkan. Benar atau tidak berita ini tidak boleh saya jelaskan di sini, tetapi

menurut pepatah orang tua-tua "tidak berasap kalau tidak ada api, dan tiada angin dahan tiada bergoyang". Di sini ingin saya menegaskan iaitu UMNO adalah tersusun daripada tiga anggota iaitu Pemuda, Kaum Ibu dan Kaum Bapa. Anggota-anggota tersebut tidak boleh bercerai satu dengan lain, kalau diceraikan juga nescaya mati badan Melayu ini. Saya tidak begitu gemar hendak mempercayai berita yang mengatakan kerajaan hendak membubarkan UMNO, tetapi saya bimbang ada di antara pembesar kita yang suka hendak melihat UMNO berpecah dan bersendirian. Dengan jalan ini UMNO dengan sendirinya akan lemah dan mati. Itulah yang pegawai-pegawai UMNO mesti jaga supaya tidak berlaku pecah belah antara kita. Kiranya penyakit itu dibiarkan merebak maka pada akhirnya apa ubat pun tidak akan berguna lagi.

Saya terpaksa mengambil masa yang banyak dalam tahun ini untuk melawat beberapa tempat di dalam Malaya ini kerana memberi penerangan kepada penduduk dan orang ramai di tempat-tempat yang saya lawati itu serta memperkenalkan diri saya kepada orang Melayu. Di mana-mana tempat juga saya melawat, maka saya akan mengadakan perjumpaan beramah-tamah dengan ahli-ahli UMNO di tempat-tempat itu. Dan Alhamdulillah di mana-mana juga saya pergi saya mendapat sambutan yang baik, dan bahagian-bahagian UMNO di situ pun pulih semula. Ini semua memberi galakan kepada saya menjalankan tanggungan saya dengan tidak merasai berat atas diri saya. Kejayaan lawatan-lawatan saya itu adalah menunjukkan dengan terangnya bahawa orang Melayu bukan tak mahu masuk menjadi ahli pertubuhan kita ini ... mereka bukan tak mahu, tetapi mereka kurang faham tujuan kita itu, dari itu mereka duduk diam sahaja. Oleh itu saya suka menasihatkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa kerja bahagian dan cawangan supaya sentiasa berhubung dengan orang ramai di tempat masing-masing.

Korbankanlah masa tuan-tuan sejam dua dalam sebulan, dan insya-Allah tuan-tuan akan dapat menyaksikan kemajuan UMNO di tempat tuan-tuan. Di atas penat lelah tuan-tuan itu Allah juga yang akan membalasnya. Kita tidak mempunyai pegawai-pegawai yang dapat keluar memberi penerangan di

merata-rata tempat oleh sebab kekurangan orang. Maka sebagai gantinya diterbitkan *Suara UMNO* iaitu pada mulanya dua kali sebulan, tetapi sekarang terpaksa diterbitkan sebulan sekali kerana hendak mengurangkan kerja pengarangnya dalam pejabat supaya dia dapat keluar memberi penerangan di merata-rata tempat. Mana-mana bahagian yang berkehendakkan penerangan dari ibu pejabat bolehlah memberitahu dan meminta ibu pejabat menghantarkan pegawai yang hanya seorang itu. Kerja penerangan ini adalah pekerjaan yang perlu bagi pemuda-pemuda membuatnya, keluar merata-rata tempat untuk memberi penerangan bagi faedah umat.

Ada cadangan daripada Encik Ali bin Haji Raya, pengerusi bahagian Tangkak berkehendakkan supaya *Suara UMNO* diterbitkan dalam berbagai-bagai bahasa supaya dapat dibaca oleh lain-lain bangsa dan dengan ini dapatlah mereka mengetahui hal keadaan kita dan cita-cita kita. Di sini saya suka menyebutkan bahawa apa-apa cadangan daripada Encik Ali, saya timbang dengan berat kerana dia seorang yang mengambil berat atas tanggungannya terhadap UMNO. Tetapi sungguhpun begitu amat payah hendak menjalankan cadangan itu pada masa ini. Dalam pada itu kita akan cuba ikhtiarkan supaya perkara-perkara yang penting dalam *Suara UMNO* itu dihimpun dan diterbitkan tiga bulan sekali dalam bahasa Inggeris.

Tuan-tuan mahulah ingat bahawa *Suara UMNO* itu adalah suara tuan-tuan, oleh itu dikehendaki tuan-tuan menyokongnya dengan sepenuh-penuh hati, iaitu dengan menghantarkan rencana-rencana yang penting untuk disiarkan di dalamnya. Selain daripada itu hendaklah tuan-tuan berikhtiar melakukan akhbar kita itu.

## Jawatankuasa untuk Mencari Wang

Dalam masa setahun saya menjadi yang dipertua UMNO saya telah nampak ada satu perkara besar yang saya pandang dan timbang dengan beratnya iaitu soal wang. Wang adalah jiwa bagi tiap-tiap pertubuhan siasah dan sebarang lain pergerakan. Dengan tidak ada wang, sesebuah pertubuhan siasah tiada boleh berjalan dengan sempurna apalagi hendak maju. Oleh

sebab itu hendaklah tuan-tuan faham iaitu badan-badan siasah di England sentiasa berikhtiar dengan apa jalan sekalipun untuk mendapatkan wang. Salah satu daripada caranya mencari wang ialah dengan memberikan pangkat kehormatan kepada ahli-ahli yang dermawan.

UMNO bergantung semata-mata kepada yuran. Maka yuran ini kalaupun ahli-ahli UMNO semuanya menunaikan, tidak juga mencukupi bagi menjalankan kerja-kerja dan tanggungan yang kita wajib sempurnakan. Kita telah berikhtiar hendak mendapatkan wang itu dengan jalan meminta derma daripada ahli-ahli UMNO khasnya dan orang Melayu amnya, tetapi ikhtiar kita itu tidak mendapat hasil. Sebagai satu contoh saya sebut di sini ialah derma Dewan UMNO Malaya, yang hingga hari ini satu peratus daripada apa yang dikehendaki itu pun belum terkumpul lagi. Kita bercadang hendak mendirikan kerajaan sendiri maka adakah munasabah pada pandangan tuan-tuan yang kita ini boleh mendirikannya padahal mendirikan ibu pejabat UMNO di Kuala Lumpur itu pun bukan kepalang susahnya.

Bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO telah mengutip wang dengan berbagai-bagai cara dan jalan yang tidak diluluskan oleh alim ulama dan ikhtiarnya itu telah berjaya dan berhasil. Bahagian-bahagian UMNO itu telah membuat banyak kebajikan dengan adanya wang di tangan mereka. Sebaliknya pula ibu pejabat UMNO tidak dapat menyempurnakan melainkan sedikit sahaja daripada kebajikan am yang wajib ditunaikannya dan yang diharap-harapkan oleh Melayu daripadanya.

Dalam masa hari raya, orang Melayu yang di dalam tahanan telah meminta pertolongan UMNO, tetapi malangnya UMNO tidak dapat sampaikan hajat orang-orang tahanan itu. Akhirnya saya sendiri terpaksa meminta pertolongan daripada MCA[2] dan dapat hadiah sebanyak $2 000.00. Dengan wang inilah kita dapat menghulurkan tangan kita kepada saudara-saudara kita yang di dalam tahanan itu. Demikianlah keadaan di ibu pejabat UMNO dalam soal membuat kebajikan am. Maka dengan keadaan seperti itu bolehkah kita bermegah-megah bahawa kitalah yang memegang teraju bangsa dan me-

melihara nasib bangsa kita dan juga hendak melepaskan bangsa kita daripada cengkaman bangsa asing?

## Orang Melayu dalam Tahanan Darurat

Pada masa ini orang-orang Melayu yang ada di khemah-khemah tahanan darurat ada sebanyak lebih kurang 600 orang, iaitu terbahagi kepada khemah-khemah tahanan Majidee, Ipoh, Keluang dan Morib. Keadaan orang ini sangatlah mendukacitakan kerana kebanyakan mereka itu hanyalah disyaki berhubung dengan pengganas-pengganas atau disyaki menentang polisi kerajaan dan mereka telah pun ditahan bertahun-tahun dengan tidak tentu dosa.

Tetapi Alhamdulillah masa ini telah pun ditubuhkan sebuah jawatankuasa kebajikan orang tahanan Melayu yang mengandungi ahli-ahlinya daripada beberapa buah pertubuhan Melayu. Dengan adanya jawatankuasa tersebut maka ketetapan yang diambil oleh majlis ini dalam persidangan setengah tahun yang lepas ini telah berhasil.

Jawatankuasa ini sungguhpun umur masih terlalu muda tetapi dengan usaha setiausaha dan ahli-ahlinya dapatlah ia memberi pertolongan yang banyak kepada orang-orang tahanan Melayu yang malang itu. Di dalam raya haji ini jawatankuasa tersebut telah menghantar kain baju dan barang-barang makanan kepada mereka itu. Jawatankuasa ini telah menerima bantuan sebanyak $500.00 daripada MCA. Maka dengan wang ini dan derma dari orang Melayu sendiri dapatlah jawatankuasa ini menghiburkan orang-orang tahanan pada hari raya yang mulia itu. Saya percaya iaitu dengan usaha jawatankuasa ini, dapatlah kita menolong orang-orang tahanan Melayu pada masa hadapan. Pertolongan itu bukan sahaja berupa pakaian dan makanan, bahkan kebebasan bagi mereka yang patut dibebaskan.

## Pilihanraya

Satu daripada ketetapan yang majlis ini telah ambil dalam persidangan setengah tahunnya yang lalu ialah menuntut supaya diadakan pilihanraya bagi Majlis-majlis Bandaran, Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Undangan

Federal. Soal pilihanraya ini adalah suatu soal amat mustahak kerana ialah yang menjadi anak tangga kepada kemerdekaan dan ialah satu hak yang mesti ada pada suatu bangsa yang bertamadun. Pada masa ini pemerintah kita belum bercadang untuk mengadakan pilihanraya menurut yang kita kehendaki. Bagi diri kita pun ada kepayahan sedikit tentang soal calon-calon kerana kebanyakan orang-orang Melayu yang boleh menjadi calon semuanya di dalam jawatan kerajaan. Kita berkehendak pertolongan kerajaan membenarkan pegawai-pegawai yang di dalam jawatan itu menjadi calon-calon di dalam pilihanraya, iaitu dengan jalan membenarkan berhenti sementara dari jawatan mereka apabila mereka dipilih menjadi ahli mesyuarat di dalam sebarang majlis. Dengan kerajaan membenarkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya mengambil bahagian dalam pilihanraya, senanglah kita mencalonkan ahli-ahli kita.

## Rancangan Kemerdekaan

Kita telah pun mengambil ketetapan hendak menuntut kemerdekaan Tanah Melayu ini. Soal kemerdekaan adalah satu perkara yang paling besar lagi berat. Kemerdekaan itu bukan boleh dicapai dengan mudah dan bukan boleh didapati dengan berdoa sahaja, malahan hendaklah kita bersungguh-sungguh dan berani mengorbankan tenaga dan segala-gala yang ada pada kita. Kita mesti berusaha dengan sekuat-kuatnya dan pada ketika itu barulah Allah S.W.T. akan kabulkan maksud dan cita-cita kita.

Saya telah menerima banyak pertanyaan iaitu sebab saya belum lagi mengisytiharkan rancangan dan bentuk rupa kemerdekaan yang kita tuntut itu. Maka di sini saya suka menyatakan bahawa rancangan kemerdekaan dan bentuk rupanya itu memang sedia ada tetapi untuk mengisytiharkannya kepada orang ramai adalah berkehendakkan beberapa perkara atau syarat yang mesti ada terlebih dahulu. Saya belum mahu mengisytiharkan bentuk rupa kemerdekaan itu kalau dengan tidak ada persediaan yang lengkap daripada orang-orang kita. Saya tidak mahu mengisytiharkannya kalau lepas diisytiharkan, ia akan dipermain-mainkan.

Saya tidak berkehendak memandaikan diri saya dengan setengah-setengah penganjur yang mengeluarkan berbagai-bagai rancangan kemerdekaan dengan tujuan dan maksud hendak melarikan dan bermegah-megah dengan partinya dalam pasar siasah negeri ini. Saya pandang UMNO ini sebuah pertubuhan kebangsaan yang sangat mulia dan saya tidak akan membuat sesuatu yang boleh merendahkan darjat dan mutunya. Saya memandang UMNO ini sebagai parti yang dikurniakan oleh Allah kepada bangsa Melayu untuk memelihara bangsa kita dan bukan parti permainan untuk ditunjukkan. Selagi teraju UMNO di tangan saya, maka percayalah tuan-tuan, saya tidak akan memburukkan nama UMNO ini kerana UMNO adalah Melayu dan saya yakin iaitu sekiranya bangsa Melayu hendak selamat di dalam dunia ini tidak dapat tiada UMNOlah juga yang akan menyelamatkannya.

Pada pandangan saya iaitu hendaklah kita menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menghalusi rancangan kemerdekaan yang sudah sedia ada itu. Setelah selesai pekerjaan jawatankuasa ini, maka kita bercadang hendak mengajak semua pertubuhan siasah di negeri Melayu ini untuk merundingkan contoh rancangan kita itu. Sesudah itu kita akan persembahkan kepada sultan-sultan supaya mendapat persetujuan.

Inilah tujuan dan jalan yang kita hendak ikuti tetapi lekas atau lambatnya tujuan ini adalah bergantung semata-mata kepada orang-orang Melayu sendiri, dan khasnya ahli-ahli UMNO. Oleh yang demikian itu saya menyeru umat Melayu seluruhnya dan ahli-ahli UMNO khasnya supaya dari hari ini berazam dan mengamalkan cita yang dalam kepada kemerdekaan.

## Kerjasama dengan Kaum Lain

Seperkara yang amat penting untuk kemerdekaan negeri ini ialah bekerjasama[3] dengan lain-lain kaum dan mendapatkan sokongan mereka. Ada di antara orang-orang kita yang berfikir iaitu kaum-kaum yang ada di negeri kita ini hanyalah sebagai kaum asing yang tak berhak. Itu memang benar, tetapi tuan-tuan tentulah faham bahawa orang-orang itu telah berumahtangga dan berakar umbi dalam negeri kita ini.

Maka adakah mereka akan berpuas hati dan berdiam diri menidakkan wujud mereka? Adakah dunia akan memberikan bantuan dan timbang rasa kepada tuntutan kita kiranya kita sendiri tidak bertimbang rasa kepada orang-orang yang menumpang kepada kita? Pada fikiran saya, negeri ini mempunyai kekayaan yang cukup bagi semua penduduknya yang menaruh taat setia yang tidak berbelah bagi kepadanya. Masalah ini bukanlah satu masalah yang patut kita pertengkarkan. Adapun masalah yang penting di hadapan kita ialah soal kemerdekaan, itulah soal yang mustahak sekali bagi kita menumpukan segala perhatian dan usaha kita kepadanya.

Ada satu syarat yang besar sekali untuk membetulkan persefahaman di antara kita dengan lain-lain kaum iaitu kita kehendaki sahabat-sahabat kita memberi pengakuan terlebih dahulu bahawa kita bangsa Melayu ada hak yang utama dalam negeri ini sebagai bumiputeranya yang asal dan mengikut perjanjian-perjanjian yang dahulu dan sekarang yang diperbuat di antara Melayu dengan Inggeris.

Dengan adanya pengakuan ini saya tak nampak langsung sebarang perkara yang boleh mengganggu dan menghalang perjalanan kita ke arah kemerdekaan. Dengan adanya pengakuan ini bukanlah bermakna yang bangsa-bangsa asing itu kita hendak ketepikan pada masa kita mencapai kemerdekaan. Semua penduduk negeri ini yang berhak akan mendapat haknya dengan adil dan akan dapat kesenangannya yang besar. Di dalam masa darurat ini dunia telah ketahui dengan terangnya bahawa beribu-ribu pemuda Melayu telah meninggalkan rumahtangga dan kampung halaman kerana berkhidmat dalam pasukan yang menjaga keselamatan negeri ini, dan kerana hendak memberi sokongan yang sepenuhnya kepada pihak yang berkuasa untuk mengamankan negeri ini. Beribu-ribu pemuda kita telah terkorban dan terbang jiwanya kerana mempertahankan keselamatan negeri ini. Sebabnya mereka itu berbuat demikian ialah kerana mereka merasa bahawa negeri ini negeri dan hak mereka yang tidak ada lainnya lagi.

Saya telah berasa puas hati dengan persahabatan yang telah tumbuh itu, dan MCA sendiri pun telah menunjukkan timbang rasa dan meraikan persahabatan itu dengan mem-

berikan beberapa bantuan dan bercadang hendak memberi lagi bantuan-bantuan yang lebih besar. Pendeknya saya sendiri berasa bahawa persahabatan antara Melayu dengan Cina lepas perang ini tidak pernah menjadi lebih baik daripada yang ada sekarang ini.

## Lawatan Doktor Purcell

Saya telah terkejut ketika saya membaca kenyataan Tuan Littleton, setiausaha Tanah Jajahan British dalam Parlimen dalam bulan Julai yang lalu. Beliau telah berkata:

> Sekiranya British beri kemerdekaan Tanah Melayu esok, maka tempoh enam bulan sahaja akan berlaku pergaduhan di antara kaum-kaum di negeri ini yang belum pernah disaksikan seumpamanya.

Seterusnya beliau menegaskan bahawa kemerdekaan negeri ini tidak boleh diserahkan kepada penduduknya sekurang-kurangnya 30 tahun lagi.

Saya telah mengulas kenyataan Tuan Littleton itu dengan mengatakan bahawa soal kemerdekaan Tanah Melayu ini adalah soal kita dan tidak kena-mengena dengannya (Littleton). Apabila kita telah bersedia, kita akan menuntut. Dengan kenyataan seumpama itu adakah tuan-tuan fikir yang Kerajaan British hendak menyerahkan kemerdekaan negeri ini dengan segera?

Akhbar-akhbar Melayu ketika mengulas kenyataan itu telah berkata bahawa sudah nampak terang bahawa British hendak memerintah negeri ini selama-lamanya. Oleh sebab itulah Tuan Littleton mengeluarkan cakapan yang hendak menakut-nakutkan penduduk negeri ini daripada menuntut kemerdekaan. Dalam pada itu pula Doktor Purcell[4] telah datang dari England dengan tujuan kononnya hendak memperbaiki hubungan Cina dengan Melayu. Ini satu perkara yang menjadikan saya terkejut, kerana saya faham persahabatan antara Cina dengan Melayu sangatlah baik dan belum pernah terjadi seumpamanya lepas perang ini.

Siapakah yang sebenarnya yang mengambil Doktor Purcell itu datang ke mari? Bukankah satu daripada syarat per-

sahabatan kita iaitu sekiranya ada perselisihan faham, maka kita sendiri akan membetulkannya? Apakah yang dikehendaki dengan membawa seorang dari luar negeri yang tidak kena-mengena dengan dua kaum yang bersahabat itu? Kenapa mesti seorang dari luar hendak campur dalam soal kita? Tentang apa perkara yang kita berselisih dan tak mendapat persetujuan? Adakah kedatangan Doktor Purcell itu kerana hendak mengelirukan fikiran orang-orang di England berkenaan kedudukan Cina dengan Melayu di negeri ini supaya menambahkan kuat lagi dalihan Littleton itu? Oleh sebab saya berasa yang kita tidak berselisih faham dengan Cina, maka saya tidak nampak sebab yang mematutkan kita mesti berunding menerusi orang tengah.

Sekiranya orang Cina berasa ada perselisihan yang hendak dibetulkan, silalah datang berunding dengan kita. Saya suka menjemput rombongan daripada pegawai-pegawai MCA yang datang bercakap dalam satu perjumpaan meja bulat dengan pegawai-pegawai UMNO supaya kita dapat ketahui kehendak masing-masing. Dan dalam perjumpaan ini bolehlah orang-orang Cina itu menjemput penasihat-penasihat politiknya bersama-sama, tetapi sekiranya kita hendak berunding dengan orang tengah, maka kita tidak bersetuju kerana kita ada kuasa cukup untuk berunding di antara satu sama lain dengan tidak perlu orang tengah ada di situ.

## Membahagi Hak-hak Siasah dan Iktisad

Tuan Earl of Lostowel di dalam perbahasan di Dewan Pertuanan British di atas perkara Malaya pada 27 Februari 1952, telah berkata bahawa satu perkara yang boleh memperelokkan perhubungan di antara Cina dengan Melayu ialah membahagikan hak masing-masing dengan adil. Umpamanya orang-orang Cina yang ada punya hak yang lebih daripada Melayu kenalah memberikan setengah-setengah haknya itu kepada orang Melayu dan demikian juga Melayu yang ada hak-hak siasah yang lebih kenalah memberikan kepada Cina.

Yang sebenarnya orang Melayu sebagai tuan punya negeri tidak punya apa-apa hak siasah kerana kunci pemerin-

tahan negeri semuanya di tangan Inggeris. Jawatan-jawatan *Malayan Civil Service*[5] sebahagian besar di tangan mereka. Tiba-tiba orang Melayu yang memegang bahagian yang sehabis kecil itu dikehendaki pula berbahagi dengan orang Cina dan lain-lain bangsa. Perkara ini terpulang kepada pertimbangan sultan-sultan, tetapi bagi pihak saya, tidaklah saya nampak sebab-sebab yang menghalang orang yang bukan Melayu yang berhak menjadi rakyat negeri ini daripada memegang jawatan *Civil Service* yang dipegang sekarang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Dan bagi pihak orang Melayu hendaklah ditetapkan untuk mereka lebih banyak jawatan *Civil Service* itu daripada yang ada sekarang ini.

Pada masa ini hanya 42 orang Melayu di dalam jawatan *Civil Service* walhal orang Inggeris ada seramai 240 orang. Berkenaan perkara iktisad adalah bahagian yang besar sekali dalam tangan Inggeris dan Amerika. Menurut Penyata K.E. Mackanzie, *Trade Commissioner* yang diterbitkan di dalam tahun ini adalah modal *company-company* getah, bijih dan lain-lain perniagaan, ada sebanyak 434.2 juta ringgit dipunyai oleh *company-company* yang didaftarkan di dalam Malaya iaitu termasuklah modal Cina, India dan lain-lain. Dan modal *company-company* yang didaftarkan di England ada sebanyak 575.5 juta ringgit yang didaftarkan di Amerika ada sebanyak 467.8 juta ringgit.

Di sini tuan-tuan dapat mengambil faham siapakah yang sebenarnya memegang teraju iktisad di negeri kita ini, dan siapa yang memegang kuasa politiknya.

## Penutup

Bagi menutup ucapan saya ini saya suka ingatkan tuan-tuan sekalian iaitu janganlah tuan-tuan lupa segala yang telah saya sebut daripada awal ucapan saya hingga akhirnya.

Saya tahu bahawa wakil-wakil yang di dalam majlis ini akan menghadapi persidangan kita yang dua hari dengan semangat yang kuat. Dan tuan-tuan sudah tentu akan membahaskan sesuatu perkara itu dengan cukup hangat dan dengan perasaan yang berkobar-kobar. Saya minta daripada tuan-tuan apabila tuan-tuan balik ke tempat tuan-tuan su-

paya tuan-tuan dapat menjangkitkan kepada rakyat jelata di tempat tuan-tuan. Dengan jalan ini saya percaya pertubuhan kita boleh mara ke hadapan, dan orang-orang Melayu mendapat faedah yang besar daripadanya.

Saya menyebutkan lagi bahawa saya sangat-sangat berhajat kepada pertolongan, sokongan dan taat setia daripada pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa kerja bahagian dan cawangan-cawangan UMNO. Kiranya ada tuan-tuan ternampak sesuatu kekurangan pada diri saya hendaklah tuan-tuan memberi pertolongan dengan jalan memberikan kepada saya fikiran-fikiran yang ikhlas. Dan hendaknya janganlah ada di antara kita yang apabila nampak sesuatu yang tidak dipersetujuinya lalu dengan diam-diam menarik dirinya.

Hendaklah tuan-tuan ingat bahawa saya ini samalah juga seperti tuan-tuan iaitu kita ini bekerja di dalam UMNO kerana kita kasihkan bangsa dan tanahair kita. Dari itu saya menyeru tuan-tuan, marilah kita membela nasib bangsa, negara dan agama kita dengan jujur dan ikhlas.

"M E R D E K A"

---

[1]Dato' Abdul Razak lahir pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pahang. Menjadi ketua UMNO pada 1950; timbalan yang dipertua UMNO pada 1951; ahli tidak rasmi Dewan Undangan Persekutuan pada 1951-1955; setiausaha kerajaan Pahang, 1952; pemangku menteri besar Pahang, 1955; dan menjadi menteri pelajaran pada 1955. Beliau turut menyertai rombongan menuntut kemerdekaan ke London pada 1956 dan menjadi menteri pertahanan pada 1957; timbalan perdana menteri, menteri pertahanan, menteri pembangunan negara dan luar bandar, 1959, dan bertanggungjawab menyusun dan meletakkan asas pembangunan negara. Kedua-dua rancangan Malaya yang pertama (1956-1960) dan Rancangan Malaya kedua (1961-1965) memberi peruntukan kepada pembangunan luar bandar. Menjadi perdana menteri pada 22 September 1970 menggantikan Tunku Abdul Rahman. *Watan*, 20-23 Februari 1986, hlm 18.

[2]MCA (Persatuan Cina Malaysia) dahulunya dikenali sebagai Persatuan Cina Tanah Melayu, ditubuhkan pada Februari 1949; yang dipertuanya

adalah seorang Cina Selat, Tan Cheng Lock. MCA mempunyai peranan yang berlainan:

(i) Pada mulanya bersaing hebat dengan komunis untuk mendapatkan perhatian orang Cina.

(ii) Dari segi sosial, mengutip derma untuk menolong menempatkan semula setinggan Cina. Antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam MCA ialah Kolonel H.S. Lee, Leong Yew Koh.

[3]UMNO telah bekerjasama dengan MCA sebagai meningkat perasaan pada masa pilihanraya bandaran tahun 1952. Hasilnya Perikatan menang sembilan daripada 11 kerusi yang dipertandingkan. Kejayaan ini telah medorong MIC bergabung dengan UMNO dan MCA pada tahun 1955 untuk mewujudkan perpaduan sebagai satu syarat untuk menuntut kemerdekaan.

[4]Purcell, V., 1896, menuntut di Bancroft's School dan Cambridge; berkhidmat sebagai pengarah penerangan dan pelindung orang-orang Cina, terlibat dalam Malayan Planning Unit (Unit Perancang Malaya). Dalam BMA berpangkat kolonel, 1945, dan akhirnya menjadi pensyarah sejarah timur jauh di Universiti Cambridge. Stockwell, A.J., *op. cit.*, hlm 181.

[5]*Malayan Civil Service* ialah perkhidmatan pentadbiran Malaya. Sebenarnya semasa pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu, perkhidmatan pentadbiran Malaya dibahagikan kepada dua iaitu MAS dan MCS. MAS ialah *Malay Administrative Service*. Dalam MAS ini pegawai-pegawainya terdiri daripada orang-orang Melayu. Sebenarnya MAS ini sebagai sayap atau pecahan kepada MCS. Jawatan MAS ini hanya diberikan kepada anak orang Melayu yang berketurunan bangsawan sahaja, iaitu raja-raja atau pembesar. Pegawai MAS ini akan dilatih di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Malah untuk menjaga status, sesiapa yang tidak mendapat pendidikan di maktab itu tidak akan dapat memasuki MAS, dan dasar ini hanya diubah pada tahun 1970.

Sementara MCS pula, pegawainya terdiri daripada orang Inggeris sahaja. Walaupun MAS sering dikaitkan dengan MCS namun jurang perbezaan antara mereka jauh, tanggungjawab MCS lebih luas. MAS bertindak sebagai penghubung dengan masyarakat Melayu dan biasanya ditempatkan di pejabat-pejabat daerah yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Melayu.

# 11

# MENGHADAPI RIBUT TAUFAN

*(Ucapan perasmian persidangan agung UMNO Malaya yang diadakan di Melaka pada 4 dan 5 April 1953)*

Tuan pengerusi dan para perwakilan sekalian! Saya percaya bahawa persidangan ini adalah persidangan yang penting sekali dalam sejarah perjuangan kita di dalam lapangan politik. Sebenarnya berjaya atau kecewa UMNO ini terpulang kepada keputusan persidangan ini. Oleh yang demikian kita mengadakan persidangan ini di Melaka dengan tujuan hendak mengambil berkat dan tuah daripada negeri asli Melayu yang berdaulat untuk mengembalikan kedaulatan bangsa Melayu semula sebagai yang dicita-citakan oleh bangsa Melayu hari ini. Ada banyak perkara yang kita bahaskan di dalam persidangan ini. Tetapi yang penting sekali ialah rancangan yang telah kita sediakan di dalam persidangan meja bulat dan di antara UMNO dengan MCA.

Sebelum saya teruskan keterangan-keterangan berkenaan dengan rundingan meja bulat UMNO-MCA itu, maka saya suka menyebutkan di sini akan teguran setengah-setengah pihak yang mengatakan mengapakah UMNO sebelum berunding dengan MCA tidak lebih dahulu berunding dengan pertubuhan Melayu.

Kita memang ada niat yang kuat hendak mencari persefahaman dengan pertubuhan-pertubuhan Melayu, dan kerana niat inilah telah tertubuh sebuah jawatankuasa kebajikan

orang-orang tahanan Melayu dan keluarganya, yang terkandung di dalamnya badan-badan kebangsaan dan agama yang terdiri daripada orang Melayu. Kita bercadang menemui jawatankuasa ini hendak meluaskan perpaduan kita kepada perkara-perkara siasah, bukan setakat perkara-perkara kebajikan sahaja. Tetapi tidak berapa langkah jawatankuasa itu berjalan maka tinggallah wakil-wakil UMNO sahaja yang bekerja. Hanya wakil Persekutuan Kebajikan Islam Selangor yang pernah hadir dalam mesyuarat jawatankuasa ini.

Dan orang-orang yang tidak mewakili mana-mana parti dalam jawatankuasa itu pada hari ini telah terus menjadi ahli UMNO. Oleh sebab inilah kita tak nampak ada badan-badan siasah Melayu yang suka hendak mengambil bahagian dalam pergerakan dan perjuangan kebangsaan kerana menuntut kemerdekaan. Sedangkan perkara kebajikan yang fardu ain atau tiap-tiap seorang Islam itu pun mereka tak mahu bekerjasama, apatah lagi di dalam lain-lain perkara. Pada masa ini UMNO akan meneruskan usaha-usahanya bekerjasama dengan MCA tetapi apabila UMNO menganjurkan kongres am kelak, maka UMNO akan memanggil semua pertubuhan-pertubuhan kecil itu berserta dengan parti-parti yang lain.

Berkenaan dengan persidangan meja bulat itu kita telah mengambil banyak masa dan menimbangkan dengan beratnya segala apa yang dibincangkan. Rombongan UMNO serta juga MCA ketika hendak memulakan persidangan meja bulat itu terlebih dahulu telah mengaku bahawa kita sedar bahawa kaum Cina dan Melayu adalah menumpukan taat setia kepada negeri ini. Dan kami telah masuk ke dalam perundingan itu dengan satu perasaan dan tujuan iaitu hendak memperelokkan kedudukan bangsa-bangsa yang ada di sini dan mencapai kesenangan bagi penduduk negeri ini dan bagi turun-temurunnya serta hidup dengan aman sentosa selama-lamanya. Kita telah menetapkan hendak mencari jalan dengan seberapa daya upaya untuk mencapai kemerdekaan bagi negeri ini. Dan kita mengaku hendak mencurahkan apa-apa yang ada di dalam hati kita dengan tiada sembunyi menyembunyi lagi. Orang-orang Cina telah faham di atas kebimbangan dan ketakutan orang Melayu terhadap nasibnya di dalam perkara-

perkara ekonomi, politik dan pelajaran. Bagi pihak Cina juga menaruh bimbang berkenaan dengan hal politik. Mereka itu menerangkan bahawa mereka bukanlah berkehendak mendapat kelebihan dalam politik, tetapi sungguhpun begitu mereka berkehendak sedikit kuasa di dalam pentadbiran politik yang tidak kurang daripada yang ada sekarang untuk memelihara nasib bangsa mereka. Dato' Sir Tan Cheng Lock[1] telah menzahirkan dengan jelasnya bahawa kekayaan negeri ini bukanlah di dalam tangan Cina sahaja, tetapi diperiksa dan dihalusi ternampaklah dengan terang bahawa ekonomi negeri ini ada di dalam tangan British dan Amerika, dan hanyalah satu bakinya sahaja yang ada di dalam tangan Cina dan ia memberi akuan yang mereka sentiasa hendak menyokong orang-orang Melayu supaya kedudukan ekonomi Melayu diperelokkan.

Bagi pihak kita pula telah menerangkan bahawa kita sangat bimbang atas kedudukan orang Melayu pada masa hadapan kerana kehidupan kita nampaknya makin sehari makin buruk, dan untuk memelihara bangsa kita ini kita mestilah mengambil bahagian yang besar di dalam pemerintahan negeri ini. Satu daripada cara-cara hendak mengambil bahagian itu ialah rakyat jelata mesti mempunyai suara di dalam pentadbiran negeri. Bagi hendak mendapatkan suara itu hendaklah rakyat jelata diberi kuasa memilih wakilnya untuk menduduki kerusi-kerusi di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Kita telah bersetuju dengan MCA di dalam perjuangan untuk mendapatkan kerusi-kerusi di dalam majlis-majlis *Town Council* dan *Municipal*, dan telah berjaya. Dengan sebab itu kita berkehendak lagi kerjasama mereka itu di dalam perjuangan kita untuk mencapai kerusi-kerusi di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal, iaitu perjuangan yang lebih besar yang akan menentukan nasib bangsa kita, dan juga akan membawa keelokan tali persahabatan antara Cina dan Melayu pada masa hadapan.

Atas sebab-sebab yang demikian itu maka wakil-wakil UMNO dalam perundingan itu telah mengaku akan mendengar dan menerima apa-apa yang dikeluarkan oleh pihak

Cina yang berpatutan. Dan kita menyatakan kepada mereka iaitu apa-apa yang kita bincangkan itu belumlah boleh dijadikan keputusan yang muktamad kerana kita ini hanya menerima amanat daripada orang Melayu. Oleh itu semua yang dipersetujui dalam persidangan meja bulat ini akan dibentangkan untuk mengambil persetujuan majlis mesyuarat agung ini.

Sekarang ini apa-apa yang telah kita rundingkan dengan orang-orang Cina itu terpulanglah kepada majlis ini menimbangkan sama ada baik atau buruknya dan sama ada hendak diterima atau tidak. Tatkala tuan-tuan menimbangkan perkara-perkara itu janganlah tuan-tuan lupa bahawa yang berunding ini ialah dua bangsa iaitu Cina dan Melayu dan tak dapat tidak dua-dua bangsa seboleh-bolehnya hendak mencari jalan untuk memelihara muslihat bangsa masing-masing. Yang demikian tidaklah boleh kita mendapatkan persetujuan atas sesuatu perkara melainkan ialah dengan ada bertolak ansur di antara dua pihak.

Kita pun mengetahui tiada munasabah pada akal orang Cina ataupun India dengan sekaligus sahaja boleh mempunyai perasaan kewarganegaraan Malaya dengan sepenuhnya. Perasaan ini tiada boleh didapati melainkan dengan mengambil masa yang panjang. Pada waktu itu perasaan mereka hanyalah hendak menumpang hidup dan mencari kesenangan bukan untuk mereka sahaja tetapi turun-temurun juga.

Oleh yang demikian apa yang kita hendak susun di dalam rancangan perjuangan kita hendaklah kita timbangkan dengan adil dan bersesuaian dengan pihak yang lain juga. Dan janganlah kita memikirkan untuk kita sahaja. Berkenaan dengan pilihanraya tiada apa-apa perubahan yang besar di dalam kedudukan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal itu. Hanya ahli-ahli yang bukan rasmi semuanya hendaklah dipilih oleh rakyat jelata menurut dasar demokrasi. Bagi menepati tujuan ini kita bagi pihak UMNO telah menyediakan rancangan bagaimana yang ada di hadapan tuan-tuan ini.

Kita telah mengambil masa yang panjang bagi menyusun dan menyediakan rancangan ini. Setelah siap barulah kita kemukakan kepada pihak Cina itu dan mengadakan rundingan

berkenaan dengannya. Di dalam persidangan meja bulat itu pihak MCA telah menerima rancangan ini dengan tiada apa-apa perubahan. Hanya mereka meminta supaya syarat-syarat bagi orang-orang yang boleh mengundi itu hendaklah menurut seperti syarat-syarat yang terkandung di dalam pilihanraya pertama di Kuala Lumpur iaitu:

(i) Rakyat Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu.
(ii) Rakyat Persekutuan Tanah Melayu.
(iii) Orang-orang yang diperanakkan di mana-mana tempat di dalam Persekutuan Tanah Melayu yang tinggal di negeri ini dengan tiada berubah pindah selama lima tahun.
(iv) Rakyat British yang diperanakkan di Singapura dan tinggal di Persekutuan Tanah Melayu selama lima tatahun.

Menurut bab yang ketujuh orang-orang yang berhak menjadi calon ialah terhad kepada rakyat raja dan rakyat Persekutuan yang telah mendaftarkan namanya sebagai pengundi.

Saya percaya rancangan ini akan mendapat sambutan yang baik daripada tuan-tuan sekalian melainkan tentang bab 4 pecahan (iii) di atas ini sahaja. Banyak wakil tertu berasa bimbang kerana berolehnya peluang yang luas ini harus bangsa-bangsa asing dapat banyak pengundi. Tentang ini saya suka peringatkan tuan-tuan sekalian iaitu kawasan untuk memilih calon bagi Majlis Undangan ini akan dipecah kepada banyak kawasan dan di sini tentu sekali Melayu tidak akan ketinggalan. Perhatikanlah pilihanraya yang telah diadakan di dalam tujuh buah daerah sekarang ini, kita dapati jumlah orang Melayu yang telah terpilih ada sebanyak 34 orang dan lain-lain bangsa 29 orang. Bagi pilihanraya Majlis Undangan Federal adalah dikehendaki 44 orang ahli yang dipilih oleh orang ramai dan di dalam pilihanraya ini saya percaya Perikatan[2] tentu boleh mencapai kejayaan.

Sekiranya kita tutupkan peluang dan hak-hak mengundi kepada orang-orang bukan Melayu itu, dan sekiranya kita sediakan suatu rancangan baru yang banyak berlainan daripada apa yang ada sekarang yang akan mengatakan sama sekali ke-

dudukan Majlis Undangan Federal dan kuasa pesuruhjaya tinggi di dalamnya, nescaya bangsa asing dan pihak yang berkuasa tidak akan bersetuju diadakan pilihanraya pada tahun 1954, dan sekiranya pilihanraya itu tiada dapat diadakan pada tahun 1954 maka terpaksa kita menunggu sehingga tahun 1957 sebab ahli-ahli yang baru di dalam majlis itu akan dilantik pada tahun 1954 untuk selama tiga tahun. Yang demikian tak dapat hendak diadakan pilihanraya dahulu daripada tahun 1954.

Jawatankuasa kerja agung UMNO telah menimbangkan hal ini dengan sehalus-halus timbangan dan mereka berpendapat sekiranya kita berani berjuang kerana mencapai kemerdekaan mestilah kita berani menerima syarat ini. Inilah satu daripada pengorbanan yang dikehendaki daripada orang-orang Melayu sekiranya orang Melayu hendak mencapai kemerdekaan dengan cara perlembagaan.

Hendaklah kita ingat bahawa kemerdekaan yang kita tuntut itu ialah tuntut dari tangan British. Dan bagi mencapainya untuk perlu kepada bantuan daripada segala bangsa penduduk yang taat setia kepada negara. Sekiranya kita tidak hendak memberi faedah kepada mereka, adakah tuan-tuan fikir munasabah pada akal yang mereka itu akan memberi bantuan dan sokongan kepada kita?

Setengah-setengah orang akan berkata: kita terlepas dari mulut harimau masuk ke mulut buaya. Jikalau ada perasaan seumpama ini iaitu takut kepada orang itu dan bimbang kepada orang ini, maka lebih baik jangan kita bercita-cita hendak merdeka. Tiap-tiap perjuangan kerana kemerdekaan tetap ada bahayanya. Sekiranya suatu bangsa itu berani tanggung dan hadap bahaya itu barulah layak bangsa itu menerima kemerdekaan. Hal ini terpulang kepada tuan-tuan menimbangkan sama ada hendak menerima atau tidak rancangan ini. Sekiranya tuan-tuan tidak terima tentu sekali kita tidak dapat adakan pilihanraya itu. Pada fikiran saya tak ada sebab tuan-tuan hendak menaruh ketakutan kerana tuan-tuan sekalian telah menerima syarat-syarat yang seumpama ini di dalam pilihanraya bagi *Town Council* dan *Municipal Council.* Tuan-tuan harus masih ingat iaitu pada suatu masa di Kuala Lum-

pur, seorang daripada ahli Majlis *Municipal* daripada parti IMP telah bercadang hendak membuka syarat-syarat dan hak mengundi dengan luasnya kepada orang-orang yang duduk lima tahun dalam Persekutuan, tetapi ahli-ahli UMNO-MCA telah membangkang cadangan ini, dan tetaplah hak mengundi itu bagaimana yang ada inilah sahaja.

Kita berkehendak kemerdekaan dengan secepat mungkin. Oleh itu tangga pertama bagi kemerdekaan itu hendaklah kita adakan secepat mungkin juga. Tetapi dengan tiba-tiba Dato' Menteri Besar Perak telah membayangkan di dalam surat sulitnya yang dihantarkannya kepada rakan-rakannya, katanya kita belum sedia hendak mengadakan pilihanraya bagi Majlis Undangan Federal melainkan dalam tahun 1956 dan 1957 secepat-cepatnya.

Perbuatan menteri besar Perak itu adalah berlawanan dengan tujuan perjuangan kita ini. Dan juga di dalam suratnya itu ia telah menghasut ahli-ahli UMNO supaya masuk ke dalam parti baru[3] yang ditubuhkannya itu. Dia telah menyifatkan UMNO ini sebagai sebuah parti perkauman untuk bangsa Melayu sahaja. Perbuatan itu saya sifatkan sebagai perbuatan khianat terhadap pertubuhan kebangsaan yang ia sendiri menjadi seorang pegawai yang bertanggungjawab di dalamnya. Saya masih ingat pengakuannya tatkala ia menerima pengerusi UMNO Perak: ia berkata ia akan berkhidmat dan memajukan UMNO di Perak. Tetapi yang sebenarnya ia masuk ke dalam UMNO itu ialah dengan tujuan semata-mata hendak merosakkan UMNO dari dalam. Kita ketahui iaitu pada mula-mulanya ia telah mencuba hendak menceraikan UMNO bahagian Perak daripada UMNO Malaya, tetapi ia kecewa. Ahli-ahli UMNO di Perak berdiri teguh di belakang UMNO. Sekarang ia mencuba lagi hendak melakukan perbuatan khianatnya itu. Atas perbuatannya itu kita terpaksa mengambil tindakan menjalankan disiplin ke atasnya sekalipun tindakan kita boleh mendatangkan suatu akibat yang tiada digemari atas UMNO bahagian Perak. Kewajipan kita ialah untuk menyelamatkan UMNO seluruhnya supaya dapat kita menyempurnakan amanah yang ditanggungkan ke atas kita oleh rakyat jelata.

Berkenaan dengan rundingan meja bulat, maka apa yang kita bincangkan kita sulitkan. Tetapi oleh sebab akhbar-akhbar kita sentiasa menuduh kita dengan berbagai-bagai tuduhan kerana merahsiakan perkara-perkara yang dirundingkan itu, akhirnya kita pun mengeluarkan kenyataan kepada akhbar-akhbar itu yang mengatakan bahawa kita berkehendak supaya diadakan pilihanraya pada tahun 1954 dan juga tujuan kita hendak mengadakan satu persidangan yang rasmi di antara semua bangsa dan pertubuhan-pertubuhan politik pada awal bulan Mei 1953.

Dengan terzahirnya kenyataan kita itu, maka suatu kumpulan yang terkandung di dalamnya pembesar-pembesar negeri dan orang-orang yang terkemuka dalam parti IMP telah terkejut dan mereka pun dengan tiada menyediakan sebarang rancangan telah memanggil suatu persidangan[4] rasmi pada 27 April 1953 iaitu persidangan di antara kaum-kaum serta parti-parti politik sebagaimana yang kita bercadang hendak adakan itu. Apa maksud dan tujuan mereka mengadakan persidangan itu tidaklah kita ketahui, tetapi kita berasa yang tujuan mereka ialah hendak menghalang perjumpaan yang kita cadangkan itu dan hendak melambatkan pilihanraya Federal. Mereka telah menganjurkan dengan gopoh-gapah persidangan itu sebelum mereka sempat menyediakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang hendak dirundingkan itu.

Penaja-penaja persidangan 27 April itu termasuk di dalamnya tujuh orang menteri besar dan orang-orang yang ternama di dalam negeri ini. Tetapi tiada seorang pun di antara mereka yang mewakili mana-mana pertubuhan siasah negeri ini. Dari sini tuan-tuan dapat mengetahui bagaimana mereka menaruh bimbang di atas pilihanraya yang kita kehendaki itu dengan kumpulan orang-orang seperti yang tersebut itu. Kita boleh mengagak apa kuasa dan siapa yang ada di belakang penghasut mereka itu mengadakan perjumpaan.

Kerajaan British pun tentu tidak suka diadakan pilihanraya Federal kerana dengan adanya pilihanraya itu bererti bertambah dekat kita kepada kemerdekaan. Kita tidak berasa hairan yang menteri besar Kedah yang selama ini tiada pernah mengambil bahagian dalam politik, tiba-tiba sekarang berse-

tuju dan bersefahaman di dalam perkara ini dengan Dato' Onn.

Satu perkara yang kita semua ketahui iaitu pembesar-pembesar Melayu telah mengasingkan diri daripada rakyat jelata. Dan seperkara lagi yang semua orang ketahui ialah UMNO ini tiada mendapat sokongan daripada pembesar-pembesar, bahkan UMNO ini bertulangbelakangkan rakyat jelata sahaja. Sekarang ini telah nyata satu garisan telah terletak di tengah-tengah, mengasingkan rakyat daripada pembesar-pembesar itu. Dan di samping pembesar-pembesar itu, berdiri barisan Kerajaan British, Kerajaan Melayu dan hartawan-hartawan dalam negeri ini.

Perjuangan kita telah pun dimulakan dan bersedialah kita untuk menghadapi segala ribut taufan yang di hadapan kita. Inilah maknanya yang saya katakan masa yang sangat penting. Maka dapat atau tidak kita menghadapi ribut atau taufan itu terpulanglah kepada tuan-tuan sekalian. Sekiranya tuan ada iman yang tetap dan semangat berjuang nescaya kita menghadapi segala mara bahaya dan menanggung segala azab dan penderitaan yang harus menimpa atas kita sekalian.

Saya percaya ahli-ahli kita daripada pegawai-pegawai kerajaan akan menghadapi banyak kesusahan. Mereka akan ditindas dengan berbagai-bagai rupa tentang kenaikan pangkat, jawatan dan pekerjaan mereka kerana kerajaan negeri Melayu, kecuali Pahang dan Perlis, akan menentang UMNO, dan seboleh-bolehnya hendak menghapuskan UMNO ini dengan kuasa yang ada di tangan mereka. Mereka mempunyai kuasa dan kita hanya semata-mata mempunyai semangat perjuangan dan kepercayaan di atas kebenaran kita.

Saya suka membayangkan perkara-perkara yang saya nampak harus berlaku ke atas UMNO kelak. Sekiranya seorang daripada menteri-menteri besar itu berasa sakit di atas sebarang tindakan yang akan dibuat oleh UMNO ke atasnya harus dia membalas dendamnya ke atas UMNO dengan mengambil sokongan pembesar-pembesar yang mulutnya masin, yang memang tak bersetuju dengan dasar UMNO sekarang. Orang-orang ini akan menghasut pemerintah supaya mengeluarkan perintah yang akan menghalang dan menyatakan per-

jalanan UMNO pada segenap liku, simpang dan penjuru jalan sehingga akhirnya kita terlatah lalu bertindak dan melakukan satu perbuatan yang tiada digemari. Dan ketika itu UMNO pun diharamkan. Oleh itu apa juga yang harus ditimpakan ke atas kita janganlah kita terkejut dan latah, terima dengan sabar dan berani. Ingat, tuntutan kita adalah halal dan perjuangan kita ialah secara perlembagaan. Kita berserah kepada Allah Subhanahu Wa Taala supaya ditunjukkan jalan yang betul seperti yang kita sentiasa berseru kepada-Nya di dalam surah Al-Fatihah.

Masa tersiarnya berita berkenaan dengan persidangan anjuran menteri-menteri besar itu sangat tertarik hati melihat sambutan ahli-ahli UMNO di atas perkara ini yang sungguhpun perbuatan itu ditujukan untuk menentang kita dan merosakkan perjuangan kita, tetapi tiap-tiap sebuah bahagian dan tiap-tiap seorang ahli UMNO tidak mengeluarkan sepatah kata pun melainkan menunggu perintah daripada saya yang terbit dari majlis ini. Di atas taat setia ahli-ahli kita sekalian saya berasa megah, dan ini menunjukkan bahawa orang-orang kita mempunyai sifat perjuangan dan sifat tahu berketua.

Janganlah tuan-tuan hairan di atas perbuatan orang-orang itu kerana mereka itu hanya mempunyai pangkat dan nama serta kemuliaan, tetapi tidak mempunyai pengikut-pengikut. Dari itu sekiranya ada pilihanraya tetap dan tentu sekali inilah mereka tiada bersetuju sama sekali diadakan pilihanraya.

Saya dapati Dato' Onn telah menyediakan satu peta untuk mengadakan perubahan-perubahan di dalam Majlis Undangan Federal, dan petanya itu sesuai dengan kehendak rakan-rakannya. Menurut petanya itu kerusi-kerusi di dalam Majlis Undangan Federal hendaklah diisikan dengan orang-orang dari kawasan di dalam tiap-tiap negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat. Peta atau rancangan itu hanya berlainan dengan rancangan kita pada satu perkara sahaja iaitu orang-orang yang hendak menduduki kerusi-kerusi itu tiada dipilih oleh rakyat jelata bahkan dilantik oleh pesuruhjaya tinggi.

Tuduhan-tuduhan yang mengatakan perjuangan UMNO dan MCA hanya untuk kepentingan dua puak besar sahaja

adalah tidak betul. Jika begitu tujuan kita tentulah kita tidak mahu menjemput pertubuhan-pertubuhan politik yang lain ke persidangan yang kita bercadang hendak adakan itu. Jika kita ini satu parti politik perkauman yang sempit tentu sekali kita tidak anjurkan suatu rancangan yang memberi peluang besar kepada semua orang yang diperanakkan di sini hendak mengundi. Sebaliknya jika perbuatan penaja-penaja itu suatu perbuatan yang ikhlas tentulah mereka akan menunggu persidangan yang kita adakan itu dan masuk mengambil bahagian bersama-sama di dalamnya.

Dengan sebab perbuatan mereka itu kita sekarang di dalam keadaan terharu dan serba salah. Jikalau kita tak hadir di dalam persidangan anjuran mereka, maka mereka akan menuduh kita tidak mahu bekerjasama dan bermuafakat untuk menyelamatkan Tanah Melayu. Mereka akan berkata tak ada sebab yang patut kita mengadakan satu persidangan asing. Sekiranya kita hadir dengan syarat yang mereka berikan kepada kita iaitu kita hanya boleh menghantar dua orang wakil sahaja, jatuhlah maruah kita sebagai sebuah pertubuhan yang besar. Dan kalau kita hadir menurut syarat ini tak ada satu perkara pun yang boleh kita majukan di dalam persidangan itu. Yang demikian saya berpendapat iaitu patut kita mengadakan syarat-syarat sebelum kita hadir menyertai persidangan itu. Syarat kita itu hendaklah munasabah dan berpadanan dengan banyaknya ahli-ahli kita dan kehormatan pertubuhan kita. Perkara ini saya pulangkan bagi timbangan tuan-tuan.

Di dalam ucapan Dato' Onn baru-baru ini, ia telah memburuk-burukkan pendirian MCA dengan tujuan hendak membangkitkan kemarahan dan kebencian orang Melayu kepada orang Cina. Sekiranya berbangkit kemarahan itu tentu persahabatan antara dua bangsa ini tak dapat berjalan. Dan dengan hal yang demikian ini pilihanraya serta kongres yang kita cadangkan itu tiada dapat dijalankan. Bahkan kemerdekaan yang kita cita-citakan itu pun tidak dapat dicapai dengan jalan perlembagaan.

Saya berasa ajaib bahawa seorang yang terkemuka dan berjawatan "menteri dalam negeri" boleh mengeluarkan fikiran yang penuh dengan perasaan seumpama itu. Saya hairan

bagaimana orang yang macam ini ada hati hendak menyatukan bangsa-bangsa dalam negeri ini. Dengan tidak secara bertingkat-tingkat bolehkah dia menyatukan bangsa-bangsa itu? Beliau telah cuba menubuhkan IMP yang kononnya telah mengandungi semua orang-orang yang berperasaan Malayan, akan tetapi parti itu telah kecewa. Sebagaimana pepatah Inggeris "Rom tidak dibina dalam sehari", begitu juga halnya dengan cadangan-cadangan hendak membina satu bangsa Malayan iaitu tiada boleh dibuat dalam sehari. Dan selagi ada satu pihak asing yang memerintah negeri ini, maka selama itulah tak dapat disatukan bangsa-bangsa penduduk negeri ini.

Bagi pihak kita yang bercita-cita hendak merdeka dan bercita-cita hendak membetulkan kedudukan kita dengan bangsa-bangsa asing, kita akan cuba dengan seberapa daya upaya kita menarik hati orang-orang Cina supaya tetap taat setia mereka kepada negeri ini. Oleh sebab itu satu daripada ketetapan yang kita hendak ambil dalam majlis ini ialah mempersetujukan keputusan rundingan meja bulat UMNO-MCA iaitu mengadakan perhubungan dengan segala peringkat dari bawah hingga ke atas. Saya harap dengan adanya perhubungan ini perasaan kedua-dua bangsa terhadap satu dengan lain boleh jadi dan betul. Kita tahu baik-baik bahawa orang-orang yang diperanakkan di sini dan yang berumahtangga dan berharta benda di sini, mereka itu berazam hendak tinggal di sini dengan tetapnya. Dan tidak patut dan tidak berkuasa kita menghalaukan mereka keluar dari negeri ini. Sebab itulah mesti kita duduk bermuafakat dan berbaik-baik.

Sebaliknya pihak yang mengatakan Cina hendak menjadikan Malaya ini sebuah daripada jajahan negeri China tidak membuat sesuatu apa pun untuk menahan apa yang dikatakan muslihat Cina itu atau mencuba hendak mengubah perasaan Cina itu. Sekiranya benar ada perasaan seumpama yang dikatakan itu pada orang-orang Cina, bukanlah baik kita tarik mereka itu ke sebelah kita? Menjerit-jerit itu senang tetapi yang susah ialah hendak berusaha dan bekerja dengan membetulkan sesuatu perkara itu.

Seperkara lagi ialah Dato' Onn tak kenal kepada bangsanya sendiri. Janganlah sifatkan orang-orang Melayu sebagai

lembu yang membenarkan barang siapa mencucuk hidungnya. Kita memang sedar kedudukan dan hal-ehwal negeri kita ini. Kalau kita tak bersetuju membenarkan sebuah kerajaan yang adil seperti British memerintah kita, masakan kita begitu bodoh hendak membenarkan sebarang kerajaan lain memerintah kita.

Saya suka hendak memberitahu kepada tuan-tuan supaya tuan-tuan faham betul-betul bahawa peperangan melawan komunis itu sedang hampir tamat. Dan saya berperasaan suatu pencerobohan menentang gerakan kebangsaan ini akan dilakukan pula. Tindakan-tindakan telah ternampak dengan perbuatan-perbuatan menteri-menteri besar yang telah bersatu padu dengan orang-orang hartawan dan pihak yang berkuasa untuk menentang kita di dalam lapangan politik. Sungguhpun begitu janganlah kita takut kerana perjuangan kita ini ialah perjuangan yang halal dan apa-apa gerakan yang kita lancarkan pun adalah sesuai dengan undang-undang dan dasar demokrasi. Pertubuhan kita ini adalah sebuah pertubuhan yang halal dan ditubuhkan dengan tujuan yang halal.

Ingatlah pada suatu masa dahulu, Kerajaan British telah bercadang hendak mengadakan suatu perubahan besar dalam pemerintahan negeri ini. Orang-orang Melayu yang bersifat lemah dan daif telah memohon kepada Allah S.W.T. supaya dengan limpah rahmat-Nya memberi suatu pertolongan kepada hamba-Nya supaya hamba-Nya itu dapat menolakkan segala mara bahaya yang terhadap kepadanya. Begitulah Tuhan telah menurunkan rahmat-Nya kepada orang Melayu iaitu dengan menaruhkan dalam hati mereka berpadu. Dan dengan perpaduan kita di bawah panji-panji UMNO ini, dapat kita menghapuskan dari segala mara bahaya yang menimpa kita pada masa itu.

Di dalam sedikit masa ini orang-orang Melayu telah sedar bahawa nasib bangsanya itu semakin hari semakin buruk. Dan roh di dalam badan kita telah memohon kepada Allah S.W.T. dan Allah S.W.T. pun kabulkan doa kita itu dengan menggerakkan hati kita bagi menuntut dan mencapaikan kemerdekaan dengan segera. Kita yakin merdeka inilah sahaja yang boleh menyelamatkan bangsa kita.

Banyak daripada pembesar-pembesar kita telah lari meninggalkan kita kerana tidak berani menanggung tanggungan yang amat berat dan berbahaya. Ada juga setengah daripada ahli-ahli kita yang menunggu di dalam pertubuhan kita ini sentiasa menyebut merdeka, tetapi pada mulutnya sahaja bukan pada hatinya. Ada juga ahli-ahli kita yang berkehendak merdeka, tetapi apabila kita tunjuk jalan bagaimana boleh mencapai kemerdekaan dan baru separuh jalan sahaja mereka tempuh mereka telah naik takut lalu berpatah balik kepada keadaan perjuangan "Hidup Melayu" dahulu itu. Ada pula sebahagian lain, mereka ini berkehendakkan kemerdekaan tetapi mereka hanya duduk diam di tempatnya sambil berharap-harap yang merdeka itu akan terhidang dengan sendirinya di hadapan mereka.

Tuan-tuan hendaklah ingat bahawa merdeka bukanlah suatu benda yang mudah didapati. Untuk mendapatkannya dikehendaki pengorbanan yang sebesar-besarnya. Dengan sebab itulah kita mesti berkorban bukan sahaja wang ringgit dan usaha tenaga bahkan jiwa kita sendiri juga.

Merdeka yang kita tujukan itu saya ulangi lagi, kita hendak mencapainya dengan jalan perlembagaan. Oleh yang demikian kita tidak berkehendak tuan-tuan mengorbankan jiwa tuan-tuan. Apa yang dikehendaki ialah semangat tuan-tuan, usaha tenaga tuan-tuan. Jika tidak hendak memberi semuanya itu maka perjuangan tuan-tuan adalah bersifat perjuangan palsu sahaja.

Lihat! Kita boleh menunggu beberapa lama hendak membina sebuah ibu pejabat UMNO tetapi hingga hari ini belum lagi dapat dimulakan pembinaannya. Kita berkehendak supaya masing-masing menunaikan kewajipan berkenaan pergerakan kita ini, tetapi kebanyakan daripada bahagian-bahagian kita tidak menyempurnakannya. Dengan keadaan begini bagaimanakah kita ini hendak mencari kemerdekaan? Tambahan pula pada waktu ini kita sedang menghadapi gerhana yang besar yang belum pernah kita rasai sepertinya, dan pada saat inilah kita berkehendak kepada pengorbanan dan perjuangan yang habis-habisan daripada bangsa kita untuk menghadapi gerhana yang besar ini. Sekiranya tidak dapat di-

beri oleh tuan-tuan nescaya kecewalah kita dan ketika itu orang-orang Melayu tak dapat lagi bergerak, dan pada masa itulah orang-orang Melayu akan menjadi perkakas orang lain.

Tetapi jika tuan-tuan percaya bahawa pertubuhan UMNO ini dijadikan oleh Tuhan dan sekiranya tuan-tuan percaya yang pertubuhan ini boleh memelihara nasib bangsa Melayu, maka wajiblah dan tertanggunglah ke atas tuan-tuan yang menerima sebarang jawatan di dalam UMNO ini bekerja bersungguh-sungguh, berusaha bersungguh-sungguh dan berkhidmat bersungguh-sungguh supaya UMNO ini boleh mempunyai suatu tenaga yang cukup kuat bagi berjuang untuk mengembalikan semula kedaulatan bangsa Melayu.

"M E R D E K A"

---

[1]Tan Cheng Lock, 1883, berasal dari Melaka. Peringkat awal bekerja sebagai guru besar; sebelum perang sebagai *Straits Chinese Consultative Committee* dan dalam *Legislative Executive Councils of Straits Settlements.* Semasa pendudukan Jepun beliau lari ke India dan menubuhkan persatuan Cina luar negeri (seberang laut), pulang ke Malaya pada 1946; menjadi pemimpin AMCJA pada 1946-48; pengasas Persatuan Cina Malaya (MCA), 1949 dan menjadi presidennya, 1949-58. Juga terlibat dalam mengasas IMP (Parti Negara) 1951. Beliau aktif dalam perikatan UMNO-MCA semenjak 1952.

[2]Perikatan adalah parti campuran yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC. Pada mulanya satu pakatan pilihanraya antara UMNO dengan MCA diadakan pada 9 Januari 1952. Didapati pakatan ini berjaya memenangi pilihanraya 1952. Oleh itu diambil keputusan untuk menubuhkan jawatankuasa perhubungan UMNO-MCA dan semua peringkat di seluruh negeri untuk merangka pilihanraya umum. Pada 23 Ogos 1953 diadakan konvensyen kebangsaan dan bersetuju menubuhkan Perikatan Kebangsaan pada September 1953 dengan sebuah Majlis Kerja Kebangsaan yang mengandungi 30 orang ahli sebagai pihak berkuasa tertinggi dan majlis ini telah mengadakan mesyuarat mereka di Kuala Lumpur pada 10 April 1955.

Sementara MIC pula menyertai Perikatan setelah diadakan undian secara tertutup pada Oktober 1954. Kedudukan Perikatan dari segi undang-undang adalah samar-samar sehinggalah ia didaftarkan sebagai sebuah parti Perikatan pada tahun 1958.

[3]Parti baru ialah IMP dan menteri besar tersebut ialah Dato' Panglima Bukit Gantang.

[4]Persidangan rasmi untuk mewujudkan kerjasama antara kaum iaitu Melayu, Cina dan India yang akhirnya bersetuju bergabung dalam parti Perikatan. Dalam pilihanraya 1955 parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

## 12

# BERDIKARI DAN KESOMBONGAN IMIGRAN

*(Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman dalam persidangan agung Pemuda yang diadakan di Melaka pada 3 April 1953)*

Tuan pengerusi dan wakil-wakil sekalian! Persidangan kita pada kali ini ialah persidangan yang penting sekali di dalam sejarah perjuangan kita di dalam lapangan politik. Lebih kurang dua tahun dahulu UMNO telah menetapkan mengubahkan dasar perjuangannya yang bercogankan "Hidup Melayu" kepada "Merdeka". Dengan cogan "Hidup Melayu" itu bermakna kita sedia duduk di bawah naungan British dan berjuang untuk menyelamatkan kedudukan bangsa kita serta merebut kelebihan bagi bangsa kita dengan belas rahim British, daripada tangan bangsa-bangsa asing yang sama-sama bernaung di bawah Kerajaan British di negeri ini.

Dengan cogan kata "Merdeka" ini bermakna kita bebaskan diri kita daripada naungan itu dan berdiri di atas kaki kita sendiri. Bagi menyelamatkan dan mendapatkan kelebihan-kelebihan untuk bangsa kita, terpulanglah kepada ikhtiar kita sendiri dan tidak lagi berharapkan belas rahim British lagi.

Kemerdekaan yang kita hendak capai itu ialah hendak mengambilnya daripada tangan British dan bukan daripada tangan orang-orang yang menumpang di Tanah Melayu di bawah naungan British. Pada suatu masa, setiausaha Tanah Ja-

jahan British telah berkata bahawa British tidak akan meninggalkan Tanah Melayu ini dan memberikan kemerdekaan kepada orang Melayu kerana sekiranya diberi kemerdekaan itu kepada Melayu nescaya lepas enam bulan daripada tarikh itu akan berlaku huru-hara di antara penduduk negeri ini.

Sekarang ini kita berkehendak kepada kemerdekaan dan kita hendak menunjukkan dan mengesahkan yang kita boleh menerima kemerdekaan itu sambil kita berbaik-baik dengan bangsa asing yang bersama-sama dengan kita di sini. Dan kerana hendak menunjukkan dan mengesahkan inilah, kita mencari persefahaman dengan orang-orang Cina terlebih dahulu dan kemudiannya dengan lain-lain bangsa.

Setengah daripada penganjur-penganjur telah berkata iaitu hendaklah kita jadikan semua bangsa yang di negeri ini "Malayan" barulah kita merdeka. Dengan tujuan hendak menjadikan penduduk di sini Malayan maka Dato' Onn telah cuba menubuhkan sebuah parti yang dinamakan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) tetapi tidak maju. Sekarang seorang Dato' lagi cuba menubuhkan sebuah parti kerana hendak menjadikan orang-orang di sini "Malayan" juga. Selain daripada itu ada lagi tujuh orang, orang-orang Dato', menteri-menteri besar serta beberapa orang hartawan hendak menjadikan "Malayan" itu. Tetapi saya berkata, selagi negeri ini tidak merdeka jangan difikirkan penduduk-penduduk di sini boleh ada perasaan Malayan kerana bagi pihak Melayu yang berhak dalam negeri ini tidak ada lain perasaan melainkan Melayu juga. Buruk atau baik bangsa kita itu tiada boleh diubah perasaan kebangsaan Melayu itu. Begitu juga Cina dan India yang datang dari negeri yang merdeka yang mempunyai sejarah yang mereka bermegah-megah dan berasa sombong dengannya.

Sekiranya negeri ini tidak terlepas daripada pemerintahan bangsa asing dan terlepas daripada sifat koloni, bagaimanakah orang-orang yang bukan Melayu itu boleh mengubah perasaan sombong di atas negeri mereka dan menaruh perasaan megah dengan Tanah Melayu yang bertaraf rendah itu? Dengan sebab itu kita terpaksa merdekakan negeri ini lebih dahulu dan pada ketika itu barulah kita boleh berharap

yang mereka itu akan berperasaan Malayan. Sekiranya kita hendak mengikut cara-cara yang dikehendaki oleh Dato'-Dato' itu maka tunggulah sehingga kering Selat Melaka barulah kita dapat merdeka.

Saya nampak yang sebenarnya pembesar-pembesar itu tidak mahu merdeka, sebab itu diletakkan syarat-syarat yang tiada dipenuhi dan dihasilkan bagi menerima kemerdekaan itu. Cuba tuan-tuan lihat dan pandang perbuatan mereka ketika mereka dapati yang kita telah berjaya mendapatkan persefahaman yang baik dengan bangsa asing. Maka mereka pun mulai hendak menghalang dengan membuat berbagai-bagai percubaan hendak mengadakan kongres yang telah kita lebih dahulu bercadang hendak mengadakannya. Mereka telah membawa berbagai-bagai rekaan bagi menghalang cita-cita kita untuk mencapai kemerdekaan dan satu daripadanya ialah hendak menjadikan semua penduduk negeri ini "Malayan" dan lepas itu barulah mereka hendak menuntut kemerdekaan.

Di dalam syarahan-syarahan saya, saya telah mengingatkan orang ramai bahawa UMNO bertulang belakang kepada rakyat jelata dan juga saya telah membayangkan sekiranya kita tersepit di dalam perjuangan kita maka mereka akan tambah menekan kita.

Sekarang ini tuan-tuan mengetahui dengan terangnya mereka telah meletakkan satu garisan yang mengasingkan rakyat jelata daripada pembesar-pembesar. Di dalam perjuangan kita, tuan-tuan akan menghadapi berbagai-bagai percubaan kerana baru-baru ini seorang menteri besar yang menjadi pengerusi sebuah bahagian UMNO telah melakukan satu kesalahan yang melanggar disiplin parti. Di atas kesalahannya kita telah ambil tindakan kita itu dan harus juga ia akan membalas dendam ke atas UMNO dengan mengambil sokongan lain-lain pembesar yang tidak bersetuju dengan UMNO. Mereka itu harus akan menghormati pihak yang memerintah bagi mengganggu dan menghalangkan perjalanan UMNO pada segenap liku, simpang dan penjuru jalan sehingga kita terlatah. Dengan sebab terlatah itu harus kita lakukan perbuatan-perbuatan yang tidak digemari dan ketika itu UMNO pun diharamkan.

Saya suka berpesan kepada tuan-tuan yang berdarah muda dan berdarah panas, janganlah terlatah dan taruhlah perasaan sabar. Ingatlah bahawa tuntutan kita itu halal dan segala gerak geri kita biarlah berlaku secara yang halal juga. Pulanglah segala-galanya ke hadrat Ilahi, mudah-mudahan terselamat dan berjaya kita di dalam perjuangan kita. Apa-apa yang pemuda-pemuda kita teringat hendak menuntut bela ke atas orang-orang yang menghalang perjuangan kita itu bermesyuaratlah di antara pemuda-pemuda dan berpakatlah dengan ketua-ketua. Sekarang ini tuan-tuan telah ketahui yang kita telah menghadapi suatu gerhana yang teramat besar dan bagi mengatasinya dikehendaki tiap-tiap seorang pemuda menumpukan taat setia yang tiada berbelah bagi kepada UMNO. Tuan-tuan hendaklah bekerja dengan usaha yang bersungguh-sungguh supaya UMNO berjaya. Tuan-tuan kena berkorban dengan apa juga pengorbanan yang dikehendaki.

Di dalam lawatan-lawatan saya di merata-rata jajahan, saya telah dapati di mana-mana sahaja pemuda bergerak dengan kuat maka di situlah UMNO maju. Syarat menjadi pemuda ialah semangat yang tinggi dan anggota yang kuat. Dengan adanya ini barulah ia menjalankan kewajipannya umpama menolong mendapatkan yuran-yuran UMNO dan derma serta memberi penerangan berkenaan perjuangan UMNO.

Dalam perjuangan kita hari ini, kita berkehendakkan kepada wang ringgit kerana dengannya berbagai-bagai perkara boleh dihasilkan. Sebab kita lemah pada waktu itu ialah kerana kekurangan wang ringgit, hinggakan hendak membangunkan sebuah ibu pejabat pun tak dapat. Akhirnya nanti tanah yang dikurniakan oleh kerajaan kepada kita itu akan diambil balik. Kita berkehendak kepada wang untuk menjalankan pekerjaan kebajikan kepada bangsa kita seperti memberi pelajaran anak-anak kita dalam lapangan ekonomi dan sebagainya.

Saya tidak berharap kepada sesiapa selain daripada pemuda. Janganlah di sini tuan-tuan berbincang atas sesuatu masalah dengan panas, tetapi apabila balik menjadi sejuk dan langsung lupa. Tuan-tuan ingat bahawa daripada mulut

pemudalah yang telah mengeluarkan cogan "Merdeka" dan saya percaya dengan tenaga pemudalah juga kita akan mencapai kemerdekaan.

"M E R D E K A"

13

# HALANGAN DAN KEENGGANAN UNTUK MERDEKA

*(Ucapan perasmian persidangan pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu anjuran UMNO diadakan di Johor Bahru, Johor, pada 14 Ogos 1953)*

Tuan pengerusi dan tuan-tuan sekalian! Telah lama benar saya bercita-cita hendak menjemput pertubuhan-pertubuhan politik orang-orang Melayu dengan tujuan hendak berunding serta bermuafakat atas apa langkah yang patut diambil berkenaan hal-hal yang berkaitan (dengan) politik yang telah berjalan di Tanah Melayu pada hari ini. Dan saya juga suka kemukakan kepada tuan-tuan polisi UMNO berkenaan dengan perjuangan kita untuk mencapai kemerdekaan bagi tanahair kita ini. Pada hari ini barulah saya berpeluang mengumpulkan pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu. Saya sangat-sangat suka menceritakan kepada tuan-tuan daripada awal sehingga ke tarikh ini segala langkah yang UMNO telah buat.

Pada tahun 1951, bersamaan 4 Februari, Pemuda Bahagian Kuala Pilah telah mencadangkan dalam mesyuarat perwakilan Pemuda supaya seruan "Hidup Melayu" yang dipakai oleh UMNO pada masa itu ditukar menjadi seruan "Merdeka". Persidangan Pemuda telah menerima dan meluluskan cadangan tersebut. Dan akhirnya wakil-wakil tetap Pemuda dalam mesyuarat agung UMNO telah mengemukakan pula cadangan tersebut dalam mesyuarat agung UMNO setengah

tahun yang diadakan di Kuala Lumpur pada 24 dan 25 Mac 1951, dan persidangan itu telah bersetuju UMNO menggunakan cogan "Merdeka". Pada 2 Disember 1951, setiausaha Tanah Jajahan British, Tuan Oliver Littleton, telah berjumpa dengan rombongan UMNO di King House yang diketuai oleh saya sendiri. Berbagai pertanyaan saya telah hadapkan kepadanya. Dan selepas itu ia pun balik dan dalam satu persidangan Parlimen British beliau telah membuat kenyataan yang menyatakan bahawa kerajaan British tidak akan memberi kemerdekaan kepada orang Melayu melainkan orang Melayu boleh duduk berbaik-baik dengan penduduk bangsa asing di Tanah Melayu ini.

Dalam mesyuarat agung UMNO pada 14 dan 15 September 1952 yang diadakan di Butterworth, satu cadangan telah dibawa oleh Perikatan Pemuda iaitu:

> Bahawa majlis mesyuarat agung UMNO ini mengambil ketetapan bahawa hendaklah UMNO Malaya dengan seberapa segeranya mengatur dan menyusun rancangan-rancangan bagi kerajaan peralihan.

Dengan adanya dua cadangan yang tersebut itu, maka tak dapat tiada UMNO ini mesti berikhtiar dengan sesungguhnya supaya kerajaan peralihan itu dapat diadakan secepat mungkin. UMNO telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa siasah untuk menyiasat dan menyusun cara-cara hendak mengadakan kerajaan peralihan dengan jalan perlembagaan. Di dalam masa kita sedang berunding-runding, suatu peluang telah didapati iaitu pilihanraya di Kuala Lumpur. Pihak MCA telah meminta UMNO bekerjasama dengannya di dalam pertandingan pilihanraya di Kuala Lumpur itu. Daripada situlah merebak pula ke Johor Bahru dan ke lain-lain tempat.

Pada 9 Oktober 1952, di dalam mesyuarat jawatankuasa kerja agung UMNO saya telah memberitahu ahli-ahli jawatankuasa bahawa bersangkut dengan keputusan persidangan tahunan UMNO yang lepas dan hasil perjumpaan dengan Tuan Littleton, maka patutlah UMNO mengatur dan menyusun langkah-langkah untuk mendirikan kerajaan Tanah Melayu yang merdeka. Dan untuk ini sangat-sangat penting pihak

UMNO mengadakan rundingan meja bulat dengan pertubuhan-pertubuhan siasah yang lain di persekutuan ini, tetapi sebagai permulaan biarlah diadakan dengan MCA dahulu kerana MCAlah pertubuhan bangsa asing yang paling besar. Rundingan-rundingan UMNO–MCA ini telah dijalankan secara tidak rasmi dan dengan sulit, dan akan diadakan beberapa kali kedua-dua pihak mendapat persefahaman. Jawatankuasa kerja agung UMNO telah bersetuju dengan cadangan saya ini dan telah memberikan kuasa membuat perhubungan dengan MCA.

Pada bulan November 1952, saya telah pergi berjumpa dengan Dato' Sir Tan Cheng Lock di Singapura meminta ia bersetuju supaya dapat kita berunding di atas perkara-perkara dan cara-cara bagaimana hendak mengukuhkan perhubungan berbaik-baik di antara orang Melayu dengan orang Cina supaya dapat kita bekerjasama untuk mendapatkan taraf kerajaan sendiri. Dato' Sir Tan Cheng Lock pun bersetuju, dan setelah itu kita telah tetapkan tarikh bagi mengadakan rundingan meja bulat pada hari Selasa, 3 Februari 1953. Berbagai-bagai perkara telah dibincangkan ialah berkenaan persahabatan UMNO–MCA dan berkenaan soal tuntutan mendesak kerajaan supaya mengadakan pilihanraya bagi Majlis Undangan Federal. Di dalam perundingan ini telah dilantik sebuah jawatankuasa untuk menyediakan rancangan pilihanraya.

Kemudian kita telah mengadakan pula mesyuarat di Singapura pada 21 Februari 1953. Dan perjumpaan yang ketiga telah diadakan pada 8 Mac 1953. Di sinilah kita telah mengambil keputusan dengan MCA hendak mengadakan kongres meliputi semua bangsa. Pada 15 Mac 1953 perjumpaan yang keempat telah diadakan. Di dalam mesyuarat ini pihak MCA telah bersetuju dengan rancangan pilihanraya UMNO yang disusunkan oleh Dr. Ismail, Syed Nasir dan Encik Sardon. Pada 2 April 1953 diadakan perjumpaan yang kelima di Melaka. Dalam perjumpaan ini kami telah membincangkan satu perkara iaitu kongres anjuran menteri-menteri besar.

Di sini kita nampak bahawa pihak menteri-menteri besar itu hendak menghalang kongres kita ini. Dan dalam pada itu

UMNO-MCA telah bersetuju hadir sekiranya pihak-pihak boleh mengaku tidak mewakili Kerajaan British, dan sekiranya UMNO – MCA diberi bilangan wakil yang berpatutan dengan banyak bilangan ahlinya. Kita tidak mendapat jawab di atas kehendak kita itu, dari itu kita tidak mengambil bahagian dalam kongres anjuran menteri-menteri besar itu.

Pada 30 Mei 1953 perjumpaan diadakan lagi di Singapura dan di dalam perjumpaan inilah Encik Sopie (Sopie Ibrahim) bagi Parti Buruh Se-Malaya[1] telah mula masuk dalam Perikatan sambil meminta bagi pihak partinya hendak bersama-sama menganjurkan kongres itu, dan kita pun telah mencadangkan hendak menjemput pertubuhan-pertubuhan politik berparas Federal. Pada 15 Jun 1953 mesyuarat meja bulat ini telah diadakan di Kuala Lumpur dan termasuk di dalamnya tiga badan siasah iaitu UMNO-MCA dan Parti Buruh. Keputusan yang besar yang diambil dalam persidangan ini ialah sekiranya negeri ini hendak selamat, hendaklah didirikan kerajaan merdeka, dan hendaklah diadakan pilihanraya pada tahun 1954, dan juga corak pemerintahan kerajaan merdeka itu eloklah disediakan dari sekarang.

Pihak MCA, Parti Buruh dan UMNO telah bersetuju di atas perkara-perkara tersebut itu. Tiba-tiba selepas itu Parti Buruh telah membuat ragam lalu menarik diri dan tinggallah UMNO-MCA yang hendak menganjurkan kongres itu. Kedua-dua pertubuhan itu telah teruskan rundingan-rundingan meja bulat beberapa kali dan akhirnya pada 27 Julai 1953 dalam mesyuarat di Kuala Lumpur barulah kita mendapat persetujuan MCA atas cadangan yang akan dibentangkan dalam kongres yang telah ditetapkan hendak diadakan pada 23 Ogos ini. Setelah kita dapati persetujuan MCA itu, maka dengan segeranya kita mengedarkan jemputan-jemputan yang telah sedia itu kepada pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu.

Saya suka menerangkan sedikit di atas kedudukan perwakilan kongres 23 Ogos itu. Bilangan wakil-wakil bagi sesebuah pertubuhan yang dijemput itu ialah menurut banyak bilangan ahlinya yang didaftarkan di *Registrar of Societies* di Kuala Lumpur. Pertubuhan yang ahlinya sampai 10 000 dapat menghantar dua wakil. Pertubuhan-pertubuhan politik

yang ada itu tidak sebuah pun daripadanya yang mempunyai ahli lebih daripada 10 000 melainkan UMNO dan MCA sahaja. Itulah yang menyebabkan kita menjemput dua orang wakil dari sebuah pertubuhan itu.

Berkenaan dengan perkara ini ada berbagai-bagai sungutan kita dengar. Setengahnya mengatakan UMNO–MCA tidak adil. Tetapi di dalam fikiran saya sendiri tidak ada lain jalan melainkan inilah sahaja. Jikalau mana-mana parti tidak hadir terpulanglah kepada timbangannya sendiri. Saya cukup puas hati kerana sebahagian besar orang Melayu dan orang-orang Cina telah pun bersetuju hendak meneruskan kongres itu kerana hendak mengambil sesuatu ketetapan. Jikalau kedua-dua pihak ini telah bersetuju tentu pihak yang berkuasa akan memberikan timbangan yang berat.

Cara-cara yang bercadang hendak menurutnya bagi mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu ini ialah tidak ada lain lagi melainkan seboleh-bolehnya dengan jalan perlembagaan. Ini bererti mesti diadakan pilihanraya. Dengan adanya pilihanraya, parti yang kuat akan berjaya menduduki kerusi-kerusi di Majlis Undangan Federal, dan parti itulah yang akan menubuhkan kerajaan serta parti itulah yang berkuasa memerintah negeri ini.

Apa yang diamanahkan oleh rakyat kepada parti itu tertanggunglah di atas bahunya menyempurnakan amanah rakyat itu. Yakni jikalau rakyat mahu negeri ini merdeka di dalam sekian-sekian tahun wajiblah bagi parti itu menghasilkan kehendak rakyat itu. Di dalam negeri ini, yang saya tahu, tidak ada lain parti yang lebih kuat daripada UMNO dan MCA di dalam pilihanraya-pilihanraya bandaran di serata Tanah Melayu ini, yang boleh dikatakan 89 peratus daripadanya telah dimenangi oleh UMNO–MCA di dalam lapan tempat yang diadakan pilihanraya. Jumlah orang Melayu yang berjaya menduduki kerusi-kerusi majlis mesyuarat itu ialah sebanyak 49 daripada jumlah sebanyak 84 kerusi. Jumlah ahli-ahli MCA dalam majlis mesyuarat ialah 20 orang. Jumlah ahli-ahli UMNO dan MCA semuanya 69 orang. Hanya 15 kerusi sahaja daripada 84 kerusi yang terbahagi kepada parti-parti yang lain. Dari sini dapatlah difahamkan bagaimana kuatnya

kedua-dua parti ini di dalam majlis-majlis mesyuarat bandaran dengan sebab mempunyai lebih besar bilangan suara di atas parti-parti lain.

Dengan jalan diadakan pilihanraya ini barulah boleh diterangkan bahawa kemerdekaan Tanah Melayu ini bukanlah dari kehendak bilangan orang-orang yang mengaku ketua bahkan ialah dengan kehendak rakyat. Sekiranya begitu manakah kuasa di atas muka bumi ini yang boleh menafikan bahawa Tanah Melayu ini berhak merdeka?

Ada banyak di dalam negeri ini parti-parti yang mempunyai berbagai-bagai cara untuk menuntut kemerdekaan. Ada yang mengatakan kalau sultan-sultan menuntut mengikut perjanjian yang dibuat di antara raja-raja Melayu dengan Kerajaan British barulah negeri ini boleh merdeka. Di sini saya menegaskan, kalau begini halnya tunggulah sampai kiamat baru dapat merdeka. Ada setengah pihak pula berkata, jikalau ketua-ketua Melayu semuanya bersefahaman dan dapat sokongan raja-raja Melayu maka pada ketika itu bolehlah kita mendesak Kerajaan British menyerahkan negeri ini kepada ketua-ketua tersebut dan dengan cara ini sudah tetap Kerajaan British akan menyerahkan negeri ini balik.

Di sini saya suka berkata, jika begitulah halnya maka apakah tindakan yang akan diambil oleh bangsa-bangsa asing? Kerajaan British sudah tentu akan menimbangkan perasaan bangsa lain kerana bilangan banyak dan kuasanya di dalam iktisad kuat. Seperkara lagi iaitu setengah-setengah ketua Melayu mahu merdeka dan setengahnya tak mahu merdeka. Di sini saya suka menegaskan bahawa ketua-ketua Melayu yang jujur dan ikhlas, mereka itulah yang mahu merdeka dan mereka itu semuanya di dalam UMNO. Siapa yang boleh menafikan cakap saya ini? Misalnya Dato' Sir Onn sendiri telah mengatakan bahawa dia sendiri tak mahu kemerdekaan. Ada setengah ketua-ketua parti yang berkata sekiranya kita merdeka dengan bekerjasama dengan bangsa lain tentulah negeri ini akan diperintah oleh kafir. Saya juga suka bertanya siapakah yang memerintah negeri ini pada masa ini?

Adapun yang kita hendak tuntut ialah sebuah kerajaan yang bebas, berdaulat dan mempunyai kebebasan beragama.

Di dalam ketetapan yang akan diambil dalam kongres 23 Ogos ini, kita mengakui kedaulatan yang penuh dengan raja-raja Melayu dan dengan itu bermaknalah agama beliau yang diketuai oleh raja-raja Melayu itu akan terpelihara dan dijunjung tinggi, harus lebih tinggi daripada keadaan sekarang ini.

Di dalam persidangan kita hari ini saya pintalah kepada tuan-tuan sekalian menaruh kepercayaan ke atas bangsa tuan-tuan. Janganlah disifatkan bangsa tuan-tuan itu sebagai lembu yang siapa sahaja boleh mencucuk hidungnya. Ketahuilah bahawa bangsa kita ini sanggup memerintah negerinya sendiri sekiranya tidak diganggu oleh penjajah yang ada sekarang ini, dan boleh bekerjasama dengan lain-lain bangsa yang menumpang dalam negeri ini. Janganlah kita bimbang yang bangsa-bangsa lain akan menindas kita. Sebab kita ini sentiasa dalam kebimbangan ialah kerana kita dilatih dari kecil lagi bergantung harap kepada Kerajaan British semata-mata, dan kerana inilah kebanyakan orang-orang kita menyangka iaitu dengan tidak ada British memelihara dan menjaga kita maka kita akan menjadi umpan bagi makanan bangsa lain yang menumpang duduk di sini. Selagi perasaan seumpama ini tidak dihapuskan maka selama itulah kita akan dihambakan oleh sebarang bangsa yang datang ke negeri ini.

Sekarang tertanggunglah ke atas tiap-tiap Melayu yang bersemangat merdeka mengikiskan perasaan ini daripada otak fikiran tiap-tiap orang Melayu dan janganlah tebalkan lagi perasaan itu. Janganlah diingat dan ditakut-takutkan orang Melayu itu dengan kata-kata seperti, kalau negeri ini merdeka apa akan dibuat oleh bangsa asing kepada kita dan sekiranya ada pilihanraya bangsa asing akan membeli kita dan akhirnya kita kalah dalam pilihanraya. Yang sepatutnya hendaklah tuan-tuan katakan kepada mereka itu, jikalau kamu tidak ada semangat kemerdekaan dan semangat berjuang, maka patutlah kamu menjadi hamba tebusan selama-lamanya. Dengan yang demikian tidaklah ada daya upaya kepada kami untuk menyelamatkan bangsa kita. Ketika itu tunggulah segala akibatnya dan terimalah segala balasan daripada Tuhan. Hal inilah sahaja saya ucapkan dan bagi pihak UMNO saya memberi

berbanyak-banyak terima kasih yang tuan-tuan telah sudi hadir ke majlis ini. Wassalam.

"M E R D E K A".

---

[1]Parti Buruh kebanyakan merupakan parti bagi orang Cina. Mula ditubuhkan sebagai *Pan-Malayan Labour Party* pada 1952. Ia merupakan gabungan beberapa organisasi buruh negeri. Pada tahun 1955, parti tersebut menukarkan namanya kepada Parti Buruh Tanah Melayu. Pada mulanya Parti Buruh merupakan parti sosialis berbagai-bagai kaum yang mencontohi Parti Buruh British. Mereka terdiri daripada golongan sederhana terutama daripada orang Cina yang berpendidikan Inggeris dan orang India yang kuat berpersatuan. Bagaimanapun terdapat ahli-ahli yang terdiri daripada orang Cina yang berpendidikan Cina dan menganut fahaman sosialis lebih revolusioner. Menjelang tahun 1960-an, kebanyakan ahli yang berfahaman sederhana telah keluar parti. Parti Buruh telah memulaukan pilihanraya 1969 dan akhirnya pada September 1972, pendaftar pertubuhan telah membatalkan pendaftarannya. Bagaimanapun pada Ogos 1957, Parti Buruh bergabung di bawah parti Barisan Sosialis Rakyat Tanah Melayu. Milne R.S., & Manzy, D.K., 1982, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 188.

# 14

# WAKIL PENDUDUK DAN MAKNA MALAYA MERDEKA

*(Ucapan perasmian perhimpunan kebangsaan yang pertama diadakan di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1953)*

Saya ucapkan terima kasih di atas kehormatan yang bermakna yang tuan-tuan telah beri kepada saya dengan melantik saya menjadi pengerusi perhimpunan kebangsaan ini. Saya junjung tinggi tanda persahabatan dan kepercayaan kepada saya oleh sahabat-sahabat saya pada ketika yang terbilang dan bersejarah ini. Saya katakan terbilang dan bersejarah ialah kerana inilah kali yang pertama di dalam ingatan saya yang pertubuhan-pertubuhan siasah di dalam Malaya ini, atau yang terbesar di antaranya telah berkumpul dan berikrar hendak bekerjasama dengan bersungguh-sungguh dan dengan seikhlas-ikhlasnya bagi faedah Malaya bersama.

Bagi pihak penaja-penaja perhimpunan kebangsaan ini saya mengucapkan dengan gembiranya selamat datang kepada semua wakil-wakil yang telah datang dari seluruh Tanah Melayu menghadiri mesyuarat ini. Tidaklah saya syak lagi bahawa tiap-tiap seorang daripada tuan-tuan sedar akan mustahak hari ini dan peranan yang tuan-tuan akan ambil di dalam rundingan dan perbahasan yang akan dijalankan. Pertamanya mestilah tuan-tuan yakin di atas bakti bahawa adalah menjadi niat penaja-penaja perjumpaan perhimpunan ini hendak bekerja dengan seikhlas-ikhlasnya dan dengan persa-

habatan yang lurus dengan semua pertubuhan-pertubuhan siasah yang mempunyai pandangan dan cita-cita yang sama dengan kami ... yang mempunyai haluan dan tujuan yang satu iaitu kemerdekaan Melayu.

Di dalam pada itu sungguhpun demikian, menurut berita-berita akhbar, telah timbul sedikit salah pengertian berkenaan tujuan kami memanggil mesyuarat ini iaitu diberinya pengertian yang bukannya pengertian daripada pengertian yang elok. Sungguhpun kami dukacita di atas kejadian ini, akan tetapi kami berasa puas hati juga bahawa 90 peratus daripada penduduk-penduduk negeri ini yang diwakili oleh MCA dan nyatalah berhajat hendak memberi dorongan yang lancar kepada gerakan kebangsaan ini. Pada pandangan saya adalah ini dengan sendirinya menjadi bukti kejayaan perhimpunan ini.

## Mula-mula Terbit Fikiran

Saya suka memaklumkan bahawa perhimpunan ini bukanlah satu perhimpunan yang telah diciptakan dan diaturkan oleh sekerat dua orang yang teraku-aku dirinya jadi pemimpin untuk memuaskan hawa nafsu diri mereka sendiri. Fikiran hendak mengadakan perhimpunan ini mula-mulanya terlintas ialah terbit daripada lawatan Tuan Littleton ke Tanah Melayu. Tuan Littleton telah memaklumkan kepada kita bahawa Malaya akan diberi kemerdekaan apabila sahaja berbagai-bagai kaum yang ada di dalam negeri ini telah bersatu, dan daripada ketika itulah kita telah berazam hendak membuktikan kepada Tuan Littleton dan kepada seluruh dunia yang kita boleh dan akan bersatu. Dan lagi kita telah berazam bahawa tidak ada kuasa atau golongan sama ada dalam negeri mahupun di luar Malaya yang akan berjaya memecahkan persatuan yang telah ditubuhkan itu.

Kita sedar bahawa perasaan syak dan waham masih ada lagi hari ini, di antara berbagai-bagai kaum dan pada peranan kami adalah perkara ini timbulnya daripada pokok pendidikan kita dan daripada "pecah-pecahkan kemudian perintah"[1] (divide and rule) yang masih lagi berjalan di negeri ini. Di dalam pada itu suatu desakan yang kuat sedang meresap masuk

ke dalam hati sanubari kita dan desakan itu ialah hendak berkerajaan sendiri, desakan hendak mendapat tempat yang halal di dalam perhimpunan bangsa-bangsa bebas di dunia ini. Dengan desakan ini satu gerakan telah bangkit yang menarik kesemuanya pertubuhan-pertubuhan siasah yang besar supaya maju mara ke hadapan dengan tujuan yang satu di dalam hati iaitu hendak mencapai persatuan di antara kesemua orang-orang yang memandang Tanah Melayu sebagai tanahairnya. Jika tidak dengan persatuan ini maka segala cakap berkehendakkan kerajaan sendiri adalah sia-sia dan kosong semata-mata.

## Mewakili 90 Peratus Penduduk

Perkara tidak hadirnya di dalam perhimpunan ini setengah-setengah pertubuhan siasah itu bukanlah daripada kejadian yang tidak disangka-sangka. Sungguhpun kejadian ini nampaknya mendukacitakan, akan tetapi sangat sedikit mendatangkan kesan kepada pihak kita, oleh sebab kita puas hati mengetahui bahawa pertubuhan yang ada hadir di sini hari ini adalah mewakili 90 peratus daripada jumlah penduduk Malaya. Oleh sebab itu kita boleh menjalankan mesyuarat ini dengan cukup keyakinan bahawa kita ada mendapat sokongan rakyat yang di belakang kita. Keputusan yang diambil di sini tetaplah menjadi keputusan yang hak, menurut sebagaimana kehendak rakyat yang diwakili pertubuhan-pertubuhan ini.

Orang harus akan mengatakan bahawa sebahagian daripada penduduk negeri ini tidak ada bersama-sama kita. Ketahuilah tuan-tuan bahawa menurut cara demokrasi adalah cara mengambil undi itu adalah didasarkan kepada undi bilangan yang lebih ramai. Demokrasi tidak menuntut supaya diadakan pembuangan undi 100 peratus bagi memutuskan satu-satu soal, hatta sekalipun di dalam perlembagaan yang cukup ketat dan padat. Di dalam negeri sebagaimana negeri kita ini mengandungi berbagai-bagai masyarakat, sudah tentulah ada berbagai-bagai fikiran pula, dan perkara mendapatkan persetujuan 100 peratus atas sebarang soal walau bagaimanapun adalah suatu perkara yang mustahil.

Kita di sini mempunyai kekuatan yang cukup bagi me-

nyokong keputusan kita apabila diadakan kelak serta ada mempunyai keberanian dan keazaman yang munasabah. Di dalam pada itu, janganlah kita lupa bahawa apa-apa juga tindakan yang kita ambil atau yang kita akan jalankan mestilah menurut cara perlembagaan.

Dalam beberapa tahun ini telah ada bukti-bukti yang nyata lagi kuat, menunjukkan adanya kesedaran siasah di dalam negeri. Seorang luar yang datang melawat ke negeri ini telah berkata bahawa kita telah dapat melangkah jauh ke hadapan di dalam tempoh dua tahun sahaja, padahal lain-lain negeri yang sama keadaannya telah mengambil masa 20 tahun lamanya. Berkenaan dengan perkara ini, yang sebenarnya, sebanyak sedikit kita telah dibantu oleh keadaan-keadaan yang membuka peluang, dan oleh janji-janji yang telah diberi oleh British kepada kita iaitu hendak memberi kerajaan sendiri. Dengan itu dapatlah kita berjalan terus. Dan lagi apa pun asal keturunannya selama telah bercampur dengan orang-orang Melayu serta diam di negeri ini telah mempunyai pandangan dan sifat yang satu terhadap Tanah Melayu.[2] Oleh sebab itu apa yang dikehendaki ialah sedikit usaha, tetapi ikhlas, daripada pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab bagi membawa persefahaman di antara penduduk-penduduk.

Sudah ada tanda yang nyata menunjukkan bahawa semuanya berhajat hendak mara ke hadapan menuju haluan persatuan dan berdiri atas kaki sendiri. Oleh sebab itu adalah menjadi harapan dan keinginan saya yang bersangatan supaya perjalanan kita ini ringkas, pantas dan teratur.

Tidak adanya berserta kita, pada ketika ini, lain-lain pertubuhan itu sebabnya bukanlah terbit daripada kita atau terbit daripada sebarang cacat di dalam rancangan susunan kita ini. Terbitnya ialah daripada pertubuhan-pertubuhan itu sendiri, yang sememangnya berhajat tak mahu menaruh was-was tentang natijah yang akan terbit daripada perhimpunan ini. Tetapi walau bagaimanapun, jika mereka mengaku Malaya hendak merdeka maka hendaklah kita beringat-ingat jangan sampai terus di luar pergerakan rakyat, oleh rakyat, kerana rakyat, saya harap dan berdoa yang mereka akan menyertai kita kelak.

## Gerakan yang Bukan Tumbuh daripada Rakyat

Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum bahawa sekarang ada satu gerakan lagi, yang bukan tumbuh daripada rakyat tetapi tumbuh di atas rakyat. Barangkali lain-lain pertubuhan itu lebih suka mencampurkan dirinya dengan gerakan tersebut sebab gerakan ini dinujumkan dan disokong oleh kuasa yang ada di Tanah Melayu sekarang. Gerakan itu bertujuan mengadakan beberapa perubahan di dalam Majlis Undangan Persekutuan dan perubahan-perubahan itu jika diluluskan tidaklah akan sejalan dengan kehendak-kehendak rakyat yang berkehendak memilih wakilnya sendiri ke majlis itu dalam tempoh di dalam akhbar adalah jawatankuasa *National Conference* itu tidak akan mengesyorkan lebih daripada membesarkan majlis itu dengan meletakkan di dalamnya ahli-ahli yang dilantik bagi masa peralihan sebelum pilihanraya Federal diadakan. Perkara ini sangatlah berlainan daripada apa yang dikehendaki oleh rakyat sendiri, iaitu rakyat hendak mengambil bahagian dalam siasah negeri itu. Hak ini hanya boleh diberi kepada rakyat dengan jalan pilihanraya. Pada pendapat kita bahawa perubahan yang macam inilah sahaja yang boleh mengubah secara perlembagaan akan kaedah dan peraturan pemerintahan penjajahan yang ada sekarang, di Tanah Melayu, kepada pemerintahan sendiri.

Kita yang berhimpun di sini pada hari ini tidak lain dan tidak bukan lagi ialah kerana hendak memberi pengakuan untuk bekerja menuju haluan rakyat itu. Buktinya yang rakyat yang berhajat kepada perwakilan yang sempurna di dalam Majlis Undangan Persekutuan supaya dapat menyatakan kehendak-kehendak mereka adalah terbayang dengan nyata daripada sebutan-sebutan mereka kepada pilihanraya majlis-majlis bandaran dan tempatan. Kesedaran ini nampaknya seolah-olah datang mengejut sahaja, akan tetapi kepada orang-orang yang mengerti dan yang telah bekerja dengan rakyat adalah perkara ini zahirnya setelah lama terpendam dalam kandungan.

Sebarang percubaan hendak membunuhnya harus akan menerbitkan akibat-akibat yang berbahaya. Rakyat berasa sudah tiba masanya bagi mereka diberi peranan yang lebih

besar dalam hal-ehwal siasah negeri, dan rakyat sekarang tidak lagi diperbudak-budakkan oleh sebarang pertubuhan atau kuasa yang akan dipandang sebagai suatu perbuatan khianat yang besar, bukan sahaja terhadap rakyat Malaysia bahkan juga terhadap tamadun.

Di dalam ketetapan yang di hadapan tuan-tuan, yang berkehendakkan perhatian kita hari ini, tidak ada suatu-pun yang boleh membangkitkan perselisihan. Tujuan ketetapan-ketetapan itu hanyalah hendak mendapatkan pilihanraya yang segera dan bila tiba masanya mendirikan negara Malaya yang berkerajaan sendiri di dalam *British Commonwealth*[3] iaitu menurut contoh Ceylon, India dan Pakistan. Dan juga ketetapan itu bertujuan hendak mengawal kedudukan raja-raja Melayu sebagai ketua-ketua negara yang berperlembagaan bagi negeri masing-masing dan hendak mendiri, mengawal serta menegakkan kebebasan beragama, berfikir, bercakap, berpersekutuan dan juga hendak mengawal dan menaungi hak-hak sekuriti. Dan hendak melihatkan satu-satu kaum ataupun kumpulan rakyat tidak dinafikan tempatnya yang hak di bawah perlembagaan yang bebas.

## Tak Ada Bahaya Dalam Komanwel

Ketetapan ini telah diedarkan kepada semua pertubuhan yang dijemput hadir dalam mesyuarat ini, tetapi setengah-setengahnya telah menolak. Di antara ada yang menolak sebab bilangan wakil yang diuntukkan baginya tidak adil konon dan setengahnya pula berkata mereka tidak menyertai fikiran yang berkehendakkan pilihanraya di dalam tahun 1954. Pendirian mereka ini tidak sesuai langsung tentang pendapat moden, tentang cara-cara berfikir dan memahamkan sesuatu, dan berlawanan pula dengan polisi yang telah diisytiharkan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut iaitu hendak bekerja bagi mencapai kemerdekaan Malaya.

Bagaimanakah mereka hendak menghasilkan tujuan mereka, jika mereka tidak bertumpu kepada fikiran ramai dan sokongan ramai? Memandangkan kepada apa yang telah dikatakan oleh setiausaha jajahan takluk, maka adakah pada fikiran mereka yang dua tiga kerat itu, yang telah mengangkat

diri sendiri menjadi pemimpin itu, boleh mereka itu bekerja dengan tenaga sendiri dan mencapai kemerdekaan? Saya fikir mereka silap ataupun barangkali pendapat kita jauh berbeza dengan mereka. Saya yakin bahawa kemerdekaan hanya boleh dicapai dengan jalan perubahan secara perlembagaan, dan perubahan demikian itu hanya boleh dijalankan dengan jalan perubahan Majlis Undangan Federal. Oleh sebab itu tidak ada jalan lain lagi bagi kita melainkan menuntut pilihanraya yang segera.

Kita telah menetapkan tahun 1954, sebagai matlamat sebab pada 31 Januari tahun itu majlis yang ada sekarang ini akan habis tempohnya dan majlis baru akan dimulakan. Oleh sebab itu, itulah ketikanya yang baik untuk mengadakan pilihanraya ahli-ahli baru menurut cara demokrasi, ataupun melanjutkan tempoh majlis yang sekarang ini, sekiranya dapat dijalankan juga pilihanraya pada tahun 1954.

Berkenaan dengan soal sama ada Malaya akan tinggal dalam Komanwel atau tidak adalah didapati fikiran yang berlain-lainan. Ada setengahnya tidak setuju dengan cadangan kita hendak tinggal di dalam Komanwel dan sebab-sebab yang mereka berikan tidaklah saksama dan makhul. Bagi diri saya sendiri, saya berpendapat tidak ada apa-apa bahayanya kita tinggal di dalam Komanwel. Tetapi sebaliknya beberapa faedah di dalam Komanwel itu berertilah kita akan bersama-sama mengecap cita-cita tinggi iaitu setinggi yang pernah diadakan oleh manusia sepanjang-panjang riwayat sejarah. Sebagai yang dikatakan oleh Yang Berhormat Harold E. Hall di dalam persidangan Parlimen Kanada, katanya:

> Kita mempunyai kepercayaan yang satu di dalam pegangan amalan kebebasan yang teratur, kebebasan yang teratur di bawah aturan undang-undang yang dijalankan dengan saksama. Kesemuanya ini menjadi pokok tujuan yang mustahak, yang mencukupi untuk menyatukan kita sekalian, tetapi ada lagi satu perkara yang sama mustahaknya yang mendorong kita sekalian dengan kuatnya iaitu kepercayaan kita yang kuat bahawa Komanwel boleh menunjukkan bahkan telah membuktikan kepada dunia bahawa idaman

berkehendakkan persaudaraan manusia seluruhnya itu bukanlah suatu perkara yang mustahil lagi.

Tidak payahlah saya menghuraikan panjang lebar lagi akan perkara ini. Baik apa pun kesilapan yang harus telah dilakukan oleh British di dalam riwayat penjajahannya yang panjang itu adalah suatu perkara telah terbukti dengan seterang-terangnya iaitu British telah menjadi johan keadilan dengan undang-undang dan cara hidup yang teratur. Semua negeri Komanwel sudah bersatu rapat dengan pemerintahan British telah mempusakai sifat-sifat yang terpuji itu. Pada masa-masa yang lalu, negeri-negeri Komanwel telah menunjukkan teladan yang terpuji bagaimana rakyat yang bebas daripada berbagai-bagai negeri boleh bekerjasama antara satu dengan lain bagi faedah bersama.

Di dalam perlembagaan baru ini adalah menjadi niat kita hendak mengekalkan taraf Duli Yang Maha Mulia Raja-raja sebagai ketua negara masing-masing. Perkara ini sudah sepatutnya, kerana dalam negeri kita yang mengandungi berbagai-bagai kaum ini ada bahaya perselisihan faham yang harus akan membawa kepada kekacauan. Oleh sebab itu mustahak dikekalkan perlembagaan yang ada pada masa yang telah lalu menjadi pendamai antara kaum-kaum yang berbagai-bagai bangsa itu. Demikianlah kita berazam hendak mengawal muslihat kumpulan-kumpulan kecil (minority) dan melihatkan supaya jangan sampai satu-satu kumpulan penduduk negeri ini yang setia kepadanya dapat kesusahan disebabkan tertubuhnya Kerajaan Malaya merdeka.

Kelulusan ketetapan ini akan membawa makna bila Malaya merdeka, ia akan dipandu oleh suatu polisi yang waras, yang akan membawa kepada keamanan, kesentosaan dan kemakmuran. Kewajipan tuan-tuan hari ini ialah mengambil bahagian di dalam bahasan di atas ketetapan yang di hadapan tuan-tuan, dengan baik sangka dan persefahaman dengan tidak ada sebarang waswas dan waham supaya persetujuan dapat dicapai dengan tidak berlengah-lengah lagi. Dan dengan

adanya keputusan ini dunia akan melihat zahirnya satu bangsa baru itu bangsa Malaya merdeka di *British Commonwealth*.

"M E R D E K A"

---

[1]Dasar pendidikan, pecah-pecahkan kemudian perintah: Pentadbiran Inggeris membiarkan sistem pendidikan di Tanah Melayu mengikut haluan masing-masing. Bukan sahaja ekonomi dan penempatan diasingkan tetapi melibatkan juga sistem pendidikan. Pada peringkat awal sistem sekolah Melayu, perhatian diberikan kepada sistem sekolah pondok dengan mementingkan pelajaran agama dan kemudian sekolah Melayu ditubuhkan sekadar untuk membaca, mengira dan menulis. Sekolah Cina dan India pula lebih berkiblat kepada negara asal, sama ada dari segi bahan pelajaran mahupun guru-gurunya. Walaupun Inggeris mengadakan sekolah Inggeris kemudiannya tetapi ia diletakkan di bandar yang sudah pasti menimbulkan kesulitan terutama dari segi pengangkutan dan penempatan. Lebih-lebih lagi apabila mubaligh Kristian yang menubuhkannya. Ini menimbulkan kesan yang kurang baik kepada ibu bapa Melayu yang beragama Islam. Dasar ini adalah salah satu dari dasar pecah perintah yang dijalankan untuk mengasingkan penduduk di Tanah Melayu mengikut kaum untuk memudahkan Inggeris memerintah.

[2]Mempunyai pandangan dan sifat yang satu terhadap Tanah Melayu. Konsep ini dihubungkan dan dilaungkan oleh IMP sebagai dasar mereka iaitu "Malayan" atau bangsa Malaysia.

[3]*Commonwealth* atau Komanwel ialah kumpulan negara-negara yang telah merdeka dan pada masa dijajah dahulu ia merupakan sebahagian daripada negeri takluk atau tanah jajahan Inggeris. Negeri dalam lingkungan Komanwel ini mempunyai hubungan dan kerjasama yang rapat dan selalu berkiblat ke arah Britain.

# 15

# PEMUDA: DARIPADA MAINAN KEPADA POLITIK

*(Ucapan perasmian persidangan agung Perikatan Pemuda yang diadakan di Alor Setar, Kedah, pada 11 September 1953)*

Tuan pengerusi dan wakil-wakil sekalian! Saya dengan suka hati membuka persidangan Perikatan Pemuda UMNO dan dalam majlis ini sangatlah berpatutan saya memberi sedikit pandangan dan pendapat saya atas hal-ehwal dan pendirian Perikatan Pemuda kita, dan juga perjuangan UMNO pada masa sekarang serta tanggungan pemuda-pemuda UMNO terhadap perjuangan itu.

Pada mulanya dijadikan Perikatan Pemuda ini hanyalah bertujuan kepada perkara-perkara permainan, bunyi-bunyian dan pergaulan serta mengadakan perbarisan kehormatan untuk menyambut ketua-ketua UMNO di mana-mana mereka pergi. Kemudian itu pemuda-pemuda dengan sendirinya telah mencampuri bahagian politik iaitu pada tahun 1951 wakil-wakil pemuda dalam mesyuarat agung UMNO telah membawa cadangan supaya diubahkan cogan "Hidup Melayu" kepada "Merdeka". Dengan adanya cogan yang baru ini nampaknya pergerakan pemuda telah berubah dan dengan perubahan itu kerajaan telah buka mata terhadap gerak-geri Perikatan Pemuda sehingga akhirnya diharamkan pakaian uniform Pemuda.

Saya nampak dengan adanya tegahan tersebut pemuda-pemuda UMNO telah menjadi kurang galak. Hanya di beberapa tempat sahaja ada kelihatan Pemuda bergerak dengan kuat. Encik Sardon Zubir, ketua Pemuda telah berusaha sedaya upayanya menanamkan semangat Pemuda supaya galak semula. Beliau tidak berhenti-henti melawat ke sana ke mari, dia tidak menghiraukan kesenangan diri dan telah meninggalkan banyak daripada urusan-urusan kerjanya sendiri. Pejabatnya di Johor Bahru seakan-akan tertutup. Saya sendiri telah mendengar ucapan-ucapannya dan bolehlah dikatakan tiap-tiap sepatah perkataan yang keluar dari mulutnya semuanya untuk memberi perangsang dan galakan sehinggakan tuan pesuruhjaya tinggi Persekutuan Tanah Melayu menaruh syak. Sungguhpun adanya usaha dan semangat pemuda, tetapi Pemuda UMNO masih lemah juga.

Saya sendiri telah memikirkan dan menyiasat sebab-sebab kelemahan pergerakan Pemuda. Siasatan saya itu telah menunjukkan kepada saya bahawa sebab kelemahan itu terbitnya daripada undang-undang Perikatan Pemuda sendiri yang dibuat dan diluluskan semenjak Perikatan ini ditubuhkan dahulu. Sekalipun di dalam fasal 56, Undang-Undang Perikatan Pemuda, ada kebenaran boleh dipinda atau dibatalkan sebahagian atau semua undang-undang tubuh Perikatan itu, tetapi semenjak mula lagi hingga hari ini tidak satu pindaan atas undang-undang tubuh tersebut. Di sini teranglah bahawa tiada siapa mengambil tahu akan kekurangan undang-undang tubuh itu. Kesalahan ini bukan daripada pemuda sahaja malahan semua jawatankuasa kerja agung UMNO yang berkuasa membuat sebarang menukarkannya patut atas Undang-undang Tubuh Perikatan Pemuda itu. Undang-undang itu adalah ibarat lampu yang menyuluh jalan, maka kalau lampu itu malap atau padam oleh jalan itu tidak dapat ditempuh dan dilalui. Oleh sebab itu walau bagaimanapun Encik Sardon atau saya bertempik dan terjerit-jerit hendak menghidupkan semangat pemuda, maka semangat itu hanyalah naik sekejap sahaja, kemudian turun balik.

Hal yang seumpama ini tiadalah boleh dibiarkan berjalan terus-menerus dan kenalah kita memperbaikinya, kerana kita

pada 23 Ogos 1953 yang lepas telah mengambil satu keputusan yang amat penting dalam sejarah politik Tanah Melayu ini. Dengan keputusan itu bermaknalah yang perjuangan kita untuk mencapai kemerdekaan telah dimulakan, dan perjuangan ini hendaklah diteruskan dengan tidak cuai atau berlengah lagi sehingga kemerdekaan dicapai di tangan kita.

Saya suka menegaskan kepada tuan-tuan bahawa saya menaruh harapan yang besar kepada pemuda untuk membawa perjuangan kita kepada kejayaan. Dan di sini saya berterang-terang iaitu kalau perjuangan kita tidak mendapat sokongan daripada pemuda, saya percaya lambatlah kita sampai ke pintu kemerdekaan.

Di dalam undang-undang Pemuda ada disebutkan supaya dibukakan peluang kepada pemuda dalam hal permainan. Ini harus maknanya *sport* termasuk bola sepak dan sebagainya, tetapi yang saya nampak dalam lapangan *sport* ini pun pemuda-pemuda kita tidak mengambil bahagian yang besar walhal Duke of Wellington setelah ia mengalahkan Napoleon telah berkata, "Kemenangan di dalam medan perang Waterloo, yang sebenarnya telah dimenangi dalam medan *sport* sekolah Eaton".

Saya sendiri pada suatu masa telah berkata dengan berseloroh kepada Dato' Onn di hadapan Dato' Abdul Razak iaitu harus perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu ini akan dimenangi di medan bola sepak. Pada masa itu saya belum menjadi yang dipertua UMNO tetapi menjadi yang dipertua Persekutuan Football Semenanjung. Dan tak sangka yang saya ini pada suatu hari akan menjadi pemimpin UMNO, tetapi tiba-tiba tiada berapa lama dari itu saya telah diambil dari medan *sport* dan diletakkan dalam medan politik.

Adakah dapat difahamkan yang kejadian tersebut telah menjadi sebagai suatu pedoman untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu padahalnya apa yang saya katakan itu hanya berseloroh sahaja? Tetapi walau seloroh sekalipun saya kehendaki pemuda-pemuda mengatur dan menyusun perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan sebagaimana susunan permainan *sport* itu. Dan hendaklah ada pada pemuda-pemuda semangat *sport* iaitu semangat hendak menang

dan kalaupun kalah, janganlah kalah dengan kerana tidak melawan.

Pemuda-pemuda UMNO kenalah masuk berjuang sebagai satu pasukan (team work) dan dengan semangat (team spirit). Jika kita hendak mendapatkan semangat tersebut hendaklah kita bina pasukan kita itu. Kita mestilah ada program perjuangan dan polisinya. Dengan tidak ada program dan polisi tentu pemuda-pemuda tidak tahu apa yang dikehendaki daripadanya, tidak tahu bagaimana berjuang, bila mesti berjuang, di mana tempatnya dan apa aturannya. Oleh sebab itulah maka mustahak dibuat, disusun program dan polisi dan dimasukkan ke dalam undang-undang tubuh Perikatan Pemuda. Janganlah tuan-tuan ternanti-nanti dan menunggu jawatankuasa kerja agung UMNO sahaja bagaimana kehendak fasal 56 Undang-undang Tubuh Perikatan Pemuda.

Perjuangan kita ini bukan perjuangan askar yang beruniform. Kita hendak mencapai kemerdekaan dengan jalan perlembagaan bukan dengan jalan tembak menembak, dari itu kenalah kita menyusun langkah-langkah kita sehingga kita sampai kepada kemerdekaan. Tangga yang pertama bagi mencapai kemerdekaan ialah pilihanraya. Dari itu pemuda-pemuda mestilah faham dan sedarkan apakah tanggungjawab masing-masing terhadap soal ini dan tanggungan-tanggungan ini hendaklah disusun di dalam Undang-undang Tubuh Pemuda.

Kalau ditakdirkan Tuhan, yang kita akan berjaya dalam pilihanraya dan menjadi parti yang memegang kuasa pemerintahan negeri, maka apakah tanggungan pemuda bagi mempertahankan, mengukuh dan meluaskan kuasa parti kita itu. Semuanya ini hendaklah dikandungkan di dalam Undang-undang Tubuh Perikatan Pemuda UMNO secara am. Dengan adanya kuasa yang kukuh, teguh dan luas itu barulah dapat kita menjalankan rundingan-rundingan supaya kemerdekaan tercapai dengan sepenuhnya mengikut kehendak kita.

Inilah saya menerangkan kepada tuan-tuan dengan secara ringkas bagaimana hendak dikekalkan Pemuda, dan dengan kekalnya dan teguhnya pendirian Pemuda maka kuatlah

UMNO ini, dan dengan kekuatan UMNO akan tercapai kemerdekaan. Saya harap selamatlah persidangan tuan-tuan hari ini.

"M E R D E K A"

# 16

# WANITA DAN PILIHANRAYA

*(Ucapan perasmian persidangan Kaum Ibu UMNO yang diadakan di Alor Setar, Kedah, pada 11 September 1953)*

Tuan pengerusi dan puan-puan sekalian! Pada pagi ini ketika saya membuka persidangan Pemuda, saya telah memberitahu sebab-sebab kelemahan yang saya sendiri nampak, saya sendiri telah tahu sebab-sebab kelemahan itu dan saya dapati letaknya di dalam undang-undang Pemuda sendiri. Saya telah pun memberitahu iaitu hendaklah pemuda sendiri membetulkan undang-undang tubuh itu sekiranya Perikatan Pemuda itu hendak menjadi kuat dan maju.

Saya sendiri percaya dengan kekuatan Pemuda ini segala cita-cita UMNO dapat tercapai. Pada petang ini pula tertanggung atas diri saya menegur di atas perjalanan Kaum Ibu UMNO.[1] Tidaklah payah saya mengulas sebab-sebab kelemahan Kaum Ibu UMNO kerana puan-puan sendiri lebih tahu. Di dalam pandangan saya iaitu satu daripada perkara yang boleh melemahkan kaum ibu ialah kerana kaum ibu belum faham sebenar-benarnya di atas perkara-perkara politik dan keduanya kaum ibu kita malu hendak mengambil tahu dan belajar daripada kaum bapa. Ketiga iaitu kebanyakan kaum ibu segan hendak ke depan kerana takut kaumnya mengata nista atas mereka. Dan juga kaum ibu itu kalau bercampur rapat sangat akan bergaduh di antara satu dengan lain, dan kalau sudah bergaduh payahlah hendak dibetulkan. Saya sendiri te-

lah menyaksikan keadaan yang seumpama ini di beberapa tempat yang telah dikatakan kaum ibu di situ kuat. Maka dengan sebab pergaduhan itu lemahlah pergerakan kaum ibu itu.

Sebaliknya pula kaum bapa, di dalam persidangan sentiasa bergaduh sampai hampir-hampir bertumbuk tetapi lepas persidangan mereka pergi makan bersama-sama dan lupalah apa yang berlaku di dalam persidangan tadi. Lagi pula kaum bapa ini senang bergaul dan tidak rasa segan-segan silu atau malu, dan sekiranya mereka tidak mengetahui sesuatu perkara mereka bertanya kepada sebarang orang yang boleh menerangkan. Inilah sebabnya saya dijemput oleh cawangan lelaki pergi ke merata-rata tempat untuk memberi penerangan, tetapi kaum ibu tak pernah menjemput saya walau sekali. Puan-puan harus menaruh kecil hati atas teguran-teguran saya ini. Tetapi tak ada seorang daripada puan-puan di sini yang boleh mengatakan bahawa apa yang saya katakan itu tidak betul. Jadi kalau begitu janganlah marah melainkan cubalah betulkan apa yang saya tegurkan itu.

Di sini saya memberitahu kepada puan-puan sekalian bahawa perjalanan UMNO ini mengenai soal politik dalam negeri telah menjadi lebih kencang lagi. Di dalam perjalanan kita ini kita telah berjumpa berbagai-bagai sekatan dan gangguan. Oleh sebab itu hendaklah tiap-tiap seorang ahli UMNO memberi bantuan yang kuat supaya dapat kita merempuh segala halangan yang di hadapan kita.

Pada 23 Ogos 1953, UMNO telah menetapkan iaitu pada tahun 1954 mestilah diadakan pilihanraya Federal. Ketetapan ini tidaklah boleh dipermainkan. Ketetapan itulah tangga pertama untuk mencapai kemerdekaan. Mati atau hidup UMNO sekarang adalah bergantung di atas kejayaan atau ketewasan di dalam pilihanraya itu. Masa diadakan pilihanraya nanti saya berkehendak pertolongan kaum ibu lebih-lebih lagi kerana kaum ibulah yang mempunyai masa dan kuasa pergi ziarah dari sebuah rumah ke sebuah rumah untuk menarik orang-orang itu kepada perjuangan kita ini dan meminta mereka membantu UMNO.

Hak mengundi ini bukanlah hak laki-laki sahaja malahan

perempuan-perempuan sama berhak juga. Tiap-tiap seorang lelaki atau perempuan samalah sahaja suaranya atau undinya. Puan-puan kenalah ingat bahawa kerana kurang satu undi kita boleh kalah dan kerana lebih satu undi kita boleh menang. Inilah tanggungan kaum ibu iaitu menarik semua pengundi supaya mengundi kepada kita. Puan-puan hendaklah tahu bahawa kitalah yang menuntut diadakan pilihanraya itu dengan tidak ada syarat langsung dan tidak minta dihadkan berapa banyak kerusi untuk Melayu dan berapa pula untuk lain bangsa. Oleh sebab itulah banyak orang bimbang yang orang Melayu boleh kalah. Tetapi saya sendiri tidak ada bimbang kerana saya menaruh harapan besar kepada bangsa saya dan saya tidak terima sebarang alasan bagi menyifatkan orang Melayu sebagai bangsa yang rendah. Betul atau tidak kepercayaan saya ini terpulanglah kepada tiap-tiap seorang Melayu sama ada lelaki atau perempuan.

Tidaklah payah saya memanjangkan cakap, melainkan di dalam persidangan puan-puan pada hari ini mahulah puan-puan timbangkan apa yang saya sebutkan ini. Puan-puan hendaklah menaruh kasih dan sayang kepada bangsa sendiri dan menaruh belas kasihan atas kaum lelaki yang berjuang hendak memajukan bangsanya dan mencapai kedaulatan dan kemuliaan bagi tanahairnya dan serta meninggikan agamanya.

"M E R D E K A"

---

[1]Bahagian Kaum Ibu di dalam UMNO, mula-mula sekali dibentuk dalam mesyuarat agung UMNO ke-29 pada 30 Ogos 1946 di Ipoh dengan nama Perkara-perkara Kaum Ibu di bawah tadbir yang dipertua. Idea untuk menubuhkan pergerakan ini datang daripada:

(i) Datin Putih Mariah, wakil Perikatan Melayu Perak.
(ii) Puan Zainab Abdul Rahman, wakil Persatuan Melayu Seberang Perai.
(iii) Puan Saleha Ali, wakil Persatuan Melayu Selangor.

Pada Januari 1947, Jabatan Kaum Ibu UMNO ditubuhkan dengan ketua pertamanya Datin Putih Mariah. Pejabat ini mula-mula diletakkan di bawah perkara-perkara siasah, dan ini bermakna ia hanya sebagai penyokong dalam UMNO.

# 17

# PERIKATAN: TAHAP PERTAMA BAGI MENCAPAI KEMERDEKAAN

*(Ucapan yang dipertua dalam persidangan Majlis Mesyuarat Agung UMNO tahun yang kelapan di Alor Setar, Kedah, pada 12 dan 13 September 1953)*

Dalam persidangan hari ini, saya suka hendak membayangkan kepada tuan-tuan perkara-perkara penting yang telah berlaku antara masa persidangan kita di Melaka dengan persidangan kita hari ini. Di dalam masa itu banyaklah perkara-perkara yang telah berbangkit yang menarik perhatian orang ramai dan mengenai perjuangan UMNO.[1] Dan juga saya mengambil peluang pada hari ini menerangkan kepada tuan-tuan polisi yang kita bentuk sebagai tangga pertama untuk mencapai kemerdekaan perikatan UMNO-MCA, makna dan tujuan-tujuan ketetapan yang diambil dalam perhimpunan kebangsaan dan sokongan serta bantuan yang dikehendaki daripada ahli-ahli UMNO.

Dalam persidangan setengah tahun yang diadakan di Melaka pada bulan April tahun ini, satu keputusan yang penting telah dapat dicapai, iaitu menuntut diadakan pilihanraya Federal pada tahun 1954. Setelah itu tuan pesuruhjaya tinggi pun mengisytiharkan dalam Majlis Undangan Federal yang bersidang pada bulan Mei, bahawa beliau dan raja-raja Melayu telah bersetuju mengadakan perubahan dalam susunan Majlis Undangan Persekutuan, iaitu dengan mengadakan pi-

lihanraya bagi ahli-ahli mesyuarat Federal itu.

Kemudian pula, iaitu dalam persidangan Majlis Undangan Persekutuan pada bulan Julai, sebuah jawatankuasa untuk mengkaji dan menyiasat soal-soal berkenaan pilihanraya Federal telah dilantik sebanyak 46 orang, termasuk wakil-wakil dari pihak raja-raja Melayu, dari pihak kerajaan Persekutuan, dari pihak *Chambers of Commerce* dan UMNO-MCA serta lain-lain pertubuhan. Daripada jumlah 46 orang ini, telah dipilih sebanyak 21 orang untuk menjadi jawatankuasa kerja yang akan membuat penyatanya berkenaan soal pilihanraya itu.

Tuan-tuan tentulah masih ingat apa yang telah berlaku dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan tatkala dibahaskan masalah melantik jawatankuasa pilihanraya itu. Dalam persidangan tersebut wakil-wakil UMNO-MCA telah mendesak dengan kuatnya supaya pilihanraya Federal diadakan tidak lewat dari tahun 1954. Dan tuan-tuan tentu tidak lupa bahawa pindaan yang saya bawa supaya pilihanraya Federal pada tahun 1954 itu telah tewas dan menanglah satu cadangan yang mengesyorkan supaya pilihanraya itu diadakan secepat mungkin.

Dengan yang demikian nyatalah bahawa kita tidak tahu bilakah masanya yang sebenar akan dijalankan pilihanraya itu. Berkenaan dengan orang-orang yang menjadi ahli dalam jawatankuasa kerja pilihanraya itu, kalau kita pandang dan tilik, nescaya nyatalah bahawa kebanyakan daripada mereka itu adalah daripada golongan orang-orang menteri besar yang tidak bersetuju diadakan pilihanraya Federal pada tahun 1954. Ahli-ahli UMNO dan MCA dalam jawatankuasa tersebut hanyalah enam orang sahaja. Pada pendapat saya adalah amat payah bagi kita hendak mempengaruhi orang-orang mengikut kemahuan kita. Dan kalau diikut pula kemahuan mereka itu maka lagi 10 tahun pun tak dapat diadakan pilihanraya.

Dalam masa berbahas di Majlis Undangan Federal, saya telah memberi amaran bahawa sekiranya tidak diadakan pilihanraya pada tahun 1954, harus juga akan ada orang-orang yang tidak akan menerima lantikan bagi menduduki majlis itu bagi masa tiga tahun yang akan datang. Tetapi *Chief Secre-*

*tary* pada ketika itu telah menjawab amaran saya dengan memberi satu akuan yang kerajaan tidak akan melantik bakal-bakal ahli mesyuarat itu selama tiga tahun.

Pada 14 Ogos ini, kita telah mengadakan satu perjumpaan di antara pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu. Sungguhpun tidak diambil sebarang keputusan dalam perjumpaan tersebut, tetapi telah zahir dalam perjumpaan itu keinginan kebanyakan parti-parti siasah Melayu supaya diadakan pilihanraya pada tahun 1954, bagaimana yang terkandung dalam cadangan UMNO-MCA yang dibentangkan kepada perjumpaan tersebut.

Pada 23 Ogos pula perhimpunan kebangsaan telah diadakan di Kuala Lumpur. Di dalam persidangan yang bersejarah ini yang dihadiri oleh parti-parti Melayu dan Cina yang terkemuka, telah diambil satu keputusan yang muktamad iaitu mendesak supaya diadakan pilihanraya Federal pada tahun 1954 sebagai tangga yang pertama untuk mencapai kemerdekaan dalam Komanwel.

Apakah erti dan maknanya ketetapan yang kita telah ambil dalam perhimpunan kebangsaan itu? Di sini saya suka menegaskan bahawa kita ini sudah mula berjuang dan perjuangan itu tiadalah boleh dicuai-cuaikan sehingga merdeka itu tercapai di tangan kita. Tiap-tiap negeri atau bangsa yang berjuang mestilah ada di dalamnya perajurit-perajurit yang mempunyai perasaan dan semangat hendak berkorban dan berkhidmat. Di dalam perjuangan seumpama ini senjata yang besar ialah wang ringgit dan semangat bekerja serta semangat berjuang.

Tuan-tuan boleh perhatikan di dalam peperangan, bagaimana persediaan-persediaannya. Latihan-latihan tidak berhenti-henti dijalankan. Saya sendiri masih ingat bagaimana saya bekerja dalam masa peperangan yang lepas, sehinggakan tak sempat bersalin kain baju. Begitu juga sekarang, saya tidak kira kesenangan diri, ke mana-mana sahaja saya pergi untuk menaikkan perangsang orang-orang kita. Dalam sebulan tak pernah duduk lima hari berturut-turut dalam rumah, hatta bersalin pakaian pun tak sempat. Begitu juga rakan-rakan saya seperti Dr. Ismail, Sardon Zubir, Ali Raya,

Tuan Haji Hassan Yunus dan pegawai penerangan UMNO Malaya. Pegawai-pegawai dalam bahagian dan cawangan, bukanlah saya meminta mereka berbuat seperti itu, tetapi sekurang-kurangnya hendaklah mereka beri orang ramai sedar bahawa kita sekarang dalam perjuangan, dengan menunjukkan teladan dengan perbuatan, bukan dengan cakap-cakap sahaja.

Di sini patut juga saya sebutkan iaitu ada juga pegawai-pegawai dalam beberapa cawangan dan bahagian UMNO yang bekerja keras kerana UMNO di tempatnya, tetapi banyak lagi yang tidak menunaikan kewajipan sebagaimana yang dikehendaki oleh perjuangan kita sekarang. Dengan kerana inilah yuran-yuran kita tergantung dan banyak cawangan lemah.

Di sini saya berulang balik membicarakan di atas keputusan yang kita telah ambil 23 Ogos itu. Dengan keputusan ini bermakna kita tidak menerima pilihanraya itu diberikan kepada kita pada masa yang lebih lanjut daripada tahun 1954.

India yang penduduknya 160 juta orang telah menyediakan jentera pilihanraya dalam tempoh tidak lebih dari 10 bulan. Sebuah akhbar Inggeris telah mengulas atas perkara ini dengan mengatakan bahawa India telah memang bersedia beberapa tahun lamanya, jadi kononnya apa yang India buat dalam 10 bulan itu hanyalah sebagai melengkapkan perkara yang sudah sedia ada. Kita pun sudah lama ada persediaan seumpama itu, iaitu pilihanraya Majlis Bandaran yang telah diadakan semenjak tahun 1950. Oleh itu saya tidak nampak sebab-sebab yang tidak boleh diadakan pilihanraya Federal pada tahun 1954, melainkan ialah menyekat dan menghalang kita daripada menjalankan demokrasi dalam negeri ini dan menyekat daripada mencapai kemerdekaan. Bersangkutan dengan pilihanraya ini maka di sini saya suka menegaskan polisi UMNO berkenaan dengannya.

Saya tidak bercadang yang UMNO ini mengambil bahagian dalam pilihanraya *Local Council* atau sebagainya yang lebih rendah daripada Majlis Bandaran. Sekiranya ada lain-lain parti yang bertanding bagi majlis-majlis tempatan itu, barulah UMNO diluluskan bertanding di tempat itu. Seperkara lagi dalam keputusan-keputusan perhimpunan kebang-

saan itu ialah berkenaan dengan soal ketetapan duduk dalam Komanwel. Barangkali tuan-tuan kurang faham apa sebab ketetapan seumpama itu kita ambil, dan harus juga ada setengah daripada orang-orang kita yang tidak bersetuju dengannya.

Di sini saya suka sebutkan iaitu selama ini kita telah memakai undang-undang British dan aturan pentadbiran negeri secara British. Askar kita pun berlatih menurut cara British, tambahan pula yang negeri kita ini mempunyai wang simpanan yang berjuta-juta pound emas banyaknya di dalam tabung *Empire Pool*. Pendek kata serba-serbi, seperti ukuran dan sukatan dan berbagai-bagai lagi semuanya cara British belaka. Dan kita sudah pun tahu dan merasa baik buruknya.

Tiap-tiap satu negeri yang merdeka, kenalah mencari kawan dan sahabat untuk bertukar-tukar fikiran dan bertolong-tolongan di antara satu dengan lain. Oleh yang demikian, kita melihat India, Pakistan dan Ceylon yang merdeka telah masuk dalam Komanwel. Maka semolek-moleknya bagi suatu bangsa yang mencari sahabat itu, mendapatkan kawannya dari bangsa yang peraturan dan susunan pemerintahan negerinya bersamaan dan serupa. Seperkara lagi ada syak wasangka daripada setengah-setengah pihak, yang kononnya perjuangan kita menuntut merdeka ini dihasut oleh komunis atau negeri yang menaruh niat hendak mencantumkan negeri kita dengannya apabila kita merdeka kelak.

Maka dengan ketetapan ini nyatalah bahawa kita ini hendak merdeka bukan kerana dihasut oleh sebarang pihak, malahan ialah semata-mata dengan sebab keinsafan dan kesedaran kita hendak menyelamatkan bangsa dan negeri kita dan mengadakan ketenteraman di dalamnya serta memperelokkan kedudukan penduduk-penduduknya supaya dapat kita memberi sumbangan yang berharga dalam pembinaan keamanan dan kemakmuran dunia ini bersama-sama dengan lain-lain bangsa yang merdeka dan berdaulat di bumi ini.

Inilah dia polisi UMNO yang terang-benderang, maka janganlah ada siapa-siapa yang keliru atau salah faham atas hal ini lalu masuk UMNO dengan tujuan hendak menghasut dan mengheret ke sana ke mari. Saya mengisytiharkan dasar

ini dengan berterang-terang supaya semua orang tahu polisi kita. Dari itu siapa-siapa yang tidak bersetuju dengan polisi UMNO ini, silalah berundur diri dari UMNO daripada sekarang dan siapa-siapa keras dan bersungguh-sungguh [teruskanlah] menjayakan polisi itu.

Sebaliknya pula jawatankuasa persidangan kebangsaan yang dianjurkan oleh sebilangan menteri-menteri besar itu berkehendakkan supaya rakyat bagi beberapa tahun lagi yang akan datang hendaklah diperintah secara yang lebih tidak demokratik daripada yang ada sekarang. Mereka ini yang sebenarnya mencuba hendak memutarkan jarum jam politik ke belakang. Di sini kita patutlah menyoal apakah tujuan jawatankuasa kerja persidangan kebangsaan itu selain daripada memperbodoh-bodohkan rakyat.

Perikatan UMNO-MCA tidak percaya bahawa rakyat negeri ini tidak boleh mengemukakan wakil-wakil yang cekap. Sebaliknya kita percaya di dalam keadaan peraturan sekarang tentang melantik ahli-ahli mesyuarat adalah lazimnya dilantik orang-orang yang pukul turut sentiasa. Dengan hal yang demikian ini apa kemahuan rakyat tiada dapat dijalankan. Sehinggakan ada masanya yang pihak UMNO-MCA membawa cadangan yang berfaedah kepada rakyat, tidak mendapat sokongan. Kita telah mencadangkan iaitu perniagaan-perniagaan yang bermodal kurang daripada $1 000.00, patutlah dibebaskan daripada kena bayar hasil. Demikian juga Dr. Ismail telah mencadangkan supaya orang-orang dagang yang dibawa ke mari untuk bekerja di sini, hendaklah dihantar balik apabila kerjanya habis dan selesai. Cadangan-cadangan ini tidak dapat sokongan, kerana pihak pemerintah tidak bersetuju dan ahli-ahli mesyuarat Melayu yang dilantiknya itu ikut tak bersetuju.

Jawatankuasa kerja *National Conference* yang tersebut itu telah mencadangkan supaya Majlis Undangan diluaskan sehingga mengandungi 90 orang ahli mesyuarat yang dilantik. Dengan cadangan ini bermaknalah kerajaan terpaksa menambah elaun-elaun yang biasa, iaitu sebanyak $500.00 seorang, dan dengan ini bertambah kuat lagi suara kerajaan di dalam majlis itu.

Berkenaan majlis mesyuarat kerajaan Federal pula, jawatankuasa kerja itu mencadangkan supaya kerusi-kerusi dipenuhi oleh pegawai-pegawai kerajaan yang bergaji sahaja. Jadi ahli-ahli yang bukan rasmi, seperti saya, kenalah keluar daripada situ. Dengan ini bermaknalah bahawa negeri ini diperintah dan dicengkam dengan lebih-lebih kuat oleh kerajaan British melalui pegawai-pegawai Melayu dan British yang bergaji, dan rakyat tidak berpeluang walau sedikit pun mengambil bahagian di atas hal-ehwal pemerintahan negerinya sebagaimana yang patut mereka dapat kiranya negeri ini diperintah secara demokrasi.

Adakah cara ini suatu cara yang munasabah pada akal dan sesuai dengan peredaran masa dan kemajuan manusia sekarang? Jikalau kita bergantung atau berharap kepada orang-orang seumpama ini untuk membela nasib bangsa kita, maka sudah tentu orang-orang kita akan mati tak berkubur. Oleh yang demikian, wajib rakyat kita bersatu padu dan bersatu hati membela nasibnya sendiri. Dan jalan yang boleh ditempuh bagi membela nasibnya itu ialah rakyat itu menyokong dengan kuatnya dan sepenuhnya serta tidak menyoal lagi akan keputusan yang kita ambil pada 23 Ogos 1953, iaitu supaya pilihanraya diadakan pada tahun 1954 dengan tidak bertangguh lagi.

Pada masa ini pihak UMNO-MCA akan berikhtiar dengan cara perundingan supaya tujuan kita ini dapat dihasilkan dan sekiranya tidak dapat terpaksalah kami mengambil tindakan yang lebih berkesan. Tanggungan kita sekarang ialah berdamping rapat dengan rakyat jelata di merata-rata ceruk dan kampung sambil memberi kepada mereka itu faham akan apa yang kita buat sekarang ini. Dan juga wajib atas ahli-ahli UMNO pada hari ini semata-mata dengan sokongan daripada rakyat jelata. Kejayaan kita dalam pilihanraya Majlis Bandaran itu adalah semata-mata dengan kerana rakyat jelata telah mengundi bagi kemenangan calon-calon kita. Dengan kerana rakyatlah sahaja, maka UMNO berserta rakannya MCA telah berjaya 89 peratus dari kerusi Majlis Bandaran di dalam lapan buah jajahan yang diadakan pilihanraya.

Rakyat-rakyat yang datang mengundi dalam hujan dan

panas itu kebanyakannya bukan ahli UMNO, cumanya mereka itu ada perasaan yang bahawa UMNO ini Melayu dan Melayu itu UMNO. Dengan yang demikian siapa yang menjadi rakan kepada UMNO, jadilah rakan kepada mereka.

Dari kejadian-kejadian ini, tuan-tuan kenalah menaruh timbang rasa dan kenang serta kasih kepada kaum bangsa tuan-tuan ini. Tuan-tuan kenalah berbuat segala daya dan ikhtiar untuk menanam kepercayaan dalam batin rakyat jelata sehingga mereka yakin bahawa apabila Tuhan izinkan kita menjadi parti yang berkuasa di dalam negeri ini, maka kitalah yang boleh membela nasib mereka dan menyelamatkan kedudukan mereka.

Dengan sebab hendak menanamkan kepercayaan rakyat kepada kita, maka ahli-ahli UMNO yang menjadi ahli Majlis-majlis Bandaran hendaklah pandai membawa diri dan menjaga nama baik dan maruah supaya jangan cacat nama UMNO. Ahli-ahli yang dipilih ini hendaklah sentiasa mengambil tahu akan hal rakyat yang telah memilih mereka sebagai wakil-wakilnya. Dengan hanya duduk diam diri, dan apabila datang masa pilihanraya baru terburu-buru membuat akuan hendak menolong rakyat.

Kita masuk pilihanraya dengan nama Perikatan. Jadi wajiblah ahli Perikatan itu bekerjasama dan bersefahaman itu mestilah ada seorang ketua di antara ahli-ahli mesyuarat itu supaya dapat menyatukan fikiran dan pandangan calon-calon Perikatan dalam sebarang perkara yang dikemukakan di dalam majlis yang mereka menjadi ahlinya. Atas tujuan ini saya sendiri akan membuat surat keliling kepada semua ahli-ahli UMNO dalam Majlis Bandaran dan *Municipal* dan akan meminta pihak MCA demikian juga.

Sekarang ada lagi setengah-setengah orang yang kurang faham dan keliru berkenaan perikatan UMNO-MCA. Ada setengah wakil dari sebuah parti Melayu di dalam persidangan pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu yang diadakan pada 14 Ogos 1953 telah berkata bahawa merdeka ini boleh tercapai dengan ikhtiar orang Melayu sahaja dan mengetepikan lain-lain bangsa. Wakil itu berpendapat bahawa soal kemerdekaan ini adalah soal Melayu dengan British.

Saya telah menerangkan kepadanya bahawa British telah mengatakan dan menetapkan bahawa kemerdekaan negeri ini tidak akan diberinya melainkan setelah ada perasaan berbaik-baik dan kerjasama antara bangsa-bangsa yang duduk di negeri ini. Maka syarat itu kalau kita hendak merdeka terpaksalah kita terima, melainkan kita mempunyai kekuatan yang cukup untuk menolaknya.

Katakanlah syarat itu tidak ada, dan dengan ikhtiar kita sendiri kemerdekaan pun tercapai di tangan kita. Maka tak syak lagi bahawa kalau kita sahaja yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan, tentulah kita hendak memerintah negeri ini sendiri cara suka kita. Maka adakah bangsa-bangsa asing yang sebanyak lebih kurang 60 peratus dengan mempunyai kekuatan iktisad dan ilmu pengetahuan akan berdiam diri dan membiarkan kita sahaja yang memerintah negeri ini dengan tidak memberikan peluang mereka bersama-sama memerintah negeri ini? Sekiranya kita tidak bekerjasama dengan mereka itu bukankah ini membawa huru-hara dan kacau-bilau dalam negeri yang baru merdeka itu? Sekiranya kacau-bilau berbangkit, sanggupkah kita menyelesaikan sendiri dengan tak memberi habuan yang munasabah yang boleh memuaskan hati mereka? Kalau kita sudah tahu yang kita akhirnya terpaksa memberi hak kepada orang-orang itu, kenapakah kita tidak berkira bicara secara damai dan berbaik-baik dari sekarang ini? Apakah sengaja hendak mengadakan kacau-bilau kemudian terpaksa menyerah? Kalau kita menyerah dengan terpaksa, perasaan benci itu akan ada selama-lamanya di antara satu bangsa dengan yang lain. Dengan adanya perasaan itu negeri ini tidak boleh jadi aman selama-lamanya.

Kalau kita dapat merdeka yang tak boleh membawa keamanan dan kemakmuran kepada negeri ini, apakah gunanya merdeka itu kepada kita? Merdeka yang kita tuntut itu ialah kemerdekaan yang membawa kesenangan bukan sahaja pada masa ini, malahan sehingga akhir zaman. Katakanlah bahawa kita boleh menolak mentah-mentah permintaan orang-orang asing itu dengan menggunakan kekuatan senjata. Adakah tuan-tuan ingat yang dunia internasional akan berdiam diri dan membiarkan kita menyeksa dan membunuh mereka?

Kalau ada ingatan seumpama itu lebih baik jangan campur pergerakan-pergerakan siasah yang halal, baiklah campur dengan orang-orang yang di hutan, kerana akhirnya dengan perbuatan yang zalim seumpama itu, kuasa-kuasa dunia akan menewaskan kita dan terpaksalah kita masuk ke dalam hutan ataupun ditakluk balik semula. Hendak menuntut dan mendapatkan merdeka itu bukanlah perkara yang susah sangat. Tetapi yang lebih-lebih susah ialah hendak menjaga keamanan dan kesentosaan negeri ini dalam masa telah merdeka.

Tuan-tuan hendaklah ingat bahawa di dalam beberapa tahun ini kita telah duduk dengan bangsa asing, dengan tidak kita menaruh perasaan khianat terhadap mereka. Demikian juga mereka tiada perasaan khianat terhadap kita. Misalnya kalau seorang Melayu hendak membeli barang-barang dari kedai, dia tidak berkira kedai siapa yang ia hendak membeli dan begitu juga kalau bangsa asing itu kena susah, dia pergi kepada mata-mata Melayu atau bicara kepada hakim Melayu. Begitu juga kalau negeri kita merdeka, bukan kita hendak meruntuhkan perniagaan bangsa-bangsa asing ataupun mereka itu hendak merampas jawatan-jawatan yang dipegang oleh orang Melayu.

Ada setengah-setengah orang berkata bahawa kita di bawah pengaruh MCA, tetapi kalau tuan-tuan tahu siapa orangnya yang mengeluarkan perkataan seumpama itu, nescaya tuan-tuan akan tahu bahawa orang-orang itu adalah seteru kepada bangsanya sendiri dan menjadi perkakas kepada bangsa lain yang hendak memecahbelahkan kita. Ada juga tuduhan-tuduhan yang berkata kiranya kita merdeka, kita akan bunuh Cina. Tuduhan-tuduhan ini telah keluar dari setengah-setengah orang-orang di negeri kita dan ada dibayangkan dalam sebuah majalah Inggeris yang dinamakan *Statement*.

Tuan-tuan tentu faham apa maksud saya di sebalik tuduhan-tuduhan seumpama itu. Apa yang saya hendak tegaskan di sini, iaitu bahawa perjuangan kita ini ikhlas dan jika ada niat dalam hati saya hendak jualkan bangsa saya, Allah Taala jua yang mengetahui dan akan memberi balasan dengan perbuatan yang derhaka itu.

Pada bulan Disember hadapan ini akan diadakan pilihanraya *City Council* Singapura dan UMNO akan mengambil bahagian di dalamnya, kerana kita telah melihat bahawa tidak ada seorang ahli Melayu yang dipilih dalam majlis itu. Kita akan berusaha dengan seberapa daya upaya supaya nama dan darjat orang Melayu naik tinggi di bandaraya itu.

Orang-orang Melayu dalam Singapura bukan sedikit bilangannya dan mereka itu telah menunjukkan yang mereka cukup kuat semangatnya. Dan di Singapura juga orang-orang Melayu telah menunjukkan kepada dunia bahawa bangsa Melayu bukanlah suatu bangsa yang boleh dipermain-mainkan dan dihina-hinakan orang. Tetapi oleh sebab tidak ada sebuah pertubuhan yang kemas dan kuat untuk memimpin orang-orang Melayu di sana, maka itulah sebabnya orang-orang Melayu lemah dalam lapangan politik, sehingga tak masuk bertanding dalam pilihanraya. Sekarang ini UMNO telah menaikkan panji-panjinya di Singapura, maka dengan panji-panji yang sedang berkibar inilah kita harap hendak menaikkan darjat Melayu di Pulau Singapura itu.

Daripada tarikh ini bukan sahaja ahli-ahli UMNO di Singapura kena bekerja bersungguh-sungguh, tetapi ahli-ahli UMNO di *Federation* kenalah memberi bantuan yang sekuat-kuatnya kepada saudara-saudara yang di seberang Selat Johor itu. Saya sendiri akan mengambil bahagian yang besar untuk menjayakan calon-calon UMNO dalam pilihanraya di Singapura itu.

Tuan-tuan sedia maklum apa yang telah berlaku dalam negeri Perak. Kita bersyukur kepada Tuhan Rabbul Alamin yang pendirian UMNO di sana tidak ada cacat cederanya. Apa yang berlaku di Perak itu menunjukkan bahawa orang-orang Melayu, walau di mana-mana pun mereka duduk, perasaannya tetap Melayu. Walau bagaimanapun seorang itu teguh, kuat kuasanya hendak membelah bagi Melayu, tidaklah ia berjaya. Sekarang ini bolehlah dikatakan yang ahli-ahli UMNO daripada rakyat jelata Melayu di Perak semua di belakang UMNO.

Sekiranya ikhtiar-ikhtiar Dato' Bukit Gantang[2] hendak menggunakan UMNO di Perak sebagai perkakas untuk diri-

nya, bukan perkakas untuk bangsa, berjaya, seperti kehendaknya itu, saya bimbang pembesar-pembesar Melayu yang tidak sefaham dengan UMNO di lain-lain negeri pun akan mengikut jejak langkah Dato' Gantang itu. Dengan hal yang demikian ini tentulah UMNO akan hancur lebur, dan dengan itu jadilah senjata Melayu yang tajam ini tumpul dan tawar bisanya. Dan cita-cita kita hendak merdeka itu akan menjadi hampa jua. Tetapi sebarang perbuatan yang tidak ikhlas dan jujur, Tuhan tidak akan reda. Inilah yang saya pesan kepada tuan-tuan supaya dalam perjuangan kita hendaklah kita bersifat ikhlas lagi suci. Dan insya-Allah apa yang kita cita-citakan itu tetap berhasil.

Pada akhirnya saya suka berpesan kepada tuan-tuan bahawa janganlah tuan-tuan lupa jua perjuangan kita yang sebenar telah pun dimulakan. Dari itu janganlah tuan-tuan lupakan atau cuaikan tanggungan tuan-tuan dalam perjuangan kita yang berat ini. Masing-masing hendaklah berkorban kadar daya upayanya dan kadar apa pun yang ada padanya. Saya suka menegaskan di sini iaitu di mana-mana tempat yang saya akan melawat pada masa hadapan, janganlah bersedia makanan yang berlebih-lebihan menurut adat kebiasaan kita. Bagi diri saya ini puaslah kiranya kalau dapat minum hatta segelas air sejuk sahaja.

Tumpu dan tumpahkanlah segala usaha dan tenaga serta wang ringgit kepada perjuangan kita.

"M E R D E K A"

---

[1]UMNO (United Malay National Organization ataupun Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) pada mulanya dicadangkan sebagai United Malay Organization (UMO) di Batu Pahat, Johor, di rumah Dato' Onn bin Jaafar. Antara yang terlibat dalam penubuhan ini ialah Tan Sri Mohamad Noah, Tun Razak, Haji Anuar bin Abd. Malik dan tiga orang tokoh lain termasuk Syed Alwi, Syed Syeikh Alhadi dan Syed Abdul Rahman Syeikh Abu Bakar. UMO ditukar kepada UMNO pada Mac 1946 dalam mesyuarat kongres pertama Melayu di Kuala Lumpur apabila ia dicadangkan oleh Zaaba. Presiden pertamanya ialah Dato' Onn, dan aktif menentang Malayan Union.

[3]Dato' Panglima Bukit Gantang (Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz) lahir pada 1905, berpendidikan di Sekolah Melayu Ipoh, 1912–1915, Sekolah Anderson, Ipoh 1915–1925, Universiti London dan Inner Tample, 1925 – 1930, bekerja sebagai pegawai kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1951; berhenti daripada jabatan kerajaan dan menjalankan aktiviti guaman sendiri pada 1932; berkahwin dengan anak Datuk Panglima Kinta, 1935; mengambil tempat Datuk sebagai orang kaya-kaya Panglima Bukit Gantang pada 1936; menjadi ahli Majlis Negeri Perak 1937 – 1941, ahli majlis orang besar-besar dan ulama-ulama 1936 – 1941, ketua Persatuan Melayu Perak (1939 – 1940), semasa pendudukan Jepun bertindak sebagai hakim, presiden Perikatan Melayu Perak, 1946 – 1947, setiausaha agung UMNO, 1946–1947; menjadi menteri besar Perak pertama, 1948–1957; kemudian pada 1953 tubuhkan NAP (National Association of Perak) dan bersatu dengan Parti Negara yang ditubuhkan oleh Dato' Onn. Lihat Stockwell, A.J., hlm 174.

# 18

# BENAR ATAU SALAH BIAR KETURUNAN KITA YANG MENENTUKAN

*(Ucapan perasmian perhimpunan kebangsaan yang bersidang di Kuala Lumpur pada 11 Oktober 1953)*

Para perwakilan sekalian! Dengan sukacitanya saya sambut kedatangan tuan-tuan ke perhimpunan kebangsaan yang diadakan bagi kali yang keduanya pada hari ini. Kita telah mengadakan perhimpunan kebangsaan yang pertama pada 23 Ogos 1953. Dan bagi menyempurnakan janji yang telah kita buat di perhimpunan yang pertama itu, maka pada hari ini kita adakan yang kedua dalam tempoh sebulan setengah. Kita tak dapat bersama-sama dengan Persekutuan Ceylon sebab persekutuan itu telah menarik diri pada saat yang akhir setelah ia menyatakan yang ia akan hadir.

Saya suka menerangkan iaitu sekalipun perhimpunan ini diasingkan oleh UMNO-MCA tetapi tidaklah bermakna iaitu dari orang-orang dari lain pertubuhan tidak dibenarkan mengeluarkan fikirannya dengan bebas atau ditegah mereka itu daripada menjalankan kebijaksanaan dalam percubaannya hendak mempengaruhi fikiran wakil-wakil kepada pihaknya. Kita tidak datang ke majlis ini dengan fikiran yang sempit. Kita sedia hendak berbahas dan mendengar perbahasan-perbahasan sekalipun perbahasan-perbahasan itu berlawan dengan kita. Yang demikian saya percaya semua wakil yang bukan ahli UMNO-MCA akan mengeluarkan segala apa yang

hendak dicakapkannya dengan penuh kepercayaan iaitu mereka itu tidak berkata-kata kepada tembok batu, bahkan kepada saudara perwakilan yang bertimbang rasa dan bersedia mendengar serta sedia untuk bertolak ansur.

Dalam perhimpunan yang telah lalu kita telah mengambil satu ketetapan dan di dalam ketetapan ini kita telah bersetuju di atas satu dasar yang menjadi asas perjuangan kita untuk mencapai kemerdekaan. Oleh kerana itu tidaklah mustahak kita sekarang kembali kepadanya. Akan tetapi dari semenjak perhimpunan itu banyak perkara telah berlaku yang pada fikiran saya berkehendakkan keterangan daripada pengerusi. Oleh itu adalah kewajipan saya menerangkan kepada tuan-tuan seberapa yang boleh.

Berkenaan dengan keputusan UMNO hendak memulaukan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu, hal ini telah diperbuat dengan tujuan hendak melaksanakan ketetapan yang telah diambil dalam perhimpunan yang pertama iaitu mengadakan pilihanraya dalam tahun 1954. Dan perkara ini telah menimbulkan banyak alasan daripada suratkhabar-suratkhabar dan lain-lain. Sekalipun ketetapan itu hanya mengikat ahli-ahli UMNO sahaja, tetapi adalah dijangkakan iaitu ketetapan itu akan diterima oleh perhimpunan ini, yang demikian telah mendapat serangan-serangan yang hebat daripada persidangan kebangsaan anjuran menteri-menteri besar. Perkataan-perkataan yang mengelirukan pendirian Perikatan UMNO–MCA yang telah dilafazkan itu, di antaranya termasuklah perkataan-perkataan "ahli-ahli siasah yang bersorak", "juara akhbar", "dasar perwakilan sempit", "tuntutan yang tiada bertanggungjawab" dan "kejahilan yang amat sangat".

Saya pihak perhimpunan ini dengan sukacitanya membalas suara pujian-pujian terhadap kita itu dengan satu perkataan sahaja iaitu kita adalah jujur dalam cita-cita kita dan apa yang telah kita sediakan itu kita berazam akan membuatnya.

Tiada suatu pun daripada apa yang mereka katakan yang akan menahan kita daripada meneruskan perjalanan rancangan. Kita sedar ini boleh dijalankan. Biarkan keturunan

kita menimbangkan sama ada kita benar atau salah. Perjuangan India kerana kemerdekaan telah bertemu dengan rintangan yang seumpama ini daripada pengampu-pengampu kerajaan penjajah seperti orang-orang yang menjadi ahli di dalam persidangan kebangsaan anjuran menteri-menteri besar itu. Tetapi pihak India Kongres[1] tidak berasa kecewa kerana mereka terus berjuang sehingga kemerdekaan bagi India.

Penganjur-penganjur yang seumpama itu melihat kesalahan di mana-mana juga kerana mereka itu tidak mempunyai pendirian yang tetap. Mereka iktiraf tetap-tetap suatu yang difikirkan melampau dan dengan berbuat demikian mereka berasa yang merekalah orang yang benar dan baik. Dengan jalan ini adalah juga menolong mereka pada mengelakkan cara-cara berfikir yang perit dan pada mengeluarkan fikiran-fikiran yang harus berlawanan dengan penjajah, fikiran dan perjalanan mereka itu adalah kolot dan fahaman mereka adalah konservatif.

Mereka pandang sebarang perubahan dan susunan kerajaan dengan perasaan takut dan ngeri. Dan bagi meletakkan diri mereka dalam kebenaran dan kita dalam kesalahan, maka mereka itu membuat tuduhan-tuduhan ke atas kita dengan tujuan hendak merendahkan mutu kita pada orang ramai. Mereka tidak berani bertindak kerana takut salah dan mereka tidak berani bergerak kerana takutkan jatuh. Mereka menjauhkan diri daripada membuat perhubungan yang sihat dengan rakyat dan duduk khayal di dalam kurungan sahaja. Mereka itu bersuka hati menyerahkan perjalanan siasah kepada penjajah. Yang demikian itu sekiranya kerajaan berkata, "Pilihanraya tidak akan sedia dalam tahun 1960", maka mereka bukan sahaja suka hati menyokongnya, bahkan mereka akan tambahkan dua tahun lagi kepada angka itu.

Kita telah bersetuju pilihanraya mestilah diadakan dalam tahun 1954. Dan apabila kita berkata 1954 maka kita ertikan iaitu pilihanraya tidaklah sebagaimana dilengahkan kemudian daripada masa itu. Dalam perjumpaan yang telah lalu kita telah terangkan bagaimana rancangan ini boleh dijalankan, dan kita gambarkan keadaan di India dan Goldcoast. Jika pilihanraya boleh diadakan di kedua-dua negeri itu dalam

tempoh setahun daripada saat mereka memutuskan hendak mengadakannya, saya tidak nampak apa sebabnya perkara itu tidak dapat dijalankan di negeri kita ini padahal ada 14 bulan lagi di hadapannya.

Bercakap sebagai seorang ahli daripada jawatankuasa kerja pilihanraya yang dilantik oleh kerajaan, saya yakin iaitu dengan kemajuan yang sudah diperoleh dalam rundingan-rundingan kita dan dengan panduan yang bijak yang ditunjukkan oleh Tuan Hozam, pengerusi jawatankuasa itu, kita sudah tentu akan dapat mengadakan pilihanraya dalam tahun 1954, melainkan kerajaan telah memutuskan tidak akan memberikannya kepada kita. Maka tatkala itu kita akan berhimpun semula dan menetapkan apa langkah yang kita patut ambil.

Meskipun banyak kata-kata menentang pilihanraya, saya yakin bahawa penduduk negeri ini adalah bersedia untuknya. Sungguhpun hanya bilangan kecil pengundi-pengundi telah mendaftarkan diri kerana pilihanraya Municipal Kuala Lumpur, maka ini tidaklah boleh menjadi satu batu uji atas kemajuan penduduk-penduduk terhadap pilihanraya bagi seluruh Tanah Melayu. Pertamanya penerangan yang telah diberi terlalu sedikit sehinggakan seorang calon dalam pilihanraya yang pertama itu tidak mengetahui iaitu ia dikehendaki mendaftarkan diri. Cadangan dalam memorandum yang akan saya bawa kemudian daripada ini bagi persetujuan perhimpunan ini maka kemajuan akan dapat dilihat berkenaan dengan bilangan pengundi-pengundi yang didaftarkan dan kemahuan penduduk-penduduk terhadap pilihanraya.

Malaya sahajalah sebuah negeri bertamadun dalam empayar[2] British yang belum mengadakan pilihanraya. Hal ini tentulah menyebabkan kerunsingan kepada semua jajahan yang lain yang telah jauh majunya dalam lapangan siasah, dan ini adalah membayangkan tidak adanya kebolehan pada pihak penduduk dan kejujuran pada pihak kerajaan negeri ini. Sebagai menentang kerajaan bolehlah dikatakan iaitu kerajaan belum menyediakan penduduk-penduduk negeri ini untuk sebuah kerajaan yang bercorak demokrasi padahal kerajaan telah beberapa tahun berhubung rapat dengan pen-

duduk negeri ini dalam lapangan pentadbiran dan masyarakat. Dan hal ini adalah memberi peluang kepada komunis menjalankan pengaruh mereka bagi mencapai cita-cita siasahnya. Adalah menjadi kewajipan sekalian rakyat yang berfikiran waras menimbangkan dengan selurus-lurusnya di atas perkara ini sekalipun hanya dengan tujuan hendak melawan dakyah komunis. Yang demikian itu, kepada penganjur-penganjur yang belum sedia hendak menghadapi pilihanraya, saya nasihatkan mereka supaya bangunkan dan berikan sebarang pertolongan supaya pilihanraya dapat diadakan dalam tahun 1954.

Akhirnya saya suka menyebutkan berkenaan lantikan Kolonel H.S. Lee dan Dr. Ismail menjadi menteri-menteri dalam kerajaan yang ada sekarang. Lantikan-lantikan ini telah dilakukan kerana Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi telah memikirkan patut diberi pengiktirafan kepada Perikatan UMNO-MCA ini. Ada banyak fikiran-fikiran telah dikeluarkan atas muslihat yang ada di belakang lantikan ini. Nasihat saya kepada ahli-ahli kita ialah tuan-tuan mestilah terima lantikan kedua-dua orang kuat Perikatan ini sebagai tanda muhibah. Dan hendaklah kita menerimanya dengan hormat dan semangat bekerjasama, dan tidaklah patut kita bersorak-sorak tentang perkara ini bahkan kita patut menerima kasih kepada Tuan Yang Terutama kerana pengiktirafan yang telah diberinya dengan mengadakan jawatan-jawatan ini. Dan patutlah kita memberi tahniah kepada dua orang yang telah dilantik itu. Sebagai hasil daripada pengiktirafan ini nama kita telah menjadi lebih-lebih terkenal di dalam dan di luar negeri. Dan pengiktirafan ini dengan sendirinya menjadi satu jawapan yang tepat kepada serangan-serangan hebat yang ditujukan kepada kita oleh persidangan kebangsaan ciptaan menteri-menteri besar itu. Bahkan lantikan ini lebih-lebih lagi akan menguatkan tuntutan kita tentang pilihanraya dalam tahun 1954. Kedua-dua pegawai ini akan duduk di sana mewakili fikiran dan pandangan UMNO-MCA atas berbagai-bagai perkara mengenai kedudukan siasah dalam negeri ini. Sebagai ahli-ahli Perikatan mereka mempunyai hubungan rapat dengan rakyat, dan kerajaan memanglah patut berdamping

dengan fikiran dan pandangan rakyat.

Kebetulan pula lantikan kedua-dua Kolonel H.S. Lee dan Dr. Ismail telah menimbulkan tidak puas hati sama ada betul atau tidak di kalangan kaum India yang berasa bahawa kaum mereka telah dibelakangkan. Orang-orang India dalam negeri ini adalah di antara orang-orang yang paling kuat sekali berkehendakkan terdirinya kebangsaan Malayan, dan kerana ini mereka tidak mahu menyesuaikan diri mereka dengan perhimpunan kita ini sebab mereka berpendapat bahawa kita bercorak perkauman.

Tetapi hari semalam, lima orang daripada kaum mereka yang ada di dalam Majlis Undangan Federal telah menarik diri dan kebetulan pula dua daripada mereka itu tidak mewakili kepentingan kaum mereka, tetapi mewakili Buruh dan *Trade Union*. Dengan keduanya ini menarik diri, mereka telah membelakangkan kepentingan Buruh dan *Trade Union* yang tidak bercorak perkauman itu untuk kepentingan kaum India. Ini dengan nyatalah menunjukkan apa yang telah saya sebutkan dahulu iaitu semua kata-kata dan cakap-cakap tentang pertubuhan-pertubuhan yang tidak bercorak perkauman adalah dusta belaka. Saya telah berkata bahawa persatuan kebangsaan dengan erti kata yang sebenarnya tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat, dan saya percaya cara yang baik sekali untuk mencapai perpaduan kebangsaan ialah menggalakkan Perikatan.

Maksud saya menyebutkan perkataan ialah untuk membuktikan pandangan saya, dan saya berasa tindakan yang telah diambil oleh kelima-lima orang India itu telah menghapuskan sebarang waswas yang ada, dan saya bersedia menyokong dengan segala tenaga saya tentang betul dan benarnya dasar kita mengadakan perhimpunan ini.

Sebagai penutup, saya suka minta tuan-tuan benarkan saya mengosongkan kerusi ini untuk Kolonel H.S. Lee yang akan mengambil tempat saya sebagai pengerusi supaya saya dapat membawa cadangan sebagai pengerusi *special committee* bagi penerimaan penyataannya itu.

"M E R D E K A".

[1]MIC (Malayan Indian Congress) ditubuhkan pada bulan Ogos 1946. Presiden pertamanya ialah John Thivy, seorang yang aktif dalam liga kemerdekaan India. Pada mulanya MIC menghadapi kesulitan kerana pemimpinnya terdiri daripada golongan India Utara sedangkan ahli-ahlinya hampir kesemuanya terdiri daripada orang-orang India Selatan (Tamil). Mereka merasakan kebajikan mereka, yang kebanyakannya terdiri daripada buruh, telah diabaikan. Bagaimanapun menjelang tahun 1954, pentadbiran MIC telah disusun dan akhirnya MIC menyertai Perikatan hingga ke hari ini.

[2]Empayar menunjukkan satu kawasan yang luas. Biasanya ia merujuk kepada pentadbiran dan kuasa politik. Pada masa lampau kuasa politik atau pentadbiran yang melibatkan wilayah yang luas selalunya dilakukan dengan cara kekuatan tentera. Empayar British menunjukkan kawasan-tanah jajahan Inggeris. Empayar British melibatkan kawasan yang luas, termasuklah Tanah Melayu (Malaysia).

## 19

# MASA BERCAKAP TELAH BERLALU

*(Ucapan perasmian persidangan setiausaha-setiausaha bahagian UMNO seluruh Malaya yang diadakan di Johor Bahru, Johor pada 14 dan 15 Januari 1954)*

Tuan-tuan sekalian dan para perwakilan! Inilah kali yang pertama dalam sejarah UMNO diadakan perjumpaan seumpama ini di antara setiausaha-setiausaha bahagian UMNO seluruh Malaya. Dengan kedatangan tuan-tuan ini menunjukkan bahawa tuan-tuan taat setia kepada UMNO dan perintah-perintahnya. Di antara tuan-tuan, ada yang datang dari jauh seperti Kelantan, Perlis dan lain-lain. Banyak wang dan masa telah digunakan dengan menempuh berbagai-bagai kesusahan di dalam perjalanan. Kedudukan dan persediaan di sini pun tidaklah begitu sempurna. Tetapi semuanya itu tidak menjadi satu-satu soal yang penting kepada tuan-tuan sebagai pejuang-pejuang. Yang penting sekali ialah hendak memajukan UMNO ini supaya cita-cita kita dapat tercapai. Tuan-tuan harus belum ketahui ataupun baru sahaja ketahui sebab-sebabnya yang kita menjemput tuan-tuan datang sebegini jauh. Biarlah saya terangkan sebab-sebabnya seperti di bawah ini:

Yang Pertama : Saya suka memberitahu kepada tuan bahawa kita telah pun memulakan perjuangan kita yang bersungguh-sungguh untuk mencapai kemerdekaan. Jadi masa ber-

cakap sudah lepas. Jalan-jalan dan cara-cara yang kita hendak berjuang dan segala persediaan yang dikehendaki daripada ahli-ahli UMNO semuanya akan diberitahu kepada tuan-tuan dengan berterus terang.

Yang Kedua : Pentadbiran bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO hendaklah dikemaskan supaya perjalanannya sama dan lancar. Jikalau pentadbiran kita tidak tertib nescaya akan mengendalakan perjalanan kita.

Yang Ketiga : Kewangan dan macam manakah jalan-jalannya yang boleh kita menguatkannya.

Yang Keempat : Keadaan parti kita pada hari ini (I) di dalam negeri (II) di luar negeri.

Berkenaan perkara pertama iaitu perjuangan kita, maka kita telah mengambil keputusan menuntut pilihanraya pada tahun ini, dan pilihanraya inilah yang menjadi tangga yang pertama untuk mencapai kemerdekaan.

Kerajaan telah pun melantik jawatankuasa untuk menyiasat dan membuat penyata berkenaan dengan pilihanraya. Jawatankuasa ini pula telah melantik sebuah jawatankuasa kerja untuk menyusun perkara-perkara dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pilihanraya. Saya tak dapat memberitahu tuan-tuan akan butir-butir penyata itu kerana belum lagi dibincangkan oleh Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan. Tetapi kita mestilah bersedia menghadapi suasana buruk atau baik yang harus akan datang kelak. Tuan-tuan hendaklah faham bahawa jawatankuasa itu terbahagi dua, tetapi bahagian yang lebih besar ialah orang-orang yang menentang UMNO di dalam soal pilihanraya ini. Jadi yang saya hendak sebutkan kepada tuan-tuan di sini hanyalah buku-buku yang telah dikandungkan dalam kertas biru UMNO. Apa yang terkandung di dalamnya itulah tuntutan kita. Dan yang penting sekali di dalamnya dua perkara, yang pertama berkehendak-

kan ahli-ahli yang dipilih lebih banyak daripada ahli-ahli yang dilantik, kerana kita bercadang dengan adanya pilihanraya itu hendaklah diadakan cara parti politik, iaitu parti yang kuat dialah yang akan memerintah negeri sebagaimana parti yang kuat memerintah di England. Dengan berjalannya susunan parti politik barulah luas perjuangan kita dengan cara perlembagaan.

Yang kedua, kita menuntut dijalankan pilihanraya ini pada tahun ini juga. Sekiranya tidak dijalankan, kita akan menarik diri daripada Majlis Undangan. Dengan tindakan menarik diri ini bermaknalah parti kita ini telah mengisytiharkan tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan. Ini satu tindakan yang berat. Jadi sebuah parti yang bertanggungjawab seperti kita tidaklah boleh mengambil langkah ini melainkan setelah kita timbangkan dengan sehalus-halusnya dan secermat-cermatnya. Apabila kita mengambil tindakan seperti itu kita tidak boleh undur lagi barang setapak pun. Jikalau kita undur kita akan menjadi perkakas permainan orang. Saya suka membayangkan kepada tuan-tuan akan perkara-perkara yang kita hadapi apabila diambil tindakan serupa itu.

Berkenaan dengan pilihanraya ini, maka tanggungan kita sangatlah beratnya. Kita kehendaki perbelanjaan untuk tiap-tiap sebuah kerusi yang hendak kita rebut itu sekurang-kurangnya $3 000.00. Jika ada 60 kerusi yang dipertandingkan maka kita berkehendak $180 000.00. Kalau tidak dapat mengadakan wang sebanyak itu janganlah kita harap boleh bertanding.

Selain daripada berkehendakkan wang ringgit maka kita berkehendakkan tenaga dan susunan kerja yang cukup kemas. Saya berkata demikian ini kerana di dalam pilihanraya-pilihanraya bandaran, kita telah mendapat kemenangan, tetapi di dalam kemenangan-kemenangan itu, Tuhan telah menunjukkan kepada kita bagaimana kita boleh kalah kiranya kita tidak menyusun pekerjaan-pekerjaan kita. Janganlah kita berharap kepada kekuatan kita sahaja lalu kita cuaikan susunan kerja kita. Dengan tidak ada wang kita tidak boleh menang. Kekalahan di dalam pilihanraya di Singapura dan Seberang Perai dan sebaliknya kemenangan kita di Pulau Pinang dan Kuala

Lumpur adalah menjadi sebaik-baik pelajaran kepada kita.

Berkenaan dengan susunan jawatankuasa pilihanraya kita telah bentangkan di dalam mesyuarat agung UMNO di Alor Setar. Tuan-tuan hendaklah perhatikan baik-baik susunannya yang terkandung di dalam aturan peraturan kita, dan mestilah dilantik jawatankuasa-jawatankuasa pilihanraya dari sekarang. Dan jawatankuasa-jawatankuasa ini hendaklah menyusun kerja masing-masing seperti mendaftarkan pengundi-pengundi masa pendaftaran dibuka.

Berkenaan dengan perkara yang kedua iaitu soal pentadbiran bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan, maka suka saya memberitahu kepada tuan-tuan adalah UMNO ini bergantung kepada bahagian-bahagian, dan bahagian-bahagian itu pula bergantung kepada cawangan-cawangan. Jikalau bahagian-bahagian ini bekerja dengan kuat dan cawangan-cawangan pun begitu, maka UMNO sudah tentu kuat. Tiap-tiap sebuah bahagian dan cawangan UMNO itu adalah menjadi urat saraf yang mengalirkan darah kekuatan UMNO, bahkan nyawa UMNO terletak pada bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan itulah. Di dalam UMNO sekarang ada bahagian-bahagian yang kuat dan setengahnya pula lemah. Kalau UMNO ini hendak maju hendaklah semua bahagian-bahagian itu kuat.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan kewangan. Yuran-yuran UMNO tidak dapat dikutip semuanya. Ahli-ahli UMNO yang berdaftar ada lebih daripada 10 000 tetapi tak sampai satu pertiga yang menjelaskan yuran. Di mana-mana tempat yang saya pergi melawat maka saya dapati sebab-sebabnya ahli tidak membayar yuran ialah kerana tidak ada orang yang berusaha mengutipnya. Setiausaha hanya seorang diri sahaja dan tentulah tak ada masa pergi mengutip. Dan ada setengah bahagian pula tidak ada pejabatnya yang ahli-ahli UMNO boleh tuju untuk membayar yurannya. Kalau kita hendak memperbaiki hal ini kenalah kita mendapatkan orang-orang yang mengaku hendak berkorban masa dan tenaga untuk mengutip yuran-yuran itu. Tiap-tiap bahagian atau cawangan UMNO hendaklah ada pejabatnya walau di bawah pokok sekalipun. Tiap-tiap ahli jawatankuasa bahagian mahulah ada

perhubungan rapat dengan cawangan-cawangan dan cawangan-cawangan kenalah ada perhubungan yang rapat dengan penduduk-penduduk di dalam kawasan cawangan itu. Kalau tidak ada perhubungan seumpama ini tiadalah dapat kita pengundi-pengundi yang akan mengundi calon-calon kita. Daripada sekarang mestilah kita bekerja dan menguruskan semua perkara-perkara itu janganlah sampai suntuk masa baru kita terburu-buru dan terkejar-kejar.

Perkara yang keempat iaitu keadaan parti kita. Parti kita ini adalah sebuah parti yang paling kuat sekali di dalam Tanah Melayu ini. Inilah sebuah parti yang boleh dikatakan ada kuat kuasanya atas ahli-ahlinya dan boleh memerintah dan mengatur perjalanan bahagian. Ada lain-lain parti dalam negeri ini, tetapi parti-parti itu tidaklah terhitung dalam bilangan parti politik yang bertunjang kepada rakyat. Sungguhpun kita tahu yang kita kuat, tetapi jika dibandingkan kekuatan kita itu dengan kekuatan sebarang parti kebangsaan di lain-lain negeri yang menuntut kemerdekaan, maka kita ini hanyalah ibarat kanak-kanak sahaja.

Saya tak payah berpanjang lebar atas hal ini dan memadailah tuan-tuan bandingkan parti kita dengan parti kebangsaan di Indonesia, India dan Palestin pada masa perjuangan menuntut kemerdekaan. Perjuangan kita akan sampai ke kemuncaknya dan sangat kegentingannya pada tahun ini juga. Pada masa itu adakah kita sudah cukup kuat untuk menemui sebarang kemungkinan? Saya tidak mahu mengelirukan tuan-tuan, oleh itu saya tegaskan di sini bahawa kita belum cukup kuat. Kalau tuan-tuan tidak membantu saya, maka saya sendiri akan sedia menanggung dan menerima apa akan jadi atas saya untuk menyempurnakan syarat-syarat perjuangan kebangsaan.

"M E R D E K A"

## 20

# KERTAS BIRU DAN SEMANGAT BERTOLAK ANSUR

*(Ucapan perasmian perhimpunan kebangsaan yang ketiga yang diadakan di Kuala Lumpur pada 11 Februari 1954)*

Tuan-tuan sekalian! Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dengan persetujuan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu pada 15 Julai 1953 telah ditugaskan dengan pekerjaan membuat cadangan mengadakan beberapa perubahan perlembagaan berkenaan Kerajaan Persekutuan. Dan perubahan-perubahan ini adalah mengenai pilihanraya yang diniatkan oleh Tuan Yang Terutama dan raja-raja yang patut diadakan bagi menggantikan cara lantikan ahli-ahli *Federal Council* yang ada sekarang. Nyatalah niat Tuan Yang Terutama dan Duli Yang Maha Mulia itu ialah supaya jawatankuasa itu mencadangkan perubahan-perubahan yang munasabah, bersesuaian dengan aliran fikiran dan politik yang ada hari ini di dalam negeri ini, dan sejalan dengan dasar pilihanraya Parlimen. Jawatankuasa itu mengandungi 46 orang yang difikirkan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas berkenaan kehidupan sosial dan politik di dalam negeri ini. Dan daripada jumlah sebanyak itu perhimpunan kebangsaan diwakili oleh tujuh orang iaitu Kolonel H.S. Lee, Dr. Ismail, Dato' Abdul Razak, Encik

Leong Yew Koh dan Encik Tan Siew Sin, Encik Leong Cheong Ling dan saya sendiri.

Jawatankuasa itu telah memikirkan yang kerja itu boleh dibuat dengan kemas dan berkesan oleh bilangan yang lebih kecil dipanggil "parti kerja". Dan parti kerja ini telah diberi kuasa yang luas membuat dan mencadangkan suatu rancangan bagi menghasilkan perubahan-perubahan perlembagaan. 20 orang telah dilantik menjadi parti kerja itu, dan pihak perhimpunan kebangsaan telah diwakili oleh Kolonel H.S. Lee, Dr. Ismail, Dato' Abdul Razak dan Encik Leong Cheong Ling, dan waktu tidak ada kolonel H.S. Lee, tempatnya digantikan oleh Encik Leong Yew Koh.

Saya sebutkan bilangan-bilangan ini supaya menunjukkan kepada tuan-tuan keadaan rundingan-rundingan yang telah dijalankan di dalam parti kerja dan bagaimana kelemahan yang tentang bilangan, yang sanggup kita bertolak ansur.

Dalam tuntutan saya ini, telah bersekutu dengan kita ahli-ahli buruh dan menteri-menteri besar Pahang dan Terengganu. Dengan tidak ada bilangan yang lebih banyak yang dipilih yang mencukupi daripada ahli-ahli mesyuarat itu maka asas, tujuan dan niat hendak mengadakan pilihanraya itu, pendapat kita, telah lenyap dengan sendirinya. Sebabnya yang kita telah beri ialah seperti yang terkandung di dalam lapan barisan pertama hingga kepada akhir fasal 32, dan lagi pada muka lapan seperti di dalam fasal 37. Maka saya menambah iaitu kita telah berpegang teguh kepada tuntutan kita berkehendakkan kemerdekaan. Dan kita telah menjelaskan bahawa kemerdekaan itu hendaklah dihasilkan dengan beransur-ansur dari satu ke satu peringkat. Yang pertama ialah Majlis Undangan yang telah dipilih itu dipenuhi dengan bilangan yang ramai ahli-ahli yang dilantik maka tiadalah harapan mendapat kemajuan menuju kemerdekaan.

Menurut golongan kolot yang menentang kita, katanya "tidak bijak menjadikan langkah kita yang pertama itu terlalu besar" kepada mereka adalah sabar, berjaga-jaga dan belajar dari pengalaman kononnya akan membuktikan faedah melangkah setapak ke setapak. Seterusnya mereka berkata: daripada satu langkah kepada yang berjaya kemudian melangkah

kepada yang lain. Itulah tuan-tuan, yang menjadi pendirian mereka yang tetap terhadap kemerdekaan, dan jika kita berpegang kepada pendirian mereka itu nescaya kita terpaksa menunggu sampai hari kiamat barulah kita dapat satu *Council* yang dipilih dengan sepenuhnya. Sudahlah begitu mereka mahu pula 10 kerusi dikhaskan untuk diri mereka sendiri.

Golongan itu tidak suka perubahan perlembagaan sebab menurut perlembagaan yang ada sekarang ini dapatlah mereka masuk ke dalam *Council* dengan jalan lantikan. Sekarang fahamlah kita mengapa mereka berperasaan cetek kepada cadangan-cadangan kita, tetapi sungguhpun demikian tidak pernah walau sekalipun kita berganjak daripada fikiran kita.

Kertas biru perhimpunan kebangsaan yang dibentangkan kepada jawatankuasa pilihanraya itu sentiasa disemak oleh parti kerja dan kebanyakan isinya telah disemak berulang-ulang kali oleh parti kerja itu. Persetujuan telah didapati dengan tidak menemui banyak kesusahan dari kelambatan dari pihak kita, tetapi di dalam beberapa soal kita telah tidak dapat beralah kerana jika beralah maka perubahan-perubahan yang akan diadakan di atas susunan dan bentuk Kerajaan Federal itu akan menjadi ejekan kepada tamadun apalagi kepada demokrasi. Fikiran-fikiran kita ini sekarang telah dimasukkan ke dalam rayuan yang sekarang kita hendak bincangkan dan kemudiannya akan dihantarkan kepada Tuan Yang Terutama dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja jika dan setelah dipersetujui oleh perhimpunan ini. Saya suka membicarakan perkara-perkara atau soal-soal yang kita tidak bersetuju satu persatu menurut mustahak dan pentingnya. Dan dengan ini tidaklah saya berhajat membicarakan butir-butirnya satu persatu sebab pada fikiran saya tuan-tuan boleh berfikir sendiri tentang apa-apa pindaan yang boleh tuan terima atau yang tidaknya.

Seperkara yang nyata yang patut disebutkan di sini ialah kumpulan Buruh dalam jawatankuasa itu telah menyokong kita dalam semua perkara sungguhpun tidak pernah walau sekalipun kita berunding dengan mereka di dalam perkara-perkara itu.

Perkara yang pertama pada fikiran saya yang menjadi

asas bagi dasar tuntutan kita itu ialah ahli-ahli yang dipilih dalam Majlis Undangan itu hendaklah lebih banyak bilangannya daripada bilangan yang dilantik. Permintaan kita yang asal ialah dua pertiga daripada jumlah semua ahli majlis itu. Tetapi dengan semangat bertolak ansur dan murah hati, kita telah sanggup menerima tiga perlima, dan setakat itulah sahaja. Dalam pada itu kita tahu bahawa tuntutan pilihanraya itu bukanlah datangnya daripada golongan-golongan yang kolot, tetapi ialah daripada golongan progresif inilah maka Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja telah melantik jawatankuasa untuk merundingkan soal pilihanraya itu. Oleh sebab itu saya tetap berpendapat bahawa Tuan Yang Terutama dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja patut diberitahu berkenaan perasaan bilangan ramai rakyat negeri ini. Lebih baik tak usah diadakan pilihanraya daripada mengadakan pilihanraya yang berdasarkan demokrasi separuh masa. Kita tidak sanggup beralah di atas soal ini dan baik apa pun akibatnya. Kita akan menentang ... menentang berhabis-habisan.

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan kakitangan kerajaan yang menjadi calon dalam pilihanraya. Kita telah mengesyorkan supaya kakitangan-kakitangan kerajaan dengan beberapa syarat tidak patut ditahan daripada masuk bertanding di dalam pilihanraya. Sebabnya sangat nyata iaitu di dalam negeri ini orang-orang yang terpelajar adalah di dalam jawatan kerajaan. Oleh sebab itu mustahak dilonggarkan syarat-syarat bekerja mereka yang menahan mereka daripada mengambil bahagian [yang] aktif dalam politik. Kita telah nyatakan bahawa perbuatan menghadkan orang-orang Melayu daripada mengambil bahagian yang sepatutnya di dalam kemajuan politik negeri ini serta kemajuan menuju kemerdekaan.

Perkara kakitangan kerajaan mengambil bahagian dalam politik itu adalah bersesuaian dengan kehendak fasal 19 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Inilah sebaik-baik jalan bagi menghasilkan fasal tersebut, iaitu melonggarkan undang-undangnya, kita tidak menuntut supaya kakitangan kerajaan itu dibenarkan bekerja dalam dua jawatan pada suatu masa.

Seperkara yang amat ganjil iaitu sungguhpun golongan yang menentang kita itu tidak bersetuju kakitangan kerajaan hendak bertanding dalam pilihanraya Federal, tetapi mereka membenarkan kakitangan kerajaan masuk *Federal Council* dengan jalan dilantik.

Kita mencadangkan supaya bakal-bakal calon daripada kakitangan kerajaan itu dibenarkan bercuti dan terus bercuti jika mereka menang dalam pilihanraya selama empat tahun iaitu setinggi-tinggi tempoh itu hendaklah dibenarkan mereka memilih sama ada hendak bekerja kerajaan atau hendak terus berpolitik. Di dalam tempoh bercuti itu kakitangan-kakitangan kerajaan itu tidak akan menerima gaji tetapi mereka berhak menerima naik gaji dan lain-lain faedah yang biasa bagi jawatannya. Yang bersetuju dengan cadangan ini termasuklah menteri-menteri besar Kedah, Perlis, Terengganu, Johor, Pahang dan Selangor dan juga ahli-ahli Buruh. Sungguhpun demikian kita telah pun tewas oleh pihak yang berpendapat tidak dapat kakitangan kerajaan. Mereka itu tahu yang UMNO mendapat ahli-ahlinya daripada bilangan besar kakitangan kerajaan, nescaya UMNO tidak akan dapat mengadakan calon-calon yang baik.

Tuan-tuan sendiri maklum iaitu hinggakan di dalam United Kingdom dan lain-lain negeri yang progresif kerajaannya telah membelakangkan undang-undang hingga sampai kepada had membenarkan beberapa tingkat kakitangan kerajaan boleh mengambil bahagian bertanding di dalam pilihanraya, tetapi di dalam negeri ini yang kebanyakan orang-orangnya yang terpelajar bekerja dengan kerajaan, mereka itu pula hendaklah ditahan. Hal ini sudah tetap tidak adil dan jika diterima akan berbahaya kepada orang ramai.

Pada ketika membicarakan soal kakitangan kerajaan ini eloklah saya sebutkan satu perkara lagi yang terkandung di dalam rayuan itu, iaitu berkenaan susunan *Executive Council*. Kita berpendapat *Council* ini patut dibenarkan maju menurut adat dan peraturannya, dan sebarang perbuatan mengadakan undang-undang yang luas berkenaan dengannya akan membentukkan kesuburannya menuju cara Parlimen yang berkesan. Oleh itu kita telah syorkan supaya Tuan Yang Terutama

berunding dengan ketua parti yang menang atas pilihanraya anggota-anggota Exco itu sebagaimana dijalankan dan diamalkan di England. Syarat-syarat atau cara ini tidaklah payah ditulis dalam perlembagaan kita. Tujuan kita mencadangkan demikian ialah supaya dapat kita mewujudkan di negeri ini setinggi-tinggi darjah pentadbiran yang cekap.

Kita telah menyatakan bahawa kita tidak menolak ahli-ahli yang dilantik memegang jawatan menteri sekalipun lazimnya mereka tidak bolehkan. Tuan-tuan sedia maklum bahawa tujuan kita ialah mengadakan sebuah kerajaan berparti yang kuat yang akan memberi segala-gala yang baik, yang ada padanya, kepada negeri. Tetapi pihak yang menentang kita sentiasa menentang dan tidak mahu bersetuju. Malahan mementingkan diri sahaja, dan oleh kerana itu mereka tidak memandang baik kepada sebarang kerajaan yang tidak serupa dengan corak kerajaan yang mereka hajati.

Tuan Yang Terutama dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja sudah tetap akan menolak niat orang-orang ini, apabila dari itu, apabila Tuan Yang Terutama dan Duli Yang Maha Mulia itu berunding eloklah juga kita membentangkan perkara ini semua kepada pengetahuan mereka.

Kita sedia maklum bahawa persediaan kerana pilihanraya berkehendakkan kerja yang banyak, waktu yang banyak dan membuat rancangan dengan cermat. Tiap-tiap segi mesti diselidiki memandangkan keadaan yang ada dalam negeri ini. Tetapi masalah seperti ini bukanlah di Malaya sahaja. Saya sama sekali tidak bersetuju dengan kenyataan di muka dua fasal 8 di dalam penyata itu yang berkata, "Kami sedar berkenaan kemajuan perlembagaan di dalam Persekutuan Tanah Melayu menimbulkan masalah-masalah yang pada keseluruhannya tidak serupa dengan lain-lain negeri".

India dengan beratus-ratus juga penduduknya boleh mengadakan pilihanraya 10 bulan selepas dicadangkan, dan India mempunyai masalah yang tidak terkira banyaknya. Selain daripada buminya yang luas, ada pula soal bermacam-macam agama dan kelas-kelas.[1] Apa yang kita tuntut hanya supaya diadakan pilihanraya dalam tahun 1954 iaitu sebelas bulan kemudian daripada terbitnya penyata jawatankuasa itu.

Dengan Suruhanjaya menentukan sempadan kawasan pilihanraya akan memulakan kerjanya dengan segera dapatlah disiapkan kerja-kerjanya itu dalam bulan Mac tahun ini.

Pihak yang menentang kita nampaknya keliru tentang soal ini. Setengahnya berkata tarikh pilihanraya itu akan dapat ditentukan pada masa yang munasabah dan setengahnya pula berkata dalam masa negeri ini sedang menghadapi masalah yang besar seperti darurat, kepicikan wang dan tidak tetapnya kedudukan ekonomi serta keadaan am Tenggara Asia tidak tentu, maka tidaklah ada apa-apa faedah yang boleh diperoleh dengan mengadakan pilihanraya dengan tergesa-gesa.

Nyatalah mereka ini tidak mahu langsung pilihanraya. Tujuan mereka mengambil bahagian di dalam jawatankuasa itu hanyalah semata-mata kerana hendak menyekat usaha-usaha kita nak mengadakan sebuah kerajaan yang layak sekali bagi menentang propaganda komunis. Tuan Yang Terutama kerap berkata, "Senjata yang baik sekali bagi menentang faham komunis ialah fikiran, bukan peluru sahaja". Kita telah menentukan fikiran yang muktamad atas soal ini, dan dikecualikan ada sebab yang besar bagi menahan pilihanraya dalam tahun 1954, kita akan mendesak perkara ini. Sekarang saya ingin pula memperkatakan soal siapakah yang berhak mengundi dan apa cara mengundi yang patut diadakan.

Berkenaan siapa patut dan berhak mengundi, kita hanya dapat mengesyorkan bagaimana syor kita dahulu iaitu selain daripada rakyat Persekutuan dan rakyat raja-raja mahu orang yang diperanakkan di dalam Singapura dan lazimnya tinggal di dalam Persekutuan hendaklah dibenarkan mengundi. Saya tidak tahu apa coraknya dan apa yang bukan coraknya di dalam lain-lain negeri, tetapi pada fikiran saya seseorang itu tidak patut ditegah haknya mengundi semata-mata sebab ia tidak menjadi rakyat dengan sebab-sebab yang bukan dengan perbuatannya atau kehendaknya.

Pada fikiran saya jika seorang beranak dalam negeri ini dan membayar cukai yang dikenakan oleh pihak yang berkenaan dalam negeri ini, dan ia taat segala undang-undang dan perintah negeri ini, maka patutlah diberi hak, sekurang-ku-

rangnya hak mengundi. Dato' Sir Onn[2] telah menyerang Perikatan UMNO-MCA atas soal ini. Dari dalam fikirannya yang keliru ia berkata sungguhpun Perikatan di dalam Majlis Municipal Kuala Lumpur telah menentang kemasukan rakyat British sebagai pengundi, tetapi wakil-wakil mereka di dalam jawatankuasa pilihanraya telah bersetuju memasukkan satu juta bangsa asing mengundi dalam pilihanraya kebangsaan. Dato' itu nampaknya tidak dapat membezakan di antara orang-orang yang diperanakkan di dalam negeri ini dengan orang-orang yang menjadi seperti burung terbang itu. Kita tidak memberi hak mengundi kepada seseorang melainkan orang itu ada perhubungannya dengan negeri ini sama ada dengan jalan undang-undang atau kerana diperanakkan. Perkara ini sangat berlainan daripada sebarang orang yang telah tinggal dalam negeri ini selama lima tahun patut diberi hak mengundi. Itulah cadangan yang dikemukakan di Majlis Mesyuarat Municipal Kuala Lumpur oleh orang-orang yang hendak memasukkan rakyat British sebagai pengundi.

Berkenaan soal meluaskan hak mengundi itu kita telah cadangkan supaya diberikan orang-orang yang diperanakkan dalam Singapura dengan syarat ia telah tinggal dalam Persekutuan terus-menerus selama tujuh tahun. Cadangan ini sungguh adil sebab Singapura telah memberikan hak itu kepada orang-orang yang diperanakkan dalam Persekutuan yang tinggal di Singapura. Kita patut meluaskan hak ini kepada orang-orang yang diperanakkan di Singapura. Perkara ini tidak mendapat persetujuan daripada lain-lain ahli jawatankuasa itu.

Berkenaan soal apa cara mengundi yang patut diadakan, kita telah mengesyorkan supaya kemudahan menjadi asas mengundi dalam pilihanraya ini. Oleh sebab itu kita telah mencadangkan kawasan mengundi seseorang ahli dan peraturan mengundi hendaklah berdasarkan undi bilangan banyak sahaja.

Saya telah mencuba menerangkan sedapat-dapatnya isi kandungan rayuan kita kepada Tuan Yang Terutama dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu setengah daripada perkara yang terkandung di dalam rayuan itu sangatlah mustahak dan jika tidak diterima baiklah dibatalkan seluruh pi-

lihanraya itu. Kita tidak boleh terima sebuah Majlis Undangan yang di dalamnya ahli yang dipilih kurang daripada ahli-ahli yang dilantik sebab jika kita berbuat demikian nescaya kita akan menjadikan diri kita diketawakan dan dipandang hina oleh seluruh dunia.

Jawatankuasa ini telah dilantik bagi mengesyorkan perubahan-perubahan perlembagaan dalam kerajaan Federal, dan jika cadangan golongan besar itu diterima maka bermakna tidak ada perubahan daripada susunan yang ada hari ini selain daripada memberi kerusi-kerusi dalam bilangan terhad kepada ahli-ahli yang dipilih.

Tidak ada sebuah parti yang menghargai kehormatannya akan menerima cadangan ini secara pasif. Oleh sebab itu sebelum apa-apa tindakan diambil oleh kita, maka patut dan layak sangatlah kita membentangkan perkara-perkara ini kepada pengetahuan Tuan Yang Terutama dan Yang Maha Mulia Raja-raja.

"M E R D E K A"

---

[1]Masyarakat India dibahagikan kepada empat kelas. Pembahagian dalam masyarakat ini dinamakan sistem kasta. Empat kasta di India ialah:

(i) Brahmin – golongan bangsawan
(ii) Ksyatriya – hulubalang
(iii) Vaisya – pedagang dan tukang
(iv) Rakyat biasa atau hamba

Penduduk India juga, seperti negeri lain, menganut banyak agama. Antaranya ialah Hindu, Buddha, Islam dan Kristian.

[2]Dato' Onn bin Jaafar lahir pada tahun 1895. Mendapat pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Sekolah Ledge Aldeburgh di Suffolk. Pulang ke Johor dan pernah berkhidmat dengan Kerajaan Johor; menjadi editor kepada beberapa jenis akhbar seperti *Warta Malaya*, 1930–1933; *Lembaga Malaya*, 1934–1936; dan *Lembaga*, 1935–1936; kesemuanya bertempat di Singapura. Beliau memasuki Majlis Eksekutif Johor pada 1936-1941. Pada masa pendudukan Jepun, menjadi pengawal makanan dan kemudian menjadi pegawai daerah Batu Pahat pada awal 1945. Beliau menjadi menteri besar Johor 1946-1980. Merupakan pengasas presiden Pergerakan Melayu Semenanjung Johor 1946-1950 dan juga UMNO 1946. Dato' Onn keluar

dari UMNO dan menubuhkan parti yang tidak bercorak perkauman iaitu IMP (Independence of Malaya Party) pada 1951 dan seterusnya menubuhkan Parti Negara pada 1954–1962. Parti Negara tewas dalam pilihanraya 1959 kecuali kerusi beliau di Terengganu. Lihat Stockwell, A.J., *op. cit.*, hlm 177; Shahrom Husin, *op. cit.*, hlm 1–14.

## 21

# KEKARUTAN MERDEKA, PECAH BELAH DAN KERJASAMA

*(Ucapan dalam Majlis Persekutuan Wartawan Singapura yang diadakan di Capitol Blue Room, Singapura, pada bulan Mac 1954)*

Tuan Pengerusi dan tuan-tuan sekalian! Bernon Betlith, wartawan yang terkenal dan masyhur seluruh dunia berkata, merdeka ini karut, selagi orang-orang Cina dan orang-orang Melayu tidak percaya mempercayai di antara satu sama lain.

Saya mengaku perasaan kurang percaya itu pada masa dahulu ada dan sekarang ini pun masih ada lagi, tetapi perasaan itu sudah kurang banyak. Dan ketua-ketua daripada kedua belah pihak telah berikhtiar menghapuskannya. Jikalau Betlith ini ada ikhlas patut dia sebutkan ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan pada masa ini untuk merapatkan persefahaman di antara dua bangsa ini. Bagaimana yang disebutkannya itu boleh membawa kepercayaan kepada orang-orang yang membaca tulisannya itu bahawa Melayu dengan Cina berseteru dengan dahsyatnya dan bila sahaja ada peluang mereka akan berbunuh-bunuhan. Dan peluang itu akan ada ketika British meninggalkan negeri ini.

Kita telah dilatih berfikir iaitu kita bangsa Melayu dan Cina pun demikian juga. Di bangku sekolah ajaran-ajaran perkauman telah disemai dan kesudahannya ialah orang Melayu berasa takut Cina akan merampas haknya dan orang Cina

pula takut dan cemburukan kuasa yang diberikan kepada Melayu itu akan digunakannya dengan zalim. Dengan adanya perasaan takut dan bimbang ini, dua bangsa itu bersetuju supaya British menjalankan kuasa memerintah dalam negeri ini dan mereka menumpang bernaung di bawah kuasanya itu. Dengan adanya naungan itu perasaan tidak mempercayai mestilah ada. Dari itu untuk menghapuskan perasaan takut dan tidak percaya mempercayai itu terpaksalah British kena keluar dari negeri ini supaya penduduk-penduduk negeri ini sendiri boleh mengatur rancangannya.

Ketua-ketua UMNO dan MCA sudah tidak ada lagi perasaan takut itu, dan mereka telah bekerjasama dengan baiknya. Segala perkara yang berkenaan Tanah Melayu ini dirundingkan dengan berterang-terang dan tidak bersembunyi. Dan kita telah memutuskan iaitu jika negeri ini hendak selamat maka Malaya merdeka mestilah didirikan segera.

Bagi tapak yang pertama, kita berkehendak pilihanraya. Tetapi ada pula ketua-ketua dan pihak-pihak yang berkuasa telah naik ketakutan di atas tujuan kita ini. Mereka itu takut rugi bagi diri mereka dan dengan kerana itu mereka membuat berbagai-bagai perkara untuk menghalangkan perjalanan kita ini. Mereka bercadang dengan seberapa bolehnya mahulah diputuskan tali persahabatan di antara Cina[1] dan Melayu. Orang-orang ini tidak akan berjaya kerana kita telah tetapkan fikiran kita.

Betlith berkata lagi, "Pada masa British meninggalkan negeri ini huru-hara akan berlaku seperti yang pernah kita lihat kejadian antara India dan Pakistan."[2] Nampaknya Betlith ini hendak memberi kita percaya bahawa masa British di India negeri itu aman. Walhalnya kita semua tahu iaitu waktu British ada di India huru-hara berulang kali dan kerap berlaku sehingga tidak terhitung berapa banyak orang yang telah mati dan luka parah dalam pergaduhan antara kaum, dan berapa juta harta benda telah binasa. Adakah British berkuasa menahan kejadian ini? Sebaliknya di Tanah Melayu ini belum ada kejadian seumpama itu. Kalau ada hanyalah rusuhan di Singapura yang telah berlaku dengan sebab kezaliman pihak yang berkuasa di Singapura.

Penduduk di sini tidak menaruh perasaan kebencian di antara sesama sendiri. Saya percaya jikalau orang yang otaknya seperti Betlith itu memerintah negeri ini, harus juga perasaan kebencian yang tidak ada itu akan ada dan berkembang biak.

Masa dahulu orang-orang Cina tak pernah menyoal kuasa yang di tangan Melayu, tetapi sekarang mereka sentiasa diperingatkan bahawa mereka ada hak negeri ini. Lihat apa yang hendak dibuat di dalam pasukan di Singapura. Pasukan ini hendak diadakan mengikut banyak bilangan sesuatu bangsa yang duduk di Singapura. Bukankah polisi itu suatu polisi pecah belah?

Saya tak fikir orang-orang British menaruh bimbang atas apa yang akan berlaku masa mereka keluar dari negeri ini kerana mereka tidak ada perasaan kasih kepada orang-orang penduduk negeri ini. Yang mereka takutkan ialah sekiranya mereka akan hilang. Jangan kamu takut, kami tidak akan merampas harta sesiapa juga dan kami suka menjadi keluarga Komanwel.

Betlith berkata lagi, "Di dalam 20 tahun lepas British meninggalkan negeri ini dengan tidak sediakan sebuah kerajaan yang kekal, negeri ini akan menjadi negeri Cina." Saya percaya jikalau British duduk di sini memegang kuasa penuh harus orang Melayu tak dapat menumpang di dalam negeri ini.

Mulanya British datang ke mari dengan membuat perjanjian hendak memelihara orang Melayu, tetapi di sebelah tangannya pula ada rancangan hendak memunggah kekayaan negeri ini. Dua perkara ini tak boleh berjalan sama-sama. Dengan adanya polisi hendak memunggah kekayaan negeri ini mereka membawa masuk buruh dari luar negeri dengan tidak terbilang banyaknya. Negeri-negeri Melayu yang berkuasa telah naik takut lalu mengadakan kawasan tanah simpanan untuk orang Melayu.[3] Sebaliknya di mana-mana negeri Melayu yang British berkuasa penuh, maka di situ orang Melayu terkena tolak daripada sebuah kampung ke sebuah kampung, dan akhirnya mereka menjadi orang dagang di dalam negeri tumpah darah mereka sendiri. Inilah sebabnya saya katakan

tadi jikalau British duduk lagi 20 tahun di Tanah Melayu dan memegang kuasa penuh, harus orang Melayu tidak akan ada tempat dalam negeri sendiri.

Orang Melayu sekarang sudah sedar dan dengan sebab adanya kesedaran ini kami telah bersetuju bekerjasama dengan bangsa lain dan bersetuju inilah yang telah melahirkan Perikatan UMNO-MCA.

Ada juga ketua-ketua Melayu yang tidak bersetuju dengan jalan kita ini. Mereka kononnya menubuhkan sebuah parti tidak perkauman. Kepada pihak ini saya minta mereka jawab tiga soalan ini supaya ternampak terang adakah mereka ikhlas atau tidak.

(1) Adakah mereka bersetuju bangsa lain menjadi menteri besar?
(2) Adakah mereka bersetuju menghapuskan kawasan tanah simpanan Melayu?
(3) Adakah mereka bersetuju ratio 4:1 untuk Melayu dalam *Malayan Civil Service* itu dihapuskan? Bagi diri saya dan parti saya, kami mesti jaga hak Melayu kerana jikalau kami tidak mahu membuat sesuatu cadangan yang tiada ikhlas untuk menipu bangsa-bangsa lain.

Kami telah menerangkan tujuan kami kepada sahabat-sahabat kami, orang-orang Cina dan mereka pun bersetuju. Saya harap pihak wartawan tolong hebahkan polisi ini.

"M E R D E K A"

---

[1]Orang Cina dan India lebih suka jika Tanah Melayu terus di bawah pentadbiran Inggeris. Dengan ini mereka akan lebih selamat kerana Inggeris melindungi hak dan keselamatan mereka dari segi undang-undang dan juga dasar perlindungan yang dijalankan.

[2]Semasa pentadbiran Inggeris, India dan Pakistan ditabdirkan dalam satu unit politik. Apabila Inggeris mengundurkan diri, India dan Pakistan berpecah akibat perbezaan agama yang dianuti oleh rakyatnya.

[3]Tanah simpanan Melayu ialah tanah yang dikhaskan kepada orang Melayu dan tidak dibenarkan menjualkannya kepada orang bukan Melayu.

Ia diperkenalkan kerana kehilangan tanah untuk tujuan pembangunan. Kehilangan tanah bermula sejak zaman pemerintahan Inggeris lagi apabila tanah-tanah dibuka dengan pesat untuk menanam getah dan menjalankan kegiatan melombong timah. Di samping itu kehilangan tanah juga berlaku akibat penjualan kepada bangsa asing. Tanah simpanan Melayu pada masa sebelum merdeka diletakkan di bawah pentadbiran negeri dan dinamakan Tanah Simpanan Khas orang Melayu. Walau bagaimanapun untuk menyekat perluasan tanah simpanan Melayu, beberapa syarat telah dikenakan. Antaranya ialah bahawa jika kawasan yang disimpan tidak lagi disimpan demikian, maka kawasan yang sama luasnya dengan kawasan itu hendaklah dijadikan simpanan dengan syarat tanah itu diduduki oleh orang bukan Melayu. Jika daerah baru dibuka, maka sebahagian daripadanya boleh dijadikan tanah simpanan Melayu dengan syarat daerah yang sama dengan daerah itu disediakan untuk orang bukan Melayu. Ratnam, K.J., *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia*. Ahmad Nazri Abdullah, 1985, "Melayu & Tanah: Tumpuan Khusus kepada Tanah Simpanan Melayu", *Media Intelek*, Petaling Jaya.

# 22

# KEBIMBANGAN UMNO DAN KEKARUTAN BRITISH

*(Ucapan perasmian persidangan agung tergempar yang diadakan di Melaka pada 18 April 1954)*

Tuan pengerusi dan wakil-wakil sekalian! Saya telah persilakan tuan-tuan ke majlis mesyuarat agung tergempar ini ialah kerana saya ada satu perkara mustahak yang saya nampak patut mengambil pendapat tuan-tuan. Saya telah maklumkan kepada tuan dahulu bagaimana perjuangan kita ini akan bertemu dengan keadaan yang genting pada tahun ini. Maka inilah masanya dan saya harap tiap-tiap seorang daripada tuan-tuan yang akan berbahas pada hari ini janganlah badan hendak bercakap sahaja. Tiap-tiap satu perkataan yang keluar daripada mulut tuan-tuan hendaklah bermakna dan betul-betul dengan berazam. Jika tidak begitu nescaya apa-apa yang kita putuskan di sini hari ini hanya kosong sahaja dan pertubuhan kebangsaan kita akan dipandang hanya mempunyai kekuatan yang tidak cukup.

Saya tahu apa-apa yang akan dikeluarkan di sini pada hari ini, dan saya tahu bahawa apa yang dikeluarkan itu semuanya bersemangat, tetapi dengan hanya ada perasaan dan semangat sahaja daripada tuan-tuan tidak mendatangkan hasil melainkan kalau tuan-tuan lepas daripada majlis ini terus bertindak dan mengambil langkah, barulah keputusan di sini boleh jaya. Ini bererti bahawa tuan-tuan hendaklah ada per-

hubungan dengan tiap-tiap seorang ahli UMNO khasnya dan orang-orang Melayu amnya. Tiap-tiap seorang jawatankuasa biarpun jawatankuasa kerja agung ataupun jawatankuasa bahagian, cawangan, pemuda dan kaum ibu mahulah berazam bersungguh-sungguh daripada saat ini hingga cita-cita kita kepada pilihanraya Federal itu berhasil dengan sepenuhnya. Jika tidak maka kita bukan sahaja kalah di dalam lapangan politik, tetapi juga cita-cita kita untuk mencapai Kerajaan Malaya Merdeka akan menjadi hampa jua.

Bagi diri saya dan rakan-rakan saya yang menjunjung amanah yang sangat berat ini, tidaklah akan berlengah-lengah bahkan apa yang akan jadi insya-Allah kami sekalian akan terima dengan hati yang tenang.

Tuan-tuan sedia maklum bahawa berkenaan pilihanraya ini, kita telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menepati kehendak majlis ini. Kita telah mengambil keputusan dalam mesyuarat agung di Alor Setar bahawa kita berkehendakkan pilihanraya Federal pada tahun 1954 kerana pada ketika itu kita tidak menaruh sangkaan bahawa jawatankuasa pilihanraya itu akan mencadangkan supaya ahli-ahli majlis Undangan Federal yang dilantik oleh pesuruhjaya tinggi lebih banyak bilangannya daripada yang dipilih oleh orang ramai.

Menurut syarat panduan atau tugas-tugas yang diberi dan pesuruhjaya tinggi dan Yang Maha Mulia Raja-raja kepada jawatankuasa itu ialah:

(i) Memeriksa graf pilihanraya bagi Majlis Undangan Federal dan penubuhan-penubuhan perlembagaan di dalam susunan Kerajaan Persekutuan.

(ii) Mengesyorkan cadangan-cadangan dalam masa yang secepat-cepatnya.

Dengan adanya tugas-tugas ini saya faham tentulah cadangan-cadangan yang akan dianjurkan oleh jawatankuasa itu akan membawa perubahan kepada susunan Kerajaan Persekutuan. Jika tidak begitu bagaimana akan ada perubahan. Dengan adanya fikiran dan pendapat seumpama itu, saya yang menjadi jurucakap bagi pihak Perikatan UMNO-MCA telah tiada menegah atau menahan orang-orang kita daripada menerima

lantikan menjadi ahli dalam jawatankuasa pilihanraya itu, dan saya sendiri pun tidak mengambil apa-apa tindakan apakala saya dapati UMNO dan MCA hanya diwakili oleh tujuh orang sahaja di dalam jawatankuasa yang mengandungi 46 orang semuanya, dan di dalam badan pekerja (working party) jawatankuasa itu pihak UMNO-MCA hanya diwakili oleh enam orang sahaja di badan yang mengandungi 20 orang itu.

Setelah badan pekerja itu bersidang beberapa kali barulah saya tahu mengerti dan tahu bahawa lain-lain orang di dalam badan itu tidak berkehendakkan pilihanraya dan telah mencuba mengadakan berbagai-bagai halangan bagi mengendalakan pilihanraya itu. Setelah saya sedarkan maksud mereka itu maka di dalam satu persidangan saya telah memberi kata dua kepada orang-orang itu. Kata saya:

> UMNO akan hidup atau mati kerana soal pilihanraya ini, lebih-lebih lagi berkenaan dengan tuntutan tiga perlima daripada ahli Majlis Undangan dipilih oleh orang ramai.

Tuan-tuan yang membaca penyata jawatankuasa itu tentu sudah faham bahawa orang-orang itu tiada berkehendak memberi barang sedikit pun kuasa kepada rakyat dengan jalan menegah rakyat memilih wakil mereka lebih ramai daripada yang dilantik oleh pesuruhjaya tinggi. Mereka itu tidak mahu membenarkan orang Melayu yang berpelajaran tinggi dan yang bijak pandai mengambil bahagian di dalam pilihanraya dengan sebab terlibat dengan jawatan-jawatan kerajaan. Saya hairan melihat sikap orang-orang itu kerana yang saya tahu bahawa tanggungan jawatankuasa pilihanraya itu ialah untuk memberikan syor-syor yang boleh mengubahkan pentadbiran dan susunan Kerajaan Persekutuan. Saya lebih-lebih hairan lagi melihatkan hal mereka itu sebab kebanyakan daripada mereka adalah hanya telah mengambil bahagian membuat perlembagaan Persekutuan yang ada hari ini, dan di dalam penyata jawatankuasa kerja yang menyusun perlembagaan Persekutuan itu fasal 65, mereka telah mencadangkan supaya diadakan pilihanraya bagi memilih ahli-ahli Majlis Undangan Federal. Di dalam fasal 70 penyata jawatankuasa perlemba-

gaan itu disebutkan begini:

> Bahawa kita sedar kebanyakan orang-orang Melayu yang boleh menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan yang boleh mendatangkan faedah kepada kerajaan dan kepada orang Melayu ialah pegawai-pegawai kerajaan. Orang-orang itu mengikut lazimnya tak boleh menjadi ahli Majlis Mesyuarat. Kita syorkan bagaimana yang telah dibenarkan pada masa sebelum peperangan dahulu mereka itu patut dibenarkan supaya nasihat-nasihat yang baik itu atas perkara-perkara yang berkenaan dengan orang-orang Melayu dapat dibentangkan kepada kerajaan.

Inilah pandangan orang-orang itu dalam masa beberapa tahun dahulu, tetapi tiba-tiba dalam orang-orang ini juga tidak suka pilihanraya dan mereka itu jugalah yang menegah pegawai-pegawai kerajaan mengambil bahagian dan menjadi calon di dalam pilihanraya.

Saya sebutkan hal ini supaya tuan-tuan kenal siapakah lawan kita di dalam perbincangan-perbincangan mesyuarat jawatankuasa pilihanraya itu. Orang-orang itu boleh berubah corak menurut hawa nafsunya dari semasa ke semasa. Bagaimanakah kita hendak berunding dengan orang-orang yang seumpama ini? Orang-orang inilah juga yang telah berkata beberapa kali, kami tinggalkan UMNO kerana perjalanan UMNO tidak betul, tetapi pada masa mereka meninggalkan UMNO siapakah yang memimpin UMNO yang dikatakan tiada betul perjalanan itu? Pemimpin-pemimpin UMNO merekalah juga, bukan lain orang. Jika tuan-tuan teliti penyata pilihanraya itu nescaya akan nyatalah kepada tuan-tuan bahawa mereka itu membangkang sama sekali apa juga perubahan yang bercorak demokrasi. Sekarang ini mereka, yakni orang-orang itu juga, menuduh kita tidak demokrasi kerana kita konon mengambil langkah berlawan dengan syor-syor mereka. Tetapi kita mesti lawan sebab merekalah yang membelakangkan demokrasi, bukan kita.

Selepas penyata itu disiarkan, kita telah dipersembahkan tiga pucuk surat rayuan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan pesuruhjaya tinggi dan segala salinan surat-surat itu telah disampaikan kepada setiausaha Jajahan Takluk

British. Adakah Duli-duli Yang Maha Mulia dan pesuruhjaya tinggi akan timbangkan rayuan-rayuan itu atau tidak, tiadalah kita ketahui kerana kita tidak di atas butir-butir yang terkandung di dalamnya itu. Tiba-tiba sekarang kita dapati penyata pilihanraya itu telah dihantar terus ke London, kepada setiausaha Tanah Jajahan Takluk supaya mendapat timbangan kerajaan baginda Queen. Kita hairan mengapakah penyata itu dihantar ke London setelah diadakan perundingan di antara Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan pesuruhjaya tinggi sahaja padahalnya menurut penyata jawatankuasa perlembagaan Persekutuan, paragraf 14 muka enam ada disebutkan begini:

> Orang-orang Melayu di seluruh negeri telah menzalimkan kebimbangan yang amat sangat di atas perubahan-perubahan yang penting berkenaan polisi yang dijalankan dengan tidak ada perundingan dengan rakyat di dalam negeri yang mereka berpendapat bahawa mereka berhak berunding bersama.

Dan menurut keputusan mesyuarat agung UMNO di Butterworth, Seberang Perai pada 14 dan 15 September 1952, suatu ketetapan telah diambil seperti ini:

> Bahawa majlis mesyuarat agung UMNO ini bersetuju iaitu hendaklah Duli-duli Yang Maha Mulia melalui penyimpan mohor raja-raja berunding terlebih dahulu dengan UMNO sebelum sesuatu perkara yang bersangkutan dengan kehendak-kehendak perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu diputuskan dengan pihak British.

Perbuatan menghantar terus ke England keputusan rundingan raja-raja dengan pesuruhjaya tinggi itu adalah berlawanan sama sekali dengan apa yang telah diterima oleh pihak yang berkuasa dari syor jawatankuasa perlembagaan itu dan juga kekuatan UMNO sendiri.

Jawapan setiausaha Tanah Jajahan kepada kawat UMNO-MCA dihantarkan kepadanya beberapa hari dahulu nampaknya tiada memberi hak dan peluang kepada kita untuk berunding dengan raja-raja. Bunyi isi kandungan kawat

itu sangatlah engkar dan sombong. Di dalam kawat itu telah disebutkan begini:

> Semua alasan-alasan telah meliputi dan saya tidak nampak sebab-sebab yang pihak luar patut masuk campur kerana tidak ada faedah. Mereka tidak harus diberi peluang untuk mencampuri lagi di atas perkara-perkara yang hanya dihadkan kepada raja-raja Melayu dan kerajaan baginda Queen kerana persetujuan, dan persetujuan sahaja, yang boleh menjadikan undang-undang untuk mengubahkan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu.

Dengan jawapan seumpama ini bolehkah kita diam? Jika memandang pertubuhan kita ini sebagai pertubuhan kebangsaan Melayu, bolehkah kita diam apakala kita memandang diri kita ini sebagai anak dan benih baka Melayu yang mempunyai hak turun-temurun di negeri ini, dan menumpahkan segala taat setia kepada negeri ini dengan tidak berbelah bagi sama sekali. Patutkah kita terima dengan diam sahaja sebarang peringkat yang mengenai perubahan-perubahan yang besar bagi negeri ini dengan tidak diberi peluang kepada kita bersuara di dalamnya.

Apakah yang kita tuntut itu? Adakah tuntutan kita ini disifatkan berlebihan daripada patut? Adakah tuntutan kita itu bermakna kuasa raja-raja akan dirampas? Adakah kuasa pesuruhjaya tinggi akan hilang? Adakah kita minta supaya Majlis Undangan itu diubah coraknya sama sekali daripada majlis yang dilantik seratus peratus? Adakah kita minta pilihanraya diadakan luar daripada rangka perjanjian Persekutuan? Semuanya itu, jawabnya tidak. Dari itu sekarang kita mesti tuntut lebih, bukan kurang.

Jika beginilah sederhananya tuntutan kita, maka apa sebab kita ini dikebelakangkan sebagai suatu puak yang melampau? Di dalam pendapat saya, perbuatan pihak yang berkuasa dan jawapan setiausaha Tanah Jajahan itu sudah terlalu dan kita tidak reda menerimanya. Jika setiausaha Tanah Jajahan tidak mahu menerima rombongan UMNO-MCA, maka dunia luar mesti tahu kezaliman dan perbuatan pihak yang berkuasa British itu. Juga ahli Parlimen British dan rakyat Bri-

tish mesti tahu bagaimana keadaan pemerintahan di negeri kita ini dan apa kehendak rakyat jelata di sini.

Saya tidak tahu apa lain yang kita boleh bentangkan perkara-perkara ini kepada mereka yang tersebut itu selain daripada mesti pergi ke mana dan mencurahkan segala-galanya bagi pengetahuan ramai. Inilah sebabnya Dato' Sir Tan Cheng Lock dan saya bercadangan sekiranya majlis izinkan, kita akan berangkat ke England. Rombongan UMNO-MCA ini akan terkandung dalamnya – Tan Cheng Lock, saya sendiri, Dato' Abdul Razak dan Encik T.H. Tan.

Saya minta semasa saya tidak ada di sini tuan-tuan menaruh sabar dan jangan melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mendatangkan bahaya kepada diri tuan-tuan. Biarkanlah apa-apa yang hendak berlaku itu saya ada bersama-sama. Di sini saya suka hendak sebutkan iaitu sebaik-baik sahaja berita pemergian saya ke England terhebah maka orang-orang kita daripada berbagai-bagai kesusahan, tetapi hendaklah diterima segala yang akan berlaku itu dengan semangat yang kuat dan hati yang berani. Allah jua akan memelihara kita. Insya-Allah cita-cita kita yang suci itu akan dikabulkan. Wassalam.

"M E R D E K A"

# 23

# APA KEMAHUAN ORANG KITA?

*(Ucapan perasmian persidangan agung UMNO yang diadakan di Pulau Pinang pada 16 dan 17 Oktober 1954)*

Para perwakilan sekalian! Saya mengucap syukur kepada Allah S.W.T. yang kita dapat bersidang pada mula pertama sekali di bawah bumbung sebuah bangunan yang terdiri daripada usaha dan wang ringgit UMNO sendiri serta orang-orang yang bersimpati dengan UMNO di Pulau Pinang ini. Tuan-tuan, marilah bersama-sama saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara-saudara kita di pulau ini atas kejayaan mereka mendirikan bangunan yang terletak di tengah-tengah bandar Pulau Pinang yang hebat dan indah rupanya. Dewan UMNO Pulau Pinang ini akan menjadi keterangan atas semangat, usaha dan perpaduan ahli-ahli UMNO di sini. Dari ini menunjukkan bahawa sekiranya kita membetulkan hati kita pada satu-satu tujuan kita, maka segala apa yang kita maksudkan itu insya-Allah tetap akan berjaya. Harapan seperti inilah yang dikehendaki ada pada tiap-tiap seorang ahli UMNO.

Saya mengucapkan terima kasih kepada wakil-wakil yang telah datang dari tempat-tempat yang jauh untuk mengambil bahagian di dalam persidangan ini. Kedatangan tuan-tuan itu bukan sahaja menambah berseri majlis ini, tetapi menjadi dalil keterangan bahawa tuan-tuan taat setia kepada tanggungan tuan-tuan.

Mesyuarat agung ini lambat diadakan dengan kerana sibuk dengan pekerjaan pilihanraya di Johor, dan kita tiada dapat tangguhkan lagi seperti permintaan Terengganu sebab semua persediaan berkenaan persidangan ini telah siap. Kita berdoa supaya pertandingan UMNO di dalam pilihanraya yang akan diadakan di Terengganu akan berjaya seperti Johor juga.

Tuan-tuan sekalian! Perjalanan kita menuju ke arah kemerdekaan sekarang ini telah pun sampai ke pertengahan jalan. Setelah itu kita dapati ada orang-orang kita yang telah naik ketakutan dan berkata janganlah kita teruskan perjalanan kita ke hadapan, kita akan berjumpa dengan beberapa bahaya.

Yang boleh saya kata demikian ialah kerana saya sendiri pernah mendengar sungutan-sungutan berbunyi: kalau kita sudah dapat merdeka kelak maka bangsa-bangsa asing yang ada di dalam negeri ini akan dapat hak lebih banyak daripada orang-orang Melayu. Sebab itu lebih baiklah daripada hari ini kita untukkan beberapa banyak kerusi di dalam Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu kepada MCA dan sahabat-sahabat kita yang lain. Sekarang ini hendaklah kita tetapkan janganlah kita terima lagi lain-lain pertubuhan yang hendak bekerjasama dengan kita supaya tempat-tempat ataupun kerusi-kerusi yang ada di dalam Majlis Undangan itu lebih banyak dapat ke tangan orang-orang kita, Melayu. Daripada ini saya tak nampak bayang "Hidup Melayu" tak timbul semula.

Saya telah beri amaran beberapa kali kepada orang-orang kita iaitu jika berkehendak merdeka maka bukan senang mendapatnya, dan dahulu daripada mendapatnya berbagai-bagai syarat diterima dan ditunaikan. Satu daripadanya ialah mahulah orang-orang kita menanamkan perasaan mereka itu dan bekalan tanaman itu dengan diamalkan merdeka itu sampai meresap di dalam hati sanubari kita dengan penuh keyakinan bahawa merdeka akan dapat dicapai.

Di sini saya beri satu contoh kepada tuan-tuan. Lihatlah orang-orang Hindu di masa mereka mengadakan temasya "randuk api". Mereka itu berjalan bawa api dengan penuh ke-

yakinan bahawa api itu tidak boleh membakar mereka. Mereka terjun dan berjalan dalam bara yang hangat bernyala-nyala itu dengan tidak berasa sakit, tetapi apabila seseorang itu kurang yakin dan naik curiga maka pada masa itu kakinya terbakar. Begitulah juga kita ini iaitu sekiranya kita curiga kepada merdeka dan takut bahayanya, lebih baik janganlah kita cuba nak merdeka. Tukarlah balik cogan perjuangan kita kepada "Hidup Melayu" dan dengan itu tanggungan kita pun ringan dan masa serta wang ringgit pun tidak tertambun dengan sia-sia.

Saya sendiri dan rakan-rakan yang memimpin UMNO pada hari ini suka hendak tahu apa kemahuan orang-orang kita yang sebenarnya kerana setakat yang kita telah sampai sekarang ini boleh lagi kita mengubahkan corak perjuangan kita. Tetapi apabila kita sudah berjalan jauh dan lepas daripada had ini tak dapatlah kita hendak mengubahnya melainkan terus sahaja dan hidup atau mati, kita mesti terima. Tetapi saya sendiri yakin kita tetap hidup kiranya kita terus berjalan. Sebaliknya kalau kita berhenti di pertengahan jalan tetap kita mati.

Syarat-syarat yang dengannya kita boleh dapat merdeka telah ditetapkan oleh British dan syarat itu kita terima dan kita bersetuju akan bekerjasama dengan segala bangsa yang ada di dalam negeri kita ini. Maka dengan sebab kita terima syarat itu, bangsa-bangsa asing pun dengan ikhlas membantu perjuangan kita. Dengan sebab bantuan mereka itulah kerajaan telah memberi hak kepada rakyat memilih wakil-wakilnya dalam pilihanraya yang akan datang kelak, dan wakil-wakil rakyat ini akan lebih banyak daripada yang dilantik oleh kerajaan. Dan lagi kuasa yang ada di tangan pesuruhjaya tinggi untuk melantik lima orang itu pun akan diserahkan dan dilantik dengan berunding yang lebih dahulu dengan parti yang menang. Tiba-tiba sekarang setelah hampir masa pilihanraya barulah kita hendak menetapkan hak-hak Melayu sahaja kerana kononnya takut Melayu akan kurang suara. Inilah maknanya yang saya katakan perasaan curiga di hati setengah-setengah orang Melayu terhadap merdeka telah terbayang.

Saya suka mengingatkan tuan-tuan iaitu tujuan kita ini

berjuang dengan cogan "Hidup Melayu" dan semata-mata hendak merebut kerusi-kerusi di dalam Majlis Undangan sahaja, maka tak dapat tiada kita akan menang dengan senang sahaja, tetapi pada fahaman saya perjuangan kita ini ialah kerana merdeka dan pilihanraya itu hanyalah sebagai tangga yang pertama untuk mencapai kemerdekaan itu.

Sekarang ini hendaklah orang-orang kita tahu bahawa mata dunia sedang memandang kepada kita dan memerhati segala gerak-geri, tingkah laku dan perjalanan kita kerana kita sahajalah negeri di Timur Asia ini yang masih terjajah. Kalau mereka dapati yang perjuangan kita ini sempit dan ada dengan lain-lain kekurangan lagi tentulah mereka tidak bersimpati dengan kita, begitu juga sahabat-sahabat kita yang di dalam negeri ini, mereka pun akan menjauhkan diri daripada kita.

Tuan-tuan mesti ingat yang kita ini berkehendak merdeka ialah dengan kerana merdeka inilah sahaja bangsa kita akan selamat, negeri dan agama kita akan dapat kedaulatan dan kemuliaan. Sungguhpun kita akan majukan polisi-polisi ini, tetapi bukanlah makna kita mesti tolak tuntutan orang asing yang berhak kerana telah menjadi rakyat negeri ini dan mengaku taat setia kepada negeri ini.

## Halangan Dalam Perjuangan

Tuan-tuan, perjuangan kita ini menghadapi berbagai-bagai halangan daripada luar. Saya minta kepada tuan-tuan dan orang-orang yang di dalam pertubuhan dan golongan kita ini, janganlah pula menambahkan halangan lagi. Kiranya orang-orang kita sendiri mengacau perjalanan kita nescaya tidak dapat kita berjuang dengan lancarnya.

Halangan daripada luar yang kita jumpai sekarang ini sangatlah banyak dan dakyah-dakyah antara lain berkata: kita telah jualkan orang Melayu kepada Cina, Dato' Sir Tan Cheng Lock sudah mendapat songkok merdeka dan inilah tandanya orang-orang Cina akan memerintah negeri ini, bahasa Cina akan menjadi bahasa rasmi di Tanah Melayu ini dan orang Melayu ketika itu tidak dapat menumpang hidup dalam negerinya sendiri. Ada pula yang berkata UMNO ini hendak me-

nukar agama orang-orang Melayu, tetapi sayang sedikit tidak disebut apa jenis agama itu. Mereka menuduh kita mendapat ilham daripada syaitan. Dan ada pula pertubuhan yang bercorak agama mengeluarkan surat pekeliling menegah orang-orang Melayu daripada berbaik-baik dengan kafir. Tujuannya ialah hendak merosakkan persahabatan UMNO-MCA dan bukan hendak menghapuskan penjajah.

Orang-orang itu memandang British ini bukanlah kafir, malahan memandang tuan yang patut dihormati dan disembah. Pendeknya tak boleh berkawan dengan orang-orang yang beragama lain, tetapi bertuankan orang putih boleh. Ada yang berkata kita ini hendaklah berlawan dengan raja-raja tetapi tuduhan yang palsu ini tidak ada tempat dalam perjuangan kita kerana kita telah mengisytiharkan bersama-sama MCA bahawa kita akan menjaga dan memelihara taraf raja-raja kita dan juga agama kita yang maha suci itu. Saya tidaklah payah mengulang-ulang menyebut atas soal ini dan memadailah saya katakan di sini iaitu kita tidak akan membelakangkan raja-raja melainkan sebaliknya kita hendaklah menambahkan kedaulatan dan kemuliaan raja-raja kita dengan melepaskan Duli-duli Yang Maha Mulia itu daripada tangan bangsa asing.

Dan ada juga yang menuduh bahawa kita ini bersahabat dengan komunis dalam hutan walhalnya berapa banyak anak-anak muda kita yang menjadi ahli UMNO pada masa sekarang ini menentang komunis dan berapa banyak daripada mereka yang telah dapat cedera atau mati. Kita sekali-kali tidak bersahabat dengan komunis malahan kita akan cuba menyelesaikan darurat yang sedang ada di dalam negeri kerana satu daripada syarat-syarat yang kita boleh dapat merdeka ialah apabila darurat hapus. Yang demikian itu kita sentiasa berharap huru-hara dalam negeri ini akan selesai dengan secepat mungkin. Dahulu saya telah memberitahu bahawa musuh kita tidak dapat menentang kita dengan jalan halal dan mereka akan gunakan jalan yang palsu untuk merosakkan pendirian kita. Saya telah beritahu juga bahawa mereka akan menggunakan agama lagi bagi mematahkan perjuangan kita dan sekarang ini apa yang saya katakan itu telah berlaku. Di dalam pada itu jikalau segala ikhtiar untuk menyekat kita berjaya,

mereka akan gunakan ugutan-ugutan iaitu dengan harapan bahawa ahli-ahli kita akan ketakutan dan ketika itu mereka tinggalkan UMNO.

Halangan-halangan itu kita akan hadapi dengan lebih kencang lagi apabila sampai masa pilihanraya dan sekiranya dengan takdir Allah S.W.T. kita menang dalam pilihanraya dan berkuasa memerintah di dalam Majlis Undangan sebagai parti yang kuat, maka ugutan-ugutan itu akan kurang, tetapi halangan dan dakyah-dakyah palsu yang akan keluar daripada mereka tidak akan bunyi. Pendeknya selama negeri ini tidak merdeka, tidak dapat lepas daripada perbuatan orang-orang itu.

Di sini saya suka berpesan kepada tuan-tuan, janganlah takut sampai terlatah nescaya perjuangan kita binasa, percayalah kepada Allah dan kebenaran kita. Sekarang ini Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah keluarkan satu kenyataan yang menegah pegawai-pegawai daripada mengambil bahagian dalam politik, tetapi kenyataan itu bukan menegah langsung, malahan hanya diletakkan beberapa syarat atas pegawai-pegawai yang berkehendak mengambil bahagian iaitu hendaklah meminta kebenaran daripada kerajaan, dan saya sendiri telah mendapat akuan dengan surat daripada *chief secretary* yang menjamin bahawa pegawai-pegawai kerajaan yang meminta kebenaran itu akan dibenarkan dan jawatan di dalam kerajaan tidak akan diganggu. Ada juga pegawai-pegawai kita curiga dan dengan gopoh-gapah meletakkan jawatannya dalam UMNO. Saya pun tidak hairan kerana mereka takut penghidupan mereka rosak dan terganggu. Saya tidak suka mereka dapat kesusahan dengan sebab UMNO, tetapi saya percaya pengakuan daripada *chief secretary* itu ialah satu jaminan yang boleh kita pegang.

Di dalam pada itu jikalau terjadi juga, saya mengaku tidak akan bekerjasama dengan kerajaan, begitu juga pengakuan rakan-rakan saya yang ada di dalam Majlis Undangan. Setakat ini sahaja yang dapat saya beri jaminan dan jikalau mereka takut juga tiadalah daya upaya saya menambahkan lagi.

Pilihanraya akan dijalankan lepas bulan puasa dalam ta-

hun 1955 dengan syarat-syaratnya yang tuan-tuan sendiri telah mengetahui. Majlis mesyuarat agung UMNO telah mengambil kedua ketetapan berkenaan dengan pilihanraya ini iaitu yang pertama mahulah diadakan pilihanraya pada tahun 1954, dan yang kedua ahli-ahli bagi Majlis Undangan itu mahulah 100 peratus dipilih rakyat.

Berkenaan dua perkara ini saya ingin menerangkan iaitu ketetapan yang telah diambil di dalam majlis ini ialah mengikat kita dengan sekuat-kuatnya dan tidak ada siapa-siapa di antara kita yang boleh merongkaikan melainkan majlis mesyuarat agung inilah sahaja yang berkuasa dan apa yang telah saya jalankan berserta jawatankuasa itu adalah buat sementara sahaja dengan tujuan hendak memanjangkan perjuangan kita.

Jikalau majlis ini berkehendak dijalankan juga sebagaimana yang telah ditetapkan dahulu oleh majlis ini terpaksalah kita jalankan iaitu kita akan menarik diri daripada Majlis Mesyuarat Undangan sekiranya pilihanraya tidak dijalankan pada tahun 1954, dan juga sekiranya tuntutan kita yang 100 peratus itu dipilih tidak diterima oleh kerajaan. Kita tidak berkuasa atau boleh menyoal di atas satu-satu ketetapan yang telah diputuskan di dalam majlis mesyuarat agung yang kita telah terima. Masanya masih ada kerana tahun 1954 belum lagi habis dan pilihanraya pun belum diadakan lagi, tetapi saya suka menerangkan kepada tuan-tuan di sini iaitu sebelum majlis ini mengambil apa-apa ketetapan atas dua perkara itu. Denganlah sebab-sebabnya maka saya dan jawatankuasa kerja telah mengambil langkah-langkah seperti yang telah dijalankan itu.

Tentulah tuan-tuan faham bahawa UMNO telah terima keputusan mengadakan pilihanraya dalam tahun 1954 kerana kita tidak bersungut apa-apa tentang masa itu. Adapun berkenaan pilihanraya pada tahun 1954 sudah nampak dengan terangnya tidak dapat dijalankan kerana penentuan-penentuan berkenaan mendaftar pengundi-pengundi dan undang-undang kesalahan yang bersangkut dengan pilihanraya baru sahaja dapat disediakan. Mulai daripada Oktober sampai bulan November barulah selesai pendaftaran pengundi-pengundi.

Selepas itu pula barulah disiapkan dan diindekskan nama-nama pengundi itu di dalam buku-buku yang dikhaskan. Pekerjaan ini mengambil masa sekurang-kurangnya dua bulan, kemudian itu pula barulah ditentukan masa menamakan calon, dan setelah itu berjalanlah pilihanraya yang akan memakan masa lebih kurang sebulan.

Daripada kiraan-kiraan ini telah ternampak yang masa itu telah terlanggar lima bulan masuk ke dalam tahun 1955. Di sini teranglah bahawa tidak dapat diadakan pilihanraya pada tahun ini. Pada masa itu tidak terang kepada mata kita segala putar belit yang telah dijalankan untuk melambatkan pilihanraya dan sekarang terpulanglah kepada timbangan tuan-tuan sama ada hendak menyuruh saya tarik diri atau tidak, sedialah saya taat kepada hukum itu jika dikehendaki juga.

Berkenaan tuntutan 100 peratus yang telah diambil di Melaka bersama-sama dengan keputusan menghantar rombongan ke London untuk berjumpa dengan setiausaha Tanah Jajahan Takluk dengan membawa keputusan itu, maka apabila saya sampai saya telah menemui penasihat politik kita serta juga ahli-ahli politik yang bersimpati dengan perjuangan kita dan orang-orang yang hendak membantu cita-cita kita. Mereka ini memberi nasihat saya kemukakan kepada Tuan Littleton tuntutan kita yang mula iaitu 3/5. Jika ia tidak mahu berunding dengan kita di atas perkara ini barulah kita mengemukakan kepadanya tuntutan yang baru itu kerana tuntutan yang mula itu, ia faham sebagai tuntutan kita yang sebenarnya dan tuntutan yang baru itu belum diketahui lagi, dan juga tuntutan kita itu belum lagi mendapat persetujuan daripada rakan-rakan kita, MCA. Sekiranya dijalankan juga kenalah dikemukakan sebagai tuntutan UMNO sahaja. Saya telah jalankan mengikut nasihat-nasihat itu dan nampaknya tuntutan 3/5 ini pun tidak mendapat persetujuan daripadanya. Tetapi yang sebenarnya bagi pihaknya tidak ada halangan apa-apa cumanya pihak raja-raja Melayu yang akan membangkang kerja.

Apabila saya balik daripada London saya berunding dengan tuan pesuruhjaya tinggi, tetapi tidak mendapat sesuatu keputusan, dan sebab itulah kita menarik diri dan kita tidak

bekerjasama dengan kerajaan. Akhirnya pada 2 Julai 1954, Doktor Ismail, Kolonel H.S. Lee dan saya telah dijemput berjumpa dengan pesuruhjaya tinggi di atas kapal perang Singapura dan dalam pertemuan ini dia menawarkan kuasa melantik lima orang yang ada di tangannya itu akan dijalankan dengan ada perundingan dengan parti yang mendapat kemenangan di dalam pilihanraya.

Pelawaan itu menjadi satu tawaran bagi mengelakkan perselisihan faham di antara kita dengan raja-raja kita. Saya telah kemukakan tawaran itu kepada jawatankuasa kerja agung UMNO yang telah bersetuju menerimanya kerana bezanya — sekiranya ditimbang dengan halus tidak begitu jauh atau berlainan dengan tuntutan kita yang tiga perlima itu. Selepas itu barulah berunding pula dengan MCA dan mereka pun bersetuju. Sesudah itu semuanya kita pun menjawab kepada tuan pesuruhjaya tinggi menyatakan bahawa kita terima tawarannya itu, tetapi sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa apa yang diperbuat itu hanya untuk sementara sahaja, dan jikalau majlis ini menyuruh kita menuntut 100 peratus, kita kena ikut. Tetapi banyak kesusahan yang kita akan hadapi kiranya tuntutan 100 peratus itu hendak dijalankan juga. Mula-mula sekali perhubungan UMNO dengan raja-raja akan menjadi kusut dan UMNO terpaksa mengambil langkah yang tepat seperti memulaukan pilihanraya itu, dan ketika itu hendaklah kita menjaga supaya jangan sesiapa juga mengambil bahagian di dalam pilihanraya itu. Kita kena mengambil tindakan tidak bekerjasama lagi dengan kerajaan dan semua pegawai-pegawai kerajaan yang menjadi ahli UMNO, kena letak jawatan masing-masing dan pihak MCA pun mestilah berbuat demikian juga, kalau tidak terpaksalah kita memutuskan tali persahabatan antara kita dengan MCA.

Saya dapati dalam lapangan politik kenalah kita menggunakan muslihat, kalau tidak sangatlah susah hendak menjalankan kerja. Jikalau ketua-ketua tidak dibenar menggunakan pertimbangan atas apa yang difikirkannya bersesuaian tentulah tidak ada orang yang berani sanggup menjadi ketua sebuah parti. Sekiranya UMNO bermaksud hendak menegahkan ketua menjalankan muslihat untuk keuntungan partinya,

maka parti itu tidak boleh berjalan dengan licinnya dan jayanya. Tetapi syaratnya muslihat itu bukan untuk faedah dirinya. Berkenaan perkara ini saya mengaku kepada tuan-tuan bahawa niat saya dan jawatankuasa kerja agung mengambil langkah ini bukanlah kerana muslihat diri. Hanya Allah jua yang menjadi saksi.

## Pilihanraya

Pilihanraya bagi Majlis Undangan Federal[1] akan dijalankan pada tahun 1955 dan sekiranya tuan bersetuju mengambil bahagian di dalam pertandingan pilihanraya itu, kenalah bersedia daripada sekarang. Berkenaan pilihanraya ini perkara-perkara yang patut kita usahakan ialah:

(1) Kenalah kita mencari wang untuk perbelanjaan pilihanraya tersebut. Anggaran perbelanjaan yang akan kita gunakan ialah sekurang-kurangnya $100 000.00 dan tiap-tiap negeri kenalah berikhtiar mencari wang itu seberapa yang boleh menurut banyak mana calon yang akan diadakan di dalam sesebuah negeri dan ditafsirkan seorang calon akan perlu perbelanjaan tidak kurang $2 000.00.

(2) Ahli-ahli UMNO mahulah menolong mendaftarkan nama-nama pengundi yang akan dijalankan pada 18 Oktober dan ditamatkan pada 16 November 1954. Di Johor ahli-ahli UMNOlah yang menolong mendaftarkan pengundi-pengundi yang berjumlah kira-kira 150 000 orang. Pekerjaan ini adalah tanggungan dan kewajipan bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan mengaturkannya.

(3) Wajib negeri-negeri menghantarkan nama-nama orang yang dicadangkan menjadi calon di dalam pilihanraya itu bagi timbangan jawatankuasa kerja agung. Syarat-syarat seseorang yang boleh menjadi calon itu ialah orang yang mengaku taat setia kepada polisi partinya, yang boleh memegang amanah dan orang-orang yang ada pelajaran Inggeris, kerana semua surat-surat yang bersangkut paut dengan Majlis Undangan Federal itu se-

muanya bertulis di dalam bahasa Inggeris dan perbahasan-perbahasan pun dijalankan di dalam bahasa Inggeris. Kalau calon-calon itu tidak tahu berbahasa Inggeris tak dapatlah mereka mengambil bahagian di dalam perbahasan sungguhpun dibenarkan bercakap dalam bahasa Melayu.

(4) Nama-nama calon itu mahulah dihantarkan ke ibu pejabat sekurang-kurangnya dua bulan dahulu daripada diadakan pilihanraya supaya jawatankuasa kerja agung boleh menimbangkan di atas keelokan seseorang calon itu, dan selepas dari itu akan ditimbangkan pula bersama-sama rakan kita MCA dan satu perjumpaan jawatankuasa Perikatan.

(5) Saya suka mengingatkan tuan-tuan bahawa pilihanraya ini adalah satu senjata besar yang ada di tangan kita dan dengan senjata inilah saya berharap kemerdekaan Tanah Melayu ini akan tercapai.

Dengan yang demikian hendaklah tuan-tuan mengambil berat dengan sehabis-habis berat terhadap segala soal yang berkenaan pilihanraya dan jikalau kita kalah dalam pilihanraya ini bermaknalah kemerdekaan akan terlepas daripada genggaman kita.

Kita mengucap syukur kepada Allah S.W.T. yang kita telah dapat kemenangan dalam pilihanraya negeri Johor baru-baru ini. Dengan kemenangan yang cemerlang itu teranglah kepada dunia bahawa sebenar-benarnya kitalah pertubuhan rakyat jelata. Sokongan yang kita dapat daripada rakyat jelata menunjukkan mereka menumpukan segala harapan kepada pertubuhan kita untuk memelihara nasib bangsa, tanahair dan agama kita. Dengan kemenangan ini bererti kita menjadi hamba yang sebenar-benarnya dan pesuruh rakyat untuk menyempurnakan amanah yang telah diletakkan ke atas kepala dan bahu kita. Jika ada di antara kita yang memecahkan amanah itu hilanglah rahmat yang Tuhan berikan kepada kita, dan saya berpesan supaya tiap-tiap pegawai UMNO pegang amanah ini dengan kuatnya dan teruskanlah perjuangan sehingga tercapai kemerdekaan.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Encik Sulaiman, pengerusi perhubungan UMNO Johor dan pegawai-pegawai bahagian dan cawangan-cawangan UMNO dalam negeri Johor yang telah mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit mereka sendiri untuk membantu pertubuhan bangsanya di dalam pertandingan yang penting itu. Saya telah lihat dengan mata saya sendiri bagaimana mereka bekerja dan saya berasa sangatlah sombong kerana saya seorang ahli UMNO, bertambah pula menjadi hamba pesuruh yang besar daripada parti itu dan saya mengambil peluang juga di sini menuju Encik Ghazali dan Encik Leong Yew Koh serta pegawai-pegawai dalam bahagian-bahagian UMNO Perak, Ipoh, Taiping dan Teluk Anson yang telah bekerja kuat kerana merebut kerusi-kerusi di dalam majlis-majlis bandaran pada tempat itu dengan mendapat kemenangan 100 peratus, dan saya mengucapkan tahniah kepada calon-calon kita yang berjaya.

Kemenangan kita dalam pilihanraya bukannya di dalam tempat-tempat ini sahaja malahan di tempat-tempat lain dalam Tanah Melayu di mana-mana sahaja diadakan pilihanraya. Kemenangan-kemenangan ini adalah membawa perangsang yang kuat kepada semua ahli-ahli UMNO dan saya percaya bahawa pilihanraya itu jadi tangga yang pertama menuju kemerdekaan sangatlah berbetulan dan insya-Allah Taala, merdeka tetap tercapai.

## Perjuangan Kemerdekaan di Luar Negeri

Apabila rombongan UMNO-MCA yang diketuai oleh saya sendiri sampai ke London, maka soal kemerdekaan telah dikemukakan kepada ahli-ahli Dewan Parlimen, dan mereka menyambut dengan gembiranya. Dahulu daripada itu mereka tidak tahu orang-orang Melayu ingin nak merdeka dan mereka hairan mendengar bahawa orang-orang Melayu boleh bekerjasama dengan orang-orang Cina kerana cita-cita merdeka. Mereka mendengar khabar bahawa orang Melayu dan orang-orang Cina benci-membenci antara satu sama lain dan jikalau diberi kemerdekaan kepada Malaya tetap berlaku pergaduhan yang besar di antara bangsa-bangsa yang duduk di Tanah Me-

layu ini. Sekarang ini mereka faham bahawa tuntutan kita itu adalah mengikut peredaran dunia dan sesuai dengan keadaan Tanah Melayu ini, dan mereka telah mengaku akan menyokong perjuangan kita dengan sekuat-kuatnya.

Kita telah menubuhkan satu pejabat yang mewakili Perikatan UMNO-MCA di London yang diuruskan oleh ahli-ahli Parlimen seperti Tuan Proctor dan Lord Ogmore.[2] Tanggungan pejabat itu ialah memperkenalkan dan menghebahkan penerangan-penerangan kepada orang ramai di England. Pejabat yang serupa ini telah diadakan di England oleh orang-orang India semasa mereka menuntut kemerdekaan dahulu yang dinamakan India League. Maka tanggungan kita kerana perbelanjaan atas pejabat itu ialah $850.00 sebulan iaitu dibahagi dua di antara UMNO dan MCA.

## Perjuangan Kemerdekaan Dalam Negeri

Pekerjaan kita dalam negeri ini telah pun berjalan dengan teratur menurut peta yang kita sediakan dan kita berasa puas hati. Saya percaya jika tidak ada halangan-halangan yang lebih besar daripada yang kita telah temui hari ini, insya-Allah merdeka akan tercapai dalam tempoh yang cepat.

Banyak orang menyoal apakah rancangan-rancangan yang kita telah sediakan bagi mentadbirkan negeri ini? Memadailah saya sebutkan rancangan-rancangan ini adalah di dalam persediaan, tetapi akan mengambil masa yang lanjut. Pegawai-pegawai UMNO-MCA sedang berunding-runding atas hal ini. Jikalau kita memerintah negeri ini sebagai parti yang menang dalam pilihanraya, maka tiadalah berkuasa meminta atau mengubah susunan pentadbiran negeri ini kerana pilihanraya ini dijalankan di dalam lingkungan rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Dengan kemenangan kita di dalam pilihanraya bermaknalah Majlis Undangan itu berisi penuh dengan orang-orang yang mewakili rakyat dari segenap peringkat. Dengan ini segala tindakan ataupun perusahaan tidak dapat dijalankan melainkan setelah dipersetujui oleh wakil-wakil rakyat.

Janganlah orang-orang kita berharap kita dapat memerintah negeri ini dengan sepenuhnya sebelum kita menubuh-

kan kerajaan sendiri. Maka kerajaan sendiri inilah tangga yang kedua dan yang penghabisan sekali dalam perjalanan kita menuju kemerdekaan. Kerajaan sendiri ini mesti ditubuhkan dalam masa parti kita memegang kuasa pemerintahan, sekiranya tidak diikhtiarkan dan direbut kerajaan sendiri janganlah kita berharap bahawa rakyat jelata akan menaruh barang sedikit kepercayaan kepada kita dan janganlah kita harap akan mengambil bahagian dalam pilihanraya akan datang kerana rakyat jelata tidak akan mengundi kepada kita.

## Polisi-polisi yang Akan Datang

Polisi-polisi yang akan datang di dalam masa kita berkuasa ialah polisi yang diluluskan oleh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan yang boleh menambah faedah kepada rakyat negeri ini. Dengan ringkasnya saya sebutkan iaitu polisi-polisi yang akan dijalankan oleh polisi yang boleh menambah pelajaran kepada anak-anak Melayu khasnya, dan kepada penduduk negeri ini amnya, dan membantukan sekolah-sekolah agama yang terdiri di merata-rata tempat dengan wang ringgit, dan mengikhtiarkan kapal-kapal untuk orang-orang naik haji dengan kurang belanja dan terlepas mereka dari tangan syeikh-syeikh haji.

Kita akan adakan tanah-tanah simpanan untuk orang Me Melayu dalam bandar dan luarnya serta memajukan iktisad orang Melayu dengan menubuhkan pekan-pekan sehari di merata bandar yang besar supaya dapat orang-orang Melayu menumpang berniaga dan juga menambah kilang-kilang perusahaan yang membuat barang jualan supaya anak-anak muda kita dapat bekerja di kilang-kilang tersebut, dan kita akan mengambil segala tindakan yang boleh membawa kesenangan dan kemajuan orang kampung. Jawatan-jawatan kerajaan yang dipegang oleh pegawai-pegawai British di Tanah Melayu ini mahulah diselesaikan dengan orang-orang Melayu khasnya dan orang-orang yang berhak amnya melainkan tentang jawatan yang tidak dapat kita buat dengan sempurna.

Untuk menjaga keamanan negeri, kita akan membesarkan pasukan askar-askar di dalam negeri supaya keamanan dalam negeri dapat kita jaga dengan sendirinya, dengan tak

payah meminta bantuan askar-askar luar negeri dan banyak lagi perkara yang kita akan jalankan bagi faedah rakyat negeri ini dan bagi memajukan dan menjayai perjalanan kerajaan kita sendiri.

Dengan tujuan hendak menjayakan rancangan-rancangan besar berkenaan dengan kerajaan perolehan saya akan meminta izin daripada majlis ini supaya membenarkan kita menubuhkan sebuah jawatankuasa Perikatan UMNO-MCA untuk membincangkan dan menyusunkan rancangan yang besar itu. Dato' Abdul Razak akan mengemukakan kepada majlis ini rupa dan bentuk jawatankuasa yang dicadangkan itu dan kuasanya. Saya harap tuan-tuan izinkannya kerana pekerjaan semacam ini tentulah kena diambil buah fikiran dan persetujuan rakan kita.

Selama telah ditubuhkan meja bulat UMNO-MCA, persefahaman di antara kita orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina sangatlah baik dan keikhlasan yang ditunjukkan oleh kedua-dua pihak di dalam perundingan-perundingan itu sangat memberi puas hati kepada saya. Tujuan mengadakan jawatankuasa yang akan dicadangkan itu hanyalah hendak menambahkan bilangan ahli-ahli meja bulat itu dengan diberikan nama yang lain kepadanya.

Apa-apa juga syarat yang majlis ini hendak tetapkan bagi tanggungan ahli-ahli UMNO dalam jawatankuasa itu akan menjadi tanggungan mereka itu, tetapi saya minta janganlah mengenakan syarat-syarat yang ketat sehingga ahli-ahli jawatankuasa itu tidak boleh bergerak langsung. Menurut aturan demokrasi kenalah diberi kuasa kepada ketua supaya dapat dia menjalankan kewajipan dengan tidak ada gangguan.

Dalam mesyuarat ini suatu perkara yang penting akan dibincangkan iaitu rang undang-undang tubuh UMNO. Undang-undang ini dikarang oleh jawatankuasa kecil yang terkandung di dalamnya Encik Mohamad Yasin, Syed Nasir, Syed Jaafar Albar,[3] Syeikh Anuar, Syed Harun Al-Habsyi, Ibrahim Mahmud dan Abdul Rahim Kimin. Undang-undang ini tak dapat tiada hendaklah ditapis lagi dan untuk ini terpaksalah diangkat sebuah jawatankuasa khas untuk menapisnya dan butir-butir yang terbit daripada perbahasan yang

akan diadakan dalam persidangan ini akan menjadi sangat berguna kepada jawatankuasa penapis itu.

Saya seru tuan-tuan sekalian, ambillah bahagian di dalam persidangan ini dengan sungguh-sungguh dan ikhlas kerana segala bahasa ini akan menjadi faedah yang besar kepada perjuangan kita dan apa-apa ketetapan yang diambil mahulah dijalankan dengan kuatnya dan dengan segala daya upaya. Janganlah tuan-tuan balik ke bahagian masing-masing lalu melupakan apa-apa yang berlaku di sini. Tuan-tuan mahulah ingat UMNO ini berjalan jenteranya bukan sahaja dengan tenaga bahkan dengan wang ringgit dan wang ringgit ini tak boleh didapati melainkan daripada yuran dan derma-derma. Yuran kita tidaklah dikutip dengan sempurnanya, tetapi derma-derma boleh dikatakan lebih baik daripada yang disangka dan kebanyakan daripada penderma-penderma ini bukanlah daripada golongan hartawan bahkan daripada orang yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Saya tak dapat lupakan bagaimana orang-orang ini mencurahkan wang kerana membantu perjalanan saya ke England dan dahulu daripada itu, ke Jepun. Begitulah juga didermakan kepada bangunan rumah UMNO yang sedang dibina sekarang.

Akhirnya marilah kita sama-sama memikul tanggungan yang berat supaya di akhir zaman tidak berikut suatu tuduhan yang kita bangsa Melayu hari ini menderhaka kepada bangsanya sendiri. Wassalam.

"M E R D E K A"

---

[1]Dalam pilihanraya Persekutuan 1955 terdapat tujuh parti. Antaranya ialah Parti Negara, PMC, Parti Buruh, Pas dan Bebas. Selain itu parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC. Pilihanraya 1955 ini adalah pilihanraya yang pertama kali dijalankan untuk memilih ahli-ahli Undangan Persekutuan. Perikatan telah meletakkan kesemua calon dalam 52 kerusi yang dipertandingkan. Kadar pengundi:

| | | |
|---|---|---|
| Pengundi Melayu | – | 84% |
| Pengundi Cina | – | 11% |
| Pengundi India | – | 5% |

Pembahagian kerusi:

UMNO 35 orang (69%)
MCA 15 orang (28%)
MIC 2 orang ( 3%)

Perikatan telah menang 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Lihat Ratnam, K.J., *op. cit.*, hlm 223.

[2]Lord Ogmore – Rees William, Lt. Col. David, R., lahir pada 1903. Mendapat pendidikan di Sekolah Tinggi Phill Hill dan Universiti Wales, 1929; berkhidmat sehingga Perang Dunia Kedua hingga menjawat jawatan Leftenan Kolonel; terlibat dalam misi kerajaan ke Sarawak, 1946. Kemudian bekerja di Pejabat Kolonial pada 1947 – 1950; Commonwealth Office, 1950 – 1951. Stockwell, A.J., *op. cit.*, hlm 181.

[3]Syed Jaafar Albar dilahirkan di Makasar, Sumatera, pada tahun 1914. Mendapat didikan Sekolah Melayu, Inggeris dan Arab. Menjadi wartawan dan pernah menjadi pengarang akhbar *Majlis Mingguan Lembaga Melayu*. Pernah menjadi guru agama di Singapura dan guru besar di Sekolah Menengah Arab di Kota Bharu, Kelantan. Beliau juga merupakan salah seorang daripada pengasas UMNO pada tahun 1946; ketua penerangan UMNO 1949; atace penerangan kedutaan Malaya di London pada tahun 1958; timbalan menteri penerangan dan penyiaran, 1959-1961; menjadi setiausaha agung UMNO, 1963. Beliau meletakkan jawatan apabila Singapura keluar dari Malaysia. Beliau aktif semula pada tahun 1976 dan menjadi ketua Pemuda UMNO pada tahun itu. Beliau meninggal dunia pada tahun 1977. *Watan*, 20-23 Julai 1986, hlm 18.

# 24

# MENGAPA PERIKATAN DIBENTUK

*(Ucapan di Universiti Malaya pada 17 Mac 1955 anjuran Kelab Sosialis Universiti Malaya)*

Tuan pengerusi dan tuan-tuan sekalian! Seperkara yang tiada disangka lagi ialah Perikatan itu adalah parti yang sehabis kuat di Persekutuan Tanah Melayu ini. Kejayaannya di dalam pilihanraya-pilihanraya terutamanya telah pun dipandang sebagai perkara yang gemilang yang tiada bandingannya. Kepercayaan orang ramai, kata musuh Perikatan yang ketat sekali, ialah bahawa Perikatan akan berjaya terus di dalam pilihanraya Federal.

Bagi menjelaskan di mana letaknya kekuatan Perikatan dan apa polisinya apabila ia berkuasa kelak telah dijelaskan oleh Tunku dalam tiga bahagian iaitu:

(1) Bagaimana Perikatan telah ditubuhkan.
(2) Mengapa Perikatan ditubuhkan.
(3) Tujuan dan polisi Perikatan.

## Bagaimana Perikatan Didirikan?

Dalam tahun 1951 Dato' Onn dan pemimpin-pemimpin parti politik yang lain telah menubuhkan sebuah parti yang mereka fikirkan sekuat-kuat parti politik iaitu IMP ketika itu UMNO yang di bawah pemimpin saya telah berasa khuatir di atas nasib orang-orang Melayu kelak sekiranya parti tersebut memegang kuasa atas Malaya.

Orang-orang Melayu sedar di atas ketinggalan mereka di belakang kaum-kaum yang lain di dalam segala lapangan. Di dalam hal politik mereka belum boleh berfikir secara tidak perkauman. Dari itu sekiranya parti Onn berjaya tak dapat tiada akan membawa kepada dua kejadian iaitu huru-hara dan pergaduhan di antara kaum, ataupun Melayu ditelan oleh lain-lain kaum itu. Dengan kerana itu UMNO telah bergerak menentang pimpinan yang dahulu itu, Dato' Onn. Pada setengah-setengah tempat di sebelah utara pergaduhan telah pun berlaku dengan sebab tertubuhnya IMP. Di Kedah sahaja telah berlaku perbunuhan di dalam tidak kurang dari empat buah kampung.

Saya telah mengambil berat pergi berjumpa dengan Dato' Sir Onn dan pemimpin-pemimpin IMP di dalam suatu perjumpaan di rumah Dato' Thuraisinggam dan mencadangkan kepada mereka supaya mengadakan perikatan dengan UMNO. Mereka telah menolak. Kemudian beberapa orang pemimpin-pemimpin UMNO di Kuala Lumpur telah berjumpa saya dan memberitahu bahawa tujuan mereka hendak mengadakan perikatan dengan MCA untuk bertanding di dalam pilihanraya Municipal Kuala Lumpur. Saya telah berfikir inilah suatu jalan bagi menghuraikan masalah yang telah meruncingkan saya itu dan saya pun memberikan persetujuan saya dengan serta-merta, dan dengan ini terdirilah Perikatan dengan tujuan untuk bertanding di dalam pilihanraya Municipal Kuala Lumpur.

Perikatan ini akhirnya merebak dan menjalar ke Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan akhirnya di Penang. Perikatan ini bukan sahaja telah berjaya mencantumkan dua bangsa yang besar, akan tetapi juga telah mendatangkan suatu perubahan yang betul-betul di dalam kedudukan politik Malaya. Setiausaha Tanah Jajahan British di dalam perintahnya kepada Sir Gerald Templer telah menegaskan kehendak kepada satu bangsa yang bersatu daripada semua kaum sebelum dapat diberikan taraf berkerajaan sendiri kepada Malaya. Hasilnya pihak Perikatan telah membuat satu rancangan yang dengannya semua kaum disatukan. Perikatan telah menjemput parti-parti kaum India, Serani dan Parti Buruh Ma-

laya menghadiri satu kongres yang dianjurkan oleh Perikatan dengan tujuan hendak mengadakan perikatan dengan semua parti. Bagaimanapun tujuan ini telah ditolak oleh pihak itu dan perhimpunan kebangsaan yang diadakan di Hotel Majestic itu hanya dihadiri oleh pihak UMNO, MCA, Persatuan Islam dan beberapa parti kecil yang lain. Pihak Perikatan tidak kecewa kerana selagi dua pertubuhan besar itu telah habis. Hari ini Malayan Indian Congress telah mengubah fikirannya dan telah menyatakan cita-citanya hendak bersama-sama di dalam Perikatan. Perikatan dengan megahnya akan menerima mereka dan lain-lain parti yang telah dijemput dahulu itu.

## Mengapa Perikatan Didirikan

Saya sangat-sangat bersetuju dengan fikiran setengah-setengah orang yang menyatakan bahawa bagi faedah Malaya tidaklah mesti ada parti-parti perkauman. Akan tetapi berapa banyakkah daripada orang ramai yang bertaburan di kampung-kampung dan bandar-bandar akan bersetuju? Orang-orang yang berbagai kaum itu telah terlatih dengan perasaan bahawa diri mereka adalah rakyat negeri asli mereka dan bukan rakyat Malaya. Dan untuk mengubah perasaan mereka itu dengan serta-merta adalah satu perbuatan mukjizat.[1] Tidak ada seorang pemimpin di Malaya pada hari ini yang boleh melakukan perbuatan mukjizat yang seumpama itu. Dato Onn ber fikir ia boleh buat, tetapi ia telah jatuh teruk. Lain-lain pemimpin yang memikirkan dirinya manusia biasa tidak mahu mencuba membuat perkara yang luar biasa itu. Mereka teruskan langkah menyatakan segala kaum itu mengikut kaum itu sendiri.

Kita tahu bahawa kita tidak boleh menubuhkan sebuah parti yang tidak perkauman dan sebagai langkah baik sekali, kita telah menerima cara berikat dengan semua parti-parti. Kita berharap pada masa akan datang kelak mereka sendiri akan mengetahui betul-betul dan dengan kehendak dan kemahuan sendiri akan menubuhkan parti-parti yang tidak perkauman.

Masanya akan sampai setelah segala yang berupa pen-

jajahan disapu bersih daripada negeri ini, tuan-tuan akan dapat menyaksikan. Manakala British yang memerintah negeri serta mengembangkan seluas-luasnya sayapnya ke atas semua rakyat negeri, perasaan tidak percaya mempercayai di antara satu sama lain mesti ada. Dan lagi sementara negeri ini masih dimiliki oleh British, rasa taat setia yang bulat terhadap Malaya tidak akan boleh didapati. Tiap-tiap kaum lebih suka memandang kepada negerinya sendiri dengan bangga kerana Malaya masih terjajah, dan ada suatu yang diberikan selain daripada taraf kerakyatan yang tak ada seorang pun yang hidup dengan kemegahan bangsanya akan mahu menerima nasib yang seperti itu. Oleh itu sebelum sebarang parti yang tidak perkauman di dalam erti kata yang sebenarnya dapat ditubuhkan, rasa taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaya mestilah ada.

Di dalam tahun 1953, tatkala Perikatan dijemput oleh tuan pesuruhjaya tinggi melantik dua orang menjadi menteri di dalam kerajaan yang ada pada tempoh itu, maka orang-orang India telah membangkang dengan sekeras-kerasnya dan lima orang wakil dari kaum yang telah dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Undangan dengan tidak berasaskan perkauman itu telah menarik diri sebagai membantah. Padahalnya mereka itu duduk dalam majlis itu sebagai wakil-wakil daripada parti-parti yang tidak perkauman.

Saya yakin boleh mendirikan sebuah Kerajaan Malaya yang merdeka dengan seberapa segera, tetapi bagi melaksanakan kehendak itu, segala tenaga yang ada di dalam negeri ini hendaklah dikumpulkan dan digunakan kerana maksud yang demikian itu.

Perjuangan yang kita rancangkan ialah secara tidak menggunakan kekerasan dan adalah mengikut asas-asas demokrasi. Dengan ini bererti kemerdekaan yang hendak dicapai itu hendaklah secara perlembagaan. Kita telah bersetuju hendak mendapatkan kemerdekaan itu secara bertingkat-tingkat dan tingkatan yang pertama ialah pilihanraya. Untuk maksud ini saya suka menerangkan perjanjian tahun 1948. Di dalam perjanjian itu ada satu ceraian yang berbunyi demikian ini:

> Dan oleh kerana ialah kehendak Yang Maha Mulia baginda king dan Yang Maha Mulia raja-raja wajib dijalankan langkah-langkah kemajuan yang menuju kepada akhirnya kepada berkerajaan sendiri. Maka bagi menjalankan tujuan itu adalah Yang Maha Mulia baginda king dan Yang Maha Mulia raja-raja telah bersetuju bahawa apabila sahaja difikirkan layak mengikut keadaan Persekutuan, maka hendaklah diadakan undang-undang supaya ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan, Majlis-majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis-majlis Mesyuarat Pulau Pinang dan Melaka yang diadakan menurut perjanjian itu dipilih dengan jalan mengundi.

Apabila kita mendesak supaya diadakan pilihanraya itu, kita telah menerima bangkangan yang sekeras-kerasnya. Oleh yang demikian Perikatan UMNO-MCA terpaksa terbang ke England bertemu dengan setiausaha Tanah Jajahan yang berakhir dengan menarik diri apabila bekerjasama dengan kerajaan. Perkara ini telah diselesaikan dengan cara yang kita fikir paling baik, tetapi masih jauh lagi daripada yang memuaskan, dan dengan kerana itu kita telah mendapat tentangan yang hebat. Bagaimanapun kita cukup sedar keadaan masa ini dan kita tak dapat membuat lebih baik daripada saya yang telah kita buat itu.

Perikatan telah memperjuangkan cita-cita politiknya seinci demi seinci. Dan terpaksa mengatasi segala syak wasangka yang ada di negeri ini dan perasaan ragu daripada golongan raja-raja Melayu serta tipu belit dan kekuatan politik penjajah. Kita juga telah menghadapi pertentangan yang degil dari golongan reaksioner dan musuh-musuh yang menghendaki negeri ini tetap tinggal dijajah selama-lamanya.

Kalau kita telah mendesak terus-menerus supaya semua ahli mesyuarat dipilih oleh orang ramai dan tiba-tiba desakan itu ditolak juga maka hanya satu jalan sahaja di hadapan kita iaitu berjuang secara kekerasan. Tetapi saya telah katakan tadi, iaitu saya menolak cara kekerasan ini dan kita akan meneruskan perjuangan kita ini secara perlembagaan walau bagaimanapun juga halangan.

Hari ini saya berani berkata dengan tidak ragu-ragu lagi

bahawa tidak ada sebuah parti politik pun di negeri ini yang telah menjalani lebih jauh daripada kita di dalam perjuangan menuju ke arah berkerajaan sendiri, dan seterusnya kemerdekaan. Sebelum saya menerangkan secara ringkas apakah dasar pemerintah Perikatan, sekiranya kami berjaya memegang kuasa lepas pilihanraya, maka eloklah saya terangkan di sini bahawa sungguhpun kita pada lahirnya akan memegang teraju kerajaan, tetapi kuasa kita adalah terhad sebab kita terpaksa berjalan dalam lingkungan kawasan dan rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ada sekarang.

## Tujuan Polisi Perikatan

Tentang apa yang akan dibuat apabila kita menerima tanggungjawab maka saya ingin memberitahu tuan-tuan, kita pertamanya terpaksa mengatasi segala perasaan yang buruk sekali seperti perasaan hina *inferiority complex.* Kalau tidak dibuat demikian nescaya kita tidak dapat mencapai cita-cita kita. Pendeknya kami mesti memberanikan diri menuju terus ke arah kemerdekaan.

Kita akan menuntut supaya diadakan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sekarang serta mengadakan syor-syor bagi mengubah perlembagaan itu sebagai persediaan kerana berkerajaan sendiri dan seterusnya merdeka. Kita mesti memenuhkan jabatan-jabatan kerajaan dengan rakyat negeri ini dan membersihkan dari sebarang corak kolonial.

Di dalam masa tingkatan pertama kita mesti menguasai sekurang-kurangnya 80 peratus daripada perkhidmatan-perkhidmatan awam dengan Malayankannya. Kita kena menyelesaikan soal kedudukan rakyat asing di dalam negeri ini kerana tak ada sebuah negeri pun, apabila telah merdeka, boleh membiarkan bangsa-bangsa asing berleluasa. Tuan-tuan akan dapat mengetahui masalah ini kiranya Malaya di dalam keadaan peperangan. Pada waktu itu kita terpaksa mengerah segala tenaga rakyat untuk berkhidmat, tetapi tidak boleh mengerah bangsa-bangsa asing. Di dalam keadaan seperti ini maknanya tak boleh mempertahankan dirinya manakala separuh daripada penduduknya berjuang kerana Malaya yang

separuh lagi sedang berjuang menentangnya atau sekurang-kurangnya duduk menjadi pemerhati sahaja.

Dengan keadaan yang demikian itu Malaya tetap akan tewas sejurus kemudian daripada peperangan telah diisytiharkan. Kita kena pula mengambil langkah untuk mengadakan satu bahasa kebangsaan bagi Malaya Merdeka. Ini dengan sendirinya akan timbul untuk menyempurnakan perjalanan demokrasi sebab bahasa rakyat mestilah menjadi bahasa negaranya, dan dengan adanya satu bahasa ini maka ia akan menguatkan lebih-lebih lagi erti kata kebangsaan itu.

Meskipun tidak dapat dinafikan yang Malaya ada mempunyai beberapa bahasa yang berlainan yang dituturkan oleh penduduk-penduduknya yang berbagai-bagai bangsa dan kaum yang mendiami negeri ini, tetapi mestilah diadakan satu bahasa kebangsaan sahaja, dan tiap-tiap satu kaum yang telah menjadi rakyat negeri ini berhak pula memelihara bahasa, tulisan dan kebudayaannya itu. Pada hari ini hanya dua bahasa sahaja yang diiktiraf menjadi bahasa rasmi negeri ini iaitu Inggeris dan Melayu. Kita akan memutuskan yang mana satu akan dipakai sebagai bahasa kebangsaan negeri ini. Saya tidak mengulas lebih panjang lagi akan masalah ini, tetapi walau apa pun letusannya, maka bahasa-bahasa asing yang ada dalam negeri ini mestilah diakui hak bangsa-bangsa yang mempunyai bahasa tersebut untuk memeliharanya.

Di dalam lapangan iktisad, kita akan mengambil keuntungan-keuntungan yang telah didapati daripada perusahaan yang ada supaya dapat didirikan perusahaan yang ringan-ringan bagi menjadikan Malaya sanggup memenuhi keperluan sendiri serta juga mengadakan pekerjaan bagi buruh-buruh yang sekarang ini hanya bermampu ke ladang-ladang getah dan lombong-lombong. Di lapangan pertanian, kita akan berikhtiar menambahkan hasil dan memperbanyakkan jenis-jenis tanaman. Cara pasaran akan dimajukan dan bantuan wang kepada orang-orang tani akan diberi melalui Bank Peladang.[2] Pendeknya kita akan menjadikan Malaya cukup hasilnya bagi keperluan rakyatnya.

Berkenaan dengan darurat, maka sekarang kita sudah tujuh tahun mengalaminya dan kerajaan telah membayar

hampir-hampir $1 500 000 000.00 kerananya. Perikatan telah mempunyai wang untuk menentang komunisme sementara pekerjaan memajukan negeri ini hendak dijalankan. Sehingga ini Kerajaan Singapura telah memberi pinjaman wang sebanyak empat juta ringgit. Kita berpendapat bahawa komunisme adalah soal internasional, dan yang demikian tidak ada sebab mengapa kita sahaja dikerah menentangnya.

Britain telah banyak menolong kita tetapi sebabnya ialah kerana negeri ini tanah jajahannya. Manakala kita merdeka kelak kita tidak boleh lagi meminta pertolongan daripadanya, dan ini bererti sebahagian besar daripada hasil mahsul yang boleh didapati akan terus digunakan kerana menentang komunisme.

Kewajipan kita ialah menamatkan darurat ini dan dengan itulah saya telah menyuarakan pengampunan beramai-ramai. Saya tak hendak berkata lebih lanjut lagi berkenaan hal ini, tetapi saya berjanji dengan tuan-tuan bahawa Perikatan akan berbuat seberapa yang terdapat dan kadar kuasa yang ada padanya menamatkan darurat itu.

Tujuan besar Perikatan ialah mengurangkan bilangan orang-orang yang buta huruf seberapa yang dapat dan termasuk pelajaran kemasyarakatan, pelajaran bagi orang-orang dewasa dan mendirikan muzium-muzium dan khutub-khutub khanah di seluruh negeri Melayu dan Selat. Kita juga bercadang hendak mengadakan rancangan "Mesti Belajar". Sesungguhnya amat banyak perkara yang di hadapan kita yang semuanya wajib disempurnakan. Kita bercadang hendak memajukan perumahan, perkhidmatan perubatan, kesihatan dan sosial.

Memadailah saya tegaskan pada akhir ucapan saya ini iaitu tidak ada suatu pun yang akan kami tinggalkan bagi menjadikan Malaya Merdeka sebuah negara yang di dalamnya kita akan hidup sukacita, dan yang boleh kita banggakan sebagai sebuah negara tempat tumpuan taat setia kita yang tidak berbelah bagi.

"M E R D E K A"

[1]Dari segi istilah (Al-Quran) sesuatu perkara yang luar biasa yang didatangkan oleh Allah kepada rasul-rasul dan nabi-nabi untuk memperkukuhkan risalah yang dibawa.

[2]Sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan Bank Peladang ialah satu organisasi yang bertugas (berfungsi) untuk membantu petani-petani khususnya dalam memberikan pinjaman. Cita-cita menubuhkan Bank Peladang ini sebenarnya hanya tercapai apabila Bank Pertanian ditubuhkan. Milne R.S., & Mauzy, D.K., *op, cit.*, Kuala Lumpur, hlm 416.

# 25

# PANDANG KIRI DAN PANDANG KANAN

*(Ucapan melalui Radio Malaya yang dipancarkan pada 3 April 1955)*

Pendengar-pendengar yang budiman! Tuan-tuan sedia maklum bahawa perjuangan UMNO dan rakannya MCA ialah kerana hendak mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu ini. Perjuangan ini adalah sesuai sangat dengan dunia sekarang.

Sekiranya kita pandang ke kiri dan ke kanan dapatlah kita mengetahui bahawa tidak ada negeri lagi di dalam Timur Asia ini yang belum merdeka. Negeri-negeri yang di bawah jajahan takluk British dahulu itu seperti India, Pakistan, Ceylon dan Burma semuanya telah pun merdeka dengan pertolongan British sendiri, iaitu apabila negeri-negeri itu telah menyempurnakan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan British. Syarat-syarat itu ialah rakyat negeri tersebut boleh duduk berbaik-baik dan bekerjasama di antara satu dengan lain. Kita ini, kata British belum lagi menyempurnakan syarat itu dan dengan sebab itulah kita belum lagi diberi kemerdekaan.

Pada tahun 1952, UMNO telah menyatakan tujuan hendak bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain di dalam negeri ini telah mengadakan Perikatan UMNO-MCA iaitu bagaimana yang dituntut dan dikehendaki oleh undang-undang tubuh UMNO sendiri. Dengan yang demikian ini kita percaya bahawa kemerdekaan akan tercapai dalam masa yang singkat.

Dengan adanya kesedaran ini di hati orang-orang kita maka berbagai-bagai tanda tanya telah terbayang berkenaan keadaan Malaya apabila merdeka kelak. Kita bercadang hendak membuat Malaya ini sebuah negara yang boleh menjadi satu *model state* iaitu satu contoh kepada seluruh dunia, penting keamanannya, baik pentadbirannya, pergaulan yang rapat antara kaum-kaum di dalamnya, kebersihannya dan kesihatan rakyat jelatanya serta iktisadnya yang tetap dan tidak bergoyang.

## Susunan Pemerintahan

Di dalam Malaya Merdeka mahulah diadakan dua dewan mesyuarat iaitu satu dewan perwakilan rakyat yang ahli-ahlinya semua dipilih yang lagi satu yang ahli-ahlinya semua dilantik dan anggota-anggotanya daripada wakil raja-raja, wakil negeri-negeri dan *settlement*, wakil kepentingan dan kaum-kaum yang kecil serta beberapa orang pakar di dalam sesuatu perkara.

Untuk menjalankan polisi negeri ini mahulah diadakan pula satu jemaah menteri yang tersusun daripada ahli-ahli parti yang menang dengan diketuai oleh seorang perdana menteri. Dan jemaah menteri ini adalah bertanggungjawab kepada Dewan Mesyuarat, dan mahulah diadakan juga suatu jawatan tertinggi akan dipegang oleh seorang yang berkuasa meluluskan atau menolak sebarang rang undang-undang dan berkuasa pula mengadakan dewan persidangan atau membubarkan kedua-dua dewan tersebut, tetapi kuasa pegawai-pegawai tertinggi itu adalah terhad menurut perlembagaan.

Bagi Tanah Melayu ini siapakah yang akan memegang jawatan itu terpulanglah kepada rundingan di antara wakil-wakil rakyat dengan raja-raja Melayu.

## Bahasa di Dalam Malaya Merdeka

Apakah bahasa yang akan digunakan di dalam masa Malaya Merdeka? Pada masa ini bahasa yang dirasmikan ialah Inggeris dan Melayu, iaitu di dalam perbahasan-perbahasan di Majlis Undangan Persekutuan, tetapi segala yang berkehendak ditulis hanyalah dipakai bahasa Inggeris sahaja. Dan juga

segala surat menyurat dan lain-lain dalam semua pejabat kerajaan termasuk Mahkamah Persekutuan dan negeri adalah dipakai bahasa Inggeris.

Tak dapat tiada kita mesti menetapkan satu bahasa kebangsaan dan rasmi daripada salah satu bahasa yang dirasmikan sekarang ini bagi Malaya Merdeka kerana menurut aturan demokrasi bahawa bahasa rakyat sesebuah negeri mestilah menjadi bahasa rasmi negeri ini. Apa bahasa rasmi negeri ini telah pun dinyatakan dalam manifesto kita yang akan dikeluarkan tidak lama lagi, dan apa juga bahasa rasmi yang akan dipakai kelak, maka bahasa dan kebudayaan sesuatu kaum yang mendiami negeri ini akan dijamin keselamatannya.

## Soal Kerakyatan

Undang-undang kerakyatan yang dipakai dalam negeri ini sekarang ini adalah sesuai dengan keadaan dan corak pemerintahan kolonial yang ada sekarang ini. Tetapi apabila Malaya merdeka, undang-undang kerakyatan mestilah diubah menurut yang bersesuaian dengan corak pemerintahan bagi sesuatu negeri yang merdeka. Dan perkara ini kita akan cuba menyelesaikannya dengan pertolongan sebuah suruhanjaya bebas.

Bagaimana sekalipun mahu dahulu daripada soal kerakyatan ini dapat diselesaikan maka satu perkara yang sangat penting mestilah diselesaikan terlebih dahulu iaitu soal kemasukan orang-orang dagang. Selagi undang-undang imigresen tidak diketatkan maka selama itulah perasaan bimbang ada di hati orang-orang Melayu. Setahun terlebih dahulu daripada Undang-undang Imigresen tahun 1953 dikuatkuasakan maka sebanyak 42 273 orang dagang telah dimasukkan ke negeri ini. Dari semenjak tarikh itu hingga awal tahun 1955, sebanyak 13 590 orang telah masuk ke negeri ini. Jika kemasukan orang-orang dagang ini tiada ditahan maka dalam masa 10 tahun lagi orang-orang Melayu dan rakyat Federation akan tenggelam.

## Kedudukan Raja-raja

Satu perkara yang saya selalu ditanya berkenaan dengannya

ialah soal kedudukan raja-raja Melayu apabila Malaya merdeka kelak. Di sini saya suka menegaskan bahawa orang Melayu biasa beraja sejak dahulu kala lagi. Dengan adanya raja-raja Melayu, orang Melayu berpegang teguh di atas adat resam dan tingkah laku yang halus lagi tertib dan cukup keseniannya. Dan tidak dapat dinafikan bahawa adat resam dan tingkah laku orang Melayu itu adalah dipuja oleh lain-lain bangsa. Saya dapati bilangan orang yang paling besar daripada orang Melayu adalah berkehendakkan raja-raja. Pihak Perikatan telah pun mengisytiharkan dalam kertas birunya iaitu akan memelihara taraf raja-raja sebagai ketua negara yang berperlembagaan di negeri masing-masing. Ini bermakna bahawa raja-raja itu akan menjadi raja yang berdaulat sebagaimana raja-raja di England, iaitu undang-undang dan peraturan-peraturan akan berjalan namanya, tetapi dasar pentadbiran ini akan terserah kepada menteri-menterinya yang dipilih oleh rakyat sendiri dan akan bertanggungjawab kepada raja dan kepada Dewan Mesyuarat Negeri.

## Pelajaran

Berkenaan dengan pelajaran, kita dengan sedaya upayanya akan mencuba mengurangkan bilangan orang yang buta huruf dengan mengadakan tempat-tempat pelajaran bagi mereka. Berkenaan dengan sekolah, kita berasa patut diadakan undang-undang "mesti belajar" dan orang-orang yang suka hendak belajar di dalam sekolah bangsanya sendiri untuk mempelajari bahasanya akan dibenarkan berbuat demikian.

## Iktisad

Berkenaan dengan iktisad, kita akan cuba menjalankan cara-cara yang akan menjatuhkan kedudukan iktisad negeri ini daripada gegaran, dan juga kita akan memperbaiki keadaan orang Melayu supaya mereka dapat bahagian yang adil dan berpatutan daripada kekayaan negeri ini. Begitu juga kita mahu menggalakkan penubuhan kilang-kilang perusahaan supaya dapat kita mengeluarkan barang keperluan kita sehari-hari dan dengan ini kita dapat menyelesaikan soal mata pencarian bagi orang-orang yang tiada bekerja.

## Jawatan Civil Service

Jawatankuasa-jawatankuasa ini sekarang kebanyakannya dipegang oleh pegawai-pegawai British. Kita akan berikhtiar mengurangkan pegawai-pegawai Inggeris dan menggantikan mereka dengan orang-orang Melayu dan Asian. Berapa lama masa yang akan diambil untuk mengadakan perubahan penuh ini adalah bergantung kepada keadaan masa tetapi boleh dikatakan bahawa dalam tempoh lima tahun sebilangan besar daripada pegawai-pegawai British itu mahu ditukar dan diganti oleh anak negeri.

## Undang-undang

Berkenaan dengan undang-undang yang akan dipakai oleh negeri ini ialah undang-undang yang kita biasa dan yang dapat memberikan keadilan kepada awam. Dan juga undang-undang yang boleh menerima perubahan dari satu masa ke satu masa.

## Darurat

Berkenaan dengan darurat,[1] kita telah banyak membelanjakan wang negeri itu untuk menghapuskannya. Sekarang ini Kerajaan British ada menolong perbelanjaan-perbelanjaan darurat itu. Apabila merdeka kelak tentulah bantuan itu akan dihentikan, tetapi kerana memandangkan yang darurat ini adalah soal *international communism,* maka kita harap negeri-negeri yang bercorak demokrasi menolong Malaya. Sungguhpun begitu, hendaklah kita sendiri berikhtiar memberhentikan darurat ini dengan apa cara jua pun. Inilah sebabnya yang saya selalu sebutkan perkara pengampunan beramai-ramai.

## Perkara Luar Negeri

Berkenaan dengan perhubungan kita dengan luar negeri, kita mestilah mengadakan perhubungan-perhubungan rapat dan baik dengan negeri-negeri yang bersempadan dan berdekatan dengan kita, umpamanya mengadakan perjanjian keselamatan, iktisad dan sebagainya. Malaya apabila merdeka kelak

eloklah mengikuti jirannya seperti India, Pakistan dan Ceylon iaitu masuk dalam lingkungan Komanwel.

## Hak-hak Asasi Manusia

Hak-hak asasi manusia ini patutlah dijamin:

1. Kebebasan beragama dengan apa agama sekalipun dengan tidak boleh diganggu.
2. Kebebasan bergaul, berkumpul dan bergerak secara aman menurut undang-undang.
3. Kebebasan bercakap dan menulis.
4. Kebebasan berlindung di bawah sebarang undang-undang yang diakui.
5. Kebebasan memilik, menjual dan menggadai harta punya.
6. Kebebasan mencari kehidupan.
7. Kebebasan daripada segala perbuatan zalim dan aniaya daripada sesiapa pun. Dan memelihara kumpulan-kumpulan minoriti dan berikan hak-hak yang patut baginya.

Inilah sebahagian daripada hak-hak asasi manusia yang dapat disebutkan dalam masa yang suntuk ini. Pendeknya gambaran Malaya Merdeka yang di hadapan kita adalah merupakan sebuah kerajaan yang sebenar-benarnya bercorak demokrasi. Bermaknalah kerajaan yang boleh memberikan kebahagiaan, kesenangan dan kesempurnaan kepada rakyat jelata serta keamanan dan kemakmuran bagi negeri ini.

Inilah sahaja pandangan saya sendiri atas corak Malaya Merdeka dengan tidak mengikat sebarang pihak pun.

"M E R D E K A"

---

[1]Darurat (1948–1960); pada tahun 1948, komunis telah membuat keputusan untuk bertindak dengan keganasan bersenjata lalu mencetuskan darurat. Komunis menjalankan keganasan bersenjata akibat kegagalan mereka meresap masuk dan menguasai kesatuan sekerja kerana kerajaan telah meminda undang-undang kesatuan sekerja. Punca meletusnya darurat juga

kerana kegagalan kumpulan bersayap kiri apabila Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditubuhkan. Parti Komunis Tanah Melayu gagal mencapai tujuannya melalui perlembagaan pada peringkat awal dan mula darurat 1948. Pemberontakan ini sebenarnya dirancangkan lebih awal dan mendapat bantuan luar memandangkan pada masa yang sama timbul pemberontakan komunis di Burma, Indonesia dan Filipina. Adalah dianggarkan jumlah komunis yang cergas kurang daripada 10 000 orang dan mereka menggunakan taktik gerila, tetapi tetap timbul masalah besar.
Khoo Kay Kim & Adnan Haji Nawang, 1984, *Darurat 1948-1960*, Muzium Angkatan Tentera.

## 26

# KITA AKAN MERDEKA: TURUN ATAU NAIK

*(Ucapan dalam majlis perasmian rumah UMNO pada 31 Julai 1955)*

Saya mengucap syukur kepada Allah S.W.T. yang UMNO pada hari ini telah hidup dengan subur dan kuat. Sebagai tanda tanya ialah beberapa bahagian dan cawangan-cawangan UMNO di merata-rata tempat telah pun mendirikan rumahnya sendiri.

Ibu pejabat UMNO[1] Malaya telah memungut wang untuk membina sebuah rumah sendiri yang berpadanan dengan kebesaran UMNO. Setelah wang itu terkumpul, maka bangunan rumah UMNO Malaya itu telah didirikan di Kuala Lumpur, pusat Persekutuan Tanah Melayu. Dan pada hari ini pembukaan bangunan yang telah lama kita nanti-nantikan itu. Bangunan UMNO ini adalah didirikan di atas tiga lot tanah yang dipunyai oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan disewakan kepada UMNO dengan sewa yang murah. Dengan adanya rumah dan bangunan ini kita akan menyediakan tempat-tempat di dalamnya untuk melatih anak-anak Melayu di atas berbagai-bagai pekerjaan seperti gunting rambut, jahit menjahit dan *type writing*.

Rumah ini berharga $135 000.00, tidak termasuk lampu-lampu dan alat perkakasnya. Tinggi rumah ini empat tingkat dan tingkat atas sekali kita bercadang hendak menyewakan

dengan bayaran yang murah untuk persidangan-persidangan. Derma untuk rumah ini didapati daripada ahli-ahli UMNO, penyokong-penyokong UMNO dan ahli-ahli dermawan yang banyak dan tidak dapat saya sebutkan nama mereka satu persatu di sini.

Dengan tertubuhnya ibu pejabat ini dan juga pejabat-pejabat UMNO bahagian dan cawangan, saya percaya UMNO akan tetap hidup dengan kekalnya. Sekiranya ada apa-apa yang berlaku ke atas saya dan ketua-ketua UMNO pada hari ini maka telah tentu tempat-tempat itu akan diisi oleh orang lain dan UMNO akan berjalan terus dengan tidak goyang. Dan juga dengan adanya rumah ini akan menjadi suatu tanda bahawa orang Melayu jika berkehendak membuat sesuatu apa-apa pun, mereka boleh buat asalkan sahaja mereka menentukan yang mereka hendak buat. Maka dengan kerana orang Melayu telah menentukan yang mereka hendak merdeka, saya percaya kita akan merdeka, di dalam apa hal pun orang Melayu jika hendak naik, mereka boleh naik setinggi-tingginya dan jika hendak turun serendah-rendahnya sehingga segala bangsa memandang kita dengan pandangan yang hina.

Sekarang orang Melayu telah menentukan hendak naik maka saya berdoa mudah-mudahan kita naik setinggi-tingginya dan tidak lagi turun ke bawah supaya bangsa kita ini boleh duduk sama setaraf dengan bangsa-bangsa yang merdeka, dan negeri kita terpampang di atas peta dunia sebagai negeri yang merdeka lagi berdaulat.

"M E R D E K A"

---

[1]Ibu pejabat UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1955 ini sebenarnya adalah bangunan empat tingkat yang terletak di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

## 27

# DEMOKRASI DAN PENGHORMATAN

*(Ucapan pertama Tunku Abdul Rahman sebagai ketua menteri dalam upacara perasmian Majlis Undangan Federal yang dipilih pada 31 Ogos 1955)*

Hari ini ialah hari yang cemerlang dalam sejarah majlis ini. Pilihanraya Federal yang baru lalu telah menjadi sejarah. Inilah kali yang pertama majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang setengah ahlinya dipilih dan setengah dilantik. Dengan bilangan yang dipilih lebih daripada yang dilantik dalam mana saya berasa megah menyandang jawatan sebagai ketua menteri.

Satu penerangan yang penting telah dilalui dalam kemajuan negeri ini menuju ke arah berkerajaan sendiri yang penuh tanggungjawab dan kemerdekaan. Apabila saya mengawas jalan yang terbentang di hadapan kita, saya nampak cukup banyak kesulitan-kesulitan dan soal-soal, tetapi saya percaya penuh bahawa dengan rasa muhibah, sabar dan berazam dan terlebih daripada semuanya dengan sokongan ahli-ahli yang berhormat dan rakyat jelata maka semua halangan dan kesulitan itu boleh diatasi.

Sesungguhnya adalah sangat menggembirakan pada saat ini, kita dapat mengalu-alukan Yang Amat Berhormat Tuan Alan Lennox Boyd, setiausaha Tanah Jajahan British ke majlis ini. Kita mengalu-alukan beliau dalam dua sifatnya: pertama, dalam sifatnya sebagai seorang menteri kerajaan baginda

Queen dan kedua, dalam sifatnya sebagai seorang ahli Dewan Orang Ramai yang tertua itu. Dewan Orang Ramai yang peraturan-peraturannya banyak diambil dan dipakai oleh kerajaan demokrasi di merata dunia ini. Dan peraturan-peraturan serta perjalanan majlis kita itu pun adalah berdasar kepada peraturan dan perjalanan Dewan Orang Ramai itu juga. Memang suatu permulaan yang menggembirakan bahawa pada Malaya sedang bergerak menuju zaman gemilang bagi menjadikannya suatu bangsa ini, tuan setiausaha Tanah Jajahan telah berpeluang bersama-sama dengan kita pada hari yang berbahagia ini. Kita sangat mengharap dalam tempoh setahun dua lagi beliau akan dapat juga menghadiri dan menyaksikan berdirinya sebuah majlis perwakilan rakyat yang berdemokrasi penuh di negeri ini. Saya juga mengharap sangat beruntung dan bertuah rasanya bagi saya kalau hari itu kelak saya akan berada lagi di sini untuk mengalu-alukan beliau.

Lawatan beliau ke Malaya ini telah dibuat betul pada masanya. Beliau pernah ada lawatan betul yang ternama yang begitu dialu-alukan dan diperlukan seperti lawatan beliau ini kerana Malaya sekarang adalah sedang menempuh satu perubahan yang ditimbulkan oleh desakan dan keinginan pada kemerdekaan. Ada banyak perkara yang saya sebagai ketua menteri berasa perlu merundingkannya dengan beliau dari hati ke hati. Perkara ini terpaksalah dirundingkan dengan sepenuhnya dan diselesaikan dengan serta-merta. Kehadiran beliau di sini boleh menyelamatkan masa saya daripada membuat surat-surat yang panjang mengikut saluran-saluran yang lazim dan dihantarkan beribu-ribu batu jauhnya yang menjarakkan negeri kita dengan England.

Saya adalah yang terutama sekali bergembira akan kerana saya telah diberi kesempatan yang pertama menemui beliau apabila sahaja beliau tiba di Persekutuan Tanah Melayu ini. Dalam pertemuan itu saya sangat tertarik hati kepada cara sambutan yang diberikan beliau kepada saya iaitu kerana beliau telah mendengar dengan teliti segala apa yang saya katakan kepadanya, dan sedia meneruskan perundingan-perundingan dengan saya di dalam suasana persahabatan yang

ramah mesra dan di luar bentuk-bentuk kerasmian. Saya bergembira sekali dan berasa mendapat kehormatan bila beliau melayan saya sebagai seorang yang setaraf dengan beliau sehingga saya tak berasa bahawa saya adalah mewakili sebuah negeri yang masih bergantung pemimpin dari sebuah parti yang baru sahaja dipilih memasuki majlis ini. Sesungguhnya itu adalah suatu sikap yang baik di pihak beliau dan kalau beginilah caranya beliau menjalankan tugasnya sebagai setiausaha Tanah Jajahan, saya percaya jalan sentiasa terbuka bagi mengadakan perhubungan yang lebih rapat di antara kerajaan baginda Queen dengan kita pada masa ke hadapan.

Dengan ini nyatalah bahawa beliau bukan sahaja tinggi dalam bangunan badannya tetapi fikirannya juga luas. Saya mendapat perangsang untuk membuat perundingan-perundingan lebih kerap lagi dengan beliau. Sama ada di sini ataupun di England, bila tiba nanti saya telah dapat menyesuaikan diri saya dengan jabatan baru saya ini. Bahkan boleh pula merancangkan cara-cara saya melaksanakan tugas-tugas saya untuk masa hadapan.

Kerja-kerja yang berat masih banyak menunggu di muka kita, dan untuk ini fikiran dan renungan haruslah pula banyak diadakan kerana Malaya sekarang sedang memasuki saat baru dalam sejarahnya.

Keputusan pilihanraya Federal menunjukkan bahawa Perikatan adalah mendapat sokongan yang penuh dari rakyat, yang seumpamanya belum pernah ada di dalam sejarah pilihanraya yang bebas walau di mana-mana pun. Rakyat telah menarikkan kita berkuasa kerana rancangan dan polisi kita iaitu antara lain-lain janji kita untuk mencapai pemerintahan sendiri yang penuh dan kemerdekaan bagi Malaya. Setengah orang mungkin terdorong hendak berbangga-bangga atas kemenangan besar itu dan berpuas hati duduk berdiam diri. Kemudiannya, yang lain-lain pula harus berperangsang oleh kemenangan ini lalu menjadi terlalu besar hati sehingga membuat tuntutan-tuntutan yang tak berpatutan meminta perubahan-perubahan yang besar dengan tidak memikirkan akibat-akibatnya. Tetapi pihak Perikatan adalah berlainan pendiriannya.

Kami adalah parti yang dipunyai oleh rakyat. Kami adalah sedar dengan sepenuh-penuhnya akan janji-janji dan tanggungjawab kami. Kami berazam hendak menunaikan janji-janji dan tanggungjawab kami itu sedaya upaya kami untuk faedah negeri ini. Kami akan menjalankan tugas kami dengan cara yang nyata, patut dan sesuai kerana dengan jalan ini sahajalah kami boleh berkhidmat sebaik-baiknya kepada rakyat dan supaya kami dapat menjalankan dengan lancarnya. Kami akan berkehendakkan sokongan baik dan kerjasama yang dapat diberikan oleh kerajaan baginda Queen dan Duli-duli Yang Maha Mulia raja-raja Melayu.

Kami telah diamanahkan dengan tugas membentuk satu bangsa yang baru. Setengah orang memikirkan langkah itu terlalu berat untuk disempurnakan dalam tempoh empat tahun dan mungkin mengecewakan pentadbiran negeri ini serta boleh menimbulkan kekacauan dan huru-hara. Sebaliknya pula pada orang yang menyatakan masa empat tahun itu terlalu lama bagi mencapai kemerdekaan. Mereka berkehendakkan supaya kemerdekaan itu diberikan sekarang juga. Orang-orang yang serupa ini adalah orang-orang yang tidak mengikuti aliran fikiran dan tak fikir dan tak mengetahui kedudukan di negeri ini. Sebagai parti rakyat, Perikatan adalah berhubung rapat dengan rakyat dan ia boleh menghakimkan bila masa yang sesuai untuk merdeka, dan oleh sebab itulah kami mengumumkan satu tarikh yang ditentukan baginya.

Kami berasa bahawa tidaklah melampau kalau kami mengharap kerajaan baginda Queen boleh menolong supaya kemerdekaan dapat dicapai dalam tempoh empat tahun itu. Kalau ini dilambatkan lewat dari tarikh yang telah ditetapkan itu, tuan-tuan akan menolong mengembangkan fahaman komunis kerana faham komunis[1] hidup dan berkembang di atas penjajahan. Kalau helah komunis mendapat tempat bertapak di negeri ini maka hari ia bertapak itu adalah saat-saat mendukacitakan bukan sahaja bagi kita di Malaya ini, tetapi bagi rakyat di England juga. Komunis telah pun menyeludup ke dalam ladang-ladang getah, lombong, pekan-pekan, kampung-kampung dan yang dahsyatnya sekali ke dalam sekolah-sekolah.

Kalau penyeludupan pihak komunis itu tak dapat disekat pada masanya nescaya pihak komunis itu nanti akan memperkuatkan kedudukannya. Pada masa itu ia benar-benar menjadi ancaman yang membahayakan keamanan negeri ini dan keamanan dunia seluruhnya. Kita berterima kasih kepada pasukan keselamatan atas usaha mereka melegakan kedudukan darurat ini tidaklah boleh ditamatkan. Komunis itu cerdik dan berjuang dari tempat kedudukan yang sukar bagi kita hendak mencarinya. Surat-surat siaran dan risalah-risalah yang kita sebarkan dengan memakan belanja berjuta-juta ringgit tidak dapat mengubah pandangan mereka itu supaya mengikut pandangan kita. Hati mereka telah menjadi beku kerana bencikan kepada penjajahan dan mereka adalah berjuang menentang penjajah, kata mereka.

Sehingga ini kerajaan telah menjalankan daya upayanya untuk menamatkan darurat ini tetapi tak berhasil. Kita sekarang telah merancangkan pengampunan beramai-ramai bagi komunis-komunis itu. Dengan rancangan ini bukanlah ertinya kita mengakui komunis Malaya ataupun bermaksud hendak berunding dengan komunis atau untuk mencari syarat-syarat penyelesaian yang baik. Tawaran kita itu ialah satu langkah yang bersesuaian dengan keinginan rakyat negeri ini hendak melihat keamanan dan kegembiraan yang kekal berdiri di dalam negeri ini. Syarat-syarat kita adalah cukup berpatutan dan bolehlah diharapkan bahawa syarat-syarat itu akan diterima.

Tetapi jauh di dalam hati saya, yang saya ada berasa bahawa sekiranya syarat-syarat pengampunan diterima kelak, orang-orang komunis yang bersenjata mungkin akan ada di dalam kalangan kita lagi. Ganti faham komunis itu ialah faham kebangsaan sahaja. Selama darurat berjalan kemungkinan orang-orang akan dipengaruhi oleh faham komunis selalu ada, bukan kerana mereka percaya cara hidup komunis itu lebih baik dari cara hidup kita, tetapi kerana mereka terbawa-bawa ke sana oleh rasa tak puas hati, gelisah dan kecewa dalam menjalankan usaha menentang komunis. Kerajaan telah terpaksa mengambil beberapa langkah, kita telah mengadakan kampung-kampung baru atau tempat pemindahan se-

mula, memaksa rakyat pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kita terpaksa mengadakan sekatan melarang membawa barang-barang makanan kerana kita takut bantuan makanan boleh sampai kepada komunis. Kita terpaksa menyekat gerakan setengah-setengah orang pada masa dan tempat yang ditetapkan. Tidak syak lagi bahawa semua langkah-langitu sangat mustahak semasa darurat itu berjalan, tetapi tak dapat pula dinafikan bahawa hal ini menimbulkan rasa tak puas hati di dalam hati rakyat.

Jawapan yang pasti kepada masalah yang pasti dihadapi ini ialah membantu pertubuhan yang berfaham kebangsaan yang tulen. Sebelum perang, faham kebangsaan ada di negeri ini, tetapi faham kebangsaan itu sempit. Ada baiknya di dalam beberapa tahun ini faham kebangsaan itu telah diluaskan dan menerima sokongan bukan sahaja dari orang-orang Melayu, tetapi dari orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa juga yang memandang negeri ini sebagai tanahair mereka dan tempat tumpuan taat setia mereka yang tidak berbelah bagi. Hari ini seseorang itu boleh mendengar pekikan merdeka diserukan oleh orang-orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak daripada segala bangsa di segenap pelosok negeri ini. Faham kebangsaan ini ialah faham kebangsaan yang sihat tetapi mestilah ia dibaca dan diselenggarakan dengan baik supaya ia akan boleh tumbuh jika ada kesedaran dan kepercayaan bahawa usaha mencapai kemerdekaan sebenarnya ada dijalankan dan dimajukan. Kalau usaha ini disekat-sekat dengan apa cara pun maka faham kebangsaan itu akan terpaksa mencari saluran-saluran lain yang berlebihan yang kelak boleh membawa kepada faham komunisme ataupun kekerasan puak pelampau.

Pihak Perikatan telah bekerja keras untuk mengembangkan faham kebangsaan ini di dalam negeri ini. Janganlah hendaknya usaha kita ini dihancurkan oleh pertelingkahan-pertelingkahan titik bengik seperti menetapkan bentuk atau masa kemerdekaan itu. Dalam pilihanraya-pilihanraya kampung, pekan, negeri dan dalam pilihanraya Federal juga faham kebangsaan inilah yang menyebabkan Perikatan menang. Ini sudah terang dan sebabnya pun sudah diketahui. Kemerde-

kaan itulah yang mereka mahu dan parti kami adalah satu-satunya parti yang berjuang untuk kemerdekaan.

Saya menuju kepada kerajaan baginda Queen dan kepada raja-raja Melayu supaya usul-usul yang telah kami cadangkan itu ditimbangkan dengan sebaik-baik timbangan. Hanya memenuhi tuntutan ini sahaja baru Malaya boleh berjalan menuju kepada keamanan dan kemakmuran serta terselamat Malaya dari ancaman komunis. Tidak ada jalan lain bagi kerajaan baginda Queen dan raja-raja Melayu melainkan mestilah bersedia menyokong perkembangan kebangsaan yang tulen ini ataupun menyerahkan negeri ini kepada Parti Komunis Malaya. Kalau pemerintahan sendiri dan kemerdekaan tidak dapat dicapai di dalam tempoh yang kami tetapkan itu kelak akan ditanya dalam majlis ini kerana surat kuasa[2] adalah tegas dan terang iaitu capai kemerdekaan atau keluar.

Mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, baginda Queen dan raja-raja Melayu telah memberi pengakuan bahawa usaha ke arah mencapai pemerintahan sendiri bagi Malaya akan dilaksanakan. Berdasarkan pengakuan ini kami meminta supaya satu suruhanjaya bebas[3] yang istimewa dilantik untuk mengkaji semula perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini. Kami bersedia menemui wakil-wakil kerajaan baginda Queen dan raja-raja Melayu bagi menentukan syarat-syarat kerja dan tugas-tugas suruhanjaya ini nanti.

Begitu pun sebelum persidangan ini diadakan kami menganggap mustahak diisytiharkan bahawa adalah maksud kerajaan baginda Queen dan raja-raja Melayu sebuah suruhanjaya yang demikian itu. Kami bersedia mengambil bahagian di dalam perundingan itu walau di mana pun akan diadakan, tetapi dengan syarat bahawa kami dipandang sebagai kongsi yang setaraf dalam urusan negeri ini. Rundingan-rundingan ini kalau diadakan hendaklah diadakan segera di London. Dan perkara-perkara yang akan dirundingkan itu hendaklah meliputi perkara perlembagaan yang mustahak yang mengenai perkhidmatan orang ramai, keselamatan dalam negeri dan kewangan.

Perasaan yang meluas dalam negeri ini sekarang menghendaki usaha yang tegas memalayankan perkhidmatan-per-

khidmatan awam termasuk bahagian undang-undang dan kehakiman, tetapi bukanlah maksud Perikatan hendak membuat segala langkah yang bertandatangan atau membahayakan kepentingan pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat sekarang. Mereka akan dilayan dengan adil dan penuh timbang rasa. Telah umum bahawa setengah-setengah jawatan kerajaan yang menjadi simbol penjajahan perlu dihapuskan supaya dapat membuktikan kepada rakyat dengan seterang-terangnya yang negeri ini adalah bergerak maju kepada taraf pemerintahan sendiri.

Berhubung dengan keselamatan dalam negeri, kami berasa bahawa semua perkara yang bersangkut dengan itu termasuk perkhidmatan polis dan pasukan bersenjata hendaklah diserahkan kepada penyelenggaraan kami. Saya berharap baginda Queen tidak akan berasa ragu tentang kebolehan kami memikul tanggungjawab ini. Kami berkeyakinan penuh bahawa kami bersetia dan sanggup memegang tugas dan tanggungjawab ini.

Berhubung dengan soal kewangan, kami juga berasa bahawa sebagai wakil rakyat adalah menjadi kewajipan kami untuk mentadbirkan saluran-saluran kewangan negeri ini. Dengan tidak adanya tanggungjawab terasa ini tidaklah ada harapan bagi kami akan dapat menjalankan tugas yang kami sanggupi itu dengan sempurna.

Bagi pihak kami, sekali lagi kami memberi pengakuan kepada raja-raja Melayu bahawa kami akan tetap menjunjung mereka itu sebagai raja-raja yang berperlembagaan kepada negeri masing-masing. Tidak ada sebab bagi Duli-duli Yang Maha Mulia meragukan maksud dan kelurusan kami ini.

Perlu saya catatkan iaitu selepas satu persidangan dalam bulan Julai 1954, dan sebagai jawapan kepada rayuan kami, Duli-duli Yang Maha Mulia telah mengumumkan bahawa mengikut pertimbangan mereka, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu perlu diperiksa semula untuk memastikan yang sesuai dengan kehendak dan keinginan rakyat dan memberi jaminan penuh kepada kebaikan dan keselamatan mereka itu. Harapan kami ialah supaya pengumuman ini dibuktikan sekarang.

Sebagai penutup, saya ingin mengingatkan semula bahawa Yang Amat Berhormat Tuan Lennox Boyd telah memberikan penghormatannya kepada semua orang yang telah bekerja bersungguh-sungguh dan cergas untuk menjayakan pilihanraya kita yang pertama baru-baru ini. Saya suka menceritakan diri saya dalam penghormatan itu di sini dan berharap hal itu dicatatkan dalam minit majlis ini. Terutama sekali saya ingin memberi pujian kepada semua jabatan yang bersangkutan dengan pilihanraya itu dan kepada pihak polis yang memberikan kerjasama. Saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada sekalian mereka yang membuang undi dengan ramainya yang mana telah membuktikan bahawa mereka telah mempunyai kesedaran politik yang cukup.

Dan lagi saya berharap setiausaha Tanah Jajahan British bersukacita menyampaikan baik sangka, keikhlasan dan ucap selamat kami kepada perdana menteri British dan rakan-rakannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Lennox Boyd kerana hadir pada hari yang bersejarah ini, hari permulaan kita membentuk usaha bersama. Hari ini adalah lebih bahagia lagi kerana di sini sekarang hadir tetamu-tetamu terhormat yang kita semua mengucapkan selamat datang kepada mereka.

"M E R D E K A"

---

[1]Fahaman komunis mementingkan sama rata atau keadilan. Oleh sebab itu mereka menolak konsep kapitalisme. Bagi mereka kapitalisme menyebabkan manusia bersaing antara satu sama lain iaitu yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin menjadi lebih miskin. Mereka tidak mahu penindasan wujud. Fahaman komunis juga menolak agama dan demokrasi. Perjuangan komunis antarabangsa berjaya menggulingkan pemerintahan Kaisar Rusia dalam pemberontakan bersenjata pada 1917. Bermula dari itu gerakan komunis berpangkalan di Rusia. Bagaimanapun China Komunis wujud selepas kejatuhan rejim Chiang Kai Syek ke tangan Mao Tze Tung. Sebenarnya parti Komunis China menjadi kiblat kepada perjuangan Parti Komunis Malaya.

[2]Mereka menyebarkan pengaruh mereka secara senyap dan menggunakan parti Koumintang pada peringkat awal. Mereka menyebarkan fahaman mereka di sekolah-sekolah malam Cina Hailam, kumpulan kecil kesatuan sekerja dan kelab-kelab kerja tangan Cina. Menjelang 1927 ditubuhkan Parti Komunis Nanyang dan menjelang 1929 dibubarkan untuk memberi jalan kepada penubuhan Parti Komunis Malaya dan Kesatuan Buruh Umum Malaya pada 1930. Pergerakan Parti Komunis ini bertukar corak menjadi lebih aktif semasa pendudukan Jepun dan bekerjasama dengan Inggeris untuk menentang Jepun. Menjelang 1948, Parti Komunis menjadi lebih agresif lagi apabila mereka melancarkan gerakan bersenjata menentang kerajaan dan akhirnya pada 23 Julai 1948 Parti Komunis Malaya dan badan-badan yang bergabung dengannya diharamkan.

[3]Suruhanjaya bebas (mengkaji perlembagaan Persekutuan) ini sebenarnya adalah cadangan pemimpin UMNO dalam usaha berkerajaan sendiri. Bagaimanapun menjelang 1956 persidangan perlembagaan dijalankan di London yang diwakili oleh raja-raja Melayu dan Perikatan. Dalam persidangan tersebut ditetapkan bahawa Tanah Melayu akan mendapat kerajaan sendiri dan kemerdekaan sepenuhnya dalam kesatuan Komanwel. Suruhanjaya perlembagaan kemudiannya dilantik untuk merangka draf perlembagaan yang diketuai oleh Lord Reid dan kadang-kadang suruhanjaya ini juga disebut Suruhanjaya Reid.

28

# BIRO MERDEKA, PENGAMPUNAN DAN DASAR NEGARA

*(Ucapan yang dipertua UMNO Malaya dalam persidangan agung UMNO tahun yang ke-10 pada 25 dan 26 Disember 1955)*

Tuan Pengerusi dan para perwakilan sekalian! Saya berasa sangat-sangat riang gembira yang dapat kita bersidang dalam rumah kita sendiri yang kita telah bina daripada usaha-usaha dan tenaga ahli-ahli UMNO dan orang-orang yang bersimpati dengan UMNO. Saya percaya tuan-tuan pun sama seperti saya juga, berasa suka dan gembira.

Semenjak rumah ini dibuka pada 31 Julai yang lalu, tidak putus-putus orang-orang kita datang ziarah ke rumah ini dari merata-rata tempat dalam Tanah Melayu ini. Ada setengah-setengah pelawat datang sebentar kadar menjenguk sahaja dan ada pula yang datang menumpang duduk sehari dua. Tetapi semuanya datang dengan sama dan satu perasaan iaitu sombong, megah dan suka kerana rumah ini rumahnya sendiri. Kalau mereka boleh menaruh perasaan seumpama itu di atas sebuah bangunan, apatah pula apabila Malaya menjadi hak kita sendiri yang merdeka dan berdaulat.

Semenjak mesyuarat agung yang lalu berbagai-bagai perkara telah berlaku yang tuan-tuan sendiri sama-sama telah perhatikan. Bagi pihak saya hanyalah hendak menyebutkan perkara-perkara yang penting sahaja untuk menjadi suatu per-

ingatan dan kenang-kenangan yang gilang-gemilang dalam sejarah perjuangan kita.

Di Pulau Pinang kita telah mengambil satu keputusan iaitu mengenai cara-cara menyusun kerja-kerja pilihanraya yang julung-julung kali diadakan di Persekutuan Tanah Melayu ini. Maka syukur saya kepada Allah S.W.T. yang ahli-ahli UMNO telah berdiri menyokong di belakang saya dan menunjukkan taat setia kepada keputusan yang tersebut itu, dengan menggunakan segala anggota kekuatan dan tenaga masing-masing sambil bekerja bersungguh-sungguh dan bertungkus-lumus yang belum pernah dibuat oleh ahli mana-mana parti di mana-mana negeri sekalipun. Dengan pengorbanan tenaga daripada tiap-tiap seorang ahli UMNO dan dengan pertolongan rakyat jelata, maka parti kita telah mencapai kemenangan dan kejayaan yang seumpamanya belum pernah dicapai oleh sebarang parti di atas muka bumi ini. Dengan kemenangan ini bukan sahaja nama Perikatan telah gah (gagah) dan masyhur ke serata dunia, bahkan Kerajaan British telah terpaksa memberi akuan bahawa tiada ada suatu pun yang boleh menghalang cita-cita kita hendak mencapai kemerdekaan. Pengakuan ini telah ditegaskan oleh tuan pesuruhjaya tinggi di dalam Majlis Undangan Federal baru-baru ini yang berbunyi demikian:

> Kerajaan British memandang iaitu tidak ada sebab yang boleh menghalang Persekutuan Tanah Melayu menuju ke arah berkerajaan sendiri dengan sebab berlanjutan darurat. Dan saya telah diberi kuasa oleh Kerajaan British untuk mengisytiharkan bahawa adalah menjadi tujuan dan niat Kerajaan British untuk berunding di London pada tahun hadapan dengan berdasarkan pengertian yang tersebut di atas itu.

Pengakuan seumpama ini daripada kerajaan baginda Queen bukanlah satu pengakuan yang mudah diterbitkan dan dengan tidak ada sebab-sebabnya. Di sini saya mengambil peluang menyebutkan kepada tuan-tuan beberapa perkara yang boleh pengakuan tersebut diisytiharkan.

## Kekuatan UMNO dan Rakan-rakannya

Apakala UMNO telah mengambil ketetapan hendak mencapai kemerdekaan dengan jalan Perlembagaan, maka kita telah bergerak menyediakan segala alat kelengkapan untuk mencapai cita-cita kita itu. Tujuan hendak mencapai kemerdekaan dan jalan perlembagaan itu adalah mempunyai cara-cara dan jalan-jalannya, yang kita sendiri telah tentukan, iaitu memperkuatkan pertubuhan kita dengan membanyakkan bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO sehingga menjalar ke merata ceruk rantau di dalam negeri ini, dan dengan jalan ini dapatlah diikat tali muhibah dan kasih mesra di antara UMNO dengan rakyat jelata. Kemudian itu pula kita menganjurkan perasaan berbaik-baik dan bekerjasama di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang yang bukan Melayu dan dengan jalan ini tertubuhlah Perikatan UMNO-MCA-MIC yang pada hari ini merupakan satu pergerakan nasional yang cukup terkenal.

Setelah kita berasa dan nampak akan kekuatan kita itu, maka kita pun membuat satu ketetapan di persidangan agung di Melaka pada tahun 1953, menuntut dan mendesak Kerajaan Persekutuan mengadakan pilihanraya, dan keputusan kita ini telah disokong kuat oleh perhimpunan kebangsaan anjuran UMNO-MCA, lalu Kerajaan Persekutuan pun menerima tuntutan dan desakan kita itu dan langsunglah ditubuhkannya sebuah jawatankuasa seramai 46 orang untuk menyiasat dan membuat penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan pilihanraya Federal. Kedudukan kita dalam jawatankuasa ini sangatlah lemahnya dan oleh sebab kelemahan kita itu, maka penyata yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut adalah berlawanan dan bertentangan dengan cadangan kita sendiri. Sebelum penyata jawatankuasa itu diumumkan dan lepas kita meletakkan tandatangan membangkang atas kandungan penyata tersebut, maka wakil-wakil telah mengatakan kepada saya, "Kalahlah kita". Saya menjawab dengan tegas kepada mereka itu mengatakan bahawa perjuangan kita bukan tertutup dalam lingkungan bilik mesyuarat ini, bahkan terbuka seluas Malaya. Dan kuasa bagi menentukan kebenaran tuntutan kita bukan hak ahli-ahli jawatankuasa tersebut, bahkan

hak rakyat jelata. Biarlah rakyat jelata sendiri menentukan dan menetapkan hal ini.

Kemudian itu setelah segala ikhtiar dalam negeri diambil untuk menentang penyata jawatankuasa tersebut, maka satu rombongan Perikatan telah terbang ke London untuk menyelesaikan soal ini dengan *secretary of states* serta juga meluaskan lagi lapangan perjuangan kita ke luar negeri. Rombongan kita telah mendapat sambutan baik daripada ahli-ahli Parlimen dan orang ramai British dan dapat kita menubuhkan di sana satu pejabat yang dinamakan "Merdeka Bureau" untuk menghebahkan kepada ahli-ahli Parlimen segala tuntutan-tuntutan dan tindakan-tindakan yang kita ambil di sini berkenaan soal pilihanraya.

Setelah rombongan ini kembali, maka kita pun mengambil keputusan iaitu menarik diri dari semua majlis mesyuarat dan tidak bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melainkan kita dapat tuntutan kita 3/5 daripada ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal dipilih oleh rakyat.

Setelah kita menarik diri daripada semua peringkat majlis mesyuarat, maka kerajaan pun menawarkan tolak ansur dan bersetuju memberi kepada kita 52 orang dipilih berlawan dengan 46 yang dilantik dan ditawarkan lagi kepada parti yang menang lima kerusi yang diuntukkan kepada pesuruhjaya tinggi. Saya pun bersetuju menerima tawaran dan tolak ansur ini, tetapi banyaklah daripada orang-orang kita bersungut tidak puas hati dengan tolak ansur ini. Dengan sebab mereka itu memandang kepada saya itu, saya berasa terhutang budi. Yang boleh saya terima tawaran tolak ansur itu, sungguhpun tidak cukup syarat sebagaimana yang UMNO sendiri telah amanahkan kepada saya. Dengan sebab saya mahu pilihanraya dijalankan segera supaya memberi peluang dan kuasa kepada rakyat jelata mengambil dan memberi keputusan sama ada mereka mahu ataupun tidak kepada kita dengan cara-cara perjuangan yang kita telah tentukan iaitu dengan bekerjasama dengan lain-lain bangsa untuk merdeka.

Sebelum dan di dalam masa pilihanraya itu dijalankan, maka parti-parti lawan telah menjalankan berbagai-bagai helah untuk melemahkan Perikatan, tetapi rakyat jelata se-

dikit pun tidak endahkan dakyah-dakyah daripada parti-parti lawan itu, dan terus mereka menyokong Perikatan dengan satu sokongan yang luar biasa yang telah menghairankan dunia luar dan mendapat setinggi-tinggi pujian.

Sebelum pilihanraya itu dijalankan, maka telah berbangkit dalam kalangan kita sendiri dua perkara yang dahsyat lagi merunsingkan fikiran saya. Kalau saya tidak sabar pada ketika itu, nescaya perpecahan akan berlaku dalam kalangan Perikatan. Perkara yang saya maksudkan itu ialah soal pembahagian kerusi[1] kepada rakan-rakan kita yang bukan Melayu. Ada di antara bahagian-bahagian UMNO dan ketua-ketua UMNO sendiri yang tidak bersetuju diberi kepada rakan-rakan seperjuangan kita lebih daripada 10 peratus daripada jumlah kerusi-kerusi yang dipertandingkan. Kiranya kita turut kehendak pihak ini tentulah Perikatan akan pecah belah dan dengan ini segala kerja-kerja yang kita telah perbuat bertahun-tahun dengan begitu susah payah mencari persefahaman antara penduduk-penduduk negeri ini akan runtuh begitu sahaja.

Untuk menghadapi keadaan ini, saya telah menggunakan kesabaran yang cukup bagi memujuk dan mengecek sehingga negeri-negeri dan *settlements* di pantai barat bersetuju mengorbankan beberapa kerusi untuk menyempurnakan kehendak dan tuntutan rakan-rakan kita. Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan dan terima kasih atas kepercayaan negeri-negeri yang berkenaan kepada saya. Dan saya berharap hal yang seumpama ini tidak akan berbangkit lagi pada masa ke hadapan. Hendaklah kita ingat dan tetap di atas perjuangan kita supaya jangan kita terkeluar daripada tujuan kita dengan kerana hendak berebut faedah dan kelebihan bagi diri sendiri.

Seperkara lagi yang telah merunsingkan fikiran saya ialah satu kejadian yang berbangkit dari kritik-kritik dan cabaran-cabaran daripada UMNO terhadap Encik Burhanuddin. Ada daripada ahli-ahli kita yang telah menunjukkan simpati kepada beliau dan mereka ini telah bertindak hendak menutup mulut kita. Walhalnya apa yang kita telah lakukan itu adalah mustahak dijalankan bagi keselamatan pertubuhan kita, kerana ada dalam kalangan lawan-lawan kita yang hendak

menggunakan dan memuja Burhanuddin untuk melemahkan UMNO dengan jalan menarik keluar daripada UMNO bekas ahli-ahli parti yang dahulunya dipimpin oleh Burhanuddin dan yang pada masa ini telah menjadi orang-orang kuat UMNO. Tujuan orang-orang ini ialah hendakkan orang-orang kuat UMNO itu pergi bercampur dengan Kongres Pemuda yang diketuai oleh Burhanuddin. Dari itu UMNO telah mengambil satu sikap yang tegas supaya dapat menentukan pendirian orang-orang itu, adakah mereka hendak berjuang bersama UMNO ataupun tidak. Dan sekali lagi saya mengucap syukur kepada Allah S.W.T. yang ahli-ahli UMNO itu tetap pendiriannya dan tidak bermakan hasutan dari lawan-lawan kita itu.

Pendeknya dengan sebab kukuhnya pendirian ahli-ahli UMNO dalam perjuangan dan taat setia mereka kepada pemimpin-pemimpin, serta tidak menghiraukan kepercayaan politik masing-masing sama ada kiri, kanan ataupun tengah dan tidak mengira apa bangsa dan warna kulit asalkan sahaja saudara dan rakan seperjuangan dalam Perikatan. Maka inilah yang telah meletakkan UMNO dan rakan-rakannya pada hari ini di satu tempat dalam perjuangan politik negeri ini dengan kemuliaan dan kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya. Ampun-ampun cakap, mudah-mudahan saya tidak akan takbur kalau saya katakan bahawa kekuatan yang ada pada kita hari ini adalah ibarat kekuatan sebuah negeri yang berperang dan memegang atom dan *hydrogen bombs* yang boleh digunakannya untuk melenyapkan lawannya dari atas muka bumi.

Dengan kekuatan ini kita boleh tuntut apa juga kehendak kita. Misalnya kalau kita mahu merdeka dalam masa yang sesingkat-singkatnya pun boleh. Tetapi kita tidak nampak sebab-sebab yang kita ini patut berganjak daripada rancangan yang kita telah sediakan dengan begitu kemas dan teratur supaya kemerdekaan yang kita cita-citakan itu akan sampai kepada kita dengan selamat, sempurna dan penuh kemakmuran serta bahagia.

Dengan sebab perjalanan dan perjuangan kita sesuai dengan keadaan negeri dan masa, maka pihak-pihak yang da-

hulunya tidak percayakan kita, pada hari ini telah berubah perasaan terhadap kita. Duli-duli Yang Maha Mulia raja-raja Melayu pun telah bersetuju mengangkat wakil-wakil baginda untuk berunding dengan kita. Pesuruhjaya tinggi sendiri pun telah menyebutkan dalam ucapannya di *Federal Council* baru-baru ini bahawa kerajaan baginda Queen telah mengubahkan perasaannya terhadap negara kita. Di dalam beberapa tahun yang lalu ini katanya, kemajuan-kemajuan perlembagaan telah melangkah jauh ke hadapan. Langkah-langkah ini telah menyebabkan saling percaya mempercayai di antara parti-parti politik dalam negeri ini dengan kerajaan baginda Queen. Dan parti-parti lawan kita pun telah menyuarakan sokongannya yang penuh kepada kita dan kepada rombongan merdeka ke London. Parti-parti itu ialah Parti Negara, Parti Buruh. *Trade Union*, Semangat Pemuda Pulau Pinang, orang-orang Eurasian dan orang-orang Ceylon.

Maka saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. yang telah menimbulkan dalam hati orang-orang dan parti-parti yang berasing daripada kita dahulu itu satu perasaan yang baik terhadap perjuangan kita dan terhadap bangsa dan tanahair kita sendiri. Malaya sebagai negeri kandung mereka itu adalah berasa sombong dan bangga atas semangat baru yang terbit di kalangan bumiputeranya. Semangat yang seumpama inilah yang dikehendaki oleh negeri ini dalam perjalanannya menuju ke arah kemerdekaan!

Saya pada hari ini berasa tetap dan puas hati bahawa keberangkatan saya ke London untuk berunding ini bukan sahaja diiringi oleh harapan dan doa daripada Perikatan dan penyokong-penyokongnya, tetapi oleh semua peringkat, golongan dan pihak yang ada dalam negeri ini.

Tuan pengerusi dan wakil-wakil sekalian! Sebelum saya bertolak daripada Malaya ke London, ada satu perkara besar yang saya mesti buat dahulu, iaitu berjumpa dengan Chin Peng dan menerangkan kepadanya syarat-syarat yang terkandung di dalam tawaran pengampunan beramai-ramai.

Barangkali banyak perkara yang dia suka hendak kemukakan kepada saya, tetapi perjumpaan saya dengan Chin Peng[2] ini bukanlah bersifat perundingan (negotiation). Me-

nurut bagaimana yang saya telah janjikan kepada rakyat negeri ini dalam masa pilihanraya dan terkandung di dalam manifesto kita, iaitu kita hendak menamatkan darurat ini dengan jalan mengisytiharkan pengampunan beramai-ramai. Tidak pernah saya menyebutkan yang saya akan berunding dengan Chin Peng untuk mencari jalan menyelesaikan keganasan yang telah berlaku selama lapan tahun. Ada setengah-setengah orang berkehendakkan supaya saya berunding dengan Chin Peng dengan keadaan kami berdua sama setaraf. Maka kehendak orang-orang ini tidaklah kena pada tempatnya sebab saya ini adalah menjadi wakil rakyat jelata dan juga Kerajaan Federation, walhalnya Chin Peng yang menderhaka kepada Kerajaan Federation.

Ada setengah-setengah pihak pula berasa waswas dan bertanya adakah rancangan pengampunan beramai-ramai itu memadai sebagai langkah menamatkan peperangan di tanahair kita sekarang. Bagi pihak Kerajaan Perikatan adalah berfikir bahawa rancangan itu berpatutan dan padan dengan keadaan pihak parti yang kita layani itu.

Dalam pada itu sekiranya Chin Peng berasa tiada memadai biarlah ia kemukakan perasaanya itu kepada saya supaya dapat saya timbangkan dengan adil. Kalau saya letakkan pertanyaan-pertanyaan kepada Chin Peng harus jawabnya akan menentukan sikap, pendirian dan perjuangan partinya.[3] Chin Peng sendiri hanya menjadi setiausaha sahaja dan ketua yang sebenarnya ada di negeri lain. Jika sekiranya Chin Peng berkuasa menubuhkan kerajaan Malaya yang merdeka, sudah tentu kerajaan itu bercorak komunis di bawah takluk komunis China.

Pendeknya kita berjuang hendak melepaskan diri dan negeri kita daripada pemerintahan kuasa asing dan adakah Chin Peng berfikir yang kita reda membenarkan diri dan negeri diperintah oleh kuasa yang diwakili itu, iaitu kuasa komunis Cina? Mustahil! Terlebih baik Chin Peng terima sahaja pengampunan beramai-ramai yang kita tawarkan itu dan insya-Allah kita akan menjalankan sepenuh-penuh keadilan terhadap Chin Peng dan rakan-rakannya.

Pada mula-mula diisytiharkan pengampunan beramai-

ramai ini, maka salah satu langkah telah terjadi iaitu pengisytiharan itu ditandatangani oleh Jeneral Bourne. Ditambah atas itu pula pengisytiharan yang dibuat oleh pesuruhjaya tinggi menerusi radio. Saya yang menjadi perancang pengampunan itu telah dikebelakangkan. Kemudian itu apabila mereka sedarkan kesilapan ini dan berasa harus rakyat marah di atas perbuatan itu, maka barulah mereka minta saya betulkan. Langsung saya pun menyeru rakyat jelata menerusi Perikatan supaya menyokong rancangan pengampunan beramai-ramai ini dengan mengadakan perarakan dan perjumpaan-perjumpaan ramai di merata-rata ceruk dan kampung. Pihak yang berkuasa dalam negeri ini telah terperanjat apabila melihat sambutan rakyat kepada seruan saya itu. Dengan ini barulah pihak yang berkuasa sedar dengan sebenar-benarnya betapa kekuatan kita dan betapa taat setia serta patuhnya rakyat daripada semua bangsa iaitu Cina, Melayu, India dan lain-lain kepada pemimpin-pemimpin mereka.

Daripada keterangan-keterangan yang saya telah beritahu di atas itu adakah tuan-tuan hairan lagi bahawa Kerajaan British telah mengeluarkan pengisytiharan yang tegas itu menerusi saluran-saluran rasmi? Pengisytiharan yang menyebutkan bahawa darurat tidak akan menghalang Malaya mencapai merdeka.

Bagi satu bangsa yang bijak seperti British, yang pernah menakluk beratus-ratus juta manusia dan berjuta-juta batu persegi, mahukah mereka dengan mudahnya mengeluarkan pengakuan seumpama itu kalau tidak ada dengan sebabnya. Maka sebab itu ialah kerana British ketahui bahawa dengan kekuatan senjata sahaja tidak boleh mengalahkan komunis sama sekali dan menamatkan darurat. Satu jalan sahaja yang ada bagi menjatuhkan kekuatan komunis iaitu menyokong nasionalis yang jujur. Manakah mereka dapat cari satu parti nasionalis yang lebih jujur dan lebih kuat daripada Perikatan?

Semenjak kita memegang teraju kerajaan, Tuhan telah melimpahkan rahmat dan rahim-Nya atas kita dan tidaklah berlaku kacau-bilau dalam negeri sebagaimana yang telah berlaku di negeri-negeri yang berjiran dengan kita. Dengan keadaan yang demikian dapatlah kita menyusun kerja-kerja

dan membentuk dasar-dasar kita untuk masa depan.

Perkara-perkara yang kita sedang susun pada hari ini ialah soal pelajaran. Kita telah menetapkan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan kebangsaan, dan menteri pelajaran iaitu Dato' Abdul Razak tidak sunyi daripada menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dan beliau telah menyediakan tempat untuk menerima 8 000 kanak-kanak bagi tahun hadapan, dan juga akan membanyakkan lagi sekolah-sekolah Melayu di kampung-kampung supaya anak-anak di kampung dapat peluang bersekolah. Dan tiga buah hostel untuk penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah Melayu, akan dimulakan tahun hadapan.

Kerajaan telah membentuk satu jawatankuasa untuk menyemak semula dasar pelajaran dan mencadangkan yang baru dengan berpandu kepada dasar dan pengertian bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan kebangsaan. Menteri pelajaran sedang menyediakan rancangan pelajaran percuma bagi semua kanak-kanak dalam peringkat sekolah-sekolah permulaan. Dan juga pada tahun hadapan Balai Pustaka[4] akan ditubuhkan. Dalam masa perjalanan saya ke Indonesia saya telah memerhatikan cara-cara mengembangkan bahasa Melayu di sana, dan saya sangat-sangat tertarik hati melihat Lembaga Penyelidik Bahasa (Language Research Institute), dan kalau kita tidak menurut sama, akhirnya kita akan tertinggal jauh ke belakang. Dan bahasa yang sama dan satu yang digunakan oleh dua buah parti negeri ini akan menjadi berlainan, tidak seperti keadaan bahasa Inggeris yang digunakan oleh Amerika dan Britain. Dari itu tak dapat tidak kita mesti menubuhkan "Lembaga Penyelidik Bahasa" di sini dengan menggunakan mahaguru-mahaguru dari Indonesia dan Malaya.

Satu perkara yang besar berkenaan dengan pertanian ialah menaikkan harga padi dari $12.00 sepikul kepada $14.00, dan kenaikan ini akan menanggungkan kerajaan kerugian yang banyak sekiranya harga beras dari luar negeri murah. Tetapi dengan tujuan dan niat hendak menolong penanam-penanam padi, terpaksalah kerajaan menjamin harga padi itu. Kementerian Pertanian sedang menyediakan rancangan-

rancangan meluaskan kawasan-kawasan penanaman padi di Kelantan, Terengganu dan lain-lain tempat yang difikirkan boleh ditanam padi. Dan juga sebuah jawatankuasa telah diadakan untuk menyiasat soal pasaran bagi hasil mahsul kampung. Tujuannya ialah hendak mendapatkan pasaran yang lebih baik bagi orang-orang kampung untuk menjualkan hasil kampung bagi menambahkan pendapatan mereka. Dan juga telah ada satu rancangan hendak menghantar seramai 30 orang pemuda ke Indonesia untuk mempelajari cara-cara memelihara ikan-ikan air tawar. Penuntut-penuntut ini apakala balik kelak akan bekerja di pusat-pusat latihan membela ikan yang akan diadakan di tiap-tiap negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Seperkara lagi yang telah dibuat oleh kementerian ini ialah melanjutkan masa bagi seramai 2 000 orang bekas polis khas yang belum sempat mendapat bantuan yang diuntukkan kepada mereka kerana tempohnya sudah habis.

Satu perkara lagi yang penting yang akan dijalankan pada tahun hadapan iaitu bagi menghidupkan semula kebudayaan dan kesenian Melayu. Bagi memujakan kesenian-kesenian ini, Kerajaan Persekutuan akan mengadakan satu pertunjukan yang besar di bawah anjuran saya sendiri. Dahulu daripada diadakan pertunjukan ini pegawai-pegawai penerangan dari merata-rata negeri telah diperintahkan bagi menyiasat di mana-mana sahaja ada bunyi-bunyian atau sebagainya. Dan saya berharap kepada pegawai-pegawai UMNO memberi pertolongan seberapa yang dapat kepada pegawai penerangan itu. Dan juga berkenaan dengan imigresen, saya akan merundingkan dengan menteri-menteri Singapura untuk mengetatkan lagi Undang-undang Imigresen supaya tidak mudah orang-orang masuk ke Tanah Melayu bagaimana keadaan dahulu itu. Kesusahan kita dalam hal ini ialah kita kena mendapat persetujuan dari Singapura, sebab orang-orang yang masuk Singapura boleh dengan senang masuk ke Federation sekiranya Federation sahaja yang mengetatkan undang-undang itu. Sekarang satu persetujuan kita telah dapat dari Singapura iaitu berkenaan dengan penuntut-penuntut sekolah Cina yang pergi ke negeri China dengan suka hatinya sendiri

ataupun dengan persetujuan ibu bapanya, mereka ini tidak dibenarkan balik ke Malaya lagi.

Berkenaan dengan kerakyatan negeri ini, maka Kerajaan Persekutuan tidak bercadang hendak meminda undang-undang yang ada sekarang ini dan segala tuduhan-tuduhan berkenaan hal ini atas Perikatan, semuanya bohong dan tidak beralasan.

Berkenaan dengan Kementerian "Natural Resources", saya suka sebutkan di sini iaitu banyak rancangan-rancangan yang disusun untuk hendak memberi tanah-tanah kepada orang-orang yang berkehendakkannya dan memberi pertolongan wang dan alat-alat untuk membuka tanah-tanah itu. Ini satu perkara besar yang Kerajaan Perikatan buat untuk faedah petani-petani, tetapi perkara ini sebelum dapat dijalankan kenalah mendapat persetujuan daripada kerajaan-kerajaan negeri kerana hal-ehwal tanah adalah dalam kuasa negeri. Pejabat RIDA[5] yang dahulu itu tidak memuaskan hati Kerajaan Perikatan dan rakyat sekarang ini sedang dalam perhatian dan timbangan kementerian dan banyak perkara yang kita mesti membantukannya.

Berkenaan jalan-jalan kampung yang banyak disunggutkan oleh rakyat, maka hal ini adalah kuasa dan tanggungan negeri. Menteri Kerja Raya tidak berkuasa atas hal-hal ini. Dari itu perkara ini bolehlah diambil tindakan menerusi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri masing-masing. Dan kalau kerajaan-kerajaan negeri tidak cukup wang untuk memperbaiki jalan-jalan itu, bolehlah kerajaan negeri itu meminta peruntukan wang daripada Federal dan kita akan timbangkan.

Berkenaan Kementerian Kesihatan, saya telah dengar sungutan-sungutan berkenaan dengan rancangan kerajaan hendak menambah dan membesarkan hospital-hospital dalam bandar-bandar besar sahaja. Maka di sini saya mengaku iaitu Kerajaan Perikatan sekarang ini sedang menimbangkan cara-cara hendak meluaskan khidmat-khidmat perubatan dan kesihatan sehingga dapat meliputi kampung-kampung.

Berkenaan dengan undang-undang "transport", banyak saya dengar sungutan tak puas hati daripada orang ramai. Hal ini akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Undangan

Federal dan di situ orang-orang kita akan dapat peluang meminda apa yang tidak sesuai.

Berkenaan dengan lain-lain, kementerian yang saya tak sebutkan, banyaklah kerja-kerja yang sedang dibuat dan disusun dan tuan-tuan tentu faham bahawa dalam masa yang singkat kita memegang kuasa, janganlah berfikir kita boleh buat banyak. Bagilah kami peluang dan masa yang cukup.

Kita telah menetapkan lunas-lunas perjuangan kita bahawa kita akan menubuhkan kerajaan sendiri sebelum merdeka. Sungguhpun kita belum lagi memegang berperlembagaan mahulah ditubuhkan dengan segera kerajaan sendiri. Maka dengan tujuan ini rombongan merdeka di England bersama-sama dengan wakil-wakil Duli-duli Yang Maha Mulia sultan-sultan, dan rombongan ini akan membincangkan dan memutuskan perkara-perkara yang tersebut di bawah ini:

(1) Tampuk pentadbiran.
(2) Kuasa kewangan.
(3) Kuasa pertahanan dan keselamatan dalam negeri.
(4) Memindakan beberapa fasal dalam Perjanjian Persekutuan untuk meluluskan kita menjalankan kuasa-kuasa yang di atas itu.
(5) Mengadakan suruhanjaya bebas untuk memeriksa perlembagaan yang ada dan mencadangkan perlembagaan baru untuk mendirikan Kerajaan Malaya yang merdeka.

Berkenaan dengan perkara memegang tampuk pentadbiran, kita telah menubuhkan jawatankuasa yang disebutkan *Malayanization Committee* yang saya sendiri menjadi pengerusinya. Maka jawatankuasa ini sedang mengadakan perjumpaan seminggu sekali dan adakalanya dua tiga kali. Jawatankuasa ini memeriksa satu-satu pejabat dan menetapkan bila masanya satu-satu jawatan itu akan berpindah ke tangan orang Melayu khasnya dan kepada orang Malayan amnya. Selama hampir 100 tahun Kerajaan British memerintah negeri ini, semua jawatan-jawatan penting diisikan dengan pegawai-pegawai British. Jadi penuhlah jabatan-jabatan kerajaan dengan orang-orang itu. Tanggungan kita mengenai soal ini sangatlah berat kerana kita terpaksa memberhentikan pe-

gawai-pegawai berdagang itu dengan membayar hadiah kepada mereka dan pencen menurut lama masa yang mereka bekerja. Dan pegawai-pegawai yang penting kita akan gunakan dengan membayar gaji sebagaimana keadaannya sekarang dan mereka akan mendapat faedah-faedah yang patut daripada pekerjaan mereka itu.

Satu jawatan yang menjadi soal besar pada hari ini ialah jawatan *British adviser*. Jawatan ini sekiranya dapat persetujuan Duli-duli Yang Maha Mulia, wajiblah dibuang. Pada pandangan kita jawatan penasihat British tidak mustahak lagi ada, malahan tidak ada maknanya langsung. Kita tidak berkehendak lagi nasihat-nasihat mereka sebab Duli-duli Yang Maha Mulia telah ada mempunyai menteri-menteri besar dan Majlis Mesyuarat yang dipilih oleh rakyat. Inilah tempat-tempat yang layak memberi nasihat kepada Duli-duli Yang Maha Mulia. Dengan adanya jawatan penasihat British itu kita hanya menghamburkan wang berjuta-juta ringgit setahun. Dan kita berasa tak patut mengeluarkan lagi perbelanjaan seumpama itu. Dan jika ada juga mana-mana sultan yang hendak memakai British, maka bolehlah baginda itu membayar gajinya daripada wangnya sendiri.

Satu daripada syarat berkerajaan sendiri ialah memegang kuasa kewangan. Kuasa ini sekarang di tangan British. Perkara ini satu daripada perkara yang rombongan merdeka akan dirundingkan di England supaya dapat diserahkan ke tangan kita. Saya tidak dapat menerangkan lebih lanjut lagi akan hal ini sebab akan dirundingkan kelak. Satu daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan soal ini ialah mengadakan Bank Negara yang akan mengeluarkan wang-wang kertas sendiri dan mengawal peredaran mata wang dalam pasar. Dan untuk menyusunkan kerja-kerja yang berkaitan dengan Bank Negara ini kita telah minta pertolongan dari Bank of England seorang pakar bagi menyelenggarakannya, dan tidak berapa lama lagi beliau akan sampai.

Satu lagi soal yang besar yang kita hendak mengubah kuasa pemerintahan British ialah soal pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu adalah Kerajaan Baginda Queen diberi kuasa penuh

untuk pertahanan dalam dan luar negeri. Satu daripada syarat berkerajaan sendiri ialah mesti kita memegang kuasa pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Dan pertahanan luar negeri boleh ditinggalkan sementara sehingga kita merdeka penuh. Ini satu perkara yang kita kena pinda dalam perjanjian yang ada dan dibuat satu perjanjian baru berkenaan dengan soal pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Di sini saya juga hendak sebutkan berkenaan dengan satu perkara yang telah menjadi heboh sedikit masa yang lalu, iaitu soal kemasukan askar-askar dari luar ke negeri ini.

Kebanyakan orang-orang yang membesar-besarkan soal ini tidak tahu punca perkara yang mereka bangkang dan tentang itu. Yang sebenarnya menurut perjanjian yang saya sebutkan itu berapa banyak pun askar luar hendak dibawa masuk ke mari, maka British berkuasa berbuat demikian. Tetapi wang perbelanjaan askar ini ditanggung oleh negeri-negeri yang menghantarnya, sehinggakan tempat-tempat kediaman dan kenaikan askar-askar itu semuanya ditanggung sendiri oleh negeri-negeri tersebut. Kita sedikit pun tidak menanggung perbelanjaan mereka itu.

Mula berbangkit bangkangan-bangkangan atas kemasukan askar-askar luar ialah dengan sebab kemasukan askar Australia dan yang boleh jadi begini ialah dengan kerana parti komunis dan parti-parti kiri Australia. Parti-parti itu takut dan bimbang askar-askar itu digunakan melawan pengganas-pengganas di sini. Tetapi kebanyakan orang yang membangkang di sini kalau kita tanya apa sebab mereka membangkang, mereka tak mahu jawab. Kalau kita tanya lagi apa sebab tak bangkang atas lain-lain askar yang ada itu, mereka tidak tahu apa nak kata.

Selagi kita tidak berkuasa atas pertahanan dan tak dapat kita perbesar pasukan-pasukan askar-askar kita, kenalah kita berharap kepada pertolongan daripada rakan-rakan kita untuk menjaga keselamatan negeri ini bersama-sama dengan pasukan-pasukan bersenjata kita sendiri. Kita akan menerima pertolongan itu dengan terima kasih, dengan syaratnya kita tidak menanggung perbelanjaannya. Dan saya minta daripada ahli-ahli UMNO bersabarlah atas hal ini.

Oleh sebab kita hendak memerintah sendiri tentulah perlu dipinda perjanjian Persekutuan, kerana keadaannya hanyalah untuk menyelenggarakan negeri yang terjajah. Dari itu perjanjian ini tidak terpakai dalam keadaan negeri yang berkerajaan sendiri. Sebagai contohnya saya telah tunjukkan tadi iaitu berkenaan dengan soal pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Dan lagi satu ialah kuasa veto[6] yang di tangan pesuruhjaya tinggi. Kuasa ini tidak boleh dijalankan dalam keadaan pemerintahan kerajaan yang ditubuhkan oleh orang ramai. Kalau dijalankan juga nescaya terbit kegentingan dan perselisihan yang besar. Di sini tuan-tuan nampak yang perjanjian itu tidak lagi sesuai dengan keadaan hari ini, apalagi di dalam masa berkerajaan sendiri. Banyak lagi perkara-perkara dalam perjanjian itu yang mesti dipinda dengan segera.

Bagi menubuhkannya kita mesti ada perlembagaan yang berlainan sama sekali dengan yang ada hari ini, iaitu untuk negeri dan bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Semua perkara yang saya sebutkan itu, saya tak nampak ada apa-apa yang boleh menjadi halangan. Jadi setelah semuanya itu tercapai, maka berertilah kita sudah berkerajaan sendiri.

Langkah yang akhir ialah berkenaan dengan Kerajaan Malaya Merdeka untuk menggubalkan perlembagaan yang baru ini, ialah dikehendaki satu suruhanjaya bebas yang terkandung di dalamnya pakar-pakar undang-undang perlembagaan daripada negeri-negeri yang sudah merdeka.

Berkenaan dengan perhubungan atau percantuman di antara Singapura dengan Federation bagaimana yang diura-urakan dalam akhbar-akhbar ini, maka pihak kita tidak dapat mengaku adakah kita ini bersetuju hendak bercantum atau tidak? Menurut ketua menteri Singapura cara merdekanya ialah setakat taraf *dominion*, walhal amanah yang diberi kepada kita oleh rakyat ialah mencapai Kerajaan Malaya yang merdeka dan berdaulat dengan duduk di dalam Komanwel, dengan berajakan raja-raja Melayu. Dan makna serta pengertian taraf *dominion* ialah negeri yang berajakan raja British.

Kita faham apa yang ketua menteri Singapura katakan itu ialah Singapura adalah sebuah pulau yang kecil. Dari itu

tentulah tak layak nak merdeka bersendiri. Kalau begitu kita nampak lebih baiklah bagi Singapura minta masuk dalam Persekutuan Tanah Melayu, menjadi sebuah kawasan dalam Persekutuan bagaimana negeri-negeri yang lain. Begitu juga Brunei, Sarawak dan lain-lain jajahan dalam Borneo kiranya suka bercantum dengan Federation, sangatlah baiknya.

Pada 1 haribulan Januari ini rombongan merdeka yang terkandung di dalamnya lima orang wakil Kerajaan Perikatan dan lima orang wakil-wakil Duli-duli Yang Maha Mulia sultan-sultan akan belayar dari Singapura jam 5.00 petang dengan menumpang kapal "Asia".

Tujuan pergi dengan kapal itu ialah dengan kerana masih banyak kerja-kerja yang tergantung. Dan tidak ada lain jalan hendak menyelesaikan kerja-kerja itu melainkan semua anggota rombongan itu duduk bersama-sama dan bekerja siang malam selama seminggu. Inilah tujuan yang kita naik kapal dan bukanlah sebagaimana yang dituduh-tuduhkan orang, kita hendak makan angin laut. Daripada Karachi kita akan menaiki kapal terbang terus ke England. Dan jika diizinkan Allah pada 14 haribulan kita akan sampai. Dan pada 18 haribulan, rundingan-rundingan akan dimulakan. Doakanlah sahaja kita selamat sampai, selamat bersidang dan selamat kembali ke Malaya. Dan saya sekali lagi mengingatkan bahawa keberangkatan saya ke England ini bukanlah hendak meminta sedekah daripada siapa-siapa, cumanya saya hendak menuntut hak kita. Dengan yang demikian saya percaya dan yakin akan membawa balik bersama-sama saya ketentuan tarikh dan hasil negeri ini merdeka.

---

[1]Setengah-setengah bahagian UMNO mendesak supaya calon daripada bukan Melayu dihadkan berdasarkan nisbah peratus pengundi. Sementara pihak MCA dan MIC pula merasakan nisbah peratus pengundi daripada tiap-tiap kaum bererti menutup pintu kepada mereka untuk mengambil bahagian yang cergas dalam politik. Mereka meminta supaya peranan orang Cina dan India dalam politik mesti seimbang dengan penduduk Cina dan India di negeri ini. Lihat Ibrahim Mahmood, *op. cit.*, hlm 440.

[2]Dilahirkan pada 1924 di Setiawan Perak. Menjadi setiausaha agung Parti Komunis Malaya. Setelah gagal menyebarkan pengaruhnya melalui diplomasi iaitu menggunakan AMCJA dalam tujuan mencapai cita-cita, komunis menukar corak pergerakan secara keras dan bersenjata pada 1948-1960 yang lebih dikenali sebagai darurat. Chin Peng mengadakan rundingan dengan Tunku Abdul Rahman di Baling pada 1955. Lihat Wan Hamzah Awang, 1985, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

[3]Parti Komunis Malaya (PKM) sememangnya adalah di bawah pengaruh China. Hal ini dapat dilihat dari awal penubuhannya lagi mereka masuk melalui Komintang. Pada tahun 1927 ditubuhkan Komunis Nanyang dan seterusnya Parti Komunis Malaya ditubuhkan pada tahun 1930. Semua arahan berpunca dari Peking iaitu ibu pejabat Parti Komunis Malaya bersama dengan pengerusinya, Musa bin Ahmad ditempatkan pada 1936-1980. Begitu juga dengan Chin Peng, setiausaha agung Parti Komunis Malaya yang akhirnya tinggal di Peking mulai 1961. Lihat Khoo Kay Kim & Adnan Hj. Nawang, *op. cit.*

[4]Balai Pustaka, sekarang Dewan Bahasa dan Pustaka.

[5]RIDA ditubuhkan pada tahun 1950. Tugas-tugas RIDA seperti yang ditakrifkan pada 1953 ialah untuk merangsang, memudahkan dan menjalankan usaha kemajuan sosial, terutama sekali di kawasan luar bandar. Didapati terlalu banyak aktiviti yang dilakukan oleh RIDA. Oleh itu ia disusun semula dan namanya turut ditukar kepada MARA (Majlis Amanah Rakyat). MARA terbahagi kepada lima bahagian seperti pengangkutan, perdagangan dan industri, latihan, perkhidmatan teknik dan pinjaman. Lihat Milne, R.S., & Manzy, S.K., *op. cit.*, hlm 410.

[6]Kuasa veto ialah kuasa pembatal. Undang-undang membenarkan seseorang atau badan organisasi atau negara tertentu membatalkan sesuatu perkara itu daripada berkuatkuasa tanpa mendapatkan undi majoriti. Sebagai contoh dalam Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu, beberapa buah negara mempunyai kuasa veto seperti USA, USSR, Britain, Perancis dan China.

## 29

# ROMBONGAN MERDEKA DAN PERASAAN NASIONALIS

*(Ucapan dalam majlis menyambut rombongan merdeka di Melaka pada 20 Februari 1956)*

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh! Tuan pengerusi, tuan-tuan sekalian, saudara dan saudari. Saya berasa sangatlah besar hati yang tuan-tuan telah pun datang dari tempat yang jauh dan dekat kerana hendak menyambut kembalinya ke tanahair rombongan merdeka dari London. Kejayaan kami sekalian ialah pertamanya dengan berkat doa saudara sekalian, dan Allah S.W.T. telah izinkan. Maka dengan izin Allah dapatlah kami bagi pertama kali dalam sejarah Tanah Melayu ini menurunkan tandatangan atas satu perjanjian yang menetapkan tarikh kemerdekaan.

Saya suka sebutkan di sini iaitu Melakalah tempatnya kita mengambil keputusan menghantarkan saya ke England untuk berunding di atas perkara pilihanraya. Pada waktu diadakan mesyuarat agung di Melaka ini tempoh hari maka wang ringgit dan segala apa sahaja yang ada di dalam badan saudara-saudara kita telah dicurahkan untuk derma kerana perbelanjaan saya pergi ke London. Waktu itulah waktu yang susah sekali kerana pemergian saya ke London pada masa itu ialah untuk menuntut pilihanraya menurut syarat demokrasi iaitu ahli yang dipilih oleh rakyat mahulah lebih daripada yang dilantik oleh pesuruhjaya tinggi. Maka saya telah balik semula ke Ta-

nah Melayu dengan tidak berjaya. Saya pada masa itu tidak menaruh perasaan kecil hati atau kecut hati bahkan sebaliknya kembang hati saya penuh dengan satu niat yang besar iaitu apa juga yang akan terjadi, saya akan melangkah ke hadapan sehingga kemerdekaan tercapai.

Apabila saya balik pada ketika itu dengan tidak berjaya maka kita telah menarik diri daripada bekerjasama dengan kerajaan dan lepas itulah baru kita berjaya, kita telah mendapat tuntutan kita sungguhpun tak penuh tapi hampir kepada $^{3}/_{5}$ yang kita kehendaki itu.

Pada masa diadakan pilihanraya Federal maka dengan pertolongan saudara-saudara, khasnya orang-orang Melayu baik yang muda ataupun yang tua, laki-laki dan perempuan hatta kanak-kanak, kita telah menang dan berjaya di dalam pilihanraya itu, dengan satu kemenangan yang tidak ada tolok bandingnya di mana-mana pun di dalam dunia ini. Di dalam perjalanan saya ke London baru-baru ini saya telah bertemu dengan gabenor Ceylon [sekarang Sri Lanka], beliau telah berkata kepada saya:

> Inilah mula pertamanya seorang ketua menteri yang begitu banyak kerusi yang dimenanginya jejak masuk ke dalam bilik ini.

Beliau berasa sombong menyambut kedatangan saya berserta rombongan merdeka ke London.

Dan juga beliau sebutkan bahawa dalam sejarah dunia ini belum lagi pernah perjuangan rakyat atau mana-mana parti kebangsaan mendapat sokongan yang penuh bagaimana kita dapat daripada raja-raja. Lain-lain negeri telah menempah berbagai-bagai kesusahan dan berbangkit huru-hara dan kacau-bilau dalam masa perjuangannya menuntut kemerdekaan dengan kuasa putus perhubungan di antara raja-raja negeri itu dengan rakyatnya. Tetapi sebaliknya Malaya ini telah pun menempah satu sejarah yang belum biasa lagi disaksikan di mana-mana dunia pun iaitu raja-raja bersatu padu dengan rakyat.

Dan juga di dalam perjuangan kita ini belum biasa dilakukan seumpamanya di mana-mana tempat iaitu orang-

orang daripada bangsa Melayu, Cina, India dan dengan satu suara memekikkan "merdeka". Tambahan lagi ada pula persefahaman yang baik. Atas semuanya ini kita mengucap syukur kepada Allah S.W.T. yang dengan kekayaan-Nya dan kuasa-Nya telah mengurniakan kepada kita nikmat yang saya pergi ke England ialah dengan membawa empat perkara yang besar iaitu:

Pertama : Kekuasaan atas kewangan.
Kedua : Kuasa pertahanan dan keselamatan dalam negeri.
Ketiga : Hendak mengisikan segala pejabat-pejabat dalam negeri ini dengan orang-orang kita iaitu mengambil tempat-tempat orang-orang Barat yang sudah memerintah negeri kita lebih kurang 80 tahun.
Keempat : Mengadakan suruhanjaya bebas untuk menyediakan dan menyusunkan perlembagaan negara Malaya merdeka.

Dan yang benar-benar tujuan saya ke England ialah hendak mendapatkan tarikh kemerdekaan daripada British, dan pihak British telah bersetuju bahawa Malaya akan mengisytiharkan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Waktu di England saya telah bercakap-cakap dengan orang-orang Inggeris, dan kebanyakan daripada mereka berkata: belum pernah ada satu rombongan datang dari mana-mana negeri yang telah mendapat segala maksudnya bagaimana yang kita dapat. Atas semuanya ini kita syukur kepada Allah, terima kasih kepada Allah dan segala puji-pujian terpulang kepada Allah.

Di sini saya suka sebutkan pertolongan yang saya dapati daripada wakil raja-raja. Mulanya kita hendak pergi ke England sebagai dua pihak, satu pihak raja-raja dan satu lagi pihak Perikatan. Tetapi apabila kita naik ke kapal dan mengadakan perundingan permulaan maka tumbuhlah satu perasaan pada kami iaitu kami ini anak negeri Melayu, mati dan hidup kami di sini, dan jikalau negeri lain boleh mendapat kemerdekaan dan kedaulatannya maka tak ada sebab negeri ini

tidak dapat. Perasaan inilah yang telah mendorong wakil Duli Yang Maha Mulia sultan-sultan dan wakil Perikatan bekerjasama dengan bersungguh. Dengan adanya kerjasama ini segala tanggungan saya menjadi ringan. Waktu di London merekalah yang bekerja kuat dengan cukup taat setia kepada negeri tanahair mereka dan kepada rakyat Tanah Melayu ini. Merekalah yang telah "bergelut" bersungguh-sungguh, saya ini hanya menolong memberi nasihat sahaja dan menunjukkan begini patut dijalankan dan begitu tak patut. Pendek kata mereka itulah yang telah menjalankan segala kerja dan tanggungan yang berat.

Maka saya di sini mengambil peluang memberi banyak-banyak terima kasih kepada mereka. Semua mereka itu ada di sini dan saya harap mereka akan datang ke hadapan majlis tuan-tuan ini untuk sekurang-kurangnya memekikkan seruan perjuangan kita setelah saya tamat.

Tuan-tuan tentulah sudah tahu apa yang terkandung di dalam penyata atau perjanjian yang saya tandatangani itu kerana Jabatan Penerangan telah pun membuatnya dalam berbagai-bagai bahasa untuk dibahagi-bahagikan kepada tuan-tuan bagi bacaan tuan-tuan. Oleh itu tak payahlah dalam masa yang singkat ini saya menceritakan segala yang terkandung di dalam perjanjian itu. Tetapi di sini saya suka menceritakan sebagai peringatan iaitu yang mula-mula sekali daripada raja-raja Melayu yang membuat perjanjian dengan British ialah datuk nenek saya sendiri yang telah menyerahkan Pulau Pinang kepada British dengan jalan sewa, dan hingga hari ini British masih membayar sewanya lagi. Pada hari ini pula dengan izin Allah Taala seorang anak cucunya mengambil balik bukan sahaja Pulau Pinang bahkan seluruh Tanah Melayu ini. Fasal Singapura saya susah hati sedikit. Tiap-tiap saya sebut berkenaan dengannya saya kena kata, dari itu saya pulangkan kepada orang-orang Singapura yang patut dibuat dan apa yang mereka kehendaki.

Di sini orang ramai telah menjerit-jerit dan bertempik dengan kuatnya supaya Singapura juga dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu. Melihatkan orang ramai yang begitu gembira dan dengan keras supaya Singapura jangan ting-

galkan, maka Tunku telah berkata "Insya-Allah .... Insya-Allah .... Insya-Allah," kalau diizinkan Allah kita akan ambil balik juga Singapura. Tetapi kenalah dengan kehendak orang Singapura sendiri. Saya harap tanah jajahan itu akan bersatu balik dengan kita, begitulah harapan saya. Saya hanyalah berharap sahaja dan terpulanglah kepada mereka menentukannya. Tetapi bagi diri saya, saya berasa sangatlah suka dan besar hati serta syukur kerana dalam masa yang singkat boleh kita dapat balik Tanah Melayu ini.

Jikalau tuan-tuan ingat, kita telah sebutkan dalam buku *Panduan Pilihanraya,* kita berkehendak kemerdekaan sendiri dalam masa dua tahun, tetapi dengan bantuan tuan-tuan kita telah dapat pemerintahan sendiri dalam tempoh enam bulan dan juga dengan doa tuan-tuan sekalian dan dengan semangat tuan-tuan yang berkobar-kobar itu kita akan dapat kemerdekaan dalam tempoh setahun tujuh bulan. Maka atas ini semua saya tak dapat berkata apa-apa lagi melainkan terima kasih banyak dan saya berasa sombong kerana saya telah menjadi khadam kepada tuan-tuan selama empat tahun dengan mendapat segala sokongan yang tak terdaya saya membalasnya. Dengan kita bekerjasama, berkasih mesra antara satu sama lain dan dengan kasih kita kepada tanahair maka itulah sebabnya yang kita dapat maju sejauh yang kita telah tempuh hingga hari ini. Tidak ada siapa yang menyangka dan terfikir bahawa bangsa kita ini tidak lama lagi akan duduk sama taraf dengan bangsa-bangsa lain yang berdaulat dan merdeka.

Perasaan berkobar-kobar menyambut rombongan merdeka itu bukan sahaja di sini malahan di mana sahaja ada orang Melayu, dia berasa sombong. Bukan sahaja orang Melayu bahkan lain-lain bangsa pun sama. Di mana-mana kita singgah di Ceylon umpamanya rombongan merdeka telah disambut sebagai rombongan daripada negara merdeka. Apabila rombongan itu sampai ke India begitu juga sambutannya, kami telah menjadi tetamu kepada kerajaan India dan Ceylon. Di Pakistan pun tidak kurang keraian yang diberikan kepada kami sebagai rombongan dan satu bangsa yang berdaulat. Sebaliknya tuan-tuan mesti ingat bagaimana orang-orang lain kepada kita. Waktu saya menghadiri Persidangan Hiro-

shima ... saya telah ceritakan kepada tuan-tuan bagaimana orang lain pandang hina kepada kita ... di dalam persidangan itu saya telah tidak dibenarkan bercakap lama sebagaimana wakil-wakil yang datang dari negeri-negeri yang merdeka.

Begitulah halnya kita dahulu, tetapi sekarang alhamdulillah segala-galanya telah berubah. Perasaan dan pandangan hormat di mana-mana sahaja kita turun ada belaka, di Ceylon, India, Pakistan dan Mesir. Apabila saya sampai di Mesir, tujuan saya ialah hendak menemui penuntut-penuntut kita di sana yang seramai 114 orang itu. Sebaik-baik sahaja rombongan merdeka ini turun dari lapangan terbang Kaherah pada jam lima subuh kita telah dapat penuntut kita sedang menunggu kami dengan menggigil kesejukan, tetapi hangat dan semangat. Saya telah berjanji dengan penuntut-penuntut itu dalam perjalanan pulang saya akan singgah lagi ke Kaherah untuk melihat dan memeriksa hal kedudukan mereka. Waktu saya hendak bertolak balik dari England, saya telah mengawatkan kepada penuntut-penuntut kita jangan tunggu saya di lapangan terbang sebab musim sejuk dan kapal terbang akan sampai di Kaherah jam tiga pagi. Saya telah meminta mereka datang berjumpa saya pada esok hari. Tetapi sampai-sampai di lapangan terbang Kaherah bukan sahaja penuntut-penuntut lelaki yang menunggu bahkan penuntut-penuntut perempuan pun ada bersama. Inilah semangat yang saya berasa sangat-sangat sombong dan megah. Saya telah dikalungkan bunga mali oleh wakil penuntut-penuntut Indonesia yang berhubung rapat dengan penuntut-penuntut Melayu. Bukan sahaja ada dua orang wakil penuntut Melayu dari Mekah ada bersama. Mereka telah terbang ke Mesir untuk menemui saya dengan mengutip wang daripada rakan-rakan mereka di Mekah itu.

Semasa saya di England, saya telah meminta disiapkan satu hotel untuk rombongan kita ini berhenti di Mesir dalam perjalanan pulang. Tiba-tiba apabila sampai di sana kerajaan Mesir telah terima saya sebagai tetamunya dan ditaruhkan saya di sebuah istana yang besar lagi indah. Beginilah tuan-tuan, perasaan sombong dan megah daripada lain-lain bangsa terhadap perjuangan kita pada hari ini. Apabila saya ber-

jumpa Kolonel Nasir, beliau telah menyambut saya dengan cukup ramah dan mesra seolah-olah kita telah lama berkenal, walhalnya baru itu kita bertemu. Dahulu saya tidak ada taraf berkenal dengannya, tetapi dengan perbuatan tuan-tuan dan dengan kerana pertolongan tuan-tuan saya telah diterima oleh lain-lain bangsa. Oleh negeri-negeri yang merdeka sebagai seorang yang setaraf dengan mereka. Dan kerajaan Mesir menurut keterangan Kolonel Nasir telah memberikan sekeping tanah untuk dijadi tapak bangunan sebuah rumah bagi tempat kediaman penuntut-penuntut kita di sana. Maka insya-Allah saya akan minta kerajaan Federation beri wang supaya kita boleh berikan sebuah rumah yang besar dan indah untuk penuntut-penuntut kita itu. Dan begitu juga saya berjanji dengan penuntut-penuntut yang ada di Mekah bahawa kerajaan Federation akan membantu mereka mendirikan sebuah bangunan di Mekah untuk mereka. Dan lagi satu perkara yang besar, yang menarik hati saya ialah perasaan penuntut-penuntut kita sekarang di England. Perasaan ini bukan sahaja terkhas bagi penuntut-penuntut Melayu bahkan kepada penuntut-penuntut Cina, India dan Serani. Perasaan mereka itu telah berubah dan menjadi perasaan nasionalis yang berasa sombong di atas kejayaan kita ini. Apabila mereka menjemput saya ke tempat mereka untuk bersyarah, maka tempat itu telah penuh sesak dan seseorang yang ada di situ tak dapat mengubah.

Pada masa saya di London ada dua pertubuhan penuntut-penuntut kita di sana yang dianjurkan oleh orang-orang yang boleh kita katakan komunis. Dalam masa saya ada di sana penuntut-penuntut itu telah buangkan semua anasir-anasir komunis yang ada dalam dua persekutuan itu dengan segera kerana perasaan kebangsaan yang kuat telah terbit di kalangan penuntut-penuntut itu. Maka ini adalah satu perkara yang ajaib. Dan sekarang ini pakatan yang telah saya saksikan di London itu, antara Melayu, Cina, India dan lain-lain sangatlah baiknya, saya sendiri sangatlah tertarik hati sebab mereka tak mengira apa-apa bangsa asalkan Malaya sahaja cukup. Hanya kemerdekaan sahaja yang menjadi kehendak mereka. Maka ini semua tidak syak lagi adalah hasil dari-

pada usaha tuan-tuan dan semangat tuan-tuan dan bagi pihak saya selagi tuan-tuan berkehendakkan saya maka saya sedia memperhambakan diri kepada tuan-tuan dan begitulah juga rakan-rakan saya yang menjadi menteri bersama-sama saya. Saya dan mereka bukanlah sebagai orang-orang yang pandai atau orang-orang yang bijak, hanya kami ini mempunyai semangat macam tuan-tuan juga, dan tujuan kami serta niat kami ialah untuk bekerja kerana bangsa dan tanahair.

Oleh sebab itu kami tidak kira susah hati tuan-tuan, saya minta tuan-tuan berikan peluang sedikit supaya kami belajar dan mencari dalam pekerjaan kami bagi betul segala-galanya. Itulah sahaja yang saya harap. Saya ini tak tahu hendak cerita panjang kerana terlampau banyak sangat yang hendak diceritakan kepada tuan-tuan yang telah datang dari jauh. Saya nampak di sini semua negeri ada berhimpun, dari Johor yang di hujung selatan dan Perlis di hujung utara dan Kelantan, Terengganu serta Pahang dari pantai timur. Di mana manusia yang banyak ini tidur saya pun tak lena, jadi sama-samalah kita, inilah semangat yang saya suka hendak melihatnya. Insya-Allah dengan ada semangat semacam ini tentulah lebih cepat kita mencapai kemerdekaan daripada apa yang kita sendiri agakkan.

Sekarang ini hanya ada satu tulisan untuk peringatan sahaja yang dikehendaki saya turunkan tandatangan di sini iaitu pengisytiharan tarikh kemerdekaan. Saya suka bacakan pengisytiharan ini kepada tuan-tuan ... inilah dia (Tunku membaca pengisytiharan).

Inilah satu pengisytiharan yang akan menjadi satu tanda bagi perhimpunan kita pada hari ini di sini. Saya akan turunkan tandatangan di atas kertas yang bersejarah ini.

Inilah sahaja yang dapat saya cakapkan kepada tuan-tuan, maka pada akhirnya saya memberi terima kasih banyak-banyak di atas tuan-tuan di atas susah payah tuan-tuan datang ke mari. Allah Taala sahaja yang akan membalaskan. Dan saya tamatkan ucapan saya dengan tiga kali sorak merdeka.

"MERDEKA, MERDEKA, MERDEKA".

# BAB IV

# PENUTUP

# BAB IV

# PENUTUP

Dalam proses perjuangan UMNO 1946-1956, parti itu telah menempuh zaman kocakan dalam menentukan haluan parti. Perjuangan UMNO pada tahun 1946 adalah perjuangan orang Melayu keseluruhannya iaitu perjuangan yang menebus maruah bangsa Melayu, penduduk asal Tanah Melayu. Perjuangan pada tahun 1946 adalah kental, penuh azam dan semangat. Ketika itu orang Melayu kaya dengan semangat tetapi miskin dari segi harta benda. Untuk mencari kecelaan dalam perjuangan UMNO adalah sukar kerana orang Melayu itu UMNO dan UMNO itu orang Melayu. Matlamat perjuangan Melayu atau nilai terminalnya adalah sama iaitu menumbangkan Malayan Union yang telah menyebabkan "Melayu hilang di dunia". Malayan Union memang telah menghancurkan bangsa Melayu, malah dapatlah dikatakan tanpa Malayan Union, UMNO tidak akan lahir pada tahun 1946 itu.

Dari tahun 1946 hingga 1951, mungkin ada benarnya, perjuangan UMNO adalah berlandaskan gagasan "Semangat Kebangsaan Melayu" yang diterjemahkan oleh beberapa penulis sebagai "Nasionalisme Melayu". Tiada siapa pun dapat menafikan bahawa sehingga 1 Februari 1948, Tanah Melayu adalah milik tunggal orang Melayu. Penentangan terhadap Malayan Union datangnya daripada orang Melayu yang bernaung di bawah bendera UMNO. Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union adalah disebabkan pemerintahan Inggeris yang baru itu telah memindahkan kedaulatan raja-

raja Melayu kepada Inggeris dan kedua, kerajaan Inggeris memberikan kewarganegaraan secara *jus soli* kepada orang bukan Melayu yang bererti pemberian hak politik kepada orang bukan Melayu. Peristiwa Bintang Tiga memerintah selama 14 hari, tekanan terhadap orang Melayu MPAJA dan Kerajaan Inggeris ke atas orang Melayu tidak dapat dilupakan oleh Inggeris semasa memberikan kerakyatan secara *jus soli* kepada orang bukan Melayu sebagai "hadiah" menyokong Inggeris semasa Jepun, dan sebagai "pengajaran" kepada orang Melayu yang dikatakan bersubahat dengan Jepun.

Orang Melayu hilang rasa hormat kepada Inggeris yang selama itu sebagai "pelindung orang Melayu" tetapi bertukar menjadi pemeras ugut kepada bangsa Melayu. Orang Melayu yang serba mundur ketika itu hanya mempunyai kekuatan semangat apabila berhadapan dengan ungkapan "Bumi Dipijak Milik Orang". Tahun 1946, sekaligus menghapuskan batas kedaerahan, perjuangan menentang Inggeris sejak zaman Dol Said di Naning (1832), Perang Pasir Salak (1874), di Selangor (1874), dan Negeri Sembilan dan Pahang (1887), Tuk Janggut di Kelantan (1915) dan perjuangan Abdul Rahman Limbong di Terengganu (1928) adalah penentangan terbatas. Dulu Inggeris mudah mematahkan perjuangan Melayu yang terpencar-pencar, tiada menyeluruh dan tiada bersepadu. Kini pada tahun 1946, buat pertama kalinya seluruh orang Melayu dari segenap pelosok Semenanjung ini telah bersatu menunjukkan kekuatan kepada penjajah Inggeris, iaitu Inggeris boleh merobak-rabik kehidupan orang Melayu, tetapi Inggeris tidak boleh membunuh bangsa Melayu. Inggeris yang dianggap "tuan" sebelum 1946, rupa-rupanya pemeras ugut yang mahu menjadikan Tanah Melayu yang kaya dengan sumber alam sebagai tanah jajahan Inggeris.

Kejayaan UMNO yang menjadi *vehicle* kepada orang Melayu menentang Malayan Union akhirnya telah mencapai hasil iaitu tumbangnya Malayan Union. Kekuatan UMNO yang mewakili rakyat Melayu menyebabkan UMNO diterima duduk bersama-sama wakil raja Melayu untuk membincangkan perubahan Persekutuan Tanah Melayu yang dizahirkan pada tahun 1948.

Pada tahun 1948, berakhirnya pemilikan tunggal orang Melayu terhadap negara ini, kerana Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 melahirkan warganegara Persekutuan. Semua orang Melayu sebagai rakyat raja-raja Melayu secara automatis, menurut undang-undang, menjadi warganegara Persekutuan. Manakala syarat menjadi warganegara yang diperketatkan atau tidak seliberal kewarganegaraan dalam Malayan Union (Jus Soli) telah menyebabkan sebahagian kecil orang bukan Melayu layak menjadi warganegara. Namun begitu UMNO masih dominan sebagai kuasa politik yang mencorakkan perkembangan politik Tanah Melayu.

Dominasi UMNO dalam politik negara telah kita lihat mulai tahun 1948. Kekuatan UMNO memang dibimbangi Inggeris, tetapi lebih dibimbangi jika orang Melayu bersama Parti Komunis Malaya menentang Inggeris. UMNO memang tidak senang terhadap sikap Inggeris yang selama ini mengamalkan dasar pecah dan perintah. Dasar Inggeris yang mengawal dan membahagikan ekonomi negara kepada kapitalis Barat dan Cina telah menyebabkan orang Melayu umumnya merempat di tanahair sendiri. Walaupun terkenal dengan kutukan bangsa "tidak apa", tetapi orang Melayu hilang sabar dan bangun menentang apabila maruah bangsa tercabar. Inilah psikologi politik Melayu yang menjadi pengajaran kepada Inggeris dan perkembangan politik kemudiannya.

Nasionalisme Melayu tidak dianggap asabiyah atau *ethnocentricism* ketika itu kerana penduduknya adalah orang Melayu majoriti. Perjuangan orang Melayu pada mulanya berasaskan "Hidup Melayu" bertukar menjadi "Merdeka". Pertukaran slogan perjuangan UMNO adalah merupakan perkembangan tahap kedua nasionalisme Melayu, iaitu memerdekakan negaranya dengan matlamat negara merdeka untuk bangsa Melayu.

Tahun 1951 memperlihatkan satu titik penting lagi dalam UMNO, iaitu krisis kepercayaan terhadap pemimpin, kerana UMNO menolak kepemimpinan Dato' Onn yang cuba membawa orang bukan Melayu menjadi ahli UMNO. Ahli UMNO sanggup kehilangan Dato' Onn daripada UMNO kehilangan identitinya. Dato' Onn sebagai tokoh yang tiada

tolok bandingnya ketika itu menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang merupakan parti pelbagai kaum yang pertama ketika itu. IMP benar-benar menjadi pencabar UMNO. Ahli UMNO mahukan UMNO untuk orang Melayu sahaja, kemerdekaan Tanah Melayu merupakan penguasaan semula dominasi kuasa politik Melayu. UMNO bernasib baik kerana Tan Cheng Lock tidak dapat menguasai IMP, kepimpinan Dato' Onn sukar ditundukkannya. Oleh itu Tan Cheng Lock membawa MCA keluar dari IMP. Kebetulan pula ketika itu kerajaan mengadakan pilihanraya Majlis Perbandaran dan Kerajaan Tempatan yang lain. Malah usaha Kerajaan UMNO-MCA dimulakan di peringkat bahagian bukannya hasil inisiatif jawatankuasa pusat.

Tunku Abdul Rahman melihat Perikatan UMNO-MCA patut dirasmikan oleh pemimpin kebangsaan kedua-dua pihak. Dengan itu lahirlah Perikatan UMNO-MCA. Mulai tahun 1953, UMNO bukan lagi parti yang sekadar memperjuangkan kepentingan Melayu tetapi kepentingan kaum yang lain juga. Ketika UMNO memulakan gagasan kompromi politik untuk kemerdekaan, Dato' Onn berpatah balik memperjuangkan Melayu. Tunku Abdul Rahman hampir terbang dari UMNO akibat undi tidak percaya daripada ahli UMNO kerana tindak tanduk politiknya yang dianggap oleh ahli-ahli UMNO sebagai merugikan orang Melayu. Namun Tunku yang memperjuangkan cita-cita merdeka, akhirnya dapat juga "menguasai" UMNO seperti yang pernah dikuasai oleh Dato' Onn pada zaman krisma awalnya. Dari situ bermulanya kepimpinan oligarki dalam UMNO dengan Tunku sebagai pembuat keputusan utama. Kata dan keputusan Tunku bagaikan keputusan UMNO. Unsur tradisionalisme atau feudalisme kelihatan masih kekal dalam kepemimpinan UMNO. Hal ini disebabkan nilai tradisi masih lagi bertapak kuat dalam UMNO antara tahun 1946-1956 itu.

Golongan guru Melayu termasuklah guru agama menjadi penggerak UMNO di peringkat cawangan, bahagian dan negeri. Di peringkat kebangsaan golongan aristokrat dan tokoh berpendidikan Inggeris masih lagi menguasai UMNO. Malah untuk menjadi calon UMNO atau Perikatan dalam pilihan-

raya 1955, diletakkan juga prasyarat supaya calon UMNO hendaklah mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris kerana Majlis Undangan Persekutuan ketika itu lebih "menerima" bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi Dewan. Dari segi nilai pula tahun sebelum merdeka hingga ke tahun 1969, bahasa Inggeris mempunyai nilai yang tinggi. Itulah sebabnya tidak ramai guru Melayu yang sampai di peringkat pimpinan pusat UMNO, tetapi guru-guru Melayu menjadi faktor yang mencorak perjuangan UMNO. Krisis pucuk pimpinan UMNO dan Kesatuan Guru Melayu Semenanjung pada tahun 1959 telah membawa padah kepada UMNO dalam pilihanraya kebangsaan yang pertama pada tahun tersebut.

Dapatlah dikatakan bahawa guru-guru Melayu sebagai intelingensia berpendidikan Melayu yang memainkan peranan di peringkat bawah UMNO. Mereka juga mencorakkan perwakilan di perhimpunan agung UMNO. Namun demikian oleh sebab nilai semasa (1955) itu, tidak banyak daripada mereka yang terpilih untuk bertanding dalam pilihanraya 1955. Sebaliknya dalam pilihanraya 1955, UMNO amat mengharapkan Kerajaan Inggeris membenarkan pegawai-pegawai kerajaan dalam perkhidmatan awam diberi kelonggaran untuk bertanding dalam pilihanraya. Tempoh 1959 hingga 1969 memperlihatkan golongan guru mula menguasai Dewan Undangan Negeri sebagai calon UMNO. Manakala di peringkat pusat juga peranan guru-guru Melayu ini semakin ketara.

Pengaruh politik golongan guru dalam perwakilan UMNO mengalami kemerosotan berikutan pertumbuhan golongan menengah Melayu mulai tahun 1970. Kemudian di peringkat cawangan dan bahagian menunjukkan pertumbuhan golongan usahawan baru Melayu mengambil tempat guru dalam mempengaruhi keputusan di peringkat cawangan dan bahagian. Malah ramai juga guru melangkah ke alam usahawan selepas tahun 1969. Namun begitu guru terus menjadi kelompok penting dalam UMNO, di samping usaha menjadi elit dalam UMNO masa kini. Perubahan ini adalah berikutan perubahan nilai dalam masyarakat Melayu iaitu dari zaman yang mementingkan semangat dan pengorbanan kepada zaman kebendaan dan mengharapkan balasan yang setimpal atau "se-

wajarnya", menjadikan UMNO sebagai pertubuhan yang ada ubi ada batas, ada budi ada balas.

Jika dibandingkan UMNO dengan MCA pada tahun 1946-1956 itu, UMNO ternyatalah parti politik yang miskin. Derma daripada orang ramai yang menghidupkannya. Yuran ahli tidak menjadi nyawa UMNO dari dahulu hingga kini. Pada zaman kebendaan ini pula, yuran UMNO bagaikan menjadi tugas pemimpin untuk menyelesaikannya. Pada tahun 1956 menjadi pemimpin bukan sesuatu yang diimpikan, mungkin sudah menjadi resam UMNO sebelum merdeka, bertolak-tolakan untuk menjadi calon tetapi pada zaman kebendaan ini politik wang pula menjadi "resam yang baru", dan kesetiaan kepada parti dinilai daripada curahan wang ringgit serta rasuah politik yang lainnya.

Jika kita menggunakan takrif yang dikemukakan oleh Deliar Noer tentang ideologi ini, bererti tujuan dan cita-cita UMNO berakhir setelah Malayan Union dibubarkan. Kemudian UMNO memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu, seterusnya perjuangannya mengisi kemerdekaan dan paling akhir *survival* orang Melayu dalam mengatasi ungkitan dan cercaan daripada rakan yang sama-sama berjuang untuk kemerdekaan, serta menghadapi persepsi baru daripada generasi selepas merdeka. Oleh sebab itu timbul persoalan, apakah pada tahun 1946-1956 itu, UMNO berpegang kepada ideologi semangat kebangsaan Melayu yang berteraskan Islam atau apakah hanya pemimpinnya sahaja bersikap prakmatis. Ternyata daripada ucapan presiden UMNO dan reaksi ahli-ahlinya, UMNO bukan berpegang kepada ideologi nasionalisme Barat yang sering dikaitkan dengan *ethnocentricism* ataupun sama dengan asabiyah di Tanah Arab. Sebaliknya UMNO berpegang kepada semangat kebangsaan Melayu yang terkenal dengan "tolak ansur dan kompromi" politik dengan kaum-kaum lain, demi kemerdekaan dan demi perpaduan kaum. UMNO mewakili adat sopan dan budi bahasa orang Melayu, kompromi politiknya, kontrak sosial pramerdekanya, perlembagaan yang menjadi acuan budaya politik negara adalah ciri-ciri politik yang terdapat hanya di negara ini sahaja. Kesemua ini adalah berlandaskan peribahasa "diberi susu

masakan dibalas tuba". Adalah suatu yang lumrah, kompromi politik oleh pemimpin UMNO, ada yang berpendapat, peraturan politik UMNO boleh menghapuskan dominannya unsur Melayu dalam sistem politik negara yang merdeka.

Namun begitu, Tunku Abdul Rahman Putra selaku yang dipertua UMNO lebih senang menyatakan bahawa perjuangan UMNO adalah prakmatis iaitu suatu pegangan kepimpinan yang ditafsirkan oleh Dato' Senu Abdul Rahman sebagai *nasionalis demokratik.* Paling ketara ialah perjuangan UMNO antara 1946-1956 terbahagi kepada dua peringkat iaitu pertama, menebus maruah Melayu dan dilambangkan melalui slogan "Hidup Melayu". Kedua, untuk mencapai kemerdekaan yang ditunjukkan melalui perubahan slogan UMNO pada tahun 1950-an iaitu "Merdeka". Kedua-duanya mempunyai nilai terminal yang sama iaitu kelangsungan hidup orang Melayu. Manakala nilai instrumentalnya atau cara mencapai hasratnya berubah mengikut iklim politik semasa. Dalam bahasa yang paling mudah, ideologi UMNO kelihatan daripada tindakan politiknya mempunyai matlamat perjuangannya atas kepentingan bangsa, agama dan negara.

Pemimpin UMNO sering mengusahakan terbinanya legitimasi kepemimpinannya dan keberkesanan "pengaruhnya". Jika dikaji gelagat pemimpin dan ahli UMNO, memungkinkan kita tidak memahami pendirian orang Melayu yang boleh berubah berasaskan pengaruh pemimpinnya. Mereka bagaikan manusia "konformiti" yang ketara. Ini menyebabkan setengah-setengah orang menganggap bahawa jiwa feudal masih tebal di kalangan orang Melayu sebelum merdeka.

Pada ketika yang sama, kalau kita lihat, konflik dalam UMNO bermula dengan PKMM (Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya) daripada bergabung dalam UMNO. Bagi mengatasi kelemahan organisasinya pada tahun 1947 UMNO menyusun perlembagaan baru yang mempunyai struktur negeri, bahagian dan cawangan. Tentangan terhadap usaha menyusun semula organisasi UMNO tidaklah membebankan UMNO.

Konflik yang terbesar antara tempoh 1946-1956 ialah tindakan Dato' Onn meninggalkan UMNO bersama beberapa

orang pemimpin kanan UMNO. Konflik ini menyebabkan UMNO menyediakan peluang dan insentif untuk adaptasi dan inovasi. Ini membolehkan kita mengambil kesimpulan bahawa apabila berlaku konflik *intergroup* dalam sesuatu organisasi, ia adalah akibat perubahan sistematik dari sudut persepsi, sikap dan gelagat mereka yang berkonflik.

Dato' Onn mempunyai persepsi yang berbeza tentang usaha mencapai kemerdekaan yang seharusnya dikongsi bersama-sama dengan orang bukan Melayu. Sama ada Dato' Onn menerima tekanan dalam Kerajaan Inggeris atau tidak agak sukar dipastikan kenapa Dato' Onn menukar sikap yang memperlihatkan "Melayu" sebagai pejuang tunggal kemerdekaan. Walaupun Dato' Onn telah melewati batas bukan perkauman, tetapi sikap orang Melayu masih kental dengan semangat 1946 dan mahu merdeka tanpa kaum lain. Dato' Onn dan para pengikutnya menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya yang bercorak pelbagai kaum. Sejak itu sikap orang Melayu terhadap Dato' Onn sudah berbeza. Ternyata watak Dato' Onn terbunuh oleh janji-janji Tan Cheng Lock yang sama-sama merintis Parti Kemerdekaan Malaya 1951 itu. Tan Cheng Lock tidak dapat menyaingi kehebatan kepimpinan Dato' Onn. Bimbang akan terbenamnya "pengaruhnya" di kalangan orang Cina, Tan Cheng Lock kemudian melihat UMNO sebagai sahabat baru.

Kebetulan pada tahun 1952, Tunku Abdul Rahman juga termakan dengan kata dua Oliver Littleton yang mengatakan bahawa kemerdekaan akan hanya diberikan setelah kaum-kaum terbesar menunjukkan kerjasama. Tunku Abdul Rahman membawa MCA sebagai rakan kongsi Perikatan, bukan ahli keluarga dalam UMNO. Dalam keadaan tertentu berlaku juga konflik dalam UMNO tentang arah baru UMNO bersama-sama MCA itu. Tunku selaku yang dipertua UMNO menghadapi undi tidak percaya dalam proses memerdekakan negara bersama-sama kaum lain. Undi tidak percaya terhadap Tunku Abdul Rahman merupakan persepsi "masa depan Tanah Melayu" daripada kalangan ahli UMNO yang mahukan kemerdekaan Tanah Melayu hanya untuk orang Melayu sahaja. Kebolehan Tunku mempengaruhi ahli UMNO dan ke-

tiadaan pilihan pimpinan terbaik ketika itu dan paling penting mahu segera merdeka, bebas lepas daripada belenggu penjajah menyebabkan kepimpinan Tunku telah diterima oleh penduduk Tanah Melayu, dan digelar sebagai "Bapa Kemerdekaan".

Tahun 1952-1956 adalah tahun yang mencorakkan masa depan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Atas nama kemerdekaan melalui perpaduan kaum, UMNO dan raja-raja Melayu yang mewakili kuasa bangsa Melayu telah berkorban untuk sahabat-sahabatnya dari kaum bukan Melayu. Supaya orang bukan Melayu dapat dipisahkan daripada pengaruh komunis, raja-raja Melayu bersetuju Tanah Simpanan Melayu dijadikan ratusan Kampung Baru Cina. Supaya kesetiaan orang Cina terhadap negara ini dibuktikan, syarat kerakyatan dilonggarkan dan pengambilan orang bukan Melayu dalam Perkhidmatan Awam Malaya (MCS) dibuka lebih luas. Malah Gerald Templer Pesuruhjaya Tinggi Inggeris mengambil inisiatif menubuhkan pasukan tentera berbagai kaum iaitu *Federation Army* yang hari ini menjadi *Kor Armor*. Lebih besar lagi "pengorbanan" orang Melayu ialah dalam tahun1956 apabila pemimpin UMNO bersetuju dengan kehendak MCA iaitu pemberian kewarganegaraan secara "jus soli", iaitu satu perkara yang ditentang berhabis-habisan oleh orang Melayu dalam tahun 1946. Konsep kewarganegaraan yang liberal ini terkandung dalam Malayan Union tetapi ditolak oleh orang Melayu. Mengapakah orang Melayu menjilat semula tentangannya? Jawapannya ialah demi kemerdekaan. Lagipun persetujuan itu adalah sebahagian "ikatan murni" kaum terbesar, kerana orang bukan Melayu pula bersetuju menerima tuntutan UMNO yang menetapkan Agama Islam sebagai Agama Persekutuan (Perkara 3 Perlembagaan), bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi (Perkara 152), kedudukan istimewa orang Melayu (Perkara 153), kedudukan raja-raja Melayu dan tanah simpanan Melayu. Ikatan Murni atau Pakatan Murni adalah sebahagian daripada *Quid Pro Quo* yang menjadi prasyarat kemerdekaan yang ditafsir oleh pucuk pimpinan Perikatan, iaitu orang Melayu menguasai politik, manakala orang Cina menguasai ekonomi. *Status quo* itu telah ter-

cabar dalam tahun 1969. Ketika itu berlakulah perubahan nilai terhadap politik dan sosioekonomi negara.

Pengaruh UMNO dalam politik negara kekal sehingga kini sejak tahun 1946. Dalam tahun 1946, UMNO menjadi satu "Daya Kuasa" yang telah menggugat Kerajaan Inggeris. UMNO menguasai pemikiran politik Melayu yang ketika itu bertujuan untuk menentang Malayan Union, menebus maruah Melayu dan mahukan kemerdekaan. Dari segi legitimasi atau keabsahannya tahun 1946-1956 itu UMNO dan Melayu adalah sinonim.

Tentangan UMNO terhadap Inggeris melalui demonstrasi menentang Malayan Union adalah secara aman tanpa kekerasan. UMNO bagaimanapun sering juga membuat tekanan kepada raja-raja Melayu untuk terus bersama rakyat. Dengan Kerajaan Inggeris, UMNO sering mengadakan desakan dan perundingan. Kekuasaan UMNO sebagai mewakili orang Melayu, menjadikan UMNO sebagai pihak berkuasa yang diajak sama berunding oleh Inggeris di samping wakil raja-raja Melayu.

Politik Tanah Melayu 1946 – 56 adalah dikuasai oleh elit tradisional. Tunku Abdul Rahman dan Dato' Abdul Razak dalam UMNO, manakala Dato' Onn dan Dato' Abdul Wahab Panglima Bukit Gantang di pihak yang satu lagi. Persaingan antara elit ini telah mencorakkan politik Melayu. Manakala golongan kiri adalah terdiri daripada orang kebanyakan yang dianggap radikal oleh pihak Inggeris. Tahun 1946-56 juga tidak memperlihatkan kehadiran kelompok-kelompok berkepentingan, kecuali golongan guru Melayu dan ulama yang menjadi pemikir pendapat umum yang mewarnai politik Melayu. Jika dibandingkan dengan politik UMNO yang penuh dengan kelompok berkepentingan di semua peringkat parti, UMNO dalam tahun 1946 – 56 memperlihatkan kekurangan tenaga intelektual dan profesional dalam kepemimpinan parti itu.

Jika kita sandarkan kefahaman konsep elit itu kepada karya Clark Kerr (1960) yang berasaskan pendekatan psikologi, di dalam UMNO dalam tahun 1946-56 itu wujud elit yang terdiri daripada:

1. Elit Dinasti
2. Elit Kelas Menengah
3. Pentadbir Kolonial
4. Elit Nasionalistik (iaitu golongan guru Melayu)

Dalam UMNO 1946-56, seperti juga organisme lain wujud golongan elit dan golongan massa. Kita boleh melihat perbezaan kemahiran dan personaliti politik pucuk pimpinan UMNO. Tunku Abdul Rahman tidak sebijak Dato' Onn dalam berpidato, tetapi Tunku dengan pengaruh kepimpinan feudalnya menggunakan pendekatan manipulatif. Dengan cara itu Tunku Abdul Rahman telah dapat mendominasikan UMNO serta mengarahkan matlamat perjuangan UMNO atau disebut nilai terminal dan nilai instrumental. Tunku memperkenalkan politik kompromi dan politik akomodasi dalam politik negara ini.

Dari segi legitimasinya, UMNO yang berpegang kuat pada sistem sosial Melayu telah membolehkan pemimpinnya mendapat keabsahan kerana unsur kepemimpinan tradisi dan kehadiran golongan inteligensia Melayu yang kecil bilangannya ketika itu. Matlamat kemerdekaan juga membantu mengukuhkan keabsahan atau legitimasi pemimpin UMNO. Ini menjadikan UMNO dalam tahun 1946 – 56 memiliki dua bentuk keabsahan dominasi, iaitu dominasi tradisional dan dominasi karismatik. Hal ini terbukti dalam masa konflik UMNO hari ini turut mendedahkan 'pekung pucuk pimpinan UMNO yang bertindak membelakangi Majlis Kerja Tertinggi UMNO'. Tunku didakwa berbuat demikian. Ini menjadikan kita menanyakan dalam tahun 1946-56 apakah UMNO memiliki kepimpinan bersifat oligarki atau bersifat autoritarian.

Sesungguhnya 1946-56 adalah satu tempoh masa yang penting bagi UMNO, orang Melayu dan seluruh penduduk negara ini. Pada MCA yang mewakili suara orang Cina, Tunku telah menunjukkan sikap adil khususnya menjelang pilihanraya 1955 Tunku telah mengancam untuk meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO jika UMNO tidak bersetuju memberikan MCA 15 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan walaupun ketika itu undi Melayu lebih 80 peratus. Begitu

juga dalam situasi lain, kompromi politiknya adalah disifatkan oleh rakan dalam Perikatan sebagai adil, kerana ketika itu orang Melayu melalui UMNO memainkan peranan yang dominan dalam politik kemerdekaan Tanah Melayu. Kompromi politik dalam tahun 1953, membolehkan seramai 1.2 juta orang Cina dan 3 000 000 orang India menjadi warganegara Tanah Melayu. Manakala 700 000 orang lagi pada tahun itu sedang dipertimbangkan taraf kewarganegaraannya. Kompromi politik cuba diminta lagi oleh Dr. Lim Chong Eu selaku Presiden MCA dalam tahun 1959 atas dasar bilangan pengundi Cina telah bertambah dan Melayu bukan lagi 80 peratus daripada pengundi tahun 1959. Ketika itu juga Tunku Abdul Rahman menunjukkan ketegasannya untuk tidak mahu tunduk kepada tuntutan Presiden MCA itu. Malangnya ketika itu orang Melayu mula mencurigai kepemimpinan Tunku. Dalam pilihanraya 1955, PAS telah mula bangun sebagai mewakili rasa tidak puas hati terhadap politik UMNO yang ditunjukkan melalui pendirian pemimpinnya. Begitu juga keadaannya di kalangan orang Cina, mereka juga mula memilih parti pembangkang. Dari situasi politik selepas merdeka jelas menunjukkan perkembangan pemikiran politik Melayu 1946-56 telah mencorakkan suasana politik selepas merdeka. Isu-isu perkauman yang cuba dipadamkan sebelum merdeka bagi membuktikan "perpaduan kaum" demi kemerdekaan telah mula menjenguk kembali mulai pilihanraya 1959. Sejak pilihanraya itu, UMNO dan MCA diadili popularitinya. Kian tinggi isu perkauman digunakan kian banyak UMNO dan MCA kehilangan kerusinya yang diambil alih oleh pembangkang. PAS mewakili rasa tidak puas hati Melayu terhadap UMNO, manakala Barisan Sosialis dan PPP mewakili rasa kurang senang orang bukan Melayu terhadap MCA yang dianggap pihak sepatutnya membela kepentingan bukan Melayu. Inilah yang kita lihat dalam pilihanraya 1959. Dalam pilihanraya 1964, semasa zaman konfrontasi Indonesia, UMNO dan MCA mendapat "advantage" tetapi isu perkauman kembali bergelut dalam pilihanraya 1969.

Kini dari segi ilmiahnya, UMNO belum lagi memenuhi prinsip-prinsip pengurusan saintifik, iaitu kesatuan ideologi,

kesatuan pentafsiran ideologi, pembahagian tugas, disiplin, subordinasi kepentingan peribadi kepada inisiatif dan semangat kekitaan. Berdasarkan *trend* mutakhir sekumpulan orang Melayu telah menyamakan semangat kebangsaan Melayu yang diperjuangkan oleh UMNO sebagai suatu nilai yang negatif dan tidak *Islamic*. Usaha meminda aliran perjuangan UMNO sedang berlaku kini sama ada dari dalam mahupun ideologi baru dan ke arah internasionalisme atau universialisme selepas tahun 1990, kesemua ini bergantung kepada perubahan kepemimpinan organisasi UMNO. Walaupun ada kesukarannya masyarakat Melayu mudah menghadap perubahan serta suatu bangsa yang *compatible* dengan aliran dan gelombang persekitaran semasa.

## LAMPIRAN 1

### Ucapan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Yang Dipertua UMNO, Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke-19 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 30 dan 31 Julai 1966 Bersamaan 20 Tahun UMNO Ditubuhkan

Perhimpunan UMNO telah genap umurnya 20 tahun pada 11 Mei 1966, dan kita telah merayakan hari lahirnya dengan penuh meriah. Kita bersyukur ke hadrat Allah yang telah memberi perlindungan dan mencurahkan segala nikmat-Nya ke atas kita dan pertubuhan kita. Sehingga sampai hari ini pun sambutan masih diadakan lagi di merata tempat oleh cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian UMNO. Dalam suasana kemeriahan perayaan 20 tahun UMNO inilah kita mengadakan persidangan yang ke-19 hari ini.

Pada mulanya persidangan agung ini hendak diadakan di Melaka, negeri yang penuh bersejarah kerana dari Melakalah segala perjuangan UMNO ini dilancarkan semenjak saya memegang teraju pimpinan. Di Melakalah segala keputusan yang bersejarah diambil sehingga kemerdekaan tanahair kita dicapai, dan di Melakalah diadakan satu rapat raksasa yang belum pernah berlaku dalam sejarah negeri kita sewaktu saya kembali dari London dengan membawa kejayaan yang gilang-gemilang dalam perundingan bagi mencapai kemerdekaan tanahair kita ini.

Jadi dengan mengambil sempena inilah maka jawatankuasa kerja tertinggi membuat keputusan hendak mengadakan persidangan agung ini di negeri yang bertuah itu. Tetapi oleh

sebab memandangkan ramainya wakil yang akan hadir dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi mengenai tempat-tempat tumpangan, perbelanjaan-perbelanjaan, kenderaan dan sebagainya, maka saya telah meminta jawatankuasa tertinggi UMNO menimbangkan kembali keputusannya supaya mengadakan persidangan ini di Kuala Lumpur. Dengan yang demikian akan menyenangkan wakil-wakil yang datang dari jauh umpamanya dari pantai timur dan utara. Selain itu saya juga teringatkan yang MAHA sedang diadakan di Kuala Lumpur sama semasa dengan persidangan ini diadakan. Jadi dengan demikian bolehlah orang UMNO dari jauh-jauh itu turut menyaksikan pertunjukan itu.

Kita tidak lupa di atas kesanggupan Encik Abdul Ghafar Baba dan ahli-ahli jawatankuasa sambutannya untuk bersiap sedia segala apa yang diperlukan sekiranya persidangan ini diadakan di Melaka. Kita mengucapkan terima kasih di atas persetujuan mereka mengubahkan tempat persidangan ini. Semangat kerjasama ahli-ahli UMNO Melaka itu sangat-sangatlah kita hargai.

Dalam tempoh 20 tahun UMNO hidup, berbagai-bagailah peristiwa yang telah dihadapi, suka dan duka. Semua kesulitan itu telah dapat kita atasi dengan sempurna dan jayanya.

Kesulitan yang pertama kita hadapi ialah peperangan menentang komunis. Hal ini saya telah menyatakan kesanggupan untuk menghapuskan komunis itu waktu saya menuntut kemerdekaan di dalam Majlis Undangan Federal dahulu yang dihadiri sendiri oleh setiausaha Tanah Jajahan British. Ini adalah perjuangan hidup mati negara kita supaya tidak terjatuh di bawah kekuasaan komunis.

Kita hendaklah jangan lupa bahawa kita menerima kemerdekaan dahulu bukanlah dengan senang dan dalam suasana yang tenang. Masa itu kiranya rakyat jelata dalam negeri ini tidak bersatu hati dan bermuafakat antara satu sama lain, maka sudah tentu akan berlaku pergaduhan yang berlarut-larut dalam negeri ini sebagaimana yang sedang berlaku di negeri-negeri lain.

Kalaulah orang Melayu sahaja yang berjuang dengan ti-

dak mendapat sokongan daripada orang Cina, maka boleh jadi susah besar kerana boleh dikatakan semua pengganas komunis itu adalah terdiri daripada orang Cina. Masa penjajah British dahulu, mereka tidak berjaya menghapuskan komunis kerana mereka tidak mendapat sokongan daripada rakyat jelata. Tetapi apabila kita berkuasa dengan berkat sokongan seluruh rakyat, maka kita dapat menghapuskan semua pengganas komunis itu dalam tempoh yang singkat sahaja dan kemudian barulah kita dapat menyediakan berbagai-bagai rancangan kemajuan untuk mengisi kemerdekaan tanahair kita.

Tun Razak telah bekerja keras dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjayakan segala rancangan kemajuan ini. Dan dengan sokongan dari setiap lapisan rakyat, maka semua rancangan kemajuan itu telah berjaya. Segala kesenangan telah dibawa masuk ke dalam kampung dan rakyat telah dapat mengecap nikmatnya, dapat memberi pelajaran kepada anak-anak mereka, dapat membawa barang-barang mereka untuk dijual di bandar-bandar dan kesihatan mereka telah bertambah baik serta keamanan hidup mereka telah terjamin.

Tetapi sungguhpun begitu, pihak yang menentang kita tidak juga mahu menghargai segala usaha yang telah kita buat untuk kemajuan rakyat itu. Pada mereka semuanya tidak puas hati, semua tidak kena. Kata mereka bangsa lain untung, orang Melayu tidak untung. Pendek kata, kerja mereka hanya semata-mata untuk mengelirukan rakyat. Malangnya lagi pula rakyat yang tidak sabar, mahu tambah itu dan ini dengan segera, tidak boleh tunggu-tunggu lagi. Kalau kerajaan tidak dapat penuhi kehendak hati mereka, mereka caci Perikatan dan ada setengah-setengahnya pula mengugut hendak tarik sokongan daripada Perikatan kerana hanya tidak dapat air paip, jalan raya dan sebagainya. Orang-orang yang seperti ini telah lupa betapakah susah payah kerajaan keluarkan wang beribu-ribu juta ringgit banyaknya untuk memberi kesenangan kepada mereka.

Di sini patutlah mereka bandingkan bagaimanakah keadaan hidup kita dalam masa di bawah penjajah dahulu dengan keadaan kita sekarang. Tidakkah kenyataan-kenyataan

yang ada di hadapan kita ini boleh menjadi bukti yang jelas yang menunjukkan betapa jauh perbezaannya? Tetapi memanglah kelemahan manusia itu ada sahaja. Satu daripadanya tidak tahu hendak membuat perbandingan dengan sewajarnya.

Pada pendapat saya, orang-orang yang seperti ini, kurang sedar dan insaf di atas tanggungjawab mereka terhadap kerajaan dan tanahair mereka, tidak sebagaimana ahli-ahli UMNO. Mereka patutlah sedar dan insaf apakah kewajipan mereka terhadap negara. Mereka hanya tahu menuntut sahaja pada kerajaan, minta itu, minta ini, sedangkan mereka tidak sedar apakah yang menjadi kewajipan mereka pula terhadap negara. Sebelum mereka sedar dan insaf, maka bolehlah kita katakan bahawa negara kita ini belum cukup sempurna lagi, belum sampai ke tingkat yang tinggi sebagai manusia yang merdeka.

## Tanggungjawab

Rakyat dalam sesebuah negara yang merdeka dan bertamadun, hendaklah mengetahui apakah kewajipan dan tanggungjawabnya terhadap negara. Pertama, hendaklah mempunyai taat setia yang tak berbelah bagi. Kedua, hendaklah berkhidmat kepada negara dengan sepenuh hati. Sekarang marilah kita tengok keadaan taat setia rakyat dalam negara kita. Waktu konfrontasi hebat dahulu musuh dari luar negeri serang dan ugut hendak hancurkan kita, tiba-tiba ada orang-orang kita yang telah menyebelahi musuh, bekerjasama dengan musuh, terima wang daripada musuh, mengaku hendak menolong musuh untuk menghancurkan negerinya sendiri.

Orang-orang yang seperti ini ada di antaranya yang terkenal dan biasa menjadi pemimpin. Setengah-setengahnya ada dalam tahanan lagi dan setengah-setengahnya ada yang telah dibebaskan. Ada juga yang telah lepas lari masuk ke negeri lain, dan ada juga yang menyusup dengan cara bersembunyi-sembunyi untuk menimbulkan huru-hara. Pendeknya ada yang lakukan kejahatannya dengan cara terbuka dan ada yang lakukan dengan sembunyi-sembunyi. Kesemua orang ini datangnya dari parti-parti lawan kita, sama ada parti PAS,

parti Rakyat, parti Buruh, dan komunis. Jadi di manakah taat setia orang-orang seperti ini pada negaranya? Mereka bukan menentang parti kita sahaja, bahkan menentang negara mereka sendiri. Ini perbuatan yang sejahat-jahatnya.

Ada juga antara orang-orang kita yang kabur matanya membangga-banggakan dan membesar-besarkan kuasa negeri asing sekiranya negeri itu menentang kita, tidak kira sama ada dalam perkara agama ataupun politik. Kelakuan orang-orang yang seperti ini sangatlah tidak bijak. Bahkan kedua-dua sifat orang-orang yang saya sebutkan tadi iaitu yang menentang negara mereka sendiri dan yang membangga-banggakan negeri asing itu mestilah dihapuskan. Kita semua tahu bahawa dari segi politik dan juga dari segi agama tidak ada negeri yang lebih maju daripada kita.

## Agama

Baik saya ambil dari segi agama dahulu. Apa yang kita telah buat semenjak merdeka adalah menunjukkan dengan jelasnya bahawa kita sebenar-benarnya memberi makna kepada perlembagaan kita yang telah menentukan agama Islam sebagai agama rasmi negara kita ini. Tetapi sungguhpun begitu, kita sedar akan tanggungjawab kita pada rakyat Malaysia yang memeluk bermacam-macam agama. Kita membantu rumah-rumah ibadat mereka sama seperti kita membantu masjid-masjid orang-orang Islam, kita juga membina sekolah-sekolah mereka dan menjalankan keadilan kepada rakyat dengan tidak membeza-bezakan agama dan keturunan mereka. Berbagai-bagai kemajuan telah kita buat untuk orang-orang Islam baik dalam pembinaan masjid-masjid dan sekolah-sekolah agama ataupun dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama, termasuklah mengadakan pertandingan-pertandingan al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah mendapat sambutan daripada negara-negara Islam yang lain.

Sekarang ini pula kita adakan kelas hafaz al-Quran di bawah kelolaan Tuan Haji Nur. Jikalau misalnya musuh Islam datang bakar kesemua al-Quran dalam negeri ini, maka besok hari juga kita boleh adakan sebuah al-Quran. Tetapi alangkah

kaburnya mata orang-orang kita di sini, mereka tidak nampak kesemua yang kita buat ini, tetapi apakala ada pergaduhan kita dengan negara Islam lain mereka menyebelahi negeri itu daripada negeri mereka sendiri. Dalam pada itu pun PAS mengkafir-kafirkan juga kita orang-orang UMNO. Dengan jasa bakti yang kita tunjukkan itu, maka susahlah hendak cari lebih Islam daripada UMNO dalam mana-mana dunia jua pun. Segala hal ini bukan hanya dengan cakap-cakap atau niat-niat dalam hati sahaja, tetapi semuanya kita buktikan dengan perbuatan.

Saya mendapat tahu banyak usul-usul yang telah dibuat oleh UMNO bahagian-bahagian dalam soal-soal yang mengenai agama dan ada yang mengesyorkan supaya kerajaan pusat sendiri mempunyai kuasa dalam perkara ini. Saya sukacita mendengarnya kerana ini adalah satu tanda yang baik yang menunjukkan bagaimana ahli-ahli UMNO mengambil berat tentang hal-hal agama.

Saya percaya ahli-ahli UMNO sedar dan faham bahawa kuasa mengenai dengan hal-ehwal agama ini telah ditentukan dalam perlembagaan sebagai kuasa Duli-duli Yang Maha Mulia dan sebenarnya cuma inilah sahaja lagi tinggal kuasa yang dipegang oleh Duli-duli Yang Maha Mulia itu kerana baginda-baginda itu tidak mencampuri politik dan pentadbiran negara.

Dengan sebab itulah barangkali telah timbul cadangan supaya kerajaan pusat menubuhkan "Kementerian Agama" bagi menyatukan cara-cara pentadbiran agama, tetapi dengan tidak mempunyai kuasa menjalankan sesuatu perkara yang diputuskan itu dengan sendirinya selain memberi nasihat-nasihat kepada kerajaan negeri-negeri. Tuan-tuan tentu faham pengertian perkataan "nasihat" itu, iaitu sama ada orang yang menerimanya hendak ikut atau tidak nasihat itu terpulanglah kepadanya. Jadi tentulah tujuan mengadakan "Kementerian Agama" itu tidak menjadi apa-apa faedah, walhal kerajaan terpaksa membelanjakan banyak wang untuk menjalankannya.

Kiranya hendak dipaksa nasihat-nasihat daripada "Kementerian Agama" yang hendak ditubuhkan itu maka tentu

sekali akan membangkitkan salah faham dan pertelingkahan yang besar. Jadi saya suka menasihatkan supaya kita tinggalkan hal-hal agama itu dan kita tumpukan perhatian kita kepada hal-hal politik dan masyarakat.

Pada masa ini pun telah ada jawatankuasa tetap Majlis Raja-raja yang sentiasa bersidang bagi menimbangkan masalah-masalah agama yang dikehendaki keputusan Majlis Raja-raja. Sebagai perdana menteri, saya sendiri menyembahkan apa-apa soal yang diamalkan oleh parti kita berkenaan dengan perkara-perkara agama kepada Majlis Raja-raja itu bagi mendapatkan kata sepakat antara Duli-duli Yang Maha Mulia itu.

## Politik

Peranan politik yang kita main ialah apa yang kita fikir sesuai dengan keadaan negeri kita dan dengan rakyat negeri ini. Apa yang didengar ini, seperti negeri-negeri Afro-Asia yang lain itu, hendaklah kita fikir halus-halus. Tetapi yang peliknya kita tidak dengar adakah keadaan di negeri kita ini kekurangan atau lebih buruk daripada negara-negara Asia dan Afrika yang mematutkan kita ini mengubahkan langsung pendirian dan polisi yang kita sedang jalankan sekarang ini.

Kalau kita selidiki betul-betul kita boleh tahu negeri-negeri di Afrika itu keadaannya berlainan. Pengaruh-pengaruh komunis terhadap negeri-negeri mereka adalah kurang bahaya. Jadi bolehlah mereka menyebelahi mana-mana pihak yang sesuai kepada mereka, umpamanya mereka dapat meminta pertolongan daripada blok komunis, dan kalau tak dapat, mereka boleh pula meminta daripada blok bukan komunis. Kedua-dua blok ini memanglah berlumba-lumba antara satu sama lainnya untuk mencari pengikut-pengikut yang banyak. Ataupun setengah-setengah negeri yang mengaku diri neutral itu kerana hendak menjaga keselamatan negeri mereka daripada menjadi mangsa perebutan pengaruh kedua-dua blok itu.

Keadaan di negeri kita ini berlainan daripada negeri-negeri di Afrika itu, pertamanya setelah kita mencapai kemerdekaan kita terpaksa menentang komunis. Manakala hapus ko-

munis barulah boleh kita menjalankan pemerintahan dengan baik dan sempurna dan merancangkan segala rancangan kemajuan. Tetapi pihak komunis memang menaruh dendam kepada kita. Kalau kita berbaik-baik dengan blok komunis, tentulah mereka tidak diam sahaja, bahkan mereka akan menjalankan segala jarum mereka untuk mempengaruhi rakyat, kerana apa-apa hal pun, masih banyak lagi komunis ada di sini. Dengan yang demikian mereka boleh merosakkan negeri kita dengan senang sahaja sedangkan kita tahu mana-mana negeri yang jatuh di bawah pengaruh komunis, maka kesemua negeri itu menjadi porak-peranda, ekonomi rosak, rakyat susah dan cara pemerintahan pun jahanam.

Jadi sekarang kita berbaik-baik dengan negara-negara bukan komunis kerana sesuai dengan keadaan negeri kita dan kita terpaksa menumpang kekuatan negeri-negeri yang boleh menolong kita, bukan sahaja dalam lapangan pertahanan bahkan juga dalam lapangan ekonomi. Sungguhpun demikian sikap kita, tetapi bukanlah bererti kita berseteru dengan negara-negara komunis, cuma kita tidak mempunyai perhubungan diplomatik sahaja dengan mereka. Dari segi perniagaan, kita memang ada perhubungan. Dalam hal ini kita hendaklah sedar bahawa China Komunis adalah sentiasa bercita-cita menakluki seluruh Asia Tenggara ini.

Keadaan kita sekarang ini boleh disifatkan sebagai sebuah negeri yang maju dan pendapatan setahun (per kapita) rakyat kita boleh dikatakan mencapai tingkatan yang tertinggi dalam Asia. Dalam hal itu pun kita memanglah sentiasa menyesuaikan diri kita dengan keadaan-keadaan yang berlaku, dan harus pada satu masa, setelah kita yakin yang tidak berniat hendak memerintah kita, maka harus kita menukarkan pendirian kita terhadap mereka.

Seorang perdana menteri pernah berkata kepada saya bahawa dia boleh menjaga dan mengawal segala pergerakan subversif komunis. Jawab saya: komunis itu ialah sebuah pergerakan besar dan tertentu, dan dasarnya hendak menjadikan seluruh dunia ini menganut faham komunis. Jadi kalau hari ini mereka tidak menjalankan dasar itu, maka suatu hari mereka pasti menjalankan juga dasar perjuangan mereka itu ka-

lau sekiranya mereka benar-benar komunis. Apa yang sudah pasti mereka tidak boleh diam untuk menjayakan cita-cita mereka itu, kalau tidak dengan cara terang, mereka akan lakukan dengan cara sulit. Mereka tetap berjuang untuk maksud ideologi dan dasar mereka.

Di antara gerakan-gerakan (organizations) dalam dunia ini, maka komunislah yang terkuat sekali. Jadi bagaimanakah sebuah negeri yang kecil, mempunyai rakyat daripada berbagai-bagai keturunan dan agama, yang belum lagi mempunyai keinsafan dan tanggungjawab yang sebenar-benarnya terhadap negara, dapat menghadapi komunis ini? Jawab saya, Tuhan sahaja yang boleh kuasai komunis ataupun syaitan.

Politik kita ini memanglah berjalan dengan hati-hati, sabar dan cermat kerana amat banyak bahaya yang mesti dilalui. Pendeknya apa yang berguna kepada negeri dan sesuai dengan rakyat, maka itulah politik kita.

## Bahasa

Yang kedua ialah kewajipan rakyat terhadap negara. Untuk menimbulkan rasa tanggungjawab itu maka hendaklah dicari satu perkara yang boleh menyatukan rakyat. Maka dari segi ini bahasalah satu perkara yang penting kerana bahasalah menjadi jiwa kepada sesuatu bangsa. Oleh itu alangkah baiknya kalau kita ini memakai bahasa kebangsaan yang difahami oleh orang-orang daripada berbagai-bagai keturunan yang duduk di Malaysia ini supaya mereka mesra dengan bahasa kebangsaan itu. Tetapi nampaknya orang-orang Melayu sendiri tidak begitu ingin menggunakan bahasanya sendiri. Setengah-setengahnya beberapa tahun sahaja belajar di luar negeri, pura-pura menunjukkan mereka lupa bahasa sendiri dan bercakap dengan tergagap-gagap. Ini adalah berlainan daripada kelakuan warganegara negeri-negeri yang merdeka dan kuat, walau duduk di luar negeri beberapa tahun sekalipun mereka tetap berasa megah di atas bahasa mereka. Mereka tidak bermegah-megah dengan bahasa orang lain. Negeri yang tidak ada bahasa sendiri, atau tidak guna bahasa kebangsaan tidak cukup sempurna syaratnya sebagai negeri yang merdeka dan berdaulat.

Di sini kita tidak boleh hendak mengambil contoh, India umpamanya, kerana negara itu lain sedikit kedudukannya. Ia negara yang besar (sub-continent) dan bahasa-bahasa yang dicakapkan oleh rakyatnya berlainan sangat antara satu dengan yang lain. Bahasa Tamil dengan bahasa Punjabi sangat-sangat jauh bezanya. Maka oleh sebab itulah mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan.

Di sini kebanyakan orang bercakap antara satu dengan lain dengan bahasa kebangsaan. Oleh itu bahasa kebangsaan ini bukanlah satu bahasa yang pelik kepada seorang itu bahkan ialah bahasa yang biasa ditutur dan difahami oleh orang-orang di pasar atau di jalan-jalan raya. Katakanlah di Kedah, Kelantan, Perlis, Johor dan Terengganu, kelayakan hendak masuk bekerja kerajaan mereka gunakan kelulusan Inggeris, tetapi bahasa rasmi yang dipakaikan dari semenjak beberapa zaman di pejabat, mahkamah, gudang dan juga dalam percampuan hari-hari semuanya bahasa Malayu. Dalam pada itu sekolah-sekolah bangsa lain dibenarkan berjalan dengan maju. Tidak ada satu bahasa pun dibunuh. Jadi kalau ada kebimbangan orang-orang bukan Melayu terhadap bahasa ibundanya itu tidaklah berasas sama sekali. Ini menunjukkan keinsafan taat setia dan kewajipan mereka terhadap bangsa dan negara, tidak ada dalam hati cuma di bibir mulut sahaja.

Sewaktu bahasa Inggeris menjadi bahasa yang rasmi, adakah bahasa-bahasa yang lain mati? Tidak, bahkan tetap juga maju, jadi apa pula yang mereka takutkan kalau bahasa Melayu dipakai terus sebagai bahasa rasmi?

Pihak kita pula yang mendesak-desak tentang hal bahasa kebangsaan. Saya suka nasihatkan supaya gunakanlah apa-apa perkataan asing yang telah menjadi kelaziman kita memakainya seperti yang dilakukan di Indonesia di mana banyak perkataan Belanda dipakai.

Istilah-istilah baru satu daripada perkara yang menyusahkan orang ramai dan menimbulkan rasa payah kepada bangsa-bangsa lain. Kadangkala perkataan itu tidak difahami oleh orang-orang Melayu sendiri. Kalau kita tidak boleh popularkan bahasa kebangsaan menurut sebagaimana bahasa yang di-

gunakan sehari-hari yang senang difahami oleh orang-orang di pejabat-pejabat, jalan-jalan raya dan di pasar-pasar, maka bagaimanakah bahasa kebangsaan itu dapat maju? Kita hendak menjual satu-satu barang kenalah kita popularkan barang itu dengan apa jua cara. Oleh itu saya berseru, senangkanlah bahasa Melayu itu, popularkan bahasa kebangsaan dan sekali ia popular, tetap popular. Dengan jalan ini tidak ada alasan lagi bagi siapa jua pun dapat menolak bahasa kebangsaan. Tanggungjawab dan taat setia tiap-tiap seorang itu, sama ada dia Melayu atau bangsa lain, bukanlah setakat di mulut sahaja, tetapi hendaklah dibuktikan dengan amalan bagi memajukan bahasa kebangsaan.

Selain itu kewajipan tiap-tiap seorang warganegara hendaklah menyambut baik segala usaha yang dibuat oleh kerajaan. Kerajaan bangunkan sekolah, maka mestilah gunakan sekolah itu dengan menggalakkan anak-anak pergi ke sekolah. Kalau kita banding dalam dunia ini memang tak ada negeri seperti negeri kita ini yang memberi pelajaran percuma kepada rakyat di tingkatan rendah dalam semua bahasa, bukan sahaja bahasa kebangsaan.

Rancangan Pembangunan Luar Bandar – pertanian, perikanan dan sebagainya – mestilah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Kerajaan telah berbelanja begitu banyak untuk mngadakan tali air supaya tanaman akan bertambah berganda-ganda. Tetapi apakala kerajaan menyuruh mereka membayar hasil, mereka marahkan pula kepada kerajaan. Ini menunjukkan rasa tanggungjawab mereka kurang terhadap negara. Walhalnya wang ini semua boleh menolong kerajaan membayar hutang untuk belanja memajukan projek-projek itu, dan juga boleh kerajaan merancang projek-projek yang baru. Tanggungjawab rakyat kepada negara untuk mempertahankan negara daripada serangan luar barangkali sudah terang dan jelas kepada rakyat. Tetapi satu tanggungjawab mereka terhadap negara yang sama pentingnya yang kebanyakan orang kurang faham ialah menjaga keamanan dalam negeri. Cara-caranya ialah dengan mempunyai rasa perpaduan dan persefahaman antara warganegara daripada berbagai-bagai bangsa, jangan hendaknya timbul silap faham

yang boleh menimbulkan pergaduhan sehingga mendatangkan kekacauan besar dalam negeri. Kiranya hal ini berlaku, maka rosaklah keamanan negeri ini dan hancurlah segala kemajuan yang telah dibuat selama ini.

## Dasar Kita

Dalam masa 15 tahun saya memegang teraju pimpinan UMNO ini, saya nampak ahli-ahli UMNO sahaja sedar dan insaf akan tanggungjawab mereka, tetapi malangnya orang-orang dalam parti lain tidak begitu jujur. Kata mereka, apa yang kita jalankan pada hari ini adalah mengikut dasar Perikatan, tetapi tidak sesuai dengan kehendak mereka. Biarkan, tetapi apa yang kita tahu dan apa yang dunia tahu ialah dasar Perikatan telah membawa kesenangan kepada rakyat, kejayaan dan kemakmuran pada negeri. Apakah lagi yang kita kehendaki lebih daripada itu? Tiap-tiap ketua dan tiap-tiap pemimpin dalam sesebuah negeri yang maju adalah berpegang kepada dasar yang boleh mendatangkan kesenangan, kemakmuran kepada bangsa dan negaranya. Mana-mana pemimpin yang tak boleh mendatangkan kemajuan ini, maka itu bukan pemimpin, bahkan sebenarnya pengkhianat kepada bangsa dan tanahair sendiri. Pemimpin-pemimpin yang seperti itu, tiap-tiap kali bercakap dengan bermegah-megahan, kerana perutnya berisi, tetapi perut rakyat yang mendengarnya kosong sahaja. Apakah harus disifatkan pemimpin yang seumpama ini sebagai pemimpin yang jujur?

Maka polisi yang kita jalankan selama ini, bukan sahaja memuaskan semua rakyat, jelas dalam negeri ini. Dasar dan polisi ini akan dijalankan terus oleh sesiapa jua pun pemimpin Perikatan yang akan menggantikan saya pada masa hadapan.

## Jawatankuasa Khas

Dalam masa 20 tahun UMNO ini hidup, rakan-rakan seperjuangan saya, baik pun yang duduk dalam kabinet, Parlimen, senat UMNO negeri, bahagian, cawangan telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada saya. Saya sungguh bertuah mempunyai pengikut-pengikut dan rakan-rakan yang seperti ini. Hanya satu sahaja perkara yang saya hendak sebut-

kan di sini apabila sampai masa pilihanraya banyaklah orang yang hendak berebut menjadi calon, tetapi malangnya kerusi-kerusi sedikit. Pihak UMNO mahu sekian banyak, pihak MCA sekian banyak, pihak MIC sekian banyak. Sekarang ini pula kita ada ahli-ahli terus Perikatan, mereka juga nanti mahu sekian banyak. Hal inilah yang selalu mengganggu parti kita dengan makan masa dan tenaga yang banyak dan membangkitkan kacau-bilau dan perselisihan. Setengah pada setengahnya pula apakala tidak dapat menjadi calon lalu masuk parti lain atau berhenti daripada Perikatan.

Saya bercadang, dua tahun sebelum daripada pilihanraya, satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menjalankan penyiasatan berkenaan dengan (1) hal-hal yang telah jadi pada wakil-wakil rakyat – adakah mereka menjalankan kewajipan mereka sebagai wakil rakyat atau tidak, (2) siapakah patut mengambil tempat mereka apakala datang pilihanraya kelak kira-kiranya mereka tidak sesuai lagi, dan (3) siapakah calon-calon untuk masa ke hadapan. Dengan hal ini barangkali akan ringanlah sedikit kerja-kerja kita waktu memilih calon.

Selain dari itu setiausaha-setiausaha politik menteri-menteri kerajaan hendaklah menjaga hal-hal yang berkenaan dengan politik untuk pengetahuan kerajaan Perikatan. Mulai sekarang ini mereka hendaklah menghalusi daftar pengundi di dalam kawasan pilihanraya untuk menentukan supaya tiap-tiap seorang pengundi telah didaftarkan dan mana-mana pengundi yang telah berpindah ke kawasan lain hendaklah diambil tahu sama ada namanya telah didaftar di kawasan itu. Sekiranya ada apa-apa permintaan dan rayuan daripada pengundi-pengundi hendaklah mereka mengambil berat menyampaikan kepada menteri-menteri yang berkenaan. Dengan ini kuranglah sedikit kesusahan yang kita akan hadapi masa sampai pilihanraya.

## Cita-cita Komunis

Di sini saya hendak menyentuh pula berhubung dengan masalah konfrontasi Indonesia terhadap negara kita yang muda ini. Kita tahu bahawa dasar konfrontasi Indonesia ini dilan-

carkan adalah dengan hasutan PKI kerana kejadian ini serentak dengan masa bantuan kita kepada India yang diserang oleh China Komunis. Dan kita bukan sahaja memberi bantuan moral kepada India bahkan juga bantuan wang ringgit. Selepas sahaja daripada pertolongan kita itu Soebandrio pun isytihar konfrontasi terhadap kita. Apa yang menghairankan kita lagi konfrontasi ini dilancarkan selepas sahaja kita bertindak membantu Indonesia mengenai tuntutannya terhadap Irian Barat di Bangsa-Bangsa Bersatu. Di atas usaha kita ini, kita telah menerima surat ucapan terima kasih yang dihantar oleh Allahyarham Dr. Haji Juanda bagi pihak Presiden Soekarno.

Tetapi sekarang ini, Alhamdulillah, kerana ada tanda-tandanya yang menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin Islam di sana menentang kuat terhadap komunis. Jadi konfrontasi nampaknya dihadapkan kepada komunis pula. Baru-baru ini Tun Razak telah berunding dengan Dr. Adam Malik di Bangkok dan telah mencapai persetujuan.

Sekarang ini kita sedang menunggu-nunggu sahaja pihak Indonesia mengesahkan keputusan yang telah dicapai di Bangkok itu, dan kita berharap kabinet yang baru ditubuhkan di negeri itu akan mengesahkan persetujuan itu. Dengan tamatnya konfrontasi ini kita harap dapatlah jiran tetangga kita itu menjalankan dasar yang berbaik-baik di antara dua buah negara ini bagi keselamatan seluruh Asia Tenggara. Apa yang penting yang patut kita ingatkan bahawa perdamaian antara Indonesia dengan kita ini adalah memberi erti bahawa 100 juta umat manusia telah dapat diselamatkan daripada cengkaman pengaruh komunis.

Tetapi ada setengah-setengah orang yang berdekatan dengan kita ataupun yang jauh cuba hendak mengeruhkan suasana dengan menyifatkan persahabatan antara kita dengan Indonesia itu sebagai satu bahaya kepada orang-orang Cina yang duduk di Malaysia. Ini adalah satu pandangan yang singkat dan tidak bijak kerana seteru kita yang sebenarnya ialah komunis yang bercita-cita hendak memerintah seluruh Asia Tenggara ini. Harus orang-orang ini tidak berfikir apakah akibatnya sekiranya komunis berjaya mempengaruhi 100 juta

manusia yang ada di Indonesia itu. Sekiranya hal ini berlaku maka keselamatan rakyat di Asia Tenggara ini tidak akan terjamin lagi.

Sekarang ini Indonesia telah sedar di atas pengkhianatan komunis dan tanda-tandanya telah timbul yang Indonesia telah kembali kepada jalan yang sebenar. Berdoalah kita moga-moga dengan hal yang demikian, terjaminlah keselamatan Asia Tenggara ini.

Pada pendapat saya, satu daripada jalan yang boleh menyelamatkan Asia Tenggara ini daripada ancaman bahaya komunis ialah dengan kerjasama di antara negeri-negeri di dalamnya untuk mengukuhkan ekonomi dan meninggikan taraf hidup rakyat masing-masing. Dengan jalan ini akan terlepaslah mereka daripada hasutan dan ancaman komunis.

## Cita-cita ASA

Satu daripada cara-cara untuk mendapatkan kerjasama di antara negeri-negeri di Asia Tenggara ini ialah dengan mengukuhkan pertubuhan ASA. Dengan demikian dapatlah rakyat Filipina, Thailand dan Malaysia hidup dalam persefahaman. Tetapi malangnya, dalam masa Tuan Macapagal menjadi presiden Filipina dahulu ASA tidak dapat berjalan lancar kerana Filipina memutuskan perhubungan diplomatiknya dengan kita.

Tetapi sekarang keadaan telah berubah setelah Tuan Marcos dipilih menjadi presiden Filipina yang baru dan persahabatan antara Filipina dengan Malaysia pun telah pulih kembali.

Thailand, memanglah selama-lamanya mempunyai perhubungan yang rapat dengan kita dalam segala lapangan, baik pun lapangan mengawal komunis, politik, ekonomi dan kebudayaan. Pada masa ASA tergendala dahulu pun, kita berusaha juga dengan Thailand untuk memajukannya seberapa yang boleh, tetapi tidaklah berjaya dengan sepenuhnya kerana ketiadaan seorang kawan. Pada 3 Ogos ini, Tun Razak akan hadir ke persidangan ASA di Bangkok sebagai ganti saya.

Sekarang kita berharap dengan kerjasama antara pemimpin-pemimpin tiga buah negara ini, dapatlah kita men-

cari jalan bagaimanakah caranya supaya ASA mencapai kejayaan. Maka dengan jalan inilah juga kita harap negeri-negeri lain dalam Asia Tenggara ini dapat mengadakan kerjasama dan perpaduan untuk faedah dan kebaikan rakyat bersama.

## Perpisahan

Semenjak persidangan agung UMNO yang lepas kita telah menghadapi satu perkara yang mendukacitakan hati saya iaitu perpisahan kita dengan Singapura. Dengan perpisahan ini maka berpisahlah kita dengan orang-orang UMNO dan Perikatan di pulau itu, dan tak dapatlah lagi kita hendak memberi pimpinan kepada mereka. Sekarang mereka terpaksalah menentukan nasib mereka sendiri, buruk atau baik.

Kerajaan Singapura yang dikatakan kerajaan bercorak demokrasi itu haruslah memberi kebebasan kepada mereka untuk berpolitik, begitulah yang kita harap-harapkan sebagaimana kita juga memberi kebebasan kepada parti-parti politik di sini yang bukan tertubuh atas dasar gerakan komunis.

Perpisahan kita dengan Singapura itu telah mendapat tentangan dari Kerajaan British dan segolongan besar ahli-ahli politik negeri itu, kerana mereka ingat perbuatan kita itu, kita tidak menyempurnakan perjanjian antara kita dengan Kerajaan British yang membenarkan Singapura merdeka dengan syarat bercantum dengan kita.

Memang tujuan kita yang utama sewaktu hendak menubuhkan Malaysia dahulu ialah bekerjasama antara satu sama lain bagi menubuhkan satu masyarakat yang aman damai. Inilah yang satu daripada perjanjian yang kita telah dapati dari Encik Lee Kuan Yew. Tetapi apabila sahaja Singapura bersatu dengan kita, maka telah timbullah dengan hebatnya segala soal berkenaan dengan perkauman, agama dan adat resam. Padahal perkara ini saya telah mengingatkan Encik Lee sebelum kita bersetuju menubuhkan Malaysia dahulu. Ini adalah satu bahaya yang besar yang boleh membangkitkan pergaduhan antara penduduk dalam Malaysia ini, dan akibatnya akan merosakkan keamanan seluruh pelosok tanah Malaysia ini.

Dengan timbulnya pergaduhan ini, maka sudah tentulah komunis akan mengambil peluang bergerak semula dalam negeri ini dengan melakukan segala keganasan yang lebih dahsyat lagi daripada apa yang kita saksikan dalam zaman darurat komunis dahulu, kerana kali ini mereka akan mendapat bantuan yang sepenuhnya daripada satu kaum yang terlibat dalam pergaduhan perkauman itu. Dengan ini Malaysia akan menjadi hancur lebur.

Orang-orang yang mengkritik langkah kita berpisah dengan Singapura itu tidak mengambil perhatian sedikit pun atas hal ini. Mereka cuma mementingkan muslihat diri mereka atau muslihat negerinya sahaja. Orang-orang yang seperti ini tidak akan mempedulikan apa yang akan terjadi pada Malaysia sekalipun terbakar hangus menjadi padang jarak padang tekukur. Jadi bagi pihak kita yang terang di atas keburukan yang akan berlaku ini tidak dapat mengelak lagi dari mengambil tindakan sebagai yang kita telah lakukan itu. Sekarang ini ada anasir-anasir yang cuba hendak membangkitkan huru-hara dengan mengungkit-ungkit masalah bahasa, tetapi ini tidaklah begitu bahaya kerana soal ini tidak berkait dengan soal perkauman, dan ini satu kewajipan bagi mereka menunjukkan taat setia pada Malaysia dengan menerima dasar nasionalisme ini.

## Imigresen

Setelah kita berpisah dengan Singapura, kita terpaksa pula mengambil langkah berkenaan dengan peraturan imigresen antara Singapura dan Malaysia. Baru-baru ini kita telah isytihar memansuhkan peraturan imigresen yang sama bagi Malaysia dan Singapura. Langkah yang kita ambil ini bukanlah sekali-kali bertujuan hendak menghalang rakyat Singapura daripada masuk ke Malaysia. Sebagai sebuah negara yang merdeka, kita mestilah menjaga keselamatan negara kita, kita mesti mengawal orang yang hendak masuk ke negara kita. Tetapi rakyat Singapura yang memegang kad pengenalan Singapura, tidaklah perlu membawa pasport atau visa, memadailah mereka membawa kad pengenalan mereka sahaja manakala masuk ke Malaysia.

Saya percaya peraturan imigresen yang baru ini tidak akan mengganggu perjalanan orang ramai yang berulang-alik di Tambak Johor itu. Kita sentiasa berikhtiar supaya peraturan imigresen yang baru ini berjalan dengan ringkas dan cepat supaya tidak mengendalakan perniagaan kedua-dua buah negeri ini. Orang ramai janganlah salah faham dengan peraturan imigresen yang baru ini, kerana peraturan ini memang menjadi amalan yang biasa dijalankan di antara negara-negara yang bebas dan berdaulat. Kita berharap supaya kedua-dua buah negara ini, Malaysia dan Singapura, akan bekerjasama lebih rapat untuk kepentingan dan keselamatan hidup rakyat bersama.

## Diayah

Berekor dari perpisahan kita dengan Singapura itu, sekarang timbul pula berbagai-bagai diayah dan hasutan-hasutan di Sarawak. Setengah-setengahnya berkata bahawa Malaya hendak memperhambakan Sarawak sebagai koloni, dan hendak bermaharajalela memaksakan orang-orang Sarawak memakai bahasa Melayu dan masuk agama Islam. Sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa perpisahan dengan Singapura ini adalah suatu perkara yang tak dapat dielakkan untuk menjaga keselamatan dan keamanan penduduk di Malaysia ini. Tetapi dengan perpisahan ini nampaknya ada pihak-pihak di Sarawak dan kuasa luar yang cuba hendak memisahkan Sarawak daripada Malaysia.

Selain itu tidak sunyi pula diayah-diayah yang kita dengar semasa Kalong Ningkan menjadi ketua menteri dan pemimpin Sarawak. Dia membesar-besarkan dan mendewa-dewakan pegawai British yang bekerja di sana dan terus terang memburuk-burukkan pegawai-pegawai Malaya dengan mengatakan pegawai-pegawai Malaya itu datang bekerja di sana kerana hendak merampas hak orang-orang Sarawak. Walhalnya segala tanda keikhlasan kita telah pun terang. Tidak kurang daripada 26 ahli Parlimen kita datangnya dari Sarawak dan dua orang daripadanya duduk dalam kabinet. Dan jika dikira dari jumlah bilangan penduduk maka wakil-wakil Sarawak ini terdiri dari 2½ kali ganda dari perwakilan negeri-negeri da-

lam Malaya yang sama bilangan penduduknya duduk dalam Parlimen Malaysia ini.

Pada masa penjajah British dahulu adakah orang-orang Sarawak mendapat tempat dalam kerajaan negeri British? Atau adakah kita telah mungkir mana-mana satu perjanjian yang telah dibuat dengan orang-orang Sarawak yang telah tertulis dalam perlembagaan Sarawak dan perjanjian Malaysia? Bahkan kalau seseorang dari Sarawak mendapat sokongan dan kepercayaan rakyat maka ia tidak terhalang sedikit pun daripada dapat menjadi perdana menteri Malaysia. Jadi di manakah timbulnya rasa tak puas hati ini?

Sekarang ini dengan kesukaan orang-orang Sarawak sendiri baik pun orang Dayak, orang-orang Cina dan Melayu, semuanya bersetuju supaya dilantik Penghulu Tawi Sli menggantikan tempat Ningkan. Penghulu Tawi Sli ini seorang yang jujur dan ikhlas dan saya percaya dengan pimpinannya akan tertanamlah semangat Malaysia dalam hati orang-orang Sarawak dan apa perasaan itu maka dapatlah orang Sarawak hidup sebagai orang-orang Malaysia dalam erti kata yang sepenuh-penuhnya.

Keadaan di Sabah, lain pula kedudukannya dari Sarawak sewaktu Ningkan dahulu. Pemimpin-pemimpin mereka jujur dan memimpin rakyat dengan baik. Rakyat Sabah sendiri memang sedar di atas tanggungjawab mereka dan perkaitan mereka dalam Malaysia ini. Dan sekarang Tun Mustafa dari Sabah telah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menjadi menteri hal-ehwal Sabah. Beliau seorang pemimpin yang terkenal dan jujur. Satu jawatan menteri muda bagi hal-ehwal Sabah akan dilantik pula tidak lama lagi.

Selain apa yang telah saya ucapkan tadi, maka ada banyak lagi hal-hal dan kemajuan yang telah dibuat oleh tiap-tiap kementerian kerajaan Perikatan. Maka di sini saya ringkaskan.

### *Pertanian*

Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, penduduk Malaysia sekarang bertambah sebanyak 3.3% setiap tahun. Ini angka pertambahan penduduk yang tinggi di du-

nia. Oleh itu tugas kerajaan sekarang bukan sahaja untuk mengimbangkan perbezaan hidup antara rakyat di dalam bandar dengan rakyat di luar bandar, tetapi juga untuk menyediakan bahan-bahan makanan, pakaian dan pekerjaan yang cukup bagi rakyat supaya setiap orang mempunyai bahagian di dalam kehidupan masing-masing.

Maka untuk mencapai tujuan inilah pihak Kementerian Pertanian telah memainkan peranan yang penting bagi memperbanyakkan penghasilan bahan-bahan makanan, dengan menggalakkan pertanian berbagai-bagai jenis dan meninggikan mutunya supaya sesuai untuk perindustrian dan hantar ke luar negeri. Saya percaya dengan usaha kerajaan ini, bukan sahaja dapat memberi makanan yang cukup kepada rakyat, tetapi juga dapat menolong memperbaiki nasib kaum petani supaya dapat hidup lebih senang dan mewah.

Baru-baru ini kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pemasaran Pertanian atau FAMA dan lembaga itu telah membuat rancangan pemasaran padi di empat buah daerah persawahan yang luas. Selain dari itu kerajaan menyediakan pula berpuluh-puluh juta ringgit untuk menolong syarikat kerjasama di dalam dan di luar bandar. Pendeknya kerajaan tidak sekali-kali mengabaikan tugasnya untuk memberi kemakmuran dan kesenangan kepada rakyat.

*Kesihatan*

Berhubung dengan kesihatan rakyat pula, kerajaan sentiasalah mengambil berat dari semasa ke semasa. Sekarang kerana timbul sungutan-sungutan rakyat tentang kakitangan-kakitangan rumah sakit, pihak Kementerian Kesihatan telah mengarahkan supaya ditubuhkan jawatankuasa muhibah antara kakitangan-kakitangan rumah sakit dan orang ramai di tiap-tiap buah rumah sakit. Dengan adanya jawatankuasa muhibah ini maka dapatlah orang ramai mengetahui hal perjalanan rumah sakit di tempat masing-masing dan tidaklah lagi timbul perasaan salah faham.

*Kebajikan Masyarakat*

Kementerian Kebajikan Masyarakat pula sedang merancang

untuk menubuhkan sebuah pertubuhan yang boleh mengelolakan penjualan barang-barang yang dibuat di rumah-rumah kebajikan dan pusat-pusat pemulihan orang-orang cacat serta yayasan-yayasan yang lain-lain lagi. Kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan akan diberi latihan khas supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada orang ramai.

*Perumahan*

Untuk mengatasi masalah perumahan pula, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan semenjak ditubuhkan telah membangunkan beribu-ribu buah unit rumah yang menelan belanja lebih dari 14 juta ringgit dan sekarang merancang untuk membina 15 rancangan rumah dan dua rancangan rumah pangsa yang menggunakan sistem "prefab". Inilah julung-julung kali rumah bentuk ini dibina di negeri ini. Baru-baru ini pula kerajaan telah melantik sebuah suruhanjaya untuk menyiasat bagi memperbaiki dan memperkemaskan perkhidmatan kerajaan tempatan, dan suruhanjaya-suruhanjaya lain lagi juga telah dilantik untuk menyiasat tentang tuduhan-tuduhan adanya kepincangan-kepincangan dalam pentadbiran Majlis-majlis Kerajaan Tempatan di Seremban dan di Pulau Pinang.

*Buruh*

Dalam masalah buruh pula, untuk menolong dan menjaga muslihat-muslihat kebajikan buruh, maka pihak Kementerian Buruh telah menyediakan satu bahagian khas untuk menyiasat kemungkinan-kemungkinan kerajaan mengadakan satu rancangan jaminan sosial. Rancangan ini adalah untuk menolong dan membantu buruh-buruh yang ditimpa kemalangan dan tidak dapat membuat kerja lagi. Sungguhpun begitu rancangan ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Pendeknya kerajaan adalah sentiasa membuat rancangan-rancangan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dari semasa ke semasa dan rancangan-rancangan ini telah mencapai kejayaan yang baik. Tetapi masih ada sebahagian orang dalam negeri ini yang menuduh kerajaan dengan berbagai-bagai

tuduhan sehingga sampai ke luar negeri. Kebanyakan dari tuduhan mereka itu adalah tidak berasas dan kewajipan kerajaan ialah berhati-hati supaya tidak terbuka peluang kepada mereka membuat tuduhan-tuduhan terhadapnya. Tidak ada seorang pun rakyat negeri ini yang dinafikan haknya untuk bercakap atau melakukan mogok atau tindakan-tindakan perusahan. Tetapi kerajaan juga mempunyai haknya untuk menjaga muslihat dan kebajikan rakyat sekalipun dalam masa ancaman hebat musuh-musuh dari luar negeri.

Di sini saya suka hendak menyatakan bahawa ramai orang Melayu yang keluar dari sekolah bertumpu ke bandar-bandar mencari kerja buruh di syarikat-syarikat perusahaan. Tetapi tentulah tidak ada pekerjaan untuk semua orang itu. Sepatutnya mereka hendaklah berusaha sendiri untuk mencari kehidupan mereka. Jangan semata-mata mengharapkan kerja jadi buruh sahaja.

*Tanah dan Galian*

Selain dari itu, untuk menolong kaum bumiputera mengambil bahagian dalam perusahaan melombong pihak Kementerian Hal-Ehwal Tanah dan Galian telah membuat laporan-laporan kepada kerajaan negeri dan nasihat-nasihat untuk menggalakkan orang bumiputera menjalankan perusahaan melombong di kawasan-kawasan yang didapati mengandungi bijih.

Oleh sebab perusahaan melombong ini memakan modal yang besar, dan kaum bumiputera tidak mempunyai kemampuan, maka kerajaan Perikatan akan menjalankan satu rancangan untuk menolong bumiputera membuka lombongnya sendiri di tanah-tanah mereka di dalam kawasan simpanan Melayu. Pertolongan ini berupa alat-alat perkakas dan jentera-jentera yang dipinjamkan kepada mereka dan pegawai-pegawai khas untuk memberi nasihat dan ajaran dalam usaha melombong itu.

Dalam perusahaan kayu-kayan pula, orang bumiputera telah bertambah banyak mengambil bahagian, akan tetapi mereka menghadapi masalah kesusahan yang sama juga, kurang modal dan kurang pengetahuan teknikal. Oleh itu sebagai satu usaha untuk menolong diri mereka, maka kerajaan

menggalakkan mereka bersatu dan bekerjasama antara satu sama lain supaya senanglah kerajaan memberi pertolongan kepada mereka.

Pihak MARA pula sedang mengatur langkah untuk menyertai perusahaan kayu-kayan itu dalam semua bahagian membalak, mendirikan kilang serta pemasaran di dalam dan di luar negeri. Maka dengan jalan ini kerajaan percaya dapat mengatasi masalah bumiputera yang kurang modal, kurang latihan dan kepandaian itu dan akan tercapailah hasrat mereka untuk maju dalam lapangan perusahaan itu.

*Perdagangan*

Oleh kerana kemakmuran Malaysia sebahagian besarnya bergantung kepada perdagangan, terutama sekali perdagangan eksport, kerajaan Perikatan telah terus-menerus menjalankan satu dasar yang bertujuan hendak menambah lagi eksport pengeluaran getah dan bijih dan juga barang-barang keluaran kilang seperti nanas dalam tin, kain, "veneer" dan kayu lapisan "plywood". Malaysia telah menghadiri beberapa forum antarabangsa untuk memperjuangkan terus, bersama dengan negeri-negeri lain yang maju, bagi mendapatkan bahagian yang besar di dalam perdagangan dan juga supaya layanan yang saksama diberi kepada eksport barang-barang mentah negeri ini.

Bagi menggalakkan eksport dan hubungan muhibah, kerajaan telah melantik beberapa penolong pesuruhjaya perdagangan. Mereka pada masa sekarang ini sedang dilatih dan akan ditugaskan untuk berkhidmat di negeri-negeri yang ada hubungan perdagangan dengan negeri ini. Ini adalah membuktikan bahawa Malaysia adalah berdiri di atas kakinya sendiri untuk membaiki kepentingan perdagangan dan tidak mengharapkan pertolongan dari luar. Untuk meluaskan perdagangan dalam negeri ini, kerajaan telah mengadakan beberapa pameran perdagangan dan satu daripadanya ialah Pameran Perdagangan Buatan Malaysia. Tujuan pameran ini ialah untuk memperkenal dan menggalakkan orang ramai menggunakan segala jenis barang-barang buatan tempatan. Adalah juga dasar kerajaan hendak mengadakan pameran se-

perti ini sekurang-kurangnya sekali setahun dan tidak berapa lama lagi satu pameran perdagangan buatan Malaysia di atas kapal akan melawat di beberapa buah pelabuhan di barat dan timur Malaysia.

Kerajaan juga bercadang hendak menubuhkan Syarikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia pada tahun ini dan sebahagian daripada saham syarikat ini akan dikhaskan bagi orang-orang Melayu.

*Pertahanan*

Dalam masalah pertahanan pula, saya suka hendak menyatakan bahawa pasukan tentera darat kita sekarang sedang diperbesarkan dan pada akhirnya akan mempunyai hampir 20 batalion dengan dibantu oleh beberapa batalion tentera wataniah. Selain dari tentera darat, maka angkatan tentera laut dan udara juga akan diperbesarkan lagi supaya kekuatan angkatan bersenjata negara kita cukup untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara dari ancaman-ancaman musuh.

Tentera-tentera kita akan mengambil alih tentera Komanwel di Sarawak dan Sabah dalam mempertahankan keselamatan di Malaysia Timur. Pengunduran tentera-tentera Komanwel dari Sarawak dan Sabah itu akan dilakukan dari satu peringkat ke satu peringkat dalam tempoh yang segera. Itu pun bergantung kepada tercapainya keamanan antara negara kita dengan Indonesia.

Dua hari yang lepas, Presiden Soekarno telah mengeluarkan pula suatu kenyataan yang keras terhadap Malaysia. Tetapi kita tidaklah payah mengambil berat akan kenyataannya itu, kerana kita percaya bahawa pihak-pihak yang suka kepada perdamaian dan keamanan akan menghormati akuan yang telah diberi kepada Tun Abdul Razak di Bangkok dahulu.

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya ucapkan terima kasih kepada pemuda-pemuda UMNO yang telah mengadakan perbarisannya sebelum persidangan ini berlangsung dan kepada kakitangan-kakitangan ibu pejabat yang telah menyiapkan segala persiapan untuk persidangan ini. Kepada

tuan-tuan dan puan-puan sidang perwakilan sekalian yang datang dari jauh dan dekat, saya ucapkan selamat datang dan selamat bersidang, semoga Allah Subhanahu wa Taala akan melimpahkan rahmat dan hidayat-Nya kepada kita semua. Amin.

"M E R D E K A"

# LAMPIRAN 2

## Memorandum to the Reid Constitutional Commission pada 12 September 1956

### POLITICAL TESTAMENT OF THE ALLIANCE

We, the Alliance, comprise the three main political parties in the Federation of Malaya; the United Malays National Organization, the Malayan Chinese Association and the Malayan Indian Congress, which have allied themselves into a single movement for the sacred purpose of achieving independence for this country. With "merdeka within four years" as our main platform, we were returned to power by the electorate at all levels from local to Federal Councils with unprecedented success. We, therefore, represent the great majority of the population of the Federation of Malaya.

The political testament, which we set out below, reflects the firm desire of the majority of the peoples of this country for a form of government which will ensure freedom, equality and unity of the new nation. We, therefore, desire that the future constitution of this country must provide for the establishment of a sovereign and fully independent state in which the people shall enjoy freedom and equality. This constitutions shall also provide for a stable democratic government and ensure peace and harmony amongst all its peoples.

### Composition of New State

This sovereign and fully independent state should be a feder-

ation of the territories of the states of Johore, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Pahang and Terengganu, and the settlements of Penang and Malacca. Accordingly, it is necessary for Her Majesty the Queen to cede her rights over Penang dan Malacca, and for Their Highnesses the rulers to waive some of their rights over their respective territories in order to establish the Federation.

Each component part of the Federation should be called a state, and the constitution should provide for the admission of other territory or territories under terms and conditions to be agreed upon by the Federal Legislature.

## Name of New State

The UMNO desires that the new state should be called MALAYSIA; the MCA would prefer the name Malaya to be retained.

## Head of State

In keeping with the dignity and prestige of a sovereign and fully independent state, Malaysia should have a head of state entitled the Yang di-Pertuan Besar, chosen by Their Highnesses the rulers from amongst themselves and shall hold office for a term of not less than three years. The Yang di-Pertuan Besar should be the constitutional head of Malaysia.

There shall at the same time be appointed by the Conference of Rulers a successor of the Yang di-Pertuan Besar to be styled as the Yang di-Pertuan Muda who shall succeed as head of state on the demise of the Yang di-Pertuan Besar.

Provision should also be made for the appointment of a successor within 24 hours in the event of the demise of both the Yang di-Pertuan Besar and the Yang di-Pertuan Muda. Should a successor not be appointed within 24 hours, provision should be made for the appointment by the cabinet of a Council of Regency from amongst the rulers.

## Their Highnesses the Rulers

In accordance with the terms of reference of the Reid Commission, Their Highnesses the rulers should continue to be

constitutional rulers of their respective states.

The Yang di-Pertuan Besar should also be the constitutional head of each of the states of Penang and Malacca. He should, however, appoint a representative (to be called pesuruhjaya) on the advice of the prime minister after consultation with the respective Executive Councils, to act on his behalf in each of these two states. Such representatives should hold office at the pleasure of the Yang di-Pertuan Besar.

## Conference of Rulers

There should be a conference of rulers presided over by the Yang di-Pertuan Besar.

## The Legislature

The legislature of Malaysia should be bicameral consisting of an upper house, to be known as the Dewan Negara, and a lower house to be known as the Dewan Rakyat.

## The Dewan Negara

The Dewan Negara would have 45 members. Each of the 11 States should have two elected representatives, and 22 prominent persons should be appointed by the Yang di-Pertuan Besar on the recommendation of the government with a view, as far as possible, to ensuring that they reflect the national pattern of life in the country, including racial minorities. A president who would preside over meetings of the Dewan Negara, would be appointed by the Yang di-Pertuan Besar.

The term of office of the Dewan Negara should be five years. Members of the Dewan Negara must be nationals of Malaysia, and at least 35 years of age.

## The Dewan Rakyat

The Dewan Rakyat should be fully elected, with a speaker to be known as the Yang di-Pertuan Dewan, who should be elected from amongst the members themselves. We, however, recommend that for the first life of the Dewan Rakyat, the speaker should be appointed by the Yang di-Pertuan Besar.

Ordinarily the maximum life of the Dewan Rakyat would

be five years but the Yang di-Pertuan Besar may exercise his prerogative to prorogue, dissolve and in the event of national crisis to extend the life of the Dewan Rakyat.

Members of the Dewan Rakyat must be nationals of Malaysia, and at least 21 years of age.

## Elections

The constitution of Malaysia should provide for parliamentary democracy, and it is therefore imperative that the Dewan Rakyat should be fully elected. The election of members of the Dewan Rakyat should be under the system of direct elections from single-member constituencies held once at least in every five years. Every national of Malaysia who has attained the age of 21 years should have the right to one vote in such election.

The 22 representatives of the state in the Dewan Negara should be elected by the members of the Councils of State from amongst themselves.

## Powers of Both Houses

The Dewan Negara and the Dewan Rakyat should have equal powers in initiating Bills, except Money Bills which should only be initiated by the Dewan Rakyat.

Bills initiated and passed by the Dewan Negara should be passed by the Dewan Rakyat before they become law. Bills initiated and passed by the Dewan Rakyat should be sent to the Dewan Negara, and, if not passed, such Bills should be sent back to the Dewan Rakyat for reconsideration.

If, after reconsideration by the Dewan Rakyat, such Bills are not passed by the Dewan Negara within a period of 12 months from the date on which they were passed by the Dewan Rakyat, they should automatically become law; in the case of Money Bills, they should automatically become law after 21 days.

## The Executive

The executive authority of Malaysia should be exercised in the name of the Yang di-Pertuan Besar by the elected government, headed by a prime minister to be known as the perdana men-

teri. There should be a council of ministers to be known as the jemaah menteri, presided over by the perdana menteri. Members of the jemaah menteri should be appointed by the Yang di-Pertuan Besar on the advice of the perdana menteri.

## The Judiciary

The judiciary should be completely independent both of the executive and the legislature.

The fountain of all justice should be the Yang di-Pertuan Besar. In the dispensation of justice, there should be, besides the subordinate courts, a High Court with appeals therefrom to the Supreme Court. All judges of the High Court and the Supreme Court should be appointed by the Yang di-Pertuan Besar to hold office till they are 65 years of age. They may, however, be removed from office by an order of the Yang di-Pertuan Besar after an address by the Dewan Rakyat, supported by the majority of the total number of members of the Dewan Rakyat and by votes of not less than two-thirds of the members present and voting, has been presented to the Yang di-Pertuan Besar for the removal of the judge on the ground of proved misbehaviour of infirmity of mind or body: provided that no proceedings for the presentation of the address shall be initiated by the Dewan Rakyat unless notice of the motion to present the address is supported by not less than one-third of the total number of members of the Dewan Rakyat.

The Supreme Court should also be vested with powers to decide whether or not the actions of both the Federal executives and legislatures are in accordance with the constitution. There should be from the Supreme Court a right of ultimate appeal to the Yang di-Pertuan Besar who, for the purpose of deciding on these appeals, should be advised by a body of law councillors especially appointed by him.

## DIVISION OF LEGISLATIVE AND EXECUTIVE POWERS BETWEEN THE FEDERAL GOVERNMENT AND STATE GOVERNMENTS

(a) General (1) The principle underlying this division of powers is that there should be a strong central

government with states enjoying responsible government and having autonomous powers in certain specified matters.

(2) Under the existing constitution, the legislative powers of the Federal government are enumerated in column (1) of the second schedule to the Federation of Malaya Agreement. The residuary powers vest in the states/settlements. It is recommended that under the new constitution, the legislative powers of the states should be stipulated and that the residuary powers should be vested in the Federal government. It is considered necessary, for the smooth and efficient running of the administrative machinery of the country as a whole, especially in times of national crisis, that the central government should have the residuary legislative powers.

(3) The legislative powers of the Federal government should continue to be as in column (1) of the second schedule of the Federation of Malaya Agreement. The states should have legislative powers in remaining matters to be specified.

(4) The states should have executive authority over matters on which the Federal government has legislative power as in column (2) to the second schedule, except in matters relating to education. Under the 1956 Education Report, the Federal government is responsible for secondary and higher education and the local education authorities are responsible for primary education as well as trade schools. In education, therefore, state governments have only supervisory power over primary and secondary education, working in conjunction with the Federal government on the one hand and local education authorities on the other.

(5) We consider that the legislative and ex-

ecutive powers of the Federal and state governments should be clearly defined. We do not consider that the provision of any consultative machinery such as the Conference of Federation Executives as existing at present would work in practice when both the Federal and State Legislatures are fully elected. It must be borne in mind that under a system of party government there is always a possibility that the party in control of the central government may be different from that in any particular state, in which event provision of formal consultative machinery in the exercise of executive powers would not be conducive to efficient government. However, this should not preclude the possibility of Federal and state governments making arrangement for purely informal consultations on matters of policy or otherwise as and when the need arises.

(b) Finance — The States should be financially autonomous whereas the power to raise revenue and the system of allocation of funds between the state and Federal governments should be as in the third schedule and part III of the Federation of Malaya Agreement.

(c) Land — (1) In matters of land administration, the federal government should have the power to acquire land anywhere in the country for any purpose of national importance after consultation with the state government concerned. Such land should vest in the Federal government, and a machinery be set up to put into effect full ownership including the right to sell or lease land so vested for Federal purpose.

(2) Any land at present reserved for a Federal purpose should vest in the Federal government and Federal government should be allowed to have titles over such land. Any land acquired

by the Federal government in future should similarly vest in the Federal government.

## State Governments

The state legislature should consist of a fully elected Council of State, with a speaker.

Executive authority should be vested in an Executive Council, which should be responsible to the Council of State and presided over by a menteri besar (chief minister) who should be appointed by the ruler of the state on the advice of the leader of the majority party in the Council of State. Members of the Executive Council should also be appointed by the ruler on the advice of the leader of the majority party in the Council of State.

## Fundamental Rights

The constitution should secure and guarantee the fundamental rights normally enjoyed by free peoples, based on:

(1) Freedom of speech and expression.
(2) Freedom of assembly.
(3) Freedom of worship.
(4) Freedom from want.
(5) Freedom from fear.

## Principles of National Policies

It is the objective of the Alliance Movement to ensure that the new nation should be prosperous and contented. Therefore, it is desirable to write into the constitution that, to achieve this aim, the government should endeavour to:

(a) Promote a sound social order and the welfare of the people;
(b) Remove illiteracy and provide free and compulsory primary education

Born Outside Malaysia — sia after declaration of independence and whose father at the time of the child's birth is a national should be eligible to become a national. There should be a system of registration after independence at consulates, legations and embassies of Malaysia abroad.

(d) Wife of a National — A woman who is a legal wife of a national should be entitled, on making application therefore to be registered as a national.

(e) Minor Children of Nationals — We also recommend that a person below the age of 21 born of a father who at the date of his birth was not a Federal citizen under the Federation of Malaya Agreement 1948 but who subsequently acquired such citizenship or nationality shall after the date of independence become a national upon registration if he is ordinarily resident in the country.

(f) Acquisition of Nationality by Naturalization — In the future independent Malaysia, those aliens who wish to become nationals must comply with the following qualifications:

(1) Be 21 years of age or above;
(2) Be of good character;
(3) Take the oath of allegiance and abjure allegiance to any other power or nation.
(4) Declare intention to reside here permanently;
(5) Have resided here for 10 out of the 12 years immediately preceding date of their application;
(6) Have a reasonable knowledge of Malay.

(g) Transitional Provisions — However, we recognise the fact that a large alien population exists in the Federation of Malaya, and that the continued existence of such an element will not be in the interests of national unity. We consider it is vital to such uni-

ty that the nationals of the independent Federation should comprise all those who genuinely desire to make the Federation their home and the object of their undivided loyalty. We, therefore, consider it imperative as a step towards solving our alien population problem and in the interests of national unity, that in the case of these existing aliens there should be some relaxation of the qualifications to encourage those who genuinely desire to be nationals of this country to make this their home and the object of their undivided loyalty. For these existing aliens, therefore, we propose the following provisions:

(h) Those Born Here Before Independence

Those born in this country before independence should be entitled on registration to become nationals, provided they:

(1) Were born here and are 18 years of age or more;
(2) Are of good character;
(3) Take the oath of allegiance and abjure allegiance to any other country or nation;
(4) Declare intention to reside here permanently;
(5) Have resided here for five out of the seven years immediately preceding date of their application;
(6) Have a simple knowledge of Malay.

For the above category of aliens the language qualification should be waived for a period of one year following the date of independence. The MIC, however, would prefer the period to be two years.

(i) Those Not Born Here but

Those aliens who were not born in this country but have been resident here before and up to the date of independence should also be

are Resident Here Up to Date to Independence

eligible to become nationals, provided they:

(1) Are 18 years of age or more;
(2) Are of good character;
(3) Take the oath of allegiance and abjure allegiance to any other country or nation;
(4) Declare intention to reside here permanently;
(5) Have resided here for eight out of the 12 years immediately preceding the date of application;
(6) Have a simple knowledge of Malay.

For the above category of aliens, the language qualification should be waived for a period of one year from date of independence for those above the age of 45 years. The MIC, however, would prefer the period to be two years, for all aliens in this category.

RENUNCIATION OF NATIONALITY

We recommend that provision should be made for nationals who are of full age and capacity to renounce their nationality by making a declaration to that effect.

DEPRIVATION OF NATIONALITY

We recommend that provision should be made for deprivation of nationality in any case where a national

(a) voluntarily acquires the nationality or citizenship of another foreign state or country; or
(b) being a woman who has acquired nationality by reason of her being a legal wife of a national, marries a man who is not a national and requires his national status;

or, having obtained nationality by naturalization

(c) has shown himself by act or speech to be disloyal or disaffected towards the state; or

(d) has done any voluntary act which is incompatible with his loyalty to the state; or

(e) has obtained naturalization by fraud, false representation or concealment of a material fact.

We also recommend that no national should be deprived of his nationality for any of the reasons set out above, if as a result of such deprivation he would have no national status.

In accordance with the principles of national justice, provision should also be made to give any national against whom an order for deprivation is proposed to be made the right to require that his case be referred first to a committee of inquiry.

SPECIAL POSITION OF MALAYS

While we accept that in independent Malaysia, all nationals should be accorded equal rights, privileges and opportunities and there must not be discrimination on grounds of race or creed, we recognize the fact that the Malays are the original sons of the soil and that they have a special position arising from this fact, and also by virtue of the treaties made between the British government and the various sovereign Malay states. The constitution should, therefore, provide that the Yang di-Pertuan Besar should have the special responsibility of safeguarding the special position of the Malays. In pursuance of this, the constitutions should give him powers to reserve for Malays a reasonable proportion of lands, posts in the public service, permits to engage in business or trade, where such permits are restricted and controll-

ed by law, government scholarships and such similar privileges accorded by the government; but in pursuance of his further responsibility of safeguarding the legitimate interests of the other communities, the constitution should also provide that any exercise of such powers should not in any way infringe the legitimate interests of the other communities or adversely affect or diminish the rights and opportunities at present enjoyed by them.

DEFINITION OF MALAY

For the purpose of providing for the special position of Malays, it is necessary to have a definition of Malay. The privileges derived from the special position outlined above are intended only for existing nationals of Malay descent and their descendents. We therefore suggest the following as a definition:

"A person shall be deemed to be a Malay, if

(1) He practises the religion of Islam;
(2) He habitually practises Malay customs;
(3) He habitually speaks the Malay language; and
(4) He is a person, or the descendant of a person, who at the commencement of this constitution

   (a) was domiciled in the Federation of Malaya, *or*
   (b) had been born in the territories comprised in the Federation of Malaya, *or*
   (c) had been born of parents one of whom had been born in the territories comprised in the Federation of Malaya.

GENERAL PROVISIONS

*Language:* We are *all* agreed that MALAY should be the national and official language of MALAYSIA.

We are further agreed that this recommendation should not prejudice the Alliance policy of preserving and sustaining other languages in the education system of the country.

The UMNO considers that the present system of the use of English in the conduct of government business should continue for a maximum period of 10 years or for such shorter period as the legislature may decide.

The MCA and MIC, however, consider that it is not unreasonable to allow at the very least, the use of English, Kuo-Yu and Tamil in councils with the permission of the chairmen or speakers for a minimum period of ten years and thereafter until such time as the legislature should decide that the use of languages other than Malay is no longer necessary.

They also consider that the present system of the use of English and other languages in the conduct of government business should be continued until the legislature should consider it to be no longer expedient or necessary.

*Religion:* The religion of Malaysia shall be Islam. The observance of this principle shall not impose any disability on non-Muslim nationals professing and practising their own religions, and shall not imply that the state is not a secular state.

**Good Character**

For the purpose of an application for naturalization a person shall be deemed to be of good character if he has not within the three years immediately preceding the date of his application been sentenced to death or to imprisonment, by whatever name called for a

term exceeding 12 months for a criminal offence and has not received a free pardon.

**Evidence of Birth**

In connection with the nationality provisions, we are fully conscious of the difficulties which have been met with in the past in providing acceptable evidence of birth, in cases where proper birth certificates cannot be produced.

We recommend that in the regulations and rules to be made for carrying into effect the new provisions for nationality, suitable provision should also be made for statutory declarations by the applicants to be acceptable as evidence of birth whenever proper birth certificates cannot be produced.

AMENDMENTS TO THE CONSTITUTION

Amendments to the constitution shall only be made if

(1) At least two-thirds of the total members of both houses (present and not present at the appropriate meeting) approve of the amendments.

and

(2) At least two-thirds of the State Legislatures also approve by simple majority vote such of the amendments as may affect the rights of the states.

## LAMPIRAN 3

## Perutusan YTM Tunku Perdana Menteri Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan 31 Ogos 1959

On the second anniversary of Merdeka I wish to express my thanks to Malayan newspapers for their cooperation and understanding in the past, and in particular for the mutual belief they share with me – that striving for national unity is a matter of first importance, the only basis, in fact, for a happy and prosperous Malaya.

Newspapers have done their best and of their own free will to bring this basic truth home to the people. By doing this they have performed a national service, of great value to all those Malayans who are able to understand.

But as we have learned recently there are many people in our country, particularly in remote areas, who do not read because they rarely see newspapers. They depend for their information of what is going on in the country on the spoken word, getting their news as they have done for centuries past.

It must be one of our principal tasks in the next few years of Merdeka to educate people such as these, in fact people everywhere, so that they can have a greater appreciation and understanding of what their Government is doing for them and the reasons why. Increased knowledge on these lines of adult education will serve our cause of national unity.

Another great asset in achieving unity among the diverse people of the Federation is the national language. There must be wider study and wider use of Malay in the daily lives of our

people. I do not mean that they should sacrifice their mother-tongues, but that they must also do their best to think and talk in the common language. All must be agreed on this.

There is no doubt at all that one of the most significant factors in achieving national duty will be frequent and daily use of our national language. I am very glad indeed to note that some newspapers have been publishing lessons in basic Malay. This is most laudable and very patriotic. I hope other newsapers in all languages will follow suit.

For the next five years there will be one theme I will always repeat – national unity must be achieved at all costs. This is not the task of one party, it is the task of all parties; this is not the duty of one person, it is the duty of all persons. There are some politicians who have made use of undemocratic methods to divide the country, either on race or religious issues. It is time they realised how dangerous this can be.

We in the Alliance Government, and I as their leader, have always stressed the importance of harmony and goodwill among our people. Our sweeping success in the elections proves that the people, no matter what else they argue about, are all agreed on this. They know that if we are to build a nation in unity, we must live and work together in our diversity.

On this Merdeka anniversary, I would like to express my gratitude for the confidence the people have shown in me and my party. I can say here and now that our return to office will mean returns for them. We take fresh inspiration from their renewal of faith, we will show new impetus in carrying out our plans for progress, and we shall keep always alight and glowing our ideal of unity in diversity for the good of our nation.

31st August 1959. (TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA)

# LAMPIRAN 4

فرجمفأن عالم علمأ سملايا

يغتله داداكن دبندر مهاراني موار

جوهر

فد 21 دان 22 فيبرواري 1950

يأيت دباوه انجوران فرتوبهن كبغسأن ملايو برساتو

فرسيداغن ايت تله دفغروسيكن اوله يغبرحرمة توانحاج محمد نوح بن عمر دان ستيأوسهاڽ اياله أ. احمد بن يعقوب

وكيل٢ يغحاضير:—

| | | |
|---|---|---|
| 1. | يوسف بن عبدالرحمن | خمعية الدعوة الا سلاميه سيڠافورا. |
| 2. | محمد يونس بن حسن لنجاري | لمباڬ ݢورو٢ اݢام سيڠافورا. |
| 3. | حاج نيك محمد عارف دأود | مجليس اݢام اسلام كلنتن. |
| 4. | حاج اسحاق الفاضل عمر | مجليس اݢام اسلام كلنتن. |
| 5. | حاج عبدالوهاب | فركمفولن اومة اسلام كوالا لمفور سلاڠور. |
| 6. | حاج مسعود | ” ” ” ” ” |
| 7. | عبدالجليل بن حاج حسن | جباتن اݢام جوهر. |
| 8. | حاج محمد امين بن عمران | جوهر بهارو، كوت تڠڬي دان مرسيڠ جوهر. |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | محمد بن حاج ادريس | امنو موار تغكق جوهر. |
| 10. | حاج عثمان بن حاج محمد سعيد | امنو باتو فهة دان كلواغ جوهر. |
| 11. | عبدالغاني بن حاج قاسيم | امنو سݢامة جوهر. |
| 12. | محمد افندي بن يعقوب | امنو فونتيان جوهر. |
| 13. | محمد ياسين بن احمد | لجنه موار جوهر. |
| 14. | عيدروس بن عبدالله | " " ". |
| 15. | حاج ابراهيم بن محمد صاليح | ݢورو٢ بهاس عرب. |
| 16. | محمد لازم بن حاج صائم | |
| 17. | محمد صاليح بن علوي | فكاتن اسلام جوهر. |
| 18. | حاج هاشيم بن حاج طالب | سرمبن نݢري سمبيلن. |
| 19. | حاج عثمان بن حاج طالب | رمبو نݢري سمبيلن. |
| 20. | عبدألعزيز بن حاج يونس | كوالا فيله نݢري سمبيلن. |
| 21. | نورادين بن هاشيم | " " " |
| 22. | محمد محبوب بن يونس | فرسكتوان ݢورو٢ قرأن نݢري سمبيلن. |
| 23. | احمد دحلان بن حاج عبدالمنان | كوالا سلاغور. سلاغور. |
| 24. | حاج حسن بن حاج عبس | وكيل جباتن اݢام سلاغور كلغ سلاغور. |
| 25. | يغبرحرمة فاتح اخر | " " " " " " |
| 26. | ابراهيم بن حاج محمد طالب | اولو سلاغور، سلاغور. |
| 27. | احمد رملي بن سعد | كلغ، سلاغور. |
| 28. | حاج عبدالعزيز بن حاج ابو بكر | اولو سلاغور، سلاغور. |
| 29. | داتوء أسمعيل بن محمد شاه | كوالا سلاغور، سلاغور. |
| 30. | حاج محمد رازي بن ابو حنيفه | هيلير فيرق، فيرق. |
| 31. | سليمان بن محمد طيب | مجليس علمأ هيلير فيرق، فيرق. |

| | | |
|---|---|---|
| 32. | حاج ايوب | امنو فيرق. |
| 33. | حاج حسين بن حاج أدول | فرساتوان علماء قدح. |
| 34. | حاج عثمان بن حاج محمد يوسف | وكيل فرساتوان علماء قدح. |
| 35. | استاذ يحيا | وكيل امنو بهاكين قدح. |
| 36. | صاليح عثمان | وكيل امنو بهاكين فرليس. |
| 37. | حاج احمد بكر | وكيل امنو سبرڠفراي. |
| 38. | حاج احمد مختار بن حاج يوسف | وكيل امنو فولو فينڠ. |
| 39. | حاج محمد فوأد بن حاج حسين | وكيل امنو ترڠكانو. |
| 40. | حاج عبدالمجيد سالم | امنو بهاكين ملاك. |
| 41. | عبدالغاني بن عبدالمجيد | " " " |
| 42. | حاج عبدالواحيد بن عثمان | " " " |
| 43. | لوب بن حاج جمال الدين | وكيل امنو سابق برنم |
| 44. | اسمعيل عمر بن عبدالعزيز | وكيل فرسكتوان فنتوة٢ مصير سلاڠور. |
| 45. | السيد جعفر بن عبدالرحمن | فكاتن اسلام مصر، جوهر. |
| 46. | حاج علي محمد صاليح | مجليس فنصيحة اسلام سيڠافورا. |
| 47. | سيد ابو بكر | مجليس علمأ سيڠافورا. |
| 48. | حاج زوبير بن حاج محمد امين | كساتوان ملايو سيڠافورا. |
| 49. | ابراهيم عمر السقاف | مجليس فنصيحة سيڠافورا. |
| 50. | حاج احمد بن حاج عبدالفاهم | فنتوة ملايو مكه، سبرڠفراي. |
| 51. | حاج اشعياء بن عبدالمجيد | مجليس علماء فيرق. |

كفوتوسن٢ يڠدامبيل :—

| | |
|---|---|
| چداڠن درفد | فركارا٢ ث |

1. توانحاج محمد امين بن عمران   تله سمفيله مساٴ مستحق نكري٢ ملايو

| | |
|---|---|
| وكيل امنو بهاڬين جوهر بهارو، كوت تڠڬي دان مرسيڠ | اين مڠاداكن مجليس فرهوبڠن مڠندوڠي كتوا٢ جباتن دان كتوا٢ مجليس اڬام باڬي مرونديڠكن فركارا٢ اڬام يڠ مڠنأي اورڠ٢ اسلام سفاي فرجلانن حال احوال اڬام دافة دسمڤكن دسلوره تانهملايو.<br>كفوتوسنن :—<br>دفرستوجوكن دڠن اونديڤن 21 لاون 17 سوارا. |
| 2. يڠمليا سيد ابراهيم بن عمر السقاف وكيل مجليس اسلام فنصيحة كراجأن سيڠافورا. | فاتوة داداكن كوليج اسلام سملايا.<br>كفوتوسنن :—<br>دفرستوجوكن سفاي دديريكن كوليج اسلام سملايا دڠن اونديڤن 45 لاون 4 سوارا. |
| 3. توانحاج زوبير بن حاج محمد امين وكيل كساتوان ملايو سيڠافورا. | مرايوكن كفد كراجأن سعودي كيراڽ مڠورڠكن چوكي٢ حاج يڠ برليفة ڬندا دان تمفة لايانن يڠبأيك ترهادف كفد اورڠ٢ حاج دماس يڠاكنداتڠ.<br>كفوتسنن :—<br>دفرستوجوكن دڠن سبولة سوارا يأيت چارا٢ هندق مرايوكن فركارا اين كفد كراجأن سعودي ايت دسرهكن كفد جواتنكواس. |
| 4. يڠمليا سيد ابوبكر بن طه السقاف وكيل جمعية الدعوة الاسلامية سيڠافورا. | مڽاتوكن هاري فواس دان كدوا٢ هاري راي دانلاين٢ مڠيكوة قانون شرعي<br>كفوتوسنن :—<br>يأيت مجليس عالم علماء اين تله برستوجو |

| | |
|---|---|
| | مپاتو دان ميماكن مسئله سهاريبولن فواس دان هاريراي دانتارا سکل۲ نگري ددالم ملايا اين دغن ميرهکن فرکارا۲ مپوسون دان ممبحثکن کفد مجليس فرهوبغن ملايا بغاکن داداکن کلق دان جوک مموهن کفد دولي۲ يغمها مليا ممرنتهکن کفد کتوا۲ اکام جباتن دان يغدفرتوا مجليس اکام دان عادة استعادة ملايوث فد ميلغگاراکن کتتافن اين دان نگري۲ يغتياد براج ملايو مک ترسره کفد يغدفرتوا مجليس اکام نگري ايت. |
| 5. يغبرحرمة أ فاتح اخر وکيل جباتن اکام سلاغور–کلغ. | مپاتوکن سوکاتن فلاجران اکام سکوله۲ عرب دان مغاداکن فراتورنث.<br>کفوتوسنث :—<br>تله دتاريق باليق کران تله ترماسوق ددالم کولوغن اجندا ( 1 ) يغتله دفوتسکن ددالم مجليس علمأ فد 21 فيبروراري 1950. |
| 6. توانحاج عثمان بن حاج طالب وکيل امنو بهاکين رمبو نگري سمبيلن. | فاتوة فرسيداغن علماء اين ممبري کتتافن مغاداکن سوات جواتنکواس فندعاية أنتوء ميمفيکن سروان اکام کفد اورغ اصلي (ساکي) دسلوره سمننجوغ تانهملايو مغاداکن رسالة يغبرکون کفد عموم دان مغاداکن خطبه جمعة منورة کهندق ماس.<br>کفوتوسنث :—<br>بهوا مجليس مشوراة عالمء يغبرسيداغ فد 22/2/50 بکيان يغتلة دچادغکن اوله واکيل امنو ترغکانو: برستوجو ماعترافکن |

جمعية الدعوة الاسلامية كمدين درفد اين هندقله دفربواة فرهوبغن دغن جمعية الاسلامية سفاي جمعية ايت ممبواة رنچاغن بكرجسام باݢي ملقسناکن توجوان۲ مپاركن سروان اݢام سلواسن۲. ياءيت 43سوارا برستوجو لاون 12 6 سوارا تيدق مغوندي.

7. وكيل امنو فولو فينڠ.

مغشوركن سفاي مجليس عالم علماء منتوة كفد كراجاءن تانهملايو مغاداكن جباتن اݢام اسلام دفولو فينڠ دان ملاکٌ سطرف دغن فجابة اݢام اسلام نݢري۲ ملايو.

كفوتوسنن :—

دغن سبولة سوارا ممفرستوجوكن اتس چادغن وكيل امنو فولو ڤينڠ يڠترسبوة.

8. وكيل امنو بهاݢين كوالا لاڠة.

مموهون كفد فيهق يڠبركواس مغاداكن درما فلاجران باݢي انق۲ ملايو يڠلايق كلوار نݢري اتو كسكوله تڠݢي (يونيبرسيتي اݢام).

كفوتوسنن :—

مجليس فرسيداڠن عالم علماء اين مغمبيل كفوتوسن اكن ممباوا كفد كراجاءن نݢري۲ ملايو (بوكن فيديرال) بݢي مغاداكن درما فلاجران تڠݢي اݢام اسلام باݢي فنتوة۲ بلاجر دلوار نݢري دغن اوندي 31 سوارا لاون 10. (2) هندقله داداكن سكوله۲ اݢام سبله فتڠ فد تيف۲

تمفة يغاد فداڽ سكوله ملايو.

كفوتوسنڽ :—

برستوجو دتريما چداغن وكيل امنو كوالا لاغة ايت دغن 21 سوارا.

(احمد بن يعقوب)

ستياءوسها فرجمفاءن علماء سملايا

چداغن٢ كدالم فرسيداغن عالم علماء سملايا

فد 23 اوكس ة 1951

دسلطان سليمان كلب كوالا لمفور

| بيلاغن | چداغن٢ | فنچادغ | باكي فيهق |
|---|---|---|---|
| 1 | مغولغكاجي كفوتوسن فرسيداغن علماء دموار | فغروسي جواتنكواس فنصيحة اكام امنو | امنو سملايا |
| 2 | منوبهكن فرساتوان علماء سملايا | " " " | " " |
| 3 | لمبك نصيحة اورغ٢ حاج يغاد سكارغ دسلوروه ملايا هندقله دمنسوخكن دان هندقله دتوبهكن ساتو لمباك سهاج تيف٢ سبواه نكري. مك اهل٢ڽ هندقله دجمفوة | حاج احمد مَالِكِ | امنو بهاكين سبرغفراي. |

*sambungan*

| بيلاغن | چداغن٢ | فنچادغ | باكي فيهق |
|---|---|---|---|
| | درفد اهل٢ امنو بهاكين نكري ايت. | | |
| 4 | هندقله فرجمفأن عالم علماء سلوروه ملايا اين ممبواة كتتافن منتوة كفد كراجاءن منجوكنكن كفل٢ اورغ حاج يغ دفيليه اوله لمباك حاج تيف٢ نكري. | اج | اج |
| 5 | بهوا مجليس عالم علماء يغبرسيدغ هاري اين مغمبيل كتتافن ياءيت منتوة كفد فيهق يغ بركواس يونيبرسيتي اوف ملايا مغاداكن ساتو كروسي خاص عرب دالم يونيبرسيتي ايت. | | امنو بهاكين كوالا فيله. |
| 6 | بهوا عالم علماء يغبرسيدغ فد هاري اين برستوجو منوبهكن ساتو بدان باكي مبياركن فلاجران٢ اوكام دغن ملالوءي بهاكين امنو چواغن٢ث. | | اج |
| 7 | كراجاءن فرسكتوان تانهملايو هندقله مغاداكن ساتو جواتن منتري اكام باكي فرسكتوان تانهملايو. | ؟ | امنو بهاكين سرمبن |

*sambungan*

| بيلاڠن | چداڠن٢ | فنچادڠ | باڬي فيهق |
|---|---|---|---|
| 8 | هندقله فرجمفاءن عالم علماء هاري اين مغمبيل كفوتوسن دان كتتافن ياءيت سكلين زكاة فطرة هندقله دجالنكن كوتيفن اوله كراجاءن باڬي تيف٢ نڬري دان واڠ ايت دكوناكن أنتوء مصليحة اكام سباڬي منديريكن سكوله٢ دان مسجيد٢. | حاج ربني بن حاج محمود | فرساتوان ملايو دأيره سابق برنم. |
| 9 | مپاتوكن فواس دان هاريراي سلوروه ملايا | حاج شريف بن حاج محي الدين | امنو بهاڬين اولو سلاڠور. |
| 10 | امنو ملايا فاتوتله مڠاداكن ساتو لمبڬ يڠ مڠلولاكن حال احوال اكام سهاج. | حاج شريف بن حاج محي الدين | امنو بهاڬين اولو سلاڠور |
| 11 | بهوا فرسيداڠن مجليس علماء اين مغمبيل كتتافن مندسق فجابة اكام اسلام تيف٢ كراجاءن | توان عبدالغني بن حاج محمود | امنو بهاڬين تمفين |
| 12 | مندسق كراجاءن فرسكوتوان تانهملايو سفاي ممبري كواس فنوه كفد فجابة اكام مان٢ فجابة يڠبلوم دافة كواس. | اج | اج |
| 13 | منتفكن چوتي هاريراي | ؟ | امنو بهاڬين سرمبن |
| 14 | بهوا مسلم وينفير كوميتي سلاڠور ممندڠ اداله فبلهن | حاج مسعمد هيتمي | امنو بهاڬين سرامبن مسلم |

*sambungan*

| بيلاغن | چداغن٢ | فنچادغ | باکي فيهق |
|---|---|---|---|
| | ميت٢ اسلام يغدلاکوکن سماس اين٢ ميکوغ اکام کيت يغسوچي، اوله ايت هندقله درنتيکن اتو جاغن دبله. | | ويلفير کوميتي سلاغور. |
| 15 | سسئورغ يغ هندق برکهوين دکناکن تيف٢ سئورغ /$10 دان برچري /$5. واغ ايت دسرهکن کفجابة اکام. | حاج عبدالقهار بن عبدالجبار | مجليس علماء چواغن تنجوغ ماليم. |
| 16 | سئورغ يغ ممنت تانه بهارو اتو برجوال تانه کراجأن مموتوغ واغ ايت سباپق /$10 واغ ايت دسرهکن کفجابة اکام. | اج<br>:— فرسکوتوان بيت المال مان يغ | اج<br>تانهملايو مغاداکن بلوم اد. |
| 17 | امنو بهاݢين ملاک مغمبيل کتتافن دمنتا مجليس فرجمفاءن علماء اين برسام٢ ميوکوغ فرمنتاءن امنو ملاک سفاي کراجاءن فرسکوتوان تانهملايو منوبهکن مجليس فنصيحة اسلام ددالم نݢري ملاک. | داتوء دمغ حاج عبدالمجيد بن حاج حسين. | امنو بهاݢين ملاک. |
| 18 | اوله کران انداغ٢ تانه فساک 215 يغبرجالن قوانکواسئ | توانحاج عثمان بن طاعة | امنو بهاݢين رمبو |

*sambungan*

| بيلاڠن | چداڠن٢ | فنچادڠ | باكي فيهق |
|---|---|---|---|
| | درمبو ايت برلاوانن دان برتنتاڠن دڠن حكم اكام اسلام، مك مجليس مشوارة اين مڠمبيل كتتافن ممندڠ دڠن برتڽ اكن تيندقن علماء امنو بهاڬين رمبو فد ممبطل انداڠ٢ ايت. | | |
| 19 | بهوا مجليس مشوارة اين مڠمبيل كتتافن مندسق كفد كراجاءن نكري٢ ملايو سفاي فرتدبيران اكام اسلام ايت دفولڠكن فرتدبيرانڽ كفد فجابة اسلام سنديري. | اج | اج |
| 20 | لوتري امنو ملايا | فڠروسي جواتنكواس فنصيحة اكام امنو ملايا. | امنو ملايا. |
| 21 | امنو بهاڬين تڠكق مندسق مجليس مشوارة علماء سفاي كراجأن دفرسكتوان تانهملايو دالم تيف٢ نكري مڠاداكن فجابة دعايه بهاڬين اكام اسلام سفرت يڠتلاه دبواة اوله فيبار اكام كريستيان ملايا. | استاذ احمد بن ارشد | امنو بهاڬين تڠكق. |

*sambungan*

| باکي فيهق | فنچادغ | چداغن۲ | بيلاغن |
|---|---|---|---|
| اج | اج | امنو بهاکين تغکق مندسق مجليس مشوارة عالم علماء سفاي کراجاءن دفرسکتوان تانهملايو مغهافوسکن سام سکالي اکن فنجم۲ واغ (Money Lender) يغبربوغا، کران دفندغ اکن فنجم۲ واغ ايت لنته دارة دان مروسقکن مرواه اورغ۲ براݢام اسلام دانلاينڽ. تمباهن فول نݢري اين نݢري اسلام، دمان فنجم ممنجم دغن مغناکن رباء ايت ساغة۲ کجي دان حارم دسيسي اݢام. | 22 |

# LAMPIRAN 5

## Pernyataan Persidangan Tahunan Mesyuarat Wanita UMNO di Pulau Pinang pada 15 Oktober 1954

### PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

### P E R I N G A T A N
### PERSIDANGAN TAHONAN MASHUARAT WAKIL2 AHLI2 PEREMPUAN UMNO TELAH DI-ADAKAN DI-RUMAH UMNO BAHAGIAN PULAU PINANG PADA 15 OKTOBER 1954 PADA PUKOL 2.30 PETANG

---

**YANG HADZIR**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Che | Aishah binti Abdul Ghani | Bahagian | Kuala Lumpur. |
| 2. | " | Mahabi binti Abdullah | " | " " |
| 3. | " | Safiah binti Sulaiman | " | Johore Bahru. |
| 4. | " | Sadiah Sa'don | " | " " |
| 5. | " | Halimah binti Idris | " | Kota Bahru, Kelantan. |
| 6. | " | Chik binti Md. Saman | " | Kota Bahru, Kelantan. |
| 7. | Puan | Sharifah binti Az-Zahir, J.P. | " | Pulau Pinang. |
| 8. | Che | Dasimah binti Dasir | " | " " |
| 9. | " | Hussainbee binti Che Din | " | " " |
| 10. | " | Amna Ilias | " | Kluang, Johore. |
| 11. | " | Siti Khatijah binti Ibrahim | " | " " |
| 12. | " | Mariam binti Haji Ahmad | " | Kedah Selatan. |
| 13. | " | Chik | " | " " |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 14. | " | Safiah | " | Pahang Selatan. |
| 15. | " | Hasnidar binti Adam | " | Parit Perak. |
| 16. | " | Mahimoon binti Haron | " | Pahang Timor. |
| 17. | " | Rahmah binti Musa | " | " " |
| 18. | " | Rosenah binti Md. Yunus | " | Singapore. |
| 19. | " | Safiah binti Hakim | " | Seberang Perai. |
| 20. | " | Zubaidah Azam binti Haji Md. Ali | " | " " |
| 21. | " | Rahimah binti Haji Idris | " | Kuala Kangsar. |
| 22. | " | Safiah binti Mohammed Akib | " | Pontian, Johore. |
| 23. | " | Shahrom binti Sheik Mohammed | " | Perlis. |
| 24. | " | Sawiah binti Maimoon | " | " |
| 25. | Tunku | Kalthom binti Tunku Muda | " | Kuala Pilah, N.S. |
| 26. | Che | Hasmah binti Radin Budin | " | Kedah Utara. |
| 27. | " | Halimah binti Haron | " | " " |
| 28. | " | Rajimah binti Mohammed Sulong | " | Pahang Barat. |

## UCHAPAN YANG DI-PERTUA

Yang Di-Pertua UMNO Tunku Abdul Rahman memberi uchapan pembukaan.

## MELANTEK PENGROSI

Wakil Perlis, Che Shahrom menchadangkan dan di-sokong oleh wakil Seberang Perai, Che Safiah binti Hakim ia-itu Che Safiah binti Sulaiman wakil Johore Bahru menjadi Pengrosi.

Wakil Kedah Utara Che Halimah binti Haron menchadangkan dan di-sokong oleh wakil Kuala Kangsar, Che Rahimah binti Haji Idris ia-itu Che Shahrom wakil Perlis menjadi Pengrosi.

Majlis telah bersetuju Che Safiah binti Sulaiman menjadi Pengrosi.

## MENGENALKAN AHLI2 MASHUARAT

Pengrosi telah memperkenal-kan Ahli2 Mashuarat kepada Majlis Persidangan.

## MENGESAHKAN PER-INGATAN MASHUARAT

Wakil Perlis, Che Shahrom binti Sheik Mohammed, memchadangkan iaitu Per-ingatan Mashuarat yang telah di-adakan pada 11 September 1953, di-Alor Star, Kedah, di-sahkan.

Wakil Kuala Kangsar, Che Rahimah binti Haji Idris, menyokong.

Pengrosi mengemukakan kepada majlis bagi diundi. Majlis bersetuju per-ingatan Mashuarat itu di-sahkan.

## UCHAPAN NAIB YANG DI-PERTUA (PEREMPUAN)

Tidak ada uchapan Naib Yang Di-Pertua (Perempuan).

Dengan persetujuan majlis, Che Katijah Siddek di-pinta memberi uchapan sebagai Setia Usaha Hal Ihwal Kaum Ibu UMNO.

## UCHAPAN PENGROSI

Pengrosi memberi uchapan pesanan kepada majlis dengan ringkas.

## MEMBENTANGKAN KERTAS MASHUARAT BIL: 1/54

Kertas mashuarat Bil: 1/54 – Penyata Tahun 1953/54 telah dibentangkan.

## CHADANGAN2 YANG DI-TERIMA LEBEH DAHULU

Wakil Kuala Lumpur Che Aishah binti Abdul Ghani, menchadang dan di-sokong oleh wakil Kuala Kangsar, Che Rahimah binti Haji Idris:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Wakil2 Ahli2 Perempuan UMNO yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan ia-itu mendesak UMNO/Malaya supaya memberikan 5 korsi kepada Kaum Ibu untok ikut bertanding dalam Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu yang akan datang."

Wakil Seberang Perai, Che Safiah binti Hakim menchadangkan pindaan ia-itu perkataan "5 korsi" itu dibuang digantikan dengan perkataan "korsi 2".

Chadangan ini telah di-sokong. .

Wakil Kuala Lumpur menerima pindaan itu.

Wakil Perlis, Che Sawiah binti Maimun, memberi uchapan.

Wakil Pulau Pinang, Che Dasimah binti Dasir memberi uchapan.
Wakil Kedah Utara, Che Zubaidah Azam binti Radin Budin memberi uchapan.
Wakil Kuala Kangsar, Che Rahimah binti Haji Idris memberi uchapan.
Wakil Parit, Perak, Che Hasnidar binti Adam memberi uchapan.

Pengrosi mengemukakan chadangan ini bagi di-undi.
Yang bersetuju = 17 suara.
Yang tidak bersetuju = 3 suara.

Chadangan ini di-persetujukan.

Wakil Kuala Lumpur, Che Aishah binti Abdul Ghani menchadangkan dan di-sokong oleh wakil Kuala Kangsar Che Rahimah binti Haji Idris:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Wakil2 Ahli2 perempuan UMNO yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan ia-itu mendesak UMNO/Malaya supaya mengadakan Bahagian2 Kaum Ibu UMNO yang tersendiri untok mengelolakan soal2 Kemajuan dan Kebajikan dalam masharakat Kaum Ibu."

Wakil Seberang Perai, Che Safiah binti Hakim memberi uchapan.
Wakil Pulau Pinang, Che Dasimah binti Dasir memberi uchapan.
Wakil Kedah Utara, Che Hasmah binti Radin Budin memberi uchapan.
Wakil Pahang Barat, Che Rajimah binti Md. Sulong memberi uchapan.
Pengrosi mengemukakan chadangan bagi di-undi.

Yang bersetuju = 8 Suara.
Yang tidak bersetuju = 9 Suara.
Chadangan ini tidak di-persetujukan.

## PERKARA MUSTAHAK

Wakil Pulau Pinang, Che Dasimah Dasir, meminta kebenaran pengrosi kerana hendak membawa suatu perkara mustahak

untok di-bahath, (mengikut Peraturan dan Atoran Mashuarat No. 71 dan 72).

Chadangan ini telah mendapat sokongan dan majlis telah bersetuju mashuarat di-tanggohkan kerana membahath suatu perkara yang mustahak.

Wakil Pulau Pinang Che Dasimah Dasir, menchadangkan:-

> "Bahwa Majlis Mashuarat Agong Ahli2 Perempuan UMNO yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan bahwa hendaklah UMNO Malaya mendesakkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya menarik balek undang2 yang menegahkan ahli2 Kerajaan mengambil bahgian di-dalam perkara siasah."

Chadangan ini telah di-sokong.

Wakil Kuala Lumpur, Che Aishah Ghani memberi uchapan.
Wakil Seberang Perai, Che Zubaidah Azam binti Haji Mohammed Ali memberi uchapan.
Pengrosi mengemukakan chadangan ini bagi di-undi.
Majlis bersetuju dengan suara ramai.

Wakil Kuala Pilah Tunku Kalthom menchadangkan:-

> "Bahwa Majlis Mashuarat Wakil2 Ahli2 Perempuan UMNO yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan bersetuju supaya UMNO/Malaya mendesak Kerajaan tiap2 Negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu mengadakan satu atoran dan peratoran yang kuat, tetap dan sama mengenai tanggongan tiap2 sa-orang Melayu dan Islam di-dalam negeri2 itu terhadap kepada anak2nya sasudah mencheraikan isteri atau ibu anak2-nya itu."

Wakil Kuala Lumpur, Che Aishah Ghani memberi uchapan.
Wakil Seberang Perai, Che Zubaidah Azam, memberi uchapan.
Wakil Kuala Kangsar, Che Rahimah binti Haji Idris, memberi uchapan.
Pengrosi mengemukakan chadangan ini bagi di-undi.
Majlis bersetuju dengan suara ramai.

Wakil Kedah Utara, Che Hasmah binti Radin Budin menchadang dan di-sikong oleh wakil Singapura Che Rosenah Md. Yunus:-

"Bahwa Majlis Mashuarat Wakil2 Ahli2 Perempuan UMNO yang bersidang pada hari ini mendesak UMNO/Malaya supaya tiap2 saorang ahli UMNO yang mempunyai isteri hendaklah mendaftarkan isteri-nya menjadi ahli Kaum Ibu UMNO."

Pengrosi mengemukakan chadangan ini bagi di-undi. Majlis bersetuju dengan suara ramai.

## CHADANGAN DI-TANGGOHKAN

Wakil Pulau Pinang, Che Dasimah Dasir menchadangkan supaya chadangan2 No. 5, 6, 7 dan 8 di-dalam susunan perkara2 Mashuarat Perkara 7 itu di-tanggohkan.

Wakil Kedah Utara Che Halimah binti Haron menyokong. Majlis bersetuju chadangan2 itu di-tanggohkan.

## TANGGOHAN MASHUARAT

Che Aishah binti Abdul Ghani Kuala Lumpur memberi uchapan.
Che Hussainbee Pulau Pinang memberi uchapan.
Che Rajimah binti Mohammed Sulong, Pahang Barat memberi uchapan.
Che Halimah binti Idris, Kota Bharu, Kelantan, memberi uchapan.
Pengrosi memberi uchapan.

MAJLIS DI-TUTOP PADA PUKOL 6.20 PETANG.
MERDEKA

## LAMPIRAN 6

# Minit Perhimpunan Agung Tahunan UMNO ke-19 pada 16 dan 17 Oktober 1954

### PERTUBOHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

### PERINGATAN
### PERSIDANGAN TAHON YANG KE-SEMBILAN MAJLIS MESHUARAT AGONG UMNO, DI-ADAKAN DI-PULAU PINANG, PADA 16 DAN 17 OKTOBER, 1954

YANG HADZIR.

**Pengurusi** – Y.B. Tuan Haji Mohd. Noah bin Omar.

**Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong**

1. Yang Di-Pertua UMNO – Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra.
2. Timbalan Yang Di-Pertua – Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein.
3. Naib Yang Di-Pertua – Y.B. Dr. Ismail bin Dato' Abd. Rahman.
4. Naib Yang Di-Pertua (Pemuda) – Y.B. Enche Sa'adon bin Haji Zubir.
5. Naib Yang Di-Pertua (Perempuan) – Che Khatijah binte Sidek.
6. Pemangku Setia Usaha – Enche Mohd. Yasin bin Dato' Abd. Rahman.
7. Bendahari – Enche Abdul Rahim Kimen.
8. Jawatankuasa Kerja Agong – Y.B. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim.

9. " " " – Enche Bahaman bin Samsuddin.
10. " " " – Y.M. Tuan Syed Ja'afar Albar.
11. " " " – Enche Ghazali bin Jawi.
12. " " " – Enche Abdul Rahman bin Haji Talib.
13. " " " – Y.B. Enche Abdul Aziz bin Ishak.
14. " " " – Y.M. Tuan Syed Nasir bin Ismail.
15. " " " – Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Yunus.
16. " " " – Enche Ali bin Haji Raya.
17. " " " – Y.M. Tuan Syed Harun Alhabshi.
20. " " " – Tuan S.M. Zainol Abidin B.A.

**Pegawai2 Perhubongan UMNO**

1. Negeri Johore – Y.B. Enche Suleiman bin Dato' Abd. Rahman.
2. Negeri Sembilan – Y.B. Enche Abdul Jalil bin Haji Aminudin.
3. Negeri Trengganu – Enche Ibrahim Fikri bin Mohamed
4. Negeri Kelantan – Y.T.M. Tengku Indera Putra.
5. Negeri Perak (Wakil) – Enche Ahmad bin Haji Yusof.

**Wakil2 Tetap Perikatan Pemuda.**

1. Enche Naim bin Sukran.
2. Tuan Haji Ahmad Abdullah Fahim.

**Wakil2 Tetap Ahli2 Perempuan**

1. Puan Aishah binte Ghani.
2. Puan Halimah binte Idris.
3. Puan Dasimah binte Dasir.
4. Puan Safiah bte Hakim.

**Wakil2 Bahgian.**

1. Batu Pahat – Enche Mohd. Noh bin Abdul Manaf.
   Enche Ali bin Haji Yunus.
2. Batang Padang – Enche Abdul Hamid Khan.
   Enche Anwar bin Haji Abubakar.
3. Dindings – Enche Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.
   Enche Mohd. Rafie Al-Bakri.
4. Gopeng/Kampar – Enche Abdul Rahman.
   Enche Ahmad Johan.
5. Hilir Perak – Y.M. Raja Muda ibni Al-Marhom Sultan Abdul Aziz.
   Enche Abdul Aziz bin Haji Mat Jabar.
   Enche Sulaiman bin Bulon.
6. Hulu Perak – Enche Mohd. Shariff Babol.
   Enche Ahmad bin Said.

7. Johore Bahru – Enche Hassan bin Mohamed.
Y.M. Tuan Syed Ahmad bin Idros.
8. Kuala Selangor – Enche Mohd. Sa'ie bin Kulop Arbi.
Enche Baharom bin Lingking.
9. Kuala Lumpur – Enche Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
Enche Hamzah bin Alang.
10. Kuala Langat – Enche Sulaiman bin Ma'arof.
Enche Abdul Rahman bin Mohd. Ariffin.
11. Kuala Kangsar – Enche Khalid Abbas bin Adam.
Enche Sha'ari bin Piai.
12. Kluang – Tuan Haji Ismail bin Hassan.
Enche Ismail bin Tekan.
13. Kedah Utara – Y.B. Tuan Syed Omar Sahabuddin.
Y.M. Tuan Syed Ahmad Sahabuddin.
Tuan Haji Omar bin Haji Ahmad.
14. Kuala Pilah – Enche Abdul Majid bin Abu.
Enche Mohd. Idris bin Matsil.
Enche Abdul Samad bin Idris.
15. Kota Bahru – Enche Abdul Majid bin Haji Mohd. Tahir.
Tuan Nik Hassan bin Nik Yahya.
16. Kedah Tengah – Tuan Lebai Hussein bin Ismail.
Enche Long bin Mohd. Yunus.
17. Krian – Tuan Haji Mohd. Salleh bin Haji Abd. Hamid.
Enche Abdul Rauf bin Abd. Rahman.
18. Kinta – Tuan Haji Mohd. Zain bin Ayoub.
Enche Abdullah Assaid bin Mohd. Ali.
19. Kedah Selatan – Enche Hanafi bin Mohd. Yunus.
Enche Asha'ari bin Ahmad.
20. Kuala Trengganu – Tuan Nik Hassan bin Nik Abd. Rahman.
21. Larut/Matang – Enche Abdul Rahman bin Abdullah.
Enche Mohd. Yusoff bin Hussein.
22. Melaka – Y.B. Enche Jasmy bin Haji Abd. Hamid.
Enche Abdul Karim bin Abu.
Enche Tawy Hamidee.
23. Muar – Enche Suleiman bin Ninam Shah.
Enche Omar bin Haji Zainal.
Tuan Haji Abd. Latiff bin Omar.
24. Mersing – Y.M. Ungku Mohd. Salleh bin Ismail.
Enche Ali Affandi bin Ahmad.
25. Machang – Enche Mohd. Salleh bin Haji Hussein.
Enche Ibrahim bin Muhammad.
26. Pahang Barat – Enche Hussein bin Hassan.
Enche Mohd. Sulong bin Mohd. Ali.
Enche Mohd. Nor bin Suleiman.
27. Pasir Puteh – Enche Mohamed bin Idris.
Tuan Haji Abd. Rahman bin Haji Yusoff.

| | | |
|---|---|---|
| 28. Pahang Timor | – | Enche Wan Abd. Aziz bin Ungku Hj. Abdullah.<br>Enche Mansor bin Osman. |
| 29. Pontian | | Enche Abdullah bin Mohsin. |
| 30. Pahang Selatan | – | Enche Awang Ngah bin Tok Muda Hj. Ibrahim.<br>Enche Yahya bin Haji Mohd. Seh. |
| 31. Perlis | – | Y.B. Enche Salleh Osman.<br>Enche Abd. Malek bin Haji Abd. Ghani. |
| 32. Pulau Pinang | – | Enche Basha Merican.<br>Enche Mohd. Nor bin Ahmad.<br>Enche Ahmad bin Noordin. |
| 33. Parit | – | Tuan Haji Mohd. Zabidi Aman.<br>Enche Mohd. Harun bin Othman.<br>Tuan Megat Zainuddin bin Megat Ahmad. |
| 34. Singapura | – | Y.M. Tuan Syed Ahmad Jamalulil.<br>Enche Abdul Hamid bin Jumat. |
| 35. Seremban | – | Y.B. Dato' Abu Bakar Haji Osman.<br>Y.B. Dato' Haji Mohd. Hanifah Hj. Abd. Ghani |
| 36. Selama | – | Y.M. Raja Lope Shaharuddin.<br>Enche Mohd. Anuar bin Lope A. Shukor.<br>Tuan Haji Hussain bin Haji Yacob. |
| 37. Sabak Bernam | – | Tuan Haji Mustafa bin Haji Abd. Jabar.<br>Enche Mohd. Taiban bin Hassan. |
| 38. Segamat | – | Enche Ahmad bin Haji Abdullah.<br>Enche Elias bin Abu Bakar. |
| 39. Seberang Prai | – | Tuan Haji Ahmad Maliki.<br>Enche Zakaria bin Salleh. |
| 40. Tampin | – | Y.M. Raja Mohd. Salleh bin Raja. A. Rahman.<br>Enche Sulaiman bin Suhor. |
| 41. Tangkak | – | Enche Osman bin Ma'un.<br>Enche Ahmad bin Arshad. |
| 42. Tumpat | – | Enche Othman Mohamed Udin. |
| 43. Ulu Langat | – | Enche Abu Bakar Baginda.<br>Enche Sahabuddin bin Ahmad. |
| 44. Ulu Selangor | – | Enche Abu Hassan bin Haji Said. |

**Ahli2 Bergabong**

| | | |
|---|---|---|
| 1. Seberkas, Kedah | – | Enche Mohd. Khir Johari.<br>Enche Azahari Taib. |

**YANG TIADA HADZIR.**

| | | |
|---|---|---|
| 1. Naib Yang Di-Pertua (Perempuan) | – | |
| 2. Ahli Jawatankuasa Kerja Agong | – | Enche Ismail bin Mohd. Ali. |

**Bahagian 2**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Bentong | 5. | Kota Tinggi | 9. | Pasir Mas |
| 2. | Bachok | 6. | Kelang | 10. | Rembau |
| 3. | Dungun | 7. | Kemaman | 11. | Ulu Terengganu |
| 4. | Jelebu | 8. | Lubok | 12. | Ulu Kelantan |

**Ahli2 Meshuarat Undangan P.T.M.**

PERINGATAN

1. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Yang Di-Pertua UMNO, membuka majlis.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESHUARAT

2. Tuan Pengurusi telah mengemukakan kepada meshuarat:-

   (i) Peringatan Meshuarat Agong yang telah di-adakan di-Alor Star pada 12 dan 13 September, 1953. (K.M 1/9/54).

   (ii) Peringatan Meshuarat Agong Tergempar di-Melaka pada 18 April, 1954. (K.M. 2/9/54).

   Majlis telah bersetuju kedua2 Peringatan Meshuarat itu di-tanggohkan bagi mengesahkan-nya di-dalam meshuarat esok.

UCHAPAN PENGURUSI

3. Tuan Pengurusi, Y.B. Haji Mohamed Noah bin Omar memberi uchapan.

UCHAPAN YANG DI-PERTUA UMNO

4. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Yang Di-Pertua UMNO, memberi uchapan.

MEMBENTANGKAN KERTAS2 MESHUARAT.

5. Pemangku Setia Usaha Agong membentangkan Kertas2 Meshuarat:-

   (i) Penyata Tahon bagi Tahon 1953/54 (K.M. 3/9/54).

(ii) Ikatan Kira2 bagi Tahon 1950, 1951 dan 1952 (K.M. 4/9/54).
(iii) Rang Perolehan dan Perbelanja'an bagi Tahon 1955 (K.M. 5/9/54).
(iv) Rang Undang2 Tuboh UMNO (K.M. 6/9/55).
(v) Rang Peratoran Majlis Perikatan (Pro-tem Alliance Council).

## CHADANGAN2 YANG TELAH DI-BERI TAHU TERLEBEH DAHULU.

## UNDI KEPERCHAYA'AN.

6. Wakil Hulu Perak menchadang:

"Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan menegaskan lagi keperchaya'an penoh kepada Jawatankuasa Kerja Agong UMNO sebagaimana keputusan yang telah di-buat dalam Persidangan Agong UMNO Tergempar di-Melaka pada 18 April, 1954, yang lalu."

Wakil Bahgian Kedah Utara, Tuan Haji Omar bin Haji Ahmad menyokong.

Wakil Bahgian Kota Bahru, Tuan Nik Hassan bin Nik Yahya membangkang.

Wakil Bahgian Melaka Tuan Abdul Karim bin Abu, menyokong bangkangan.

Wakil Bahgian Tumpat, Tuan Othman Mohammad Udin memberi uchapan.

Wakil Bahgian Segamat, Tuan Elias bin Abu Bakar memberi uchapan.

Wakil Bahgian Pahang Selatan, Tuan Awang Ngah bin Tok Muda Haji Ibrahim, memberi uchapan.

Wakil Bahgian Hilir Perak, Tuan Sulaiman bin Bulon memberi uchapan.

Wakil Bahgian Kota Bahru, Tuan Nik Hassan bin Nik Yahya memberi uchapan.

Wakil Bahgian Perlis Tuan Salleh Othman menarek perhatian Pengurusi, kepada uchapan Wakil Bahgian Kota Bahru, yang kata-nya terkelechong sedikit. Tuan Pengurusi menegor Wakil Kota Bahru.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Haji Ahmad Badwi, memberi uchapan.

Wakil Bahgian Perlis, Tuan Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani memberi uchapan.

Wakil Bahgian Larut & Matang, Tuan Mohd. Yusof bin Hussain memberi uchapan.

Wakil Bahgian Batang Padang, Tuan Abdul Hamid Khan, menchadangkan bahathan di-dalam perkara ini di-tutop.

Tuan Pengurusi tiada membenarkan.

Wakil Bahgian Johore Bahru, Tuan Hassan bin Mohamed, memberi uchapan.

Tuan Syed Ja'afar Albar, ahli Jawatankuasa Kerja Agong memberi uchapan.

Wakil Bahgian Dindings, Tuan Zainol Abidin bin Haji Ibrahim menchadangkan bahathan di-dalam perkara ini di-tutop.

Chadangan ini telah mendapat sokongan.

Tuan Pengurusi menyatakan bahathan di-dalam perkara ini di-tutop.

Wakil Hulu Perak (penchadang) menjawab hujjah2.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini kepada majlis.

| | | |
|---|---|---|
| Yang bersetuju | – | 26 suara. |
| Yang tidak bersetuju | – | 59 " |
| Yang tidak mengundi | – | 27 " |

Chadangan ini tidak di-persetujukan.

## DASAR PEMERENTAHAN PARTY.

Wakil Bahgian Johore Bahru, Tuan Hassan bin Mohamed, menchadangkan dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Sabak Bernam, Tuan Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabbar, ia-itu:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu hendak-lah Jawatankuasa Kerja Agong UMNO/Malaya mengishtiharkan kepada orang awam akan dasar Pemerintahan Party dengan segera."

Timbalan Yang Di-Pertua, Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein, mendatangkan pinda'an ia-itu perkata'an "segera" itu di-gantikan dengan perkata'an "Dengan seberapa segera yang boleh".

Naib Yang Di-Pertua (Pemuda), Y.B. Tuan Sa'adon bin Haji Zubir, menyokong pinda'an.

Penchadang menerima pinda'an.

Chadangan itu menjadi chadangan asal.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Naim bin Sukran, memberi uchapan.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan bagi diundi.

| | | |
|---|---|---|
| Yang bersetuju | – | Lebeh ramai. |
| Yang tidak bersetuju | – | 0 |
| Yang tidak mengundi | – | 3 suara. |

Chadangan ini di-persetujukan.

Wakil Bahgian Kinta, Tuan Abdullah Assaid bin Mohd. Ali menchadangkan chadangan (5) yang sekarang menjadi chadangan (3) dari Bahgian Kinta di-tarek balek.

Tuan Pengurusi mengemukakan kepada meshuarat.

| | | |
|---|---|---|
| Yang bersetuju | – | Lebeh ramai. |
| Yang tidak bersetuju | – | 0 |
| Yang tidak mengundi | – | 3 suara. |

MASHUARAT DI-SAMBONG SEMULA PADA PUKOL 2.30 PETANG

---

MESHUARAT DI-SAMBONG SEMULA PADA PUKOL 2.30 PETANG.

PERATORAN MAJLIS SEMENTARA PERIKATAN

Timbalan Yang Di-Pertua menchadangkan,

"Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu:-

LAMPIRAN 6

(1) Menubohkan Anggota Majlis Sementara Perikatan UMNO – MCA seperti yang terkandong di-dalam Kertas Meshuarat Bil: 7/9/54; dan

(2) Majlis ini mengandongi ahli2-nya seperti berikut:-

1. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra.
2. Y.B. Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman.
3. Y.B. Enche Abdul Aziz bin Ishak.
4. Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein.
5. Enche Bahaman bin Shamsudin.
6. Y.B. Enche Sa'adon bin Haji Zubir.
7. Y.T.M. Tunku Indra Putra.
8. Tuan S.M. Zainol Abidin B.A.
9. Enche Ghazali bin Haji Jawi.
10. Y.B. Enche Jasmi bin Haji Abdul Hamid.
11. Enche Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman.
12. Enche Ibrahim Fakri.
13. Enche Abdul Rahman bin Haji Talib.
14. Y.B. Tuan Syed Omar Shahabuddin.
15. Y.B. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim.

Y.B. Enche Sa'adon Zubir, ahli Jawatankuasa Kerja Agong menyokong.

Wakil Bahgian Kuala Pilah, Tuan Idris bin Matsil mendatangkan pinda'an dengan menchadangkan nama tuan Abdul Jalil bin Aminuddin dimasokkan di-dalam Majlis Perikatan itu, sebagai wakil dari Negeri Sembilan.

Wakil Bahgian Hilir Perak menyokong.

Pinda'an itu telah di-terima oleh Jawatankuasa Kerja Agong dengan menarik nama Enche Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman dan di-gantikan pada tempat-nya nama Enche Abdul Jalil bin Haji Aminuddin.

Wakil Bahgian Larut/Matang, Tuan Abdul Rahman bin Abdullah memberi uchapan.

Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim bin Abu menchadangkan supaya bilangan 30 orang ahli Majlis Perikatan itu di-jadikan 35 orang, 20 Melayu dan 15 Cina.

Tiada ada sokongan.

Wakil Kuala Pilah, Tuan Abdul Samad Idris memberi uchapan.

Wakil Bahgian Seberang Prai, Tuan Zakaria Salleh memberi uchapan.

Wakil Bahgian Kota Bahru, Tuan Nik Hassan bin Nik Yahya memberi uchapan.

Wakil Bahgian Singapura, Tuan Syed Ahmad Jamalullil memberi uchapan.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Naim bin Shukran menchadangkan Majlis bersidang sechara Jawatankuasa.

Chadangan ini telah mendapat sokongan.

Majlis telah bersidang sechara Jawatankuasa.

Majlis telah membahath satu persatu Rang Peratoran Majlis Sementara Perikatan.

Timbalan Yang Di-Pertua menchadangkan Majlis bersidang semula.

Y.B. Enche Sa'adon Zubir menyokong.

Majlis bersidang semula.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi diundi.

Chadangan ini telah di-persetuju dengan suara ramai.

## RANG2 UNDANG2 TUBOH

Pemangku Setia Usaha Agong menchadangkan:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu Rang Undang2 Tuboh UMNO saperti kandongan Kertas Meshuarat Bil: 6/9/54 hendak-lah di-rojokkan semula kepada Jawatankuasa Kerja Agong untok menyimak-nya dan menghalusinya dengan berpandu kepada pendapatan2 yang telah di-bentangkan dalam Majlis ini atau pun kepada sebarang Memorandum yang akan di-hantarkan kelak oleh Bahagian2 UMNO tidak lewat dari 30 November, 1954, kepada Jawatankuasa Kerja Agong UMNO/Malaya."

Chadangan ini telah di-sokong.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Naim bin Shukran menchadangkan suatu pinda'an ia-itu di-tambah perkata'an "Pemuda dan Kaum Ibu" kemudian daripada perkata'an "Bahagian2 UMNO".

Pinda'an itu berbunyi:-

> "Bahawa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu Rang Undang2 Tuboh UMNO saperti kandongan Kertas Meshuarat Bil: 6/9/54 hendak-lah di-rojokkan semula kepada Ja-

watankuasa Kerja Agong untok menyemak dan menghalusi-nya dengan berpandu kepada pendapat2 yang telah di-bentangkan di-dalam Majlis ini atau pun kepada sebarang memorandum yang akan di-hantarkan oleh Bahgian2 UMNO, Pemuda dan Kaum Ibu tidak lewat dari akhir December, 1954, kepada Jawatankuasa Kerja Agong UMNO Malaya."

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che Shafiah binte Hakim menyokong.

Jawatankuasa Kerja Agong menerima pinda'an itu.

Chadangan itu telah menjadi chadangan asal.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che Dasimah Dasir, memberi uchapan.

Wakil Seberkas, Kedah, Tuan Azhari Taib mendatangkan pinda'an ia-itu di-tambah perkata'an "dan Pertubohan yang bergabong" selepas perkata'an "Ibu".

Pinda'an ini mendapat sokongan.

Jawatankuasa Kerja Agong menerima pinda'an itu.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan itu bagi di-undi.

| | | |
|---|---|---|
| Yang bersetuju | – | Ramai Suara. |
| Yang tidak bersetuju | – | 0 |
| Yang tidak mengundi | – | 2 suara. |

MESHUARAT DI-TANGGOHKAN HINGGA PUKOL 9 PAGI ESOK.

---

## HARI YANG KE-DUA, 17 OKTOBER, 1954

**YANG HADZIR.**

| | | |
|---|---|---|
| Pengurusi | – | Y.B. Tuan Haji Mohd. Noah bin Omar. |

**Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong**

| | | |
|---|---|---|
| 1. Yang Di-Pertua UMNO | – | Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. |
| 2. Timbalan Yang Di-Pertua | – | Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein. |
| 3. Naib Yang Di-Pertua | – | Y.B. Dr. Ismail bin Dato' Abd. Rahman. |
| 4. Naib Yang Di-Pertua (Pemuda) | – | Y.B. Enche Sa'adon bin Haji Zubir. |
| 5. Naib Yang Di-Pertua (Perempuan) | – | Che Khatijah binte Sidek. |

| | | |
|---|---|---|
| 6. | Pemangku Setia Usaha Agong | – Enche Mohd. Yasin bin Dato' Abd. Rahman. |
| 7. | Bendahari | – Enche Abdul Rahim Kimen. |
| 8. | Jawatankuasa Kerja Agong | – Y.B. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim. |
| 9. | " " " | – Enche Bahaman bin Samsuddin. |
| 10. | " " " | – Y.M. Tuan Syed Ja'afar Albar. |
| 11. | " " " | – Enche Ghazali bin Haji Jawi. |
| 12. | " " " | – Enche Abdul Rahman bin Haji Talib. |
| 13. | " " " | – Y.B. Enche Abdul Aziz bin Ishak. |
| 14. | " " " | – Y.M. Tuan Syed Nasir bin Ismail. |
| 15. | " " " | – Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Yunus. |
| 16. | " " " | – Enche Ali bin Haji Raya. |
| 17. | " " " | – Y.M. Tuan Syed Harun Alhabshi. |
| 18. | " " " | – Tuan S.M. Zainol Abidin B.A. |

**Pegawai2 Perhubongan UMNO.**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Negeri Johore | – Y.B. Enche Suleiman bin Dato' Abd. Rahman. |
| 2. | Negeri Sembilan | – Y.B. Enche Abdul Jalil bin Hj. Aminud-din. |
| 3. | Negeri Trengganu | – Y.B. Enche Ibrahim Fikri bin Mohamed. |
| 4. | Negeri Kelantan | – YTM. Tengku Indera Putra. |
| 5. | Negeri Perak (Wakil) | – Enche Ahmad bin Haji Yusof. |

**Wakil2 Tetap Perikatan Pemuda**

1. Enche Naim bin Shukran.
2. Tuan Haji Ahmad Abdullah Fahim.

**Wakil2 Ahli2 Perempuan UMNO.**

1. Puan Aishah binte Ghani.
2. Puan Halimah binte Idris.
3. Puan Dasimah binte Dasir.
4. Puan Safiah binte Hakim.

**Wakil2 Bahgian.**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Batu Pahat | – Enche Mohd. Noh bin Abdul Manaf.<br>Enche Ali bin Haji Yunus. |
| 2. | Batang Padang | – Enche Abdul Hamid Khan.<br>Enche Anwar bin Haji Abubakar. |
| 3. | Dindings | – Enche Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.<br>Enche Mohd. Rafie Al-Bakri. |
| 4. | Gopeng/Kampar | – Enche Abdul Rahman. |

Enche Ahmad Johan.

5. Hilir Perak – Y.M. Raja Musa ibni Sultan Abdul Aziz.
Enche Abdul Aziz bin Haji Mat Jabar.
Enche Sulaiman bin Bulon.

6. Hulu Perak – Enche Mohd. Shariff Babol.
Enche Ahmad bin Said.

7. Johore Bahru – Enche Hassan bin Mohamed.
Y.M. Tuan Syed Ahmad bin Idros.

8. Kuala Selangor – Enche Mohd. Sa'ie bin Kulop Arbi.
Enche Baharom bin Lingking.

9. Kuala Lumpur – Enche Mohd. Tahir bin Abdul Majid.
Enche Hamzah bin Alang.

10. Kuala Langat – Enche Sulaiman bin Ma'arof.
Enche Abdul Rahman bin Mohd. Ariffin.

11. Kuala Kangsar – Enche Khalid Abbas bin Adam.
Enche Sha'ari bin Fiai.

12. Kluang – Tuan Haji Ismail bin Hassan.
Enche Ismail bin Tekan.

13. Kedah Utara – Y.B. Tuan Syed Omar Sahabuddin.
Y.M. Tuan Syed Ahmad Sahabuddin.
Tuan Haji Omar bin Haji Ahmad.

14. Kuala Pilah – Enche Abdul Majid bin Abu.
Enche Mohd. Idris bin Matsil.
Enche Abdul Samad bin Idris.

15. Kota Bahru – Enche Abdul Majid bin Haji Mohd. Tahir.
Tuan Nik Hassan bin Nik Yahya.

16. Kedah Tengah – Tuan Lebai Hussein bin Ismail.
Enche Long bin Mohd. Yunus.

17. Krian – Tuan Haji Mohd. Salleh bin Haji Abd. Hamid.
Enche Abdul Rauf bin Abdul Rahman.

18. Kinta – Tuan Haji Mohd. Zain bin Ayoub.
Enche Abdullah Assaid bin Mohd. Ali.

19. Kedah Selatan – Enche Hanafi bin Mohd. Yunus.
Enche Asha'ari bin Ahmad.

20. Kuala Trengganu – Tuan Nik Hassan bin Nik Abdul Rahman.

21. Larut/Matang – Enche Abdul Rahman bin Abdullah.
Enche Mohd. Yusoff bin Hussein.

22. Melaka – Y.B. Enche Jasmy bin Haji Abd. Hamid.
Enche Abdul Karim bin Abu.
Enche Tawy Hamidee.

23. Muar – Enche Suleiman bin Ninam Shah.
Enche Omar bin Haji Zainal.
Tuan Haji Abd. Latiff bin Omar.

24. Mersing – Y.M. Ungku Mohd. Salleh bin Ismail.
Enche Ali Affandi bin Ahmad.

25. Machang – Enche Mohd. Salleh bin Haji Hussein.

| | | |
|---|---|---|
| | | Enche Ibrahim bin Muhamad. |
| 26. Pahang Barat | - | Enche Hussein bin Ibrahim.<br>Enche Mohd. Sulong bin Mohd. Ali.<br>Enche Mohd. Nor bin Suleiman. |
| 27. Pasir Puteh | - | Enche Mohamed bin Idris.<br>Tuan Haji Abd. Rahman bin Haji Yusoff. |
| 28. Pahang Timor | - | Enche Wan Abd. Aziz bin Ungku. Hj. Abdullah.<br>Enche Mansor bin Osman. |
| 29. Pontian | - | Enche Abdullah bin Mohsin. |
| 30. Pahang Selatan | - | Enche Awang Ngah bin Tok Muda Hj. Ibrahim.<br>Enche Yahya bin Haji Mohd. Seh. |
| 31. Perlis | - | Y.B. Enche Salleh Osman.<br>Enche Abdul Malek bin Haji Abd. Ghani. |
| 32. Pulau Pinang | - | Enche Basha Merican.<br>Enche Mohd. Nor bin Ahmad.<br>Enche Ahmad bin Noordin. |
| 33. Parit | - | Tuan Haji Mohd. Zabidi Aman.<br>Enche Mohd. Harun bin Othman.<br>Tuan Megat Zainudin bin Megat Ahmad. |
| 34. Singapura | - | Y.M. Tuan Syed Ahmad Jamalulil.<br>Enche Abdul Hamid bin Jumat. |
| 35. Seremban | - | Y.B. Dato' Abu Bakar Haji Osman.<br>Y.B. Dato' Haji Mohd. Hanifah Hj. Abd. Ghani |
| 36. Selama | - | Y.M. Raja Lope Shaharuddin.<br>Enche Mohd. Anuar bin Lope A. Shukor.<br>Tuan Haji Hussain bin Haji Yacob. |
| 37. Sabak Bernam | - | Tuan Haji Mustafa bin Haji Abd. Jabar.<br>Enche Mohd. Taiban bin Hassan. |
| 38. Segamat | - | Enche Ahmad bin Haji Abdullah.<br>Enche Elias bin Abu Bakar. |
| 39. Seberang Prai | - | Tuan Haji Ahmad Maliki.<br>Enche Zakaria bin Salleh. |
| 40. Tampin | - | Y.M. Raja Mohd. Salleh bin Raja A. Rahman.<br>Enche Sulaiman bin Sukor. |
| 41. Tangkak | - | Enche Osman bin Ma'un.<br>Enche Ahmad bin Arshad. |
| 42. Tumpat | - | Enche Othman Mohamed Udin. |
| 43. Ulu Langat | - | Enche Abu Bakar Baginda.<br>Enche Sahabuddin bin Ahmad. |
| 44. Ulu Selangor | - | Enche Abu Hassan bin Haji Said. |

**Ahli2 Bergabong**

| | | |
|---|---|---|
| 1. Seberkas, Kedah | - | Enche Mohd. Khir Johari.<br>Enche Azahari Taib |

**YANG TIADA HADZIR**

1. Naib Yang Di-Pertua (Perempuan) –
2. Ahli Jawatankuasa Kerja Agong – Enche Ismail bin Mohd. Ali.

**Bahgian2.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. Bentong | 4. Jelebu | 7. Kemaman | 10. Rembau |
| 2. Bachok | 5. Kota Tinggi | 8. Lubok | 11. Ulu Trengganu |
| 3. Dungun | 6. Klang | 9. Pasir Mas | 12. Ulu Kelantan. |

**Ahli2 Meshuarat Undangan P.T.M.**

---

## MESHUARAT DI-MULAKAN PADA PUKOL 9.00 PAGI.

Mengesahkan Peringatan Meshuarat (K.M. 1/9/54) yang telah ditanggohkan di-dalam Meshuarat hari pertama.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Dasimah Dasir, menchadangkan dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Hilir Perak, Tuan Sulaiman bin Bulon, Peringatan Meshuarat Agong yang telah di-adakan di-Alor Star pada 12 dan 13 September, 1953 (K.M. 1/9/55), itu di-sahkan.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini kepada Meshuarat.

Meshuarat bersetuju dengan sebulat suara.

Peringatan Meshuarat Agong 12 dan 13 September, 1953, telah disahkan.

Wakil Bahgian Pulau Pinang, Tuan Ahmad bin Noordin menchadangkan dan telah di-sokong bahwa Peringatan Meshuarat Agong Tergempar di-Melaka pada 18 April, 1954 (K.M. 2/9/54) di-sahkan.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini kepada Meshuarat.

Meshuarat telah bersetuju dengan suara ramai.

Peringatan Meshuarat Agong Tergempar pada 18 April, 1954, di-sahkan.

## MELANTEK PEGAWAI2 DAN AHLI2 JAWATANKUASA KERJA AGONG.

Wakil Seberkas, Tuan Azhari Taib, telah meminta kebenaran tuan Pengurusi hendak membawa suatu chadangan

atas perkara yang mustahak, ia-itu chadangan membahath uchapan Yang Di-Pertua.

Wakil Bahgian Kuala Lumpur, Tuan Hamzah Alang menyokong.

Wakil Bahgian Hilir Perak, Tuan Abdul Aziz bin Haji Mat Jabar memberi uchapan.

Tuan Pengurusi mengemukakan kepada Majlis.

| | | |
|---|---|---|
| Yang bersetuju | – | Ramai Suara. |
| Yang tidak bersetuju | – | 4 suara. |

Tuan Pengurusi menetapkan masa bagi pembahathan atas uchapan Yang Di-Pertua itu ia-lah pada pukol 2.30 petang.

## MELANTEK SA-ORANG SHEIKUL ISLAM.

Wakil Bahgian Tumpat Kelantan, Tuan Othman Mohd. Udin menchadangkan dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Pasir Puteh, Kelantan, Tuan Haji Abdul Rahman Haji Yusoff:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan bahwa hendak-lah UMNO/Malaya mendesak Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 Melayu supaya melantek sa'orang Sheikul Islam Persekutuan Tanah Melayu."

Wakil Seberkas, Tuan Azhari Taib membangkang.

Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim bin Abu menyokong bangkangan.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Aishah binte Ghani memberi uchapan.

Wakil Bahgian Perlis, Tuan Salleh Othman memberi uchapan.

Wakil Bahgian Johore Bahru, Tuan Syed Ahmad Idrus, memberi uchapan.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Haji Ahmad Badwi memberi uchapan.

Wakil Bahgian Hilir Perak, Tuan Sulaiman bin Bulon memberi uchapan.

Wakil Bahgian Seberang Prai, Tuan Zakaria Salleh memberi uchapan.

Wakil Sabak Bernam menchadang supaya bahathan di-atas perkara ini di-tutop.

Wakil Hilir Perak, Y.M. Raja Musa ibni Al-Marhom Sultan Abdul Aziz memberi uchapan.

Tuan Pengurusi menutop perbahathan.

Wakil Bahgian Tumpat menjawab hujah2.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi di-undi.

| | | |
|---|---|---|
| Yang bersetuju | – | 14 suara. |
| Yang tidak bersetuju | – | 15 " |
| Yang tidak mengundi | – | 32 " |

Chadangan ini tidak di-persetujukan.

BAYARAN HASIL TANAH.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Naim bin Shukran, menchadang dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Kedah Selatan, Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu mendesak Keraja'an mengechualikan bayaran hasil2 tanah yang di-tinggalkan kerana perentahan dzarurat."

Wakil Bahgian Segamat, Tuan Ahmad bin Abdullah memberi uchapan.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi di-undi.

Chadangan ini di-persetujukan dengan sebulat suara.

KORSI UNTUK KAUM IBU.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Aishah binte Ghani menchadang dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Kedah Selatan, Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu mendesak UMNO/Malaya supaya memberikan korsi2 kepada Kaum Ibu untok ikut bertanding dalam Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu yang akan datang ini."

Wakil Seberkas, Tuan Azhari Taib membangkang.

Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim bin Abu, mendatangkan pinda'an berbunyi:

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu, hendak-lah UMNO/Malaya menchalonkan Kaum Ibu bagi bertanding di-dalam Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu yang akan datang kira-nya di-fikirkan layak."

Timbalan Yang Di-Pertua, Dato' Abdul Razak, bagi pehak Jawatankuasa Kerja Agong menyokong pinda'an itu.

Pinda'an di-terima oleh Jawatankuasa Kerja Agong.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Safiah binte Hakim, memberi uchapan.

Che' Khadijah Sidek, memberi uchapan.

Wakil Ahli2 Perempuan, Che' Dasimah Dasir memberi uchapan.

Timbalan Yang Di-Pertua, Dato' Abdul Razak memberi uchapan.

Naib Yang Di-Pertua, Dr. Ismail memberi uchapan.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Haji Ahmad Badwi memberi uchapan.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Aishah binte Ghani menerima pinda'an Bahgian Melaka.

Chadangan yang di-pinda telah menjadi chadangan asal.

Wakil Bahgian Perlis, Tuan Salleh Othman mendatangkan suatu pinda'an ia-itu di-tambah perkata'an "dan munasabah" pada akhir chadangan itu.

Wakil Bahgian Seberang Prai, Tuan Zakaria Salleh menyokong chadangan Perlis.

Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim bin Abu tiada terima pinda'an itu.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi diundi.

| | | |
|---|---|---|
| Yang bersetuju | – | 12 suara. |
| Yang tidak bersetuju | – | Ramai Suara. |

Pinda'an ini tidak di-persetujukan.
Yang bersetuju dengan pinda'an Melaka = Ramai Suara.
Chadangan ini di-persetujukan.

## KUASA MELANTEK MENTERI BESAR.

Wakil Bahgian Machang, Tuan Ibrahim bin Mohammad menchadang dan Wakil Bahgian Pasir Puteh, Tuan Haji Abdul Rahman Haji Yusoff menyokong:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan bahwa hendak-lah UMNO/Malaya merayu kepada Raja2 Melayu supaya jawatan Menteri Besar bagi tiap2 sabuah negeri itu di-beri kuasa kepada Party2 politic untok memileh-nya."

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Naim bin Shukran menchadangkan dan di-sokong oleh Wakil Ahli2 Perempuan Che' Dasimah Dasir ia-itu perkata'an "merayu" itu di-gantikan dengan perkata'an "memohon" dan perkata'an "atau party2" itu di-buang.

Pemangku Setia Usaha Agong memberi uchapan.

Tuan Ghazali Haji Jawi ahli Jawatankuasa Kerja Agong menchadang pinda'an dan di-sokong oleh Wakil Pahang Barat tuan Mohamad Noor bin Sulaiman demikian:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan hendak-lah UMNO/Malaya memohonkan kepada Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 Melayu ia-itu apakala melantek Menteri Besar pada masa kehadapan hendak-lah berunding terlebeh dahulu dengan Party atau Party2 yang mendapat korsi2 yang lebeh di-dalam Pilehan Raya Majlis Meshuarat Negeri."

Naib Yang Di-Pertua Dr. Ismail memberi uchapan.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi diundi.

Meshuarat telah bersetuju dengan suara ramai. Tidak mengundi 3 suara.

## MELANTEK PEGAWAI2 DAN AHLI2 JAWATANKUASA KERJA AGONG.

Pegawai2 dan ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong yang telah dilantek ia-lah:-

| | |
|---|---|
| Yang Di-Pertua UMNO | – Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. |
| Timbalan Yang Di-Pertua | – Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein. |

| | |
|---|---|
| Naib Yang Di-Pertua | - Y.B. Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman. |
| Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong | - Y.B. Enche Abdul Aziz bin Ishak. |
| " " " " | - Y.B. Tuan Haji Hassan bin Yunus. |
| " " " " | - Y.M. Tuan Syed Nasir bin Ismail. |
| " " " " | - Enche Bahaman bin Shamsudin. |
| " " " " | - Y.B. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim. |
| " " " " | - Enche Ghazali bin Haji Jawi. |

## MESHUARAT DI-TANGGOHKAN HINGGA PUKOL 2.30 PETANG

---

## MESHUARAT DI-SAMBONG SEMULA PADA PUKOL 2.30 PETANG.

Majlis membahath uchapan Yang Di-Pertua.

Wakil Seberkas, Tuan Azhari Taib memberi uchapan.

> "Satu soal yang saya kesal ia-lah berkena'an dengan penjelasan Yang Di-Pertua berkena'an dengan bahathan2 di-dalam Federal Council, satu daripada sharat-nya misti tahu bahasa Inggeris. Tunku mengishtiharkan dengan ini bahasa Inggeris itu suatu bahasa yang di-utamakan ......

"Saya besar hati Yang Di-Pertua menerangkan sikap-nya", kata Tuan Azhari Taib di-antara lain-nya.

Wakil Bahgian Kota Bahru, Kelantan, Tuan Nik Hassan bin Nik Yahya, memberi uchapan, kata-nya, "jika kita membayangkan kelemahan2 kita, musoh2 kita senang sahaja akan menjatohkan kita. Berkena'an dengan bahasa ada-lah perkara ini sangat penting. Berkena'an dengan ekonomi yang di-bayangkan oleh Yang Di-Pertua itu, saya suka membayangkan di-sini Dewan Peniaga'an Melayu Kelantan telah pun meng-adakan Memorandum kepada Keraja'an yang mengandongi renchangan2 untok memajukan orang2 Melayu di-Persekutuan."

Wakil Bahgian Tumpat, Tuan Othman Mohd. Udin memberi uchapan menyokong uchapan2 Wakil Seberkas dan Wakil Kota Bahru, sambil berkata "saya tertarik hati dengan

uchapan Yang Di-Pertua yang memberi amaran, ada di-antara ahli2 UMNO dan pegawai2 yang takut2 di-dalam perjuangan. Ada baik-nya jikalau Yang Di-Pertua menchabar orang2 yang opportunist yang ada di-dalam UMNO.

Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim bin Abu memberi uchapan berkata, Melaka memberi sedikit pandangan berkena'an dengan kelayakkan chalon2. Berkena'an dengan ini saya perchaya pehak musoh akan masok. UMNO akan di-kata mengikut telunjok M.C.A. UMNO telah menjadi Cina dan sebagai-nya.

Wakil Bahgian Kuala Kangsar, Tuan Khalid Abbas bin Adam memberi uchapan, kata-nya uchapan Tunku jikalau kita menang Pilehan Raya kita tidak berkuasa mengubah Perlembaga'an Persekutuan Tanah Melayu.

Wakil Bahgian Pulau Pinang, Tuan Noor Ahmad memberi uchapan berkata, di-dalam Policy Yang Di-Pertua berkena'an Ugama rasa sayu hati.

Uchapan itu menunjokkan bahasa Inggeris di-utamakan, menunjokkan takut memperjuangkan bahasa Melayu. Ini-lah masa UMNO misti mengambil berat memberi tahu bangsa2 lain bahwa bahasa Melayu itu-lah sahaja bahasa Tanah Melayu dan hendak-lah di-amalkan dan di-chari jalan untok memasokkan bahasa Melayu kedalam Majlis Meshuarat.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Naim bin Shukran memberi uchapan, kata-nya, "Perikatan Pemuda memandang berat sekali di-dalam uchapan Yang Di-Pertua itu ia-lah berkena'an dengan pelajaran. Dasar pelajaran di-Tanah Melayu ini semata2 dasar colonial.

Pada masa kita berkuasa menubohkan Keraja'an itu misti-lah kita mengikis dasar itu. Tiada ada suatu dasar pun untok meninggikan pelajaran sekolah Melayu.

Dasar pelajaran itu-lah yang mustahak di-perhatikan supaya dapat di-ubah dasar pelajaran colonial.

Berkena'an dengan petani2 saya tiada nampak suatu dasar yang akan membaiki nasib petani2 dan peladang2.

Wakil Perlis, Tuan Abdul Malek bin Abdul Ghani memberi uchapan, menguatkan apa2 yang telah di-chakapkan oleh setengah2 wakil yang lain.

Wakil2 telah menyebot perkara2 yang mustahak di-antara-nya bahasa Melayu. Berkena'an dengan ini orang2 kita Melayu yang berjawatan tinggi sendiri tidak mautamakan bahasa Melayu tetapi memandang rendah bahasa itu. Saya harap Yang Di-Pertua akan mengambil tindakan supaya tiap2 pembesar dan ahli2 meshuarat hendak-lah menggunakan bahasa Melayu.

Perlis berharap uchapan Yang Di-Pertua yang akan datang lebeh kemas lagi. "Policy2 hendak-lah policy yang betol2 memberi ketugasan yang tepat," kata-nya.

Wakil Sabak Bernam memberi uchapan kata-nya Sabak Bernam berasa sayu hati berkena'an dengan iktisad yang menyebut orang2 Melayu boleh menumpang berniaga.

Wakil Hilir Perak, Tuan Sulaiman bin Bulon, memberi uchapan kata-nya, "Di-dalam uchapan Tunku perkara tegahan kakitangan Keraja'an mengambil bahgian di-dalam politic, perkara ini tiada begitu kemas. Kakitangan Keraja'an di-minta menulis kepada Keraja'an membenarkan mereka mengambil bahgian.

Naib Yang Di-Pertua, Dr. Ismail memberi uchapan kata-nya, saya tidaklah hendak bidas membidas, saya chuma suka hendak memberi pandangan. Dari uchapan wakil2, nampak-nya ada Pilehan Raya Federal itu merdeka-lah Malaya ini. Mereka berkehendakkan, buatkan itu dan buat ini. Wakil Seberkas mengatakan suatu daripada qualification ia-lah mengetahu'i bahasa Inggeris. Dengan ini orang2 opportunist akan mendapat peluang.

Jikalau kita berkehendakkan orang2 yang akan menjadi chalon itu orang yang tahu bahasa Inggeris, kita berkahendakkan di-dalam beberapa tahun ini. Manakala kita Merdeka kelak kita boleh buat beberapa perubahan.

Berkena'an dengan dasar pelajaran, kita tahu dasar pelajaran dasar colonial. Ini kita boleh dapat membaikki dengan "Merdeka" juga.

Berkena'an dengan, iktisad bagi diri saya, saya chadangkan patut di-adakan "Rural Bank". Orang2 Melayu jatoh di-dalam iktisad ia-lah kerana kekurangan wang.

Jangan-lah pandang Pilehan Raya ini dengan pandangan

apabila kita menang Pilehan Raya semua kita boleh buat. Pandang-lah Pilehan Raya ini sebagai satu anak tangga Kemerdeka'an.

Timbalan Yang Di-Pertua, Dato' Abdul Razak, memberi uchapan kata-nya, "Berkena'an dengan memileh, perkara ini sudah-pun di-jalankan di-negeri Johore. Saya menegaskan kuasa memileh chalon itu ia-lah di-tangan Jawatankuasa Kerja Agong bukan di-tangan Perikatan.

Jika Perikatan mendapat kemenangan di-dalam Pilehan Raya akan datang, kita tidak boleh menjalankan apa2 policy yang melanggar per-lembaga'an itu kerana kuasa-nya ada di-tangan Raja2."

Bahathan di-atas uchapan Yang Di-Pertua di-tutop.

Majlis menyambong semula bahathan atas chadangan2.

Wakil Perikatan Pemuda menchadang dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Pasir Puteh Tuan Haji Abdul Rahman Haji Yusoff, ia-itu:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan mendesak UMNO/Malaya supaya mengerahkan kepada tiap2 ahli UMNO dan merayu kepada yang bertimbang rasa dengan UMNO, masing2 serentak menderma sahari pendapatan-nya dari segala peringkat perusahaan-nya untok di-jadi-kan Derma Kemerdeka'an.

Tuan Abdul Rahim bin Kimen, ahli Jawatankuasa Kerja Agong (Bendahari) memberi uchapan.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Safiah binte Hakim memberi uchapan.

Wakil Bahgian Batu Pahat, Tuan Ali Yunos memberi uchapan.

Wakil Bahgian Seberang Prai, Tuan Zakaria Salleh memberi uchapan.

Wakil Bahgian Muar, Tuan Sulaiman Ninam Shah yang menchadangkan pinda-an ia-itu di-tambah perkata'an "dan ahli2 pertubohan yang Bergabong" kemudian dari perkata'an "UMNO" dan sebelum perkata'an "dan merayu .....".

Pinda'an-nya berbunyi:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan mendesak UMNO Malaya supaya mengerahkan kepada tiap2 ahli

> UMNO dan ahli2 Pertubohan Yang Bergabong dan merayu kepada yang bertimbang rasa dengan UMNO, masing2 serentak menderma sahari pendapatan-nya dari segala peringkat perusaha'an-nya untok di-jadikan Derma Kemerdeka'an."

Wakil Bahgian Kedah Selatan, Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus menyokong.

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Dasimah Dasir memberi uchapan.

Naib Yang Di-Pertua (Pemuda) Tuan Sa'adon Zubir memberi uchapan.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi di-undi.

Chadangan (yang berpinda) ini di-persetujukan.

## KAKITANGAN KERAJA'AN DI-DALAM PERGERAKAN SIASAH.

Wakil Ahli2 Perempuan, Che' Dasimah Dasir menchadang dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Pahang Barat, Tuan Mohd. Noor bin Sulaiman:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan bahawa hendak-lah UMNO/Malaya mendesak Keraja-'an Persekutuan supaya menarek balek Undang2 yang menegahkan ahli2 Keraja'an mengambil bahgian di-dalam perkara siasah."

Wakil Bahgian Kluang, Tuan Ismail bin Tekan menchadangkan pinda'an yang berbunyi demikian:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan bahwa hendak-lah UMNO/Malaya mendesak Keraja'an Persekutuan Tanah Melayu supaya menarek balek Undang2 yang menegahkan ahli2 Keraja'an mengambil bahgian di-dalam perkara siasah dan membatalkan tindakan yang sudah di-buat oleh Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan terhadap guru2-nya menegah dari mengambil bahgian di-dalam siasah itu."

Wakil Bahgian Johore Bahru, Tuan Hassan bin Mohammad menyokong.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan (yang berpinda) ini bagi di-undi.

Chadangan ini tidak di-persetujukan.

Naib Yang Di-Pertua (Pemuda), Tuan Sa'adon Zubir menchadangkan pinda'an yang berbunyi:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan bahwa hendak-lah UMNO/Malaya mendesak Keraja'an Persekutuan Tanah Melayu supaya menarek balek Undang2 yang menghadkan Pegawai2 Keraja'an dari bahgian tiga kebawah daripada mengambil bahgian chergas di-dalam perkara siasah."

Tuan Syed Nasir Ismail, ahli Jawatankuasa Kerja Agong UMNO menyokong.

Wakil Bahgian Sabak Bernam, Tuan Mohd. Taiban bin Hassan memberi uchapan.

Wakil Bahgian Batang Padang, Tuan Abdul Hamid Khan menchadangkan pinda'an ia-itu perkata'an "bahgian tiga" itu di-gantikan dengan perkata'an "bahgian dua".

Pinda'an ini telah di-sokong.

Tuan Pengurusi mengemukakan pinda'an ini.

Pinda'an ini tidak di-persetujukan.

Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim Abu memberi uchapan.

Wakil Bahgian Hilir Perak, Tuan Sulaiman bin Bulon menchadangkan pinda'an yang berbunyi:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan bahwa hendak-lah UMNO/Malaya mendesak Keraja'an Persekutuan Tanah Melayu mengechualikan Pegawai2 Keraja'an yang di-dalam bahgian tiga kebawah daripada mengambil bahgian chergas di-dalam perkara siasah."

Wakil Bahgian Ulu Langat, Tuan Shahabuddin bin Ahmad menyokong.

Pinda'an ini di-terima oleh Jawatankuasa Kerja Agong.

Wakil Bahgian Batu Pahat, Tuan Ali Yunos memberi uchapan.

Wakil Bahgian Pahang Barat, Tuan Noor Sulaiman memberi uchapan.

Wakil Bahgian Johore Bahru, Tuan Hassan bin Mohammad memberi uchapan.

Che' Khatijah Sidek, Ketua Ahli2 Perempuan UMNO memberi uchapan.

Yang Di-Pertua, Tuanku Abdul Rahman memberi akuan sanggop akan membawa perkara ini ka-Majlis Meshuarat Kera'an Persekutuan di-Kuala Lumpur.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi diundi.

Majlis bersetuju dengan suara ramai.

## MENAREK BALEK KEPUTUSAN YANG LALU.

Wakil Bahgian Perlis, Tuan Salleh Othman menchadang dan di-sokong oleh Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim bin Abu:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO ini mengambil ketetapan ia-itu bersetuju menarek balek akan keputusan Meshuarat Agong UMNO/Malaya yang telah di-adakan di-Alor Star, tentang menarek diri daripada menjadi Ahli Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu, jika tiada diadakan Pilehan Raya didalam tahon 1954 ini."

Wakil Ahli2 Perempuan UMNO, Che' Dasimah Dasir memberi uchapan.

Wakil Bahgian Melaka, Tuan Abdul Karim Abu memberi uchapan.

Wakil Bahgian Hulu Perak, Tuan Mohd. Shariff Babol memberi uchapan.

Wakil Perikatan Pemuda, Tuan Naim Shukran memberi uchapan.

Wakil Bahgian Kedah Utara, Tuan Haji Omar bin Haji Ahmad memberi uchapan.

Tuan Pengurusi mengemukakan chadangan ini bagi diundi.

Yang bersetuju = Suara Ramai.

## TANGGOHAN MESHUARAT

Pegawai Perhubongan Trengganu, Tuan Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang memberi uchapan.

Che' Aishah Ghani memberi uchapan.

Tuan Othman Mohammed Udin memberi uchapan.

Tuan Zainol Abidin B.A. memberi uchapan.

Tuan Noor Sulaiman memberi uchapan.
Tuan Abdul Karim Abu memberi uchapan.
Che' Khatijah Sidek memberi uchapan.
Y.M. Tuan Syed Haron Al-Habshy memberi uchapan.
Y.M. Tuan Syed Ahmad Jamalullil memberi uchapan.
Tuan Noor Ahmad memberi uchapan.
Yang Di-Pertua UMNO memberi uchapan.
Tuan Pengurusi memberi uchapan.

MAJLIS DI-TUTOP PADA PUKOL 5.45 PETANG.

---

MERDEKA

## LAMPIRAN 7

## Minit Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 4 Jun 1955

PERTUBOHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

PERINGATAN

**PERINGATAN MAJLIS MESHUARAT AGONG UMNO KHAS DI-CHINESE ASSEMBLY HALL, KUALA LUMPUR, PADA 4 JUNE, 1955.**

---

**YANG HADZIR**

Pengurusi – Y.B. Tuan Haji Mohd. Noah bin Omar.

**Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Yang Di-Pertua UMNO | – Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. |
| 2. | Timbalan Yang Di-Pertua | – Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein. |
| 3. | Naib Yang Di-Pertua | – Y.B. Dr. Ismail bin Dato' Abd. Rahman. |
| 4. | Naib Yang Di-Pertua (Pemuda) | – Y.B. Enche Sa'adon bin Haji Zubir. |
| 5. | Bendahari | – Enche Abdul Rahim bin Kimin. |
| 6. | Setia Usaha Agong | – Y.B. Enche Mohd. Khir Johari. |
| 7. | Jawatankuasa Kerja Agong | – Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Yunus. |
| 8. | " " " | – Tuan Haji Ahmad Maliki. |
| 9. | " " " | – Enche Mohd. Ghazali bin Haji Jawi. |
| 10. | " " " | – Y.M. Tuan Syed Nasir bin Ismail. |
| 11. | " " " | – Enche Bahaman bin Shamsudin. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 12. | " | " | " | – Y.B. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim. |
| 13. | " | " | " | – Y.B. Enche Suleiman bin Dato' Abd. Rahman. |
| 14. | " | " | " | – Enche Abd. Rahman bin Haji Talib. |

**Pegawai2 Perhubongan UMNO.**

1. Negeri Trengganu – Y.B. Enche Ibrahim Fikri bin Mohamed.
2. Negeri Sembilan – Y.B. Enche Abd. Jalil bin Hj. Aminuddin
3. Negeri Kelantan – Y.A.M. Tunku Indra Putra.

**Wakil2 Tetap Perikatan Pemuda.**

1. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah Fahim.
2. Enche Naim bin Shukran.

**Wakil2 Tetap Ahli2 Perempuan**

1. Che' Dasimah binti Dasir.
2. Che' Halimah binti Idris.

**Wakil2 Bahgian**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Batu Pahat | – Enche Ali bin Mohd. Yunus.<br>Y.M. S. Mustafa bin Agil. |
| 2. | Bentong | – Enche Mohd. Salleh bin Hj. Mohd. Zain. |
| 3. | Batang Padang | – Enche Hashim bin Gera.<br>Enche Abdul Hamid Khan. |
| 4. | Hilir Perak | – Enche Yahaya Shubban.<br>Enche Abd. Aziz bin Hj. Mat Jabar. |
| 5. | Hulu Perak | – Enche Ahmad bin Said. |
| 6. | Johore Bahru | – Y.M. Tuan Syed Mohamad bin Idros.<br>Enche Awang bin Hassan. |
| 7. | Jelebu | – Enche Ismail bin Abdullah. |
| 8. | Kinta | – Tuan Haji Mohd. Zain bin Ayob. |
| 9. | Kuala Trengganu | – Tuan Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang. |
| 10. | Kuala Langat | – Enche Sulaiman bin Ma'arop. |
| 11. | Kota Bahru | – Y.B. Nik Hassan bin Nik Yahaya.<br>Enche Abdul Hamid bin Mahmud. |
| 12. | Kuala Pilah | – Enche Alias bin Ali.<br>Enche Mohd. Idris bin Matsil. |
| 13. | Kemaman | – Enche Wan Yahaya bin Haji Wan Mohamed.<br>Enche Mohamed Taha bin Embong. |
| 14. | Kluang | – Tuan Haji Ismail bin Hassan.<br>Enche Ismail Tekan. |
| 15. | Kuala Kangsar | – Enche Shaari bin Piai. |

| | | |
|---|---|---|
| | | Enche Khalid Abbas bin Adam. |
| 16. Kuala Selangor | – | Enche Mokhtar bin Dahlan.<br>Y.M. Raja Shahrome bin R.S. Tauphy. |
| 18. Kuala Lumpur | – | Y.M. Raja Mohamed bin Raja Alang.<br>Enche Hamzah bin Alang. |
| 19. Kedah Selatan | – | Enche Hanafi Mohd. Yunus.<br>Enche Asha'ari bin Ahmad. |
| 20. Kedah Timor | – | Enche Shafie bin Abdullah.<br>Tuan Haji Omar bin Haji Ahmad. |
| 21. Klang | – | Enche Mohd. Dom bin Ahmed.<br>Enche Abdullah bin Mohd. Noor. |
| 22. Kinta Selatan | – | Enche Idris bin Hakim.<br>Enche Ahmad Johan. |
| 23. Krian | – | Enche Ahmad bin Haji Yusof.<br>Tuan Haji Shamsuddin bin Haji Ahmad. |
| 24. Machang | – | Enche Ibrahim bin Muhamed. |
| 25. Melaka | – | Enche Abdul Ghafar bin Baba. |
| 26. Muar | – | Y.B. Enche Suleiman bin Ninam Shah.<br>Enche Omar bin Haji Zainal. |
| 27. Mersing | – | Enche Abdul Ghani bin Elias.<br>Enche Ali Affandi bin Ahmad. |
| 28. Mukim IV | – | Enche Masuod bin Hj. Abd. Shukor.<br>Enche Kamisan bin Haji Asha'ari. |
| 29. Pahang Selatan | – | Y.B. Enche Yahaya bin Haji Mohd. Seh.<br>Y.M. Tungku Abu Hassan. |
| 30. Pontian | – | Enche Abdullah bin Mohsin.<br>Enche Mohammad bin Ya'acob Al-Johari. |
| 31. Pahang Barat | – | Enche Hussein bin Hassan.<br>Enche Muhammad Nor Sulaiman. |
| 32. Kedah Utara | – | Y.M. Tuan Syed Ahmad Shahabuddin.<br>Y.M. Tunku Kassim ibni Sultan Abd. Hamid. |
| 32. Pulau Pinang | – | Enche Mohammad Nor bin Ahmad.<br>Enche H.R. Pawanteh. |
| 33. Perlis | – | Enche Salleh Osman.<br>Enche Yusoff bin Abu Bakar. |
| 34. Pasir Puteh | – | Enche Nuawi bin Ismail,<br>Tuan Haji Hassan bin Haji Hussain. |
| 35. Parit | – | Enche Mohamad Harun bin Othman.<br>Enche Megat Zainuddin bin Megat Ahmad. |
| 36. Rembau | – | Enche Othman bin Ma'awa.<br>Enche Abdul Hamid bin Mahmud. |
| 37. Singapura | – | Y.B. Enche Abdul Hamid bin Hj. Jumat. |
| 38. Seberang Prai Selatan | – | Tuan Haji Sulaiman bin Hj. Ahmad.<br>Enche Mohd. Noor bin Hamzah. |
| 39. Seberang Prai Utara | – | Tuan Haji Kadi bin Haji Hassan.<br>Enche Aziz bin Burhan. |

| | | |
|---|---|---|
| 40. | Sabak Bernam | – Y.M. Tuan Syed Hashim bin Syed Ajam.<br>Enche Taiban bin Hassan. |
| 41. | Segamat | – Enche Alias bin Abu Bakar.<br>Tuan Haji Talib bin Ali. |
| 42. | Seremban | – Y.B. Dato' Raja Mohd. Hanifah bin Haji Abdul Ghani.<br>Y.B. Dato' Abu Bakar bin Hj. Osman. |
| 43. | Selama | – Enche Othman bin Abdullah.<br>Tuan Haji Hussain bin Hj. Yacob. |
| 44. | Tangkak | – Enche Osman bin Maun.<br>Enche Ahmad bin Arshad. |
| 45. | Tampin | – Enche Taha bin Talib.<br>Enche Othman bin Dahan. |
| 46. | Ulu Kelantan | – Enche Abdul Khalid bin Ag. Osman. |
| 47. | Ulu Selangor | – Tuan Haji Nordin bin Nawi.<br>Enche Abdul Karim bin Haji Kasim. |
| 48. | Ulu Langat | – Enche Abu Bakar bin Baginda.<br>Enche Mohd. Din bin Mohd. Tambi. |
| 49. | Pasir Mas | – Y.A.M. Tunku Ahmad.<br>Enche Ya'acob bin Awang. |
| 50. | Larut & Matang | – Enche Mohamad Yusof bin Hussein.<br>Enche Abd. Rahman bin Abdullah. |
| 51. | Dungun | – Y.M. Raja Hamzah bin Raja Ibrahim.<br>Enche Abdul Latiff Azmi. |
| 52. | Dindings | – Enche Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.<br>Tuan Haji Mior bin Mohd. Alwi. |

**Pertubohan Bergabong.**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Seberkas, Kedah | – Enche Wan Din bin Mohd. Hashim.<br>Enche Azahari Taib. |

**YANG TIADA HADZIR**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Naib Yang Di-Pertua | – Che Khadijah binti Sidek. |
| 2. | Ahli Jawatankuasa Kerja Agong | – Y.B. Enche Abdul Aziz bin Ishak. |
| 3. | " " " " | – Enche Bashah Merican. |
| 4. | " " " " | – Y.M. Tuan Syed Omar Shahabuddin. |

**WAKIL2 PEREMPUAN**

1. Che' Aishah binti Ghani.
2. Che' Safiah binti Hakim.

**BAHAGIAN2**

1. Kota Tinggi
4. Bachok
7. Kedah Tengah

2. Lubok
3. Pahang Timor
5. Tumpat
6. Ulu Trengganu

---

## MAJLIS MEMBACHA DO'A

1. Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Yunus telah membacha do'a.

## PESANAN PENGURUSI

2. Pengurusi memberi uchapan Selamat Hari Raya kepada para hadzirin sekelian dan pesanan-nya meminta wakil2 di-dalam masa perbahasan di-atas sasuatu chadangan menumpukan hujjah2-nya kepada tajok chadangan itu dan kurangkan perkara2 yang tiada mustahak. Dan mengishtiharkan Persidangan Majlis Meshuarat Agong Khas ini adalah sechara tertutop.

## UCHAPAN YANG DI-PERTUA

3. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Yang Di-Pertua UMNO telah memberi uchapan-nya yang panjang lebar.

## MEMBENTANGKAN KERTAS2 MESHUARAT

4. Setia Usaha Agong UMNO membentangkan kertas2 meshuarat ia-itu:-

| | |
|---|---|
| Kertas Meshuarat Bil: 1/55 | Rengkasan Manifesto Pilehan Raya Federal, dan |
| Kertas Meshuarat Bil: 2/55 | Buku Panduan-nya. |

MESHUARAT DI-TANGGOH-KAN SELAMA 30 MINIT

---

MESHUARAT DI-MULA-KAN PADA JAM 10.45 PAGI.

## CHADANGAN2 YANG TELAH DI-BERI TAHU TERLEBEH DAHULU

5. Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein (Timbalan Yang Di-Pertua) telah membawa chadangan saperti di-bawah ini:-

"Berhubong dengan undi keperchaya'an yang telah berulang2 di-berikan kepada Jawatankuasa Kerja Agong UMNO maka Majlis Meshuarat Agong UMNO Khas yang bersidang hari ini mengambil ketetapan menyokong penoh segala langkah yang telah dan akan di-jalankan oleh Jawatankuasa Kerja Agong dan ahli2 Majlis Ke-bangsa'an Perikatan, bagi bertanding dalam Pilehan Raya Federal yang pertama ini dan mempersetujui kandongan manifesto dan buku panduan saperti yang dibentangkan sebagai Kertas Meshua-rat Bilangan 1/55 dan 2/55".

Enche Ali bin Mohd. Yunos telah menyokong chadangan ini.

Pengurusi mengemukakan kepada meshuarat dengan membacha chadangan yang di-atas ini.

Enche Hashim bin Gera memberi uchapan.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Hashim bin Gera bertanya berkena'an pembaha-gian Chalon2.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Ali bin Mohd. Yunos memberi uchapan.

Enche Ismail Tekan memberi uchapan dan membawa pinda'an di-sokong oleh Megat Zainuddin bin Megat Ahmad ia-itu di-tambah perkata'an "Sa-sudah di-luluskan oleh Me-shuarat Agong Tergempar hari ini" di-akhir chadangan itu.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Naim bin Shukran meminta penerangan atas per-bezaan antara perkata'an "Tergempar" dalam pinda'an itu dengan perkata'an "Khas".

Tuan Setia Usaha Agong memberi uchapan.

Enche Ismail Tekan bersetuju di-tukar perkata'an "Ter-gempar" dalam pinda'an-nya dengan perkata'an "Khas".

Enche Megat Zainuddin bin Megat Ahmad memberi uchapan.

Pengurusi mengemukakan pinda'an ia-itu – "Sa-sudah di-lulus-kan oleh Meshuarat Agong Khas hari ini".

Meshuarat bersetuju sebulat suara.

Y.B. Enche Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman memberi uchapan.

Enche Naim bin Shukran memberi uchapan.

Pengurusi memberi penerangan.

Enche Mohd. Nor bin Ahmad memberi uchapan dan menchadangkan supaya majlis bersidang sechara Jawatan-kuasa di-sokong oleh Enche Abdul Hamid Khan.

Pengurusi memberi penerangan yang panjang lebar.

Enche Mohammad Nor bin Ahmad memberi uchapan.

Y.B. Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman (Naib Yang Di-Pertua) memberi uchapan.

Enche Ismail Tekan memberi uchapan.

Enche Megat Zainuddin bin Megat Ahmad memberi uchapan.

Enche Ali bin Mohd. Yunos memberi uchapan.

Enche Azahari Taib memberi uchapan.

Encik Nik Hassan bin Nik Yahaya memberi uchapan.

Tuan Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang memberi uchap-an.

Enche Alias bin Abu Bakar memberi uchapan.

Y.M. Tuan Syed Nasir bin Ismail memberi ucapan.

Enche Abdul Khalid bin Ag. Osman memberi uchapan.

Enche Masuod bin Haji Abd. Shukor memberi uchapan.

Y.B. Enche Sa'adon bin Haji Zubir (Naib Yang Di-Pertua (Pemuda) memberi uchapan.

Pengurusi memberi penerangan.

Y.M. Tuan Syed Ahmad Shahabudin memberi uchapan dan menchadangkan dan di-sokong oleh Enche Abdullah bin Mohd. Noor ia-itu di-tutop perbahasan atas chadangan itu.

Enche Mohd. Nor bin Ahmad memberi uchapan.

Pengurusi menegor penchadang atas uchapan-nya.

Enche Mohd. Nor bin Ahmad meneruskan uchapan-nya.

Pengurusi mengemukakan chadangan supaya majlis ber-sidang sechara Jawatankuasa kepada Meshuarat.

| | | |
|---|---|---|
| Bersetuju | ... | 32 suara. |
| Tidak Bersetuju | ... | 69 " |
| Tidak mengundi | ... | 6 " |

Meshuarat tidak bersetuju.

Enche Salleh Osman memberi uchapan dan mendatangkan tambahan2 dalam Rengkasan Manifesto.

Y.B. Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Naib Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Y.B. Nik Hassan bin Nik Yahaya memberi uchapan.

Naib Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

MESHUARAT DI-TANGGOHKAN PADA JAM 1.10 TENGAH HARI

---

MESHUARAT DI-SAMBONG SEMULA JAM 2.25 PETANG

Enche Awang bin Hassan meminta penjelasan daripada Jawatan Kuasa Kerja Agong UMNO mengapa tidak di-sebutkan dalam Manifesto akan nama Kebangsa'an Malaya.

Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Awang bin Hassan memberi uchapan.

Enche Yahaya Shubban memberi uchapan dan bertanya pembahagian Chalon antara UMNO, M.C.A. dan M.I.C.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Abdul Latiff Azmi memberi uchapan dan bertanya berkena'an rupa Bendera bagi Malaya Merdeka.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Megat Zainuddin bin Megat Ahmad memberi uchapan dan mendesak di-beri tahu pembahagian Chalon2.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Sha'ari bin Piai memberi uchapan.

Enche Nuawi bin Ismail memberi uchapan.

Enche Hashim bin Gera memberi uchapan.

Che' Dasimah binti Dasir memberi uchapan dan bertanya ada-kah Kaum Ibu yang akan menjadi Chalon.

Enche Mohd. Harun bin Othman memberi uchapan.

Enche Abdullah bin Mohd. Noor memberi uchapan.

Enche Muhammad Nor Sulaiman memberi uchapan.

Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Naib Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Tuan Haji Omar bin Haji Ahmad memberi uchapan.

Enche Abdul Hamid Khan memberi uchapan.

Pengurusi memberi ingatan dan penerangan kepada wakil2 yang bercakap.

Enche Azahari Taib memberi uchapan.

Y.B. Nik Hassan bin Nik Yahaya memberi uchapan.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Enche Azahari Taib memberi uchapan.

Pengurusi memberi penerangan.

Y.B. Nik Hassan bin Nik Yahaya memberi uchapan.

Enche Abdul Hamid Khan memberi uchapan.

Enche Abdul Hamid Khan memberi uchapan.

Enche Mohd. Nor bin Ahmad memberi uchapan.

Y.B. Enche Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman memberi uchapan.

Enche Ahmad bin Said memberi uchapan.

Enche Abdul Khalid bin Ag. Osman memberi uchapan.

Enche Zainal Abidin bin Haji Ibrahim memberi uchapan.

Enche Othman bin Abdullah memberi uchapan.

Enche Yahaya Shubban menchadangkan supaya perbahasan di-tutop.

Pengurusi mengemukakan chadangan menamatkan perbahasan.

Meshuarat bersetuju sebulat suara.

Pengurusi mengemukakan kepada meshuarat chadangan asal yang telah berpinda ia-itu:-

> "Berhubong dengan undi keperchaya'an yang telah berulang2 kali di-berikan kepada Jawatankuasa Kerja Agong UMNO maka Majlis Meshuarat Agong Khas yang bersidang hari ini mengambil ketetapan menyokong penoh segala langkah yang telah dan akan dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja Agong dan ahli2 Majlis Kebangsaan Perikatan, bagi bertanding dalam Pilehan Raya Federal yang pertama ini dan mempersetujui kandongan Manifesto dan Buku Panduan saperti yang di-bentangkan sebagai Kertas Meshuarat Bilangan 1/55 dan 2/55, sasudah di-lulus-kan oleh Meshuarat Agong UMNO Khas ini."

Meshuarat bersetuju dengan sebulat suara.

## MENGADAKAN HADIAH2 PINGAT JASA

Enche Naim bin Shukran membawa chadangan ia-itu:-

> "Bahwa Majlis Meshuarat Agong UMNO Khas yang bersidang pada hari ini mengambil keputusan bersetuju akan mendesak kepada pehak Perikatan UMNO/MCA/MIC supaya mengadakan hadiah2 pingat jasa kepada mereka2 yang telah berjasa bekerja bersunggoh2 berkhorban mempertahankan pehak Perikatan di-dalam perjuangan besar Pilehan Raya Persekutuan yang akan datang ini sahingga mendapat kemenangan."

Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahmad memberi uchapan.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan ia-itu chadangan ini tiada boleh di-bawa kerana menyalahi Undang2 Pilehan Raya.

Enche Azahari Taib memberi uchapan.

Timbalan Yang Di-Pertua memberi uchapan.

Y.B. Enche Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman memberi uchapan.

Enche Naim bin Shukran memberi uchapan.

Enche Abdul Khalid bin Ag. Osman memberi uchapan.

Pengurusi menyatakan chadangan itu tiada boleh di-bahaskan dalam Majlis ini.

## TANGGOHAN MESHUARAT

Enche Taiban bin Hassan memberi uchapan.

Enche Ismail Tekan memberi uchapan.

Enche Naim bin Shukran memberi uchapan.

Enche Salleh bin Osman memberi uchapan.

Y.B. Enche Suleiman bin Ninam Shah memberi uchapan.

Enche Megat Zainuddin bin Megat Ahmad memberi uchapan.

Enche Ali bin Abu Bakar memberi uchapan.

Enche Sha'ari bin Piai memberi uchapan.

Enche Nawi bin Ismail memberi uchapan.

Enche Ibrahim bin Mahmood memberi uchapan.

Tuan Haji Ahmad memberi uchapan.

Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Yunos memberi uchapan.

Y.T.M. Tunku Yang Di-Pertua memberi ucapan.
Pengurusi memberi uchapan menutup.

MESHUARAT DI-TANGGOHKAN PADA PUKOL 5.00 PETANG.

## SURAT KELILING BIL: 5/55

Tuan,

Perkara: **TEGAHAN BERPOLITIK**

Dukachita dima'alomkan bahwa Ibu Pejabat maseh lagi mendapat surat2 daripada ahli2 yang menjadi pegawai dalam Chawangan dan Bahgian kerana Surat Keliling Kerajaan yang melarang Pegawai2 Keraja'an dalam Division III ke-atas daripada mengambil bahgian yang chergas dalam mana2 pertubohan politik.

2). Saya menarek perhatian semua Bahgian dan Cawangan UMNO kepada Surat Keliling Bil: 30/54 bertarikh 23 September, 1954, daripada Yang Di-Pertua Agong UMNO sendiri di-dalam mana ia menasihatkan sekelian Pegawai Keraja'an di-dalam UMNO yang terkena pada larangan ini memohon kebenaran daripada Keraja'an untok meneruskan perkhidmatan mereka sebagai pegawai di-dalam UMNO. Untok menyenangkan bersama2 ini di-kirimkan chontoh surat mohonan itu sebagai pedoman.

3). Biasa-nya Keraja'an akan mengambil masa untuk menimbang perminta'an2 itu tetapi samentara menunggu jawapan resmi daripada Keraja'an maka tiada ada ketegahan bagi pegawai2 itu meneruskan perkhidmatan mereka dalam UMNO dengan sharat mereka tiada melanggar peratoran atau sharat2 yang di-tentukan oleh Keraja'an. Lazim-nya Keraja'an melayankan perminta'an ahli2 UMNO dengan baik dan adil tetapi sekira-nya ada mana2 perminta'an yang tiada mendapat timbangan yang adil daripada Keraja'an di-jemput tulis dengan segera kepada Pejabat ini untok disiasat dan jika perlu dibawa ka-tengah oleh Tunku Yang Di-Pertua Agong UMNO.

4). SJA/YA. Di-harap dengan penerangan Surat Keliling ini segala keraguan atau kebimbangan atas pekara ini dapat di-

hapuskan sama sekali di-dalam kalangan ahli2 UMNO pada hari ini. Jangan-lah hendak-nya ahli2 UMNO menunjok, walau pun pada dzahir-nya, bahwa semangat mereka sudah mula kendur di-sa'at yang genting di-dalam perjuangan menuntut Kemerdeka'an tanahayer kita ini.

MERDEKA

(Mohd. Khir Johari)
SETIA USAHA AGONG UMNO.

Salinan kepada:-

Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong UMNO.
Pegawai2 Perhubongan UMNO.
Pengurusi2 Bahgian UMNO.
Wakil2 Tetap, Perikatan Pemuda.
Wakil2 Tetap, Ahli2 Perempuan.
Pertubohan2 Bergabong.
Setia Usaha Pegawai2 Perhubongan.

## LAMPIRAN 8

### Anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaya 1956

اڠڬوت مجلس کرج ترتيڠڬي امنو ملايا 1956

يڠترامة مليا تڠکو عبدالرحمن فوترا، يڠدفرتوا اڬوڠ امنو ملايا.

يڠبرحرمة داتؤ عبدالرازق بن حسن، تيمبالن يڠدفرتوا اڬوڠ امنو ملايا.

يڠبرحرمة دقتور اسمعيل بن داتوء عبدالرحمن، نأيب يڠدفرتوا.

يڠبرحرمة أ. سعدون بن حاج زوبير، نأيب يڠدفرتوا (ڤرکرڤتن فرايکاتن ڤمودا)

چيء ختيجه صديق، نأيب يڠدفرتوا (قوم ايبو).

أ. سنو بن عبدالرحمن، ستياأوسها اڬوڠ.

أ. عبدالرحيم کيمين، بندهاري.

توان سيد جعفر البار، کتوا ڤنراڠن.

يڠبرحرمة توان شيخ احمد بن هاشيم، اهلي جواتنکواس.

توان سيد ناصير بن اسمعيل، أهلي جواتنکواس.

يڠبرحرمة چيء حلمهتون بنت عبدالمجيد، اهلي جواتنکواس.

يڠبرحرمة توانحاجحسن يونس، اهلي جواتنکواس.

توانحاج احمد ماليکي، اهلي جواتنکواس.

يڠبرحرمة أ. عبدالحميد خان، اهلي جواتنکواس.

يڠبرحرمة أ. عبدالرحمن طالب اهلي جواتنکواس.

يڠبرحرمة أ. محمد خير جوهاري ، اهلي جواتنکواس.

يغبرحرمة أ. بهامن شمس الدين، اهلي جواتنكواس.
يغبرحرمة أ. عبدالحميد بن حاج جومة، اهلي جواتنكواس.
يغبرحرمة أ. سليمان بن داتوء عبدالرحمن، اهلي جواتنكواس.
يغبرحرمة أ. عبدالعزيز اسحاق، اهلي جواتنكواس.

دچيتق اوله دأود فريس، 82، فينڠ ستريةْ، فينڠ - تيليفون 3643.

# فرأشتهارن

# تاريخ كمرديكأن ملايا

بهوا ددالم فرجلانن سجاره مأنسي تيدق أد سوات بغسا فون يڠ بوله مپلامتكن ديريڽ جكلو بغسا أيت برديم ديري مملوق توبه سلملمن.

سده سمستيڽ بغسا أيت هاروس مميليه سوات أنتارا دوا اره — ماجو أتو موندور. أين ترسره كفد كسڠݢوفن دان كسدارن بغسا أيت مڠهدافي فراباهن٢ دان فركمباڠن٢.

منكل رعيت أيت ددالم كأدأن برفواسهاتي دڠن تارف دان كدودوقنڽ يڠأد ملك سنتياساله مريك مراس بيمبڠ أتس سبارڠ فركارا يڠ هاروس ممباوا فرأوباهن. مريك اكن مراس چوريݢا ترهادف سبارڠ لڠكه أتو سسوأرڠ يڠممباوا فيكيران دان فندافت٢ بارو.

تتافي كران سجره مأنسي أداله سجره فرأباهن٢ دان كماجوان أنتوق منچيفتاكن سسوات يڠلبه بايك دان سمفرن، بڠسا يڠ مراس كفواسن تادي أكن تيڠݢل سماكين جاوه كبلاكڠ دان أخرڽ هيلڠ لنپف دان هاڽ أكن دتيمبولكن كمبالي أوله أهل٢ سجاره يڠ أكنداڠ.

كيت أداله أمة برانتوڠ كران بڠسا كيت تله دكرنياكن توهن يڠمهاكواس دڠن كتابهن دان كبرانين.

كيت أداله سوات بڠسا يڠ فرنه منعماتي كبساران دان ممفوڽاي فساك كبڠسأن يڠ ݢبلڠ ݢميلڠ.

سڠݢوهڤون ڤرجلانن سجاره تله منوکرکن نصيب کيت درڤد سوات بڠسا يڠ مرديک دان اَݢوڠ کڤد بڠسا يڠ هينا دان ترجاجه نامون کيت ماسيه تتڤ داڤت ممڤرتاهنکن اَنکره٢ توهن يڠبروڤ کبسارن جيوا، راس کملياٴن. کعاديلن دان سماٴڠت يڠ تيدق داڤت دڤاتهکن، سمنتارا کيت ترتعلوق دباوه ڤنجاجهن لبه دري اَمڤت راتوس تاهون لماڽ.

کنهويله بهوا کيت رعية ملايا اَداله برساتو ڤادو ددالم مقصود کيت منچاڤي کمرديکاٴن سچارا ڤرلمبڠاٴن دان ڤد هاري اين مقصود کيت اَيت تله کيت چاڤيکن.

دزي ايت دڠن نام الله يڠمها ڤوره لاݢي مڠسيهاني، ساي، اتس نام رعية ملايا مڠاٴشتهارکن بهوا کمرديکاٴن ڤنوه ڤرسکتوان تانهملايو (ددالم کومنويلث) منورة ڤرجنجين يڠتله دچاڤي دلندن اکن دلقسناکن ڤد 31 هاريبولن اوݢس تاهون 1957 ڤوهن الله اذينکن.

ملاک 20 هاريبولن ڤبرواري 1956

# LAMPIRAN 9

## Tarikh Penting Dalam UMNO 1946–56

**1946**

| | |
|---|---|
| 1-4 Mac | Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. |
| 11 dan 12 Mei | Persidangan penubuhan UMNO di Istana Besar, Johor Bahru, Johor. |
| Mei | Siri demonstrasi orang Melayu menentang Malayan Union. |
| 29 dan 30 Jun | Perhimpunan agung kedua di Ipoh. |
| 27 dan 28 Julai | Perhimpunan agung ketiga di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang. |

**1947**

| | |
|---|---|
| 10-12 Mac | Perhimpunan agung UMNO di Balai Besar, Alor Setar, Kedah. |
| 1 dan 2 Mac | Perhimpunan agung di Kelab Seremban, Negeri Sembilan. |
| 11 dan 12 Mei | Perhimpunan agung di Kota Bharu, Kelantan. |
| 2-4 September | Perhimpunan agung di Johor Bahru, Johor. |
| 26 dan 27 Disember | Perhimpunan agung di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. |

**1948**

| | |
|---|---|
| 24 dan 25 Januari | Perhimpunan agung UMNO kesembilan di Istana Besar, Johor Bahru, Johor. |
| 23 dan 24 April | Perhimpunan agung di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang. |

**1949**

| | |
|---|---|
| 28 dan 29 | Perhimpunan agung UMNO ke-11 di Balai Rong, Arau, Perlis. |
| 26 Ogos | Persidangan penubuhan Pakatan Pemuda UMNO. |
| 27 dan 28 Ogos | Perhimpunan agung ke-12 di Seberang, Perak. |
| November | Jawatankuasa kerja agung UMNO melantik pegawai kerja [setiausaha kerja] Pakatan Pemuda di Kuala Lumpur. |

**1950**

| | |
|---|---|
| Februari | Krisis Dato' Onn dan Dato' Rahman Ulama dengan DYMM Sultan Kedah dan isu perlantikan timbalan pesuruhjaya tinggi Persekutuan. |
| | UMNO menganjurkan Persidangan Alim Ulama seluruh Tanah Melayu di Muar, Johor. |
| 16 Mei | Pengisytiharan "The Graduate Association" tentang kerakyatan dan tuduhan terhadap Dato' Onn khianat dan belot. |
| 20 dan 21 Mei | Perhimpunan agung UMNO di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. |

| | |
|---|---|
| 10 dan 11 Jun | Perhimpunan agung khas tentang kerakyatan di Kuala Lumpur. |
| 11 Jun | Dato' Onn meletakkan jawatan sebagai yang dipertua UMNO. |
| 27 dan 28 Ogos | Perhimpunan agung tahunan di Kuala Lumpur. |
| **1951** | |
| 11 Februari | Mesyuarat setengah tahun Pemuda UMNO. Dato' Abdul Razak dipilih sebagai ketua pemuda. |
| 25 dan 26 Mac | Perhimpunan agung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.<br>1. Sidang terakhir bagi Dato' Onn.<br>2. Perlantikan YTM Tunku Abdul Rahman Putra sebagai yang dipertua UMNO. |
| 2 November | Rombongan UMNO (Tunku, Dato' Abdul Razak, C.M. Yusof dan Sardon Zubir) menemui Oliver Littleton, setiausaha Tanah Jajahan untuk menuntut kerajaan sendiri dan kemerdekaan kemudiannya. |
| November | Tunku yang dipertua UMNO menghadiri "Asian Congress For World Federation" di Tokyo, Jepun. |
| **1952** | |
| 29 dan 30 Mac | Perhimpunan agung UMNO di Kuala Lumpur yang menuntut kerajaan peralihan dan merdeka dalam tempoh tiga tahun kemudian. |
| 31 Ogos | Lawatan Dr. Victor Purcell yang mengkaji keadaan orang Cina dan |

| | |
|---|---|
| | kaum Melayu tidak diingini oleh UMNO. |
| **1953** | |
| 4 April | Persidangan agung di Melaka menuntut diadakan pilihanraya Persekutuan pada tahun 1954. |
| 14 Ogos | Persidangan pertubuhan Malaya di Johor Bahru yang dihadiri oleh wakil UMNO, PAS, Persatuan Melayu Semenanjung, A dan B, Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, Kesatuan Melayu Singapura, Lembaga Kesatuan Melayu Johor, Kesatuan Melayu Johor dan Malay Graduate Association. |
| 23 Ogos | Konvensyen Nasional anjuran UMNO-MCA, turut dihadiri oleh PAS, Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Semenanjung. |
| 1 November | Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman (UMNO) dilantik menjadi menteri hasil bumi dan H.S. Lee (MCA) menjadi menteri perhubungan. Lantikan ini adalah atas permintaan pesuruhjaya tinggi, nama disyorkan oleh Tunku iaitu sebagai tanda kerjasama UMNO-MCA dengan kerajaan yang ada. |
| **1954** | |
| 1 Februari | Penyata pilihanraya diterbitkan menyandang syor perkataan UMNO-MCA (cadangan A), dan satu ca- |

| | |
|---|---|
| | dangan lagi iaitu (cadangan B), bezanya ialah dalam 'A' ditetapkan 60 ahli dipilih tetapi dalam 'B' hanya 44 orang sahaja. |
| | UMNO mengadakan rapat umum menentang cadangan 'B' di Johor Bahru, Johor. |
| 14 Februari | Majlis Perhimpunan Kebangsaan yang ketiga di Kuala Lumpur. |
| 1 April | Yang dipertua UMNO mengirim kawat protes terhadap kelambatan mengisytiharkan keputusan raja-raja Melayu yang bersidang tentang pilihanraya pada 27 Mac 1954. |
| 13 April | UMNO menerima surat setiausaha Tanah Jajahan yang enggan berbincang dengan wakil Pakatan UMNO-MCA. |
| 18 April | Mesyuarat agung tergempar UMNO di Melaka. Persidangan ini menuntut semua ahli Majlis Mesyuarat dipilih dan menghantar pihak rombongan Perikatan menemui Inggeris di Indonesia. |
| 10 Jun | Surat jawapan Littleton diterima dan Perikatan, menyatakan rayuan Perikatan UMNO-MCA itu ditolak. |
| 11 Jun | Perikatan mengadakan mesyuarat tergempar membincang surat Littleton dan memutuskan memulau dan 'keluar dari kerajaan'. |
| 13 Jun | Mesyuarat jawatankuasa kerja UMNO dan Perikatan yang bertindak balas terhadap ketegangan ke- |

| | |
|---|---|
| | rajaan melaksanakan Kertas Putih tentang pilihanraya, dan Perikatan mengerjakan ahlinya dan lembaga dan institusi kerajaan menarik diri. |
| 14 Jun | Surat Pekeliling UMNO diedarkan memaklumkan pemboikotan semua majlis mesyuarat kerajaan di semua peringkat. |
| 28 Jun | Ibu pejabat UMNO mengarahkan perarakan raksasa menghadap raja-raja negeri masing-masing. |
| 1 Julai | Perarakan besar-besaran di Johor Bahru. Pada jam 11 pagi Tunku dan rombongan Perikatan menghadap Sultan Johor di Dewan Majlis Mesyuarat negeri Johor. Perarakan di Negeri Sembilan diketuai oleh Dr. Ismail. Manakala di Kedah oleh Syed Omar Shahbuddin. |
| 10 Julai | Perarakan memprotes di Kelantan. |
| 11 Julai | Perarakan memprotes di Negeri Sembilan, Pahang dan Perlis. |
| 21 April | Rombongan Perikatan yang diketuai oleh Tunku berangkat ke London. |
| 24 April | Di London, Tunku menerima persetujuan setiausaha Tanah Jajahan untuk bertemu pada 10 Mei. |
| 26 April | Pejabat Tanah Jajahan mengisytiharkan keputusan raja-raja Melayu dengan pesuruhjaya tinggi; 52 ahli majlis mesyuarat Persekutuan dipilih dan 46 dilantik oleh pesuruhjaya tinggi. |
| 10 Mei | Setiausaha Tanah Jajahan, Oliver |

Littleton, meminda tarikh pertemuan kepada 14 Mei.

14 Mei — Rombongan Perikatan menemui Littleton tetapi gagal memenuhi permintaan Perikatan tentang tuntutan 60 kerusi yang dipilih. Littleton tegas dengan keputusan 52 yang dipilih.

23 Mei — Rombongan Tunku tiba di Singapura dan diarah ke Johor Bahru, Johor.

24 Mei — Mesyuarat jawatankuasa kerja UMNO di Kuala Lumpur.

10 Jun — Surat rayuan kepada Littleton dihantar oleh Perikatan.

1 Julai — Pesuruhjaya tinggi Inggeris ingin menemui Tunku pada 2 Julai di Kuala Lumpur.

2 Julai — Wakil pesuruhjaya tinggi menemui Tunku dan Dr. Ismail di Johor Bahru menawarkan lima lagi ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan dilantik oleh pesuruhjaya tinggi untuk berunding dengan ketua parti yang menang.

Pada sebelah malam, pesuruhjaya tinggi itu berunding dengan Tunku, Dr. Ismail dan Kolonel H.S. Lee di sebuah kapal perang di Singapura.

3 Julai — Mesyuarat tergempar jawatankuasa agung UMNO membincangkan dan bersetuju menerima tawaran lima kerusi tambahan daripada ahli yang dilantik; menarik balik pemulauan Majlis Mesyuarat Kerajaan, dan

| | |
|---|---|
| | raja-raja Melayu dan Kerajaan Inggeris diminta bersetuju mengadakan suruhanjaya bagi menggubal perlembagaan baru untuk Tanah Melayu yang merdeka. |
| 7 Julai | Pekeliling UMNO dikeluarkan bagi menerangkan berakhirnya pertikaian dengan kerajaan Inggeris berkenaan dengan isu pilihanraya dan dasar 'non-cooperation'. |
| **1955** | |
| 1 Mac | Pengumuman pilihanraya Persekutuan. |
| 15 Jun | Penamaan calon. |
| 27 Julai | Hari mengundi. |
| 31 Julai | Perasmian bangunan UMNO di Batu Road. [Jalan Tuanku Abdul Rahman], Kuala Lumpur. |
| 26 dan 27 Disember | Persidangan agung UMNO di Kuala Lumpur menetapkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. |
| **1956** | |
| 1 Januari | Rombongan merdeka berlepas ke London melalui pelabuhan Singapura. |
| 18 Januari | Rundingan Merdeka dimulakan di Lancaster House, London. |
| 8 Februari | Perjanjian kemerdekaan di tandatangani. |
| 19 Februari | Rombongan merdeka sampai di Singapura. |
| 20 Februari | Sambutan Rombongan Merdeka di Bandar Hilir, Melaka dan Tunku |

| | |
|---|---|
| | berucap dan membaca pengisytiharan Merdeka. |
| Mei – September | Siri Perjumpaan Ibu Pejabat dan Majlis Kerja Tertinggi dengan UMNO Negeri dan Bahagian, Pemuda, Wanita dan Ketua Penerangan UMNO. |
| 31 Mei | Perjumpaan Pemuda UMNO Pantai Timur, di Kuala Terengganu, Terengganu. |
| 10 Jun | Perjumpaan Pemuda UMNO Utara Malaya di Pulau Pinang. |
| 15 Jun | Perjumpaan Pemuda UMNO Selatan Malaya di Muar, Johor. |
| 15 Julai | Perjumpaan ketua-ketua penerangan UMNO Bahagian dan Negeri. |
| 10 Ogos | Perjumpaan Kaum Ibu Pantai Timur di Kota Bharu, Kelantan. |
| 16 Ogos | Perjumpaan Kaum Ibu Kawasan Utara di Alor Setar, Kedah. |
| 31 Ogos | Perjumpaan Kaum Ibu Kawasan Selatan di Seremban, Negeri Sembilan. |
| 27 September | Perjumpaan ketua dan setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO di Kuala Lumpur. |
| | Perikatan UMNO-MCA-MIC mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Reid. |
| 10 Oktober | Khadijah Sidik, ketua Kaum Ibu dan naib ketua UMNO dipecat daripada UMNO. Jawatan itu dipangku oleh Fatimah Hj. Hashim. |

# BIBLIOGRAFI

Aaronovitch S., 1961, *The Reading Class,* London: Lawrence & Wishart.

Abdullah Hj. Jaafar, 1984, "Al-Imam", Khoo Kay Kim (ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden,* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara.

Abdullah Zakaria, Ghazali, 1982, "Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan,* Persatuan Sejarah Malaysia, cetakan ketiga.

_______________, 1984, "Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", Khoo Kay Kim (ed.) *Sejarah Masyarakat Melayu Moden,* Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Abdul Latif Abu Bakar, *Ishak Hj. Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948,* Kuala Lumpur: University Press.

Abdul Rahman Putra, Tunku, 1971, "Perjuangan UMNO Sesuai dengan Aliran Zaman", dalam *UMNO 20 Tahun,* Kuala Lumpur: UMNO.

_______________, 1948, *Malaysia: The Road to Independence,* Petaling Jaya: Pelanduk.

Ahmad Atory Hussain, 1987, *Kepemimpinan Masa Depan: Berakhirnya Dilema Melayu?,* Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Ahmad Nazri bin Abdullah, 1984, "Undang-undang Tanah Simpanan Melayu", Khoo Kay Kim (ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden,* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara.

_______________, 1985, *Melayu dan Tanah: Tumpuan Khas kepada Tanah Simpanan Melayu,* Media Intelek Sdn. Bhd.

Ahmat Adam, 1976, "Pertumbuhan Kesedaran Sosial Orang Melayu pada Tahun 1920", Kertas Seminar Sejarah Melaka.

Abu Azhari Abu Bakar, 1980, *Perkembangan Pendidikan di Malaysia,* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Abu Bakar Hamzah, (ed.), *PAS Membela Bumiputera di Dalam Parlimen, Besut.*

Alfian, 1976, "Ideologi, Idealisme dan Integrasi Nasional", *Prisma,* Tahun V, Ogos 1976.

*Al-Imam,* 23 Julai 1906.

Andaya, B.W., dan Andaya, L.Y., 1983, *Sejarah Malaysia,* Kuala Lumpur: Macmillan.

Apter, David E., 1977, *Introduction to Political Analysis,* Cambridge, Massachusettes: Winthrop Pub.

Arasaratnam Sinappah, 1979, *Indians in Malaysia and Singapore,* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Arendt, Hannah, 1970, *On Violence,* London: Allen Lane, The Penguin Press.

Awang Had Salleh, 1977, "Institusi Pondok di Malaysia", Zainal Kling (ed.), *Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Perubahan,* Utusan Publication.

Barnes, L.J., 1951, *Report of the Committee on Malay Education, Federation of Malaya,* Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.

Bashir Ahmed Dabla, 1986, "Nationalism and Kashmiri Muslim", dalam M. Ghayasuddin (ed.), *The Impact of Nationalism in the Muslim World,* Kuala Lumpur: Hizbi.

Bottomore, T.B., 1964, *Elite and Society,* Baltimore: Penguin Book.

Burnham, J., 1942, *The Managerial Revolution,* New York.

Caldwell, Malcolm and Mohd. Amin (eds)., 1977, "From 'Emergency' to 'Independence'", *Malaya: Making of a New Colony,* Nottingham: Russel Press.

Chai Hon Chan, 1967, *The Development of British Malaya 1896–1909,* Oxford University Press.

Chamil Wariya, 1988, *UMNO (Baru): Kelahiran dan Perkembangan Awalnya,* Kuala Lumpur: Kay Publishing.

Chandra Muzaffar, 1979, *Protector: An Analysis of the Concept of Practice in Leaders – Led Relation Script Within Malay Soceity,* Pulau Pinang: Aliran.

Cheah Boon Kheng, 1979, *The Masked Comrades: A Study of the Communist United Front in Malaya, 1945–48,* Singapura: Times Books.

______________, 1982, "Evolusi Sebuah Negara Persekutuan Malaysia: Satu Perspektif Sejarah, Zurina Majid (ed.), *Masyarakat Malaysia,* Universiti Sains Malaysia.

______________, 1985, "Asal Usul dan Asas Nasionalisme Malaya", dalam Suntharalingam, R., dan Abdul Rahman Hj. Dasuki,

*Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Chew Hock Thye, 1979, *Masalah Perpaduan Nasional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chovan, R.S., 1973, *Nationalism in Asia*, New Delhi.

Dasuki Hj. Ahmad, Hj., 1979, "Asabiyah dan Kebangsaan", *Dakwah*, November 1979.

Dahl, Robert A., 1961, *Who Governs*, New Haven: Yale University Press.

______________, 1976, *Modern Political Analysis*, Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.

*Edaran Zaman*, 4 Julai 1929.

Emerson, R., 1979, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: Fourth Impression.

Eulau, Heinz, 1963, *The Behavioral Persuasion in Politics*, New York: Random House.

Funston, N.J., 1980, *Malay Politics in Malaysia: A Study of United Malays National Organization*, Kuala Lumpur: Heinemann.

Gerth dan Mills, (ed.), 1957, *From Max Weber*, London: Routledge.

Giddens, Anthony and Held, David, (peny.), 1984, *Classes, Power and Conflict: Classical and Contemporary Debates*, London: Macmillan.

Gullick J.M., 1964, *Malaya*, London.

______________, 1969, *Malaysia*, Longmans.

Hamdan Hassan, 1973, "Sheikh Tahir Jalaluddin Pelopor Pembaharuan Pemikiran Islam di Malaysia", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, September 1973.

Hamli Abd. Latiff, 1985, *Perjuangan Politik Pemuda UMNO*, Kuala Lumpur: Sriwangi Sdn. Bhd.

Hasan Manan, 1964, (ed.), Zabedah Awang Ngah, *Antologi Esei Melayu 1914–1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hayes, C.J.J., 1926, *Essays on Nationalism*, New York: MacMillan.

______________, 1960, *Nationalism: A Religion*, New York.

Ibrahim Mahmood, 1981, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Ibrahim Saad, 1981, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Salleh, 1971, "Perhubungan Antara Kaum di Tanah Melayu 1920–1940", *Mastika*, Februari 1971.

INTAN, 1982, *Negara Kita: Sejarah Pentadbiran dan Dasar-dasar*

*Pembangunan*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
Kalyan Kumar Ghosh, 1977, *Twentieth Century Malaysia*, Progressive Publisher.
Kamaruddin Jaafar, 1980, *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Anda.
Kautsky, John H., 1971, *The Political Consequences of Modernization*, New York: John Wiley Sons.
Kerr, Clark, Dunlop, John T., Harbison, Fredrick, H., dan Myers, Charles A., 1960, *Industrialism and Industrial Man*, Cambridge, Massachusetts: Havard University Press.
Khasnor Johan, 1982, "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan dalam Konteks Kerajaan Penjajah", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
Khong Kim Hoong, 1984, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya*, Kuala Lumpur: INSAN.
Khoo Kay Kim, 1982, "Suasana Politik di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia II", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia.
________________, 1984, "Panji-panji Gemerlapan: Satu Perbicaraan Sejarah", *Historia*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
Khoo Kay Kim & Adnan Haji Nawang, 1984, *Darurat 1948–1960*. Muzium Angkatan Tentera.
Kohn, Hans, 1944, *Idea of Nationalism*, New York.
Kratoska, P.H., "Nasionalisme: Ahli-ahli Sejarah dan Nasionalisme dalam Sejarah", dalam *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
Laswell, Harold, 1958, *Politics: Who Get What, When, How*, New York: Meridan Book.
Leong Yee Peng, 1979, "Permulaan Kesedaran Perburuhan Cina di Tanah Melayu 1920–1940", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
Lukes, Steven, *Kuasa: Satu Pandangan Radikal*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
*Malay Mail*, 11 November 1948.
Means, Gordon P., 1976, *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stonghton.
*Merdeka*, Bil. 118, tahun 9, Februari.
________________, Februari 1980.
________________, Februari 1988.

Michels, R., 1958, *Political Parties*, Glencoe-Illinois: Free Press.

_______________, 1984, *Parti Politik: Kecenderungan Oligarki dalam Birokrasi*, (terjemahan), Jakarta:C.V. Rajawali.

Miller, Harry, 1980, *Prince and Premier*, Eastern University Press (M) Sdn. Bhd.

Mills, C. Wright, 1956, *The Power Elite*, New York: Oxford University Press.

Milne, R.S., & Mauzy, D.K., 1982, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Mingguan Bumi*, 28 Mei 1983.

Minoque, K.R., 1967, *Nationalism*, London.

Mohamad Abu Bakar, 1984, "Islam dan Aspirasi Kebangsaan dalam Masyarakat Melayu Masa Kini", *Malaysia Masa Kini*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Mohd., Mahyiddin, Wan, 1987, *Politik UMNO dan Isu Nasional: Satu Perbahasan*, Petaling Jaya: Pustaka Cipta.

Mohd. Nordin Sopie, 1974, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd. Sarim Hj. Mustajab, 1978, "Neraca, 19 Jun 1915, Penyambung Nafas Al-Imam", *Jurnal Budaya Melayu*, Jilid I, Vol. 3, UKM.

Mohd. Sulaiman, 1928, *Syair Melayu*, Johor Bahru.

Moris, J.V., 1983, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, Singapura: Times Book International.

Mosca, Gaetano, 1939, *The Ruling Elite*, disunting oleh Arthur Livingstone, New York: McGrano Hill.

Muijeni Mamat, 1982, "Sejarah Awal Persekolahan Melayu Pulau Pinang", *Melayu dari Segi Sejarah*, Bil. II.

Nabir Haji Abdullah, 1976, *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934–1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, UKM.

Nazri Abdullah, 1985, "Melayu & Tanah: Tumpuan Khusus kepada Tanah Simpanan Melayu", *Media Intelek*, Petaling Jaya.

Noel, Deliar, 1983, *Pengantar ke Pemikiran Politik*, Jakarta: C.V. Rajawali, edisi baru.

Ongkili, J.P., 1984, "Darurat dan British 1948–1960: Satu Penilaian", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Darurat 1948–1960*, Kuala Lumpur: United Press Sdn. Bhd.

Pareto, V., 1966, *Sociological Writing*, [S.E. Tiner, (ed.)], London: Pall Mall Press.

Parkin, Frank, 1982, *Max Weber*, Sussex: Ellis Harwood.

Parry, Geraint, 1971, *Political Elites*, London: Allen & Unwin.

*Pelita Malaya,* 5 Mac 1946.

________________, 31 Mac 1964.

Pencetak Kerajaan, 1951, *Chinese School and Education of Chinese Malayan, The Report of a Mission Invited by the Federation Government to Study the Problem of Education of Chinese in Malaya,* Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.

Percetakan Kerajaan, 1956, *Self Government for the Federation of Malaya, Report of the Constitution Conference London, January – February 1956,* Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Plamenatz, John, 1971, *Ideology,* London: Macmillan.

Plano, Jack C., dan Greenburgh, 1982, *The American Political Dictionary,* New York: Holt, Rinehart and Winston, edisi keenam.

Plano, Jack C., Riggs Robert E. dan Robin Helenan S., 1985, *Kamus Analisa Politik* (terjemahan edisi S. Siregar), Jakarta: C.V. Rajawali.

Poesthus, R., 1964. *Man at the Top,* New York: Oxford University Press.

Purcell, Victor, 1966, *The Chinese in Southeast Asia,* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Rabushka, Alvin, *Race and Politics in Modern Malaya,* Hoover Institution Press.

Ramlah Adam, 1978, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945–1951,* Kota Bharu: Mohd. Nawi Book Store.

________________, 1987, *Dato' Onn Jaafar: Peranannya di Dalam Politik dan Pentadbiran, Persekutuan Tanah Melayu,* 1895–1962, Kuala Lumpur: Gateway Pub. House.

Ratnam K.R., *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia,* Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

Robertson, David, 1986, *Dictionary of Politics,* Middlesex: Penguin Book.

Roff, W.R., 1967, *Malay Nationalism,* Kuala Lumpur: University Malaya Press.

________________, 1968, "The Persatuan Melayu Selangor: An Early Malay Political Association", *Journal SEA History,* No. 1, March 1968.

Scruton, Roger, 1982, *A Dictionary of Political Thought,* London: Pan Book.

Senu Abdul Rahman, 1971, "Falsafah Perjuangan UMNO", dalam *UMNO 20 Tahun,* Kuala Lumpur: UMNO.

Shafer, Boyd, 1988, *Nationalism: Myth and Reality,* New York.

Shahrom Hussin, 1985, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn*

*Jaafar*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Shaw, William, 1977, *Tun Razak: Riwayat Hidup dan Zamannya*, Kuala Lumpur: Macmillan.

Shellabear, W.G., 1952, *Sejarah Melayu*, Singapura: Malaya Publishing House.

Sheppard, Mubin, 1984, *Tunku: A Pictorial Biography*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Simandjuntak, B., 1985, *Federalisme Tanah Melayu 1945–1963*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

*Singapore Standard*, 2 Oktober 1953.

Smith, A.D., 1971, *Theories of Nationalism*, London.

Smith, T.E., 1955, *Report on the First Election of Members to the Legislation Council of the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur.

Spitz David, 1967, *Political Theory and Social Change*, New York: Artherton Press.

Stockwell, A.J., 1979, "British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942–1948", *Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Monograph No. 8, Kuala Lumpur: Art Printing Works.

*Straits Times*, 10 Ogos 1949.

_______________, 31 Ogos 1951.

Subky Latif, 1983, "PAS Menolak Nasionalisme", *Watan*, 17 Januari 1983.

Suntharalingam, R., dan Abdul Rahman Hj. Ismail, 1985, "Konsep Nasionalisme: Ke Arah Satu Takrif", *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Tregonning, K.G., 1964, *A History of Modern Malaya*, London.

*Utusan Malaysia*, 4 Julai 1980.

*Utusan Melayu*, 3 Februari 1955.

_______________, 19 Jun 1913.

_______________, 28 Julai 1913.

_______________, 12 Mac 1916.

*Utusan Zaman*, Bil. 29, Mei 1940.

Vasil, R.K., 1965, "The 1964 General Election in Malaya", *International Studies*, Vol. 1, No. 1., July 1965.

Wan Hamzah Awang, 1985, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

*Warta Negara*, 6 Mei 1964.

*Watan*, 3 Februari 1979.

_______________, 20–23 Februari 1986.

________________, 20–23 Julai 1986.

________________, 20–23 September 1986.

Max Weber, 1930, *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*, London: Allen and Unwin.

________________, 1961, *General Economic History*, New York: Collins Books.

________________, 1968, *Economy and Society*, [Guenther Roth and Clause Wittich (ed.)], New York: Badminster Press.

Yusuf Ngah, "Malay Nationalism 1945–1957", tesis M.A., University Otago, New Zealand.

Zainal Abidin Wahid, 1977/79, "Semangat Perjuangan Melayu", *JEBAT*, Bil. 7/8, 1977/79.

________________, 1980, *Glimpses of Malayan History*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

________________, 1983, *Sejarah Melayu Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya: Penyambung Lidah Bangsa Melayu*, Jabatan Sejarah UKM.

# INDEKS


A. Lennox Boyd, 77, 84, 358, 366
Abas Mohd Taha, Haji, 115
Abdul Aziz Haji Abd. Majid, 83
Abdul Aziz Ishak, 76, 93
Abdul Ghafar Baba, 412
Abdul Hadi Haji Hasan, 126
Abdul Kadir Shamsuddin, 84
Abdul Karim Rashid, 126
Abdul Majid Haji Mohamad, 28
Abdullah Munsyi, 28
Abdul Rahim Ibrahim, 26
Abdul Rahman, Y.T.M. Tunku, 21, 28-9, 33, 36, 38-44, 46-70, 72-3, 75-87, 92-5, 103 (*n.* 116), 104 (*n.* 127), 134-5, 157-8, 168 (*n.* 1), 169 (*n.* 6), 171, 183 (*n.* 1), 186, 246, 358, 385 (*n.* 2), 400, 403-7
Abdul Rahman Limbong, 398
Abdul Rahman Mohd. Yassin, Y.B. Dato', 20, 22, 26
Abdul Rahman Talib, 76, 93, 103 (*n.* 119)
Abdul Razak Hussein, Dato', Tun, 36, 41, 43, 47, 61, 64-5, 76, 84, 93, 157, 168 (*n.* 1), 187-8, 198, 205, 208, 216, 228 (*n.* 1), 301, 322, 377, 413, 425
Abdul Samad Gol Ahmad Mianji, 108
Abdul Wahab, Dato' Panglima Bukit Gantang, Haji, 20, 51-2, 83, 93, 100 (*n.* 59), 162, 169 (*n.* 10, 11), 245 (*n.* 3), 286, 288 (*n.* 2)
ABIM, 13 (*n.* 6), 109
adat, 38, 74, 90, 213
agama, 7-8, 10, 29, 37, 40, 81, 89-90, 95, 97, 107-8, 111, 115-6, 118, 120-1, 129, 151 (*n.* 2), 170 (*n.* 16), 214, 257, 405
Ahmad Boestamam, 20
Ahmad Fuad Hassan, Haji, 41
akhbar, 263
- *Al-Imam*, 115, 117, 120, 138 (*n.* 27, 44)
- *Dakwah*, 136 (*n.* 7)
- *Lembaga*, 309 (*n.* 2)
- *Lembaga Malaya*, 309 (*n.* 2)
- *Majlis*, 33
- *Malay Mail*, 32, 100 (*n.* 58)
- *Merdeka*, 3-4, 97 (*n.* 1), 98 (*n.* 4-5)
- *Mingguan Bumi*, 136 (*n.* 9)
- *Pelita Malaya*, 139 (*n.* 68)
- *Singapore Standard*, 103 (*n.* 90)
- *Straits Echo*, 32
- *Straits Times*, 32, 102 (*n.* 82), 103 (*n.* 91)
- *Trade Commissioner*, 227
- *Utusan Malaysia*, 136 (*n.* 11)
- *Utusan Melayu*, 42, 102 (*n.* 74), 138 (*n.* 35), 139 (*n.* 65)
- *Warta Kerajaan*, 26
- *Warta Malaya*, 127, 139 (*n.* 62)
- *Warta Negara*, 139 (*n.* 70)

*Vatan*, 136 (*n.* 4, 6), 228 (*n.* 1)
akomodasi, 95, 108
Ali Raya, 206, 219, 278
amalan, 116
ancaman, 126, 128
animisme, 116
antarabangsa, 74
Anthony Smith, 112
anti British, 54
anti feudalisme, 23
Arab, 120
aristokrat, 36, 93, 121, 400
asabiyah, 81, 95, 110
Asia Tenggara, 114
asimilasi, 95
Askar Melayu, Regimen, 31, 193–4, 201–2, 210 (*n.* 4)
autoritarian, 407
autoriti, 8, 10–2

Bahaman Shamsuddin, 76, 93
bahasa, 9, 30, 38–9, 46, 66, 71–3, 81–2, 89–91, 110, 134, 170 (*n.* 16), 174–5, 185 (*n.* 8), 326, 346, 350–1, 377, 401, 405, 419–20
Balai Pustaka, 82, 377, 385 (*n.* 4)
bangsa, 32, 38–9, 41, 77–8, 80, 87, 89, 95, 97, 107–8, 112, 118–9, 120, 124–5, 127, 129, 130–1, 133–4
bangsawan, 122
Bank Negara, 83, 381
Bank of England, 83
bendera, 21, 30, 91, 127
Bintang Tiga, 24, 28, 154, 155 (*n.* 4), 156, 398
biro, 20, 27
    agama, 92
    merdeka, 80
    politik, 26
birokrat, 93
borjuis, 7, 112
Borneo, 83
Bourne, Jeneral, 376
British, 44, 53, 55–7, 62, 74, 77, 80, 83, 85, 91–2, 112, 118, 122, 124, 126, 129, 198, 232, 237, 246, 254, 256, 264, 266, 267 (*n.* 3), 278, 280, 282, 292, 308, 311, 313, 349, 358, 360, 366, 383
    pesuruhjaya tinggi, 19, 65, 75, 155 (*n.* 2–3), 184, (*n.* 5), 198, 202–3, 216, 293, 371, 374, 376, 383, 386
Brunei, 83
budaya, 37, 95, 112, 134
buletin, *Suara UMNO*, 48
bumiputera, 49, 91, 108, 126, 149, 170 (*n.* 16), 198, 224
Burhanuddin, Dr., 81, 372–3
Butterworth, 252

C.P. Means, 52, 55, 66
C.S. Hayes, 110–1, 137 (*n.* 12)
C. Wright Mills, 12
*Central Indian Association of Malaya* (CIAM), 123
*Chambers of Commerce*, 277
Chiang Kai Syek, 366
Chin Peng, 81, 374–5
Cina, 25, 28, 39, 44–6, 48–51, 53, 57, 60–3, 70, 72, 78, 122–4, 129, 131–4, 231–3, 241, 247, 255, 258 (*n.* 1), 267 (*n.* 1), 367 (*n.* 2), 413
cogan kata, 151 (*n.* 3), 198, 212, 246, 250, 268
communities liason committee, 32, 34

darurat, 35, 42–3, 45, 47, 74, 81–2, 131, 168 (*n.* 2), 221, 224, 307, 327, 347, 353, 362, 375–6
Dasar Ekonomi Baru, 91
Dasar Pelajaran Kebangsaan, 82, 377
demokrasi, 13, 31, 72, 74, 80, 166, 233, 261, 282, 366 (*n.* 366)
demonstrasi, 65

Dewan Bahasa dan Pustaka, 82, 136 (*n.* 10–1)
Dewan Negara, 73, 88
Dewan Pertuanan British, 226
Dewan Rakyat, 73, 88
Dewan Undangan Persekutuan, 43
diplomasi, 85
doktrin, 6
Dol Said, 113, 398
dominasi, 16–7, 407
Donald Mac Gillirary, Sir, 65, 75, 84
Dusuki Hj. Ahmad, Hj., 110, 136 (*n.* 7)

*Earl of Lostowel*, 49
ekonomi, 33, 36–7, *50*, *70*, *74*–5, 107–8, 111–5, 120, 123, 127, 170 (*n.* 15), 232, 336, 366
elit, 10, 12–6, 28, 43, 55, 67, 92–3, 96, 110, 113, 121, 401, 406–7
emosi, 111
Empayar
  Johor–Riau–Lingga, 96
  Melaka, 127
  Othmaniah, 112
Eropah, 111–2
*esprit de corps*, 9
etnosentrisme, 112

faham kebangsaan, 77–8, 81, 97, 109, 363
falsafah, 38, 75, 79
*Federal Council*, 274, 276, 279, 301, 305, 374
feudal, 26, 31, 43, 118
Francis Light, 21, 96

G.P. Means, 52, 55, 102 (*n.* 78, 82, 87), 104 (*n.* 132, 135)
gabenor, 117, 129, 151, 387
Gaetano Mosca, 16, 19
Gerald Templer, 44
guru, 94, 107, 400–1, 406

H.S. Lee, Kolonel, 61, 65, 76, 84, 229 (*n.* 2), 293–4, 301, 331
hak, 7, 49–50, 74, 79–80, 89, 91, 97, 107–8, 119, 127, 129, 134, 224, 226, 274, 354
hamba, 112
Hamdan Hassan, 137–8
Hamdi Abdul Latif, 151
Hans J. Margenthau, 10
Hans Kohn, 110, 112, 151
Harold E. Hall, 265
Harold Laswell, 10, 12, 16, 98, 99 (*n.* 36, 44)
Harold Mac Michael, Sir, 129, 148, 152, 155 (*n.* 3)
Hasan Manan, 125–6
Hassan Yunus, Haji, 279
*Hikayat Amir Hamzah*, 96
*Hikayat Muhammad Hanafiah*, 96–7
hubungan, 49, 58, 85
Hussein Onn, 32, 162, 169 (*n.* 12)

Ibrahim Hj. Yaakob, 126–8, 72
idea, 87, 110, 115–6, 120, 125
identiti, 110
ideologi, 6–10, 35, 40, 78–80, 91, 95, 110–1, 119, 408–9
iktisad, 28, 49, 74, 161, 226–7, 256, 352
imej, 109
imigran, 53, 122–3, 129, 246
imigresen, 73, 184 (*n.* 5), 378, 427
India, 39, 50, 53, 70, 78, 81, 90, 122–3, 129, 131–3, 244, 247, 258 (*n.* 1), 267 (*n.* 1), 279, 291, 294–5, 300, 306, 309 (*n.* 1)
Indonesia, 82, 120, 126–8, 135–6
industri, 68, 74, 114, 122–3
infrastruktur, 379
Inggeris, 35, 42–3, 46, 49–50, 53–4, 64, 69, 78, 84, 86, 90, 93, 95–6, 107, 113–4, 117–8, 120–2, 124, 129, 131, 150, 184 (*n.* 3, 6), 267, 398–9
  bahasa, 82
  dasar, 43, 61

Parlimen, 49
penasihat, 83, 85
pendudukan, 86
penjajah, 81, 97, 107
pentadbiran, 30, 115, 117–8
sikap, 42, 44, 54, 119
institusi, 9, 25, 39, 55, 73–4, 77, 120
isbat, 12
Ishak Hj. Muhammad, 20, 129
Islam, xii, 32, 37, 81, 90, 92, 95, 101 (*n.* 66–8), 107–8, 110, 112, 114–6, 119–20, 129, 415
gerakan pembaruan, 115
kebangkitan, 109
kerajaan, 41
negara, 72
organisasi, 40
parti politik, 41
pentadbiran, 40–1
Ismail Dato' Abdul Rahman, Tun Dr., 54, 61, 65, 76, 84, 93, 253, 278, 281, 301, 331

J.W.W. Birch, 113
jawatankuasa
kebajikan orang tahanan Melayu, 230–1
kerja agung UMNO, 187, 235, 252
L.J. Barnes, 45–6
*National Conference*, 263, 281
pendidikan, 46
penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, 29
siasah UMNO, 252
Jepun, 117, 128, 154, 156 (*n.* 4), 244 (*n.* 1), 309 (*n.* 2), 367 (*n.* 2)
John H. Kautsky, 13, 99 (*n.* 32)
John Plamenatz, 6
Johor, 87, 93, 130, 252
Joseph Alois Schumpeter, 13
*jus soli*, 32, 34, 73, 90–1, 129, 131

K.E. Mackanzie, 227
kabinet, 76, 168 (*n.* 2)
Kalyan Kumar Ghosh, 137
Kampung Melayu Raya, 206
kapitalisme, 366 (*n.* 1)
Karl Marx, 6, 18, 112
kaum, 79, 87, 90, 92, 114, 127, 134
hubungan, 46
pergaduhan, 49
perpaduan, 87
Kaum
Bapa, 209, 212–3
Ibu, 163, 168 (*n.* 5), 209, 212–4, 218, 273–4, 275 (*n.* 1)
Muda, 115–9, 115–8, 121
Tua, 115–6, 119
keadilan sosial, 9
keamanan, 74
kebangsaan, 81, 89, 91, 117–8
perhimpunan, 259–60
kebebasan, 74, 89
kebudayaan, 82, 108, 112
Kedah, 86, 93, 96
kedaulatan, 91, 112, 120, 130, 148 (*n.* 2), 184 (*n.* 5), 230, 397
kedudukan, 25, 46, 52, 89–90, 112–3, 122
kejayaan, 75, 85, 115, 117, 119, 135
kekayaan, 122–3, 129
Kelab
Akhbar, 75
Selangor, 75
Sosialis Universiti Malaya, 72
Kelantan, 128, 113
kelas, 52, 65, 112
kelemahan,
kemerdekaan, xiii, 5, 19, 24, 29, 32, 39, 41, 43–4, 48–9, 52–8, 60–1, 66, 69–70, 72, 76–8, 81, 83–5, 87, 90, 93–4, 131, 133, 147, 166, 169 (*n.* 9–10, 13), 176–7, 189, 198, 201, 223, 225, 231, 243, 246–7, 252, 256, 260, 270–2, 274, 276, 283–4, 364, 369, 374, 388, 390, 404–5
kemewahan, 112
kemudahan, 89
kepentingan, 58, 66, 90–1, 110,

113–4, 121–4, 130–1
kepercayaan, 33, 54, 79, 89, 108, 112, 116, 118
keperibadian, 79
kepimpinan, 93, 108, 110
falsafah, 38
krisis, 41
kerajaan, 44, 46, 48–9, 61–3, 75, 77, 81–3, 85, 87–90, 93, 96, 119, 121, 252
kerakyatan, 19, 30, 32, 36, 44, 73, 90–1, 97, 129, 133, 203, 351, 379, 405
kerjasama, 32, 37, 56, 58, 74, 93, 127–8, 131–4, 223, 232, 245 (*n.* 4), 253, 266, 284, 312, 325, 370
Kesatuan
Melayu Muda, 126, 128
Melayu Singapura, 33, 124, 128
Sekerja, 81
kesedaran, 112–4, 117–8, 121–4, 128, 131
keselamatan, 44–5, 83
kesenian, 74, 82
kesetiaan, 126
ketegangan, 112
ketenteraan, 111, 118
keturunan, 110, 119–20
kewangan, 83, 88
kewarganegaraan, 71, 90, 131
kewibawaan, 83
Khalid Awang Othman, 76, 93
Khir Johari, Tan Sri, 93
khemah tahanan, 221
Kolej Melayu Kuala Kangsar, 121 (*lih.* Malay College Kuala Kangsar)
kolonialisme, 3, 111
komunis, 33, 45, 78, 81, 87, 131, 155 (*n.* 4), 204, 229 (*n.* 2), 280, 354 (*n.* 1), 364, 366 (*n.* 1), 375–6, 392, 412, 418, 423, 425
konflik, 12, 17, 36, 52, 56, 94–6, 404
konfrontasi, 135–6, 408, 414, 423
kongres, 128, 130, 148 (*n.* 2), 155 (*n.* 3), 190 (*n.* 1)
konsep, 126–7
konservatif, 7, 48, 198
Kuala Lumpur, 93, 128
Kuala Pilah, 47
kuasa, 31–2, 35–6, 43, 50, 62, 83, 88–90, 96, 111–3, 115, 117, 119, 129–31, 189, 227
krisis, 34, 36, 68, 110
Kristian, 111

L.J. Barnes, 46
Laporan
Jawatankuasa Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, 29
L.J. Barnes, 46
legislatif, 53
Lembaga
Penyelidik Bahasa, 377
Perbandaran, 92–3
Leong Cheong Ling, 61, 302
Leong Yee Fong, 139
Leong Yew Koh, 61, 76, 229 (*n.* 2), 302
liberal, 10, 90, 129
Lim Chong Eu, Dr., 134, 408
London, 83
Lord Reid, 87
luar bandar, 68

Madrasah
Al-Hadi, 115
Al-Masyhur, 115
Mahathir Mohamad, Dato' Seri Dr., 3, 110, 136 (*n.* 11)
Maharaja Lela, Dato', 113
Majlis
Agama Islam, 40
Bandaran, 54, 282
Ekonomi Negara, 168 (*n.* 3)
Eksekutif Johor, 309 (*n.* 2)
Kerajaan Tempatan, 400
Keselamatan Negara, (*n.* 3)
Mesyuarat Agama, 151

Mesyuarat Kerajaan, 76, 161–2, 232
Mesyuarat Kerja Negeri, 19
Mesyuarat Negeri, 75
Mesyuarat Undangan Negeri, 19, 89
Penasihat Perpaduan Negeri, 19, 89
Penasihat Perpaduan Negara, 168 (*n*. 3)
Perbandaran, 38, 52, 92, 400
Raja-raja Melayu, 19, 77
Tindakan Negara, 168 (*n*. 3)
Undang Persekutuan, 42, 50–1, 55, 60–1, 64–5, 68–9, 71–2, 75, 100 (*n*. 55), 102 (*n*. 78, 87), 132, 175, 184 (*n*. 5), 197, 202, 232, 234–6, 253, 263, 276–7, 290, 294, 297, 332, 356, 358, 371
Maktab Perguruan Sultan Idris, 122, 124, 126
*Malay College Kuala Kangsar*, 121, 124
Malaya, 55, 88, 123, 127, 210, 218, 226, 259–60, 292
Malayan, 53, 176–8, 184 (*n*. 6), 247–8, 267 (*n*. 2)
Malayan Civil Service (MCS), 50, 62–3, 174, 184 (*n*. 2–3), 200, 227, 229 (*n*. 5), 314, 353, 405
*Malayan Democratic Union*, 29
Malayan Union, xii, 3, 19, 21–3, 26, 29–30, 33, 35–6, 39, 52, 90, 127, 129–30, 148 (*n*. 2), 151 (*n*. 1–3), 155 (*n*. 1–3), 158, 174, 177–8, 397–9, 402, 406
Malayan Union Association, 123
Malcolm MacDonald, 31–3, 100 (*n*. 60)
manifestasi, 112
manifesto, 70, 72–3, 87–8
maruah, 124, 130
masyarakat, 94–5, 107, 109–11, 113–4, 116–7, 119, 126–7, 135
Max Weber, 12, 16
Melaka, 19, 50–1, 53, 64, 86, 88, 96–7, 208, 230, 244, 254–5
Melayu
adat, 38
bahasa, 30, 46, 66, 71–2, 81–2, 89, 91
definisi, 23, 89
ekonomi, 45, 51, 74, 91
faham kebangsaan, 107
golongan menengah, 401
guru, 107
hak, 25, 36, 38, 42, 49–50, 63, 66, 69, 91, 107–8, 176, 200, 224
kebudayaan, 82, 378
kedudukan istimewa, 25, 89–90
kepentingan, 58, 66, 91
kepercayaan, 116
kerajaan, 53, 97
ketuanan, 58, 97
konflik, 92
maruah, 95, 97, 134
nasionalis, 30
nasionalisme, 18, 28, 95, 107, 109, 112–4, 122, 124–6, 130
peluang pekerjaan, 68, 74–5, 356
pembesar, 52, 54, 69, 118, 238, 243, 248, 287
pemerintahan, 117
pemikiran, 52
pemimpin, 54, 108
pendidikan, 67
pengaruh, 57
perjuangan, 18–9, 24, 39, 48, 75, 105, 107, 155, 397
perpaduan, 18–9, 23, 38, 44, 120
perpecahan, 20, 29
psikologi, 33, 57–8, 62–3, 80, 94–5, 109, 119, 175, 242, 399, 402–3
semangat kebangsaan, 23, 108–10
sentimen, 24, 42

sekolah, 82, 121–2
sikap, 43, 51, 116, 134
tanah simpanan, 39, 62, 67–8, 123
Melayu Deutero, 184
*Melayu Raya*, 126–8
memorandum, 87–8, 131
minoriti, 74
Michel Roberto, 7, 13, 16, 67
modenisasi, 120
Mohamad Abu Bakar, 109, 136
Mohamad Khir Johari, 76
Mohamad Seth Mohd. Said, 83
Mohamad Tun, 96
Mohamad Tunku Besar Burhanuddin, YM Tunku, 21, 93
Mohd. Eunos Abdullah, 124
Mohd. Mahyiddin, Wan, 314
Mohd. Tahir Setia Raja, 27
Muhamad Abduh, 115, 120
Muijeni Mamat, 138
*Municipality Board*, 181, 232
Murtaza Garia, 111–2
Musa Hitam, Datuk, 110, 135

nasionalisme, xi, 9, 18, 24, 53, 79, 95, 107–14, 118–20, 122–6, 130, 136–7, 144, 311–9, 402–3, 409
sebelum perang, 113, 367
takrif, 110, 112
Nasruddin Rais, 208
negara-bangsa, 111
Negeri-Negeri Selat, 115, 117, 123
Negeri Sembilan, 96, 117, 119
neo-Marxist, 7
nilai, 16, 42, 95, 112, 114, 116

Ogward Sprengler, 94
oligarki, 7, 13, 67, 400, 407
Ong Yoke Lin, 76
Onn Jaafar, Dato', 18, 20, 23–6, 28–8, 30–1, 34, 43, 51–2, 55, 57–8, 60, 92, 100 (*n*. 57, 59), 127, 131, 148, 155, 157, 163, 169 (*n*. 9, 13–4), 183 (*n*. 1), 196–7, 238–9, 251, 256, 270, 289, 308–9, 399, 407
Orang Asli, 32
Ordinan Pelajar 1952, 46
organisasi, 26, 37, 40, 82, 87, 92, 95, 108, 110, 130
Pahang, 93, 96, 117, 119
Parlimen, 49, 73, 108, 134, 235, 253, 265, 371
parti
AMCJA, 29–30, 131
Angkatan Pemuda Insaf (API), 29, 91, 130
Angkatan Wanita Sedar (AWAS), 29, 91, 130
Barisan Sosialis Rakyat Tanah Melayu, 408
Bebas, 71
Buruh, 71, 81, 84, 374
Buruh Kebangsaan, 258
Buruh Perak, 85
Buruh Selangor, 210
Buruh Se-Malaya, 254, 294, 341, 374, 415
Hamim, 92
Islam se-Malaysia (PAS), xii, 41, 55, 72, 92, 108–9, 134–6, 209, 408, 415
Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), 20, 29–30, 91 29, 35, 37–8, 51–3, 57, 92, 102, 108, 132, 148, 165, 169, 210, 236–7, 247, 251, 340, 400–4
Kesatuan Melayu Malaya, 126–7, 130
Kesatuan Melayu Muda (KMM), 20, 30, 107–8, 126, 128, 130, 152, 403
Komunis Malaya (PKM), 55, 58, 81, 123, 131, 364, 399
Koumintang, 123
Malayan Chinese Association, 35, 38, 44, 50–2, 54–5, 57,

59–66, 68–71, 76, 80, 87–8, 90–2, 100 (n. 60), 101 (n. (n. 64), 102 (n. 78), 108, 131, 134, 253, 255, 407
Malayan Indian Congress, 38, 70, 90, 108, 131, 342
Negara, 38, 57, 71–2, 108, 374
Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), 29–30, 130
Rakyat, 20, 415
SABERKAS, 20, 415
pelajaran, 108, 175, 177, 205, 232, 352, 441
pembangunan, 70–1, 421
luar bandar, 228
pemberontakan, 113
pembesar, 118
pemerintahan, 73, 87, 117
pemikiran, 5–6, 32, 93, 111, 115
pemimpin, 7, 12–3, 93
Pemuda, 157, 186, 192, 208, 211, 268–9, 271, 273
penaklukan, 112
penduduk, 87, 110–1, 122, 126
penempatan semula, 364
pengaruh, 5, 10–2, 34, 41, 94–5, 108–9, 118, 123
pengundi, 70, 72, 132–5 234, 274, 282, 329, 384, 423
penjajahan, 25, 30, 78, 111, 117–8
penindasan, 111
pentadbiran, 38, 70, 84, 115, 117–9, 129
Perak, 96, 113, 117, 122, 128, 130
Perang Dunia Kedua, 126, 128, 145, 148
Perang Naning, 113
percantuman, 83, 87
peribumi, 91, 97
Perikatan, 38, 55, 57, 60, 64–6, 68, 72–4, 76–8, 80–3, 87–9, 109, 131, 133–5, 211, 229, 234, 254, 276, 283, 293–5, 340, 363, 370, 372, 375–7, 388–9, 400, 436
perjanjian, 22–3, 52, 63–4, 129
perjuangan, 38–9, 79–80, 87, 91, 93, 109, 111, 113, 120, 130
perkauman, 56, 86, 88, 131
perkembangan, 82, 111, 114, 121–2
perkhidmatan, 31, 74, 82, 85, 89
Perlembagaan, 3, 7, 20, 22, 25–7, 30–2, 34, 36, 53, 55–6, 60–1, 72, 80–1, 84–5, 87, 90, 108, 131, 170, 210, 252, 262, 266, 271, 301–2, 309, 388, 405
perpaduan, xii, 29, 32, 35, 37, 44, 49, 56, 58, 69, 73, 87–8, 90, 92, 94–5, 107, 110, 120, 124, 240
Persatuan
Melayu Melaka, 128
Melayu Negeri Sembilan, 119, 124, 128
Melayu Pahang, 119, 124–5, 128
Melayu Perak, 119
Melayu Sabak Bernam, 159
Melayu Selangor, 119, 124, 128
Melayu Singapura, 40, 119
Persetiaan Melayu, 55
Sahabat Pena, 125–6
Siasah, 260
Ulama se-Malaysia, 40–1
Wartawan Singapura, 61
Persekutuan Tanah Melayu, 19, 23, 29, 34, 40–1, 51–2, 63, 72, 83, 86, 89, 97, 129–30, 145, 174, 225, 268, 304, 359, 369, 389
kewarganegaraan, 32
penubuhan, 36
perjanjian dikaji semula, 365
perjanjian ditandatangani, 155, 194
persepsi, 37–8
persidangan, 25, 54, 57, 231, 233, 237, 251
pertahanan, 83, 382
pertanian, 121, 123
pertukangan, 121
Pertubuhan
Kebangsaan Melayu Bersatu,

79, 158, (*lih.* UMNO)
Sosial Melayu, 254, 278, 283
perwakilan kebangsaan, 301
petempatan, 111
pilihanraya, xii, 13, 38, 44, 47-8, 50-7, 60-1, 63-4, 66, 69-70, 72, 75, 80-1, 88, 93, 132-5, 168, 181, 209-10, 221, 228, 233-5, 237, 239, 252, 254-5, 263, 273-6, 278-9, 281, 291-2, 297-9, 304, 306-7, 360, 371-2, 387, 407
politik, 4-5, 10, 18, 20, 29-30, 32, 34, 36-7, 42, 45, 48, 50, 52, 59-60, 64, 66, 70, 79, 81, 83, 87-8, 90-2, 94-5, 97, 107-8, 110-5, 117-20, 122, 124-7, 130, 134, 161, 232, 254, 268, 270, 273, 278, 304, 331, 398, 400-2, 406, 408, 417
pendirian kerajaan, 417
strategi, 30, 55
teori dan konsep, xi-ii, 6, 10, 12, 16, 407
psikologi, 12, 16, 33, 45, 399, 406
Pulau Pinang, 86, 88, 96, 115-6, 125, 369, 389

Queen, 359-64, 369, 374, 381, 437
*quid pro quo*, 33, 60, 405

raja-raja Melayu, 19, 12-5, 31-9, 51, 55, 58, 63, 65, 73-4, 77, 83, 85-6, 91, 118-20, 127-31, 148, 155, 175, 178, 234, 256-7, 264-6, 276, 301, 303, 350, 352, 361, 388-9, 398, 405, 438
Rancangan Malaysia I dan II, 228
Razaleigh Hamzah, Tengku, 110
realiti, 6, 107
Regimen Askar Melayu, 31
revolusi, 53, 111
RIDA, 82, 148, 179, 379
Robert Dahl, 10
Roberts Michels, 7, 13, 16
Roger Scruton, 6
Rombongan Merdeka, 85
Rundingan
Meja Bulat, 252, 254
Merdeka, 85
Rusia, 112, 366

Sabah, 135, 429, 434
Salleh Othman, 20
Sarawak, 83, 428, 434
Sardon Jubir, Tan Sri, 26, 41, 43, 54, 76, 93, 157, 187, 198, 216-7, 233, 268, 278
Seberang Perai, 46
sejarah, xi, 5, 36, 43, 53, 86, 95-7, 107-8, 110, 112, 126
*Sejarah Melayu*, 96
sekolah, 46, 67, 74, 82, 91, 120, 122, 134
sekular, 10, 108, 111
Selangor, 96, 119, 122
semangat, xi, 36, 42, 75, 87, 90-3, 96, 108-10, 112-3, 278
sentimen, 42, 108
Senu Abdul Rahman, Dato', 79, 95, 403
Setiausaha Tanah Jajahan, 252, 344, 358
Siam, 96
sikap, 56-7, 62, 90-2, 112, 116, 119, 134
simbol, 9, 86, 95
Singapura, 83, 86-7, 115, 117, 122, 124, 129, 159, 207, 252, 286, 369, 378, 383, 389-90, 426, 428
slogan, 43, 47, 53, 92, 95, 108, 188
sosial, 34, 37, 90, 107, 111-2, 114-6, 120, 124
sosioekonomi, 9
status, 3, 5, 7, 107, 405
Steven Lukes, 10, 299
Sulaiman Dato' Abdul Rahman, 76, 93
Sulaiman Mat Darus, 2
Sulaiman Palestin, 110
sultan, 39, 50, 113, 115-8, 120, 126,



20 NOV. 1993

129–30, 205, 227, 380
Suruhanjaya
Bebas, 85, 364, 367, 386, 388
Perlembagaan, 85, 87
Reid, xii, 87–8, 436
Syed Ahmad Al-Hadi, 115
Syed Ahmad Al-Sagoff, 207
Syed Nasir Ismail, 54, 253
Syeikh Salim Al-Kilali, 115
Syeikh Tahir Jalaluddin Al-Azhari, 115

Taiping, 126
tamadun, 112
Tan Cheng Lock, Dato' Sir, 33, 35, 52, 64, 232, 253, 326, 400, 404
Tan Siew Sin, 61, 302
Tanah Melayu, 32–3, 43, 45, 49, 51, 54, 57, 61–2, 73–4, 77, 80–1, 84–92, 97, 114, 117–8, 123, 126–7, 135, 240, 246, 262
Timur Tengah, 115, 120
tradisi, 90, 110, 119–20
tradisional, 92, 113, 115
Tuk Janggut, 113, 398
tuntutan, 110, 128

ulama, 40–1, 107, 112, 115–6, 120, 170, 197
UMNO, xi–iii, 3–5, 20–4, 26–9, 31–8, 40–8, 50–8, 60–70, 73, 75–6, 78–81, 87–8, 90–6, 100, 108–10, 127–33, 145, 148–9, 152, 157, 159, 162, 164–5, 174, 186–90, 192, 198, 205–8, 212, 214–5, 217–20, 223–4, 230–1, 236, 238–9, 243–4, 246, 248–9, 251–2, 255, 268–71, 273–4, 276, 279, 281–3, 286, 289–90, 293, 296, 299, 301, 308, 314, 318, 322–3, 335, 349, 356–7, 368–70, 373–4, 397, 399–404, 407, 476
undang-undang, 74, 123, 165, 178, 199, 203, 209, 265–6, 280
United Kingdom, 85

V.T. Sambanthan, 76
Victor Purcell, Dr., 49
Vilfredo Pareto, 12, 16
visi, 36

wakil rakyat, 73, 203, 365
warganegara, 19, 25, 32, 43, 56, 74, 79, 97, 129, 131, 178, 204, 398, 405, 408, 444
Yang di-Pertuan Agong, 73, 88
Za'aba, 287
Zain bte Sulaiman, Hajah (Ibu Zain), 157